JUZU' KE-6

SURAH AL-MAI'DAH

SURAH KE

5

SURAH AL-MA'IDAH

Surah Hidangan

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

120

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Al-Qur'anul-Karim ini diturunkan ke dalam hati Rasulullah s.a.w. untuk melahirkan satu umat, membangunkan sebuah negara, menyusun sebuah masyarakat, mengasuh dan mendidik hati nurani, budi pekerti dan akal fikiran, seterusnya untuk mengatur hubungan-hubungan dalaman masyarakat itu, mengatur hubungan negara itu dengan negara-negara yang lain seluruhnya, mengatur hubungan umat itu dengan berbagai umat yang lain dan mengikatkan semua hubungan-hubungan itu dengan satu ikatan yang kuat, di mana semua bahagiannya yang berselerak dikumpul dan dipadu, disusun dan diatur dengan rapi dan semuanya diikat pada satu sumber, satu kuasa dan satu arah. Itulah agama mengikut hakikatnya di sisi Allah dan mengikut sebagaimana ia dikenali oleh kaum Muslimin semasa mereka muncul sebagai kaum Muslimin.

Oleh sebab itulah kita dapati di dalam surah ini - sebagaimana kita dapati dalam tiga surah yang panjang sebelumnya - berbagai-bagai maudhu' pembicaraan dan yang menjadi tali pengikatnya ialah matlamat asasi yang seluruh Al-Qur'an digemblengkan untuk merealisasikannya, iaitu matlamat melahirkan satu umat, membangunkan satu negara, menyusun sebuah masyarakat di atas landasan 'aqidah yang khusus, kefahaman dan pandangan yang tertentu dan di atas satu struktur yang baru, dan yang menjadi pokok dalam struktur ini ialah 'aqidah tauhid yang menjadikan Allah S.W.T. Yang Maha Esa satu-satunya yang berhak memegang teraju pengurusan, pentadbiran dan kekuasaan dan di samping itu seluruh sistem hidup, undang-undang dan peraturan, neraca-neraca ukuran dan nilai-nilainya adalah diambil dari Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu.

Begitu juga kita dapati dalam surah ini pembicaraan-pembicaraan untuk menegakkan kefahaman i'tiqad yang dijelas dan dibersihkan dari dongeng-dongeng wathaniyah/paganisme (الوثنية) dan penyelewengan-penyelewengan kaum Ahlil-Kitab dan ubah pinda mereka di samping membuka mata dan menyedarkan kelompok Muslimin terhadap hakikat diri mereka, hakikat peranan mereka dan tabi'at jalan perjuangan mereka yang penuh dengan lubang-lubang gelincir, duri-duri dan jerat-jerat yang dipasang oleh musuh-musuh mereka dan musuh-musuh agama Islam dan di samping mengemukakan hukum, syi'ar-syi'ar ibadat yang membersihkan jiwa individu Muslim dan jiwa kelompok Muslimin dan mengikatkan mereka dengan Allah serta menghuraikan peraturan-peraturan kemasyarakatan yang mengatur perhubungan-perhubungan masyarakat mereka dan undang-undang antarabangsa yang mengaturkan hubungan negara mereka dengan lain-lain negara, juga mengemukakan undang-undang yang menghalal dan mengharam beberapa jenis makanan, minuman dan pernikahan atau beberapa ragam perbuatan dan kelakuan. Semuanya merupakan seberkas persoalan yang dimuat dalam satu surah yang menggambarkan konsep agama sebagaimana yang dikehendaki Allah dan sebagaimana yang difahamkan oleh kaum Muslimin semasa mereka muncul sebagai kaum Muslimin.

Tetapi cara gaya pernyataan Al-Qur'an - sebagaimana dapat dilihat dalam surah ini dan Surah Aali 'Imran dan an-Nisa' sebelum ini - tidak berpada dengan pengertian secara tersirat ini sahaja yang difaham dari tujuan mengutarakan semua maudhu' pembicaraan ini di dalam satu surah di samping membicarakannya dalam berbagai-bagai surah yang lain yang membentuk isi kandungan Al-Qur'an dan menggambarkan sistem hidup Rabbani yang dikandunginya. Cara dan gaya penyataan Al-Qur'an di sini tidak hanya berpada dengan pengertian yang tersirat ini sahaja, malah ia menerangkannya dengan nas yang jelas dan tegas serta memberi tekanan yang berat bahawa segala apa yang diterangkannya itulah agama dan bahawa mengikrar segala apa yang diterangkannya itulah "Iman" dan bahawa amalan berhakimkan kepada segala peraturan yang diterangkannya itulah "Islam" dan sebaliknya mereka yang tidak berhakimkan kepada undang-undang dan peraturan yang diturunkan Allah adalah dicapkan sebagai orang-orang yang kafir, orang-orang yang zalim dan orang-orang yang fasiq (al-Kafirun, az-Zalimun dan al-Fasiqun) dan sebagai orang-orang yang inginkan peraturan-peraturan jahiliyah, sedangkan orang-orang Mu'min dan Muslim tidak inginkan peraturan-peraturan jahiliyah.

Inilah dasar agung yang menonjol di dalam surah ini dengan begitu ketara dan jelas dan diterangkan dengan nas yang jelas di samping membetulkan kefahaman i'tiqad yang menjadi asas dasar yang agung ini.

Di sini eloklah kami gambarkan dari gaya pernyataan Al-Qur'an dalam surah ini sebagaimana

kedua-dua dasar agung itu menonjol dalam semua penyataannya dan bagaimana kedua-dua dasar iman dan Islam secara tabi'i dan logikal.

Cara penyataan Al-Qur'an yang menjelaskan bahawa kewajipan berhakimkan kepada undang-undang dan peraturan yang diturunkan Allah itulah "Islam" dan bahawa segala hukum halal dan haram yang disyari'atkan Allah kepada manusia itulah "Agama" adalah didasarkan kepada hakikat bahawa Allah itulah Tuhan Yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya dalam Uluhiyah-Nya dan kepada hakikat bahawa Allah itulah Pencipta yang tunggal yang tiada sekutu bagi-Nya dalam urusan ciptaan-Nya, juga kepada hakikat bahawa Allah itulah Pemilik dan Pemerintah yang tunggal yang tiada sekutu bagi-Nya dalam kerajaan alam buana yang dimiliki-Nya. Oleh sebab itu adalah jelas dari segi kepastian dan logik agar tiada suatu hukum atau perintah yang diputuskan melainkan dengan syari'at Allah dan kebenaran-Nya, kerana Allah selaku Pencipta dan-Pemilik segala sesuatu adalah satu-satunya yang berhak dan yang berkuasa menentukan sesuatu peraturan yang diredhai-Nya bagi para makhluk yang dimiliki-Nya. Dialah satu-satunya yang berhak menggariskan syari'at bagi para hamba yang dimiliki-Nya dan Dialah satu-satunya yang harus dita'ati undang-undang-Nya dan dilaksanakan hukum-Nya. Jika tidak, maka itulah tindakan derhaka, penentangan dan kekufuran terhadap Allah. Dialah satu-satunya yang berhak menjelaskan i'tiqad yang betul bagi hati manusia di samping menentukan peraturan yang betul bagi kehidupan mereka. Orang-orang yang beriman kepada Allah ialah orang-orang yang beriman kepada 'aqidah yang telah ditetapkan oleh-Nya dan mematuhi peraturan yang diredhai-Nya. Kedua-duanya adalah sama. Para Mu'minin mengabdikan diri mereka kepada Allah dengan mengerjakan syi'ar-syi'ar ibadat dan menjunjung syari'at-Nya tanpa membezakan di antara syi'ar ibadat dengan undang-undang syari'at, kerana kedua-duanya dari Allah belaka. Tiada siapa pun yang berkuasa dalam kerajaan-Nya dan di atas para hamba-Nya bersama-sama dengan-Nya, kerana Allah itulah Tuhan dan pemilik yang tunggal yang mengetahui segala isi langit dan bumi. Di sini jelaslah bahawa memerintah dan menghukum dengan syari'at Allah itulah agama setiap nabi kerana itulah agama Allah dan tiada agama yang lain dari-Nya.

Oleh sebab itulah dalam surah ini, datangnya nas-nas berturut-turut menjelaskan hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa dan menolak segala bentuk syirik atau triniti atau kepercayaan yang mencampur-adukkan di antara zat Allah S.W.T. dengan yang lain dari-Nya atau di antara ciri-ciri Uluhiyah dengan ciri 'Ubudiyah umumnya:

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا
يُبَيِّنُ لَكُمۡ كَثِيرٗا مِّمَّا كُنتُمۡ تُخۡفُونَ
مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَيَعۡفُواْ عَن كَثِيرٖۚ قَدۡ جَآءَكُم
مِّنَ ٱللَّهِ نُورٞ وَكِتَٰبٞ مُّبِينٞ ﴿١٥﴾
يَهۡدِي بِهِ ٱللَّهُ مَنِ ٱتَّبَعَ رِضۡوَٰنَهُۥ سُبُلَ
ٱلسَّلَٰمِ وَيُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى
ٱلنُّورِ بِإِذۡنِهِۦ وَيَهۡدِيهِمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ
مُّسۡتَقِيمٖ ﴿١٦﴾
لَّقَدۡ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ
ٱلۡمَسِيحُ ٱبۡنُ مَرۡيَمَۚ قُلۡ فَمَن يَمۡلِكُ
مِنَ ٱللَّهِ شَيۡـًٔا إِنۡ أَرَادَ أَن يُهۡلِكَ ٱلۡمَسِيحَ
ٱبۡنَ مَرۡيَمَ وَأُمَّهُۥ وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ
جَمِيعٗاۗ وَلِلَّهِ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ
وَمَا بَيۡنَهُمَاۚ يَخۡلُقُ مَا يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ
شَيۡءٖ قَدِيرٞ ﴿١٧﴾
وَقَالَتِ ٱلۡيَهُودُ وَٱلنَّصَٰرَىٰ نَحۡنُ أَبۡنَٰٓؤُاْ ٱللَّهِ وَأَحِبَّٰٓؤُهُۥۚ
قُلۡ فَلِمَ يُعَذِّبُكُم بِذُنُوبِكُمۖ بَلۡ أَنتُم بَشَرٞ مِّمَّنۡ خَلَقَۚ
يَغۡفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُۚ وَلِلَّهِ مُلۡكُ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَاۖ وَإِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ﴿١٨﴾
يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمۡ عَلَىٰ
فَتۡرَةٖ مِّنَ ٱلرُّسُلِ أَن تَقُولُواْ مَا جَآءَنَا مِنۢ بَشِيرٖ وَلَا
نَذِيرٖۖ فَقَدۡ جَآءَكُم بَشِيرٞ وَنَذِيرٞۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ
قَدِيرٞ ﴿١٩﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul kami yang menjelaskan kepada kamu banyak dari isi kandungan al-kitab (Injil dan Taurat) yang kamu sembunyikannya dan banyak pula yang diabaikannya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu satu nur dari Allah dan sebuah kitab (Al-Qur'an) yang amat jelas.(15) Dengannya (kitab Al-Qur'an) Allah memberi hidayat kepada

mereka yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan keselamatan dan mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang benderang dengan keizinan-Nya dan memimpin mereka ke jalan yang lurus. (16) Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam. Katakanlah: Siapakah yang berkuasa menghalangkan sesuatu dari kehendak Allah jika Dia mahu membinasakan al-Masih putera Maryam dan bondanya serta sekalian penghuni bumi? Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dan Dialah yang berkuasa menciptakan segala apa yang disukai-Nya. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu. (17) Kamilah putera-putera Allah dan para kekasih-Nya. Katakanlah: Mengapa pula Allah mengazabkan kamu kerana dosa-dosa kamu? Malah sebenarnya kamu adalah manusia biasa di antara mereka yang telah diciptakan Allah. Dia mengampunkan siapa yang dikehendaki-Nya dan menyeksakan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dan kepada-Nya kembali seluruh makhluk.(18) Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul kami menjelaskan (peraturan syari'at) kepada kamu ketika putusnya pengiriman rasul-rasul agar kamu tidak dapat berdalih: Tidak pernah datang kepada kami seorang rasul pun baik yang menyampaikan berita gembira mahupun yang memberi amaran. Sebenarnya telah datang kepada kamu rasul yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(19)

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ ۖ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ ۖ إِنَّهُ مَن يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ ۖ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿٧٢﴾ لَّقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ ۘ وَمَا مِنْ إِلَٰهٍ إِلَّا إِلَٰهٌ وَاحِدٌ ۚ وَإِن لَّمْ يَنتَهُوا عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمَسَّنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam, sedangkan al-Masih sendiri berkata: Wahai Bani Israel! Sembahlah Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Sesungguhnya sesiapa yang mempersekutukan Allah nescaya Allah haramkan Syurga kepadanya dan tempatnya kelak ialah Neraka dan orang-orang yang zalim tidak akan mempunyai penolong-penolong.(72) Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu salah satu dari tiga (tuhan), sedangkan sebenarnya tiada Tuhan yang lain melainkan Tuhan Yang Maha Esa. Andainya mereka tidak berhenti dari mengucapkan apa yang dikatakan mereka nescaya orang-orang yang kafir dari mereka akan disentuh azab yang amat pedih."(73)

Dan oleh sebab Allah Yang Maha Esa sahaja yang menjadi Tuhan, maka Dialah sahaja yang menjadi Pencipta dan Pemilik yang tunggal dan Dialah sahaja yang berhak menentukan halal dan haram dan seterusnya Dialah sahaja yang wajar dipatuhi undang-undang dan peraturan yang disyari'atkan dan hukum-hukum halal dan haram yang telah ditetapkan. Sebagaimana Allah sahaja yang wajar disembah maka Dialah juga yang wajar ditumpukan kepada-Nya segala syi'ar-syi'ar ibadat. Allah telah mengikatkan perjanjian dengan para hamba-Nya untuk melaksanakan semuanya ini dan Allah menuntut orang-orang yang beriman agar menyempurnakan perjanjian mereka dengan-Nya serta mengingatkan mereka terhadap akibat-akibat buruk kerana merombak dan memungkiri perjanjian itu sebagaimana yang telah berlaku kepada Bani Israel sebelum mereka:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Tunaikanlah segala perjanjian."(1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحِلُّوا شَعَائِرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَائِدَ وَلَا آمِّينَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghalalkan syi'ar-syi'ar Allah, juga jangan kamu menghalalkan bulan-bulan haram, jangan kamu (mengganggu) binatang-binatang korban (yang dihadiahkan kepada Ka'bah) dan binatang-binatang korban yang dikalungkan dan jangan kamu mengganggu pengunjung-pengunjung Baitullah yang mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka."(2)

وَاذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمِيثَاقَهُ الَّذِي وَاثَقَكُم بِهِ إِذْ قُلْتُمْ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٧﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

"Dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu dan perjanjian-Nya yang telah diikatkan dengan kamu ketika kamu berkata: Kami dengar dan kami ta'at dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada (kamu).(7) Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi para penegak kebenaran kerana Allah dan para saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Hendaklah kamu berlaku adil kerana keadilan itu lebih dekat kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(8)

وَلَقَدْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَبَعَثْنَا مِنْهُمُ ٱثْنَىْ عَشَرَ نَقِيبًا ۖ وَقَالَ ٱللَّهُ إِنِّى مَعَكُمْ ۖ لَئِنْ أَقَمْتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَيْتُمُ ٱلزَّكَوٰةَ وَءَامَنتُم بِرُسُلِى وَعَزَّرْتُمُوهُمْ وَأَقْرَضْتُمُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَّأُكَفِّرَنَّ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَلَأُدْخِلَنَّكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ فَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٢﴾

فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَٰقَهُمْ لَعَنَّٰهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَٰسِيَةً ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِۦ ۙ وَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ ۚ وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱصْفَحْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣﴾

وَمِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰٓ أَخَذْنَا مِيثَٰقَهُمْ فَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَأَغْرَيْنَا بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَاوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ وَسَوْفَ يُنَبِّئُهُمُ ٱللَّهُ بِمَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ﴿١٤﴾

"Dan sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian dari Bani Israel dan Kami telah mengangkatkan di antara mereka dua belas orang pemimpin dan Allah telah berfirman: Sesungguhnya Aku bersama kamu. Dan sesungguhnya jika kamu mendirikan solat dan menunaikan zakat serta beriman kepada para rasul-Ku dan kamu membantu mereka dan meminjamkan pinjaman yang baik kepada Allah nescaya akan Ku hapuskan dosa-dosa kamu dan akan Ku masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Dan sesiapa yang kafir di antara kamu selepas itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus.(12) Oleh sebab mereka membatalkan perjanjian mereka Kami kutukkan mereka dan Kami jadikan hati mereka keras membatu. Mereka mengubahkan kalam Allah dari tempat-tempatnya yang sebenar dan mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingatkan mereka dengannya dan engkau (wahai Muhammad) sentiasa menghadapi pengkhianatan dari mereka kecuali sebilangan yang kecil dari mereka. Oleh itu maaf dan ampunkan mereka. Sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin.(13) Di antara mereka yang telah mengatakan: Sesungguhnya kami adalah penganut agama Nasara, Kami telah mengambil perjanjian dari mereka, tetapi mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingatkan mereka dengannya lalu Kami timbulkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sampai kepada hari Kiamat dan Allah akan menceritakan kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(14)

Penjelasan rangkaian ayat-ayat surah ini mengandungi berbagai-bagai hukum syara'. Di antaranya ialah hukum-hukum halal dan haram yang berkaitan dengan binatang-binatang sembelihan dan binatang-binatang buruan, di antaranya ialah hukum-hukum halal dan haram dalam masa ihram dan di dalam Masjidil-Haram, di antaranya ialah hukum-hukum halal dan haram yang berkaitan dengan perkahwinan, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan hukuman hudud dalam jenayah mencuri dan gerakan memberontak terhadap kelompok Muslimin, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan arak, judi, berhala-berhala dan azlam, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan denda-denda atau kifarat-kifarat kerana membunuh buruan dalam masa ihram dan kerana bersumpah, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan wasiat ketika hampir mati, di antaranya ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan unta bahirah (unta lepasan yang dibelahkan telinganya setelah sepuluh kali melahirkan anak), unta sa'ibah (unta lepasan setelah lima kali melahirkan anak), biri-biri wasilah (anak biri-biri jantan yang dibebaskan dari penyembelihan apabila ia dilahirkan kembar dengan anak betina) dan binatang-binatang ternakan kami (binatang yang dibebaskan dari ditunggang setelah sepuluh kali melahirkan anak), di antaranya ialah hukum-hukum yang berhubung dengan undang-undang qisas di dalam Taurat yang dijadikan Allah sebagai undang-undang kepada kaum Muslimin. Demikianlah undang-undang dan peraturan itu bertemu dengan syi'ar-syi'ar ibadat dalam penjelasan surah ini tanpa dicerai dan dipisah.

Di samping menjelaskan berbagai-bagai hukum syara' ini dikemukakan pula perintah supaya ta'at dan mematuhi segala peraturan yang disyari'at dan disuruh oleh Allah, juga dikemukakan larangan menghalal dan mengharamkan sesuatu melainkan dengan perintah Allah dan selepas itu datang pula nas yang menegaskan bahawa Islam itu adalah agama yang diredhai Allah untuk dianuti oleh umat yang beriman setelah Allah melengkap dan menyempurnakan agama itu sebagai kemuncak limpah kurnia-Nya.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحِلُّوا۟ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ وَلَا ٱلشَّهْرَ ٱلْحَرَامَ وَلَا ٱلْهَدْىَ وَلَا ٱلْقَلَٰٓئِدَ وَلَآ ءَآمِّينَ ٱلْبَيْتَ

ٱلْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَٰنًا ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghalalkan syi'ar-syi'ar Allah, juga jangan kamu menghalalkan bulan-bulan haram, janganlah kamu (mengganggu) binatang-binatang korban (yang dihadiahkan kepada Ka'bah) dan binatang-binatang korban yang dikalungkan dan jangan kamu mengganggu pengunjung-pengunjung Baitullah yang mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka."(2)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحَرِّمُوا۟ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٨٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengharamkan sesuatu yang baik yang telah dihalalkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melampaui batas."(87)

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَٱحْذَرُوا۟ ۚ

"Ta'atilah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada rasul dan berhati-hatilah."(92)

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ۚ

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

Penerangan ayat tentang kewajipan menta'ati dan mematuhi peraturan-peraturan yang menghalal dan mengharamkan sesuatu itu tidaklah ditinggalkan dalam bentuk penerangan yang umum, malah ia mengemukakan nas yang jelas dan tegas mewajibkan mereka menghukum dengan peraturan-peraturan (halal haram) yang diturunkan oleh Allah sahaja bukannya peraturan-peraturan yang lain darinya. Jika tidak, maka perbuatan itu adalah satu perbuatan yang kafir, zalim dan fasiq. Nas-nas Al-Qur'an dalam perkara ini berturut-turut diturunkan dengan ungkapan yang tegas dan jelas seperti ini:

۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ لَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْكُفْرِ مِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِأَفْوَٰهِهِمْ وَلَمْ تُؤْمِن قُلُوبُهُمْ ۛ وَمِنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ ۛ سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ سَمَّٰعُونَ لِقَوْمٍ ءَاخَرِينَ لَمْ يَأْتُوكَ ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ مِنۢ بَعْدِ مَوَاضِعِهِۦ ۖ يَقُولُونَ إِنْ أُوتِيتُمْ هَٰذَا فَخُذُوهُ وَإِن لَّمْ تُؤْتَوْهُ فَٱحْذَرُوا۟ ۚ وَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ فِتْنَتَهُۥ فَلَن تَمْلِكَ لَهُۥ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَمْ يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْ ۚ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ ۖ وَلَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٤١﴾

سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّٰلُونَ لِلسُّحْتِ ۚ فَإِن جَآءُوكَ فَٱحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۖ وَإِن تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْـًٔا ۖ وَإِنْ حَكَمْتَ فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

وَكَيْفَ يُحَكِّمُونَكَ وَعِندَهُمُ ٱلتَّوْرَىٰةُ فِيهَا حُكْمُ ٱللَّهِ ثُمَّ يَتَوَلَّوْنَ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ ۚ وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٣﴾

إِنَّآ أَنزَلْنَا ٱلتَّوْرَىٰةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُوا۟ لِلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُوا۟ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ عَلَيْهِ شُهَدَآءَ ۚ فَلَا تَخْشَوُا۟ ٱلنَّاسَ وَٱخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ ۚ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

وَقَفَّيْنَا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم بِعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِّمَا
بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ ۖ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْإِنجِيلَ فِيهِ هُدًى
وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَهُدًى
وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٦﴾
وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ ٱلْإِنجِيلِ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَن لَّمْ
يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾
وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ
يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ ۖ فَٱحْكُم بَيْنَهُم
بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ
لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ۚ وَلَوْ شَآءَ
ٱللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ
فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۖ فَٱسْتَبِقُوا۟ ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ
جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾
وَأَنِ ٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ
هُمْ وَٱحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ
إِلَيْكَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ
ذُنُوبِهِمْ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ لَفَٰسِقُونَ ﴿٤٩﴾
أَفَحُكْمَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا
لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

"Wahai Rasul (Muhammad)! Janganlah engkau didukacitakan oleh perbuatan mereka yang cepat memperlihatkan kekafiran, iaitu dari orang-orang (Munafiqin) yang berkata dengan mulut mereka: 'Kami telah beriman', sedangkan hati mereka belum lagi beriman dan dari orang-orang Yahudi. Mereka amat gemar mendengar perkataan-perkataan yang dusta dan mereka amat suka mendengar perkataan golongan yang lain (pendeta-pendeta Yahudi) yang belum pernah bertemu dengan engkau. Mereka ini mengubahkan perkataan-perkataan (Taurat) dari tempat-tempatnya yang sebenar. Mereka berkata: 'Jika hukum ini (hukum yang diubah) diberikan kepada kamu, maka terimalah dan jika kamu tidak diberikan hukum ini, maka hendaklah kamu berhati-hati.' Barangsiapa yang Allah berkehendak menyesatkannya, maka engkau tidak akan berdaya menolaknya sedikitpun. Merekalah orang-orang yang Allah tidak berkehendak membersihkan hati mereka. Di dunia mereka mendapat kehinaan dan di Akhirat pula mereka akan mendapat azab yang amat besar (41). Mereka amat gemar mendengar perkataan yang dusta dan amat gemar memakan harta yang haram. Oleh itu jika mereka (orang-orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan), maka adililah di antara mereka atau berpalinglah dari mereka dan jika engkau berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat memudaratkan engkau sedikitpun dan jika engkau adili, maka adililah di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang adil (42). Dan bagaimana mereka hendak berhakimkan kepadamu, sedangkan mereka mempunyai kitab Taurat yang mengandungi hukum-hukum Allah kemudian mereka berpaling pula sesudah itu (dari keputusanmu)? Dan sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman (kepada keputusanmu) (43). Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab Taurat yang mengandungi hidayat dan nur, yang mana dengan peraturan-peraturan para nabi yang menyerahkan diri kepada Allah menjalankan pengadilan ke atas orang-orang Yahudi, juga para ulama' dan para pendeta (mereka) kerana mereka telah diamanahkan memelibara kitab Allah (Taurat). Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi takutlah kepada Aku dan janganlah kamu menjual ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit, dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkankan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir (44). Dan Kami telah menetapkan (hukuman qisas) ke atas mereka di dalam Taurat, iaitu nyawa dibalas dengan nyawa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka juga ditetapkan hukum qisas. Barang siapa yang melepaskan hak qisasnya, maka pelepasan itu menjadi penebus dosanya dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang zalim (45). Dan Kami iringkan jejak langkah mereka (nabi-nabi Bani Israel) dengan Isa putera Maryam yang membenarkan kitab Taurat (yang diturunkan) sebelumnya dan Kami kurniakan kepadanya kitab Injil yang mengandungi hidayat dan nur dan membenarkan kitab Taurat (yang diturunkan) sebelumnya, juga menjadi hidayat dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa (46). Dan hendaklah pendokong-pendokong kitab Injil itu menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah di dalamnya dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah maka mereka adalah orang-orang yang fasiq (47). Dan Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran yang mengesahkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya. Oleh itu hendaklah engkau adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka untuk menyeleweng dari peraturan-peraturan yang benar yang telah datang kepadamu. Setiap umat dari kamu telah Kami jadikan untuknya peraturan dan cara hidup yang tertentu dan andainya Allah kehendaki nescaya Dia jadikan kamu satu umat sahaja, tetapi Allah hendak menguji kamu dalam pengurniaan-pengurniaan yang telah dikurniakan kepada kamu. Oleh itu hendaklah kamu berlumba-lumba mengerjakan kebajikan-kebajikan. Kepada Allah kamu sekalian kembali dan Allah akan menceritakan kepada kamu

segala perkara yang dipertikaikan oleh kamu (48). Dan hendaklah engkau (Muhammad) adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka dan hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka yang hendak menyelewengkan engkau dari setengah-setengah peraturan yang telah diturunkan Allah kepada engkau, kemudian jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah sebenarnya hendak menimpakan musibah ke atas mereka kerana beberapa dosa (yang telah dilakukan) mereka dan sesungguhnya kebanyakan manusia itu adalah fasiq (49). Apakah mereka mahukan pengadilan jahiliyah dan siapakah yang lebih baik dari pengadilan Allah bagi orang-orang yang yakin?"(50)

Demikianlah persoalan ini kelihatan begitu jelas, iaitu satu Tuhan, satu pencipta dan satu pemilik dan ini mengertikan satu pengadil/pemerintah, satu penggubal undang-undang dan satu pentadbir sahaja dan ini mengertikan satu syari'at, satu sistem dan satu undang-undang sahaja. Jadi, keta'atan, kepatuhan dan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah itulah iman dan Islam atau penderhakaan, pemberontakan dan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang bukan diturunkan Allah itulah kekafiran, kezaliman dan kefasiqkan. Inilah "agama" mengikut perjanjian yang diikatkan Allah dengan sekalian hamba-Nya dan inilah agama yang dibawa oleh sekalian rasul dari Allah dan di dalam aspek ini sama sahaja di antara umat Muhammad dengan umat-umat yang lain sebelumnya.

Ciri yang pasti bagi "agama Allah" ialah pengadilan/ pemerintahan dengan menggunakan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan bukannya dengan peraturan-peraturan yang lain. Inilah fenomena kekuasaan Allah. Inilah fenomena kuasa pengadilan dan pemerintahan Allah dan inilah fenomena konsep "لا إله إلا الله".

Kepastian perkaitan di antara "agama Allah" dengan pengadilan/pemerintahan yang menggunakan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah itu bukan sahaja hasil dari hakikat bahawa peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah itu adalah lebih baik dari peraturan-peraturan dan undang-undang yang diciptakan oleh manusia sendiri. Walaupun sebab ini merupakan salah satu dari sebab-sebab kepastian ini, namun ia bukannya merupakan sebab yang utama atau sebab yang asasi, malah sebab yang utama dan asasi atau dasar utama dan asasi dari kepastian perkaitan ini ialah pengadilan/pemerintahan dengan menggunakan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah itu adalah suatu pengiktirafan terhadap Uluhiyah Allah dan penolakan terhadap Uluhiyah dan cirinya dari yang lain dari Allah. Inilah Islam dalam ertikata bahasa "menyerah diri kepada Allah" dan dalam ertikata istilah yang dibawa oleh agama-agama Samawi, iaitu "penyerahan diri yang bulat kepada Allah" dan membersihkan diri dari dakwaan mempunyai ciri Uluhiyah bersama Allah dan dakwaan mempunyai ciri Uluhiyah Allah yang paling istimewa, iaitu kekuasaan, pengadilan, pemerintahan dan hak memerintah dan menundukkan manusia dengan syari'at dan undang-undang-Nya.

Kini jelaslah bahawa manusia tidak cukup dengan hanya menciptakan undang-undang sendiri yang serupa dengan syari'at Allah, malah tidak cukup walaupun dengan menggunakan syari'at Allah itu sendiri andainya mereka hubungkan undang-undang itu kepada diri mereka dengan meletakkan lebal mereka di atas undang-undang itu tanpa mengembalikannya kepada Allah dan tanpa melaksanakannya atas nama Allah sebagai pengiktirafan terhadap Uluhiyah Allah dan ketunggalan-Nya memiliki ciri Uluhiyah itu, iaitu ketunggalan yang melucutkan manusia dari mempunyai hak kekuasaan, pengadilan dan pemerintahan kecuali hak menjalankan syari'at Allah dan menegakkan kekuasaan-Nya di muka bumi ini.

Dari kepastian inilah lahirnya hakikat pengadilan/ pemerintahan yang dijelaskan di dalam ayat-ayat berikut dari surah ini:

"Dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir.(44) Dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang zalim.(45) Dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang fasiq"(47)

kerana orang-orang yang tidak mahu mengadili/memerintah dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah bererti mengumumkan penolakan mereka terhadap Uluhiyah Allah S.W.T. dan penolakan mereka terhadap ketunggalan-Nya memiliki ciri Uluhiyah itu. Mereka mengumumkan penolakan ini dengan amalan dan realiti mereka walaupun mereka tidak mengumumkan dengan mulut dan lisan mereka, kerana bahasa amalan dan realiti adalah lebih kuat dan lebih lantang dari bahasa mulut dan lisan. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengecopkan mereka dengan ciri kekafiran, kezaliman dan kefasiqkan berlandaskan penolakan mereka terhadap Uluhiyah Allah apabila mereka menolak hak dan kuasa pengadilan/ pemerintahan Allah yang mutlaq dan apabila mereka memberi kepada diri mereka ciri Uluhiyah yang utama lalu menggubalkan untuk manusia undang-undang dari karangan mereka sendiri yang tidak diredhai Allah.

Di atas konsep inilah surah ini dengan nas-nasnya yang terang menekankan penjelasannya.

* * * * * *

Ada satu perkara lagi yang dibicarakan oleh surah ini selain dari pembicaraan membina kefahaman i'tiqad yang betul dan menjelaskan penyelewengan-

penyelewengan yang membabitkan i'tiqad dalam kalangan kaum Ahlil-Kitab dan kaum jahiliyah, dan selain dari pembicaraan yang menjelaskan konsep "agama", iaitu berpegang dengan i'tiqad yang betul, ta'at kepada Allah dan menerima dari Allah sahaja segala hukum halal dan haram, mengadili dan memerintah dengan menggunakan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah sahaja tanpa membuat sebarang pindaan, pengubahan dan penukaran.

Perkara itu ialah perkara kedudukan umat Muslimin ini sendiri, iaitu peranan mereka yang sebenar di muka bumi ini, sikap mereka terhadap musuh-musuh mereka di samping mendedahkan musuh-musuh itu dan tipudaya mereka yang jahat terhadap umat Muslimin dan agama Islam, juga menerangkan kesesatan-kesesatan dan penyelewengan yang berlaku dalam 'aqidah musuh-musuh mereka dan perseteruan serta usaha-usaha jahat mereka yang sebulat dan sepakat terhadap kelompok Muslimin.

Itulah perjuangan yang diharungi oleh Al-Qur'anul-Karim bersama kelompok Muslimin, iaitu perjuangan yang telah dibicarakan di dalam tiga surah panjang yang telah lepas.

Al-Qur'an kitab suci umat Muslimin ini adalah kitab Allah yang terakhir bagi umat manusia. Ia mengesah dan membenarkan segala kitab suci yang diturunkan sebelumnya mengenai dasar i'tiqad dan kepercayaan. Dan sebagai kitab suci yang terakhir, ia mengawasi segala kitab suci yang terdahulu dan kepadanya berakhir syari'at Allah yang diredhai-Nya untuk para hamba-Nya sehingga hari Kiamat. Oleh itu mana-mana peraturan dari syari'at Ahlil-Kitab yang ditetapkan oleh Al-Qur'an, maka peraturan itu adalah dari syari'at Allah dan mana-mana peraturan yang dimansukhkan olehnya, maka hilanglah darinya sifat syari'at Allah walaupun peraturan itu dinyatakan di dalam mana-mana kitab suci diturunkan itu:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ۚ

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ ۖ

"Dan Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran yang mengesahkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya."(48)

Oleh sebab itu peranan umat Muslimin ialah menjadi penjaga dan pengawas umat manusia, iaitu mereka bertugas menegakkan keadilan tanpa terpengaruh kepada sebarang sentimen kasih atau benci dan tanpa melihat kepada keburukan yang telah menimpa mereka atau akan menimpa mereka dari orang-orang (yang sedang diadili mereka). Inilah tugas-tugas kepimpinan, penjagaan dan pengawasan dan seterusnya tanpa terpengaruh kepada penyelewengan-penyelewengan orang-orang yang lain dan kehendak-kehendak hawa nafsu mereka, iaitu mereka tidak menyeleweng seurat rambut pun dari peraturan, syari'at dan jalan hidup mereka yang betul dengan tujuan untuk mencapai keredhaan seseorang atau untuk menjinakkan hatinya. Mereka tidak memandang kepada pertimbangan-pertimbangan yang lain kecuali kepada Allah dan ketaqwaan kepada-Nya:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا۟ ۘ وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

"Janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap sesuatu kaum kerana mereka menghalangkan kamu dari Masjidil-Haram itu mendorong kamu menceroboh dan hendaklah kamu saling membantu dalam usaha membuat kebajikan dan taqwa dan janganlah kamu saling membantu dalam melakukan perbuatan yang berdosa dan pencerobohan.Dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah amat berat balasan keseksaan-Nya."(2)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ ۚ ٱعْدِلُوا۟ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi para penegak keadilan kerana Allah dan para saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Hendaklah kamu berlaku adil kerana keadilan itu lebih dekat kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(8)

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ ۖ فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ

لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾ وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَن بَعْضِ مَا أَنزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِن تَوَلَّوْا فَاعْلَمْ أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ ﴿٤٩﴾

"Dan Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran yang mengesahkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya.Oleh itu hendaklah engkau adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak-kehendak hawa nafsu mereka untuk menyeleweng dari peraturan-peraturan yang benar yang telah datang kepada kamu.(48) Dan hendaklah engkau (Muhammad) adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka dan hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka yang hendak menyelewengkan engkau dari setengah-setengah peraturan yang telah diturunkan Allah kepada engkau, kemudian jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah sebenarnya hendak menimpakan musibah ke atas mereka kerana beberapa dosa (yang telah dilakukan) mereka dan sesungguhnya kebanyakan manusia itu adalah fasiq."(49)

Di antara kehendak-kehendak yang tepat dengan kedudukan umat Muslimin selaku pewaris risalah-risalah yang silam dan selaku pendokong risalah yang terakhir dan agama yang terakhir, juga sebagai pemegang amanah penjagaan dan kepimpinan umat manusia-dengan agama yang terakhir ini ialah mereka tidak harus bersetiakawan dengan orang-orang yang menolak agama ini dan dengan orang-orang yang mempersenda-sendakan kewajipan-kewajipan dan syi'ar-syi'ar ibadat mereka, malah hendaklah mereka berhubung setia dengan Allah dan rasul-Nya dan jangan sekali-kali cenderung mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan rasul-Nya. Umat Muslimin adalah satu umat yang tegak dengan 'aqidah mereka bukan dengan bangsa mereka, bukan dengan negeri mereka dan bukan pula dengan budaya-budaya warisan jahiliyah mereka, malah mereka adalah satu umat yang tegak dengan 'aqidah mereka yang baru, dengan sistem hidup Rabbani dan dengan risalah yang terakhir ini dan inilah satu-satunya tali pengikat percantuman dan perpaduan mereka:

الْيَوْمَ يَئِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

"Pada hari ini orang-orang kafir telah putus asa untuk mengatasi agama kamu. Oleh sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana setengah mereka adalah bersahabat setia terhadap satu sama lain dan sesiapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(51)

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾ وَمَن يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ ﴿٥٦﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَكُمْ هُزُوًا وَلَعِبًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَالْكُفَّارَ أَوْلِيَاءَ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾ وَإِذَا نَادَيْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ اتَّخَذُوهَا هُزُوًا وَلَعِبًا ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya sahabat setia kamu ialah Allah dan rasul-Nya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, sedangkan mereka tunduk rukuk.(55) Dan barang siapa yang bersahabat setia dengan Allah dan rasul-Nya dan orang-orang yang beriman, maka sesungguhnya kumpulan Allah itulah yang pasti menang.(56) Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang telah mengambil agama kamu sebagai bahan sendaan dan permainan, iaitu dari mereka yang telah dikurniakan kitab suci sebelum kamu dan orang-orang yang kafir itu selaku sahabat-sahabat setia dan

bertaqwalah kepada Allah jika kamu benar-benar beriman.(57) Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan solat maka mereka mengambil seruan itu sebagai bahan sendaan dan permainan. Hal yang sedemikian disebabkan kerana mereka adalah satu kaum yang tidak berfikir."(58)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَيۡكُمۡ أَنفُسَكُمۡۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهۡتَدَيۡتُمۡۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Awasilah diri kamu. Kamu tidak akan dimudaratkan oleh mereka yang sesat jika kamu telah mendapat hidayat."(105)

Musuh-musuh umat Muslimin ialah musuh-musuh hidayat dan musuh-musuh sistem hidup Ilahi yang sentiasa lurus dan betul. Mereka sengaja tidak mahu melihat agama yang benar di samping tidak mahu meninggalkan perseteruan yang berakar umbi di dalam hati mereka terhadap agama yang benar baik dahulu atau kemudian. Oleh sebab itu umat Muslimin adalah berkewajipan mengenal hakikat musuh-musuh mereka berdasarkan sejarah mereka yang lama bersama para rasulullah dan berdasarkan sikap mereka yang baru terhadap umat Muslimin dan terhadap agama mereka yang lurus:

وَلَقَدۡ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَبَعَثۡنَا مِنۡهُمُ ٱثۡنَيۡ عَشَرَ نَقِيبٗاۖ وَقَالَ ٱللَّهُ إِنِّي مَعَكُمۡۖ لَئِنۡ أَقَمۡتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَيۡتُمُ ٱلزَّكَوٰةَ وَءَامَنتُم بِرُسُلِي وَعَزَّرۡتُمُوهُمۡ وَأَقۡرَضۡتُمُ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنٗا لَّأُكَفِّرَنَّ عَنكُمۡ سَيِّـَٔاتِكُمۡ وَلَأُدۡخِلَنَّكُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُۚ فَمَن كَفَرَ بَعۡدَ ذَٰلِكَ مِنكُمۡ فَقَدۡ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٢﴾

فَبِمَا نَقۡضِهِم مِّيثَٰقَهُمۡ لَعَنَّٰهُمۡ وَجَعَلۡنَا قُلُوبَهُمۡ قَٰسِيَةٗۖ يُحَرِّفُونَ ٱلۡكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِۦ وَنَسُواْ حَظّٗا مِّمَّا ذُكِّرُواْ بِهِۦۚ وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٖ مِّنۡهُمۡ إِلَّا قَلِيلٗا مِّنۡهُمۡۖ فَٱعۡفُ عَنۡهُمۡ وَٱصۡفَحۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿١٣﴾

وَمِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّا نَصَٰرَىٰٓ أَخَذۡنَا مِيثَٰقَهُمۡ فَنَسُواْ حَظّٗا مِّمَّا ذُكِّرُواْ بِهِۦ فَأَغۡرَيۡنَا بَيۡنَهُمُ ٱلۡعَدَاوَةَ وَٱلۡبَغۡضَآءَ إِلَىٰ يَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِۚ وَسَوۡفَ يُنَبِّئُهُمُ ٱللَّهُ بِمَا كَانُواْ يَصۡنَعُونَ ﴿١٤﴾

"Dan sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian dari Bani Israel dan Kami telah mengangkatkan di antara mereka dua belas orang pemimpin dan Allah telah berfirman: Sesungguhnya Aku bersama kamu.Dan sesungguhnya jika kamu mendirikan solat dan menunaikan zakat serta beriman kepada para rasul-Ku dan kamu membantu mereka dan meminjamkan pinjaman yang baik kepada Allah nescaya akan Ku hapuskan dosa-dosa kamu dan akan Ku masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Dan sesiapa yang kafir di antara kamu selepas itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus.(12) Oleh sebab mereka membatalkan perjanjian mereka Kami kutukkan mereka dan Kami jadikan hati mereka keras membatu. Mereka mengubahkan kalam Allah dari tempat-tempatnya yang sebenar dan mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingatkan mereka dengannya dan engkau (wahai Muhammad) sentiasa akan menghadapi pengkhianatan dari mereka kecuali sebilangan yang kecil dari mereka. Oleh itu maaf dan ampunkan mereka. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang melakukan kebaikan.(13) Di antara mereka yang telah mengatakan: Sesungguhnya kami adalah penganut agama Nasara. Kami telah mengambil perjanjian dari mereka, tetapi mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingatkan mereka dengannya lalu Kami timbulkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sampai kepada hari Kiamat dan Allah akan menceritakan kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(14)

وَإِذۡ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوۡمِهِۦ يَٰقَوۡمِ ٱذۡكُرُواْ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ إِذۡ جَعَلَ فِيكُمۡ أَنۢبِيَآءَ وَجَعَلَكُم مُّلُوكٗا وَءَاتَىٰكُم مَّا لَمۡ يُؤۡتِ أَحَدٗا مِّنَ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٢٠﴾

يَٰقَوۡمِ ٱدۡخُلُواْ ٱلۡأَرۡضَ ٱلۡمُقَدَّسَةَ ٱلَّتِي كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَرۡتَدُّواْ عَلَىٰٓ أَدۡبَارِكُمۡ فَتَنقَلِبُواْ خَٰسِرِينَ ﴿٢١﴾

قَالُواْ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوۡمٗا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدۡخُلَهَا حَتَّىٰ يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا فَإِن يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا فَإِنَّا دَٰخِلُونَ ﴿٢٢﴾

قَالَ رَجُلَانِ مِنَ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمَا ٱدْخُلُوا۟ عَلَيْهِمُ ٱلْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَإِنَّكُمْ غَٰلِبُونَ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَتَوَكَّلُوٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٣﴾ قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَآ أَبَدًا مَّا دَامُوا۟ فِيهَا ۖ فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾ قَالَ رَبِّ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ إِلَّا نَفْسِى وَأَخِى ۖ فَٱفْرُقْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٥﴾ قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ ۛ أَرْبَعِينَ سَنَةً ۛ يَتِيهُونَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ فَلَا تَأْسَ عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٦﴾

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Hendaklah kamu ingat kepada ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu sewaktu Dia menjadikan para anbiya' di dalam kalangan kamu dan menjadikan kamu selaku raja-raja. Allah telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang belum pernah dikurniakan kepada seseorang pun dari umat-umat yang lain.(20) Wahai kaumku! Masuklah ke tanah suci yang telah ditetapkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu mundur ke belakang nescaya kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi.(21) Mereka berkata: Wahai Musa! Sesungguhnya di dalam negeri itu ada satu kaum yang gagah perkasa dan sesungguhnya Kami tidak akan memasukinya sehingga mereka keluar darinya. Oleh itu jika mereka keluar darinya, maka Kami tetap akan memasukinya.(22) Lalu berkatalah dua orang lelaki dari golongan mereka yang takut kepada Allah dan yang telah Allah kurniakan kepada keduanya ni'mat keyakinan: "Hendaklah kamu masuk menyerang mereka melalui pintu (kota) dan apabila kamu memasukinya, maka kamu tetap mendapat kemenangan. Oleh itu hendaklah kamu bertawakkal kepada Allah jika kamu benar-benar beriman."(23) Mereka berkata: Wahai Musa! Kami tidak akan memasukinya buat selama-lamanya selagi kaum itu berada di dalamnya. Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Sesungguhnya kami akan menunggu di sini sahaja.(24) Ujar Musa: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku tidak dapat menguasai kecuali diriku dan saudaraku sahaja. Oleh sebab itu pisahkanlah di antara kami dengan kaum yang fasiq itu.(25) Firman Allah: (Jika demikian) maka sesungguhnya negeri itu adalah diharamkan ke atas mereka selama empat puluh tahun (dan selama itu) mereka akan mengembara tanpa keruannya di bumi (padang gurun) itu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang fasiq itu."(26)

مِنْ أَجْلِ ذَٰلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَنَّهُۥ مَن قَتَلَ نَفْسًۢا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِى ٱلْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ ٱلنَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَآ أَحْيَا ٱلنَّاسَ جَمِيعًا ۚ وَلَقَدْ جَآءَتْهُمْ رُسُلُنَا بِٱلْبَيِّنَٰتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم بَعْدَ ذَٰلِكَ فِى ٱلْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴿٣٢﴾

"Oleh kerana itu Kami tetapkan (suatu hukum) ke atas Bani Israel: Barang siapa membunuh seseorang manusia bukan kerana ia membunuh orang lain atau bukan kerana ia melakukan sesuatu kerosakan di bumi, maka seolah-olah ia telah membunuh manusia seluruhnya dan barang siapa yang memelihara nyawa seseorang manusia, maka seolah-olah ia memelihara nyawa manusia seluruhnya. Sesungguhnya rasul-rasul Kami telah datang kepada mereka membawa pengajaran-pengajaran yang jelas kemudian banyak di antara mereka sesudah itu menjadi manusia-manusia pelampau di muka bumi."(32)

۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ لَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْكُفْرِ مِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِأَفْوَٰهِهِمْ وَلَمْ تُؤْمِن قُلُوبُهُمْ ۛ وَمِنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ ۛ سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ سَمَّٰعُونَ لِقَوْمٍ ءَاخَرِينَ لَمْ يَأْتُوكَ ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ مِنۢ بَعْدِ مَوَاضِعِهِۦ ۖ يَقُولُونَ إِنْ أُوتِيتُمْ هَٰذَا فَخُذُوهُ وَإِن لَّمْ تُؤْتَوْهُ فَٱحْذَرُوا۟ ۚ وَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ فِتْنَتَهُۥ فَلَن تَمْلِكَ لَهُۥ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَمْ يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْ ۚ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ ۖ وَلَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٤١﴾ سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّٰلُونَ لِلسُّحْتِ ۚ فَإِن جَآءُوكَ فَٱحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۖ وَإِن تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْـًٔا ۖ وَإِنْ حَكَمْتَ فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

"Wahai Rasul(Muhammad)! Janganlah engkau didukacitakan oleh perbuatan mereka yang cepat memperlihatkan kekafiran, iaitu dari orang-orang (Munafiqin) yang berkata dengan mulut mereka: 'Kami telah beriman', sedangkan hati mereka belum lagi beriman dan dari orang-orang Yahudi. Mereka amat gemar mendengar perkataan-perkataan yang

dusta dan mereka amat suka mendengar perkataan golongan yang lain (pendeta-pendeta Yahudi) yang belum pernah bertemu dengan engkau. Mereka ini mengubahkan perkataan-perkataan (Taurat) dari tempat-tempatnya yang sebenar. Mereka berkata: 'Jika hukum ini (hukum yang diubah) diberikan kepada kamu, maka terimalah dan jika kamu tidak diberikan hukum ini, maka hendaklah kamu berhati-hati.' Barang siapa yang Allah berkehendak menyesatkannya, maka engkau tidak akan berdaya menolaknya sedikitpun. Merekalah orang-orang yang Allah tidak berkehendak membersihkan hati mereka. Di dunia mereka mendapat kehinaan dan di Akhirat pula mereka akan mendapat azab yang amat besar.(41) Mereka amat gemar mendengar perkataan yang dusta dan amat gemar memakan harta yang haram. Oleh itu jika mereka (orang-orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan), maka adililah di antara mereka atau berpalinglah dari mereka dan jika engkau berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat memudaratkan engkau sedikitpun dan jika engkau adili, maka adililah di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang adil."(42)

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ هَلْ تَنقِمُونَ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ
وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلُ وَأَنَّ أَكْثَرَكُمْ فَٰسِقُونَ ٥٩
قُلْ هَلْ أُنَبِّئُكُم بِشَرٍّ مِّن ذَٰلِكَ مَثُوبَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ مَن لَّعَنَهُ ٱللَّهُ
وَغَضِبَ عَلَيْهِ وَجَعَلَ مِنْهُمُ ٱلْقِرَدَةَ وَٱلْخَنَازِيرَ وَعَبَدَ
ٱلطَّٰغُوتَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ٦٠
وَإِذَا جَآءُوكُمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَقَد دَّخَلُوا۟ بِٱلْكُفْرِ وَهُمْ قَدْ
خَرَجُوا۟ بِهِۦ ۚ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا كَانُوا۟ يَكْتُمُونَ ٦١
وَتَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ
وَأَكْلِهِمُ ٱلسُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ٦٢
لَوْلَا يَنْهَىٰهُمُ ٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ عَن قَوْلِهِمُ ٱلْإِثْمَ
وَأَكْلِهِمُ ٱلسُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ٦٣
وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ ۚ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا۟ بِمَا
قَالُوا۟ ۘ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ وَلَيَزِيدَنَّ
كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ۚ وَأَلْقَيْنَا
بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَٰوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ كُلَّمَآ أَوْقَدُوا۟
نَارًا لِّلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا ٱللَّهُ ۚ وَيَسْعَوْنَ فِى ٱلْأَرْضِ فَسَادًا ۚ
وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ٦٤

"Katakanlah (Muhammad): Kamu tidak bencikan kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada apa yang telah diturunkan kepada kami dan kepada apa yang diturunkan sebelumnya dan sesungguhnya kebanyakan kamu adalah fasiq.(59) Katakanlah: Apakah kamu suka aku beritakan kepada kamu cerita balasan yang lebih buruk di sisi Allah dari kebencian kamu itu? Iaitu cerita mereka (orang-orang Yahudi) yang telah dilaknat dan dimurkai Allah dan di antara mereka telah dijadikannya kera-kera dan babi-babi dan orang-orang yang menyembah Taghut. Merekalah orang-orang yang lebih buruk kedudukannya dan lebih tersesat dari jalan yang betul.(60) Dan apabila mereka (orang-orang Munafiqin) datang kepadakamu mereka berkata: Kami telah beriman sedangkan yang sebenarnya mereka telah masuk dengan kekafiran dan keluar dengan kekafiran juga dan Allah amat mengetahui apa yang disembunyikan mereka.(61) Dan engkau dapat melihat kebanyakan dari mereka (kaum Yahudi) begitu segera mengerjakan dosa, melakukan pencerobohan dan memakan harta yang haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka.(62) Mengapa ulama'-ulama' dan ketua-ketua agama tidak melarang mereka dari mengucapkan perkataan-perkataan yang berdosa dan dari memakan harta yang haram itu? Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka."(63) Dan orang-orang Yahudi telah berkata: Tangan Allah terbelenggu! Sebenarnya tangan merekalah yang telah dibelenggukan dan mereka telah dilaknat kerana perkataan yang telah diucapkan mereka bahkan dua tangan Allah sentiasa terbuka. Dia membelanja mengikut bagaimana yang dikehendakinya dan sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab apa yang diturunkan kepada-mu dari Tuhan-mu. Dan Kami campakkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sehingga hari Kiamat. Setiap kali mereka menyalakan api peperangan, maka Allah telah memadamkannya dan mereka sentiasa berusaha melakukan kerosakan di bumi, sedangkan Allah tidak sukakan manusia-manusia perosak."(64)

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَسْتُمْ عَلَىٰ شَىْءٍ حَتَّىٰ تُقِيمُوا۟
ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ ۗ
وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا
وَكُفْرًا ۖ فَلَا تَأْسَ عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ٦٨

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Kamu tidak berpegang dengan agama sedikitpun sehingga kamu tegakkan ajaran Taurat dan Injil dan segala peraturan yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang kafir."(68)

لَقَدْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَرْسَلْنَآ إِلَيْهِمْ رُسُلًا ۖ

كُلَّمَا جَآءَهُمۡ رَسُولُۢ بِمَا لَا تَهۡوَىٰٓ أَنفُسُهُمۡ فَرِيقٗا
كَذَّبُواْ وَفَرِيقٗا يَقۡتُلُونَ ﴿٧٠﴾
وَحَسِبُوٓاْ أَلَّا تَكُونَ فِتۡنَةٞ فَعَمُواْ وَصَمُّواْ ثُمَّ تَابَ ٱللَّهُ
عَلَيۡهِمۡ ثُمَّ عَمُواْ وَصَمُّواْ كَثِيرٞ مِّنۡهُمۡۚ وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ
بِمَا يَعۡمَلُونَ ﴿٧١﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengikat perjanjian dengan Bani Israel dan Kami utuskan rasul-rasul kepada mereka. Setiap kali datangnya seorang rasul yang membawa apa yang tidak diingini oleh hati mereka, maka mereka dustakan sebahagian dari rasul-rasul itu dan membunuh sebahagian yang lain.(70) Dan mereka menyangka bahawa tidak akan berlaku sebarang bencana lalu mereka membutakan mata mereka (dari melihat hidayat) dan memekakkan telinga mereka (dari mendengar da'wah). Kemudian Allah menerima taubat mereka dan setelah itu ramai di antara mereka (kembali) membukakan mata dan memekakkan telinga mereka pula, sedangkan Allah amat melihat segala apa yang dilakukan mereka."(71)

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۢ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ
لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبۡنِ مَرۡيَمَۚ ذَٰلِكَ بِمَا
عَصَواْ وَّكَانُواْ يَعۡتَدُونَ ﴿٧٨﴾
كَانُواْ لَا يَتَنَاهَوۡنَ عَن مُّنكَرٖ فَعَلُوهُۚ لَبِئۡسَ
مَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ﴿٧٩﴾
تَرَىٰ كَثِيرٗا مِّنۡهُمۡ يَتَوَلَّوۡنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۚ
لَبِئۡسَ مَا قَدَّمَتۡ لَهُمۡ أَنفُسُهُمۡ أَن سَخِطَ
ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡ وَفِي ٱلۡعَذَابِ هُمۡ خَٰلِدُونَ ﴿٨٠﴾
وَلَوۡ كَانُواْ يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلنَّبِيِّ وَمَآ أُنزِلَ
إِلَيۡهِ مَا ٱتَّخَذُوهُمۡ أَوۡلِيَآءَ وَلَٰكِنَّ كَثِيرٗا
مِّنۡهُمۡ فَٰسِقُونَ ﴿٨١﴾
لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةٗ لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ
ٱلۡيَهُودَ وَٱلَّذِينَ أَشۡرَكُواْۖ وَلَتَجِدَنَّ أَقۡرَبَهُم
مَّوَدَّةٗ لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّا نَصَٰرَىٰۚ
ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنۡهُمۡ قِسِّيسِينَ وَرُهۡبَانٗا
وَأَنَّهُمۡ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ ﴿٨٢﴾

"Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan Isa putera Maryam. Laknat yang sedemikian itu disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka selalu menceroboh.(78) (Dan kerana) mereka selalunya tidak saling melarang perbuatan mungkar yang dilakukan mereka. Sesungguhnya amatlah buruk perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka.(79) Engkau dapat melihat kebanyakan dari mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir (Musyrikin Arab). Sesungguhnya amatlah buruk akibat yang mereka sediakan untuk diri mereka, iaitu mereka dimurkakan Allah dan mereka akan kekal di dalam azab.(80) Jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan nabi (Musa) dan kepada apa yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir itu selaku sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq. (81) Demi sesungguhnya engkau (Muhammad) akan dapati bahawa manusia yang paling ketat permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Musyrikin dan demi sesungguhnya engkau akan dapati bahawa manusia yang paling dekat kemesraannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: 'Sesungguhnya kami adalah orang-orang Nasara' keadaan yang sedemikian kerana di antara mereka terdapat paderi-paderi dan rahib-rahib dan kerana mereka tidak berlagak angkuh."(82)

* * * * * *

Serangan yang mendedahkan tembelang musuh-musuh kelompok Muslimin ini terutama kaum Yahudi dan kaum Musyrikin yang ditekankan secara khusus di samping beberapa singgungan yang kadang-kadang menyentuh kaum Munafiqin dan Nasara telah membawa kita kepada suatu keperihalan yang lain dari keperihalan-keperihalan yang dibicarakan oleh surah ini.

Surah ini membicarakan kedudukan yang wujud dalam kehidupan masyarakat kelompok Muslimin di Madinah pada masa itu di samping sejarah mereka dalam menghadapi khemah-khemah musuh yang menentang mereka. Kedudukan itu adalah sama sahaja di sepanjang zaman.

Di zaman sejarah kehidupan kelompok Muslimin di Madinah yang manakah turunnya surah ini?

Mengikut kebanyakan riwayat surah ini turun selepas Surah al-Fath dan yang diketahui umum Surah al-Fath adalah diturunkan dalam peristiwa Hudaybiyah di dalam tahun yang keenam Hijrah. Mengikut setengah-setengah riwayat surah ini diturunkan sekaligus kecuali ayat yang ketiga yang menyebut:

ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ

kerana ayat ini diturun pada masa Hujjatul-Wida' dalam tahun yang kesepuluh, tetapi hasil semakan yang objektif dan teliti terhadap surah ini dengan berlandaskan peristiwa-peristiwa sirah adalah hampir-hampir menolak riwayat yang mengatakan bahawa surah ini diturun sekaligus selepas Surah al-Fath lebih-lebih lagi di sana terdapat satu peristiwa dari peristiwa-peristiwa sirah di dalam Peperangan Badar

yang memberi kepastian bahawa ayat-ayat yang khusus mengenai pendirian Bani Israel terhadap Nabi Musa a.s. apabila mereka diperintah memasuki tanah suci Palestin adalah umum diketahui oleh kaum Muslimin sebelum berlakunya Peperangan Badar di dalam tahun yang kedua Hijrah. Cerita ini telah disebut oleh Sa'd ibn Mu'az al-Ansari r.a. menurut satu riwayat dan oleh al-Miqdad ibn'Amr mengikut satu riwayat yang lain ketika ia berkata kepada Rasulullah s.a.w.: Demi Allah, kami tidak akan berkata kepadamu, wahai Rasulullah, sebagaimana kaum Musa telah berkata kepada Musa:

فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَـٰتِلَآ إِنَّا هَـٰهُنَا قَـٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

"Pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Sesungguhnya kami akan menunggu di sini sahaja".(24)

Tetapi Kami akan berkata: "Pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah dan sesungguhnya Kami tetap mengikut jejak perjuanganmu."

Hasil semakan yang teliti itu menggambarkan keadaan yang sebenar, di mana kaum Yahudi semasa turunnya ayat-ayat yang khusus mengenai mereka adalah mempunyai kekuatan, pengaruh dan kegiatan yang jahat di Madinah dan di dalam barisan Muslimin yang memerlukan kepada penjelasan Al-Qur'an untuk mendedahkan tembelang pendirian mereka dan melumpuhkan tipudaya mereka yang jahat itu, tetapi kekuatan dan pengaruh mereka semakin kecil selepas pertempuran dengan kaum Yahudi Bani Qurayzah, iaitu selepas Peperangan Khandaq. Ketika itu bumi Madinah telah bersih dari tiga suku kaum Yahudi yang kuat iaitu suku Bani Qurayzah, suku Bani Nadhir dan Bani Qainuqa". Oleh itu selepas peristiwa Hudaibiyah mereka tidak lagi mempunyai kedudukan yang perlu diberi perhatian hingga ke tahap ini. Selain dari itu tempoh gencatan senjata dan rancangan damai dengan mereka telah pun tamat dan mereka tidak lagi mempunyai tempat setelah mereka menunjukkan belang mereka. Oleh itu firman Allah yang berikut yang ditujukan kepada Nabi-Nya yang mulia:

وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱصْفَحْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣﴾

"Dan engkau (Muhammad) masih melihat perbuatan khianat dari golongan mereka kecuali segelintir sahaja dari mereka (yang tidak melakukan pengkhianatan itu). Maafkan mereka dan biarkan mereka. Sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin."(13)

adalah secara pastinya diturunkan sebelum ini. Begitu juga ayat yang memerintah (dengan memberi pilihan) supaya dijalankan pengadilan di antara mereka atau berpaling dari mereka.

Dari pengamatan-pengamatan ini kami mendapat bukti yang kuat bahawa permulaan-permulaan surah ini dan setengah-setengah bahagiannya sahaja yang diturunkan selepas Surah al-Fath sementara beberapa bahagian yang lain adalah diturunkan sebelum itu, sedangkan ayat yang menyebut firman Allah yang berikut:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ

secara pastinya adalah diturunkan selepas itu kerana ayat ini ialah ayat Al-Qur'an yang terakhir turunnya mengikut pendapat yang lebih rajih dan jelaslah bahawa surah ini tidak diturunkan sekaligus seperti yang diterangkan oleh satu riwayat.

Sebagaimana kami telah tegaskan dalam kata pengantar Surah al-Baqarah, Surah Aali 'Imran dan Surah an-Nisa', maka di sini juga kami membuat penegasan yang sama tentang perjuangan yang diharungi oleh Al-Qur'an bersama kelompok Muslimin dalam usaha menentang musuh-musuh mereka dan musuh-musuh agama mereka terutama kaum Yahudi, kaum Musyrikin dan kaum Munafiqin di samping membina kefahaman dan pandangan Islam di dalam jiwa orang-orang yang beriman dan di samping mengatur masyarakat Islam dengan garis-garis panduan, undang-undang dan peraturan. Semuanya berlangsung serentak dalam satu waktu, dalam satu sistem dan dalam satu jiwa.

Dasar-dasar pembinaan yang paling penting ialah membersihkan 'aqidah tauhid dari segala kekeliruan dan kecemaran dan menjelaskan konsep "agama" sebagai satu cara hidup dan menegaskan bahawa pelaksanaan pengadilan dan pemerintahan hendaklah dengan menggunakan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah sahaja dan bahawa punca penerimaan undang-undang dan peraturan dalam seluruh urusan kehidupan adalah dari Allah Yang Maha Esa sahaja. Itulah erti keimanan dan keislaman yang sebenar dan tanpa pembinaan yang seperti ini, maka konsep mentauhidkan Allah tidak lagi wujud, kerana maksud dari mentauhidkan Allah ialah mempercayai bahawa Allah sahaja yang mempunyai sifat Uluhiyah dan ciri-cirinya tanpa disyarikati atau dikongsikan oleh sesiapa pun. Perbuatan memberi kepada manusia sifat hakimiyah atau sifat pemerintah atau pelaksaan keadilan yang menjadi salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah itu adalah sama dengan perbuatan menyembah sesama manusia dengan upacara-upacara ibadat. Di atas noktah inilah surah ini memberi penekanannya yang amat kuat sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

Walaupun maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh tiga surah panjang yang telah silam itu hampir sama dengan maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh surah ini sebagaimana dapat dilihat dari tinjauan yang

pantas ini, namun setiap surah mempunyai keperibadiannya yang tersendiri dan mempunyai suasana, bayangan dan gaya pengungkapan masing-masing dalam menghuraikan maudhu'-maudhu' ini dan sudut-sudut yang dibicarakannya, juga mempunyai sorotan-sorotan cahaya yang tersendiri yang difokuskan ke atas maudhu' itu dan mempunyai jenis fakta-fakta yang memberi kesan dan saranan yang tersendiri yang digunakan ketika membentangkan maudhu'-maudhu' itu. Pendeknya setiap surah masing-masing mempunyai keperibadiannya yang tersendiri yang membezakannya dari surah yang lain.

Ciri yang menonjol dari surah ini ialah ciri penjelasan dan pengungkapan yang tegas sama ada ketika menghuraikan hukum-hukum syara' yang memang memerlukan kepada penjelasan dan pengungkapan yang tegas di dalam Al-Qur'an seluruhnya atau ketika menghuraikan dasar-dasar dan garis-garis panduan yang mungkin di dalam surah-surah yang lain ia dijelaskan dalam bentuk-bentuk pengungkapan yang lain, tetapi di dalam surah ini ia dijelaskan dengan pengungkapan yang tegas, iaitu dengan menggunakan bentuk dan uslub penjelasan yang halus dan hemat. Inilah ciri umum yang membezakan syakhsiyah surah ini dari awal sehingga akhirnya.

* * * * * *

Sebelum kami mengakhiri kata pengantar surah ini, kami ingin tonjolkan satu hakikat yang terkandung di dalam ayat yang ketiga surah ini, kerana firman Allah S.W.T. yang ditujukan kepada umat Muslimin yang berbunyi:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu"(3)

adalah mengandungi konsep tauhid sumber hukum dan peraturan atau konsep wujudnya satu sumber yang tunggal atau punca pengambilan hukum dan peraturan dari sumber yang tunggal inilah umat Muslimin menerima segala peraturan hidup mereka, sistem masyarakat mereka dan undang-undang yang menyangkut perhubungan-perhubungan dan kepentingan-kepentingan mereka sehingga hari Kiamat. Dan ayat ini juga mengandungi hakikat ketetapan atau kemantapan agama ini dengan segala bahagiannya, iaitu bahagian i'tiqad, bahagian ibadat dan bahagian undang-undang dan peraturan. Semuanya tetap dan mantap tidak boleh diubah dan dipinda, kerana agama ini telah sempurna dan telah sampai ke titik akhirnya. Sebarang tindakan yang cuba mengubah dan membezakan sesuatu darinya adalah sama dengan tindakan mengingkarkan keseluruhannya, kerana tindakan itu mengingkarkan penjelasan yang telah diumumkan Allah bahawa agama ini telah pun dilengkap dan disempurnakan oleh-Nya. Keingkaran ini tidak syak lagi adalah satu pernyataan kekafiran. Adapun tindakan menafikan seluruh undang-undang dan peraturan agama ini dan memilih peraturan dan sistem hidup yang lain, maka tindakan itu tidak perlu kita sifatkan dengan sifat-sifat yang lain kerana Allah telah pun menetapkan sifat-sifatnya di dalam surah ini (iaitu sifat-sifat kafir, zalim dan fasiq) dan kita juga tidak perlu tambahkannya dengan sifat-sifat yang lain setelah Allah sendiri menetapkan sifat-sifatnya.

Ayat ini tidak syak lagi menjelaskan bahawa agama Islam adalah agama dan syari'at yang kekal abadi dan bentuk agama ini yang telah diredhai Allah untuk menjadi agama umat Muslimin itu adalah bentuk agama Allah yang terakhir. Agama Islam itulah syari'at Allah di zaman itu (zaman Rasulullah) dan syari'at Allah di setiap zaman. Tidak ada lagi syari'at dan agama bagi setiap zaman kerana agama Islam adalah risalah yang terakhir untuk umat manusia dan agama ini telah pun mengambil bentuknya yang lengkap dan sempurna dan telah pun diredhai Allah menjadi agama untuk seluruh manusia. Oleh itu sesiapa yang ingin mengubah, membeza, memperkembang dan sebagainya dari kata-kata yang lumrah diungkapkan di zaman ini, maka hendaklah ia mencari agama yang lain dari Islam.

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ

"Dan sesiapa yang mencari agama yang lain dari Islam, maka ia tidak akan diterima darinya."

(Surah Aali-'Imran:85)

Sistem hidup Ilahi ini adalah meliputi bidang-bidang kefahaman i'tiqad, syi'ar-syi'ar ibadat dan undang-undang dan peraturan yang mengawal seluruh aktiviti kehidupan manusia. Ia mengendali, mengawal dan menguasai seluruh kegiatan hidup mereka. Ia meluangkan kepada kehidupan manusia untuk subur dan berkembang maju dalam batas-batas lingkungannya tanpa melanggar mana-mana peraturan dasar dan peraturan kecilnya, kerana kedatangannya memang untuk tujuan ini dan kerana inilah juga ia layak menjadi agama yang terakhir bagi seluruh umat manusia.

Perkembangan kehidupan manusia di bawah naungan sistem Ilahi ini tidaklah mengertikan meninggalkan kehidupan atau membiarkannya kerana mematuhi mana-mana peraturan dasar atau mana-mana peraturan kecil dalam sistem itu, tetapi ia mengertikan bahawa tabi'at sistem hidup Ilahi itu mempunyai segala kemungkinan untuk menampung perkembangan-perkembangan itu tanpa melanggar mana-mana peraturan dasar atau mana-mana peraturan kecil. Dan ia juga mengertikan bahawa segala perkembangan dan kemajuan dalam kehidupan adalah telah dikira dan diperuntukkannya di dalam sistem itu, kerana tentulah tidak terluput dari ilmu Allah - ketika menyusun agama ini dalam bentuknya yang terakhir dan ketika mengisytiharkan

kesempurnaan agama ini dan keredhaan-Nya supaya ia menjadi agama seluruh manusia - bahawa di sana akan berlaku perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan dan akan timbul keperluan-keperluan manusia yang baru, juga akan wujud kehendak-kehendak baru yang akan dituntut oleh perkembangan-perkembangan dan keperluan-keperluan tadi. Oleh itu jelaslah bahawa agama Allah ini adalah semestinya dapat mendokong semua kehendak-kehendak itu.

Sesiapa yang tidak berfikir begini terhadap mana-mana urusan agama ini, maka bererti ia tidak membuat penilaian yang sebenar terhadap Allah.

Dengan ini kami akhiri kata pengantar yang umum dan ringkas bagi surah ini dan sekarang marilah kita masuk ke dalam huraian yang terperinci pula.

(Diiringi Jilid Yang Ketiga)

JUZU' KE-6

SURAH AL-MA'IDAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

SAMBUNGAN SURAH AL-MA'IDAH

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 11)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ۚ أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرُمٌ ۗ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ ﴿١﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحِلُّوا شَعَائِرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَائِدَ وَلَا آمِّينَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنْ رَبِّهِمْ وَرِضْوَانًا ۚ وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ أَنْ صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَنْ تَعْتَدُوا ۘ وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَامِ ۚ ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ ۗ الْيَوْمَ يَئِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِ ۚ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ۚ فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ ۙ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ ۖ قُلْ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ ۙ وَمَا عَلَّمْتُمْ مِنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ ۖ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٤﴾

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ ۖ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ ۖ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَافِحِينَ وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٥﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ۚ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا ۚ وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ ۚ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَٰكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٦﴾

وَاذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمِيثَاقَهُ الَّذِي وَاثَقَكُمْ بِهِ إِذْ قُلْتُمْ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٧﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ

إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾ وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٩﴾ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَحِيمِ ﴿١٠﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ هَمَّ قَوْمٌ أَن يَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ فَكَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنكُمْ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Tunaikanlah perjanjian-perjanjian (iman). Dihalalkan kepada kamu binatang-binatang ternakan kecuali binatang yang akan dibacakan (hukum haramnya selepas ini) kepada kamu dan (kecuali) kamu tidak boleh menghalalkan perburuan ketika kamu sedang berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum mengikut bagaimana Ia kehendaki (1). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghalalkan syi'ar-syi'ar Allah, juga jangan kamu menghalalkan bulan haram, jangan kamu (mengganggu) binatang-binatang hadiah dan binatang-binatang yang di kalung dan jangan kamu mengganggu para pengunjung Baitullah yang mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka dan apabila kamu berada dalam keadaan ihlal, maka bolehlah kamu berburu dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap satu kaum kerana mereka telah menghalangkan kamu dari Masjidil-Haram (mendorong) kamu untuk menceroboh dan hendaklah kamu saling membantu dalam usaha membuat kebajikan dan taqwa dan janganlah kamu saling membantu dalam melakukan perbuatan yang berdosa dan pencerobohan. Sesungguhnya Allah amat berat balasan keseksaan-Nya (2). Diharamkan kepada kamu bangkai, darah, daging babi, daging sembelihan yang disembelih atas nama yang lain dari Allah, binatang-binatang yang tercekik mati, yang dipukul mati, yang ditanduk mati dan yang dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu menyembelihnya dan binatang-binatang yang disembelih untuk berhala. (Juga diharamkan) menilik nasib dengan (anak-anak panah) azlam perbuatan itu adalah suatu kefasiqan. Pada hari ini orang-orang kafir telah berputus asa untuk (mengatasi) agama kamu. Oleh sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada Aku. Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu. Barangsiapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja melakukan dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (3). Mereka bertanya kepadamu: Apakah yang dihalalkan kepada mereka? Katakanlah dihalalkan kepada kamu segala makanan yang baik dan enak dan tangkapan binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajarkannya selaku pelatih-pelatih binatang pemburu dari kepandaian yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah binatang-binatang yang telah ditangkapnya untuk kamu dan sebutlah nama Allah di atasnya (ketika melepasnya) dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya (4). Pada hari ini Aku halalkan kepada kamu segala makanan yang baik dan enak. Dan makanan orang-orang dari Ahlil-Kitab (Yahudi dan Nasara) adalah halal untuk kamu dan makanan kamu adalah halal untuk mereka dan (dihalalkan kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan muhsan dari orang-orang yang beriman dan perempuan-perempuan muhsan dari kalangan Ahlil-Kitab sebelum kamu jika kamu memberi kepada mereka maskahwin mereka dengan maksud bernikah bukannya berzina dan bukan mengambil mereka sebagai perempuan-perempuan simpanan. Dan barangsiapa yang menghapuskan keimanan, maka gugurlah amalannya dan di Akhirat kelak dia tergolong di dalam golongan orang-orang yang rugi (5). Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bangkit untuk mengerjakan solat, maka hendaklah kamu basuh muka kamu dan kedua tangan kamu sampai kepada siku dan hendaklah kamu sapu sebahagian dari kepala kamu dan basuh kaki kamu sampai kepada dua buku lali, dan jika kamu berhadas besar maka hendaklah kamu bersuci (dengan mandi) dan jika kamu sakit atau dalam persafiran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu saling bersentuh dengan perempuan, sedangkan kamu tidak mendapat air maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah yang suci, iaitu sapulah muka kamu dan tangan kamu dengan tanah itu. Allah tidak sekali-kali berkehendak untuk menjadikan sebarang kesukaran kepada kamu, tetapi dia berkehendak untuk membersihkan kamu dan untuk menyempurnakan ni'mat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur (6). Dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu dan perjanjian-Nya yang telah diikat dengan kamu ketika kamu berkata: "Kami dengar dan kami ta'at" dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada kamu (7). Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi para penegak keadilan kerana Allah dan para saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Hendaklah kamu berlaku adil kerana keadilan itu lebih dekat kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (8). Allah telah berjanji dengan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi keampunan dan pahala yang amat besar (9). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami merekalah penghuni-penghuni Neraka (10). Wahai orang-orang yang beriman! Kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika satu kaum (Musyrikin) hendak menghulurkan tangan mereka menyerang kamu lalu Allah menahan tangan mereka dari menyerang kamu. Dan bertaqwalah kepada Allah dan kepada Allah jua hendaklah sekalian para Mu'minin berserah diri."(11)

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

"Wahai orang-orang yang beriman! Tunaikanlah perjanjian-perjanjian Allah."(1)

Pengertian Perjanjian Dengan Erti Kata Yang Seluas-luasnya

Hidup pastilah memerlukan peraturan-peraturan sama ada hidup seseorang dengan hatinya sendiri yang terletak di antara dua lambungnya atau hidup seseorang dengan yang lain, iaitu dengan orang

ramai, dengan makhluk-makhluk yang bernyawa dan dengan segala benda-benda yang lain. Hidup dengan orang ramai yang terdiri dari kaum kerabat yang dekat dan yang jauh, iaitu dari anggota-anggota keluarga, kelompok-kelompok dan umat seluruhnya, juga terdiri dari kawan-kawan dan lawan-lawan dan hidup dengan makhluk-makhluk yang bernyawa yang telah dijadikan Allah untuk manusia atau yang tidak ditundukkan kepada manusia dan hidup dengan segala benda-benda yang melingkungi manusia di alam buana yang lebar ini kemudian hidup seseorang dengan Tuhannya dan pelindungnya merupakan asas segala hidup yang lain.

Islam menegakkan peraturan-peraturan ini di dalam kehidupan manusia. Ia tegak dan menggariskannya dengan halus dan jelas dan seluruh peraturan itu adalah dihubungkan dengan Allah S.W.T. Serentak dengan itu Islam menjamin agar peraturan-peraturan itu diberi penghormatan yang wajib, ia tidak boleh dicabul dan dipersenda-sendakan. Ia tidak boleh diperlakukan mengikut kehendak-kehendak hawa nafsu dan keinginan hati manusia yang berubah-ubah dan ia tidak boleh mengikut kehendak-kehendak muslihat atau kepentingannya yang mendadak yang difikirkan oleh seseorang atau difikir oleh sekumpulan orang atau oleh satu umat atau satu generasi manusia. Oleh itu mereka tidak boleh menghancurkan peraturan-peraturan kerana muslihat atau kepentingan itu, kerana peraturan-peraturan yang ditegak dan digariskan Allah itu sendiri merupakan muslihat dan kepentingan yang sebenar walaupun ia tidak dipandang sebagai muslihat dan kepentingan oleh seseorang atau sekumpulan atau satu umat atau satu generasi manusia, kerana Allah Maha Mengetahui, sedangkan manusia tidak mengetahui dan segala peraturan yang ditetapkan Allah adalah lebih baik dari peraturan yang ditetapkan oleh manusia. Serendah-rendah adab sopan seseorang terhadap Allah Ta'ala ialah menuduh kebenaran penilaian atau pandangannya terhadap sesuatu muslihat atau kepentingan di hadapan penilaian Allah, tetapi mengikut adab sopan yang haqiqi seseorang tidak seharusnya mempunyai penilaian atau pandangan sendiri selain dari penilaian Allah dan tidak seharusnya mempunyai sikap yang lain terhadap penilaian Allah melainkan sikap ta'at, patuh dan berserah bulat kepada Allah dengan penuh keredhaan, keyakinan dan ketenangan.

Peraturan-peraturan inilah yang dinamakan Allah sebagai 'aqad-'aqad atau perjanjian-perjanjian dan menyuruh orang-orang yang beriman supaya menunai atau memenuhi kehendak-kehendak perjanjian-perjanjian ini. Surah ini dimulakan dengan perintah supaya menunaikan perjanjian-perjanjian dan selepas pembukaan ini ia terus menghuraikan hukum-hukum halal dan haram mengenai persembelihan-persembelihan, makanan-makanan, minuman-minuman dan pernikahan-pernikahan, menghuraikan berbagai-bagai hukum syara' dan ibadat, menghuraikan hakikat ibadat yang sahih, hakikat 'Ubudiyah dan hakikat Uluhiyah, menghuraikan bentuk-bentuk hubungan umat Muslimin dengan berbagai-bagai umat dan agama yang lain, menghuraikan tugas-tugas umat Muslimin selaku penegak keadilan kerana Allah, selaku para saksi yang adil dan selaku pengawas dan penjaga umat manusia dengan kitab suci mereka Al-Qur'an yang mengawasi kitab-kitab suci sebelumnya, menghuraikan kewajipan mereka agar mengadili dan memerintah dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah semuanya dan memberi amaran dan peringatan kepada mereka agar berwaspada dari percubaan-percubaan musuh yang hendak menyelewengkan mereka dari beberapa peraturan yang telah diturunkan Allah dan dari bersikap tidak adil kerana terpengaruh dengan perasaan-perasaan peribadi, sentimen kasih dan emosi benci dan marah.

Pembukaan surah yang diiringi dengan penjelasan yang sedemikian rupa memberikan kepada kata-kata "perjanjian-perjanjian" itu pengertian yang lebih luas dari pengertian yang biasa difaham sekali imbasnya. Ia mendedahkan bahawa yang dimaksudkan dengan perjanjian itu ialah setiap peraturan hidup yang telah ditetapkan Allah terutama perjanjian beriman kepada Allah, iaitu mengenal hakikat Uluhiyah-Nya dan kehendak 'Ubudiyah kepada Uluhiyah-Nya, kerana dari perjanjian inilah lahir dan tegaknya segala perjanjian yang lain dan segala peraturan hidup yang lain.

Perjanjian beriman kepada Allah dan pengakuan terhadap Uluhiyah, Rububiyah dan pentadbiran Allah dan kehendak-kehendak dari pengakuan ini, iaitu menunjukkan 'Ubudiyah dan iltizam yang sempurna, kepatuhan yang mutlaq dan penyerahan diri yang amat mendalam kepada Allah. Perjanjian ini telah diikati Allah dari awal lagi dengan Adam a.s. ketika Allah menyerahkan teraju khilafah di bumi dengan syarat dan perjanjian yang berbunyi:

قُلْنَا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّي هُدًى فَمَن تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾ وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٣٩﴾

"Kami telah berfirman: Turunlah kamu sekalian dari Syurga ini dan jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku (melalui para rasul), maka ingatlah sesiapa yang mematuhi hidayat-Ku, maka tidak ada sebarang ketakutan bagi mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita (38). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, merekalah penghuni-penghuni Neraka yang kekal abadi."(39)

(Surah al-Baqarah)

Itulah khilafah atau pentadbiran pemerintahan yang disyaratkan dengan kewajipan mengikut hidayat Allah yang diturunkan di dalam kitab-kitab suci-Nya kepada para rasul-Nya. Jika tidak, maka pemerintahan itu adalah bertentangan dengan perjanjian khilafah dan penyerahan kuasa memerintah. Pertentangan itu akan membuat setiap peraturan yang menyalahi peraturan yang diturunkan Allah itu adalah satu peraturan yang batil dari akar umbinya lagi dan tidak dapat dibetulkan semula. Pertentangan ini mewajibkan setiap orang yang beriman kepada Allah dan mahu menunaikan perjanjiannya dengan Allah menolak peraturan yang batil itu dan jangan mengi'tirafkannya dan seterusnya jangan berurusan dengannya dari awal lagi. Jika tidak, maka ini bererti dia tidak menunaikan perjanjiannya dengan Allah.

Perjanjian ini berulang-ulang kali diadakan dengan zuriat Adam a.s. ketika mereka masih berada di alam benih dari tulang belakang datuk nenek mereka sebagaimana telah diterangkan di dalam surah yang lain:

وَإِذۡ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِيٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمۡ ذُرِّيَّتَهُمۡ وَأَشۡهَدَهُمۡ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ أَلَسۡتُ بِرَبِّكُمۡۖ قَالُواْ بَلَىٰ شَهِدۡنَآۚ أَن تَقُولُواْ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنۡ هَٰذَا غَٰفِلِينَ ١٧٢

أَوۡ تَقُولُوٓاْ إِنَّمَآ أَشۡرَكَ ءَابَآؤُنَا مِن قَبۡلُ وَكُنَّا ذُرِّيَّةٗ مِّنۢ بَعۡدِهِمۡۖ أَفَتُهۡلِكُنَا بِمَا فَعَلَ ٱلۡمُبۡطِلُونَ ١٧٣

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari tulang belakang mereka dan Dia jadikan mereka saksi di atas diri mereka sendiri (seraya berfirman): 'Bukankah aku Tuhan kamu?' Jawab mereka: 'Benar! Kami mengaku' (agar dengan pengakuan ini) kamu tidak lagi berdalih: Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang lalai dan tidak sedar terhadap perkara ini (172). Sesungguhnya datuk nenek kamilah yang telah mempersekutukan Allah, sedangkan kami hanya anak-anak cucu selepas mereka sahaja oleh itu apakah Engkau akan membinasakan kami dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh orang-orang (dahulu) yang sesat itu."(173)

(Surah al-A'raf)

Perjanjian Dengan Zuriat Adam

Ini satu lagi perjanjian Allah dengan setiap individu, iaitu perjanjian yang diikati Allah dengan seluruh anak Adam semasa mereka berada di alam benih di dalam tulang belakang datuk nenek mereka. Di sini kita tidak sewajarnya bertanya: Bagaimana? Kerana Allah lebih mengetahui makhluk ciptaan-Nya dan lebih mengetahui bagaimana hendak berbicara dengan mereka dalam setiap tahap perkembangan hidup mereka dengan hujjah yang mengikatkan mereka. Di sini Allah S.W.T. telah menjelaskan bahawa Dia telah mengikat perjanjian ini dengan zuriat Adam, iaitu perjanjian mengi'tirafkan Rububiyah Allah ke atas mereka, maka pastilah kisah perjanjian itu benar-benar telah berlaku sebagaimana yang diceritakan oleh Allah S.W.T. sendiri. Oleh itu apabila zuriat Adam tidak menunai dan menyempurnakan perjanjian mereka dengan Allah, maka ini bererti mereka tidak setia kepada perjanjiannya.

Allah telah mengikat perjanjian dengan Bani Israel - sebagaimana akan diterangkan dalam surah ini - pada hari Bukit Tursina diangkat di atas kepala mereka seolah-olah payung dan mereka yakin bahawa bukit itu akan dihumban ke atas mereka dan dari penerangan surah ini kita akan mengetahui bagaimana mereka memungkiri perjanjian itu dan bagaimana mereka menerima akibat malapetaka yang telah diterima oleh setiap pemungkir janji.

Orang-orang yang beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. di masa itu telah mengikat perjanjian dengan Allah di atas tangan beliau, iaitu perjanjian ta'at setia yang tidak berbelah bagi sama ada di dalam keadaan senang atau susah. Mereka berjanji menafikan kepentingan diri (demi kepentingan agama) dan tidak membantah perintah pihak yang berwenang.

Setengah-setengah mereka mengadakan pula perjanjian-perjanjian khas selepas itu, iaitu perjanjian-perjanjian yang dilandaskan di atas perjanjian umum. Misalnya di dalam Perjanjian 'Aqabah yang kedua yang menghasilkan gerakan hijrah Rasulullah s.a.w. dari Makkah ke Madinah di sana terdapat satu perjanjian dengan para pemimpin Ansar dan di Hudaybiyah terdapat "Perjanjian Asy-Syajarah" iaitu "Bay'atur-Ridhwan" atau "Perjanjian Ridhwan."

Di atas landasan perjanjian iman dan 'Ubudiyah kepada Allah inilah tegaknya segala perjanjian yang lain sama ada khusus mengenai setiap perintah atau setiap larangan di dalam syari'at Allah atau berhubung kait dengan urusan-urusan mua'malah dengan manusia, makhluk-makhluk yang bernyawa dan kejadian-kejadian di alam buana ini mengikut batas-batas peraturan yang telah disyari'atkan Allah. Semuanya merupakan 'aqad-'aqad atau perjanjian-perjanjian, di mana sekalian Mu'minin, diseru dengan sifat Mu'min mereka supaya menunai dan menyempurnakan perjanjian-perjanjian itu, kerana sifat beriman itu mempasti dan menggalakkan supaya mereka menunaikan perjanjian-perjanjian itu. Inilah maksud seruan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَوۡفُواْ بِٱلۡعُقُودِۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Tunaikanlah perjanjian-perjanjian (iman)..... (1)"

Kemudian ayat-ayat yang berikut menghuraikan setengah-setengah 'aqad itu.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَوۡفُواْ بِٱلۡعُقُودِۚ أُحِلَّتۡ لَكُم بَهِيمَةُ

ٱلْأَنْعَٰمِ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّى ٱلصَّيْدِ وَأَنتُمْ حُرُمٌ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ ﴿١﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحِلُّوا۟ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ وَلَا ٱلشَّهْرَ ٱلْحَرَامَ وَلَا ٱلْهَدْىَ وَلَا ٱلْقَلَٰٓئِدَ وَلَآ ءَآمِّينَ ٱلْبَيْتَ ٱلْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَٰنًا ۚ وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَٱصْطَادُوا۟ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا۟ ۘ وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةُ وَٱلدَّمُ وَلَحْمُ ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ وَٱلْمُنْخَنِقَةُ وَٱلْمَوْقُوذَةُ وَٱلْمُتَرَدِّيَةُ وَٱلنَّطِيحَةُ وَمَآ أَكَلَ ٱلسَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى ٱلنُّصُبِ وَأَن تَسْتَقْسِمُوا۟ بِٱلْأَزْلَٰمِ ۚ ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ ۗ ٱلْيَوْمَ يَئِسَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَٱخْشَوْنِ ۚ ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ۚ فَمَنِ ٱضْطُرَّ فِى مَخْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِّإِثْمٍ ۙ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣﴾

يَسْـَٔلُونَكَ مَاذَآ أُحِلَّ لَهُمْ ۖ قُلْ أُحِلَّ لَكُمُ ٱلطَّيِّبَٰتُ ۙ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ ٱلْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ ٱللَّهُ ۖ فَكُلُوا۟ مِمَّآ أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَٱذْكُرُوا۟ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهِ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Tunaikanlah perjanjian-perjanjian (iman) itu. Dihalalkan kepada kamu binatang-binatang ternakan kecuali binatang yang akan dibacakan (hukum haramnya selepas ini) kepada kamu dan (kecuali) kamu tidak boleh menghalalkan perburuan ketika kamu sedang berihram.Sesungguhnya Allah menetapkan hukum mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya (1). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghalalkan syi'ar-syi'ar Allah, juga janganlah kamu menghalalkan bulan haram, janganlah kamu (mengganggu) binatang-binatang hadiah dan binatang-binatang yang di kalung dan janganlah kamu mengganggu para pengunjung Baitullah yang mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka dan apabila kamu berada dalam keadaan ihlal, maka bolehlah kamu berburu dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap satu kaum kerana mereka telah menghalangkan kamu dari Masjidil-Haram (mendorong) kamu untuk menceroboh dan hendaklah kamu saling membantu dalam usaha membuat kebajikan dan taqwa dan janganlah kamu saling membantu dalam melakukan perbuatan yang berdosa dan pencerobohan. Sesungguhnya, Allah amat berat balasan keseksaanNya (2). Diharamkan kepada kamu bangkai, darah, daging babi, daging sembelihan yang disembelih atas nama yang lain dari Allah, binatang-binatang yang tercekik mati, yang dipukul mati, yang ditanduk mati dan yang dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu menyembelihnya dan binatang-binatang yang disembelih untuk berhala. (Juga diharamkan) menilik nasib dengan (anak-anak panah) azlam perbuatan itu adalah suatu kefasiqan. Pada hari ini orang-orang kafir telah berputus asa untuk (mengatasi) agama kamu. Oleh sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada Aku. Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu. Barangsiapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja melakukan dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (3). Mereka bertanya kepadamu: Apakah yang dihalalkan kepada mereka? Katakanlah dihalalkan kepada kamu segala makanan yang baik dan enak dan tangkapan binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajarkannya selaku pelatih-pelatih binatang pemburu dari kepandaian yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah binatang-binatang yang telah ditangkapnya untuk kamu dan sebutlah nama Allah di atasnya (ketika melepasnya) dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya."(4)

Hukum-hukum haram dan halal (yang dihuraikan di dalam ayat ini) mengenai binatang-binatang sembelihan, jenis-jenis makanan, tempat-tempat dan waktu-waktu adalah semuanya termasuk di dalam 'aqad-'aqad atau perjanjian-perjanjian (yang wajib ditunaikan). Itulah 'aqad-'aqad atau perjanjian yang ditegakkan pada mulanya di atas 'aqad atau perjanjian iman. Oleh kerana itu orang-orang yang beriman adalah diwajibkan - mengikut perjanjian iman - supaya menerima hukum-hukum halal dan haram itu dari Allah Yang Maha Esa sahaja dan supaya tidak menerima sesuatu pun dari hukum-hukum ini dari punca-punca yang lain dari Allah. Oleh sebab itulah mereka diseru dengan menggunakan sifat orang yang beriman di permulaan huraian ini. Dan selepas itu barulah dijelaskan hukum-hukum halal dan haram:

أُحِلَّتْ لَكُم بَهِيمَةُ ٱلْأَنْعَٰمِ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ

"Dihalalkan kepada kamu binatang-binatang ternakan kecuali binatang-binatang yang akan dibacakan (hukum haramnya selepas ini)."(1)

Ternakan Yang Halal Dimakan

Berdasarkan konsep penentuan hukum halal ini adalah dari Allah, dari keizinan-Nya dan dari perundangan-Nya bukan dari mana-mana sumber atau punca yang lain, maka halallah bagi kamu memakan apa sahaja binatang yang termasuk dalam pengertian kata-kata "Al-An'am" atau "binatang ternakan" yang disembelih atau diburu kecuali binatang-binatang yang akan diterangkan hukum haramnya selepas ini sama ada hukum haramnya itu bersifat sementara atau kerana berkaitan dengan tempat atau bersifat sebagai pengharaman yang mutlaq pada mana-mana tempat dan pada bila-bila waktu sekalipun. Binatang ternakan meliputi unta, lembu(kerbau), kambing dan biri-biri termasuk yang liar darinya seperti lembu liar, hemar liar dan rusa.

Kemudian ayat yang berikut membuat pengecualian dari kenyataan yang umum itu. Pengecualian yang pertama ialah berburu dalam masa ihram:

غَيْرَ مُحِلِّي ٱلصَّيْدِ وَأَنتُمْ حُرُمٌ ۗ

"Tidak boleh menghalalkan perburuan ketika kamu sedang berihram."(1)

Haram Memburu Binatang Dalam Masa Ihram

Pengharaman di dalam ayat ini pada dasarnya dikenakan ke atas perbuatan berburu itu sendiri kerana ihram haji atau 'umrah itu melambangkan pembebasan diri dari segala punca hidup dan cara hidup yang biasa dan melambangkan pemusatan tawajjuh kepada Allah di Baitul-Haram, iaitu tempat suci yang dijadikan pusat perhimpunan manusia yang aman damai, di mana harus diberhentikan segala kegiatan dan tindakan menyerang atau menceroboh mana-mana makhluk yang hidup. Masa ihram merupakan masa kedamaian jiwa yang perlu bagi jiwa manusia, di mana ia dapat merasakan hubungan hidup bersama di antara semua makhluk yang hidup di bawah naungan Allah selaku pengurnia hayat dan di mana ia memberi keamanan dan diberi keamanan dari segala pencerobohan dan pencabulan. Di sini jiwa manusia dapat meringankan dirinya dari bebanan keperluan-keperluan hidup yang kerananya ia dihalalkan memburu burung-burung dan binatang-binatang untuk dijadikan makanan agar dalam tempoh ihram ini jiwa manusia dapat meningkatkan dirinya ke tahap yang lebih tinggi dari tahap hidup secara biasa. Dan agar sentiasa meletakkan harapan dan cita-citanya di ufuk yang luas dan gemilang itu.

Sebelum ayat-ayat yang berikut menghuraikan pengecualian-pengecualian dari hukum halal yang umum itu ia menghubungkan perjanjian ini dengan perjanjian yang lebih besar dan mengingatkan para Mu'minin terhadap sumber perjanjian itu:

إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ ۝١

"Sesungguhnya Allah menetapkan hukum mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya."(1)

Yakni Allah mempunyai kehendak masyi'ah yang bebas dan iradat yang mengatur hukum-hukum yang berkuatkuasa dan Dialah sahaja yang mempunyai kuasa mengaturkan hukum-hukum mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya. Di sana tiada siapa pun yang berkuasa menyatakan iradatnya di samping iradat Allah dan tiada siapa pun yang berhak mengaturkan hukum-hukum selepas hukum-hukum yang diaturkan oleh-Nya dan seterusnya tiada siapa pun yang berkuasa menolak hukum-hukum dan ketetapan-ketetapan-Nya. Dan inilah hukum-Nya yang menentukan halal dan haram sesuatu yang dikehendaki-Nya.

Kemudian dalam ayat yang berikut Al-Qur'an memulakan seruannya yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman untuk melarangkan mereka dari menceroboh perkara-perkara yang diharamkan Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحِلُّوا۟ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ وَلَا ٱلشَّهْرَ ٱلْحَرَامَ وَلَا ٱلْهَدْىَ وَلَا ٱلْقَلَٰٓئِدَ وَلَآ ءَآمِّينَ ٱلْبَيْتَ ٱلْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَٰنًا ۚ وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَٱصْطَادُوا۟ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghalalkan syi'ar-syi'ar Allah, juga janganlah kamu menghalalkan bulan haram, janganlah kamu (mengganggu) binatang-binatang hadiah dan binatang-binatang yang di kalung dan janganlah kamu mengganggu para pengunjung Baitullah yang mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka dan apabila kamu berada dalam ihlal, maka bolehlah kamu berburu."(2)

Pengertian yang paling dekat yang difaham dari maksud kata-kata "syi'ar-syi'ar Allah" di sini ialah syi'ar-syi'ar ibadat haji dan 'umrah, di mana terkandung di dalamnya perkara-perkara yang haram dilakukan oleh seseorang yang berihram dengan ibadat haji atau 'umrah sehingga ia selesai menunaikan ibadat hajinya dengan (bertahallul) dan menyembelih binatang-binatang korban yang telah dibawakannya ke Baitul-Haram. Oleh itu seseorang yang berihram tidak boleh melanggarkan perkara-perkara itu dalam masa ia berihram, kerana perbuatan itu menghinakan Hormatullah yang telah mensyari'atkan syi'ar-syi'ar ini. Al-Qur'an menghubungkan syi'ar-syi'ar itu kepada Allah untuk memuliakan-Nya dan menakutkan kita dari melanggarnya.

Yang dimaksudkan dengan "bulan haram" ialah bulan-bulan haram, iaitu bulan-bulan Rejab, Zulqaedah, Zulhijjah dan Muharram. Allah telah mengharamkan peperangan di dalam bulan-bulan ini. Sebelum Islam orang-orang Arab juga menghormati bulan-bulan ini, tetapi mereka mempermain-mainkannya mengikut kehendak hawa nafsu mereka, iaitu mereka menangguh-nangguhkan bulan-bulan itu berdasar fatwa setengah-setengah kahin atau setengah-setengah qabilah yang kuat, iaitu mereka

menangguh-nangguhkannya dari satu tahun ke satu tahun yang lain, tetapi apabila datang agama Islam, maka Allah mensyari'atkan pengharamannya berdasarkan perintah yang tetap dari Allah sejak Dia menciptakan langit dan bumi sebagaimana yang diterangkan oleh-Nya di dalam Surah at-Taubah:

إِنَّ عِدَّةَ ٱلشُّهُورِ عِندَ ٱللَّهِ ٱثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ مِنْهَآ أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ

"Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan (yang ditetapkan) dalam kitab Allah pada hari Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya ialah empat bulan haram. Itulah ketetapan agama yang lurus."

(Surah at-Taubah: 36)

Bulan-bulan Haram

Di sana juga Allah menjelaskan bahawa perbuatan menangguhkan bulan haram adalah satu perbuatan yang menambahkan kekufuran. Kini peraturan menghormati bulan-bulan haram telah ditetapkan dengan perintah Allah selama pencerobohan tidak berlaku ke atas orang-orang Islam dalam bulan-bulan itu dan andainya pencerobohan berlaku, maka mereka berhak membalas pencerobohan itu dan tidak membiarkan musuh-musuh yang menceroboh itu berlindung di sebalik kehormatan bulan-bulan haram kerana mereka tidak menghormatinya. Mereka tidak boleh berlindung di sebaliknya dengan tujuan menyerang orang-orang Islam kemudian pulang dengan selamat. Allah telah pun menjelaskan hukum haram berperang di dalam bulan-bulan haram sebagaimana kita telah lalui di dalam Surah al-Baqarah.

Yang dimaksudkan dengan "binatang hadiah" ialah binatang sembelihan yang dibawa oleh orang-orang yang mengerjakan haji atau 'umrah dan mengorbankannya pada akhir hari raya haji atau 'umrah dan dengan pengorbanan ini ia menamatkan syi'ar-syi'ar haji atau 'umrahnya. Binatang-binatang itu ialah unta atau lembu atau biri-biri. Maksud larangan jangan menghalalkan binatang-binatang itu ialah binatang-binatang itu tidak boleh disembelih kerana sesuatu tujuan yang lain dari tujuan haji atau 'umrah, yang kerananya binatang-binatang itu dibawa mereka, juga tidak boleh dikorbankannya melainkan pada hari korban di dalam ibadat haji dan ketika selesai mengerjakan ibadat 'umrah. Mereka seterusnya tidak boleh mengambil manfa'at sedikit pun dari daging, kulit dan bulu-bulu binatang itu malah seluruhnya hendaklah diberikan kepada fakir miskin.

Yang dimaksudkan dengan "binatang-binatang yang di kalung" ialah binatang-binatang ternakan yang dipakaikan kalung di lehernya oleh tuan-tuannya sebagai tanda bahawa binatang itu telah dinazarkan kepada Allah. Mereka melepaskan binatang-binatang itu meragut dengan bebas sehingga sampai masa ia dikorbankan di tempatnya dan termasuk di dalam kategori binatang ini ialah binatang-binatang hadiah yang ditanda dengan alamat hadiah dan dibebaskan sehingga sampai masa korban. Semua binatang ini diharamkan diganggu atau disembelih melainkan kerana tujuan yang telah ditetapkan kepadanya. Mengikut satu pendapat yang lain, yang dimaksudkan dengan "kalung-kalung" itu ialah kalung-kalung yang dipakai oleh orang-orang yang mahu mendapatkan keamanan dari pembalasan dendam atau keamanan dari musuh dan sebagainya. Mereka membuat kalung-kalung itu dari pokok-pokok tanah haram dan memakainya dan dengan kalung ini dapatlah mereka berjalan dengan bebas dan aman di tanah haram tanpa diserang oleh sesiapa pun, tetapi pendokong-pendokong pendapat ini telah berkata: Bahawa (keamanan dengan memakai kalung) itu telah dimansukhkan dengan firman Allah:

إِنَّمَا ٱلْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا۟ ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ

"Sesungguhnya orang-orang Musyrikin itu najis. Oleh kerana itu janganlah mereka mendekati Masjidil-Haram."

(Surah at-Taubah: 28)

dan firman-Nya:

فَخُذُوهُمْ وَٱقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ

"Maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu menemui mereka"

(Surah an-Nisa': 91)

Pendapat yang lebih kuat ialah pendapat yang pertama, iaitu pendapat yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan "kalung-kalung" itu ialah binatang-binatang ternakan yang dikalung untuk dijadikan nazar kepada Allah. Ia disebut selepas disebut binatang-binatang hadiah yang dikalung untuk dikorbankan dalam ibadat haji atau 'umrah kerana ada hubungan yang rapat di antara keduanya.

Pengunjung Baitullah al-Haram Diganggu

Begitu juga Allah mengharamkan perbuatan mengganggu pengunjung-pengunjung Baitullah yang mencari limpah kurnia dan keredhaan Allah, iaitu mereka berkunjung ke Baitullah untuk menjalankan perniagaan yang halal dan menuntut keredhaan dari Allah baik selaku jamaah haji mahupun selaku bukan jama'ah haji dan Allah mengurniakan kepada mereka keamanan di kawasan rumah suci-Nya.

Kemudian Allah menghalalkan berburu apabila selesai tempoh ihram di luar kawasan Baitul-Haram, kerana tidak dihalalkan berburu di dalam kawasan Baitul-Haram.

Allah telah jadikan kawasan Baitul-Haram itu sebagai kawasan aman sebagaimana Dia jadikan bulan-bulan haram itu sebagai masa aman. Dalam lingkungan kawasannya manusia, haiwan, burung-burung dan pokok diamankan dari sebarang gangguan dan pencerobohan. Itulah kedamaian dan keamanan yang mutlaq yang menyelubungi BaitulHaram sebagai memperkenankan do'a Nabi Ibrahim bapa umat Muslimin yang mulia. Dan keamanan ini menyelubungi seluruh negeri Makkah selama empat bulan penuh dalam setahun di bawah naungan Islam, iaitu keamanan yang dapat dirasakan kemanisan, ketenteraman dan ketenangannya oleh hati manusia agar mereka memeliharanya dengan baik - mengikut syarat-syaratnya - dan agar mereka memelihara perjanjian Allah dan berusaha menerapkan keamanan itu dalam seluruh kehidupan mereka di sepanjang tahun dan di setiap tempat.

Dalam suasana Hormatullah dan kawasan aman, Allah menyeru para Mu'minin yang telah mengikat perjanjian dengan-Nya supaya memenuhi perjanjian mereka dan meningkatkan diri mereka ke tahap peranan yang dipegang oleh mereka, iaitu peranan kepimpinan umat manusia tanpa terpengaruh kepada emosi-emosi dan sentimen-sentimen peribadi dan tanpa dijejaskan oleh kejadian-kejadian yang mendadak dalam kehidupan....... Allah menyeru mereka supaya jangan menceroboh walaupun terhadap mereka yang pernah menghalangkan mereka memasuki Masjidil-Haram pada tahun Hudaybiyah dan sebelumnya. Mereka telah meninggalkan luka-luka dan parut-parut di dalam hati kaum Muslimin kerana penghalangan itu. Mereka telah meninggalkan perasaan benci dan marah di dalam hati mereka, tetapi perkara sentimen itu merupakan satu persoalan, dan kewajipan mereka selaku umat Muslimin merupakan satu persoalan yang lain pula, iaitu satu persoalan yang sesuai dengan peranan mereka yang amat besar:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا۟ ۘ وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

"Dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap satu kaum kerana mereka telah menghalangkan kamu dari Masjidil-Haram mendorong kamu untuk menceroboh dan hendaklah kamu saling membantu dalam usaha membuat kebajikan dan taqwa dan janganlah kamu saling membantu dalam melakukan perbuatan yang berdosa dan pencerobohan. Sesungguhnya Allah amat berat balasan keseksaan-Nya."(2)

Itulah kemuncak pengawalan diri dan toleransi hati yang pasti didaki oleh umat Muslimin yang ditugas oleh Allah supaya memimpin umat manusia, iaitu memberi hidayat kepada mereka dan meningkatkan mereka ke kemuncak yang mulia dan gemilang ini.

Itulah tanggungjawab kepimpinan dan peranan menjadi saksi terhadap umat manusia, iaitu tanggungjawab yang mewajibkan kaum Muslimin melupakan segala gangguan dan kesusahan yang telah menimpa diri mereka agar mereka dapat menunjukkan satu contoh perilaku yang diwujudkan oleh Islam dan satu contoh peningkatan diri yang diciptakan oleh Islam dan dengan perilaku dan peningkatan diri ini mereka dapat memberi kesaksian atau bukti yang baik terhadap keunggulan Islam yang boleh menarik dan memikat hati manusia yang lain kepadanya.

Itulah satu taklif yang amat besar, tetapi di dalam bentuk yang tidak menyulit dan menyusahkan manusia dan tidak membebankan mereka di luar kemampuan mereka. Islam mengiktiraf bahawa mereka berhak menyatakan kemarahan dan meluahkan kebencian mereka, tetapi mereka tidak berhak menceroboh dan mencabul ketika kemarahan mereka sedang mendidih dan kebencian mereka sedang meluap-luap. Di samping itu ayat ini menyarankan agar umat Muslimin bekerjasama dan saling membantu dalam gerak-kerja kebajikan dan taqwa dan jangan bekerjasama dan saling membantu dalam melakukan dosa dan pencerobohan, kemudian ia mengancamkan mereka dengan balasan Allah dan menyuruh mereka bertaqwa kepada-Nya agar dengan pertolongan perasaan taqwa mereka dapat mengawal emosi mereka dan dapat meluhurkan diri dan bertoleransi demi bertaqwa kepada Allah dan mencari keredhaan-Nya.

Dengan cara pendidikan Rabbani, tarbiyah Islamiyah telah berjaya mengasuh jiwa orang-orang Arab tunduk kepada perasaan taqwa yang kuat dan membiasakan diri mereka dengan perilaku yang mulia, sedangkan dulunya jiwa mereka amat jauh dari tahap dan aliran ini. Cara tindak-tanduk orang-orang Arab yang biasa dan dasar orang-orang Arab yang masyhur ialah "tolonglah saudara anda sama ada ia zalim atau kena zalim" itulah perasaan fanatik jahiliyah dan perkauman. Pada mereka bekerjasama dan saling membantu dalam kerja-kerja yang berdosa dan menceroboh adalah lebih dekat dan lebih kuat dari bekerjasama dalam kerja-kerja kebajikan dan taqwa. Mereka berikat untuk saling membantu dan bekerjasama kerana kebatilan sebelum bekerjasama kerana kebenaran, dan di zaman jahiliyah jarang terdapat satu perikatan yang bertujuan membela kebenaran. Sikap yang seperti ini adalah satu sikap yang biasa di dalam mana-mana masyarakat yang tidak mempunyai pertalian dengan Allah dan tidak mengambil tradisi-tradisi dan akhlak-akhlaknya dari agama Allah dan neraca Allah. Sikap ini dilambangkan oleh cogankata jahiliyah yang masyhur - "Tolonglah saudara anda sama ada ia zalim atau dizalimi."

Dan dasar ini telah diungkapkan oleh penyair jahiliyah (Durayd ibn as-Sumat) dalam sajaknya yang berbunyi:

Aku ini tiada lain
Melainkan anak dari suku Ghaziyah
Sesat Ghaziyah sesatlah aku
Betul Ghaziyah betullah aku

Saranan Bertindak Mengikut Lunas Keadilan Bukan Mengikut Sentimen

Kemudian datang agama Islam dan datang cara pendidikan Rabbani berkata kepada orang-orang yang beriman:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا۟ ۘ وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

"Dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap satu kaum kerana mereka telah menghalangkan kamu dari Masjidil-Haram mendorong kamu untuk menceroboh dan hendaklah kamu saling membantu dalam usaha membuat kebajikan dan taqwa dan janganlah kamu saling membantu dalam melakukan perbuatan yang berdosa dan pencerobohan. Sesungguhnya Allah amat berat balasan keseksaan-Nya."(2)

Ia datang untuk mengikatkan hati manusia dengan Allah dan mengikatkan ukuran nilai-nilai dan akhlak dengan ukuran dan neraca Allah. Ia datang untuk mengeluarkan bangsa Arab dan umat manusia seluruhnya dari kefanatikan jahiliyah, dari ta'assub perkauman, dari tekanan perasaan dan emosi peribadi dan dari sentimen kekeluargaan dan kesukuan dalam bidang mua'malah dengan kawan dan lawan.

"Manusia" telah dilahirkan semula di Semenanjung Tanah Arab, iaitu manusia baru yang berakhlak dengan akhlak-akhlak Allah. Ia juga merupakan hari kelahiran yang baru bangsa Arab dan hari kelahiran yang baru bagi manusia di seluruh bumi ini. Sebelum Islam tidak ada di Semenanjung Tanah Arab melainkan jahiliyah yang fanatik secara membabi buta (dan bercogankan) - "Tolong saudara anda sama ada ia zalim atau dizalimi."

Begitu juga tidak ada di seluruh bumi ini melainkan hanya jahiliyah yang fanatik secara membabi buta ini sahaja.

Jurang yang luas di antara dasar jahiliyah dengan ufuk Islam yang tinggi adalah sama dengan jurang yang wujud di antara cogankata jahiliyah - "Tolonglah saudara anda sama ada ia zalim atau dizalimi" dengan firman Allah:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا۟ ۘ وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

"Dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap satu kaum kerana mereka telah menghalangkan kamu dari Masjidil-Haram mendorong kamu untuk menceroboh dan hendaklah kamu saling membantu dalam usaha membuat kebajikan dan taqwa dan janganlah kamu saling membantu dalam melakukan perbuatan yang berdosa dan pencerobohan. Sesungguhnya Allah amat berat balasan keseksaan-Nya."(2)

Jurang perbezaan itu terlalu jauh!

* * * * * *

Makanan-makanan Yang Diharam

Ayat yang berikut mulai menghuraikan apa yang dikecualikannya dari ayat yang pertama mengenai hukum yang menghalalkan binatang-binatang ternakan:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةُ وَٱلدَّمُ وَلَحْمُ ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ وَٱلْمُنْخَنِقَةُ وَٱلْمَوْقُوذَةُ وَٱلْمُتَرَدِّيَةُ وَٱلنَّطِيحَةُ وَمَآ أَكَلَ ٱلسَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى ٱلنُّصُبِ وَأَن تَسْتَقْسِمُوا۟ بِٱلْأَزْلَٰمِ ۚ ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ ۗ ٱلْيَوْمَ يَئِسَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَٱخْشَوْنِ ۚ ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ۚ فَمَنِ ٱضْطُرَّ فِى مَخْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِّإِثْمٍ ۙ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣﴾

"Diharamkan kepada kamu bangkai, darah, daging babi, daging sembelihan yang disembelih atas nama yang lain dari Allah, binatang-binatang yang tercekik mati, yang dipukul mati, yang ditanduk mati dan yang dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu menyembelihnya dan binatang-binatang yang disembelih untuk berhala. (Juga diharamkan) menilik nasib dengan (anak-anak panah) azlam perbuatan itu adalah suatu kefasiqan. Pada hari ini orang-orang kafir telah berputus asa untuk (mengatasi) agama kamu. Oleh sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada Aku. Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan

ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu. Barangsiapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja melakukan dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(3)

Bangkai, darah dan daging babi telah pun diterangkan hukumnya dan alasannya masing-masing sekadar yang dapat dicapai oleh ilmu pengetahuan manusia terhadap hikmat undang-undang Ilahi ketika mentafsirkan ayat Surah al-Baqarah yang khusus mengenai makanan-makanan yang diharamkan itu (lihat Tafsir Fi Zilal juzu' yang kedua). Sama ada ilmu pengetahuan manusia dapat menangkap hikmat pengharaman itu atau tidak, namun ilmu Ilahi telah menjelaskan bahawa makanan-makanan yang diharamkan ini adalah makanan-makanan yang tidak baik. Keterangan ini sahaja sudah cukup, kerana Allah tidak mengharamkan melainkan makanan-makanan yang tidak baik atau makanan-makanan yang membahayakan hidup manusia dalam mana-mana aspeknya sama ada manusia telah mengetahui bahaya itu atau masih tidak mengetahuinya. Apakah kini ilmu manusia telah sampai ke tahap mengetahui segala makanan yang berbahaya dan segala makanan yang berguna?

Hukum Binatang-binatang Yang Disembelih Dan Yang Mati Tidak Disembelih

Adapun binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah, maka binatang itu diharamkan makan kerana ia bertentangan dari awal-awal lagi dengan konsep keimanan, kerana keimanan ialah mentauhidkan Allah, iaitu mempercayai bahawa Allah sahaja yang berhak dengan sifat Uluhiyah dan hasil dari kepercayaan tauhid ini lahirlah kehendak-kehendaknya yang tertentu. Dan kehendak yang terutama dari kehendak-kehendak ini ialah memusatkan tawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dalam setiap niat dan amalan, menyebut nama Allah sahaja dalam setiap tindakan dan harakat, iaitu setiap harakat dan setiap tindakan hendaklah dimulakan dengan nama Allah Yang Maha Esa sahaja. Oleh itu segala sembelihan yang disembelih atas nama yang lain dari Allah atau disebut ketika sembelih nama yang lain dari Allah (begitu juga segala sembelihan yang tidak disebut nama Allah atau nama sesiapa pun) adalah haram dimakan kerana ia membatalkan keimanan dari asasnya lagi dan kerana dari awal lagi ia tidak terbit dari keimanan. Oleh sebab itu sembelihan ini dianggap keji dari segi ini dan digolongkan di dalam kategori makanan-makanan keji seperti bangkai, darah dan daging babi.

Adapun binatang-binatang yang mati tercekik, binatang-binatang yang mati dipukul dengan tongkat atau kayu atau batu, binatang-binatang yang mati terjatuh dari bumbung atau bukit atau jatuh ke dalam telaga, binatang-binatang yang mati ditanduk binatang yang lain dan binatang-binatang yang mati dibaham binatang-binatang buas, maka semuanya termasuk ke dalam kategori bangkai jika tidak sempat disembelih semasa ia masih bernyawa dan hukumnya ialah hukum bangkai:

"Kecuali yang kamu sempat menyembelihkannya."(3)

Al-Qur'an memperincikan binatang-binatang ini di sini untuk menolak kekeliruan bahawa binatang-binatang ini mempunyai hukum yang berasingan, namun demikian di sana memang ada perincian yang lain di dalam pendapat-pendapat ahli fiqah dan ada perselisihan pandangan mereka mengenai hukum sembelih dan bilakah binatang-binatang itu dikira sebagai binatang-binatang yang disembelih. Setengah-setengah pendapat mengeluarkan dari kategori binatang yang disembelih mana-mana binatang yang biasanya akan mati dengan segera atau pasti mati jika terkena kemalangan itu. Oleh itu binatang yang seumpama ini tidak dikira sebagai binatang yang disembelih sekalipun ia sempat disembelih. Sementara setengah-setengah pendapat yang lain mengirakannya sebagai binatang yang disembelih apabila ia sempat disembelih ketika ia masih bernyawa walau bagaimana sekalipun kemalangan yang menimpanya. Huraian yang terperinci boleh dicari di dalam kitab-kitab fiqah yang khusus membicarakan persoalan ini.

Adapun binatang yang disembelih untuk berhala-berhala ialah binatang-binatang yang disembelih untuk berhala-berhala yang didirikan di Ka'abah (pada masa itu). Biasanya orang-orang Musyrikin menyembelihkan binatang-binatang itu berhampiran dengan berhala-berhala itu dan melumurkan rumah Ka'abah dengan darahnya di zaman jahiliyah. Sama dengan binatang-binatang yang disembelih kerana berhala-berhala di Ka'abah ialah binatang-binatang yang disembelih untuk berhala-berhala yang lain di mana-mana tempat sekalipun. Hukum binatang, itu ialah haram kerana ia disembelihkan untuk berhala-berhala walaupun disebut nama Allah (ketika menyembelihkannya) kerana perbuatan itu mengandungi konsep syirik terhadap Allah.

Menilik Nasib Dengan Anak Panah

Akhirnya ialah perbuatan menilik nasib dengan azlam, iaitu anak-anak panah yang digunakan mereka untuk mendapat nasihat apabila mereka hendak melakukan sesuatu pekerjaan atau hendak meninggalkannya. Mengikut satu riwayat azlam itu terdiri dari tiga batang anak panah dan mengikut satu pendapat yang lain tujuh anak panah. Azlam ini juga digunakan untuk permainan judi yang terkenal di sisi orang-orang Arab. Di dalam perjudian ini unta yang dijadikan pertaruhan itu akan dibahagikan di antara para peserta berdasarkan petunjuk-petunjuk anak-anak panah itu. Kerana setiap peserta diperuntukkan satu anak panah kemudian dipusing dan andainya anak panah yang diperuntukkan kepada seseorang itu keluar, maka dia akan mendapat habuan dari daging unta pertaruhan itu sebanyak yang diperuntukkan kepada anak panah itu. Oleh kerana itu Allah mengharamkan perbuatan menilik nasib dengan anak panah azlam, kerana ia merupakan sejenis perjudian

yang diharamkan, juga mengharamkan daging yang dibahagikan dengan perantaraan undian azlam.

Dalam Keadaan Darurat Yang Haram Menjadi Halal

فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

"Barang siapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja melakukan dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(3)

Orang yang terpaksa kerana kelaparan yang mengancam keselamatan nyawanya diharuskan kepadanya memakan benda-benda yang haram itu selama ia tidak sengaja hendak melakukan dosa dan mengerjakan perkara yang haram. Para ahli fiqah telah berselisih pendapat dalam menentukan had makan yang diharuskan itu. Adakah sekadar menyelamatkan nyawa sahaja atau mengikut had yang mencukupi dan kenyang atau sampai kepada had boleh disimpan untuk waktu-waktu makan selanjutnya jika dikhuatirkan putus makanan. Kita tidak payah masuk ke dalam perincian-perincian yang panjang lebar mengenai masalah ini, malah cukuplah kepada kita menyedari dasar kemudahan yang terkandung di dalam agama Islam ini, di mana ia memberi hukum-hukum ringan yang tidak menyulit dan menyusahkan dalam menghadapi keadaan-keadaan darurat dan menggantungkan semua persoalan ini kepada niat yang jujur dan taqwa kepada Allah. Oleh itu sesiapa yang melakukannya kerana terpaksa tanpa berniat hendak melakukan perkara yang haram, maka tidak ada apa-apa kesalahan dan hukuman di atasnya.

فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

"Maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(3)

Setelah selesai menghuraikan makanan-makanan yang haram marilah kita berhenti sejenak di hadapan pernyataan yang diselingkan di celah-celah ayat yang menerangkan hukum-hukum haram itu, iaitu firman Allah:

Islam Merupakan Anugerah Allah Yang Sempurna Kepada Umat Manusia

الْيَوْمَ يَئِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِ ۚ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ۚ

"Pada hari ini orang-orang kafir telah berputus asa untuk (mengatasi) agama kamu. Oleh sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada Aku. Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

Inilah ayat yang terakhir dari Al-Qur'anul-Karim yang diturun untuk mengumumkan kesempurnaan agama Islam dan kesempurnaan ni'mat Allah dan dengan turunnya ayat ini Umar r.a. melihat dengan matahatinya yang tajam dan merasa dengan hatinya yang sampai kepada hakikat bahawa masa hidup Rasulullah s.a.w. tidak lama lagi akan berakhir, kerana beliau telah menyempurnakan amanahnya dan menyampaikan risalahnya dan tiada tugas yang lain lagi bagi beliau kecuali menemui Allah. Mengenangkan hakikat ini Umar r.a. terus menangis dan dia benar-benar merasa bahawa hari perpisahan dengan beliau sedang mendekati.

Apakah maksud kata-kata yang agung ini disebut dalam ayat yang membicarakan tentang hukum-hukum haram dan halal setengah-setengah makanan ini dan disebut dalam surah ini yang menjelaskan beberapa tujuan dasar yang telah kami ulaskan sebelum ini? Di antara maksudnya ialah untuk menegaskan bahawa syari'at Allah adalah suatu keseluruhan yang sepadu dan tidak berbelah-bagi sama ada yang berhubungkait dengan kefahaman dan i'tiqad atau yang berhubungkait dengan syi'ar-syi'ar dan ibadat-ibadat atau yang berhubungkait dengan peraturan-peraturan kemasyarakatan dan undang-undang antarabangsa, kerana keseluruhan ini merupakan "agama" yang telah diterangkan di dalam ayat ini bahawa Allah telah menyempurnakannya dan juga merupakan "ni'mat" yang telah dibentangkan Allah di dalam ayat ini bahawa Dia telah menyempurnakan penganugerahan-Nya kepada mereka. Ia bermaksud menjelaskan bahawa di dalam agama Islam tidak ada sebarang perbezaan di antara perkara-perkara yang berkaitan dengan kefahaman dan i'tiqad dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan halal dan haram dan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan peraturan-peraturan kemasyarakatan dan undang-undang antarabangsa kerana keseluruhannya membentuk satu sistem Rabbani yang diredhai Allah kepada orang-orang yang beriman. Sebarang tindakan melanggar mana-mana bahagian dari sistem Allah ini bererti melanggar keseluruhannya, iaitu melanggar agama Islam yang boleh mengakibatkan seseorang itu terkeluar dari Islam. Dalam persoalan ini haruslah dirujukkan kepada penjelasan kami yang telah dihuraikan sebelum ini, iaitu sebarang tindakan menolak atau enggan menerima mana-mana bahagian dari peraturan agama Allah yang telah diredhakan Allah kepada orang-orang yang beriman dan menukarkannya dengan peraturan yang lain dari peraturan ciptaan manusia adalah terang-terang bererti menolak Uluhiyah Allah S.W.T. dan memberi ciri-ciri Uluhiyah kepada setengah-setengah manusia, juga bererti mencabul kuasa Allah di bumi serta mendakwa mempunyai ciri Uluhiyah yang utama, iaitu ciri

memerintah dan mengadili dan ini adalah terang-terang bererti melanggar agama Islam yang mengakibatkan seseorang itu keluar dari Islam.

ٱلْيَوْمَ يَئِسَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن دِينِكُمْ

"Pada hari ini orang-orang kafir telah berputus asa untuk (mengatasi) agama kamu."(3)

Islam Tetap Utuh Dan Abadi Walaupun Digugat Orang-orang Kafir

Yakni mereka berputus asa untuk menghapuskan agama Allah atau mencacatkannya atau memesongkannya kerana Allah telah menetapkan kesempurnaannya dan merakamkan keabadiannya. Mereka mungkin berjaya mengalahkan kaum Muslimin dalam suatu peperangan atau dalam suatu masa yang tertentu tetapi mereka tidak mungkin mengalahkan agama ini, kerana Islam adalah satu-satunya agama yang kekal terpelihara tidak dapat dilanda kemusnahan dan terselamat dari pemesongan. Walaupun begitu kerap dicuba dan dirancangkan berbagai-bagai tipu daya yang jahat oleh musuh-musuh mereka dan walaupun penganut-penganutnya sendiri begitu jahil terhadap hakikatnya di dalam setengah-setengah zaman, namun Allah tidak mengosongkan bumi ini dari kelompok Muslimin yang benar-benar mengenal hakikatnya dan berjuang membelanya hingga ia kekal terpelihara dan difahami dengan sempurna dalam kalangan mereka sehingga dapat diserahkannya kepada generasi yang datang selepas mereka. Alangkah benarnya apa yang telah diterangkan Allah bahawa orang-orang kafir telah berputus asa untuk menggugatkan agama ini.

فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَٱخْشَوْنِ ۚ

"Oleh sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku."(3)

Orang-orang kafir tidak akan berjaya menggugatkan agama Islam buat selama-lamanya dan mereka tidak dapat menggugatkan penganut-penganutnya kecuali mereka menyeleweng darinya dan tidak menjadikan diri mereka sebagai terjemahannya yang hidup, tidak menyempurnakan tugas-tugas dan kehendak-kehendaknya dan tidak melaksanakan nas-nas dan matlamat-matlamatnya di dalam realiti hidup mereka.

Arahan dan bimbingan dari Allah yang ditujukan kepada kelompok Muslimin yang berada di Madinah ini bukanlah dikhususkan kepada generasi ini sahaja, malah ia adalah satu pengumuman yang ditujukan kepada sekalian orang-orang yang beriman di setiap zaman dan tempat. Kami maksudkan dengan "orang-orang yang beriman" di sini ialah orang-orang yang meredhai agama ini sebagaimana ia diredhai Allah, iaitu keredhaan dalam ertikatanya yang sempurna dan syamil, di mana mereka memilih seluruh agama ini sebagai sistem hidup mereka seluruhnya. Mereka yang seperti inilah sahaja dianggap sebagai orang-orang yang benar-benar beriman kepada agama ini.

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ۚ

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

Maksud "pada hari ini" ialah hari diturunkan ayat ini semasa haji al-Wida' yakni pada hari ini Allah telah menyempurnakan agama ini dan ia tidak lagi memerlukan tokok tambah yang lain. Pada hari ini Allah telah menyempurnakan penganugerahan ni'mat-Nya yang agung kepada orang-orang yang beriman, iaitu ni'mat penganugerahan satu sistem hidup yang sempurna dan syamil dan Allah telah merestukan "Islam" sebagai agama mereka. Oleh kerana itu sesiapa yang tidak meredhai agama ini menjadi sistem hidupnya, maka bererti ia menolak agama yang telah direstukan Allah kepada para Mu'minin.

* * * * * *

Makna Kesempurnaan Islam

Apabila seorang Mu'min berdiri di hadapan ayat yang mengandungi ungkapan-ungkapan yang agung ini, maka ia hampir-hampir tidak habis-habis melihat berbagai-bagai hakikat yang besar, berbagai-bagai bimbingan yang amat mendalam, berbagai-bagai kehendak dan kewajipan yang terkandung di dalam ayat ini.

Pertama: Ia berdiri di hadapan hakikat penyempurnaan agama ini, di mana terbayang dalam benaknya gambaran angkatan iman, angkatan risalah-risalah dan para rasul sejak permulaan sejarah manusia, sejak rasul pertama Adam a.s. hingga kepada risalah yang terakhir ini, iaitu risalah Nabi Muhammad s.a.w. yang ummi kepada seluruh umat manusia. Apakah yang dilihatkan olehnya? Ia melihat angkatan iman yang bersambung-sambung melihat angkatan hidayat dan nur, ia melihat batu-batu pedoman di sepanjang jalan, ia melihat setiap rasul - sebelum Muhammad Khatamin-Nabiyin - adalah diutuskan untuk kaumnya sahaja dan ia melihat setiap risalah - sebelum risalah yang terakhir - adalah dikhususkan untuk satu jangka masa yang tertentu sahaja. Ia hanya merupakan satu risalah khusus untuk sekumpulan manusia yang tertentu di dalam persekitaran yang tertentu sahaja. Oleh sebab itu risalah-risalah ini dicorak dan disesuaikan dengan suasana-suasana dan keadaan-keadaan ini. Seluruh risalah itu menyeru kepada bertuhankan Allah Yang Maha Esa - inilah konsep tauhid - seluruhnya menyeru kepada 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa - inilah konsep agama - seluruhnya menyeru kepada dasar penerimaan undang-undang dan peraturan dari Allah Yang Maha Esa sahaja dan patuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja - inilah konsep Islam - seluruhnya menyeru kepada Allah Yang Maha Esa - inilah konsep agama - tetapi setiap risalah itu

mempunyai syari'at atau undang-undang dan peraturan hidup yang sesuai dengan persekitaran, suasana zaman dan kedudukan keadaan itu.

Sehingga apabila Allah berkehendak menamatkan risalah-risalah-Nya kepada umat manusia, maka Dia mengutuskan kepada mereka seorang rasul Khatamin-Nabiyin membawa satu risalah untuk umat manusia seluruhnya bukan untuk satu kumpulan manusia yang terbatas dalam persekitaran yang tertentu sahaja dan bukan untuk satu zaman dan dalam suasana-suasana yang khusus sahaja, satu risalah yang berbicara dengan "manusia" di sebalik semua keadaan, persekitaran dan zaman, kerana ia berbicara dengan fitrah manusia yang tidak berubah dan bertukar:

فِطۡرَتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِي فَطَرَ ٱلنَّاسَ عَلَيۡهَاۚ لَا تَبۡدِيلَ لِخَلۡقِ ٱللَّهِۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلۡقَيِّمُ

"Iaitu agama fitrah Allah yang telah menciptakan manusia sesuai dengannya. Tiada perubahan bagi ciptaan Allah. Itulah agama yang lurus."

(Surah ar-Rum: 30)

Dan di dalam risalah yang terakhir ini telah dihuraikan satu syari'at yang merangkumi segala aspek kehidupan "manusia" dan segala bidang aktivitinya dan di dalam syari'at ini telah diadakan dasar-dasar umum dan kaedah-kaedah asasi untuk menghadapi persoalan-persoalan yang berkembang dan berubah-ubah mengikut perubahan zaman dan tempat. Begitu juga syari'at ini dengan dasar-dasar umumnya dan hukum-hukumnya yang terperinci itu mengandungi segala garis kawalan, garis panduan, bimbingan-bimbingan, undang-undang dan peraturan-peraturan yang diperlukan oleh kehidupan manusia dari titik permulaan risalah ini hingga ke akhir zaman supaya ia dapat terus berfungsi, subur, berkembang dan membaharui di sekitar paksi dan di dalam lingkungan ini. Allah berfirman kepada orang-orang yang beriman:

ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗاۚ

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

Yakni Allah mengumumkan kepada mereka penyempurnaan 'aqidah dan syari'at bersama. Inilah agama...... dan dengan pengumuman ini mana-mana orang Mu'min tidak lagi boleh berfikir bahawa agama ini masih mempunyai sesuatu yang kurang yang perlu disempurnakan atau sesuatu yang lemah yang perlu ditokok-tambahkan atau sesuatu yang bersifat setempat atau bersifat sementara yang perlu dikembang atau diubahkan jika tidak, maka dia bukanlah seorang Mu'min yang sejati, bukan seorang yang percaya kepada Allah dengan kepercayaan yang tulen dan seterusnya ia bukanlah seorang yang benar-benar redha terhadap agama yang telah direstukan Allah kepada para Mu'minin.

Syari'at di zaman turunnya Al-Qur'an itulah syari'at setiap zaman, syari'at itu dengan pengakuan Allah sendiri adalah syari'at agama yang datang untuk manusia di seluruh zaman dan di seluruh tempat, bukannya untuk satu kelompok manusia di dalam mana-mana generasi yang berada di sesuatu tempat seperti kedatangan para rasul dan risalah-risalah mereka di zaman-zaman sebelum risalah terakhir ini.

Hukum-hukum yang terperinci itu adalah datang untuk kekal sebagaimana asalnya, sedangkan dasar-dasar umum adalah datang untuk menjadi pemidang atau ruang lingkup, di mana suburnya dan berkembangnya kehidupan manusia sehingga akhir zaman tanpa melanggar atau melewatinya kecuali seseorang itu mahu keluar dari ruang lingkup keimanan.

Allah yang telah menciptakan manusia dan mengetahui rahsia manusia yang telah diciptakan-Nya itulah Tuhan yang telah merestukan agama ini untuk mereka, iaitu agama yang mendokong syari'at ini. Oleh kerana itu tiada siapa yang akan mengatakan bahawa syari'at di zaman dahulu itu tidak sesuai menjadi syari'at di zaman sekarang kecuali orang yang mendakwa dirinya lebih tahu dari Allah tentang kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan manusia dan tentang peringkat-peringkat perkembangannya.

Seorang Islam Tidak Mempunyai Kewujudannya Sebelum Ia Mengenal Allah

Kedua: Ia berdiri di hadapan penyempurnaan ni'mat Allah ke atas para Mu'minin dengan menyempurnakan agama ini. Itulah ni'mat yang amat sempurna, amat besar dan agung dan itulah ni'mat yang melambangkan kelahiran manusia mengikut hakikat yang sebenar, di samping melambangkan kewujudan dan kesempurnaannya. Seseorang "insan" itu tidak mempunyai kewujudannya sebelum ia mengenal Allah seperti yang diperkenalkan oleh agama ini dan sebelum ia mengenal alam al-wujud yang menjadi tempat hidupnya seperti yang diperkenalkan oleh agama ini dan sebelum ia mengenal dirinya sendiri dan peranannya di alam al-wujud ini juga sebelum ia mengenal kemuliaan martabatnya di sisi Allah seperti yang diketahuinya dari agamanya yang diredhai Allah. Seorang "insan" itu tidak mempunyai kewujudannya sebelum ia membebaskan dirinya dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia dengan mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Dan sebelum ia mencapai taraf persamaan yang haqiqi, iaitu syari'at yang dipatuhi olehnya ialah syari'at dari ciptaan Allah dan dikuatkuasakan dengan

kuasa Allah bukan syari'at dari ciptaan manusia dan bukan dikuatkuasakan dengan kuasa manusia.

Ma'rifat atau pengenalan "manusia" terhadap hakikat-hakikat yang agung ini yang telah digambarkan oleh agama ini adalah menjadi titik permulaan kelahiran manusia. Tanpa pengenalan ke tahap ini manusia mungkin menjadi "haiwan" atau mungkin berada dalam peringkat "projek manusia" yang masih dalam proses pembentukan, namun demikian ia tidak akan menjadi manusia dengan gambarannya yang paling sempurna kecuali ia mengenal hakikat-hakikat yang agung ini sebagaimana yang telah digambarkan oleh Al-Qur'an. Jarak perbezaan adalah terlalu jauh di antara gambaran insan yang sempurna dengan gambaran-gambaran insan yang diciptakan oleh manusia di setiap zaman.

Penghakikatan atau realisasi gambaran insan yang kamil ini dalam kehidupan manusia itulah yang dapat menghakikatkan insaniyah yang kamil bagi manusia. Ia dapat menghakikatkan insaniyah yang kamil ini apabila ia mengeluarkan manusia melalui penerangan kefahaman i'tiqad yang betul terhadap Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab suci-Nya, para rasul-Nya dan negeri Akhirat dari daerah tanggapan haiwaniyah yang hanya dapat memahami perkara-perkara yang berada dalam lingkungan tanggapan pancaindera kepada daerah tanggapan insaniyah yang mampu memahami perkara-perkara yang berada dalam lingkungan tanggapan pancaindera dan perkara yang berada di sebalik tanggapan pancaindera atau yang mampu memahami alam as-Syahadah dan alam ghaib atau alam kebendaan dan alam di sebalik kebendaan, dan menyelamatkan manusia dari kesempitan daerah tanggapan pancaindera haiwaniyah yang terbatas itu.[1] Ia dapat menghakikatkan insaniyah yang kamil itu apabila ia mengeluarkan manusia - melalui penerangan 'aqidah tauhid - dari 'Ubudiyah kepada sesama makhluk kepada 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, kepada taraf persamaan, kebebasan dan rasa keunggulan di hadapan segala sesuatu yang lain dari Allah. Oleh itu manusia hanya beribadat dan mengabdikan dirinya kepada Allah sahaja dan dari Allah sahaja ia menerima agama, undang-undang dan peraturan dan seterusnya kepada Allah sahaja ia berserah dan kepada-Nya sahaja ia menaruh perasaan takut. Ia dapat menghakikatkan insaniyah yang kamil dengan perantaraan sistem hidup Rabbani yang dapat meningkatkan minat dan cita-citanya dan dapat mendidik dan mengawal dorongan-dorongan hatinya, dapat mengembeli-ngkan daya tenaga untuk kebajikan, pembangunan dan kemajuan dan membangunkan rasa unggul dan lebih tinggi yang memandang rendah kepada keinginan-keinginan haiwaniyah, kelazatan-kelazatan kebinatangan dan kebebasan binatang-binatang ternakan.[2]

Hakikat ni'mat Allah dalam agama ini tidak dapat dirasa dan dinilai dengan sewajarnya oleh mereka yang tidak mengenal hakikat jahiliyah dan tidak merasa akibat-akibatnya yang buruk. Jahiliyah di seluruh zaman dan tempat ialah sistem hidup yang tidak diaturkan oleh Allah. Oleh itu sesiapa yang telah mengenal jahiliyah dan merasa akibat-akibatnya yang buruk, dalam kefahaman dan kepercayaan dan akibat-akibat yang buruk dalam realiti kehidupan, maka dialah yang dapat merasa, melihat, mengenal, memahami dan menghayati hakikat ni'mat Allah di dalam agama ini.

Orang-orang yang mengenal dan mengalami akibat-akibat buruk dari kesesatan dan kebutaan hati, akibat-akibat buruk dari kebingungan fikiran dan kecelaruan akal dan akibat-akibat buruk dari kehilangan diri dan kekosongan jiwa yang dirasa di dalam kepercayaan-kepercayaan jahiliyah dan kefahaman-kefahamannya, maka dia yang dapat mengenal dan merasa ni'mat keimanan.[3]

Orang yang mengenal akibat-akibat buruk dari tindakan-tindakan melampau dan mengikut hawa nafsu, akibat-akibat buruk dari tindakan meraba-raba dalam gelap dan dari keadaan terumbang-ambing dan akibat-akibat buruk dari ciri-ciri kecuaian dan keterlaluan yang dialami dalam setiap sistem hidup jahiliyah, maka dialah yang dapat mengenal dan merasa ni'mat hidup di bawah naungan iman yang percaya kepada sistem hidup Islam.[4]

Orang-orang Arab yang pertama kali ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka memang mengetahui, menyedari dan merasakan kebenaran kata-kata ayat ini, kerana segala pengertiannya adalah tergambar dalam generasi mereka yang menerima Al-Qur'an itu.

Mereka telah menghayati jahiliyah, mereka telah mengecapi kefahaman-kefahaman i'tiqad-i'tiqad dan kepercayaan-kepercayaan jahiliyah, mereka telah mengecapi peraturan-peraturan kemasyarakatannya dan mereka telah mengecapi akhlak-akhlak jahiliyah dalam pembawaan individu dan kelompok dan dari pengalaman-pengalaman ini semua mereka dapat memahami hakikat ni'mat Allah terhadap mereka melalui agama ini dan hakikat limpah kurnia Allah terhadap mereka dengan penganugerahan agama Islam dari-Nya.

Islam telah memungut mereka dari kaki bukit jahiliyah dan membawa mereka naik ke kemuncak yang tinggi - sebagaimana telah kami huraikan di

---

[1] *Lihat tafsir Surah al-Fatihah dan tafsir permulaan Surah al-Baqarah.*

[2] *Lihat tafsir ayat -* "يا أيها الذين أمنوا ادخلوا في السلم كآفّة" *(208-S. al-Baqarah) juzu' yang kedua.*

[3] *Lihat bab* "تيه وركام" *dalam buku* " خصائص التصور الإسلامي ومقوماته "

[4] *Lihat bab* "تخبط واضطراب" *dalam buku* " الإسلام ومشكلات الحضارة"

permulaan Surah an-Nisa' - di mana mereka telah berada di puncak dan dari puncak ini mereka melihat seluruh umat-umat yang lain di sekeliling mereka di muka bumi ini sebagaimana mereka melihat zaman silam mereka di dalam jahiliyah.

Islam telah memungut mereka dari kaki bukit jahiliyah di mana mereka terbenam di dalam i'tiqad-i'tiqad dan kepercayaan-kepercayaan yang mempertuhankan berhala-berhala, malaikat, jin dan bintang-bintang dan datuk nenek, iaitu terbenam di dalam dongeng-dongeng yang dungu dan tahyul-tahyul yang karut untuk memindahkan mereka ke puncak 'aqidah tauhid atau ke puncak keimanan yang percaya kepada Allah Yang Maha Esa, Maha Kuasa, Maha Gagah, Maha Pengasih dan Penyayang, Maha Mendengar dan Melihat, Maha Mengetahui, Maha Mendalam Ilmu-Nya, Maha Adil, Hampir dan sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya, tiada perantaraan di antara Dia dengan hamba-Nya. Seluruh makhluk adalah menyembah Dia dan seluruhnya adalah hamba kepada Dia. Oleh sebab itulah Islam membebaskan mereka dari kuasa kahin atau kuasa ketua agama sekaligus pada hari ia membebaskan mereka dari kuasa kepercayaan-kepercayaan yang karut dan tahyul.

Islam telah memungut mereka dari kaki bukit jahiliyah, di mana mereka hidup dengan peraturan-peraturan kemasyarakatan yang mengadakan perbezaan kelas-kelas, mengamalkan adat-adat yang keji dan penonjolan kuasa yang sewenang-wenang yang dilakukan oleh setiap mereka yang mendapat kesempatan mempunyai kuasa (bukan seperti tanggapan yang salah yang lumrah bahawa kehidupan orang-orang Arab adalah melambangkan kehidupan demokrasi).

Kezaliman Merupakan Kemegahan Pembesar-pembesar

"Kebolehan melakukan kezaliman merupakan bukti martabat kemuliaan, kekuasaan dan kehormatan mengikut tradisi tuan dan hamba di kalangan amir-amir di Semenanjung Tanah Arab dari hujung selatannya ke hujung utaranya. Penyair an-Najjashi ternyata seorang pengkritik yang tajam dan pelampau apabila - dalam sajaknya yang berikut -ia sifatkan orang yang dikritiknya itu sebagai seorang yang lemah dengan alasan kerana:

> 'Suku kaumnya tidak pernah mengkhianati walau satu janji.'
>
> 'Mereka tidak pernah berlaku zalim walau sekecil sawi.'

"Hajar ibn al-Harith pula ternyata seorang raja Arab yang tulen apabila ia menyeksa Bani Asad dan menindas mereka dengan kekuatan tongkat hingga penyair mereka Ubayd ibn al-Abras pernah merayu memohon kasihan kepada baginda dengan sajaknya:

> Tuanku tetap raja mereka yang dipatuhi,
> Dan mereka tetap hamba Tuanku hingga Kiamat.
> Mereka tunduk hina kepada cemeti Tuanku.
> Sebagaimana tunduknya al-Usyayqar Zul Khuzamah.

"Umar ibn Hind pula ternyata seorang raja Arab yang tulen apabila baginda membiasakan rakyat jelatanya mengadap dan mendengar titahnya di belakang tabir dan apabila baginda marahkan pembesar-pembesar suku-suku kaum kerana ibu-ibu mereka enggan berkhidmat di istana baginda.

"An-Nu'man ibn al-Munzir juga ternyata seorang raja Arab yang tulen apabila kezalimannya sampai ke tahap, di mana baginda memperuntukkan satu hari untuk memperlihatkan kesukacitaan dan kemurahan hatinya dan pada hari ini baginda akan memberi berbagai-bagai hadiah dan keraian kepada siapa sahaja yang datang mengadapnya dan satu hari yang lain pula untuk meluahkan kemurkaannya dan pada hari ini baginda akan membunuh siapa sahaja yang datang mengadapnya dari pagi hingga ke petang.

"Ada cerita tentang kebesaran Kulayb bin Wa'il, iaitu dia dinamakan Kulayb (anjing) kerana dia suka memanah anjing apabila berburu dan di waktu itu tiada seorang pun yang berani menghampiri tempat-tempat di mana dapat didengar suara salakan anjing. Bidalan yang berbunyi "tiada orang yang merdeka di Wadi 'Auf' ialah kerana di antara sifat kebesaran 'Auf ia tidak melindungi di wadinya mereka yang memiliki kemerdekaan selama mereka berada dalam perlindungannya. Oleh itu orang-orang yang mendapat perlindungannya ialah orang-orang yang merdeka tetapi serupa dengan hamba."[5]

Islam telah memungut mereka dari kaki bukit jahiliyah, di mana mereka hidup dengan adat, tradisi-tradisi, akhlak-akhlak dan hubungan-hubungan kemasyarakatatan ala jahiliyah. Mereka dipungut dari lembah adat yang menanam hidup-hidup anak perempuan, menindas kaum wanita, menagih arak, bermain judi dan melakukan hubungan seks yang bebas lepas, pendedahan wanita, pergaulan lelaki dan perempuan yang bercampur-baur, memandang hina dan rendah terhadap kaum wanita, gerakan-gerakan menuntut bela dan membalas dendam yang tidak berhenti, gerakan-gerakan serang-menyerang, menyamun dan merompak. Di samping berpecah-belah dan lemah dalam menghadapi serangan luar yang serius seperti peristiwa serangan tentera-tentera Habsyah yang hendak meruntuhkan Ka'abah yang berlaku pada tahun Gajah, di mana seluruh qabilah Arab memperlihatkan sikap yang amat mengecewakan, sedangkan mereka bersikap begitu bengis dan garang terhadap satu sama lain.[6]

Islam telah menjadikan umat Arab satu umat yang berada di kemuncak yang tinggi, di mana mereka

---

[5] *Dari buku* حقائق الإسلام وأباطيل خصومه *oleh al-Ustaz al-'Aqqad muka surah 150.*

[6] *Lihat tafsir Surah al-Fil dalam juzu' yang ke-30, dan juga juzu' yang ke-empat.*

melihat umat-umat manusia yang lain yang berada di kaki-kaki bukit atau di tahap-tahap yang rendah di semua lapangan kehidupan. Umat Arab dalam satu generasi telah mengenal kehidupan tahap yang paling rendah dan mengenal tahap kehidupan kemuncak. Mereka mengenal jahiliyah dan mengenal Islam. Oleh sebab itu mereka benar-benar dapat merasa dan memahami maksud firman Allah:

ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗاۚ

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku telah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhai Islam sebagai agama untuk kamu."(3)

Ketiga: Dia berdiri di hadapan keredhaan Allah yang telah merestukan Islam sebagai agama untuk orang-orang yang beriman, iaitu dia berdiri di hadapan ri'ayah dan perhatian Allah yang berat terhadap umat Muslimin sehingga Dia memilih untuk mereka satu agama yang diredhai-Nya. Ini adalah suatu pengungkapan yang membayangkan kasih sayang Allah dan keredhaan-Nya terhadap umat ini hingga Dia memilih satu sistem hidup yang istimewa untuk mereka.

Kata-kata ayat yang agung ini sebenarnya meletakkan satu tanggungan yang amat berat di atas bahu umat Muslimin, iaitu satu tanggungan yang selaras dengan ri'ayah dan perhatian Allah amat besar terhadap mereka. Astaghfirullah..... tiada suatu yang dimiliki oleh umat Muslimin termasuk seluruh generasinya yang dapat dikemukakan mereka sebagai balasan yang setimpal terhadap perhatian Allah yang amat besar itu melainkan mereka berusaha dengan seluruh daya tenaga mereka untuk mensyukuri ni'mat itu dan mengenal penganugerahannya, melainkan mereka menyedari kewajipan dan melaksanakannya sedaya upaya di samping memohon keampunan dan kemaafan terhadap segala kecuaian dan kelemahan.

Kewajipan Kaum Muslimin Terhadap Anugerah Allah Yang Agung

Keredhaan Allah memilih Islam sebagai agama umat Muslimin pada asasnya mewajibkan mereka agar memahami dan menyedari nilai pilihan ini kemudian berusaha bersungguh-sungguh untuk berdiri teguh dan jujur di atas agama ini sedaya upaya mereka. Jika Tidak, maka alangkah malangnya, dan alangkah tololnya orang-orang yang cuai atau menolak agama yang telah dipilih Allah untuk mereka, kerana memilih agama yang tidak dipilih oleh Allah. Ini jelas sekali suatu jenayah yang amat jahat yang tidak boleh dibiarkan tanpa hukuman dan balasan. Orang-orang yang melakukan jenayah ini tidak boleh dibiarkan berlalu dengan selamat setelah mereka tergamak menolak agama yang telah direstukan Allah untuk mereka. Memang benar Allah membiarkan mereka yang tidak memilih agama Islam sebagai agama mereka dan Allah membiarkan mereka bebas melakukan kejahatan-kejahatan yang hendak dilakukan mereka dan menangguhkan hukuman ke atas mereka hingga ke satu masa yang tertentu, tetapi bagi orang-orang yang telah mengetahui agama ini kemudian mereka meninggal atau menolaknya kerana memilih sistem-sistem hidup yang lain dari sistem hidup yang direstui Allah kepada mereka, maka Allah sekali-kali tidak akan membiarkan mereka dan tidak akan menangguhkan hukuman ke atas mereka sehingga mereka merasa akibat-akibat yang buruk dari perbuatan mereka dan mereka memang wajar ditimpa akibat-akibat itu. Kita tidak dapat berhenti di hadapan kata-kata ayat-ayat yang agung ini lebih lama dari ini kerana perjalanan masih panjang. Oleh itu cukuplah sekadar singgungan-singgungan yang ringkas ini sahaja dalam Fi Zilal ini dan marilah kita terus bersama pembicaraan surah ini dalam bahagiannya yang baru:

عَلَّمۡتُم مِّنَ ٱلۡجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ ٱللَّهُۖ فَكُلُواْ مِمَّآ أَمۡسَكۡنَ عَلَيۡكُمۡ وَٱذۡكُرُواْ ٱسۡمَ ٱللَّهِ عَلَيۡهِۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ﴿٤﴾

ٱلۡيَوۡمَ أُحِلَّ لَكُمُ ٱلطَّيِّبَٰتُۖ وَطَعَامُ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ حِلّٞ لَّكُمۡ وَطَعَامُكُمۡ حِلّٞ لَّهُمۡۖ وَٱلۡمُحۡصَنَٰتُ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ وَٱلۡمُحۡصَنَٰتُ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِكُمۡ إِذَآ ءَاتَيۡتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحۡصِنِينَ غَيۡرَ مُسَٰفِحِينَ وَلَا مُتَّخِذِيٓ أَخۡدَانٖۗ وَمَن يَكۡفُرۡ بِٱلۡإِيمَٰنِ فَقَدۡ حَبِطَ عَمَلُهُۥ وَهُوَ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ مِنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ﴿٥﴾

"Mereka bertanya kepadamu: Apakah makanan yang dihalalkan kepada mereka? Katakanlah dihalalkan kepada kamu segala makanan yang baik dan enak dan tangkapan binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajarkannya selaku pelatih-pelatih binatang pemburu dari kepandaian yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah binatang-binatang yang telah ditangkapnya untuk kamu dan sebutlah nama Allah di atasnya (ketika melepasnya) dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya (4). Pada hari ini Aku halalkan kepada kamu segala makanan yang baik dan enak. Dan makanan orang-orang dari Ahlil-Kitab (Yahudi dan Nasara) adalah halal untuk kamu dan makanan kamu adalah halal untuk mereka dan (dihalalkan kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan muhsan dari orang-orang yang beriman dan perempuan-perempuan muhsan dari kalangan Ahlil-Kitab sebelum kamu jika kamu memberi kepada mereka maskahwin mereka dengan maksud bernikah bukannya berzina dan bukan mengambil mereka sebagai perempuan-perempuan simpanan. Dan barang siapa yang menghapuskan keimanan, maka gugurlah amalannya dan di

Akhirat kelak dia tergolong di dalam golongan orang-orang yang rugi."(5)

Pertanyaan ini adalah terbit dari orang-orang yang beriman yang mahu mengetahui jenis makanan yang dihalalkan kepada mereka. Pertanyaan ini menggambarkan keadaan jiwa kelompok Muslimin yang terpilih itu, yang telah berbahagia dengan kehormatan menerima firman Allah bagi pertama kalinya dan seterusnya membayangkan keinginan-keinginan hendak menjauhi dosa dan menjaga diri dari segala sesuatu yang diamalkan di dalam masa jahiliyah kerana bimbangkan perkara itu telah pun diharamkan oleh Islam di samping membayangkan keinginan mereka untuk bertanya tentang segala sesuatu untuk mendapat kepastian bahawa perkara itu mendapat restu dan kebenaran dari peraturan agama yang baru itu.

Pemerhati sejarah zaman itu dapat merasakan bahawa Islam telah menimbulkan satu perubahan yang amat mendalam dalam jiwa orang-orang Arab. Islam telah menggoncangkan jiwa mereka dengan goncangan yang begitu kuat hingga tercampak darinya segala keladak jahiliyah. Islam telah membuat kaum Muslimin yang telah dipungut olehnya dari kaki bukit untuk dibawa naik ke puncak yang tinggi itu merasa bahawa mereka dilahirkan semula atau diciptakan semula di samping membuat mereka merasa begitu mendalam betapa jauhnya perpindahan dan lompatan mereka, betapa mulianya kemuncak yang didaki mereka dan betapa besarnya ni'mat yang dikurniakan kepada mereka. Oleh kerana itu seluruh minat mereka tertumpu kepada usaha-usaha menyesuaikan diri mereka dengan sistem hidup Rabbani yang telah dirasakan keberkatannya ke atas mereka itu dan tertumpu kepada usaha-usaha berwaspada dari melanggar peraturan-peraturannya. Keinginan menjauhi dosa dan perasaan bimbang dan risau dari segala sesuatu yang biasa diamalkan mereka di masa jahiliyah itu merupakan hasil dari perasaan mereka yang amat mendalam dan hasil dari goncangan Islam yang amat kuat.

Oleh sebab itu mereka terus bertanya Rasulullah s.a.w. setelah mereka mendengar ayat-ayat pengharaman:

مَاذَآ أُحِلَّ لَهُمْ

"Apakah makanan yang telah dihalalkan kepada mereka?"(4)

agar mereka yakin terhadap kehalalannya sebelum mereka mendekatinya.

Kemudian pertanyaan mereka dijawab:

قُلْ أُحِلَّ لَكُمُ ٱلطَّيِّبَٰتُ

"Katakanlah: Dihalalkan kepada kamu segala makanan yang baik dan enak."(4)

Jenis-jenis Makanan Yang Halal

Ini adalah satu jawapan yang wajar mendapat perhatian kerana ia menyampaikan ke dalam hati mereka hakikat itu, iaitu mereka tidak pernah diharamkan atau ditegahkan dari sebarang makanan yang baik dan enak, malah segala makanan yang baik dan enak itu adalah halal kepada mereka dan tidak ada makanan yang diharamkan kepada mereka kecuali makanan-makanan yang keji. Dari segi realiti segala makanan yang telah diharamkan Allah itu ialah makanan-makanan yang memang dijijikkan oleh fitrah manusia yang suci dari segi fizikalnya seperti bangkai, darah, daging babi atau dibencikan oleh hati yang Mu'min seperti sembelihan yang disembelih atas nama yang lain dari Allah atau disembelih kerana berhala atau menilik nasib dengan azlam yang menjadi sejenis perjudian.

Binatang-binatang Tangkapan Dan Binatang Pemburu Halal Dimakan

Di samping makanan-makanan baik yang dinyatakan secara umum itu ditambahkan pula dengan sejenis makanan yang lain, yang juga terbukti baiknya kerana ia disebut khusus selepas dikemukakan kenyataan yang umum itu. Makanan itu ialah binatang-binatang yang ditangkap oleh binatang-binatang pemburu yang terlatih seperti helang, rajawali, anjing-anjing pemburu atau harimau atau singa yang diajar dan dilatih oleh tuannya bagaimana cara hendak menangkap mangsanya:

وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ ٱلْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ ٱللَّهُ ۖ فَكُلُوا۟ مِمَّآ أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَٱذْكُرُوا۟ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهِ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٤﴾

"Dan tangkapan binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajarkannya selaku pelatih-pelatih binatang pemburu dari kepandaian yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah binatang-binatang yang telah ditangkapnya untuk kamu dan sebutlah nama Allah di atasnya (ketika melepasnya) dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya."(4)

Syarat halalnya binatang-binatang yang ditangkap oleh binatang-binatang pemburu yang terlatih ini ialah ia menangkap untuk tuannya, iaitu ia memegang apa yang ditangkapnya itu tanpa memakan sesuatu darinya kecuali tuannya tidak berada di situ lalu ia lapar (dan memakannya). Oleh itu apabila binatang-binatang pemburu ini memakan sesuatu dari mangsanya ketika ditangkap olehnya, maka binatang-binatang itu tidak dikira terlatih dan dia dikira memburu untuk dirinya bukan untuk tuannya oleh sebab itu tangkapannya tidak halal dimakan oleh tuannya walaupun sebahagian terbesar dari binatang yang dimakannya itu masih tersisa jika binatang ini membawa tangkapannya dalam keadaan masih hidup, tetapi sebahagian darinya telah

dimakannya, maka binatang ini tidak boleh disembelih dan jika disembelih, maka ia tidak menjadi halal.

Allah mengingatkan orang-orang yang beriman terhadap ni'mat binatang-binatang pemburu yang terlatih yang dikurniakan kepada mereka. Mereka telah mengajar binatang-binatang itu dengan ilmu pengetahuan yang telah diajar oleh Allah kepada mereka. Allahlah yang telah mencipta dan menundukkan binatang-binatang pemburu itu untuk kegunaan mereka dan Allah telah membolehkan mereka mengajar dan melatih binatang-binatang itu dan Allah telah mengajar mereka bagaimana cara hendak mengajar dan melatihkannya. Ini adalah satu tarikan perhatian Al-Qur'an yang menggambarkan cara tarbiyah Al-Qur'an dan membayangkan tabi'at cara didikan Ilahi yang bijaksana yang tidak pernah mengabaikan sedetik pun dan satu peristiwa pun melainkan ia mencetuskan di dalam hati manusia rasa kesedaran terhadap hakikat yang utama ini, iaitu hakikat bahawa Allahlah yang mengurniakan segala sesuatu. Dialah yang mencipta dan Dialah yang mengajar. Dialah yang menundukkan segala sesuatu dan memberi kemudahan menggunakannya. Dan kepada Allah jua terpulangnya segala limpah kurnia dalam setiap harakat, setiap perolehan dan setiap kemungkinan yang dicapai oleh makhluk. Oleh kerana itu orang yang Mu'min tidak lupa sedetik pun bahawa segala sesuatu yang wujud di dalam dirinya dan segala sesuatu dan peristiwa yang berada di sekelilingnya adalah dari Allah dan kepada Allah belaka. Orang yang Mu'min tidak lalai sedetik pun dari melihat tangan qudrat Allah dan kemurahan-Nya. Dalam setiap keazaman jiwanya, setiap goncangan sarafnya dan setiap harakat binatang-binatang yang memburu dan dengan seluruh kesedaran ini ia menjadi seseorang "Rabbani" mengikut pertimbangan yang betul.

Cara Melepaskan Binatang Pemburu

Dan Allah mengajar orang-orang yang beriman supaya menyebut nama Allah diatas buruan yang ditangkap oleh binatang-binatang pemburu itu, iaitu menyebut nama Allah ketika melepaskan binatang pemburu itu, kerana ia mungkin membunuh buruan itu dengan taring atau kukunya dan ini samalah dengan perbuatan menyembelihkannya. Jika nama Allah di suruh supaya disebut ketika menyembelihkan binatang, maka ia juga disuruh supaya disebut ketika melepaskan binatang pemburu itu.

Kemudian (di dalam ayat yang berikut) ia memulangkan mereka kepada sikap bertaqwa kepada Allah dan menakutkan mereka terhadap hisab Allah yang amat pantas. Di sini Al-Qur'an mengikatkan semua persoalan halal dan haram itu dengan kesedaran taqwa yang menjadi asas bagi setiap niat dan setiap amalan dan tindakan di dalam kehidupan seseorang yang beriman. Kesedaran taqwa inilah yang mengubahkan seluruh hidup manusia kepada kegiatan mengadakan hubungan yang berterusan dengan Allah, kepada perasaan mengagungi kebesaran Allah dan kepada kegiatan sentiasa bermuraqabah dengan Allah sama ada dalam suasana-suasana yang sulit atau di dalam suasana yang nyata:

وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٤﴾

"Dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya."(4)

Ayat yang berikut menerangkan lagi makanan-makanan yang dihalalkan kepada mereka dan menggabungkannya dengan pernikahan yang dihalalkan kepada mereka:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ ۖ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ ۖ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَافِحِينَ وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٥﴾

"Pada hari ini Aku halalkan kepada kamu segala makanan yang baik dan enak dan makanan orang-orang dari Ahlil-Kitab (Yahudi dan Nasara) adalah halal untuk kamu dan makanan kamu adalah halal untuk mereka dan (dihalalkan kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan muhsan dari orang-orang yang beriman dan perempuan-perempuan muhsan dari kalangan Ahlil-Kitab sebelum kamu jika kamu memberi kepada mereka maskahwin mereka dengan maksud bernikah bukannya berzina dan bukan mengambil mereka sebagai perempuan-perempuan simpanan."(5)

Demikianlah Al-Qur'an sekali lagi memulakan penerangannya tentang jenis-jenis keni'matan yang halal dengan firman-Nya:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ

"Pada hari ini aku halalkan kamu segala makanan yang baik dan enak."(5)

Ayat ini menekankan maksud yang kami telah singgungkan tadi dan menghubungkan di antaranya dengan jenis-jenis keni'matan yang baru dan semuanya adalah baik-baik belaka.

Di sini dapatlah kita menatap satu lembaran dari lembaran-lembaran toleransi Islam dalam hubungan dengan orang-orang bukan Islam yang hidup dalam masyarakat Islam dalam negara Islam atau dengan orang-orang bukan Islam yang terikat dengan pertalian-pertalian zimmah dan perjanjian dari kaum Ahlil-Kitab.

Toleransi Islam Terhadap Warga Negara Yang Bukan Islam

Islam tidak berpada dengan hanya memberi kebebasan beragama kepada mereka kemudian memencilkan mereka hingga mereka hidup terasing atau tersisih di dalam masyarakat Islam, malah Islam liputi mereka dengan suasana hidup bersama, suasana hidup bermesra, berbudi bahasa dan bercampur-gaul. Ia menjadikan makanan (kaum Ahlil-Kitab) yang bukan Islam itu halal kepada orang Islam dan makanan-makanan orang-orang Islam halal kepada mereka agar suasana kunjung-mengunjung, suasana menerima tamu dan menjadi tamu, dan makan minum bersama dapat berlangsung dengan sempurna dan agar masyarakat seluruhnya berada di bawah naungan perasaan mesra dan toleransi, seterusnya Islam menjadikan perempuan-perempuan mereka yang muhsan halal bernikah dengan lelaki-lelaki Muslimin. Di sini perempuan-perempuan mereka yang muhsan itu disebut bersama-sama perempuan-perempuan yang muhsan dari kaum Muslimin. Ini adalah satu toleransi yang tidak dapat dikecapi melainkan oleh penganut-penganut Islam sahaja di antara penganut-penganut agama yang lain, kerana penganut Kristian dari sekta Katholik merasa keberatan atau berdosa dari bernikah dengan perempuan Kristian dari sekta Orthodoks atau sekta Protestant atau sekta Maroniyah. Tidak ada penganut Kristian yang sanggup melakukan pernikahan itu kecuali mereka yang keluar dari kepercayaan itu.

Demikianlah ternyata bahawa Islam adalah satu-satunya agama atau sistem hidup yang membenarkan wujudnya masyarakat sejagat, di mana tidak ada pemisahan dan pemencilan di antara orang-orang Islam dengan penganut-penganut agama Kitabi dan di mana tidak ada dinding-dinding yang memisahkan di antara penganut-penganut berbagai-bagai agama yang bernaung di bawah panji-panji masyarakat Islam dalam perkara-perkara yang berhubung dengan pergaulan hidup bersama dan perilakunya (tetapi dalam perkara-perkara yang berhubung dengan setiakawan dan setia bantu, maka ia mempunyai hukum yang berlainan yang akan dijelaskan oleh rangkaian ayat surah ini:

Syarat halal berkahwin dengan perempuan-perempuan muhsan kaum Ahlil-Kitab adalah sama dengan syarat halal berkahwin dengan perempuan-perempuan muhsan kaum Muslimin, iaitu:

إِذَآ ءَاتَيۡتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحۡصِنِينَ غَيۡرَ مُسَٰفِحِينَ وَلَا مُتَّخِذِيٓ أَخۡدَانٖۗ

"Jika kamu memberi maskahwin mereka kepada mereka dengan maksud bernikah bukannya berzina dan bukan mengambil mereka sebagai perempuan-perempuan simpanan."(5)

Yakni syarat halal berkahwin dengan mereka ialah dengan membayar maskahwin dengan tujuan perkahwinan syari'i, di mana suami menjaga, memelihara dan melindungi isterinya, bukannya wang pembayaran itu dijadikan jalan ke arah perzinaan dan penyimpanan teman wanita. Dalam perzinaan seorang perempuan boleh ditiduri oleh mana-mana lelaki, sedangkan di dalam penyimpanan teman wanita pula seorang perempuan dipunyai oleh seorang lelaki yang tertentu tanpa bernikah. Kedua-dua bentuk perhubungan lelaki perempuan ini adalah terkenal di dalam jahiliyah bangsa Arab dan diiktirafkan oleh masyarakat jahiliyah sebelum ia dibersihkan oleh Islam dan sebelum ia diangkat dari kaki bukit jahiliyah yang amat rendah itu ke kemuncak yang tinggi.

Kemudian (ayat yang berikut) mengemukakan satu ulasan yang keras dan penuh ancaman:

"Dan barang siapa yang menghapuskan keimanan, maka gugurlah amalannya dan di Akhirat kelak dia tergolong di dalam golongan orang-orang yang rugi"(5)

Yakni seluruh peraturan ini bergantung kepada keimanan dan kesanggupan melaksanakan peraturan-peraturan ini. Itulah pencerminan dan bukti keimanan. Oleh itu sesiapa yang menyeleweng atau berpaling dari peraturan-peraturan ini bererti ia menghapus, menutup dan mengingkarkan keimanan, dan sesiapa yang menghapuskan keimanannya, maka segala amalannya dibatal dan dikembalikan balik kepadanya dan tidak diterima dan tidak diakui. Kata-kata "habita"((حبط)) diambil dari kata-kata "hubut" yang bererti penyakit kembung yang membawa maut kepada binatang apabila ia memakan rumput yang beracun. Kekembungan ini merupakan satu gambaran terhadap hakikat amalan yang kosong dan sia-sia. Amalan itu kelihatan menggelembung dan membesar tetapi akhirnya kempis dan hilang tanpa kesan sama seperti binatang yang mengalami keracunan makanan lalu ditimpa penyakit kembung yang membawa maut. Dan di Akhirat kelak ia akan menerima kerugian di samping kesesiaan amalan dan kekosongannya di dunia itu.

Ulasan yang keras dan ancaman yang menakutkan ini dikemukakan selepas diterangkan hukum syara' yang berkaitan dengan makanan-makanan dan pernikahan-pernikahan yang halal dan haram. Ini menunjukkan wujudnya hubungan yang erat di antara semua bahagian peraturan-peraturan agama ini, iaitu setiap bahagian peraturan merupakan "agama" yang tidak boleh ditentangi dengan apa cara dan amalan yang bertentangan itu sama ada kecil atau besar tidak akan diterima.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 6)

Di bawah naungan pembicaraan mengenai makanan-makanan yang baik dan perempuan-perempuan yang baik itu dikemukakan pula perkara solat dan hukum-hukum Taharah untuk mengerjakan solat:

Hukum-hukum Taharah untuk Mengerjakan Solat

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قُمۡتُمۡ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ
فَٱغۡسِلُواْ وُجُوهَكُمۡ وَأَيۡدِيَكُمۡ إِلَى ٱلۡمَرَافِقِ
وَٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ وَأَرۡجُلَكُمۡ إِلَى ٱلۡكَعۡبَيۡنِۚ
وَإِن كُنتُمۡ جُنُبٗا فَٱطَّهَّرُواْۚ وَإِن كُنتُم مَّرۡضَىٰٓ
أَوۡ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوۡ جَآءَ أَحَدٞ مِّنكُم مِّنَ ٱلۡغَآئِطِ
أَوۡ لَٰمَسۡتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَلَمۡ تَجِدُواْ مَآءٗ فَتَيَمَّمُواْ صَعِيدٗا
طَيِّبٗا فَٱمۡسَحُواْ بِوُجُوهِكُمۡ وَأَيۡدِيكُم مِّنۡهُۚ
مَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيَجۡعَلَ عَلَيۡكُم مِّنۡ حَرَجٖ وَلَٰكِن
يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمۡ وَلِيُتِمَّ نِعۡمَتَهُۥ عَلَيۡكُمۡ
لَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ٦

"Wahai orang-orang ygang beriman! Apabila kamu bangkit untuk mengerjakan solat, maka hendaklah kamu basuh muka kamu dan kedua tangan kamu sampai kepada siku dan hendaklah kamu sapu sebahagian dari kepala kamu dan basuh kaki kamu sampai kepada dua buku lali, dan jika kamu berhadas besar maka hendaklah kamu bersuci (dengan mandi) dan jika kamu sakit atau dalam persafiran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu saling bersentuh dengan perempuan, sedangkan kamu tidak mendapat air maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah yang suci, iaitu sapulah muka kamu dan tangan kamu dengan tanah itu. Allah tidak sekali-kali berkehendak untuk menjadikan sebarang kesukaran kepada kamu, tetapi dia berkehendak untuk membersihkan kamu dan untuk menyempurnakan ni'mat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur."(6)

Pembicaraan solat dan Taharah di samping pembicaraan makanan-makanan yang baik dan perempuan-perempuan yang baik, penerangan hukum-hukum Taharah di samping penerangan hukum-hukum perburuan dan ihram juga tindak layan terhadap orang-orang yang telah menghalangkan kaum Muslimin dari Masjidil-Haram itu bukanlah suatu kebetulan kerana semata-mata hendak memberi penjelasan dan bukanlah suatu pembicaraan yang jauh dari suasana konteks pembicaraan ayat dan matlamat-matlamatnya, malah pembicaraan dan penerangan itu adalah dibuat sesuai dengan tempatnya dan ia juga dibuat kerana ada hikmatnya di dalam susunan Al-Qur'an.

Pertama: Ayat Al-Qur'an menarik perhatian kepada satu keni'matan yang baik dari jenis yang lain, iaitu keni'matan rohaniyah yang tulen di samping keni'matan makanan-makanan yang baik dan perempuan-perempuan yang baik, iaitu keni'matan di mana hati orang yang beriman mendapat keni'matan yang tidak didapatinya di dalam seluruh keni'matan yang lain. Itulah keni'matan pertemuan dengan Allah di dalam suasana suci, khusyu' dan jernih hening. Ini bererti bahawa sesudah Al-Qur'an selesai memperkatakan keni'matan makanan dan perkahwinan ia meningkatkan pula kepada memperkatakan keni'matan Taharah dan solat untuk melengkapkan berbagai-bagai jenis keni'matan di dalam hidup manusia dan dengan keni'matan-keni'matan itu tercapailah kesempurnaan yang sepadu di dalam kewujudan manusia.

Dalam Islam Ada Pemisahan Dalam Hukum-hukum Ibadat Dan Hukum-hukum Mu'amalah

Kedua: Al-Qur'an menarik perhatian bahawa hukum-hukum Taharah dan solat sama seperti hukum-hukum makanan dan perkahwinan, sama seperti hukum-hukum perburuan dalam masa ihlal dan ihram, sama seperti hukum-hukum bermu'amalah dengan manusia dalam masa keamanan dan peperangan dan sama dengan hukum-hukum selanjutnya yang akan diterangkan di dalam surah ini, iaitu semuanya merupakan ibadat kepada Allah dan semuanya merupakan agama Allah belaka. Oleh itu di dalam agama ini tidak ada pemisahan dan penceraian di antara apa yang diistilahkan di dalam ilmu fiqah di masa-masa kebelakangan ini dengan nama "hukum-hukum ibadat" dan "hukum-hukum mu'amalah."

Pemisahan dan penceraian yang dilakukan oleh ilmu fiqah itu kerana mengikut kehendak karangan untuk menjeniskan hukum dan membuat bab-babnya itu adalah tidak wujud dalam dasar sistem hidup Rabbani dan tidak pula wujud di dalam dasar syari'at islamiyah, kerana sistem hidup Rabbani adalah terbentuk dari kedua hukum-hukum yang sama itu dengan erti hukum-hukum ibadat adalah sama dengan hukum-hukum mu'amalah dari segi kedua-duanya membentuk agama Allah, syari'at Allah dan sistem hidup Rabbani dan kedua-duanya adalah sama sahaja, tiada salah satunya lebih utama dita'ati dan dipatuhi dari yang lain, malah setiap satu dari kedua-dua jenis hukum itu tidak mungkin berdiri sendiri tanpa yang satu lagi dan agama tidak mungkin tegak melainkan kedua-duanya sama-sama dilaksanakan dalam kehidupan kelompok Muslimin.

Semua hukum-hukum itu merupakan 'aqad-'aqad dan perjanjian-perjanjian yang telah diperintah oleh Allah kepada orang-orang yang beriman supaya menunai dan memenuhinya dengan sempurna. Semuanya merupakan ibadat-ibadat belaka yang seharusnya ditunaikan dengan niat mendampingkan

diri kepada Allah dan seluruhnya merupakan keislaman dan pengakuan seseorang Muslim terhadap 'Ubudiyahnya kepada Allah.

Di sana tidak wujud "ibadat-ibadat" sahaja dan mua'malah-mua'malah sahaja melainkan dalam karangan menyusun hukum-hukum di dalam ilmu fiqah, sedangkan pada hakikatnya kedua-dua ibadat dan mua'malah dengan pengertian istilah ini adalah semuanya merupakan "ibadat-ibadat", "fardu-fardu", "'aqad-'aqad dan perjanjian-perjanjian" dengan Allah belaka. [7]

Inilah perhatian yang ditudingkan oleh uslub Al-Qur'an ketika ia mengemukakan pelbagai hukum ini di dalam rangkaian ayat-ayat surah ini.

* * * * * *

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قُمۡتُمۡ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bangkit untuk mengerjakan solat.........."(6)

Solat ialah pertemuan dengan Allah, berdiri mengadap Allah S.W.T., berdo'a kepada Allah dan berbisik dengan Allah. Untuk menghadapi amalan ini perlulah diadakan persediaan yang tertentu, iaitu perlulah dilakukan pembersihan badan yang disertai dengan persiapan rohani. Pada hemat kami wallahu a'lam - dari sinilah diwajibkan wudhu' mengikut perhitungan kami wallahu a'lam - dan inilah fardu-fardunya yang dihuraikan di dalam ayat ini, iaitu membasuh muka, membasuh dua tangan sehingga dua siku, menyapu kepala dan membasuh dua kaki sehingga kepada dua buku lali dan di sekitar (pemahaman mengenai) fardhu-fardhu wudhu' ini terdapat perselisihan-perselisihan fiqhiyah yang kecil, yang terpenting dari perselisihan itu ialah adakah fardhu-fardhu ini wajib mengikut bagaimana tertib yang disebutkan itu? Atau ia memada dan sah dilakukan tanpa tertib? Dalam masalah ini terdapat dua pendapat. Kewajipan mengambil wudhu' ialah dalam hadas yang kecil, tetapi dalam hadas yang besar atau janabah sama ada kerana hubungan kelamin atau bermimpi, maka diwajibkan mandi. Setelah selesai menghuraikan fardhu-fardhu wudhu' dan mandi, Al-Qur'an menjelaskan pula hukum bertayammum dalam keadaan-keadaan yang betikut:

Keadaan tidak ada air bagi orang yang berhadas sama ada hadas kecil atau hadas besar.

Hukum Tayammum

Keadaan pesakit yang berhadas kecil yang memerlukan berwudhu' tetapi tidak dapat menggunakan air kerana memudaratkannya atau keadaan pesakit yang berhadas besar yang mewajibkan mandi tetapi tidak dapat menggunakan air kerana membahayakan kesihatannya.

Keadaan musafir yang berhadas kecil atau besar:

Al-Qur'an mengungkapkan hadas kecil dengan firman-Nya:

أَوۡ جَآءَ أَحَدٞ مِّنكُم مِّنَ ٱلۡغَآئِطِ

"Atau salah seorang dari kamu datang dari tempat membuang air." (6)

Kata-kata "الغائط" bererti "tempat yang rendah" di mana mereka membuang air. Maksud dari ungkapan "datang dari tempat membuang air" ialah kiasan dari perbuatan menunaikan hajat sama ada membuang air kecil atau air besar.

Dan ia mengungkapkan hadas besar dengan firman-Nya.

أَوۡ لَٰمَسۡتُمُ ٱلنِّسَآءَ

"Atau kamu saling bersentuh dengan perempuan."(6)

Pengungkapan yang halus ini cukup untuk kinayah dari perbuatan "hubungan kelamin".

Dalam keadaan-keadaan yang seperti ini seorang yang berhadas sama ada hadas kecil atau hadas besar tidak boleh mengerjakan solat sehingga ia bertayammum dengan menggunakan sesuatu dari debu tanah yang bersih walaupun debu tanah yang berada di atas belakang binatang kenderaan atau di dinding. Cara bertayammum ialah menepuk debu tanah itu dengan dua tapak tangannya kemudian menyapu muka dengan kedua-duanya kemudian menyapu dua tangan sampai kepada kedua siku, iaitu dengan sekali tepuk sahaja untuk menyapu muka dan dua tangan atau dengan dua kali tepuk (sekali untuk muka dan sekali pula untuk dua tangan) berdasarkan dua pendapat.

Di sana terdapat beberapa perselisihan fiqhiyah di sekitar maksud firman Allah:

أَوۡ لَٰمَسۡتُمُ ٱلنِّسَآءَ

"Atau kamu saling bersentuh dengan perempuan."(6)

Apakah yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah semata-mata saling bersentuhan sahaja? Atau yang dimaksudkannya ialah hubungan kelamin? Dan apakah yang dimaksudkan dengannya ialah persentuhan dengan nafsu keinginan dan perasaan keni'matan atau persentuhan tanpa nafsu keinginan dan perasaan keni'matan? Untuk menjawabnya terdapat perselisihan pendapat.

Begitu juga di sana terdapat perselisihan pendapat apakah semua jenis sakit boleh mengharuskan tayammum? Atau hanya khusus dengan penyakit yang tidak boleh kena air sahaja? Untuk menjawabnya terdapat pandangan-pandangan yang berbeza.

Kemudian apakah kedinginan air sahaja tanpa sakit atau semata-mata takut sakit dan bimbangkan

---

[7] *Lihat bab "As-Syumul" dalam buku "خصائص التصور الإسلامي".*

kemudaratan boleh menjadi sebab yang mengharuskan bertayammum? Mengikut pendapat yang lebih rajih boleh.

Pada penghabisan ayat ini dikemukakan ulasan yang berikut:

مَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُم مِّنْ حَرَجٍ وَلَٰكِن يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٦﴾

"Allah sekali-kali tidak berkehendak untuk menjadikan sebarang kesukaran kepada kamu, tetapi Dia berkehendak untuk membersihkan kamu dan untuk menyempurnakan ni'mat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur."(6)

Bersuci adalah satu keadaan yang wajib. Untuk mengadap Allah sebagaimana telah kami jelaskan dan keadaan suci itu terlaksana dengan sempurna dari segi jasmani dan rohani dengan mengambil wudhu' dan mandi wajib.

Hukum tayammum telah diterangkan di bahagian yang akhir ayat ini. Dan ia memada untuk bersuci ketika tidak boleh didapati air atau ketika ada kemungkinan berlaku kemudaratan apabila digunakan air. Ini kerana Allah S.W.T. tidak berkehendak menyulitkan manusia dan menyusahkan mereka dengan beban taklif-taklif, malah tujuan Allah dengan Taharah itu ialah untuk membersihkan mereka dan mengurniakan ni'mat kepada mereka, juga untuk mendorong mereka supaya mensyukuri ni'mat itu agar Allah menambah dan menggandakan lagi pengurnian-Nya. Itulah kehalusan dan kemurahan limpah kurnia Allah, juga itulah dasar realistik dalam sistem hidup Rabbani yang mudah dan lurus ini.

Hikmat Wudhu', Mandi Dan Tayammum

Hikmat mengambil wudhu' dan mandi yang dijelaskan dalam ayat berikut:

"Tetapi Dia berkehendak untuk membersihkan kamu dan untuk menyempurnakan ni'mat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur"(6)

telah membawa kita kepada hakikat kesatuan dan persamaan yang direalisasikan oleh Islam dalam syi'ar-syi'ar ibadat, undang-undang dan peraturannya. Oleh itu perbuatan mengambil wudhu' dan mandi wajib bukanlah bertujuan semata-mata untuk membersihkan badan hingga ada orang-orang yang ingin berfalsafah pada hari ini boleh berkata: Kami tidak perlu kepada peraturan wudhu' dan mandi sebagaimana yang diperlukan oleh orang-orang Arab yang primitif di zaman dahulu, kerana kami sentiasa mandi dan membersihkan anggota-anggota tubuh badan kami mengikut kehendak tamadun, malah peraturan wudhu' dan mandi merupakan satu usaha serampang mata dua yang bertujuan menyatukan kebersihan jasmani dan kebersihan rohani dalam satu amalan atau dalam satu ibadat, yang mana dengan ibadat inilah seorang Mu'min bertawajjuh kepada Allah. Aspek kebersihan rohani adalah lebih kuat dari aspek kebersihan jasmani, kerana ketika tidak dapat menggunakan air ia boleh digantikan dengan tayammum yang hanya merealisasikan kebersihan rohani yang lebih kuat itu. Di samping semuanya itu, agama Islam adalah satu sistem hidup yang umum, yang mampu menghadapi segala keadaan, segala persekitaran dan segala perkembangan dengan satu peraturan yang tetap hingga ia dapat merealisasikan hikmatnya dalam segala keadaan, persekitaran dan perkembangan dalam mana-mana bentuk dan pengertian. Dan hikmat itu tidak pernah hampa atau mungkir dalam keadaan apa sekalipun.

Oleh sebab itu kita seharusnya lebih dahulu memahami rahsia-rahsia 'aqidah Islam ini sebelum kita mengeluarkan sesuatu fatwa mengenainya tanpa berpandukan Ilmu, hidayat dan kitab Al-Qur'an yang amat terang. Kita seharusnya lebih bersopan santun terhadap Allah sama ada dalam perkara-perkara yang kita tahu atau perkara-perkara yang kita tidak tahu.

Begitu juga pembicaraan mengenai tayammum untuk mengerjakan solat ketika tidak dapat bersuci dengan wudhu' dan mandi atau ketika dibimbangi berlaku kemudaratan dengan sebab wudhu' dan mandi itu telah membawa kita kepada satu tarikan perhatian yang lain mengenai solat itu sendiri, iaitu ia menarik perhatian kita betapa besarnya kehendak agama Islam untuk menegakkan ibadat solat dan menghapuskan segala halangan yang menyekat pelaksanaan ibadat itu. Hukum-hukum ini di samping hukum-hukum yang lain seperti hukum solat di waktu ketakutan dan hukum solat semasa ditimpa sakit, iaitu mengerjakan solat dengan keadaan duduk atau baring mengikut bagaimana yang terdaya dilakukan........ semua hukum-hukum ini membuktikan betapa serius dan besarnya kehendak Islam untuk menegakkan ibadat solat. Ia menunjukkan sejauh mana sistem hidup Islam bergantung kepada ibadat solat untuk merealisasikan tujuan-tujuan pendidikannya dalam membentuk dan mengasuh jiwa manusia, kerana ia menjadikan ibadat bertemu dengan Allah dan berdiri mengadap Allah itu sebagai saranan didikan yang mempunyai kesan yang amat mendalam, kerana solat tidak boleh diabai dan ditinggalkan sekalipun dalam keadaan yang paling sulit dan sukar, ini bererti Islam tidak membenar mana-mana halangan menyekat orang Islam dari berdiri mengadap dan bertemu dengan Allah. Atau menyekat pertemuan di antara hamba dengan Tuhannya agar ia tidak terputus dari Allah dengan apa sebab sekalipun. Itulah ibadat yang memberi kesegaran kepada hati, naungan yang rehat dan pertemuan yang manis.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 7)

Setelah menjelaskan hukum-hukum Taharah dan hukum-hukum yang lain sebelum ini, maka ia diiringi dengan satu perintah supaya orang-orang yang beriman mengingati ni'mat keimanan yang telah dikurniakan kepada mereka, juga mengingati perjanjian Allah dengan mereka, iaitu perjanjian mengaku patuh dan ta'at kerana dengan perjanjian inilah mereka masuk ke dalam agama Islam sebagaimana telah diterangkan sebelum ini, dan seterusnya supaya mereka bertaqwa kepada Allah dan menginsafi bahawa Allah mengetahui segala isi hati manusia:

وَٱذۡكُرُواْ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَمِيثَٰقَهُ ٱلَّذِي وَاثَقَكُم بِهِۦٓ إِذۡ قُلۡتُمۡ سَمِعۡنَا وَأَطَعۡنَاۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ٧

"Dan kenangilah ni'mat Allah kepada kamu dan perjanjian-Nya yang telah diikat dengan kamu ketika kamu berkata: 'Kami dengar dan kami ta'at dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada kamu."(7)

Orang-orang Mu'min (angkatan pertama) yang ditujukan ayat ini bagi pertama kalinya kepada mereka adalah jelas mengetahui - sebagaimana telah dihuraikan sebelum ini - betapa tingginya nilai ni'mat Allah yang telah mengurniakan ni'mat agama ini kepada mereka, kerana mereka mendapati (dan menghayati) hakikat ni'mat itu dalam diri mereka sendiri, dalam kehidupan mereka, di dalam masyarakat mereka dan pada kedudukan mereka yang unggul di antara umat-umat manusia yang lain yang berada di sekeliling mereka. Oleh sebab itulah dalam ayat ini Al-Qur'an hanya berpada dengan memberi isyarat sahaja kepada ni'mat ini (tanpa huraian yang panjang) kerana isyarat itu sahaja sudah cukup untuk menarik hati dan pandangan mereka kepada hakikat yang agung itu yang memang tegak dan dapat dirasakan dalam kehidupan mereka. Begitu juga dengan hanya memberi isyarat sahaja kepada perjanjian ta'at dan patuh yang mereka ikatkan dengan Allah itu sudah cukup untuk menghadirkan hakikat yang diketahui mereka itu di samping menimbulkan di dalam hati mereka perasaan bangga kerana isyarat itu menempatkan mereka di sebelah pihak yang mengadakan perjanjian dengan Allah Tuhan Yang Maha Besar dan Mulia. Ini adalah satu kedudukan yang amat besar dan mulia di dalam perasaan orang-orang yang beriman apabila mereka memahami hakikat mereka dan menghayatinya dengan sepenuh penghayatan.

Oleh sebab itu dalam perkara ini Allah menyerahkan mereka dalam ayat yang berikut kepada taqwa, kepada kesedaran hati mereka terhadap Allah dan kepada muraqabah mereka dengan Allah dalam bisikan-bisikan hati mereka yang tersembunyi:

وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ٧

"Dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada kamu."(7)

Makna "Isi Dada"

Ungkapan "بذات الصدور" (isi dada) adalah satu ungkapan yang memberi gambaran yang amat menarik dan penuh saranan dan kita seringkali menemui ungkapan ini di dalam Al-Qur'anul-Karim. Di sini eloklah kita menarik perhatian kepada kehalusan, keindahan dan saranan yang terkandung di dalam ungkapan ini. Ia bererti "isi dada" yang sentiasa berada dan melekat di dalam dada. Ia merupakan kata-kata kiasan yang mengertikan perasaan-perasan dan fikiran-fikiran yang tersembunyi dan rahsia-rahsia yang terpendam di dalam hati dan sentiasa bersama dengannya, tetapi walaupun semuanya tersembunyi, namun ia sentiasa terdedah dan terbuka kepada ilmu Allah yang mengetahui segala isi hati.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 8)

Perjanjian Menegak Keadilan

Di antara perjanjian yang telah diikati Allah dengan umat Muslimin ialah perjanjian memimpin dan menghukum umat manusia dengan penuh keadilan, iaitu keadilan yang mutlaq yang mempunyai neraca yang sama sekali tidak terpengaruh kepada sentimen-sentimen, kasih dan benci, tidak terjejas kepada hubungan kaum kerabat atau kepada kepentingan atau kepada keinginan hawa nafsu dalam keadaan apa sekalipun, keadilan yang lahir dari lunas pelaksanaan kewajipan memimpin dan menghukum kerana Allah Yang Maha Esa semata-mata tanpa terpengaruh kepada segala pengaruh yang lain dan keadilan yang terbit dari kesedaran terhadap pengawasan Allah dan ilmu-Nya yang mengetahui segala isi hati. Untuk maksud inilah Al-Qur'an berseru:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلۡقِسۡطِۖ وَلَا يَجۡرِمَنَّكُمۡ شَنَـَٔانُ قَوۡمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعۡدِلُواْۚ ٱعۡدِلُواْ هُوَ أَقۡرَبُ لِلتَّقۡوَىٰۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرُۢ بِمَا تَعۡمَلُونَ ٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi para penegak keadilan kerana Allah dan para saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali perasaan benci kamu terhadap satu kaum itu mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Hendaklah kamu berlaku adil kerana keadilan itu lebih dekat kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah.

Sesungguhnya Allah maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(8)

Perlaksanaan Keadilan Memerlukan Pengawalan Perasaan

Allah S.W.T. melarang orang-orang yang beriman (angkatan pertama) dahulu dari bertindak secara menceroboh atau tidak adil kerana dipengaruhi perasaan marah dan benci terhadap orang-orang Musyrikin yang telah menghalangkan mereka dari Masjidil-Haram. Inilah kemuncak pengawalan perasaan dan toleransi yang Allah tingkatkan mereka kepadanya dengan perantaraan sistem pendidikan Rabbaniyah yang lurus. Mereka dilarang bertindak menyeleweng dari keadilan kerana didorongkan oleh sentimen marah dan benci. Itulah kemuncak yang amat tinggi untuk didaki dan amat sukar dan sulit untuk dicapai oleh seseorang. Ia merupakan satu peringkat di sebalik tidak menceroboh dan berhenti di batasnya untuk menegakkan keadilan dengan perasaan marah dan benci. Taklif yang pertama - taklif supaya jangan menceroboh - adalah lebih mudah, ia merupakan satu tindakan negatif yang berakhir dengan menahan diri dari menceroboh, tetapi taklif yang kedua adalah lebih sukar kerana ia merupakan tindakan positif yang mendorong seseorang agar berlaku adil saksama terhadap orang-orang yang dimurkai dan dibencinya.

Sistem pendidikan Rabbani yang bijaksana ini menyedari kesulitan dan kesukaran untuk mendaki kemuncak pengawalan perasaan dan oleh kerana itu ia lebih dahulu memberi bekalan untuk menolaknya ke arah itu:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi Para penegak keadilan kerana Allah."(8)

Dan pada akhirnya ia iringi pula dengan bekalan untuk menolaknya mencapai matlamat itu:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

"Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(8)

Jiwa manusia tidak dapat mendaki kemuncak pengawalan perasaan ini melainkan apabila ia berinteraksi secara langsung dengan Allah, melainkan apabila ia menegakkan keadilan semata-mata kerana Allah bukannya kerana sesuatu tujuan yang lain dan melainkan apabila ia menyedari bahawa mata pengawasan Ilahi sentiasa memerhati isi hatinya.

Segala pandangan dan pertimbangan duniawi tidak dapat meningkatkan jiwa manusia dan menegakkannya di kemuncak pengawasan perasaan dan tiada yang lain dari sikap menegakkan keadilan semata-mata kerana Allah, sikap berinteraksi secara langsung dengan Allah dan dari sikap membuang segala pandangan dan pertimbangan yang lain yang dapat membawa jiwa manusia ke kemuncak pengawasan perasaan ini.

Tiada agama dan sistem hidup di bumi ini yang menjamin keadilan yang mutlaq terhadap musuh-musuh yang dimurkai dan dibenci sebagaimana yang dijamin oleh agama Islam ketika ia menyeru para penganutnya supaya menegakkan keadilan kerana Allah dan supaya berurusan secara langsung dengan Allah serta menafikan segala pandangan dan pertimbangan yang lain.

Dengan asas-asas ini yang wujud dalam agama Islam, maka agama Islam menjadi agama insan yang bersifat sejagat, agama yang menjamin bagi seluruh manusia sama ada penganut-penganutnya atau bukan penganut-penganutnya hak meni'mati keadilan di bawah naungannya dan agama yang menjadi kewajipannya menegakkan keadilan sebagai satu fardu ke atas para penganutnya, di mana mereka berinteraksi secara langsung dengan Allah biar bagaimanapun mereka menerima kemarahan dan kebencian manusia.

Kewajipan umat Muslimin ialah menegakkan keadilan biar bagaimanapun mereka menempuh kesulitan dan kesusahan.

Sejarah Telah Merakamkan Contoh-contoh Keadilan Islam Yang Gemilang

Umat Muslimin telah pun menegakkan keadilan dan menunaikan kewajipan-kewajipan ini di zaman mereka berdiri teguh dan jujur di atas lunas-lunas agama Islam. Kewajipan-kewajipan menegakkan keadilan di dalam kehidupan mereka tidak pernah merupakan perintah-perintah yang kosong atau cita-cita ideal yang kosong, malah ia telah pun dihakikatkan di alam kenyataan di dalam kehidupan seharian mereka. Ia telah pernah menjadi kenyataan yang belum pernah disaksi oleh umat manusia dahulu atau selepasnya dan belum pernah dikenali manusia setinggi itu melainkan di dalam zaman kecemerlangan Islam sahaja. Contoh-contoh keadilan Muslimin yang dirakamkan di dalam sejarah adalah amat banyak dan contoh-contoh inilah yang menjadi saksi bahawa perintah-perintah dan kewajipan-kewajipan Rabbani ini telah berubah di dalam kehidupan umat Muslimin menjadi satu sistem hidup di alam kenyataan yang dilaksanakan oleh mereka dengan selesa dan mudah, tergambar di dalam kegiatan hidup seharian mereka yang lumrah. Perintah-perintah dan kewajipan-kewajipan Rabbani itu bukannya hanya menjadi cita-cita ideal yang khayali dan bukan hanya menjadi contoh-contoh secara individu, malah ia menjadi ciri hidup yang jelas yang membuat orang ramai tidak dapat melihat adanya jalan baik yang lain dari jalan Islam.

Apabila kita meninjau dari kemuncak yang tinggi ini dan melihat jahiliyah di segala zaman dan negerinya - termasuk jahiliyah di zaman-zaman moden - kita akan melihat betapa jauhnya jarak perbezaan di antara sistem hidup yang diciptakan Allah untuk manusia dengan sistem-sistem hidup yang diciptakan oleh manusia sendiri untuk sesama manusia dan betapa jauhnya jarak perbezaan di antara kesan-kesan dari

sistem-sistem hidup ciptaan manusia dengan kesan-kesan dari sistem hidup Rabbani yang unik di dalam hati nurani manusia dan kehidupan mereka.

Orang ramai kadang-kadang mengetahui dasar-dasar yang menarik lalu mereka memekik-mekikkan slogannya kepada umum, tetapi soal mengetahui dan memekik-mekikkan slogan dasar-dasar itu merupakan satu perkara, sedangkan soal merealisasikan di alam kenyataan merupakan satu perkara yang lain pula. Dasar-dasar yang dipekik-pekikkan itu adalah tabi'i andainya ia tidak terlaksana di alam kenyataan, kerana yang penting di sini bukannya persoalan orang ramai harus diseru kepada dasar-dasar ini, tetapi yang penting di sini ialah siapakah yang menyeru mereka kepada dasar-dasar ini, pihak manakah yang mengeluarkan seruan ini, apakah pengaruh dan kuasa seruan ini kepada hati nubari manusia dan di manakah tempat kembali orang ramai untuk mereka kembali kepadanya dengan hasil-hasil penat lelah mereka dalam perjuangan menghakikatkan dasar-dasar ini?

Nilai seruan atau da'wah agama yang mengajak manusia kepada dasar-dasar yang diperjuangkan itu adalah terletak pada kuasa agama itu sendiri yang diambil dari Allah. Oleh itu di atas landasan apakah si anu itu dan si anu ini mengeluarkan seruannya? Apakah kuasa dan pengaruhnya ke atas jiwa dan hati manusia? Apakah balasan-balasan yang disediakan olehnya untuk manusia apabila mereka kembali kepadanya dengan hasil-hasil penat lelah mereka dalam perjuangan merealisasikan dasar-dasar ini di alam kenyataan?

Ribuan manusia memekik-mekik slogan keadilan, kebersihan, kebebasan, peningkatan jiwa, toleransi, kasih sayang, pengorbanan dan pengutamaan kepentingan orang lain, tetapi pekikan dan laungan mereka tidak menggegarkan hati nurani manusia dan tidak menerapkan pengaruhnya ke dalam hati mereka kerana laungan dan seruan itu tidak mempunyai sebarang pengaruh dan kuasa yang diturunkan Allah!

Yang penting di sini bukannya pembicaraan dan percakapan, tetapi yang pentingnya ialah siapakah di sebalik pembicaraan dan percakapan itu?

Orang ramai mendengar laungan dan seruan dari manusia yang sama seperti mereka yang memekikkan dasar-dasar, contoh-contoh ideal dan slogan-slogan yang tidak mempunyai sebarang kuasa dari Allah. Apakah kesan laungan dan seruan itu? Fitrah orang ramai menyedari bahawa seruan-seruan itu tidak lain dan tidak bukan melainkan hanya bimbingan-bimbingan dan arahan-arahan dari manusia yang sama sebulu dengan mereka. Bimbingan dan arahan itu mempunyai ciri-ciri kejahilan, kelemahan, kehawaan nafsu dan ketidaksempurnaan yang dipunyai oleh manusia dan di atas asas inilah fitrah mereka menerima bimbingan-bimbingan dan arahan-arahan itu dan oleh sebab inilah juga ia tidak mempunyai apa-apa pengaruh dan kuasa ke atas fitrah manusia, ia tidak dapat menggoncang dan menggegarkan hati mereka, malah ia mempunyai kesan yang amat lemah di dalam kehidupan mereka.

Perintah-perintah Agama Disepadukan Dengan Tindakan Merealisasikannya Dalam Membentukkan Masyarakat

Nilai perintah-perintah ini di dalam agama ialah ia akan bersepadu dengan tindakan-tindakan untuk membentuk dan mengendalikan kehidupan. Perintah-perintah itu bukannya dilontarkan ke udara begitu sahaja. Tetapi apabila agama berubah menjadi perintah-perintah kosong sahaja dan menjadi lambang-lambang kosong sahaja, maka ia tidak dapat dilaksana dan direalisasikan di alam kenyataan sebagaimana kita dapat melihat keadaan yang sedemikian di setiap tempat.

Di sana pasti wujud satu sistem hidup yang merangkumi seluruh bidangnya, mengikut sistem agama ini dan di bawah naungan sistem ini agama dapat melaksanakan perintah-perintahnya di alam kenyataan, di mana perintah-perintah dan tindakan-tindakan bekerjasama dan bersepadu.......... inilah "agama" dalam konsep Islam, iaitu agama yang terlambang dalam satu sistem yang mengendalikan segala aspek kehidupan.

Dan apabila konsep agama ini direalisasikan di dalam kehidupan kelompok Muslimin, mereka dapat melihat seluruh umat manusia dari puncak yang tinggi itu, dan kini puncak ini masih terus mengawan tinggi di atas kaki-kaki bukit jahiliyah di zaman moden sebagaimana ia telah mengawan tinggi di atas kaki bukit jahiliyah umat Arab dan lainnya (di zaman silam), tetapi apabila agama berubah kepada khutbah, di atas mimbar-mimbar sahaja, atau kepada syi'ar-syi'ar ibadat di masjid-masjid sahaja dan meninggalkan tugas mengendali peraturan-peraturan kehidupan, maka hakikat agama tidak lagi wujud di dalam kehidupan manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Di sana pasti ada balasan-balasan dari Allah kepada orang-orang yang beriman yang sentiasa berinteraksi dan berhubung rapat dengan-Nya, iaitu balasan yang menggalak dan menguatkan semangat mereka untuk memikul tugas-tugas kepimpinan (umat manusia) dan menunaikan perjanjian mereka dengan Allah. Dan di sana pasti wujud perbezaan nasib kesudahan di sisi Allah di antara orang-orang kafir yang mendusta dengan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٩﴾

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَآ أُو۟لَـٰٓئِكَ أَصْحَـٰبُ ٱلْجَحِيمِ ﴿١٠﴾

"Allah telah berjanji dengan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi keampunan dan pahala yang amat besar (9). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami merekalah penghuni-penghuni Neraka."(10)

Hikmat Allah Mengumumkan Balasan Yang Dijanjikan-Nya Kepada Mu'minin Dan Kafirin

Itulah balasan selaku pampasan kepada orang-orang yang berbakti yang telah kehilangan keni'matan-keni'matan hidup dunia dalam perjuangan memikul tugas-tugas yang tinggi itu. Itulah balasan yang membuat tugas-tugas kepimpinan yang besar, yang menghadapi gelombang hawa nafsu manusia dan kedegilan mereka di muka bumi ini menjadi kecil dan ringan. Seterusnya balasan itu merupakan satu keadilan Ilahi kerana ia tidak menyamakan di antara balasan orang-orang yang berbakti dengan balasan orang-orang yang jahat. Hati dan pandangan para Mu'minin pastilah digantungkan dengan keadilan dan balasan ini agar ia dapat berinteraksi secara langsung dengan Allah, bersih dari segala keinginan-keinginan yang bersangkutan dengan kehidupan yang menjadi batu penghalang. Setengah-setengah hati manusia merasa puas dengan perasaan mendapat keredhaan dari Allah, ia dapat mengecapi kemanisan keredhaan Ilahi di samping mengecapi kemanisan menunaikan perjanjian mereka dengan Allah...... tetapi sistem hidup Rabbani adalah bermua'malah dengan seluruh manusia, iaitu ia bermua'malah dengan tabi'at manusia dan dari tabi'at ini Allah mengetahui bahawa manusia memerlukan kepada perjanjian mendapat keampunan dan pahala yang besar, juga memerlukan kepada mengetahui balasan yang akan diterima oleh orang-orang kafir yang mendusta. Kedua-dua perjanjian ini, kerana kedua-dua perkara ini memberi kepuasan kepada tabi'at manusia dan meyakinkan mereka terhadap nasib kesudahan dan balasan yang akan diterima mereka, juga menyembuhkan dendam mereka terhadap kerenah-kerenah orang-orang yang jahat terutama apabila mereka diperintah berlaku adil saksama terhadap orang-orang yang dimarah dan dibenci mereka setelah mereka menghadapi tipudayanya dan gangguan yang jahat dari orang-orang itu. Sistem hidup Rabbani membimbing tabi'at manusia dengan berlandaskan hakikat mereka yang diketahui Allah dan Dia menyeru mereka dengan seruan yang membuka pintu-pintu perasaan mereka dan menarik hati mereka agar menyambut seruan itu. Selain dari itu janji keampunan dan pahala yang besar merupakan petanda keredhaan Allah Yang Maha Pemurah. Kedua-duanya mengandungi rasa mendapat keredhaan di samping rasa mendapat keni'matan.

Ayat yang berikut terus memperkuatkan semangat keadilan, kesaksamaan dan toleransi di dalam kelompok Muslimin dan menahan perasaan ingin menceroboh dan membalas dendam yang berkecamuk di dalam hati mereka sambil mengingatkan mereka terhadap ni'mat Allah yang telah menahan kaum Musyrikin dari menyerang mereka pada tahun Hudaybiyah - atau lainnya - di mana kaum Musyrikin berazam untuk melakukan pencerobohan ke atas mereka:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ هَمَّ قَوْمٌ أَن يَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ فَكَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنكُمْ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kenangilah ni'mat Allah kepada kamu ketika satu kaum (Musyrikin) hendak menghulurkan tangan mereka menyerang kamu lalu Allah menahan tangan mereka dari menyerang kamu. Dan bertaqwalah kepada Allah dan kepada Allah jua hendaklah sekalian para Mu'minin berserah diri."(11)

Kaum Muslimin Disarankan Agar Bersikap Pemaaf Terhadap Perbuatan-perbuatan Musuh Mereka Yang Silam

Keterangan riwayat-riwayat telah berselisih tentang siapakah orang-orang yang dimaksudkan oleh ayat ini, tetapi menurut pendapat yang lebih rajih ayat ini memberi isyarat kepada peristiwa sekumpulan kaum Musyrikin yang telah berazam untuk bertindak khianat terhadap Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam, tetapi mereka telah ditangkap dan Allah jatuhkan mereka menjadi tawanan orang-orang Islam (lihat huraian kami di dalam tafsir Surah al-Fath).

Walau peristiwa mana sekalipun, namun yang dicari di sini di dalam sistem pendidikan Rabbani yang unik ini ialah pelajaran dan contoh teladan darinya, iaitu kesanggupan orang-orang Islam mematikan perasaan marah dan dendam yang berkecamuk di dalam hati mereka terhadap kaum Musyrikin supaya mereka kembali tenang setelah mereka melihat bahawa Allahlah yang telah melindungi dan memelihara mereka (dari serangan kaum Musyrikin itu), kerana di dalam suasana tenang dan ketenteraman sahaja, pengawalan perasaan, toleransi hati dan penegakan keadilan dapat dilaksanakan dengan mudah. Orang-orang Islam (di waktu itu) merasa malu andainya mereka tidak dapat menunaikan perjanjian mereka dengan Allah kerana Allah telah melindungi dan memelihara mereka dan menahan tangan kaum Musyrikin dari menyerang mereka.

Kami tidak lupa berhenti sejenak di hadapan pengungkapan Al-Qur'an yang menggunakan gambaran yang menarik itu:

إِذْ هَمَّ قَوْمٌ أَن يَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ فَكَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنكُمْ ۖ

"Ketika satu kaum (Musyrikin) hendak menghulurkan tangan mereka menyerang kamu lalu Allah menahan tangan mereka dari menyerang kamu."(11)

Ungkapan ini menggantikan (ungkapan biasa yang berikut): "Ketika satu kaum (Musyrikin) hendak menyerang dan menceroboh kamu, lalu Allah melindungi kamu dari serangan mereka."

Gambaran fizikal dengan harakat menghulur tangan dan menahan tangan lebih hidup dari ungkapan biasa secara mental itu. Pengungkapan Al-Qur'an selalu menggunakan cara gambaran dan harakat fizikal kerana cara ini dapat melepaskan arus pengungkapan yang sempurna seolah-olah ungkapan ini dilepaskan sekaligus bersama peristiwa fizikal yang diungkapkannya dan ia menggambarkan peristiwa itu dengan gambaran fizikal yang hidup dan bergerak. Itulah cara gaya pengungkapan Al-Qur'an.[8]

(Kumpulan ayat-ayat 12 - 26)

وَلَقَدْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَبَعَثْنَا مِنْهُمُ ٱثْنَىْ عَشَرَ نَقِيبًا ۖ وَقَالَ ٱللَّهُ إِنِّى مَعَكُمْ ۖ لَئِنْ أَقَمْتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَيْتُمُ ٱلزَّكَوٰةَ وَءَامَنتُم بِرُسُلِى وَعَزَّرْتُمُوهُمْ وَأَقْرَضْتُمُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَّأُكَفِّرَنَّ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَلَأُدْخِلَنَّكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ فَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٢﴾

فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَٰقَهُمْ لَعَنَّٰهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَٰسِيَةً ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِۦ ۙ وَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ ۚ وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱصْفَحْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣﴾

وَمِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰٓ أَخَذْنَا مِيثَٰقَهُمْ فَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَأَغْرَيْنَا بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَاوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ وَسَوْفَ يُنَبِّئُهُمُ ٱللَّهُ بِمَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ﴿١٤﴾

يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ قَدْ جَآءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِّمَّا كُنتُمْ تُخْفُونَ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَيَعْفُوا۟ عَن كَثِيرٍ ۚ قَدْ جَآءَكُم مِّنَ ٱللَّهِ نُورٌ وَكِتَٰبٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾

يَهْدِى بِهِ ٱللَّهُ مَنِ ٱتَّبَعَ رِضْوَٰنَهُۥ سُبُلَ ٱلسَّلَٰمِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذْنِهِۦ وَيَهْدِيهِمْ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٦﴾

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ ۚ قُلْ فَمَن يَمْلِكُ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا إِنْ أَرَادَ أَن يُهْلِكَ ٱلْمَسِيحَ ٱبْنَ مَرْيَمَ وَأُمَّهُۥ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ۗ وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ۚ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ وَٱلنَّصَٰرَىٰ نَحْنُ أَبْنَٰٓؤُا۟ ٱللَّهِ وَأَحِبَّٰٓؤُهُۥ ۚ قُلْ فَلِمَ يُعَذِّبُكُم بِذُنُوبِكُم ۖ بَلْ أَنتُم بَشَرٌ مِّمَّنْ خَلَقَ ۚ يَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۚ وَلِلَّهِ مُلْكُ

---

[8] *Lihat huraian yang luas dalam bab "فصل طريقة القرآن" dari buku "التصوير الفني في القرآن" dan bab "القيم التعبيرية" dalam buku "النقد الأدبي -أصوله ومناهجه"*

ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ۖ وَإِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٨﴾

يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ قَدْ جَآءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ عَلَىٰ فَتْرَةٍ مِّنَ ٱلرُّسُلِ أَن تَقُولُوا۟ مَا جَآءَنَا مِنۢ بَشِيرٍ وَلَا نَذِيرٍ ۖ فَقَدْ جَآءَكُم بَشِيرٌ وَنَذِيرٌ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٩﴾

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَعَلَ فِيكُمْ أَنۢبِيَآءَ وَجَعَلَكُم مُّلُوكًا وَءَاتَىٰكُم مَّا لَمْ يُؤْتِ أَحَدًا مِّنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٠﴾

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوْمًا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدْخُلَهَا حَتَّىٰ يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا فَإِن يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا فَإِنَّا دَٰخِلُونَ ﴿٢٢﴾

قَالَ رَجُلَانِ مِنَ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمَا ٱدْخُلُوا۟ عَلَيْهِمُ ٱلْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَإِنَّكُمْ غَٰلِبُونَ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَتَوَكَّلُوٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٣﴾

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَآ أَبَدًا مَّا دَامُوا۟ فِيهَا ۖ فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

قَالَ رَبِّ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ إِلَّا نَفْسِى وَأَخِى ۖ فَٱفْرُقْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٥﴾

قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ ۛ أَرْبَعِينَ سَنَةً ۛ يَتِيهُونَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ فَلَا تَأْسَ عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٦﴾

"Dan sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian dari Bani Israel dan Kami telah angkatkan dari kalangan mereka dua belas orang pemimpin dan Allah berfirman: Sesungguhnya Aku bersama kamu dan sesungguhnya jika kamu mendirikan solat, menunaikan zakat, beriman kepada rasul-rasul-Ku dan menyokong mereka serta memberi pinjaman yang baik kepada Allah nescaya Aku hapuskan dosa-dosa kamu dan Aku masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Oleh itu sesiapa di antara kamu yang kafir selepas itu, maka sesungguhnya dia telah sesat dari jalan yang lurus (12). Oleh kerana mereka membatalkan perjanjian mereka Kami telah melaknatkan mereka dan menjadikan hati mereka keras membatu. Mereka mengubahkan kalam Allah dari tempat-tempatnya yang sebenar dan mereka telah melupakan sebahagian pengajaran yang telah diperingatkan kepada mereka dan engkau (Muhammad) masih melihat perbuatan yang khianat dari golongan mereka kecuali segelintir sahaja dari mereka (yang tidak melakukan pengkhianatan itu) (tetapi) maafkan mereka dan biarkan mereka. Sesungguhnya Allah kasihkan para muhsinin (13). Dan di antara orang-orang yang telah mengatakan: "Kami adalah orang-orang Nasara" Kami telah mengambil perjanjian dari mereka, tetapi mereka telah melupakan sebahagian pengajaran yang telah diperingatkan kepada mereka lalu Kami timbulkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sehingga hari Kiamat dan kelak Allah akan memberitakan kepada mereka segala apa yang dilakukan mereka (14). Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul Kami yang menjelaskan kepada kamu banyak dari isi kandungan kitab (Injil dan Taurat) yang kamu sembunyikannya dan banyak pula yang diabaikan olehnya (Muhammad). Sesungguhnya telah datang kepada kamu dari Allah nur dan sebuah kitab (Al-Qur'an) yang amat jelas (15). Dengannya (Al-Qur'an) Allah memberi hidayat kepada mereka yang mengikut keredhaan-Nya ke jalan kedamaian dan mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang-benderang dengan keizinan-Nya dan memimpin mereka ke jalan yang lurus (16). Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Sesungguhnya Allah itu ialah al-Masih putera Maryam" katakanlah: "Siapakah yang berkuasa menghalangkan sesuatu dari kehendak Allah jika Dia hendak membinasakan al-Masih putera Maryam dan bondanya serta sekalian penghuni bumi. Dan Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dan Dialah yang berkuasa menciptakan segala apa yang disukai-Nya dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (17). Dan orang-orang Yahudi dan Nasara telah berkata: "Kamilah putera-putera Allah dan para kekasih-Nya" katakanlah: "Mengapa pula Allah meng'azabkan kamu kerana dosa-dosa kamu? Malah sebenarnya kamu adalah manusia biasa di antara mereka yang telah diciptakan Allah. Dia memberi keampunan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan meng'azabkan siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dan kepada-Nya tempat kembali (18). Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul Kami menjelaskan (peraturan syari'at) kepada kamu ketika terputusnya pengiriman rasul-rasul agar kamu tidak dapat berdalih: "Tidak pernah datang kepada kami seorang rasul pun yang menyampaikan berita gembira dan tidak pula yang memberi amaran." Sebenarnya telah datang kepada kamu rasul yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran Dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu (19). Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: "Wahai kaumku! Hendaklah kamu ingat kepada ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu sewaktu Dia telah menjadikan para anbia' di dalam kalangan kamu dan menjadikan kamu selaku raja-raja. Dan Allah telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang belum pernah dikurniakan kepada seseorang pun dari umat-umat yang lain (20). Wahai kaumku! Masuklah ke tanah suci yang telah ditetapkan Allah kepada kamu dan janganlah kamu mundur ke belakang nescaya kelak kamu menjadi orang-orang yang rugi (21). Mereka berkata: "Wahai Musa! Sesungguhnya di dalam negeri itu ada satu kaum yang gagah perkasa dan sesungguhnya kami tidak akan dapat memasukinya sehingga mereka keluar darinya. Oleh itu jika mereka keluar darinya, maka kami tetap akan memasukinya (22). Lalu berkatalah dua orang lelaki dari golongan mereka yang takut kepada Allah dan yang telah Allah kurniakan

kepada keduanya ni'mat keyakinan: "Hendaklah kamu masuk menyerang mereka melalui pintu (kota) dan jika kamu memasukinya, maka kamu tetap akan mendapat kemenangan. Oleh itu hendaklah kamu bertawakkal kepada Allah jika kamu benar-benar beriman (23). Mereka berkata: "Wahai Musa! Kami tidak akan memasukinya buat selama-lamanya selagi kaum itu berada di dalamnya. Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Sesungguh-nya kami hanya akan menunggu di sini sahaja (24). Ujar Musa:"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku tidak menguasai kecuali diriku dan saudaraku sahaja. Oleh sebab itu pisahkan di antara kami dengan kaum yang fasiq itu (25). Firman Allah (jika demikian), maka sesungguhnya negeri itu adalah diharamkan ke atas mereka selama empat puluh tahun, (dan selama itu) mereka akan mengembara tanpa keruan di bumi (padang gurun) itu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang fasiq itu."(26)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pada akhir pelajaran yang telah lepas Allah mengingatkan orang-orang Islam agar mengenangkan perjanjian Allah dengan mereka, juga mengingatkan mereka agar mengenangkan ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka di dalam perjanjian itu supaya pihak mereka menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab yang diminta mereka memeliharakannya dan supaya mereka menjauhkan diri dari perbuatan merombakkan perjanjian mereka dengan Allah.

Kini seluruh pelajaran ini menumpukan sepenuhnya kepada huraian mengenai sikap kaum Ahlil-Kitab terhadap perjanjian-perjanjian mereka dan huraian mengenai balasan keseksaan yang telah menimpa mereka akibat dari perbuatan mereka yang membatalkan perjanjian-perjanjian itu agar huraian ini - dari satu aspek - menjadi peringatan dan pengajaran kepada kelompok Muslimin yang dipetik dari lembaran-lembaran sejarah dan dari realiti hidup kaum Ahlil-Kitab sebelum mereka dan agar Allah dapat - dari satu aspek yang lain - menjelaskan undang-undangnya yang tidak pernah mungkir dan tidak pernah memilih kasih terhadap sesiapa pun, dan seterusnya agar Allah dapat - dari aspek yang ketiga - mendedahkan hakikat Ahlil-Kitab dan hakikat sikap mereka. Semuanya ini adalah bertujuan untuk menghapuskan tipu daya mereka di dalam barisan kaum Muslimin dan untuk menggagalkan segala komplot dan pakatan jahat mereka yang berselindung di sebalik pakaian ta'at dan berpegang teguh dengan agama mereka, sedangkan mereka sebenarnya telah pun membatalkan agama mereka sebelum ini dan memansukhkan segala perjanjian mereka dengan Allah.

Pelajaran ini mengandungi huraian tentang perjanjian Allah dengan kaum Musa sewaktu mereka diselamatkan dari kehidupan yang hina di negeri Mesir kemudian mereka membatalkan perjanjian itu, juga huraian mengenai malapetaka yang telah menimpa mereka akibat dari pembatalan perjanjian itu, iaitu mereka telah dilaknatkan Allah dan diusir dari lapangan hidayat dan ni'mat. Seterusnya pelajaran ini mengandungi huraian tentang perjanjian Allah dengan orang-orang yang menggelarkan diri mereka sebagai orang-orang Nasara dan akibat buruk yang diterima mereka kerana perbuatan mereka membatalkan perjanjian itu, iaitu tercetusnya api permusuhan dan perseteruan di antara berbagai-bagai puak mereka yang berterusan sehingga hari Kiamat di samping huraian tentang sikap orang-orang Yahudi di hadapan tanah suci yang dijanjikan Allah supaya mereka memasukinya. Tetapi mereka berundur kerana takut dan pengecut dari tugas-tugas perjanjian untuk memenuhi perjanjian Allah dan mereka berkata kepada Musa:

فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَـٰتِلَآ إِنَّا هَـٰهُنَا قَـٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

"Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua sesungguhnya kami hanya akan menunggu di sini sahaja."(24)

Di tengah-tengah penjelasan mengenai perjanjian-perjanjian itu dan sikap Ahlil-Kitab terhadapnya, Al-Qur'an mendedahkan penyelewengan yang berlaku di dalam 'aqidah-'aqidah kaum Yahudi dan Nasara sebagai hasil dari perbuatan mereka melanggarkan perjanjian-perjanjian mereka dengan Allah, iaitu perjanjian mentauhidkan Allah dan menyerah diri kepada-Nya sebagai balasan terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dan terhadap jaminan-Nya untuk memberi kedudukan yang teguh kepada mereka. Mereka enggan menunaikan semua perjanjian itu dan akibatnya mereka menerima malapetaka laknat, berpecah-belah, terusir dan berpindah-randah.

Begitu juga pelajaran ini mengandungi usaha berda'wah kepada mereka supaya pulang semula ke pangkuan hidayat yang dibawa kepada mereka oleh Rasul yang terakhir di samping menolak alasan yang dikemukakan mereka iaitu oleh kerana mereka telah dilalui masa yang begitu lama sejak kedatangan nabi-nabi mereka yang akhir, maka mereka telah terlupa dan terkeliru (terhadap pengajaran agama mereka). Kini utusan Allah yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran telah pun datang kepada mereka dan dengan kedatangannya gugurlah alasan mereka dan tegaklah dalil yang benar.

Di tengah-tengah da'wah ini dapat dilihat dengan jelas kesatuan agama Allah - pada asasnya - dan kesatuan perjanjian Allah dengan sekalian hamba-Nya, iaitu mereka semua berjanji beriman dengan Allah dan mentauhidkan-Nya, mereka bejanji beriman kepada para rasul-Nya tanpa membeza-bezakan di antara mereka, mereka berjanji untuk menolong para rasul, untuk mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan menginfaqkan rezeki Allah ke jalan Allah itulah perjanjian yang menetapkan 'aqidah yang betul, ibadat yang betul dan asas-asas peraturan kemasyarakatan yang betul.

Sekarang marilah kita memperkatakan hakikat-hakikat ini mengikut bagaimana yang dihuraikan di dalam rangkaian ayat-ayat Al-Qur'anul-Karim:

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 14)

وَلَقَدْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَبَعَثْنَا مِنْهُمُ ٱثْنَىْ عَشَرَ نَقِيبًا ۖ وَقَالَ ٱللَّهُ إِنِّى مَعَكُمْ ۖ لَئِنْ أَقَمْتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَيْتُمُ ٱلزَّكَوٰةَ وَءَامَنتُم بِرُسُلِى وَعَزَّرْتُمُوهُمْ وَأَقْرَضْتُمُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَّأُكَفِّرَنَّ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَلَأُدْخِلَنَّكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ فَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٢﴾

فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَٰقَهُمْ لَعَنَّٰهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَٰسِيَةً ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِۦ ۙ وَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ ۚ وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱصْفَحْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٣﴾

وَمِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰٓ أَخَذْنَا مِيثَٰقَهُمْ فَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَأَغْرَيْنَا بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَاوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ وَسَوْفَ يُنَبِّئُهُمُ ٱللَّهُ بِمَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ﴿١٤﴾

"Dan sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian dari Bani Israel dan Kami telah angkatkan dari kalangan mereka dua belas orang pemimpin dan Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku bersama kamu dan sesungguhnya jika kamu mendirikan solat, menunaikan zakat, beriman kepada rasul-rasul-Ku dan menyokong mereka serta memberi pinjaman yang baik kepada Allah nescaya Aku hapuskan dosa-dosa kamu dan Aku masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Oleh itu sesiapa di antara kamu yang kafir selepas itu, maka sesungguhnya dia telah sesat dari jalan yang lurus (12). Oleh kerana mereka membatalkan perjanjian mereka Kami telah melaknatkan mereka dan menjadikan hati mereka keras membatu. Mereka mengubahkan kalam Allah dari tempat-tempatnya yang sebenar dan mereka telah melupakan sebahagian pengajaran yang telah diperingatkan kepada mereka dan engkau (Muhammad) masih melihat perbuatan yang khianat dari golongan mereka kecuali segelintir sahaja dari mereka (yang tidak melakukan pengkhianatan itu) (tetapi) maafkan mereka dan biarkan mereka. Sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin (13). Dan di antara orang-orang yang mengatakan: "Kami adalah orang-orang Nasara" Kami telah mengambil perjanjian dari mereka, tetapi mereka telah melupakan sebahagian pengajaran yang telah diperingatkan kepada mereka lalu Kami timbulkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sehingga hari Kiamat dan kelak Allah akan memberitakan kepada mereka segala apa yang dilakukan mereka."(14)

Perjanjian Allah dengan Bani Israel itu adalah satu perjanjian di antara dua pihak yang mengandungi syarat dan balasan dan ayat ini menyebut butir-butir perjanjian itu dengan syarat dan balasannya sekali selepas menyebut pematerian perjanjian itu dan keadaan-keadaan latar belakangnya. Perjanjian itu dimaterikan dengan dua belas orang pemimpin Bani Israel yang mewakili cawangan-cawangan keluarga Nabi Yaakub atau Israel, iaitu zuriat Asbat atau anak cucu Nabi Yā'kub yang berjumlah sebanyak dua belas Asbat. Butir-butir perjanjian itu adalah seperti berikut:

وَقَالَ ٱللَّهُ إِنِّى مَعَكُمْ ۖ لَئِنْ أَقَمْتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَيْتُمُ ٱلزَّكَوٰةَ وَءَامَنتُم بِرُسُلِى وَعَزَّرْتُمُوهُمْ وَأَقْرَضْتُمُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَّأُكَفِّرَنَّ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَلَأُدْخِلَنَّكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ فَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٢﴾

"Dan Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku bersama kamu dan sesungguhnya jika kamu mendirikan solat, menunaikan zakat, beriman kepada rasul-rasul-Ku dan menyokong mereka serta memberi pinjaman yang baik kepada Allah nescaya Aku hapuskan dosa-dosa kamu dan Aku masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Oleh itu sesiapa di antara kamu yang kafir selepas itu, maka sesungguhnya dia telah sesat dari jalan yang lurus."(12)

"Sesungguhnya Aku bersama kamu."(12)

Ini adalah satu perjanjian yang amat besar. Oleh itu sesiapa yang Allah bersama dengannya, maka jelaslah tiada siapa pun lagi yang sanggup menjadi lawannya, walau bagaimana sekalipun kekuatan lawannya, namun pada hakikatnya ia adalah suatu kekosongan yang tidak mempunyai sebarang kewujudan dan

kesan. Sesiapa yang Allah bersama dengannya, maka dia tidak akan kesesatan jalan, kerana kebersamaan Allah itu akan terus memberi hidayat dan kekuatan yang cukup kepadanya dan sesiapa yang Allah bersama dengannya, maka dia tidak akan gelisah dan tidak akan menderita, kerana kehampirannya kepada Allah akan terus memberi ketenteraman dan kebahagiaan kepadanya. Pendeknya sesiapa yang Allah bersama dengannya, maka ia tetap terjamin dan tetap sampai kepada matlamatnya dan tiada lagi apa-apa tambahan yang perlu dicari olehnya melebihi maqam kebersamaan yang mulia ini.

Tetapi Allah tidak mahu menjadikan ni'mat kebersamaan-Nya dengan mereka secara serampangan dan tidak pula secara pilih kasih, iaitu bukan kerana kehormatan peribadi yang terputus dari sebab-sebab dan syarat-syaratnya yang dikehendaki di sisi Allah, tetapi kebersamaan itu adalah satu perjanjian yang mempunyai syarat dan balasannya.

Makna Mendirikan Solat

Syarat perjanjian itu ialah mendirikan solat iaitu bukannya semata-mata mengerjakan solat, kerana maksud dari mendirikan solat ialah mendirikannya di atas lunas-lunasnya yang sebenar yang dapat menjadikan solat itu tali hubungan yang haqiqi di antara hamba dengan Allah, dapat menjadikannya satu unsur asuhan dan pendidikan mengikut sistem hidup Rabbani yang lurus dan seterusnya dapat menjadikannya pencegah kejahatan dan kemungkaran kerana malu berdiri di hadapan Allah kelak dengan membawa hasil-hasil kejahatan dan kemungkaran.

Tujuan Memberi Zakat

Dan (syarat yang kedua) ialah menunaikan zakat kerana mengi'tirafkan ni'mat Allah yang telah mengurniakan rezeki dan mengi'tirafkan Allah sebagai Pemilik harta yang sebenar dan kerana menyatakan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah dengan amalan membelanjakan harta pengurniaan-Nya mengikut syarat yang diredhai-Nya. Ini berdasarkan hakikat bahawa Allahlah Pemilik harta yang haqiqi, sedangkan manusia bertindak selaku wakil-wakil-Nya sahaja. Zakat juga bertujuan untuk mewujudkan dasar takaful sosial yang menjadi tapak asas untuk ditegakkan kehidupan masyarakat Islam, iaitu untuk membangunkan asas-asas kehidupan ekonomi di atas satu sistem yang dapat menjamin tidak berlakunya proses peredaran harta kekayaan di kalangan orang-orang yang kaya sahaja dan tidak berlakunya gejala penimbunan harta kekayaan di tangan segelintir individu-individu sahaja yang boleh menjadi punca kemerosotan dan kemelesetan ekonomi umum kerana kebanyakan mereka tidak dapat membeli dan mengguna. Dan gejala ini akan membawa kepada terhentinya putaran roda pengeluaran atau melambatkan putarannya di samping membawa kepada wujudnya golongan yang hidup mewah dan golongan yang hidup menderita dan timbulnya berbagai-bagai kerosakan akhlak dan kekacauan sosial di dalam masyarakat. Semua akibat yang buruk ini dapat dihindari dengan peraturan zakat dan dengan sistem hidup Rabbani yang dapat mengawal pengagihan kekayaan dan dapat mengendali putaran ekonomi.

Dan (syarat yang ketiga) beriman kepada sekalian rasul tanpa sebarang pembezaan di antara mereka kerana seluruh mereka adalah datang dari Allah dan seluruh mereka membawa agama Allah. Sikap tidak mempercayai salah seorang dari mereka bererti tidak mempercayai seluruh mereka di samping bererti tidak mempercayai Allah yang telah mengutuskan seluruh mereka.

Makna Percaya Kepada Rasul-Rasul

Yang dimaksudkan dengan beriman kepada rasul-rasul itu bukannya semata-mata beriman secara negatif, malah pastilah disertai dengan tindakan positif membantu mereka dan menyokong mereka melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan Allah kepada mereka, iaitu membantu tugas-tugas da'wah mereka, yang mana hidup mereka telah mereka waqafkan seluruhnya untuk menyempurna tugas-tugas itu.

Agama Allah Bukan Semata-mata Kefahaman I'tiqad Dan Syari'at Tetapi Perjuangan Memimpin Manusia Dengan Kefahaman Dan Syari'at Itu

Di antara kewajipan-kewajipan beriman kepada agama Allah ialah setiap orang yang beriman harus bangkit berjuang untuk menyokong agama yang diimaninya, untuk menegakkannya di bumi ini dan untuk merealisasikannya di dalam kehidupan manusia, kerana agama Allah bukannya semata-mata kefahaman i'tiqad dan bukan pula semata-mata syi'ar-syi'ar ibadat, malah ia adalah satu sistem hidup yang realistik dan satu peraturan yang mempunyai garis-garis panduan yang jelas untuk mengendalikan urusan-urusan kehidupan. Setiap sistem hidup dan peraturan memerlukan bantuan dan sokongan, iaitu memerlukan usaha dan perjuangan untuk merealisasikannya dan untuk melindunginya selepas direalisasikannya jika tidak, maka orang yang beriman kepadanya dikira tidak menyempurnakan perjanjian.

Selepas kewajipan membayar zakat ialah kewajipan menginfaqkan harta untuk Sabilullah. Allah sifatkan infaq ini sebagai pemberian pinjaman kepada-Nya, sedangkan pada hakikatnya Allahlah tuan pemilik dan pengurnia harta yang dipinjamkan kepadanya itu, tetapi dengan limpah kemurahan-Nya ia namakan harta yang dikurniakan itu apabila diinfaqkan untuk Sabilullah sebagai pinjaman kepada Allah.

Itulah syarat-syarat perjanjian dan adapun balasan-balasannya pula ialah:

(Pertama) balasan dengan penghapusan dosa-dosa atau kesalahan-kesalahan. Seorang manusia tak kunjung melakukan kesalahan-kesalahan dan

kesilapan-kesilapan. Ia tak kunjung tertarik mengerjakan perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa walaupun ia banyak melakukan kebaikan-kebaikan. Oleh itu balasan dengan penghapusan dosa kepadanya merupakan satu balasan yang amat besar, satu rahmat yang amat luas dari Allah dan satu penutupan kepada kelemahan dan kecuaiannya.

(Yang kedua) balasan dengan Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah limpah kurnia Allah yang tulen kepada manusia. Ia tidak dapat mencapai ni'mat Syurga ini dengan semata-mata amalannya, malah ia hanya dapat mencapaikan dengan limpah kurnia dari Allah apabila ia mengorbankan usahanya mengerjakan amalan yang terdaya dilakukannya.

Di sana disebut pula satu syarat pembalasan di dalam perjanjian itu iaitu:

فَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١٢﴾

"Oleh itu sesiapa di antara kamu yang kafir selepas itu, maka sesungguhnya dia telah sesat dari jalan yang lurus."(12)

Yakni selepas itu dia tidak akan mendapat hidayat lagi dan tidak akan pulang lagi dari kesesatan iaitu setelah dia melihat hidayat dengan sejelas-jelasnya, setelah dia mematerikan perjanjian itu dengan cukup terang, setelah dia mengenal pasti jalan yang lurus itu dengan jelas dan setelah dia yakin akan mendapat balasan.

Itulah perjanjian Allah dengan para pemimpin Bani Israel bagi pihak orang-orang yang berada di belakang mereka dan seluruh mereka telah mempersetujui perjanjian itu dan oleh kerana itu perjanjian ini merupakan perjanjian bagi setiap orang dari mereka di samping menjadi perjanjian bagi umat Bani Israel yang terbentuk dari mereka.

Apakah tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh Bani Israel?

Mereka telah membatalkan perjanjian dengan Allah itu, mereka membunuh nabi-nabi mereka tanpa suatu alasan yang benar dan mereka telah merancangkan pembunuhan dan pensaliban Nabi 'Isa a.s. iaitu nabi mereka yang terakhir, mereka mengubah dan meminda kitab suci mereka at-Taurat, mereka lupakan syari'at-syari'at mereka dan tidak mempraktikkannya, mereka mengambil sikap yang hina, jahat dan degil terhadap Muhammad penamat para rasul dan mereka telah mengkhianati beliau dan perjanjian-perjanjian mereka dengannya dan akibatnya mereka telah diusir dari hidayat Allah dan hati mereka menjadi begitu keras hingga tidak layak lagi untuk menerima hidayat Allah.

فَبِمَا نَقْضِهِم مِّيثَٰقَهُمْ لَعَنَّٰهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَٰسِيَةً ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِۦ ۙ وَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ ۚ

"Oleh sebab mereka membatalkan perjanjian mereka Kami kutukkan mereka dan Kami jadikan hati mereka keras membatu. Mereka mengubahkan kalam Allah dari tempat-tempatnya yang sebenar dan mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingat-kan mereka dengannya."(13)

Tabi'at Khianat Dan Mungkir Janji Kaum Yahudi Yang Tidak Pernah Berubah

Apa yang telah diterangkan Allah itu adalah benar dan tepat. Inilah sifat-sifat kaum Yahudi yang tidak terpisah dari mereka. Kutukan Allah dapat dilihat dengan jelas pada sifat-sifat mereka, iaitu sifat-sifat yang mendedahkan tabi'at kelakuan-kelakuan mereka yang terkutuk dan terusir dari rahmat Allah. Kekerasan hati mereka dapat dilihat dengan jelas pada roman wajah mereka yang kering dari senyuman kasih sayang dan pada tindak tanduk mereka yang kosong dari perasaan-perasaan kemanusiaan. Walaupun secara tipu helah mereka cuba menunjukkan kelembutan dalam tutur kata mereka ketika menghadapi ketakutan dan ketika ada kepentingan.dan memperlihatkan kelembutan dalam sentuhan ketika hendak menjalankan tipu daya dan membuat fitnah, namun kekeringan roman muka dan kekasaran sifat mereka tetap ketara begitu nyata membayangkan kekeringan hati nubari mereka. Di antara tabi'at mereka yang paling ketara ialah mereka suka mengubah-ngubahkan kalam Allah dari tempatnya yang sebenar, iaitu mengubah dan meminda kitab suci mereka dari bentuk asalnya ketika diturunkan Allah kepada Nabi Musa a.s., iaitu sama ada dengan cara menokok tambah kepada kitab itu dengan ungkapan-ungkapan yang dapat mendokong matlamat-matlamat mereka yang tidak jujur dan mengesahkannya dengan nas-nas dari kitab suci yang palsu dan dusta terhadap Allah atau dengan mentafsirkan nas-nas asli kitab suci yang masih tinggal itu dengan pentafsiran yang sesuai dengan kehendak hawa nafsu, kepentingan dan matlamat mereka yang jahat atau dengan melupakan dan mengabaikan perintah-perintah agama dan syari'at mereka, dan mengambil sikap tidak mempraktikkan perintah-perintah dan syari'at itu di dalam kehidupan mereka dan di dalam masyarakat mereka, kerana tindakan mempraktikkan perintah-perintah itu akan memaksa mereka bertindak jujur mengikut agama Allah yang suci, bersih dan lurus.

وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۖ

"Dan engkau (Muhammad) masih melihat perbuatan yang khianat dari golongan mereka kecuali segelintir sahaja dari mereka (yang tidak melakukan pengkhianatan itu)."(13)

Ayat ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. Ia menggambar keadaan kaum Yahudi yang berada di dalam masyarakat Islam di Madinah, di mana mereka

tidak pernah berhenti dari percubaan mengkhianati Rasulullah s.a.w. Mereka mempunyai rekod pengkhianatan yang berturut-turut, malah inilah keadaan mereka di sepanjang masa mereka tinggal di Madinah - malah di seluruh Semenanjung Tanah Arab - dan inilah juga keadaan mereka di dalam masyarakat Islam di sepanjang sejarah. Walaupun masyarakat Islam merupakan satu-satunya masyarakat yang memberi tempat perlindungan kepada mereka, mempertahankan mereka dari penindasan, memberi layanan yang paling baik kepada mereka, memberi kemudahan untuk mereka hidup senang-lenang, namun mereka tetap serupa dengan sifat-sifat mereka di zaman Rasulullah s.a.w. iaitu mereka tetap bertindak selaku kala-kala, ular-ular, musang-musang dan serigala-serigala yang menyembunyikan tipudaya dan pengkhianatan. Mereka tak kunjung merancang tipudaya dan bertindak khianat. Andainya mereka tidak berdaya menimpakan malapetaka yang lahir ke atas orang-orang Islam, mereka akan memasang perangkap dan jerat untuk mengenakan mereka dan mereka akan mengadakan pakatan-pakatan sulit dengan setiap musuh kaum Muslimin dan sebaik sahaja peluang terbuka, mereka akan menyerang mereka dengan hati yang kejam dan tidak mengenal kasihan belas dan tidak memperdulikan perjanjian dan hubungan. Demikianlah sifat kebaikan mereka sebagaimana telah dijelaskan oleh Allah di dalam kitab sucinya dan sebagaimana Allah telah menceritakan kepada kita tentang tabi'at yang diwarisi mereka, iaitu tabi'at suka merombakkan perjanjian mereka dengan Allah di zaman dahulu.

Pengungkapan Al-Qur'an yang khusus tentang keadaan kaum Yahudi dengan Rasulullah s.a.w. di Madinah itu adalah satu pengungkapan yang amat menarik:

وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَىٰ خَآئِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ

"Dan engkau (Muhammad) masih melihat perbuatan yang khianat dari golongan mereka kecuali segelintir sahaja dari mereka (yang tidak melakukan pengkhianatan itu)."(13)

Perbuatan mereka yang khianat, niat mereka yang khianat, kata-kata mereka yang khianat dan pandangan mereka yang khianat semuanya di intipatikan oleh ayat ini tanpa menyebut mausuf (orang yang disifat), malah hanya menyebut sifat sahaja iaitu kata-kata "Kha'inah" (yang khianat) agar sifat khianat sahaja yang memenuhi seluruh suasana di sana dan melontarkan bayangannya ke atas kaum Yahudi, kerana sifat khianat yang menjadi intipati tabi'at dan sikap mereka terhadap Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslim.

Umat Muslimin Dianjur Supaya Mengambil Pengajaran Dari Malapetaka Yang Telah Menimpa Bani Israel

Al-Qur'an adalah guru dan pemimpin umat Muslimin dan pemandu mereka di sepanjang jalan perjuangan mereka. Dia mendedahkan kepada mereka keadaan dan tabi'at musuh-musuh mereka di samping mendedahkan sejarah penentangan mereka terhadap seluruh hidayat Allah. Dan jika umat Muslimin terus mencari panduan dan bimbingan dari Al-Qur'an dan mematuhi ajarannya, menegakkan dasar-dasarnya, undang-undang dan peraturannya di dalam kehidupan mereka nescaya musuh-musuh mereka tidak dapat menimpakan bala bencana ke atas mereka pada bila-bila waktu, tetapi apabila mereka membatalkan perjanjian mereka dengan Allah dan meninggalkan Al-Qur'anul-Karim walaupun ia masih dibaca dengan lagu-lagu yang merdu dan masih digunakan sebagai azimat-azimat, jampi-jampi dan do'a-do'a - maka mereka tetap menerima segala malapetaka yang telah dialami mereka.

Allah S.W.T. telah menceritakan kepada umat Muslimin segala malapetaka yang telah menimpa Bani Israel, iaitu mereka telah dikutuk dan diusir dari rahmat Allah, hati mereka menjadi keras, mereka ditabi'atkan suka mengubah-ngubahkan kalam Allah dari tempat-tempatnya yang sebenar apabila mereka bertindak merombakkan perjanjian mereka dengan Allah. Tujuan penceritaan ini ialah untuk mengingatkan umat Muslimin agar berwaspada dari perbuatan merombakkan perjanjian mereka dengan Allah supaya mereka tidak ditimpa malapetaka yang telah ditimpa ke atas setiap umat yang memungkiri dan merombakkan perjanjian mereka dengan Allah. Oleh sebab itu apabila umat Muslimin sendiri telah melupakan peringatan ini dan memilih jalan hidup yang lain dari jalan Allah, maka Allah telah mencabut dari tangan mereka teraju kepimpinan umat manusia dan meninggalkan mereka dalam keadaan mundur di belakang angkatan kafilah umat manusia sehingga mereka pulang semula kepada Allah dan berpegang teguh dengan perjanjian mereka dan menyempurnakannya. Di waktu inilah Allah akan menyempurnakan janji-Nya untuk memberi kepada mereka kedudukan yang teguh di bumi ini dan menyerahkan kepada mereka teraju kepimpinan umat manusia dan hak menjadi saksi terhadap umat manusia. Jika tidak, maka umat Muslimin akan terus mundur begini di belakang angkatan kafilah umat manusia. Janji Allah tetap teguh dan Allah tidak pernah memungkiri janji-Nya.

Namun demikian Allah telah memerintah Rasulullah s.a.w. pada masa turunnya ayat ini supaya beliau (mengambil sikap memaaf):

"(Tetapi) maafkan mereka dan biarkan mereka. Sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin."(13)

Yakni sikap memaafkan perbuatan-perbuatan yang keji dan pengkhianatan-pengkhianatan dari mereka adalah satu sikap yang baik.

Tetapi apabila masanya telah tiba, di mana tidak ada lagi tempat untuk diberi keampunan dan kemaafan kepada mereka, maka Allah telah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mengusir mereka keluar dari Madinah dan selepas itu beliau diperintah pula supaya mereka diusir keluar dari seluruh Semenanjung Tanah Arab. Dan inilah yang telah berlaku.

* * * * * *

Begitu juga Allah S.W.T. (dalam ayat yang berikut) telah menceritakan kepada Nabi-Nya s.a.w. dan kepada kelompok Muslimin bahawa Dia mengambil perjanjian dari orang-orang yang menggelarkan diri mereka sebagai "Orang-orang Nasara" dari golongan Ahlil-Kitab, tetapi mereka juga telah merombakkan perjanjian mereka dan oleh kerana itu mereka ditimpa balasan kerana memungkiri perjanjian itu:

وَمِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّا نَصَٰرَىٰٓ أَخَذۡنَا مِيثَٰقَهُمۡ فَنَسُواْ حَظّٗا مِّمَّا ذُكِّرُواْ بِهِۦ فَأَغۡرَيۡنَا بَيۡنَهُمُ ٱلۡعَدَاوَةَ وَٱلۡبَغۡضَآءَ إِلَىٰ يَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِۚ وَسَوۡفَ يُنَبِّئُهُمُ ٱللَّهُ بِمَا كَانُواْ يَصۡنَعُونَ ١٤

"Di antara mereka yang telah mengatakan 'Sesungguhnya kami adalah penganut agama Nasara' telah mengambil perjanjian dari mereka, tetapi mereka sengaja melupakan sebahagian dari perjanjian yang diperingatkan mereka dengannya lalu Kami timbulkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sampai kepada hari Kiamat dan Allah akan menceritakan kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(14)

Di sini kita dapati satu ungkapan yang khusus yang mempunyai maksud yang khusus.

وَمِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّا نَصَٰرَىٰٓ

"Di antara mereka yang telah mengatakan (sesungguhnya kami adalah penganut agama Nasara)."(14)

Maksud ungkapan ini ialah mereka hanya mendakwa sebagai orang-orang Nasara sahaja, sedangkan mereka tidak merealisasikan agama yang dianuti mereka itu di dalam realiti kehidupan mereka. Yang menjadi asas perjanjian dalam agama ini ialah mentauhidkan Allah dan di sinilah letaknya titik penyelewengan yang tulen di dalam garis sejarah agama Nasraniyah. Inilah bahagian pengajaran yang telah dilupai mereka di antara pengajaran-pengajaran yang telah diperingatkan kepada mereka dan kelupaan ini telah membawa mereka selepas itu kepada berbagai-bagai penyelewengan di samping menimbulkan perselisihan faham di antara berbagai-bagai sekta, berbagai-bagai mazhab dan puak di kalangan mereka yang hampir-hampir tidak terbilang banyaknya di zaman lama dan di zaman moden sebagaimana kami akan jelaskan secara ringkas selepas ini. Di antara mereka telah tercetus permusuhan dan perseteruan yang sengit sebagaimana telah diterangkan Allah bahawa perseteruan itu akan terus bersemarak sehingga hari Kiamat. Itulah balasan yang setimpal terhadap perbuatan mereka yang telah merombakkan perjanjian mereka dengan Allah dan terhadap perbuatan mereka melupakan bahagian pengajaran yang telah diperingatkan kepada mereka. Dan mereka menunggu balasan di Akhirat, di mana Allah akan memberitakan kepada mereka segala perbuatan yang telah dilakukan mereka, dan menghukum mereka mengikut perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka dan diberitakan Allah kepada mereka.

Kerana Penyelewengan Dalam Isu Tauhid Kaum Kristian Telah Terhumban Ke Dalam Perseteruan Sesama Sendiri Yang Sangat Mendalam

Di antara orang-orang yang mendakwa diri mereka sebagai penganut-penganut agama Nasrani telah berlaku perselisihan faham, persengketaan, permusuhan dan perseteruan di dalam sejarah lama dan moden tepat seperti yang telah diceritakan oleh Allah dalam kitab suci-Nya yang benar dan mulia. Darah mereka yang mengalir dalam pergaduhan di antara sesama mereka lebih banyak dari darah yang mengalir di dalam peperangan-peperangan yang diceburi mereka dengan orang lain di dalam seluruh sejarah mereka sama ada dengan sebab pertelingkahan keagamaan di sekitar sesuatu 'aqidah atau dengan sebab pertelingkahan merebut kepimpinan keagamaan atau dengan sebab pertelingkahan-pertelingkahan politik, ekonomi dan sosial. Dalam masa berkurun-kurun lamanya permusuhan-permusuhan dan pergaduhan-pergaduhan itu tidak pernah reda, peperangan-peperangan dan pertumpahan darah tidak pernah padam. Ia akan berterusan sehingga hari Kiamat sebagaimana telah diterangkan oleh Allah Yang Maha Benar sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang telah merombakkan perjanjian mereka dengan Allah dan melupakan sebahagian dari perjanjian yang telah diperingatkan kepada mereka terutama mengenai persoalan tauhid, iaitu satu persoalan yang telah mereka menyimpang darinya tidak lama selepas kewafatan al-Masih 'Isa a.s. kerana sebab-sebab yang tidak dapat dibentangkan di sini dengan terperinci. [9]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)

Apabila penerangan rangkaian ayat-ayat yang berkaitan dengan sikap kaum Yahudi dan kaum Nasara terhadap perjanjian mereka dengan Allah

---

[9] *Lihat buku:* "محاضرات في النصرانية" *oleh al-Ustaz as-Syeikh Muhammad Abu Zuhrah dan juga lihat tafsir Fi Zilalil Qur'an, juzu' yang ketiga.*

sampai ke tahap ini, maka (ayat-ayat yang berikut) ditujukan pula kepada seluruh kaum Ahlil-Kitab yang terdiri dari kaum Yahudi dan kaum Nasara untuk mengisytiharkan kepada mereka kedatangan risalah yang terakhir yang dibawa oleh nabi yang menjadi penamat para anbia' dan menegaskan kepada mereka bahawa risalah yang terakhir ini adalah juga ditujukan kepada mereka di samping ditujukan kepada umat Arab yang Ummi dan kepada sekalian umat manusia yang lain. Oleh itu mereka adalah termasuk dalam golongan umat manusia yang diperintah menerima risalah ini dan mengikut rasul yang terakhir ini. Ini adalah sebahagian dari perjanjian Allah dengan mereka - sebagaimana telah diterangkan sebelum ini - dan rasul yang terakhir ini datang untuk mendedahkan perbuatan mereka yang telah menyembunyikan berbagai-bagai perkara yang termaktub di dalam kitab suci yang ada di tangan mereka, iaitu kitab yang ditugaskan kepada mereka supaya menjaga dan memeliharanya, tetapi mereka telah merombakkan perjanjian mereka dengan Allah. Dan rasul yang terakhir ini juga telah mengabaikan banyak perkara yang telah disembunyikan mereka kerana perkara-perkara itu tidak diperlukan lagi di dalam syari'at yang baru. Kemudian Al-Qur'an (di dalam ayat-ayat yang berikut) mengemukakan beberapa penyelewengan Ahlil-Kitab di dalam i'tiqad-i'tiqad mereka yang hendak dibetulkan olah rasul yang terakhir yang telah datang itu seperti dakwaan kaum Nasara bahawa al-Masih 'Isa putera Maryam itu ialah Allah dan seperti dakwaan mereka dan kaum Yahudi bahawa mereka adalah anak-anak Allah dan para kekasih-Nya kemudian Al-Qur'an mengakhiri seruannya dengan satu pernyataan bahawa mereka tidak lagi mempunyai alasan untuk berdalih di hadapan Allah selepas kedatangan risalah yang terakhir yang menerangkan segala-galanya dengan jelas dan mereka tidak boleh lagi mendakwa bahawa mereka telah dilalui oleh zaman yang amat lama selepas putusnya risalah-risalah Allah dan oleh kerana itu mereka telah lupa dan terkeliru.

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمۡ كَثِيرٗا مِّمَّا كُنتُمۡ تُخۡفُونَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَيَعۡفُواْ عَن كَثِيرٖۚ قَدۡ جَآءَكُم مِّنَ ٱللَّهِ نُورٞ وَكِتَٰبٞ مُّبِينٞ ١٥

يَهۡدِي بِهِ ٱللَّهُ مَنِ ٱتَّبَعَ رِضۡوَٰنَهُۥ سُبُلَ ٱلسَّلَٰمِ وَيُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذۡنِهِۦ وَيَهۡدِيهِمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ١٦

لَّقَدۡ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡمَسِيحُ ٱبۡنُ مَرۡيَمَۚ قُلۡ فَمَن يَمۡلِكُ مِنَ ٱللَّهِ شَيۡـًٔا إِنۡ أَرَادَ أَن يُهۡلِكَ ٱلۡمَسِيحَ ٱبۡنَ مَرۡيَمَ وَأُمَّهُۥ وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعٗاۗ وَلِلَّهِ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَاۚ يَخۡلُقُ مَا يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٧

وَقَالَتِ ٱلۡيَهُودُ وَٱلنَّصَٰرَىٰ نَحۡنُ أَبۡنَٰٓؤُاْ ٱللَّهِ وَأَحِبَّٰٓؤُهُۥۚ قُلۡ فَلِمَ يُعَذِّبُكُم بِذُنُوبِكُمۖ بَلۡ أَنتُم بَشَرٞ مِّمَّنۡ خَلَقَۚ يَغۡفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُۚ وَلِلَّهِ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَاۖ وَإِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ١٨

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمۡ عَلَىٰ فَتۡرَةٖ مِّنَ ٱلرُّسُلِ أَن تَقُولُواْ مَا جَآءَنَا مِنۢ بَشِيرٖ وَلَا نَذِيرٖۖ فَقَدۡ جَآءَكُم بَشِيرٞ وَنَذِيرٞۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٩

"Wahai Ahlil-Kitab, sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul kami yang menjelaskan kepada kamu banyak dari isi kandungan al-kitab (Injil dan Taurat) yang kamu sembunyikannya dan banyak pula yang diabaikannya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu satu nur dari Allah dan sebuah kitab (Al-Qur'an) yang amat jelas (15). Dengannya (kitab Al-Qur'an) Allah memberi hidayat kepada mereka yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan kedamaian dan mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang-benderang dengan keizinan-Nya dan memimpin mereka ke jalan yang lurus (16). Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam. Katakanlah: Siapakah yang berkuasa menghalangkan sesuatu dari kehendak Allah jika dia mahu membinasakan al-Masih putera Maryam dan bondanya serta sekalian penghuni bumi? Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dan Dialah yang berkuasa menciptakan segala apa yang disukainya. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (17). Dan orang-orang Yahudi dan Nasara telah berkata: 'Kamilah putera-putera Allah dan para kekasihnya. Katakanlah: Mengapa pula Allah meng'azabkan kamu kerana dosa-dosa kamu? Malah sebenarnya kamu adalah manusia biasa di antara mereka yang telah diciptakan Allah.

Dia mengampunkan siapa yang dikehendakinya dan menyeksakan siapa yang dikehendakinya dan Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dan kepada-Nya kembali seluruh makhluk (18). Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul kami menjelaskan (peraturan syari'at) kepada kamu ketika putusnya pengiriman rasul-rasul agar kamu tidak dapat berdalih: Tidak pernah datang kepada kami seorang rasul pun baik yang menyampaikan berita gembira mahupun yang memberi amaran dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(19)

Kaum Ahlil-Kitab merasa begitu berat kerana mereka diseru menganut agama Islam oleh seorang nabi yang bukan dari kalangan mereka, iaitu seorang nabi dari kalangan kaum yang Ummi (yang tidak tahu membaca dan menulis) yang mereka pandang rendah dan jahil sebelum ini. Ini berdasarkan hakikat kerana mereka adalah dari kaum Ahlil-Kitab, sedangkan kaum Arab adalah kaum yang Ummi. Tetapi apabila Allah hendak memberi penghormatan kepada kaum Arab yang Ummi itu, maka Allah telah membangkitkan nabi yang terakhir yang menjadi penamat para anbia' itu dari kalangan mereka dan meletakkan risalah-Nya yang terakhir, yang meliputi seluruh umat manusia. Kemudian Allah mengajar kaum yang Ummi itu hingga menjadi satu umat yang paling tinggi ilmu mereka di muka bumi ini dan paling tinggi kefahaman dan kepercayaan mereka, satu umat yang mempunyai sistem dan cara hidup yang paling betul dan jujur, mempunyai undang-undang dan peraturan yang paling baik, mempunyai masyarakat dan akhlak yang paling bagus. Semuanya ini merupakan limpah kurnia Allah kepada mereka, dan semuanya merupakan pengurniaan Allah yang telah menganugerahkan agama Islam kepada mereka dan merestuinya. Kaum Arab yang Ummi itu tidak akan dapat memegang amanah kepimpinan umat manusia andainya tidak kerana ni'mat agama ini. Mereka tidak mempunyai - dan tidak akan mempunyai sesuatu bekalan (atau sumbangsih) yang dapat mereka kemukakan kepada umat manusia kecuali bekalan yang telah diberikan oleh agama ini kepada mereka.

Seruan Ilahi (dalam ayat yang berikut) yang ditujukan kepada Ahlil-Kitab, Al-Qur'an merakamkan bahawa mereka adalah diseru supaya menganut agama Islam dan beriman kepada rasul yang membawa agama ini serta menolong dan menyokongnya. Al-Qur'an mengikat mereka dengan perjanjian Allah dan merakamkan kepada mereka pengakuan Allah S.W.T. bahawa nabi yang Ummi ini adalah utusan Allah kepada mereka di samping utusan kepada umat Arab dan umat manusia seluruhnya. Oleh itu mereka tidak lagi mempunyai ruang untuk menolak risalahnya yang dibawa dari sisi Allah itu begitu juga mereka tidak mempunyai ruang untuk mendakwa bahawa risalahnya adalah khusus untuk umat Arab sahaja dan bukannya ditujukan kepada kaum Ahlil-Kitab:

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا

يُبَيِّنُ لَكُمۡ كَثِيرٗا مِّمَّا كُنتُمۡ تُخۡفُونَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَيَعۡفُواْ عَن كَثِيرٖۚ قَدۡ جَآءَكُم مِّنَ ٱللَّهِ نُورٞ وَكِتَٰبٞ مُّبِينٞ ﴿١٥﴾

"Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul Kami yang menjelaskan kepada kamu banyak dari isi kandungan al-kitab (Injil dan Taurat) yang kamu sembunyikannya dan banyak pula yang diabaikannya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu satu nur dari Allah dan sebuah kitab (Al-Qur'an) yang amat jelas."(15)

Yakni Muhammad itu adalah utusan Allah kepada kamu dan tugas beliau ialah memberi penerangan dan penjelasan kepada kamu dan mendedahkan hakikat-hakikat yang terkandung di dalam kitab suci yang telah disembunyikan dengan pakatan di antara sesama kamu. Kedua-dua golongan Yahudi dan Nasara sama-sama terlibat dalam usaha menyembunyikan hakikat-hakikat yang benar itu. Kaum Nasara telah menyembunyikan hakikat tauhid yang menjadi asas utama agama, dan kaum Yahudi pula telah menyembunyikan berbagai-bagai hukum syari'at seperti hukuman rejam terhadap penzina dan pengharaman riba yang menyeluruh di samping mereka menyembunyikan ayat-ayat yang menerangkan tentang kebangkitan nabi yang Ummi (Muhammad) (sebagaimana diterangkan oleh Al-Qur'an).

Nama Nabi Muhammad Dalam Taurat Dan Injil

ٱلنَّبِيَّ ٱلۡأُمِّيَّ ٱلَّذِي يَجِدُونَهُۥ مَكۡتُوبًا عِندَهُمۡ فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِ وَٱلۡإِنجِيلِ

"Nabi yang Ummi yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan injil."

(Surah al-A'raf: 157)

Di samping itu Rasulullah s.a.w. telah meninggal dan mengabaikan banyak perkara-perkara yang telah disembunyi dan diubahkan mereka yang tidak lagi disyari'atkan, kerana Allah telah memansuhkan hukum-hukum yang tidak berfungsi di dalam masyarakat manusia yang terkandung di dalam kitab-kitab suci dan syari'at-syari'at yang terdahulu, iaitu hukum-hukum yang berfungsi untuk beberapa waktu sahaja di dalam masyarakat-masyarakat kecil yang tertentu, di mana telah dibangkit para rasul untuk satu jangka masa yang tertentu sahaja yang ditetapkan oleh ilmu Allah sebelum datangnya risalah terakhir yang lengkap dan berkekalan. Dan dengan agama atau risalah yang terakhir ini Allah sempurnakan penganugerahan ni'mat-Nya dan merestukan agama itu sebagai agama untuk dianuti oleh umat manusia. Oleh sebab itu di dalam agama yang terakhir tidak ada lagi sebarang pemansuhan, penukaran dan pindaan.

Al-Qur'an menerangkan kepada mereka tentang tabi'at agama terakhir yang telah dibawa oleh rasul ini dan fungsinya di dalam kehidupan umat manusia serta kesan-kesannya di dalam kehidupan mereka sebagaimana telah diaturkan Allah dalam perencanaan atau takdir-Nya.

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا
يُبَيِّنُ لَكُمۡ كَثِيرٗا مِّمَّا كُنتُمۡ تُخۡفُونَ
مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَيَعۡفُواْ عَن كَثِيرٖۚ قَدۡ جَآءَكُم
مِّنَ ٱللَّهِ نُورٞ وَكِتَٰبٞ مُّبِينٞ ١٥
يَهۡدِي بِهِ ٱللَّهُ مَنِ ٱتَّبَعَ رِضۡوَٰنَهُۥ سُبُلَ
ٱلسَّلَٰمِ وَيُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى
ٱلنُّورِ بِإِذۡنِهِۦ وَيَهۡدِيهِمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ
مُّسۡتَقِيمٖ ١٦

"Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul Kami yang menjelaskan kepada kamu banyak dari isi kandungan kitab (Injil dan Taurat) yang kamu sembunyikannya dan banyak pula yang diabaikannya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu satu nur dari Allah dan sebuah kitab (Al-Qur'an) yang amat jelas (15). Dengannya (kitab Al-Qur'an) Allah memberi hidayat kepada mereka yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan kedamaian dan mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang benderang dengan keizinan-Nya dan memimpin mereka ke jalan yang lurus."(16)

Tidak ada kata-kata yang lebih halus dan lebih tepat untuk menyifatkan kitab suci Al-Qur'an atau sistem hidup Rabbani atau agama Islam dari kata-kata "النور" atau "cahaya".

Itulah hakikat nur yang didapati oleh seseorang Mu'min dalam hatinya, dalam dirinya, dalam hidupnya, dalam pandangan dan penilaiannya terhadap peristiwa-peristiwa dan orang-orang. Dia dapati hakikat ini sebaik sahaja dia merasa hakikat iman telah tertanam di dalam hatinya. Ia adalah nur yang menerangi seluruh dirinya dan menjadikannya begitu halus dan ringan halus, dan membuat segala sesuatu terang benderang di hadapannya. Oleh kerana itu hati dapat memandang jelas, nyata dan lurus.

Keberatan unsur tanah di dalam dirinya, kegelapan tabi'at tanahnya, ketebalan daging dan kekentalan darahnya, kegarangan dan kemeruapan nafsu keinginan semuanya turut menjadi cerah berseri-seri, bersinar-sinar dan terang nyata (dengan pancaran nur itu). Pendeknya (berkat nur itu) yang berat menjadi ringan, yang gelap menjadi cerah, yang tebal menjadi tipis dan yang meruap dan menggarang menjadi tenang.

Kekeliruan dan kecelaruan pengelihatan, keteragakkan dan keraguan hayunan langkah, kebingungan dan ketidak keruan tujuan dan jalan gelap yang tidak berbatu tanda semuanya turut menjadi cerah, berseri-seri, bersinar-sinar, terang dan nyata. Ia membuat matlamat kelihatan jelas, jalan kelihatan lurus dan hati yang berjalan di jalan itu juga turut menjadi lurus dan jujur.

نُورٞ وَكِتَٰبٞ مُّبِينٞ ١٥

"Nur dan sebuah kitab (Al-Qur'an) yang amat jelas."(15)

Nur dan kitab yang amat jelas merupakan dua sifat bagi satu pengajaran atau agama yang dibawa oleh rasul yang mulia itu.

يَهۡدِي بِهِ ٱللَّهُ مَنِ ٱتَّبَعَ رِضۡوَٰنَهُۥ سُبُلَ
ٱلسَّلَٰمِ وَيُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى
ٱلنُّورِ بِإِذۡنِهِۦ وَيَهۡدِيهِمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ
مُّسۡتَقِيمٖ ١٦

"Dengannya (kitab Al-Qur'an) Allah memberi hidayat kepada mereka yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan keselamatan dan mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang benderang dengan keizinan-Nya dan memimpin mereka ke jalan yang lurus."(16)

Allah telah merestui Islam sebagai agama yang terakui di sisi-Nya dan memberi hidayat kepada mereka yang mengikut agama yang diredhai-Nya ini, iaitu mereka yang meredhai agama itu sebagaimana Allah telah meredhainya menjadi agama mereka. Allah memberi hidayat kepada mereka menuju:

سُبُلَ ٱلسَّلَٰمِ

"Ke jalan kedamaian."(16)

Makna Jalan Kedamaian Yang Dibimbangi Allah

Alangkah halus dan tepatnya pengungkapan ini kerana kedamaian inilah yang dicurahkan oleh agama Islam di dalam kehidupan seluruhnya, iaitu kedamaian individu, kedamaian kelompok, kedamaian alam, kedamaian hati nurani, kedamaian akal, kedamaian anggota tubuh badan, kedamaian rumahtangga dan keluarga, kedamaian masyarakat dan umat, kedamaian umat manusia dan insaniyah, kedamaian dengan hayat, kedamaian dengan alam buana, kedamaian dengan Allah Tuhan alam dan hayat, kedamaian yang tidak mungkin dicapai oleh manusia walau sehari pun kecuali di dalam pengakuan agama ini, iaitu dalam sistem hidup agama ini dan di dalam syari'atnya, dan di dalam masyarakatnya yang ditegakkan di atas 'aqidah dan syari'atnya.

Memang benar bahawa Allah melalui agama yang telah diredhai-Nya memberi hidayat kepada mereka yang mengikut keredhaan-Nya ke jalan kedamaian, iaitu kedamaian di dalam semua aspek-aspek tersebut. Dan tiada siapa yang dapat memahami hakikat kedamaian ini sedalam yang difahami oleh mereka yang pernah melalui jalan-jalan peperangan di dalam jahiliyah-jahiliyah zaman lama atau zaman moden dan tiada siapa yang dapat memahami hakikat kedamaian ini sedalam yang difahami oleh mereka yang pernah mengalami peperangan perasaan resah gelisah yang lahir dari 'aqidah-'aqidah jahiliyah yang bertapak di dalam hati nubari dan perang perasaan keluh-kesah yang lahir dari undang-undang dan peraturan-peraturan jahiliyah yang berfungsi sewenang-wenang di dalam adat resam kehidupan.

Orang-orang yang ditujukan ayat ini kepada mereka bagi pertama kalinya memang dapat memahami dari pengalaman mereka di dalam jahiliyah erti dan maksud (yang mendalam) dari kata-kata kedamaian itu, kerana mereka sendiri telah mengecapi kedamaian itu dan meni'mati rasa yang citarasa itu.

Alangkah perlunya bagi kita sekarang ini memahami hakikat kedamaian ini semasa jahiliyah yang bertapak di sekeliling kita dan di dalam masyarakat kita sedang menimpakan berbagai-bagai malapetaka ke atas umat manusia, iaitu malapetaka dari aneka ragam peperangan yang menggugatkan hati dan masyarakat manusia abad demi abad.

Alangkah perlunya bagi kita sekarang yang telah pernah hidup di dalam kedamaian ini di satu zaman dari sejarah kita kemudian kita keluar dari pangkuan kedamaian itu ke dalam peperangan yang menghancurkan jiwa dan hati kita, menghancurkan akhlak dan perilaku kita dan menghancurkan masyarakat kita dan umat kita..... Alangkah perlunya kita insaf, kerana kita masih berdaya memasuki ke dalam kedamaian yang pernah dikurniakan Allah kepada kita itu ketika kita mengikut keredhaan-Nya dan kita rela untuk diri kita berpegang teguh dengan agama yang direlakan-Nya kepada kita itu.

Kita sedang mengalami dan menderita berbagai-bagai malapetaka jahiliyah, sedangkan Islam amat dekat dengan kita, dan kita sedang mengalami dan menderita peperangan jahiliyah, sedangkan kedamaian Islam boleh dicapai oleh tangan kita jika kita mahu, tidakkah sesuatu kerugian yang amat besar apabila kita menukarkan sistem hidup jahiliyah yang buruk dengan sistem hidup Rabbani yang baik? Apabila kita membeli kesesatan dengan hidayat? Dan apabila kita memilih peperangan dari kedamaian?

Kita memang boleh menyelamatkan umat manusia dari malapetaka jahiliyah dan dari peperangannya yang bersemarak di dalam berbagai-bagai bentuk dan rupa itu, tetapi kita tidak boleh menyelamatkan mereka sebelum kita menyelamatkan diri kita sendiri lebih dahulu dan sebelum kita kembali berteduh di bawah bayangan kedamaian itu. Apabila kita kembali semula kepada keredhaan Allah dan mengikut agama yang diredhai-Nya, maka kita akan termasuk dalam golongan orang-orang yang dijaminkan Allah bahawa Dia akan memberi hidayat kepada mereka ke jalan kedamaian.[10]

"Dan mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang-benderang dengan keizinan-Nya."(16)

Seluruh jahiliyah merupakan kegelapan-kegelapan belaka iaitu kegelapan kerana kekeliruan-kekeliruan, khurafat-khurafat, dongeng-dongeng, dan kepercayaan-kepercayaan yang karut, kegelapan kerana keinginan-keinginan hawa nafsu dan kecenderungan-kecenderungan dan kegemaran-kegemaran yang terburu-buru yang merayau-rayau di pandang gurun, kegelapan kerana kebingungan dan kegelisahan, kegelapan kerana terputus dari hidayat Allah dan kerana kesepian dari hubungan dengan Allah yang aman dan mesra, kegelapan dan kekacauan nilai-nilai dan kerana kelemahan hukum-hukum, nilai-nilai dan neraca-neraca ukuran. Dan yang dimaksudkan dengan "النور" dalam ayat ini ialah nur yang baru sekejap tadi kita selesai membicarakannya, iaitu nur yang menerangi hati nurani, akal, entiti, hayat dan segala urusan.

"Dan memimpin mereka ke jalan yang lurus."(16)

Yakni lurus dan selaras dengan fitrah jiwa manusia dan undang-undang yang mengendalikannya, lurus dan selaras dengan fitrah alam buana dan undang-undang yang mentadbirkannya dan lurus menuju kepada Allah tanpa bengkang-bengkok dan tanpa kekeliruan hakikat-hakikat, tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat.

Allah yang telah menciptakan manusia dan fitrahnya dan menciptakan alam buana dan undang-undangnya, Dialah juga yang menciptakan peraturan agama ini dan merestuinya sebagai agama para Mu'minin. Oleh itu adalah suatu yang tabi'i dan amat senang dimengerti bahawa peraturan agama ini akan membimbing para Mu'minin ke jalan yang lurus dan tiada peraturan yang lain dari peraturan-peraturan ciptaan manusia yang lemah, jahil dan fana itu dapat memimpin mereka ke arah itu.

Amatlah tepat dan benar penjelasan Allah Yang Maha Agung dan Maha Kaya dari semesta alam itu.

---

[10] *Lihat huraian yang panjang lebar makna kedamaian yang dikurniakan Allah kepada orang-orang yang mengikut keredhaan-Nya di dalam buku:* "السلام العالمي والإسلام" *, buku:* "الإسلام ومشكلات الحضارة" *dan juzu' yang kedua tafsir Fi Zilal dalam penafsiran firman Allah:* "يآأيهاالذين آمنوا أدخلوا في السلم كافة"

Allah tidak memperolehi apa-apa keuntungan atau kerugian dari keimanan dan kesesatan manusia, tetapi Allah amat Pengasih terhadap mereka.

Itulah jalan yang lurus. Adapun dakwaan yang mengatakan Allah itu al-Masih putera Maryam, maka itu adalah satu dakwaan yang kafir dan dakwaan yang mengatakan bahawa orang-orang Yahudi dan Nasara itu anak-anak Allah dan para kekasih-Nya adalah satu pembohongan yang tidak berlandaskan sebarang dalil dan bukti. Itulah dakwaan-dakwaan Ahlil-Kitab yang menghapuskan kebersihan 'aqidah tauhid dan kerana dakwaan-dakwaan inilah Rasul yang terakhir dibangkit untuk menjelaskan hakikat yang sebenar dan untuk mengembalikan semula orang-orang yang menyeleweng dan sesat kepada hakikat yang sebenar.

لَّقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ
الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ ۚ قُلْ فَمَن يَمْلِكُ مِنَ
اللَّهِ شَيْئًا إِنْ أَرَادَ أَن يُهْلِكَ الْمَسِيحَ ابْنَ
مَرْيَمَ وَأُمَّهُ وَمَن فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ۗ
وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ۚ
يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam.Katakanlah: Siapakah yang berkuasa menghalangkan sesuatu dari kehendak Allah jika dia mahu membinasakan al-Masih putera Maryam dan bondanya serta sekalian penghuni bumi? Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dan Dialah yang berkuasa menciptakan segala apa yang disukai-Nya. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(17)

Perkembangan Penyelewengan Yang Memusnahkan 'aqidah Tauhid dalam Kristian

'aqidah yang dibawa oleh 'Isa a.s. dari Allah ialah 'aqidah tauhid yang juga telah dibawa oleh setiap rasul dan pengakuan 'Ubudiyah yang tulen kepada Allah yang diperjuangkan oleh setiap rasul, tetapi 'aqidah tauhid yang bersih ini telah dimasuki penyelewengan-penyelewengan dan perubahan-perubahan dengan sebab masuknya penganut-penganut agama yang menyembah berhala ke dalam agama Kristian. Mereka masih kuat berpegang dengan keladak-keladak kepercayaan paganisme yang dibawa oleh mereka lalu mereka campur dan sebatikannya dengan 'aqidah tauhid hingga tidak dapat dipisahkan lagi dan tidak dapat dibersihkan keasliannya dari campuraduk itu.

Semua penyelewengan dan perubahan itu bukannya datang sekaligus, malah ia masuk secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat, di mana dewan mesyuarat paderi-paderi menambahkan penyelewengan-penyelewengan itu satu demi satu hingga akhirinya menjadi 'aqidah campur aduk yang menakjubkan, iaitu ia bercampur aduk dengan bermacam-macam kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut yang membingungkan akal untuk memahaminya termasuk akal-akal para pengulas dan pentafsir 'aqidah yang menyeleweng itu sendiri yang terdiri dari orang-orang yang beriman kepadanya.

'Aqidah tauhid telah hidup dengan baik di kalangan para murid-muridnya dan pengikut-pengikut mereka. Injil Barnaba salah satu dari berbagai-bagai Injil yang tertulis menceritakan tentang 'Isa a.s. dengan sifat beliau sebagai seorang rasul dari Allah. Selepas itu berlaku berbagai-bagai pertelingkahan dan perselisihan faham di antara mereka. Ada yang mengatakan al-Masih itu adalah seorang rasul dari Allah seperti para rasul yang lain, ada yang mengatakan memang benar bahawa beliau adalah seorang rasul, tetapi ia mempunyai hubungan istimewa dengan Allah dan ada pula yang mendakwa beliau sebagai anak Allah kerana beliau diciptakan tanpa bapa, tetapi walaupun begitu beliau adalah makhluk Allah dan seterusnya ada yang mengatakan bahawa beliau adalah anak Allah dan bukannya makhluk, malah beliau mempunyai sifat sediakala seperti sang bapa (Allah).

Keputusan-keputusan Majlis-majlis Ketua-ketua Agama Yang Membingungkan

Untuk menjernihkan perselisihan-perselisihan faham itu Majlis perhimpunan para paderi yang terkenal dengan nama "Council of Nicaea"[11] telah mengadakan sidangnya di dalam tahun 325 Masihi dihadiri oleh empat puluh lapan ribu ketua-ketua agama dan paderi-paderi. Ibnul-Batriq salah seorang ahli sejarah agama Kristian telah mengulaskan tentang persidangan dewan perhimpunan itu seperti berikut:

> "Mereka berselisih pendapat dan kepercayaan. Di antara mereka ada yang mengatakan bahawa al-Masih dan bondanya adalah dua tuhan selain dari Allah. Golongan ini dikenali dengan golongan "Barbaraniyah" dan mereka dinamakan dengan nama "Rimtiyin". Ada pula yang mengatakan bahawa bandingan di antara al-Masih dengan sang bapa adalah sama dengan sebatang api yang terpisah dari sebatang api, yang mana batang api yang pertama tidak terkurang dengan sebab terpisahnya batang api yang kedua darinya. Ini ialah pendapat Savlious dan pengikut-pengikutnya. Ada pula yang mengatakan bahawa Maryam tidak mengandung al-Masih selama

---

[11] *Atau "Council of Nicea".Nicaea ialah nama sebuah Bandar di Turki yang kini dipanggil İznik dalam daerah Bursa – Penterjemah.*

sembilan bulan, malah al-Masih hanya lalu di dalam perutnya sahaja sebagaimana air lalu di dalam saluran. Kerana kalimat itu masuk menerusi telinganya kemudian terus keluar di sa'at itu juga menerusi saluran rahim, di mana lahirnya anak itu. Ini ialah pendapat Ilyan dan pengikut-pengikutnya. Ada pula yang mengatakan bahawa al-Masih itu adalah insan yang diciptakan dari al-Lahut (ketuhanan), yang pada jauharnya sama seperti seorang dari kita dan permulaan anak itu adalah dari Maryam dan beliau telah dipilih untuk menyelamatkan jauhar insan, beliau ditemani ni'mat Uluhiyah dan dimasukkan ke dalam dirinya kasih dan masyi'ah Allah. Oleh sebab itulah beliau dinamakan "Anak Allah". Mereka selanjutnya berkata: Bahawa Allah itu jauhar dan qadim dan tunggal dan Dia adalah uqnum yang tunggal dan mereka namakannya dengan tiga nama. Mereka tidak percayakan kepada kalimat atau kepada Rohul-Quds. Ini ialah pendapat Paul asy-Syamsyati paderi besar Antakiyah dan pengikut-pengikutnya. Mereka dikenali dengan gelaran golongan "Boliqan". Ada pula yang mengatakan: Mereka adalah tiga tuhan yang kekal, iaitu yang baik, yang jahat dan yang adil di antara keduanya. Ini ialah pendapat Marqiyun yang terkutuk dan kawan-kawannya. Mereka mendakwa bahawa Marqiyun adalah ketua Hawari (murid-murid al-Masih) dan mereka menolak Butrus, dan ada pula yang mendakwa Uluhiyah anak ketuhanan al-Masih. Inilah pendapat Paul ar-Rasul dan pendapat tiga ratus lapan belas orang ketua padri."[12]

Konstantin Serimaharaja Roman[13] telah memilih pendapat yang terakhir ini. Baginda pada asalnya menganut agama paganisme kemudian memeluk agama Kristian yang tidak diketahuinya sedikitpun. Apabila baginda memilih pendapat yang terakhir ini baginda menggunakan pendokong-pendokongnya untuk menekan penentang-penentang mereka dan menindas penyokong-penyokong semua mazhab yang lain terutama orang-orang yang percaya bahawa sang bapa (Allah) sahaja yang mempunyai sifat Uluhiyah, dan al-Masih hanya bersifat Nasutiyah (kemanusiaan) sahaja.

Pengarang buku: Sejarah Umat Qibti telah menyebut keputusan ini seperti berikut:

"Majlis Perhimpunan Suci dan Gereja Kerasulan (apostolic) dengan ini mengharamkan siapa sahaja yang mengatakan adanya satu zaman, di mana anak tuhan belum lagi wujud atau mengatakan bahawa dia tidak wujud sebelum dia dilahirkan atau mengatakan bahawa dia diwujudkan dari Adam atau ketiadaan atau siapa sahaja yang mengatakan bahawa sang anak itu diwujudkan dari benda atau dari jauhar yang bukan jauhar Allah sang bapa dan mengharamkan siapa sahaja yang percaya bahawa sang anak itu adalah makhluk atau siapa sahaja yang mengatakan bahawa dia boleh berubah dan dipengaruhi bayang peredaran."

Tetapi segala keputusan majlis perhimpunan ini tidak dapat menghapuskan pegangan pendokong-pendokong 'aqidah tauhid yang menjadi para pengikut Arius. Golongan ini menguasai Qastantiniyah, Antakiyah, Babil, Iskandariyah dan Mesir.

Kemudian timbul pula satu perselisihan yang baru disekitar "Rohul-Quds". Setengah mereka mengatakan bahawa ia adalah Tuhan, sementara yang lain mengatakan ia bukannya tuhan. Oleh itu satu majlis Perhimpunan Qastantiniyah yang pertama (Council of Constantinople) telah diadakan pada tahun 381 Masihi untuk menamatkan perselisihan dalam persoalan ini.

Ibnul-Batriq telah menukilkan keputusan yang telah diambil di dalam perhimpunan itu berdasarkan pendapat paderi besar Iskandariyah:

"Ujar Thimuthaus ketua paderi-paderi Iskandariyah: Menurut pendapat kami Rohul-Quds tidak mempunyai makna yang lain dari Roh Allah dan Roh Allah itu bukanlah sesuatu yang lain dari hayat Allah. Oleh itu apabila kita mengatakan Rohul-Quds itu makhluk maka bererti kita mengatakan Roh Allah itu makhluk dan apabila kita mengatakan Roh Allah itu makhluk maka bererti kita mengatakan hayat Allah itu makhluk dan apabila kita mengatakan hayat Allah itu makhluk, maka bererti kita mendakwa bahawa Allah tidak hidup. Dan apabila kita mendakwa Allah itu tidak hidup maka bererti kita telah menjadi kafir dengan dakwaan itu dan siapa yang menjadi kafir dengan dakwaan itu, maka wajiblah ia ditimpa laknat!"

Demikian sifat Uluhiyah Rohul-Quds itu telah diputuskan dalam majlis perhimpunan ini sebagaimana sifat Uluhiyah al-Masih telah diputuskan dalam majlis Council of Nicaea dan dengan ini sempurnalah kepercayaan tiga tuhan (Trinity) yang terdiri dari sang bapa, sang anak dan Rohul-Quds.

Kemudian pula satu perselisihan yang lain tentang percantuman tabi'at Uluhiyah al-Masih dengan tabi'at kemanusiaannya atau seperti kata mereka tabi'at Lahut (ketuhanan) dengan tabi'at Nasut (kemanusiaan). Mengikut pendapat Nastur (Nestorios) ketua paderi-paderi Konstantinople di sana ada satu uqnum dan satu tabi'at sahaja. Uqnum Uluhiyah dari sang bapa dan uqnum ini hanya dihubungkan kepadanya, dan tabi'at manusia yang dilahirkan dari Maryam. Oleh itu Maryam adalah ibu manusia pada al-Masih dan bukannya ibu tuhan. Beliau selanjutnya berkata tentang al-Masih yang lahir di antara manusia dan berbicara dengan mereka - sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibnul-Batriq dari beliau seperti berikut:

"Sesungguhnya manusia yang dipanggil al-Masih itu..... dengan kasih telah bersatu bersama sang anak...... dan dia dipanggil Allah dan anak Allah bukan dengan hakikat tetapi dengan pengurniaan".

Kemudian ujar Ibnul-Batriq:

"Nastur telah berpendapat bahawa tuhan kita Yasu' al-Masih bukannya tuhan dari segi zatnya, malah dia adalah manusia yang dipenuhi keberkatan dan ni'mat atau dia adalah mendapat ilham dari Allah. Oleh itu dia

---

[12] *Dipetik dari buku: "محاضرات في النصرانية" oleh al-Ustaz Muhammad Abu Zuhrah.*

[13] *Digelar sebagai "Constantine the Great" - Penterjemah.*

tidak pernah melakukan dosa dan tidak pernah membuat perkara yang keji."

Pendapat ini telah ditentang oleh paderi besar Rom dan ketua paderi-paderi Iskandariyah, juga para paderi besar Antakiyah (Antioch)[14]. Lalu mereka berpakat mengadakan satu majlis perhimpunan yang keempat dan sidang Council of Ephesus telah berlangsung pada tahun 431 Masihi, di mana perhimpunan ini telah membuat keputusan seperti berikut - sebagaimana yang dilaporkan oleh Ibnul-Batriq:

"Bahawa Maryam Dara Sunti adalah bonda Allah dan bahawa al-Masih adalah tuhan yang sebenar dan manusia, yang terkenal mempunyai dua tabi'at yang bersatu dalam uqnum" dan para peserta perhimpunan itu telah mengutuk Nastur."

Kemudian Gereja Iskandariyah telah mengeluarkan satu pendapat yang baru dan kerananya diadakan sidang perhimpunan Ephesus Yang Kedua yang mengambil keputusan yang berikut:

"Al-Masih itu mempunyai satu tabi'at sahaja, di mana berpadunya sifat Lahut (ketuhanan) dengan sifat Nasut (kemanusiaan)."

Tetapi pendapat ini tidak selamat dan perselisihan-perselisihan yang sengit telah berterusan lalu perhimpunan Council of Chaleadon telah bersidang pada tahun 451 Masihi dan membuat keputusan yang berikut:

"Al-Masih mempunyai dua tabi'at bukannya satu tabi'at dan Lahut mempunyai tabi'atnya yang tersendiri dan nasut juga mempunyai tabi'atnya yang tersendiri dan keduanya bertemu pada diri al-Masih"

dan para peserta majlis perhimpunan ini telah mengutuk Council of Ephesus Yang Kedua.

Rakyat orang-orang Kristian negeri Mesir tidak mengiktirafkan keputusan majlis perhimpunan ini dan akibatnya pergaduhan-pergaduhan yang berdarah telah berlaku di antara pengikut-pengikut mazhab Manufisiyah yang dipegang oleh orang-orang Mesir dengan mazhab Mulukani yang didokong oleh kerajaan Serimaharaja Roman sebagaimana telah kami sebutkan pendapat Sir Thomas W. Arnold dalam bukunya "Seruan Kepada Islam"[15] di permulaan tafsir Surah Aali 'Imran.

Cukuplah sekadar ini sahaja kami gambarkan intisari kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman yang sesat tentang Uluhiyah al-Masih, juga tentang pergaduhan-pergaduhan yang menumpahkan darah, perseteruan dan permusuhan yang meletus kerananya di antara berbagai-bagai puak agama itu dan masih terus bersemarak sehingga hari ini.

Kedatangan risalah yang terakhir adalah bertujuan untuk menjelaskan hakikat yang sebenar dalam persoalan ini dan memberi kata pemutusnya. Dan maksud kedatangan Rasul yang terakhir ialah untuk menerangkan hakikat 'aqidah yang sebenar kepada kaum Ahlil-Kitab:

لَّقَدۡ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡمَسِيحُ ٱبۡنُ مَرۡيَمَۚ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Sesungguhnya Allah itu ialah al-Masih putera Maryam."(17)

لَّقَدۡ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٖ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Sesungguhnya Allah itu ialah yang ketiga dari tiga (sebagaimana akan datang dalam surah ini)."(73)

Juga untuk merangsang dan menyedarkan mereka kepada logik akal, fitrah, dan realiti.

قُلۡ فَمَن يَمۡلِكُ مِنَ ٱللَّهِ شَيۡـًٔا إِنۡ أَرَادَ أَن يُهۡلِكَ ٱلۡمَسِيحَ ٱبۡنَ مَرۡيَمَ وَأُمَّهُۥ وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعٗاۗ

"Katakanlah: Siapakah yang berkuasa menghalangkan sesuatu dari kehendak Allah jika Dia membinasakan al-Masih putera Maryam dan bondanya serta sekalian penghuni bumi."(17)

Di sini Al-Qur'an menggariskan perbezaan yang mutlaq di antara zat Allah S.W.T., tabi'at-Nya, masyi'ah-Nya dan kekuasaan-Nya dengan zat 'Isa a.s. dan zat bondanya dan segala zat yang lain dengan jelas, terang dan tegas. Zat Allah S.W.T. adalah Maha Esa, masyi'ah-Nya adalah bebas dan kuasa-Nya adalah Maha Tunggal dan tiada siapa pun yang mampu menolak masyi'ah Allah atau menolak kuasa-Nya jika Dia berkehendak membinasakan al-Masih putera Maryam, bondanya dan seluruh penghuni bumi.

Allah S.W.T. adalah Pemilik segala sesuatu dan Pencipta segala sesuatu. Pencipta tetap berlainan dari makhluk yang dicipta dan segala sesuatu (yang maujud di alam ini) adalah makhluk belaka:

وَلِلَّهِ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَاۚ يَخۡلُقُ مَا يَشَآءُۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٧

---

[14] *kini dikenali sebagai "Antakya" sebuah bandar di tenggara Turki.- Penterjemah.*

[15] *Dalam bahasa inggerisnya berjudul "The Preaching of Islam: A History of the Propagation of the Muslim Faith", (1913.) – Penterjemah.*

"Dan Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dan Dialah yang berkuasa menciptakan segala apa yang disukainya dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(17)

Demikian ketaranya kebersihan 'aqidah Islam, kejelasannya dan kemudahannya, dan ia lebih ketara lagi apabila dilihat di hadapan timbunan sampah kepercayaan-kepercayaan yang sesat, kefahaman-kefahaman yang karut, dongeng-dongeng dan kepercayaan-kepercayaan paganisme yang menyalut 'aqidah golongan Ahlil-Kitab. Ia menonjolkan ciri utama 'aqidah Islam dalam menjelaskan hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah dan memberi garis pemisah yang begitu sempurna dan tegas di antara dua hakikat itu hingga tiada lagi sebarang kesamaran, kekeliruan dan kekaburan.

Kaum Yahudi dan Nasara mendakwa diri mereka sebagai anak-anak Allah dan para kekasih-Nya:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ وَٱلنَّصَٰرَىٰ نَحْنُ أَبْنَٰٓؤُا۟ ٱللَّهِ وَأَحِبَّٰٓؤُهُۥ ۚ

"Dan orang-orang Yahudi dan Nasara telah berkata: Kamilah putera-putera Allah dan para kekasih-Nya."(18)

Kerana itu mereka mendakwa Allah mempunyai sifat kebapaan berlandaskan salah satu dari kefahaman-kefahaman, iaitu jika tidak kebapaan jasmani kebapaan rohani, tetapi kedua-dua kefahaman itu mengaburkan 'aqidah tauhid di samping mengaburkan garis pemisah yang tegas di antara Uluhiyah dan 'Ubudiyah, sedangkan kefahaman yang betul dan kehidupan yang betul tidak mungkin ditegak melainkan setelah ditegakkan garis pemisah yang tegas agar manusia dapat menumpukan 'Ubudiyah mereka kepada satu arah sahaja dan agar pihak yang mengatur urusan perundingan menentukan nilai-nilai, ukuran-ukuran, undang-undang dan peraturan hanya satu sahaja supaya tidak berlaku pertindihan iktisas-iktisasnya percampuran sifat-sifat dan ciri, juga bercampur di antara Uluhiyah dan 'Ubudiyah. Yang menjadi persoalan di sini bukan hanya persoalan penyelewengan 'aqidah sahaja, malah melibatkan persoalan kerosakan kehidupan akibat dari penyelewengan ini.

Kaum Yahudi dan kaum Nasara yang mendakwa sebagai anak-anak Allah dan para kekasih-Nya telah mendakwa pula - sebagai ekoran dari dakwaan ini - bahawa Allah tidak akan meng'azabkan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka. Dan andainya mereka masuk Neraka, maka mereka tidak akan memasukinya melainkan hanya untuk beberapa hari sahaja. Dakwaan ini memberi erti bahawa keadilan Allah tidak berjalan mengikut jalannya yang betul di samping memberi erti bahawa Allah menunjukkan sikap pilih kasih terhadap segolongan dari para hamba-Nya. Ini bererti Allah membiarkan mereka melakukan kerosakan-kerosakan di bumi kemudian dia tidak meng'azabkan mereka sama dengan ke'azaban yang dikenakan ke atas perosak-perosak yang lain. Tidak ada kerosakan dalam kehidupan yang lebih besar dari kerosakan yang mungkin berlaku akibat dari kefahaman yang seperti ini! Tidak ada kekacauan dalam kehidupan manusia yang lebih dahsyat dari kekacauan yang mungkin timbul akibat dari penyelewengan ini!

Di sini Islam mengenakan pukulan yang tegas ke atas kefahaman yang karut ini untuk membendung kerosakan kepada kehidupan manusia akibat dari kefahaman yang merosakkan itu dan menjelaskan bahawa keadilan Allah tidak mengenal pilih kasih di samping menjelaskan kekarutan dakwaan itu:

قُلْ فَلِمَ يُعَذِّبُكُم بِذُنُوبِكُم ۖ بَلْ أَنتُم بَشَرٌ مِّمَّنْ خَلَقَ ۚ يَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۚ

"Katakanlah: Mengapa pula Allah meng'azabkan kamu kerana dosa-dosa kamu? Malah sebenarnya kamu adalah manusia biasa di antara mereka yang telah diciptakan Allah. Dia memberi keampunan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan meng'azabkan siapa yang dikehendaki-Nya."(18)

Keadilan Allah Tidak Memilih Kasih

Dengan pernyataan ini Al-Qur'an menjelaskan hakikat yang tegas di dalam 'aqidah keimanan dan menjelaskan bahawa dakwaan mereka sebagai anak-anak Allah itu adalah satu dakwaan yang tidak berasas, malah mereka adalah manusia biasa yang diciptakan Allah. Ia juga menjelaskan bahawa keadilan Allah dan persoalan memberi keampunan dan mengenakan 'azab itu adalah mengikut lunasnya yang tunggal, iaitu mengikut kehendak masyi'ah Allah yang menentukan keampunan dan ke'azaban di atas sebab-sebabnya yang sebenar bukan di atas sebab kerana mereka anak Allah atau di atas sebab hubungan peribadi.

Kemudian Al-Qur'an mengulangi pernyataannya bahawa Allah adalah Pemilik segala sesuatu dan segala sesuatu itu akan pulang kepada-Nya:

"Dan Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dan kepada-Nya tempat kembali."(18)

Pemilik tidak sama dengan yang dimilik. Zat dan masyi'ah-Nya adalah bersifat Maha Esa dan seluruh kejadian kembali kepada-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 19)

Kaum Ahlil-Kitab Tidak Mempunyai Alasan Untuk Berdalih Di Hadapan Allah

Pernyataan ini diakhiri dengan mengulangi seruan yang ditujukan kepada Ahlil-Kitab. Seruan ini bertujuan mematahkan alasan dan dalihan mereka dan membawa mereka berdiri berdepan dengan nasib kesudahan mereka tanpa sebarang kekeliruan, keuzuran dan kekaburan:

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمۡ عَلَىٰ فَتۡرَةٖ مِّنَ ٱلرُّسُلِ أَن تَقُولُواْ مَا جَآءَنَا مِنۢ بَشِيرٖ وَلَا نَذِيرٖۖ فَقَدۡ جَآءَكُم بَشِيرٞ وَنَذِيرٞۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٩

"Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul kami menjelaskan (peraturan syari'at) kepada kamu ketika putusnya pengiriman rasul-rasul agar kamu tidak berdalih: Tidak pernah datang kepada kami seorang rasul pun baik yang menyampaikan berita gembira mahupun yang memberi amaran dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(19)

Dengan persemukaan yang tegas ini kaum Ahlil-Kitab tidak lagi mempunyai apa-apa hujjah untuk berdalih bahawa kononnya rasul yang Ummi (Muhammad) ini tidak diutuskan kepada mereka, kerana Allah S.W.T. terang-terang telah menegaskan:

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا

"Wahai Ahlil-Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul kami."(19)

Mereka tidak lagi mempunyai alasan untuk berdalih bahawa kononnya mereka tidak pernah diberi peringatan, tidak pernah disampaikan berita gembira dan tidak pernah diberi amaran dalam masa yang begitu lama hingga mereka terlupa dan tersesat, kerana sekarang rasul yang menyampaikan berita gembira dan memberi amaran itu telahpun datang kepada mereka.

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa tiada suatu pun yang dapat melemahkan Allah, tiada siapa yang dapat menghalangkan Allah dari menghantarkan rasul-Nya dari kalangan orang-orang Ummi dan tiada siapa yang dapat menghalangkan Allah dari menyeksakan kaum Ahlil-Kitab kerana kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mereka:

وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٩

"Dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(19)

Di sini berakhirlah pusingan ini bersama kaum Ahlil-Kitab, di mana telah didedahkan penyelewengan-penyelewengan mereka dari agama Allah yang betul yang telah dibawa oleh rasul-rasul mereka sebelum ini dan di mana telah dijelaskan hakikat i'tiqad yang diredhai Allah dari orang-orang Mu'min, juga dipatahkan alasan mereka tentang sikap mereka terhadap nabi yang Ummi (Muhammad) dan seterusnya jalan meminta maaf telah ditutupkan kepada mereka pada hari pembalasan kelak.

Pernyataan-pernyataan ini semua menyeru mereka kepada hidayat dari satu segi dan melemahkan pengaruh tipudaya mereka di dalam barisan Muslimin dari satu segi yang lain pula dan menerangi jalan kepada kelompok Muslimin dan kepada seluruh mereka yang mencari hidayat.

* * * * * *

Kisah Cerewet Bani Israel Dengan Nabi Musa a.s.

Pada akhir pelajaran ini penerangan rangkaian-rangkaian ayat sampai kepada cerita pendirian terakhir Bani Israel terhadap nabi dan penyelamat mereka Musa a.s. semasa berada di hadapan pintu kota bumi suci yang dijanjikan Allah kepada mereka, juga cerita pendirian mereka terhadap perjanjian dengan Tuhan mereka dan bagaimana mereka telah bertindak merombakkan perjanjian itu? Dan bagaimana balasan yang akan diterima mereka kerana memungkiri janji yang teguh itu.

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 26)

وَإِذۡ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوۡمِهِۦ يَٰقَوۡمِ ٱذۡكُرُواْ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ إِذۡ جَعَلَ فِيكُمۡ أَنۢبِيَآءَ وَجَعَلَكُم مُّلُوكٗا وَءَاتَىٰكُم مَّا لَمۡ يُؤۡتِ أَحَدٗا مِّنَ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٢٠

يَٰقَوۡمِ ٱدۡخُلُواْ ٱلۡأَرۡضَ ٱلۡمُقَدَّسَةَ ٱلَّتِي كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَرۡتَدُّواْ عَلَىٰٓ أَدۡبَارِكُمۡ فَتَنقَلِبُواْ خَٰسِرِينَ ٢١

قَالُواْ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوۡمٗا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدۡخُلَهَا حَتَّىٰ يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا فَإِن يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا فَإِنَّا دَٰخِلُونَ ٢٢

قَالَ رَجُلَانِ مِنَ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَنۡعَمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمَا ٱدۡخُلُواْ عَلَيۡهِمُ ٱلۡبَابَ فَإِذَا دَخَلۡتُمُوهُ فَإِنَّكُمۡ غَٰلِبُونَۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَتَوَكَّلُوٓاْ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ٢٣

قَالَ رَبِّ إِنِّي لَآ أَمۡلِكُ إِلَّا نَفۡسِي وَأَخِيۖ فَٱفۡرُقۡ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٢٥

قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيۡهِمۡۛ أَرۡبَعِينَ سَنَةٗۛ يَتِيهُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِۚ فَلَا تَأۡسَ عَلَى ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٢٦

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Hendaklah kamu ingat kepada ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu sewaktu Dia telah menjadikan para anbia' di dalam kalangan kamu dan menjadikan kamu selaku raja-raja dan Allah telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang belum pernah dikurniakan kepada seseorang pun dari umat-umat yang lain (20). Wahai kaumku! Masuklah ke tanah suci yang telah ditetapkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu mundur ke belakang nescaya kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi (21). Mereka berkata: Wahai Musa! Sesungguhnya di dalam negeri itu ada satu kaum yang gagah perkasa dan sesungguhnya Kami tidak akan dapat memasukinya sehingga mereka keluar darinya. Oleh itu jika mereka keluar darinya, maka Kami tetap akan memasukinya (22). Lalu berkatalah dua orang lelaki dari golongan mereka yang takut kepada Allah dan yang telah Allah kurniakan kepada keduanya ni'mat keyakinan: Hendaklah kamu masuk menyerang mereka melalui pintu (kota) dan jika kamu memasukinya, maka kamu tetap akan mendapat kemenangan. Oleh itu hendaklah kamu bertawakkal kepada Allah jika kamu benar-benar beriman (23). Mereka berkata: Wahai Musa! Kami tidak akan memasukinya buat selama-lamanya selagi kaum itu berada di dalamnya. Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Sesungguhnya Kami hanya akan menunggu di sini sahaja (24). Ujar Musa: Wahai Tuhanku!! Sesungguhnya aku tidak dapat menguasai kecuali diriku dan saudaraku sahaja. Oleh sebab itu pisahkanlah di antara kami dengan kaum yang fasiq itu (25). Firman Allah: (Jika demikian) maka sesungguhnya negeri itu adalah diharamkan ke atas mereka selama empat puluh tahun (dan selama itu) mereka akan mengembara tanpa keruan di bumi (padang gurun) itu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang fasiq itu."(26)

Sudut-sudut Hikmat Dari Kisah Penyelewengan Bani Israel

Itulah sebabak kisah Bani Israel yang dihuraikan seluas-luasnya oleh Al-Qur'an kerana ia mengandungi hikmat dari berbagai-bagai sudut.

Di antara sudut-sudut hikmat itu ialah Bani Israel merupakan golongan pertama yang menentang da'wah Islamiyah dengan perseteruan, tipudaya dan peperangan di Madinah dan di Semenanjung Tanah Arab seluruhnya. Mereka menentang kelompok Muslimin sejak hari pertama lagi. Merekalah yang mendokong budaya nifaq dan mengasuh kaum Munafiqin di Madinah. Mereka telah membekalkan kaum Munafiqin dengan sarana-sarana tipudaya untuk menggugatkan 'aqidah Islamiyah dan mengancam kaum Muslimin. Mereka menghasut kaum Musyrikin dan mengadakan perjanjian dan pakatan sulit dengan mereka untuk menentang kelompok Muslimin. Mereka mendalangi perang propaganda dan fitnah dan melakukan berbagai-bagai tipudaya yang jahat di dalam barisan Muslimin di samping mendalangi usaha-usaha menaburkan kekeliruan, keraguan-keraguan dan bibit-bibit penyelewengan di sekitar 'aqidah Islam dan kepimpinan Rasulullah s.a.w. Mereka telah melakukan semuanya ini sebelum mereka membuka muka mereka secara terang-terangan di dalam peperangan yang terbuka. Oleh sebab itu hakikat mereka yang sebenar perlu didedahkan kepada kelompok Muslimin agar mereka mengenal siapa musuh mereka, bagaimana tabi'at mereka? Bagaimana sejarah mereka dan apakah hakikat perjuangan yang diharungi kelompok Muslimin terhadap mereka?

Allah S.W.T. mengetahui bahawa Bani Israel akan terus menjadi musuh umat Muslimin di sepanjang sejarah mereka di samping menjadi musuh agama Allah di sepanjang zaman silam mereka. Oleh sebab itu Allah membentangkan kepada umat Muslimin rahsia mereka agar segala tindak-tanduk mereka terdedah dan saranan-saranan tipudaya mereka terbuka.

Di antara sudut-sudut hikmat itu ialah Bani Israel adalah pendokong-pendokong agama Allah yang akhir sebelum kedatangan agama Allah yang terakhir. Sejarah mereka sebelum Islam telah mengambil masa yang amat panjang, di mana berbagai-bagai penyelewengan telah berlaku dan di mana mereka berulang-ulang kali merombakkan perjanjian dengan Allah. Kesan dari pembatalan perjanjian dan penyelewengan-penyelewengan itu telah menjelaskan kehidupan mereka, akhlak dan tradisi-tradisi mereka. Oleh sebab itu sejarah mereka perlu diketahui oleh umat Muslimin selaku pewaris seluruh risalah dan pendokong seluruh 'aqidah Rabbaniyah. Mereka perlu mengetahui perkembangan sejarah Bani Israel ini dan mengenal tempat-tempat gelincir mereka di perjalanan serta mengetahui akibat-akibatnya yang buruk yang dapat dilihat dalam kehidupan mereka dan akhlak-akhlak mereka agar pengalaman-pengalaman Bani Israel di bidang 'aqidah dan kehidupan itu dapat ditokokkan ke dalam tabung pengalaman-pengalaman kelompok Muslimin untuk dimanfa'atkan di sepanjang zaman dan dapat menghindari tempat-tempat gelincir mereka di perjalanan, menjauhi pintu-pintu syaitan dan mengenal petanda-petanda awal penyelewengan dengan berpandukan pengalaman-pengalaman Bani Israel yang pertama itu.

Di antara sudut-sudut hikmat itu ialah Bani Israel mempunyai berbagai-bagai lembaran pengalaman di dalam masa yang amat panjang itu. Allah S.W.T. mengetahui bahawa masa yang amat panjang yang dilalui oleh umat-umat manusia akan membuat hati mereka menjadi keras dan membuat generasi-generasi mereka menyeleweng, sedangkan umat Muslimin akan berlanjutan sejarah mereka sehingga hari Qiamat. Mereka akan menempuh zaman-zaman yang sama yang telah ditempuh Bani Israel. Oleh sebab itu Allah meletakkan di hadapan pemimpin-pemimpin umat Muslimin dan tokoh-tokoh mujaddid da'wah dari berbagai-bagai generasi mereka contoh-contoh penyakit yang telah menimpa umat-umat yang silam agar melalui contoh itu mereka mengetahui bagaimana cara hendak mengubati penyakit itu setelah mempelajari tabi'at-tabi'atnya. Ini ialah kerana hati yang paling degil untuk menerima hidayat dan beristiqamah ialah hati yang telah mengenal hidayat kemudian menyeleweng, sedangkan hati-hati yang lalai lebih mudah

menyambut dan menerima hidayat, kerana hati-hati ini dapat dikejutkan semula oleh da'wah dengan mengemukakan sesuatu yang baru yang dapat menggerak dan menyedarkan mereka dan menyapu sampah-sampah saraf yang menutupnya. Hati-hati yang seperti ini mudah tertarik dan terpesona dengan sesuatu yang baru yang menyentuh fitrah mereka bagi pertama kalinya. Adapun hati-hati yang pernah dida'wahkan sebelum ini, maka da'wah yang kedua tidak lagi memberi sesuatu yang baru kepadanya. Ia tidak lagi menarik dan menggoncangkannya, ia tidak dapat membuat hati-hati ini merasa ada sesuatu yang hebat dan baru. Oleh sebab itu hati-hati yang seperti ini memerlukan usaha-usaha da'wah yang berlipat ganda dan kepada kesabaran yang lama masanya.

Di sana terdapat berbagai-bagai sudut hikmat Allah apabila Dia menghuraikan kisah Bani Israel dan membentangkannya dengan terperinci kepada umat Muslimin selaku pewaris 'aqidah dan agama dan selaku pewaris kepimpinan umat manusia seluruhnya. Ya, di sana terdapat berbagai-bagai sudut hikmat yang kita tidak dapat menghuraikannya lebih panjang dari isyarat-isyarat yang pantas ini agar kita dapat kembali kepada babak kisah ini di dalam pelajaran ini di dalam surah ini:

* * * * * *

وَإِذۡ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوۡمِهِۦ يَٰقَوۡمِ ٱذۡكُرُواْ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ إِذۡ جَعَلَ فِيكُمۡ أَنۢبِيَآءَ وَجَعَلَكُم مُّلُوكٗا وَءَاتَىٰكُم مَّا لَمۡ يُؤۡتِ أَحَدٗا مِّنَ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٢٠﴾ يَٰقَوۡمِ ٱدۡخُلُواْ ٱلۡأَرۡضَ ٱلۡمُقَدَّسَةَ ٱلَّتِي كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَرۡتَدُّواْ عَلَىٰٓ أَدۡبَارِكُمۡ فَتَنقَلِبُواْ خَٰسِرِينَ ﴿٢١﴾

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: "Wahai kaumku! Hendaklah kamu ingat kepada ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu sewaktu Dia telah menjadikan para anbia' di dalam kalangan kamu dan menjadikan kamu selaku raja-raja. Dan Allah telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang belum pernah dikurniakan kepada seseorang pun dari umat-umat yang lain (20). Wahai kaumku! Masuklah ke tanah suci yang telah ditetapkan Allah kepada kamu dan janganlah kamu mundur ke belakang nescaya kelak kamu menjadi orang-orang yang rugi."(21)

Di dalam kata-kata Musa a.s. itu kita dapat melihat kebimbangan Nabi Musa a.s. terhadap kaum Bani Israel yang mungkin ragu-ragu dan berpatah balik ke belakang. Sebelum ini beliau telah menguji mereka di dalam berbagai-bagai peristiwa yang berlaku di sepanjang pengembaraan mereka yang panjang itu. Beliau telah menguji mereka ketika beliau mengeluarkan mereka dari negeri Mesir, iaitu ketika beliau membebaskan mereka dari kehinaan atas nama Allah dan dengan kuasa Allah yang telah membelahkan lautan untuk dilalui mereka dan menenggelamkan Fir'aun dan bala tenteranya (yang mengejar mereka), tetapi apabila mereka melalui satu kaum yang sedang asyik menyembah berhala tiba-tiba mereka memohon kepada Musa:

قَالُواْ يَٰمُوسَى ٱجۡعَل لَّنَآ إِلَٰهٗا كَمَا لَهُمۡ ءَالِهَةٞۚ

"Wahai Musa! Buatlah untuk kami sebuah berhala sebagaimana mereka mempunyai berhala-berhala."

(Surah al-A'raf: 138)

Dan sebaik sahaja beliau meninggal mereka kerana memenuhi perjanjiannya dengan Allah tiba-tiba as-Samiri membuat untuk mereka sebuah patung anak lembu yang bersuara dari emas yang dihancurkan dari barang-barang perhiasan yang dicuri mereka dari perempuan-perempuan Mesir kemudian mereka menyembah patung itu dan mendakwa "Itulah Tuhan Musa yang telah pergi ke tempat perjanjiannya." Beliau telah menguji mereka ketika dipecahkan mata air-mata air yang memancur dari batu di tengah-tengah padang Sahara dan menurunkan ke atas mereka makanan "manna" dan burung "salwa" yang enak rasanya tetapi tiba-tiba mereka menyatakan keinginan mereka kepada makanan yang biasa mereka makan di negeri Mesir, di mana mereka hidup dengan penuh kehinaan, lalu mereka menuntut sayur-sayuran negeri Mesir, mentimunnya, bawang putihnya, kacang 'adasnya dan bawang besarnya. Mereka kini tidak lagi tahan dengan makanan padang pasir itu dan tidak tahan dengan cara hidup untuk mendapat kemuliaan dan keselamatan dan untuk mencapai matlamat yang luhur di bawah pimpinan Musa, sedangkan mereka masih berada dalam perjalanan yang tidak menentu. Beliau mencuba mereka dalam kisah lembu betina di mana mereka diperintah menyembelihkannya, tetapi mereka berlengah-lengah dan teragak-agak (dan pada akhirnya barulah mereka menyembelihkan):

فَذَبَحُوهَا وَمَا كَادُواْ يَفۡعَلُونَ ﴿٧١﴾

"Lalu mereka menyembelih lembu itu dan mereka hampir-hampir tidak dapat melakukannya."

(Surah al-Baqarah: 71)

Dan beliau telah mencuba mereka sekembalinya dari tempat perjanjiannya dengan Allah membawa bersamanya loh-loh yang tertulis dengan perjanjian mereka dengan Allah tetapi mereka telah enggan mengikatkan perjanjian mereka dengan Allah walaupun setelah meni'mati segala ni'mat ini dan menerima pengampunan Allah terhadap dosa-dosa mereka. Mereka enggan memberi janji mereka

sehingga mereka dapati Bukit Tursina diangkat dan diancam di atas kepala mereka:

وَظَنُّوٓاْ أَنَّهُۥ وَاقِعٌۢ بِهِمْ

"Sedangkan mereka yakin bahawa bukit itu akan jatuh menimpa mereka,"

(Surah al-A'raf: 171)

Pendeknya beliau telah mencuba mereka, di dalam berbagai-bagai peristiwa di sepanjang pengembaraan mereka yang panjang itu dan kini beliau bersama mereka di hadapan pintu-pintu kota bumi suci, iaitu bumi yang telah dijanjikan Allah untuk mereka dan kerana bumi inilah mereka keluar (dari negeri Mesir). Itulah bumi yang Allah janjikan akan diperintah oleh mereka dan di sanalah Allah akan mengangkatkan nabi-nabi dari kalangan mereka supaya mereka kekal di dalam ri'ayah Allah dan bimbingan-Nya.

Ya, beliau telah banyak menguji mereka dan oleh itu memang wajar beliau menaruh bimbang ketika beliau membuat seruan yang terakhir ini kepada mereka, di mana beliau isikan dalam seruan ini kenangan-kenangan yang paling indah, berita-berita yang paling baik, galakan-galakan yang paling besar dan amaran-amaran yang paling keras:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ ٱذْكُرُواْ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَعَلَ فِيكُمْ أَنۢبِيَآءَ وَجَعَلَكُم مُّلُوكًا وَءَاتَىٰكُم مَّا لَمْ يُؤْتِ أَحَدًا مِّنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٠﴾ يَٰقَوْمِ ٱدْخُلُواْ ٱلْأَرْضَ ٱلْمُقَدَّسَةَ ٱلَّتِى كَتَبَ ٱللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَرْتَدُّواْ عَلَىٰٓ أَدْبَارِكُمْ فَتَنقَلِبُواْ خَٰسِرِينَ ﴿٢١﴾

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Hendaklah kamu ingat kepada ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu sewaktu Dia telah menjadikan para anbia' di dalam kalangan kamu dan menjadikan kamu selaku raja-raja. Dan Allah telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang belum pernah dikurniakan kepada seseorang pun dari umat-umat yang lain (20). Wahai kaumku! Masuklah ke tanah suci yang telah ditetapkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu mundur ke belakang nescaya kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi."(21)

Itulah ni'mat Allah dan janji-Nya yang benar untuk mengangkat dari kalangan mereka para anbia' dan menjadikan mereka para raja yang memerintah. Allah telah mengurniakan kepada mereka ni'mat-ni'mat yang tidak pernah dikurniakan kepada kaum yang lain hingga ke masa itu. Bumi atau negeri suci yang akan dimasuki mereka adalah negeri yang telah ditetapkan untuk mereka dengan perjanjian Allah. Kini jelaslah bahawa negeri itu adalah tetap untuk mereka. Sebelum ini mereka telah menyaksi bagaimana Allah menepati janji-Nya. Dan kini inilah janji Allah yang sedang ditujui mereka dan andainya mereka berpatah balik ke belakang, maka itu adalah suatu kerugian yang amat nyata.

Tetapi Israel tetap Israel!! Pengecut, putar belit dan berpatah balik ke belakang dan memungkiri perjanjian:

قَالُواْ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوْمًا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدْخُلَهَا حَتَّىٰ يَخْرُجُواْ مِنْهَا فَإِن يَخْرُجُواْ مِنْهَا فَإِنَّا دَٰخِلُونَ ﴿٢٢﴾

Mereka berkata: "Wahai Musa! Sesungguhnya di dalam negeri itu ada satu kaum yang gagah perkasa dan sesungguhnya kami tidak akan dapat memasukinya sehingga mereka keluar darinya. Oleh itu jika mereka keluar darinya, maka kami tetap akan memasukinya."(22)

Di sini tabi'at kaum Yahudi memperlihatkan hakikatnya yang sebenar, Tabi'at mereka terdedah jelas tanpa sebarang hijab walaupun dengan sopan santun yang tipis. Ini ialah kerana mereka sedang berdepan dengan bahaya. Oleh sebab itu tidak ada lagi baki sopan santun, tidak ada lagi percubaan untuk menunjuk berani dan tiada ruang lagi untuk memutar belit. Bahaya sedang mendekati mereka, oleh itu mereka merasa tiada yang dapat melindungi mereka sekalipun janji Allah yang hendak menjadikan mereka tuanpunya negeri itu dan sekalipun Allah telah menetapkan negeri itu untuk mereka. Mereka mahu mendapat satu kemenangan yang murah, kemenangan tanpa harga dan tanpa susah payah, kemenangan yang rehat yang turun kepada mereka seperti turunnya manna dan burung salwa.

إِنَّ فِيهَا قَوْمًا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدْخُلَهَا حَتَّىٰ يَخْرُجُواْ مِنْهَا فَإِن يَخْرُجُواْ مِنْهَا فَإِنَّا دَٰخِلُونَ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya di dalam negeri itu ada satu kaum yang gagah perkasa dan sesungguhnya kami tidak akan dapat memasukinya sehingga mereka keluar darinya. Oleh itu jika mereka keluar darinya, maka kami tetap akan memasukinya."(22)

Tetapi belanja kemenangan tidak semudah seperti yang dikehendaki oleh kaum Yahudi yang mempunyai hati yang kosong dari iman.

قَالَ رَجُلَانِ مِنَ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمَا ٱدْخُلُواْ عَلَيْهِمُ ٱلْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَإِنَّكُمْ غَٰلِبُونَ وَعَلَى ٱللَّهِ فَتَوَكَّلُوٓاْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٣﴾

"Lalu berkata dua orang lelaki dari golongan mereka yang takut kepada Allah dan yang telah Allah kurniakan kepada keduanya ni'mat keyakinan: Hendaklah kamu masuk menyerang mereka melalui pintu (kota) dan jika kamu memasukinya, maka kamu tetap akan mendapat

kemenangan. Oleh itu hendaklah kamu bertawakkal kepada Allah jika kamu benar-benar beriman."(23)

Di sini munculłah dengan jelas nilai keimanan dan perasaan takut kepada Allah, yakni perasaan takut yang dialami oleh kedua orang lelaki dari golongan Bani Israel yang takut kepada Allah itu telah menimbulkan di dalam hati keduanya perasaan memandang kecil kepada kaum yang gagah perkasa itu dan memberi semangat keberanian kepada keduanya untuk menghadapi bahaya yang khayali itu. Inilah dua orang lelaki yang mengaku dengan perkataan mereka tentang nilai keimanan di sa'at-sa'at kecemasan dan nilai takut kepada Allah di sa'at-sa'at takut kepada sesama manusia. Allah tidak mengumpulkan dua ketakutan di dalam satu hati, iaitu ketakutan kepada Allah Jalla Jalaluhu dan ketakutan kepada manusia, kerana orang yang takut kepada Allah tidak akan takut kepada sesiapa dan kepada sesuatu apa pun.

ٱدْخُلُوا۟ عَلَيْهِمُ ٱلْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَإِنَّكُمْ غَٰلِبُونَ ۚ

"Hendaklah kamu masuk menyerang mereka melalui pintu (kota) dan jika kamu memasukinya, maka kamu tetap akan mendapat kemenangan."(23)

Itulah satu kaedah di dalam ilmu hati dan ilmu peperangan. Mara ke hadapan dan terus menyerang! Apabila kamu menyerang sesuatu kaum di negeri mereka, hati mereka akan patah semangat dan hati kamu akan bertambah berani. Mereka merasa tewas di dalam jiwa mereka dan kamu tetap dapat mengalahkan mereka.

وَعَلَى ٱللَّهِ فَتَوَكَّلُوٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٣﴾

"Hendaklah kamu bertawakkal kepada Allah jika kamu benar-benar beriman."(23)

Yakni orang yang beriman hanya bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Inilah ciri keimanan dan petandanya dan inilah logik keimanan dan kehendaknya.

Kepada siapakah kedua-dua lelaki itu hadapkan percakapan ini? Adakah kepada Bani Israel?

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَآ أَبَدًا مَّا دَامُوا۟ فِيهَا ۖ
فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

"Mereka berkata: Wahai Musa! Kami tidak akan memasukinya buat selama-lamanya selagi kaum itu berada di dalamnya. Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Sesungguhnya kami hanya akan menunggu di sini sahaja."(24)

Demikianlah cara orang-orang yang pengecut menghadapi kesulitan. Mereka menunjuk kebiadaban. Mereka begitu cemas melihat bahaya yang mengancam di hadapan mereka. Kaki mereka menendang-nendang seperti keldai, tetapi mereka tidak mara ke hadapan. Sifat pengecut dan biadab tidak berlawanan dan tidak pula berjauhan, malah pada kebanyakan waktu kedua-dua sifat itu merupakan saudara kembar. Apabila si pengecut didesak menunaikan kewajipannya dia merasa takut, tetapi dia juga tidak senang jika dikatakan dia mengabaikan kewajipan, kerana itu ia mencemuhkan kewajipan dan menunjukkan kebiadabannya terhadap panggilan kewajipan itu kerana ia membebankannya melakukan sesuatu yang tidak disukainya.

فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

"Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Sesungguhnya kami hanya akan menunggu di sini sahaja."(24)

Demikianlah mereka berkata dengan kebiadaban orang yang lemah. Tiada suatu yang membebankan kebiadaban lidah kecuali hanya memanjangkan lidah, tetapi yang membebankan penunaian kewajipan ialah tikaman mata lembing.

فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ

"Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu."(24)

Yakni Allah bukannya tuhan mereka jika Dia mahu membebankan mereka dengan kewajipan berperang.

إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya kami hanya akan menunggu di sini sahaja."(24)

Yakni kami tidak mahu kerajaan, kami tidak mahu kemuliaan dan kami tidak mahu bumi yang dijanjikan Allah jika kami terpaksa berperang dengan kaum yang gagah perkasa itu!

Inilah penghabisan perjalanan Musa a.s... Penghabisan usaha-usaha beliau yang gigih .... Penghabisan pengembaraannya yang amat panjang dan penghabisan daya ketahanan beliau menghadapi perilaku-perilaku yang keji, penyelewengan-penyelewengan dan putarbelit-putarbelit Bani Israel.

Ya! Inilah penghabisan perjalanan beliau..... Mereka berundur dari negeri suci, sedangkan beliau bersama mereka di hadapan pintu-pintu kota negeri itu. Mereka terus juga memungkiri perjanjian-perjanjian Allah, sedangkan beliau terikat bersama mereka dengan perjanjian itu. Apa lagi yang hendak dibuat oleh beliau? Dan kepada siapa lagi beliau harus meminta perlindungan?

قَالَ رَبِّ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ إِلَّا نَفْسِى وَأَخِى ۖ فَٱفْرُقْ
بَيْنَنَا وَبَيْنَ ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٥﴾

Ujar Musa: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku tidak dapat menguasai kecuali diriku dan saudaraku sahaja. Oleh sebab itu pisahkanlah di antara kami dengan kaum yang fasiq itu."(25)

Seruan ini mengandungi perasaan hati yang amat pedih,mengandungi permohonan perlindungan, mengandungi penyerahan diri kepada Allah dan seterusnya mengandungi pernyataan perpisahan, keputusan yang tegas dan keazaman yang kukuh.

Nabi Musa a.s. memang mengetahui bahawa Allah benar-benar mengetahui bahawa beliau tidak dapat menguasai kecuali dirinya sendiri dan saudaranya Harun sahaja, tetapi beliau dengan kelemahan seorang insan yang telah dikecewakan (kaumnya), dengan keimanan seorang nabi yang berbicara dengan Allah dan dengan keazaman seorang Mu'min yang lurus dan teguh tidak mempunyai tempat perlindungan yang lain selain pada Allah untuk mengadu duka nestapanya, menyampaikan rayuannya dan mengangkatkan permintaan agar diadakan titik perpisahan di antara beliau dengan kaumnya yang fasiq itu, kerana tiada lagi tali hubungan di antara beliau dengan mereka setelah mereka memungkiri perjanjian Allah yang kukuh, tiada lagi hubungan keturunan di antara beliau dengan mereka, tiada lagi hubungan sejarah di antara beliau dengan mereka dan tiada lagi hubungan usaha dan perjuangannya yang silam di antara beliau dengan mereka, kerana satu-satunya tali hubungan di antara beliau dengan mereka ialah da'wah kepada Allah dan perjanjian dengan Allah dan oleh sebab mereka telah memutuskan tali hubungan ini, maka terputuslah hubungan di antara beliau dengan mereka ke dasaran yang amat dalam hingga tiada lagi suatu ikatan yang menghubungkan beliau dengan mereka. Beliau jujur dan berdiri teguh mematuhi janji Allah, tetapi mereka menyeleweng. Beliau berpegang kukuh dengan perjanjian Allah tetapi mereka memungkirinya.

Inilah adab sopan seorang nabi dan inilah garis tindakan seorang Mu'min dan inilah tali hubungan yang menjadi titik perpaduan dan perpisahan orang-orang yang beriman. Tiada lagi hubungan bangsa, hubungan keturunan, hubungan kaum, hubungan bahasa, hubungan sejarah dan tiada lagi apa-apa tali hubungan dari segala hubungan bumi apabila tali hubungan 'aqidah telah terputus dan apabila wujudnya kelainan sistem dan perbezaan jalan hidup.

Lalu Allah memperkenankan permintaan nabinya (Musa) dan mengenakan balasan yang adil ke atas kaum Bani Israel yang fasiq itu:

قَالَ رَبِّ إِنِّي لَآ أَمۡلِكُ إِلَّا نَفۡسِي وَأَخِيۖ فَٱفۡرُقۡ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٢٥

Firman Allah: "(Jika demikian) maka sesungguhnya negeri itu adalah diharamkan ke atas mereka selama empat puluh tahun (dan selama itu) mereka akan mengembara tanpa keruan di bumi (padang teh) itu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang fasiq itu."(26)

Demikianlah Allah menyerahkan Bani Israel ke padang gurun setelah mereka berada di hadapan pintu-pintu kota bumi suci dan mengharamkan kepada mereka bumi yang telah dijanjikan kepada mereka. Mengikut pendapat yang lebih rajih bumi ini diharamkan kepada generasi Bani Israel di zaman itu sahaja sementara menunggu lahirnya pertumbuhan generasi baru yang lain dari generasi yang ada ini, iaitu satu generasi yang mengambil i'tibar dan pengajaran dan terdidik dalam suasana padang Sahara yang bengis dan bebas itu hingga menjadi satu generasi yang tahan lasak yang berlainan dari generasi yang ada sekarang, yang telah dirosakkan oleh kehinaan, perhambaan dan kezaliman yang dialami mereka di negeri Mesir sebelum ini. Generasi ini tidak lagi layak untuk melaksanakan tugas yang amat besar ini. Kehinaan, perhambaan dan kezaliman membawa kerosakan kepada fitrah individu-individu sebagai-mana ia membawa kerosakan kepada fitrah bangsa-bangsa.

Penerangan rangkaian ayat-ayat ini meninggalkan Bani Israel di sini sahaja, iaitu mengembara di padang Sahara tidak lebih dari itu. Ini adalah satu pemandangan, di mana terkumpul keinsafan hati di samping keindahan seni mengikut cara pengungkapan Al-Qur'an.[16]

* * * * * *

Kaum Muslimin telah mengambil peringatan dan pengajaran dari pelajaran ini, iaitu dari kisah-kisah yang telah diceritakan Allah kepada mereka. Oleh sebab itu apabila mereka menghadapi kesusahan berperang dengan bilangan mereka yang kecil untuk melawan angkatan Quraysy yang begitu ramai di dalam Peperangan Badar, mereka berkata kepada Nabi mereka Muhammad s.a.w.: "Wahai Rasulullah! Kami tidak akan berkata kepada anda apa yang telah dikatakan oleh Bani Israel kepada nabi mereka (Musa a.s.)".

فَٱذۡهَبۡ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ٢٤

"Pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua. Sesungguhnya kami menunggu di sini sahaja."(24)

Tetapi kami akan berkata: "Pergilah engkau bersama Tuhanmu dan berperanglah kamu berdua dan kami juga tetap berjuang bersama kamu berdua."

Inilah setengah dari kesan-kesan sistem didikan Al-Qur'an yang mendidik manusia melalui cerita-cerita, juga ia merupakan setengah dari aspek-aspek hikmat Allah dalam menghuraikan kisah Bani Israel.

(Kumpulan ayat-ayat 27 - 40)

۞وَٱتۡلُ عَلَيۡهِمۡ نَبَأَ ٱبۡنَيۡ ءَادَمَ بِٱلۡحَقِّ إِذۡ قَرَّبَا قُرۡبَانٗا فَتُقُبِّلَ مِنۡ أَحَدِهِمَا وَلَمۡ يُتَقَبَّلۡ مِنَ ٱلۡأٓخَرِ

---

[16] *Lihat bab* "القصة في القرآن" *dalam buku:* "التصوير الفني في القرآن" *oleh pengarang dan buku* "منهج الفن الإسلامي" *oleh Muhammad Qutb.*

قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ ۖ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ ٱللَّهُ مِنَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٢٧﴾
لَئِنۢ بَسَطتَ إِلَىَّ يَدَكَ لِتَقْتُلَنِى مَآ أَنَا۠ بِبَاسِطٍ يَدِىَ
إِلَيْكَ لِأَقْتُلَكَ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ ٱللَّهَ رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٨﴾
إِنِّىٓ أُرِيدُ أَن تَبُوٓأَ بِإِثْمِى وَإِثْمِكَ فَتَكُونَ مِنْ
أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ۚ وَذَٰلِكَ جَزَٰٓؤُا۟ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٩﴾
فَطَوَّعَتْ لَهُۥ نَفْسُهُۥ قَتْلَ أَخِيهِ فَقَتَلَهُۥ فَأَصْبَحَ
مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٣٠﴾
فَبَعَثَ ٱللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِى ٱلْأَرْضِ لِيُرِيَهُۥ كَيْفَ
يُوَٰرِى سَوْءَةَ أَخِيهِ ۚ قَالَ يَٰوَيْلَتَىٰٓ أَعَجَزْتُ أَنْ
أَكُونَ مِثْلَ هَٰذَا ٱلْغُرَابِ فَأُوَٰرِىَ سَوْءَةَ أَخِى ۖ
فَأَصْبَحَ مِنَ ٱلنَّٰدِمِينَ ﴿٣١﴾
مِنْ أَجْلِ ذَٰلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَنَّهُۥ
مَن قَتَلَ نَفْسًۢا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِى ٱلْأَرْضِ
فَكَأَنَّمَا قَتَلَ ٱلنَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا
فَكَأَنَّمَآ أَحْيَا ٱلنَّاسَ جَمِيعًا ۚ وَلَقَدْ جَآءَتْهُمْ
رُسُلُنَا بِٱلْبَيِّنَٰتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم بَعْدَ
ذَٰلِكَ فِى ٱلْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴿٣٢﴾
إِنَّمَا جَزَٰٓؤُا۟ ٱلَّذِينَ يُحَارِبُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
وَيَسْعَوْنَ فِى ٱلْأَرْضِ فَسَادًا أَن يُقَتَّلُوٓا۟
أَوْ يُصَلَّبُوٓا۟ أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم مِّنْ خِلَٰفٍ
أَوْ يُنفَوْا۟ مِنَ ٱلْأَرْضِ ۚ ذَٰلِكَ لَهُمْ خِزْىٌ فِى
ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَهُمْ فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾
إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ مِن قَبْلِ أَن تَقْدِرُوا۟ عَلَيْهِمْ ۖ
فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٤﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱبْتَغُوٓا۟ إِلَيْهِ
ٱلْوَسِيلَةَ وَجَٰهِدُوا۟ فِى سَبِيلِهِۦ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ ﴿٣٥﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْ أَنَّ لَهُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا
وَمِثْلَهُۥ مَعَهُۥ لِيَفْتَدُوا۟ بِهِۦ مِنْ عَذَابِ يَوْمِ
ٱلْقِيَٰمَةِ مَا تُقُبِّلَ مِنْهُمْ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٣٦﴾
يُرِيدُونَ أَن يَخْرُجُوا۟ مِنَ ٱلنَّارِ وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ
مِنْهَا ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٣٧﴾
وَٱلسَّارِقُ وَٱلسَّارِقَةُ فَٱقْطَعُوٓا۟ أَيْدِيَهُمَا جَزَآءًۢ بِمَا
كَسَبَا نَكَٰلًا مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾
فَمَن تَابَ مِنۢ بَعْدِ ظُلْمِهِۦ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَتُوبُ
عَلَيْهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٩﴾
أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
يُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ وَيَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٠﴾

"Dan bacalah kepada mereka cerita dua putera Adam (Qabil dan Habil) dengan cerita yang benar ketika keduanya mempersembahkan korban lalu diterima korban dari salah seorang dari keduanya (Habil) dan tidak diterima korban dari seorang lagi (Qabil). Ia pun (Qabil) berkata: "Aku pasti bunuh engkau" kata (Habil): Sesungguhnya Allah hanya menerima persembahan korban dari orang-orang yang bertaqwa (27). Jika engkau hulurkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku tidak sekali-kali akan menghulurkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah Tuhan semesta alam (28). Sesungguhnya aku mahu engkau kembali dengan dosa (membunuhku) dan dosamu (yang lain), maka dengan kerana itu engkau akan menjadi penghuni Neraka dan itulah balasan orang-orang yang zalim (29).Lalu hatinya tergamak membunuh saudaranya, maka jadilah dia dari orang-orang yang rugi (30). Lalu Allah menghantar seekor burung gagak mengorek-ngorek tanah untuk menunjukkan kepada (Qabil) bagaimana cara hendak menimbus mayat saudaranya. Dia berkata: "Wahai malangnya aku! Apakah aku begini lemah berbuat seperti burung gagak ini untuk menimbus mayat

saudaraku?" Maka jadilah dia dari orang-orang yang menyesal (31). Oleh kerana itu Kami tetapkan (suatu hukum) ke atas Bani Israel, iaitu barang siapa membunuh seorang manusia bukan kerana ia membunuh orang lain atau bukan kerana melakukan sesuatu kerosakan di bumi, maka seolah-olah ia telah membunuh manusia seluruhnya dan barang siapa yang memelihara nyawa seorang manusia, maka seolah-olah ia memelihara nyawa manusia seluruhnya. Sesungguhnya rasul-rasul Kami telah datang kepada mereka membawa pengajaran-pengajaran yang jelas kemudian ramai di antara mereka sesudah itu menjadi manusia-manusia pelampau di muka bumi (32). Sesungguhnya balasan (yang setimpal) bagi orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan berusaha melakukan kerosakan di bumi ialah mereka dihukum bunuh atau dihukum salib atau dipotong tangan dan kaki mereka secara berselang atau dibuang negeri demikianlah mereka mendapat kehinaan di dunia dan di Akhirat kelak mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar (33). Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkap mereka. Oleh itu, ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang (34). Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan hendaklah kamu mencari jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya dan hendaklah kamu berjihad pada jalan Allah supaya kamu mendapat keberuntungan (35). Sesungguhnya orang-orang yang kafir jika diandaikan setiap mereka memiliki segala isi bumi ini dan sebanyak itu lagi ada bersamanya untuk (bayaran) menebus diri mereka dari 'azab hari Qiamat, nescaya tidak akan diterima dari mereka dan mereka tetap akan memperolehi 'azab yang amat pedih (36). Mereka mahu keluar dari Neraka, namun mereka tidak akan dapat keluar darinya dan mereka akan memperolehi 'azab yang berkekalan (37). Dan pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah kamu potong tangan kedua mereka sebagai balasan jenayah yang telah dilakukan mereka dan sebagai satu hukuman keseksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (38). Sesiapa yang bertaubat selepas ia melakukan jenayah mencuri yang zalim itu dan memperbaiki dirinya, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (39). Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah memiliki kerajaan langit dan bumi? Dia meng'azabkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu".(40)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini mula menerangkan setengah-setengah hukum perundangan yang asasi di dalam kehidupan manusia, iaitu hukum-hukum yang berhubung dengan usaha melindungkan keselamatan nyawa dan hayat di dalam masyarakat Islam yang diperintah mengikut sistem hidup Ilahi dan syari'at-Nya, juga berhubung dengan usaha melindungkan keselamatan peraturan umum dan mengawalnya dari tindakan-tindakan yang melanggar atau mencabulnya atau tindakan-tindakan yang menentang kuasa yang mengawasi peraturan-peraturan itu atas nama Allah dan di bawah naungan syari'at Allah atau tindakan-tindakan yang menceroboh kaum Muslimin yang hidup di bawah naungan syari'at Allah dan pemerintahan Islam, dan seterusnya hukum-hukum yang berhubung dengan usaha melindungkan keselamatan harta dan milik-milik individu di dalam masyarakat ini, di mana seluruh peraturan kemasyarakatannya ditegakkan di atas landasan syari'at Allah.

Seluruh pelajaran ini memperkatakan hukum-hukum yang berkaitan dengan persoalan-persoalan asasi di dalam kehidupan kemasyarakatan. Ia dimulakan dengan satu muqaddimah yang menceritakan kisah dua putera Adam (Qabil dan Habil), iaitu kisah yang mendedahkan tabi'at jenayah dan motif-motifnya di dalam jiwa manusia di samping mendedahkan keburukan dan kejahatan jenayah bunuh itu, juga mendedahkan betapa perlunya jenayah itu dibendung dan dikenakan hukuman keseksaan ke atas orang yang melakukannya dan membendung motif-motif yang menggerakkan hati manusia ke arah melakukannya.

Kisah dua putera Adam ini bersama-sama dengan saranan-saranannya adalah mempunyai hubungan yang begitu rapat dan kuat dengan hukum-hukum yang diterangkan selepasnya di dalam susunan Al-Qur'an. Pembaca yang teliti akan merasa bahawa kisah itu adalah berfungsi pada tempatnya yang wajar, juga akan merasa betapa mendalamnya saranan-saranan yang meyakinkan yang dicurah dan diserapkan oleh kisah itu di dalam hati dan betapa mendalamnya kesediaan yang dibentuk oleh kisah itu dalam hati dan akal untuk menerima hukum-hukum yang keras dan berat yang digunakan oleh Islam untuk menentang jenayah-jenayah pencerobohan terhadap nyawa dan hayat, terhadap peraturan umum, terhadap harta dan milik individu yang ada di dalam naungan masyarakat Islam yang ditegakkan di atas landasan sistem hidup Ilahi dan diperintah dengan undang-undang syari'at-Nya.

Masyarakat Islam menegakkan seluruh kehidupannya di atas sistem hidup Ilahi dan syari'at-Nya dan di atas sistem dan hukum-hukum syari'at inilah ia mengaturkan segala urusannya dan perhubungan-perhubungannya. Oleh sebab itulah masyarakat Islam menjamin dan memelihara segala unsur keadilan, kecukupan, kemantapan dan ketenteraman bagi setiap individu dan kelompok dan membendung darinya segala faktor yang menghasut dan membangkitkan perasaan yang menimbulkan kacau-bilau, segala faktor yang membawa kepada penindasan, tekanan, kezaliman dan pencerobohan, kemiskinan keperluan dan darurat. Begitu juga tindakan-tindakan pencerobohan dan pencabulan - dalam masyarakat yang baik, adil, seimbang dan bertakaful seperti ini terhadap nyawa dan hayat atau terhadap peraturan umum atau terhadap milik peribadi adalah dianggap suatu jenayah yang amat buruk dan keji dan suatu tindakan yang kosong pada umumnya dari segala motif yang mewajarkan kemaafan dan hukuman yang ringan. Inilah sebabnya dikenakan hukuman yang keras dan berat ke atas perbuatan jenayah dan para penjenayah selepas disediakan suasana-suasana yang boleh menolong manusia-manusia yang normal menuju ke arah akhlak yang baik dan jujur dan setelah dijauhkan motif-motif untuk melakukan jenayah dari kehidupan individu-

individu dan kehidupan kelompok. Dan di samping semuanya ini sistem hidup Islam memberi segala jaminan kepada setiap penjenayah yang menceroboh itu agar diberi layanan siasatan yang baik dan hukuman yang adil, juga diberi hak dibebaskan dari hukuman jika terdapat keraguan-keraguan dan seterusnya dibukakan kepadanya pintu taubat yang menggugurkan jenayah itu di dalam pengadilan dunia dalam setengah-setengah kes dan menggugurkannya di dalam pengadilan Akhirat di dalam semua kes.

Kita akan melihat segala contoh-contoh ini di dalam pelajaran ini dan di dalam hukum-hukum yang dibicarakannya.

Tetapi sebelum kami teruskan pentafsiran ayat-ayat dan huraian secara langsung mengenai hukum-hukum yang dibicarakannya itu perlulah kami kemukakan sepatah kata umum tentang persekitaran, di mana dijalankan hukum-hukum itu dan tentang syarat-syarat yang menjadikan hukum-hukum ini berkuatkuasa sepenuhnya.

Hukum-hukum yang dibicarakan di dalam pelajaran ini sama ada yang berkaitan dengan perbuatan menceroboh keselamatan nyawa atau menceroboh peraturan umum atau menceroboh keselamatan harta adalah sama dengan segala hukum-hukum yang lain yang terdapat dalam undang-undang syari'at mengenai kes-kes jenayah-jenayah hudud, qisas dan ta'zir, iaitu semua hukum-hukum ini hanya mempunyai kuatkuasa di dalam "Masyarakat Islam" atau di dalam "Negara Islam". Di sini perlulah dinyatakan apakah yang dimaksudkan dengan istilah "Negara Islam" mengikut syari'at.

Negara-negara di dunia ini mengikut pandangan Islam dan pertimbangan Muslimin adalah terbahagi kepada dua sahaja dan tiada yang ketiga:

Pertama: "Negara Islam" atau Darul-Islam. Ia merangkumi setiap negara yang menjalankan hukum-hukum Islam dan diperintah oleh syari'at Islam sama ada seluruh penduduknya terdiri dari orang-orang Islam atau terdiri dari orang-orang Islam dan orang-orang Zimmi atau seluruh penduduknya terdiri dari orang-orang Zimmi, tetapi negeri ini diperintah oleh orang-orang Islam yang melaksanakan hukum-hukum Islam dan memerintahnya dengan syari'at Islam,[17] atau penduduknya terdiri dari kaum Muslimin dan kaum Zimmi, tetapi negeri ini dikuasai oleh orang-orang kafir Harbi, namun demikian penduduk peribumi negeri itu melaksanakan hukum-hukum Islam dan mengadili sesama mereka mengikut syari'at Islam. Pokok pertimbangan untuk menentukan sesebuah negara itu "Negara Islam" adalah terletak pada amalannya melaksanakan hukum-hukum Islam dan memerintah dengan syari'at Islam.

Yang kedua: Negara Harbi. Ia merangkumi setiap negeri yang tidak mengamalkan hukum-hukum Islam dan tidak memerintah dengan syari'at Islam biar bagaimanapun susunan penduduknya sama ada mereka mendakwa diri mereka sebagai orang Islam atau orang-orang Ahlil-Kitab atau orang-orang kafir. Pokok pertimbangan dalam menentukan sesuatu negara itu "Negara Harbi" adalah terletak pada amalannya yang tidak menjalankan hukum-hukum Islam dan tidak memerintah dengan syari'at Islam. Negara itu adalah dikira "Negara Harbi" dalam hubungannya dengan seseorang Islam dan dengan kelompok Muslimin.

Masyarakat Islam ialah masyarakat yang ditegakkan di dalam "Negara Islam" dengan ta'rifnya yang telah disebutkan tadi.

Masyarakat yang ditegakkan di atas sistem hidup Ilahi dan diperintah dengan syari'at Allah inilah yang merupakan masyarakat yang berhak dipeliharakan nyawa-nyawa dan harta penduduknya serta peraturan umumnya, juga berhak dijatuhkan hukuman-hukuman yang ditentukan oleh syari'at Islam di dalam pelajaran ini dan lainnya ke atas mereka yang merosakkan keamanannya, menceroboh nyawa dan harta para penduduknya, kerana ia merupakan masyarakat yang luhur dan utama, masyarakat bebas dan adil dan masyarakat yang memberi jaminan-jaminan pekerjaan dan kecukupan kepada setiap rakyat yang berkemampuan dan setiap rakyat yang lemah, sebuah masyarakat di mana tersedia dorongan-dorongan ke arah kebaikan dan di mana kurangnya dorongan-dorongan ke arah kejahatan dari segenap aspek. Oleh sebab itu setiap rakyat yang hidup di dalam masyarakat ini adalah berkewajipan menjaga dan memelihara ni'mat-ni'mat yang dilahirkan oleh sistem hidup Ilahi ini kepada mereka. Ia berkewajipan menjaga dan memelihara segala hak orang-orang yang lain, iaitu hak-hak nyawa, harta benda, maruah atau kehormatan diri dan akhlak. Ia berkewajipan memelihara keselamatan "Negara Islam", di mana ia hidup aman damai dan terpelihara segala hak-haknya, di mana segala ciri-ciri insaniyahnya dan hak-hak kemasyarakatannya diakui sepenuhnya, malah setiap rakyat diwajibkan melindungi citi-ciri dan hak-hak ini. Oleh itu sesiapa yang menentang - selepas ini semua - peraturan negara Islam ini, maka dia dianggap sebagai penceroboh yang jahat dan berdosa yang wajar dihukum dengan hukuman-hukuman keseksaan yang berat dan dalam waktu yang sama juga dia diberi segala jaminan agar dia tidak dihukum dengan prasangka dan agar dia dibebaskan dari hukuman jika dalam kesnya terdapat keraguan-keraguan.

Adapun "Negara Harbi" dengan ta'rifnya yang telah disebutkan tadi maka ia tidak berhak dan penduduk-penduduknya juga tidak berhak meni'mati jaminan-

[17] *Di sini orang-orang Zimmi tidak dikenakan seluruh hukum Islam ke atasnya, malah mereka hanya dikenakan hukum-hukum Islam yang tidak bercanggah dengan 'aqidah mereka.*

jaminan perlindungan yang disediakan oleh hukuman-hukuman keseksaan syari'at Islam, kerana negara ini dari awal lagi tidak mengamalkan syari'at Islam dan tidak mengakui kuasa hakimiyah atau Islam. Negara ini dari segi hubungannya dengan orang-orang Islam yang hidup di negara Islam dan mengamalkan syari'at Islam dalam kehidupan mereka bukanlah dikira kawasan selamat dan aman. Nyawa dan harta penduduknya dipandang halal dan tidak mempunyai apa-apa kehormatan di sisi Islam kecuali mereka mempunyai perjanjian dengan orang-orang Islam, iaitu apabila perjanjian-perjanjian diadakan di antaranya dengan negara Islam. Begitu juga syari'at Islam menyediakan semua jaminan itu kepada orang-orang Harbi (yang datang dari negara Harbi) apabila mereka memasuki negara Islam dengan perjanjian keamanan selama wujudnya perjanjian itu dan berada di dalam kawasan-kawasan perbatasan Islam yang termasuk di bawah (pemerintah Islam yang mengamalkan syari'at Islam).

Berdasarkan penjelasan ini dapatlah kita meneruskan pentafsiran ayat-ayat yang berikut:

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 31)

Kisah Jenayah Bunuh Yang Pertama Di Dunia

۞ وَاتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقُبِّلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ ﴿٢٧﴾ لَئِنْ بَسَطْتَ إِلَيَّ يَدَكَ لِتَقْتُلَنِي مَا أَنَا بِبَاسِطٍ يَدِيَ إِلَيْكَ لِأَقْتُلَكَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ ﴿٢٨﴾ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ تَبُوءَ بِإِثْمِي وَإِثْمِكَ فَتَكُونَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ وَذَٰلِكَ جَزَاءُ الظَّالِمِينَ ﴿٢٩﴾ فَطَوَّعَتْ لَهُ نَفْسُهُ قَتْلَ أَخِيهِ فَقَتَلَهُ فَأَصْبَحَ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٣٠﴾ فَبَعَثَ اللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِي الْأَرْضِ لِيُرِيَهُ كَيْفَ يُوَارِي سَوْءَةَ أَخِيهِ قَالَ يَا وَيْلَتَا أَعَجَزْتُ أَنْ أَكُونَ مِثْلَ هَٰذَا الْغُرَابِ فَأُوَارِيَ سَوْءَةَ أَخِي فَأَصْبَحَ مِنَ النَّادِمِينَ ﴿٣١﴾

"Dan bacalah kepada mereka cerita dua putera Adam (Qabil dan Habil) dengan cerita yang benar ketika keduanya mempersembahkan korban lalu diterima (korban) dari salah seorang dari keduanya (Habil) dan tidak diterima (korban) dari seorang lagi (Qabil). Ia pun (Qabil) berkata: 'Aku pasti bunuh engkau,' kata (Habil): Sesungguhnya Allah hanya menerima persembahan korban dari orang-orang yang bertaqwa (27). Jika engkau hulurkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku tidak sekali-kali akan menghulurkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah Tuhan semesta alam (28). Sesungguhnya aku mahu engkau kembali dengan dosa (membunuhku) dan dosamu (yang lain), maka dengan kerana itu engkau akan menjadi penghuni Neraka dan itulah balasan orang-orang yang zalim (29). Lalu hatinya tergamak membunuh saudaranya, maka jadilah dia dari orang-orang yang rugi (30). Lalu Allah menghantar seekor burung gagak mengorek-ngorek tanah untuk menunjukkan kepada (Qabil) bagaimana cara hendak menimbus mayat saudaranya. Dia berkata: 'Wahai malangnya aku! Apakah aku begini lemah berbuat seperti burung gagak ini untuk menimbus mayat saudaraku?' Maka jadilah dia dari orang-orang yang menyesal."(31)

Kisah ini mengemukakan satu contoh tabi'at kejahatan dan pencerobohan, juga satu contoh pencerobohan yang lantang yang tidak mempunyai sebarang alasan yang wajar, di samping mengemukakan contoh tabi'at kebaikan hati dan toleransi, juga contoh tabi'at yang lurus dan lemah lembut. Di sini kedua-dua tabi'at itu bertentang muka. Setiap orang bertindak mengikut tabi'atnya masing-masing. Kisah ini melukiskan satu jenayah yang keji yang dilakukan oleh tabi'at kejahatan dan melukiskan satu tindakan pencerobohan yang lantang yang mengharukan hati nurani dan merangsangkan kesedaran terhadap perlu wujudnya satu syari'at yang menjalankan undang-undang qisas yang adil, syari'at yang dapat mencegahkan orang yang jahat dan penceroboh dari melakukan pencerobohan itu, iaitu syari'at yang dapat menakut dan menghalangkannya dari bertindak melakukan jenayah itu. Dan andainya dia melakukannya juga, maka dia akan menemui balasan yang adil dan setimpal dengan jenayah yang keji itu, juga syari'at yang dapat memelihara orang yang baik dan jujur serta memelihara keselamatan nyawanya, kerana orang-orang baik seperti ini perlu hidup dan dipelihara dan perlu diberi keamanan di dalam naungan syari'at yang adil dan mencegahkan kejahatan.

Penerangan ayat-ayat Al-Qur'an (mengenai kisah ini) tidak membuat apa-apa penentuan sama ada dari segi zaman, tempat dan nama watak-watak kisah ini. Walaupun terdapat athar-athar dan riwayat-riwayat mengenai "Qabil dan Habil" sebagai dua putera Adam dalam kisah ini dan walaupun terdapat penceritaan-penceritaan yang terperinci tentang perkara yang menjadi pokok pertikaian dua beradik ini yang berlegar di sekitar perebutan untuk mengahwini dua adik perempuan mereka, namun kami memilih mengekalkan kisah ini seperti bentuk asal yang diceritakan oleh Al-Qur'an, iaitu dalam bentuk umum tanpa sesuatu penentuan, kerana semua riwayat ini adalah diragui diambil dari kaum Ahlil-Kitab. Kisah ini memang disebut di dalam perjanjian lama (Taurat atau Old Testament), di mana

nama watak-watak, zaman dan tempat disebut tepat sebagaimana yang diceritakan oleh riwayat-riwayat ini. Satu-satunya hadith sahih yang datang mengenai cerita ini tidak juga membuat apa-apa perincian. Hadith ini adalah dari riwayat Ibn Mas'ud katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا تقتل نفس ظلما إلا كان على ابن آدم الأول كفل من دمها لأنه كان أول من سن القتل

"Tiada satu nyawa yang dibunuh secara zalim melainkan sebahagian dari dosa penumpahan darahnya ditanggung oleh putera Adam yang pertama kerana dialah yang mula-mula merintis jenayah membunuh."

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Iman Ahmad dalam Musnadnya, iaitu kami telah diceritakan oleh Abu Mu'awiyah dan Waki' keduanya berkata: Kami telah diceritakan oleh al-A'masy dari Abdullah ibn Murrah dari Masruq dari Abdullah bin Mas'ud. Hadith ini juga telah dikeluarkan oleh sekumpulan (pengumpul hadith) selain dari Abu Daud dari saluran-saluran yang berpunca dari al-A'masy. Apa yang dapat kami katakan di sini ialah peristiwa ini adalah berlaku di zaman "Keanakan manusia" dan itulah peristiwa pertama pembunuhan secara menceroboh yang dilakukan dengan sengaja dan pembunuhnya tidak mengetahui bagaimana cara hendak menimbuskan mayat-mayat.

Mengekalkan kisah ini dalam bentuknya yang umum tanpa diperincikan iaitu sebagaimana yang diterangkan oleh nas-nas Al-Qur'an ini dapat menghasilkan maksud dari penceritaannya juga dapat menghasilkan saranan-saranan sepenuhnya, sedangkan penceritaan-penceritaan yang terperinci tidak dapat menambah sesuatu kepada matlamat-matlamat asasi dari penceritaannya ini. Oleh itu kami (memilih) berhenti setakat apa yang diterangkan oleh nas-nas Al-Qur'an sahaja tanpa membuat penentuan dan perincian.

۞ وَاتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقُبِّلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ ۖ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ ﴿٢٧﴾

"Dan bacalah kepada mereka cerita dua putera Adam (Qabil dan Habil) dengan cerita yang benar ketika keduanya mempersembahkan korban lalu diterima (korban) dari salah seorang dari keduanya (Habil) dan tidak diterima (korban) dari seorang lagi (Qabil). Ia pun (Qabil) berkata: 'Aku pasti bunuh engkau' kata (Habil): Sesungguhnya Allah hanya menerima persembahan korban dari orang-orang yang bertaqwa."(27)

Yakni bacalah pula kepada mereka kisah dua contoh manusia - setelah engkau bacakan kepada mereka kisah Bani Israel dengan Nabi Musa a.s. - bacalah kisah itu dengan penceritaan yang sebenar, kerana kisah ini adalah dari riwayat yang benar. Kisah ini menceritakan hakikat yang benar tentang fitrah manusia. Ia juga mengemukakan hujjah yang benar tentang perlunya (manusia) kepada undang-undang syari'at yang adil yang dapat mencegahkan perlakuan kejahatan.

Kini kedua-dua putera Adam itu sedang berada dalam situasi tenang yang tidak membangkitkan perasaan ingin menceroboh di dalam hati yang baik dan jujur. Kedua-duanya sedang berada dalam satu situasi, di mana mereka sedang menunjukkan keta'atan kepada Allah dengan menyembahkan korban masing-masing kepada-Nya:

إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا

"Ketika kedua-duanya mempersembahkan korban."(27)

فَتُقُبِّلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ

"Lalu diterima (korban) dari salah seorang dari keduanya (Habil) dan tidak diterima (korban) dari seorang lagi (Qabil)."(27)

Kata kerja "Fatuqubbila" dibuat dengan Sighah Majhul untuk menunjukkan bahawa urusan diterima atau tidak diterima persembahan korban itu adalah terserah kepada kuasa ghaib (Allah) dan kepada cara ghaib. Sighah Majhul ini memberi dua saranan. Pertama: Ia menyarankan supaya kita jangan mencari-cari tentang bagaimana cara korban diterima dan jangan menyelami begitu jauh dalam perincian cerita ini seperti yang telah dilakukan oleh kitab-kitab tafsir berdasarkan riwayat-riwayat yang kami tarjihkan diambil dari dongeng-dongeng perjanjian lama (Taurat). Kedua: Ia menyarankan bahawa putera yang diterima persembahan korbannya itu (Habil) tidak mempunyai apa-apa kesalahan yang wajar dimurka dan diancam bunuh, kerana urusan penerimaan korban bukan terletak di dalam tangannya, malah terletak di dalam tangan kuasa ghaib dan mengikut cara ghaib yang di luar kefahaman mereka berdua dan di luar kehendak putera yang diterima korbannya (Habil). Oleh itu di sana tidak ada sebarang alasan wajar bagi (Qabil) untuk membunuh saudaranya (Habil) atau untuk merangsangkan keinginan membunuh di dalam hatinya, kerana keinginan membunuh itu tidak mungkin timbul di dalam hati yang jujur di bidang ini, iaitu di bidang ibadat dan perdampingan diri dengan Allah dan di bidang kuasa ghaib yang halus yang tidak ada kena mengena dengan kemahuan saudaranya (Habil).

قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ ۖ

"Iapun berkata: Aku pasti bunuh engkau."(27)

Demikian kata-kata (Qabil) yang amat tegas dan penuh azam ini kelihatan begitu menyeleweng dan membangkitkan kecaman, kerana ketegasan dan keazaman itu bukannya terbit dari alasan yang wajar

melainkan semata-mata dirasuk oleh perasaan yang buruk dan keji, iaitu perasaan hasad dengki yang buta yang tidak terdapat dalam hati seseorang yang baik dan jujur.

Demikianlah kita dapati diri kita dari detik masa yang pertama lagi menentang pencerobohan melalui saranan ayat yang belum lagi sempurna penjelasannya.

Tetapi penerangan ayat yang berikut menambahkan lagi keburukan pencerobohan itu apabila ia menggambarkan reaksi putera yang satu lagi (Habil), dan menggambarkan sifatnya yang lemah lembut dan hatinya yang baik:

قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ ٱللَّهُ مِنَ ٱلْمُتَّقِينَ ٢٧

"Kata (Habil) sesungguhnya Allah hanya menerima persembahan korban dari orang-orang yang bertaqwa sahaja."(27)

Demikianlah dengan penuh kejujuran ia mengembalikan perkara penerimaan korban itu kepada pokok pangkalnya yang sebenar dan dengan penuh iman ia memahami sebab-sebab penerimaan itu dan dengan bimbingan yang halus ia menyarankan kepada saudaranya yang mahu menceroboh itu supaya bertaqwa kepada Allah dan menunjukkan kepadanya jalan yang sebenar untuk mendapatkan penerimaan itu. Ia menggunakan sindiran yang amat lembut dan seni tanpa menggoreskan hati saudaranya dan membakarkan perasaannya.

Kemudian (dalam ayat yang berikut) saudara yang beriman, bertaqwa, lembut dan damai itu cuba mematahkan kegelojohan keinginan jahat yang menggelodak di dalam hati saudaranya yang jahat itu:

لَئِنۢ بَسَطتَ إِلَيَّ يَدَكَ لِتَقْتُلَنِي مَآ أَنَا۠ بِبَاسِطٍ يَدِيَ إِلَيْكَ لِأَقْتُلَكَ ۖ إِنِّيٓ أَخَافُ ٱللَّهَ رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٢٨

"Jika engkau hulurkan tanganmu untuk membunuhku, aku tidak sekali-kali menghulurkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah Tuhan semesta alam."(28)

Demikianlah contoh tabi'at yang lemah lembut, damai dan bertaqwa itu terlukis dengan jelas dalam situasi yang paling merangsangkan hati nurani kemanusiaan dan paling membangkitkan semangat keghairahan pihak diceroboh untuk menentang pihak yang menceroboh dan paling mengkagumkan kerana ia begitu tenang dan tenteram menghadapi gejala-gejala pencerobohan itu dan kerana hatinya begitu bertaqwa dan takut kepada Allah Tuhan semesta alam.

Sebenarnya perkataan yang lemah lembut ini sudah cukup untuk memadamkan api dendam kesumat, menenangkan kegelodakan hasad dengki, mententeramkan perasaan yang jahat dan membelai-belaikan saraf-saraf yang tegang. Ia memang cukup untuk mengembalikan saudaranya ke pangkuan kemesraan persaudaraan, kemanisan keimanan dan kepekaan rasa taqwa.

Sebenarnya perkataan ini sahaja sudah cukup, namun begitu (dalam ayat yang berikut) saudara yang soleh itu menambahkan lagi dengan peringatan dan amaran:

إِنِّيٓ أُرِيدُ أَن تَبُوٓأَ بِإِثْمِي وَإِثْمِكَ فَتَكُونَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ ۚ وَذَٰلِكَ جَزَٰٓؤُا۟ ٱلظَّٰلِمِينَ ٢٩

"Sesungguhnya aku mahu engkau kembali dengan dosa (membunuhku) dan dosamu (yang lain), maka dengan kerana itu engkau akan menjadi penghuni Neraka dan itulah balasan orang-orang yang zalim."(29)

Jika engkau memanjangkan tanganmu untuk membunuhku, maka itu bukannya urusanku dan bukan pula dari tabi'atku untuk bertindakbalas terhadapmu. Keinginan membunuh ini tidak pernah berlegar di dalam hatiku dan tidak pernah difikir oleh akalku kerana aku takut kepada Allah S.W.T. Tuhan semesta alam bukannya kerana aku lemah untuk melakukannya. Kini aku menyerahkan kepadamu memikul dosa pembunuhanku untuk ditokokkan kepada dosamu yang telah ada, yang telah menyebabkan Allah tidak menerima persembahan korbanmu. Ini akan membuat dosa engkau dan 'azab yang akan diterima engkau akan dilipatgandakan.

وَذَٰلِكَ جَزَٰٓؤُا۟ ٱلظَّٰلِمِينَ ٢٩

"Dan itulah balasan orang-orang yang zalim."(29)

Dengan perkataan ini dia menggambarkan kebimbangannya kepada saudaranya tentang jenayah pembunuhan itu dengan tujuan supaya ia mematahkan keinginannya yang sedang mendorong hatinya dan supaya timbul perasaan malu terhadap keinginan melakukan jenayah pembunuhan yang berkecamuk di dalam hatinya terhadap saudaranya yang damai, lembut dan bertaqwa.

Dia telah membentangkan kepada saudaranya keburukan dosa jenayah pembunuhan agar saudaranya menghindari jenayah itu. Dia memberi pandangan yang baik kepadanya supaya menyelamatkan diri dari menanggung beban dosa yang berlipatganda dengan menaruh perasaan takut kepada Allah Tuhan semesta alam. Dengan penerangan-penerangan itu dia telah melakukan apa yang terdaya oleh seorang insan untuk mengalihkan kejahatan dan motif-motifnya dari hati seseorang.

Tetapi contoh insan yang jahat itu tidak sempurna gambarannya melainkan setelah kita mengetahui bagaimana reaksinya (di dalam ayat yang berikut):

فَطَوَّعَتْ لَهُۥ نَفْسُهُۥ قَتْلَ أَخِيهِ فَقَتَلَهُۥ فَأَصْبَحَ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ٣٠

"Lalu hatinya tergamak membunuh saudaranya, maka jadilah dia dari orang-orang yang rugi."(30)

Setelah diberi peringatan dan nasihat dan setelah ditawarkan perdamaian dan diberi amaran, setelah dikemukakan semuanya ini, namun contoh manusia yang jahat itu terus bertindak juga dengan terburu-buru lalu berlakulah jenayah pembunuhan itu setelah hatinya memandang kecil kepada segala rintangan dan halangan dan tergamak melakukan jenayah pembunuhan. Membunuh siapa? Membunuh saudara sendiri dan memang wajarlah dia menerima akibat dari amaran Allah itu:

فَأَصْبَحَ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٣٠﴾

"Maka jadilah dia dari orang-orang yang rugi."(30)

Dia telah kerugian dirinya sendiri, kerana dia telah menghumbankannya ke dalam kebinasaan. Dia telah kerugian saudaranya dan dengan itu dia kehilangan seorang penolong dan seorang teman. Dia telah kerugian dunianya kerana pembunuh tidak dapat meni'mati ketenangan hidup dan dia telah kerugian Akhiratnya kerana kelak dia akan pulang dengan memikul beban dosanya yang awal dan beban dosanya yang terakhir.

Keburukan jenayah itu telah ditunjukkan kepadanya dalam bentuk fizikal, iaitu dalam bentuk mayat yang tidak bernyawa, dan daging-dagingnya mulai membusuk. Itulah keburukan yang tidak terdaya ditanggung oleh hati.

Di samping itu hikmat Allah pula menghendaki agar dia berdiri kaget di hadapan kelemahannya sendiri, sedangkan dialah orang yang melakukan pembunuhan itu. Dia lemah dan tidak tahu bagaimana hendak menimbuskan mayat saudaranya. Dia lemah untuk bertindak seperti burung gagak (yang tahu menanam mayat saudaranya):

فَبَعَثَ ٱللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِي ٱلْأَرْضِ لِيُرِيَهُۥ كَيْفَ
يُوَٰرِي سَوْءَةَ أَخِيهِ ۚ قَالَ يَٰوَيْلَتَىٰٓ أَعَجَزْتُ أَنْ
أَكُونَ مِثْلَ هَٰذَا ٱلْغُرَابِ فَأُوَٰرِيَ سَوْءَةَ أَخِي ۖ
فَأَصْبَحَ مِنَ ٱلنَّٰدِمِينَ ﴿٣١﴾

"Lalu Allah menghantar seekor burung gagak mengorek-ngorek tanah untuk menunjukkan kepada (Qabil) bagaimana cara hendak menimbus mayat saudaranya. Dia berkata: Wahai malangnya aku! Apakah aku begini lemah berbuat seperti burung gagak ini untuk menimbus mayat saudaraku? Maka jadilah dia dari orang-orang yang menyesal."(31)

Menurut setengah-setengah riwayat: Burung gagak itu telah membunuh seekor burung gagak yang lain atau menemui mayat seekor gagak atau datang membawa bersamanya mayat seekor gagak lalu ia mengorek-ngorek membuat lubang di bumi kemudian ia meletakkan mayat gagak itu di dalamnya dan menimbuskannya dengan tanah. (Melihat perbuatan gagak itu) pembunuh itu pun mengeluarkan kata-kata yang mencemuhkan kelemahan diri sendiri kemudian dia terus mencontohi apa yang telah dilakukan oleh gagak itu.

Di sini nampak jelas bahawa si pembunuh itu tidak pernah melihat mayat yang ditanam sebelum ini, jika tidak, sudah tentu ia dapat menanamnya. Hal ini mungkin juga kerana mayat itu merupakan mayat pertama anak-anak Adam di bumi atau mungkin pembunuh ini seorang anak muda yang belum pernah melihat bagaimana orang menanam mayat. Kedua-dua kemungkinan ini boleh berlaku. Begitu juga nampak jelas bahawa penyesalan pembunuh ini bukanlah penyesalan kerana bertaubat, kerana jika betul dia bertaubat sudah tentu taubatnya diterima Allah, malah penyesalannya itu adalah terbit dari tindakannya yang tidak berfaedah dan kerana ia telah mengalami akibat-akibatnya yang buruk, iaitu menderita penat, letih lesu dan resah gelisah.

Perbuatan gagak menanam mayat saudaranya itu mungkin terbit dari adat kebiasaan burung itu sebagaimana telah diutarakan oleh setengah-setengah orang dan mungkin pula perbuatan itu merupakan satu peristiwa luar biasa yang telah diperlakukan Allah. Kedua-dua kemungkinan itu adalah sama sahaja, kerana Allah yang berkuasa menaruhkan naluri-naluri pada makhluk-makhluk yang hidup, maka dia juga berkuasa memperlakukan mana-mana peristiwa pada mana-mana makhluk yang hidup. Kedua-duanya adalah di bawah takluk bidang kuasa-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 32)

Di sini ayat (yang berikut) memungut kesan-kesan yang mendalam yang ditinggalkan di dalam hati oleh kisah yang diceritakan dengan urutan yang teratur untuk dijadikan asas kesedaran bagi memahami undang-undang yang telah dikuatkuasakan dengan tujuan untuk menghapuskan jenayah di dalam jiwa penjenayah atau asas kesedaran bagi undang-undang Qisas yang adil jika penjenayah itu bertindak melakukan jenayah itu setelah ia mengetahui kesakitan-kesakitan hukum Qisas yang menunggunya:

مِنْ أَجْلِ ذَٰلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَنَّهُۥ
مَن قَتَلَ نَفْسًۢا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي ٱلْأَرْضِ
فَكَأَنَّمَا قَتَلَ ٱلنَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا
فَكَأَنَّمَآ أَحْيَا ٱلنَّاسَ جَمِيعًا ۚ وَلَقَدْ جَآءَتْهُمْ
رُسُلُنَا بِٱلْبَيِّنَٰتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم بَعْدَ

"Oleh kerana itu Kami tetapkan (suatu hukum) ke atas Bani Israel, iaitu barang siapa membunuh seorang manusia bukan kerana ia membunuh orang lain atau bukan kerana melakukan sesuatu kerosakan di bumi, maka seolah-olah ia telah membunuh manusia seluruhnya dan barang siapa yang memelihara nyawa seorang manusia, maka seolah-olah ia memelihara nyawa manusia seluruhnya. Sesungguhnya rasul-rasul Kami telah datang kepada mereka membawa pengajaran-pengajaran yang jelas kemudian ramai di antara mereka sesudah itu menjadi manusia-manusia pelampau di muka bumi."(32)

Yakni oleh kerana wujudnya contoh-contoh yang seperti ini di kalangan umat manusia, oleh kerana berlakunya pencerobohan ke atas orang-orang yang bersifat damai, lemah lembut, jujur dan tidak ingin melakukan kejahatan dan pencerobohan, oleh kerana nasihat dan peringatan tidak berguna kepada setengah-setengah manusia yang bertabi'at jahat, oleh kerana sikap yang damai dan lemah lembut tidak dapat menghalangkan pencerobohan apabila kejahatan telah berakar tunjang yang mendalam di dalam jiwa manusia..... Oleh kerana pertimbangan-pertimbangan inilah kami jadikan jenayah membunuh seseorang yang lain sebagai satu dosa yang amat besar yang menyamai jenayah membunuh seluruh manusia dan kami jadikan tindakan menghindari perbuatan membunuh dan tindakan menyelamatkan nyawa seseorang sebagai amal bakti yang amat besar yang menyamai amal bakti menyelamatkan nyawa seluruh manusia...... Dan kami telah menetap dan menguatkuasakan hukum itu ke atas Bani Israel di dalam undang-undang yang kami syari'atkan kepada mereka (di dalam pelajaran yang berikut dalam ayat surah ini akan diterangkan undang-undang Qisas dengan terperinci).

Perbuatan membunuh seseorang yang lain yang bukan dihukum Qisas kerana membunuh orang lain dan bukan pula dihukum kerana melakukan kerosakan di bumi adalah menyamai perbuatan membunuh seluruh manusia, kerana setiap nyawa itu sama dengan setiap nyawa yang lain dan hak untuk hidup adalah sama sahaja bagi setiap nyawa. Oleh sebab itu perbuatan membunuh mana-mana nyawa mengertikan pencerobohan terhadap hak untuk hidup itu sendiri, iaitu satu hak yang dimiliki oleh setiap nyawa. Begitu juga tindakan untuk menolak perbuatan membunuh terhadap seseorang dan menyelamatkan nyawanya sama ada dengan tindakan mempertahankan keselamatan nyawanya semasa hidupnya atau dengan melaksanakan hukum Qisas ke atas pembunuhnya apabila ia dicerobohi untuk menghalangkan perbuatan membunuh itu dari berlaku ke atas seorang yang lain pula ... tindakan yang seperti ini adalah menyamai amal bakti menyelamatkan nyawa seluruh manusia kerana ia dapat memelihara hak untuk hidup yang dimiliki bersama oleh seluruh manusia.

Merujuk kepada penjelasan yang telah kami muatkan di dalam kata pendahuluan kami mengenai hukum-hukum ini, ternyatalah bahawa hukum-hukum ini hanya mencakupi penduduk-penduduk negara Islam (Darul-Islam) sahaja yang terdiri dari orang-orang Islam, orang-orang Zimmi dan orang-orang yang diberi perlindungan keselamatan. Adapun darah penduduk negara perang (Darul-Harbi), maka ia adalah mubah selama tidak ada perjanjian yang dimaterikan di antara mereka dengan penduduk negara Islam. Oleh sebab itu eloklah kita sentiasa mengingati dasar perundangan ini, juga mengingati bahawa negara Islam itu ialah negara yang mengamalkan syari'at islam dan memerintah dengan syari'at Islam, dan negara Harbi itu ialah negara yang tidak menegakkan syari'at Allah dan tidak memerintah dengan syari'at Allah.

Allah telah menetapkan dasar hukuman ini ke atas Bani Israel, kerana di masa itu mereka adalah golongan Ahlil-Kitab yang mewakili "Negara Islam" atau Darul-Islam selama mereka menegakkan syari'at Taurat di kalangan mereka tanpa sebarang penyimpangan dan penyelewengan, tetapi mereka akhirnya telah melampaui batas-batas syari'at mereka setelah mereka didatangi rasul-rasul yang membawa pengajaran-pengajaran yang jelas. Di zaman Rasulullah s.a.w. dan di zaman selanjutnya masih terus terdapat di kalangan mereka golongan pelampau yang ramai yang melewati batas-batas syari'at mereka. Al-Qur'an merakamkan keterlaluan dan pencerobohan yang dilakukan mereka tanpa alasan yang memaafkan itu. Al-Qur'an juga merakamkan peri terputusnya dan gugurnya hujjah mereka terhadap Allah setelah para rasul datang dan menerangkan syari'at Allah kepada mereka:

وَلَقَدْ جَآءَتْهُمْ رُسُلُنَا بِٱلْبَيِّنَٰتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم بَعْدَ ذَٰلِكَ فِى ٱلْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴿٣٢﴾

"Sesungguhnya rasul-rasul kami telah datang kepada mereka membawa pengajaran-pengajaran yang jelas kemudian ramai di antara mereka sesudah itu menjadi manusia-manusia pelampau di muka bumi."(32)

Adakah lagi keterlaluan yang lebih besar dari perbuatan melampau batas-batas Allah dan mencerobohi syari'at-Nya dengan meminda dan mengubah-ngubahkannya atau dengan perbuatan mengabaikannya?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 34)

Di dalam ayat yang silam Allah gandingkan perbuatan membunuh manusia dengan perbuatan melakukan kerosakan di bumi dan Allah jadikan kedua-dua perbuatan itu sebagai sebab yang wajar untuk dihukum bunuh atau sebagai pengecualian dari kewajipan memelihara hak seseorang untuk hidup, juga sebagai pernyataan betapa buruknya jenayah mencabut nyawa seseorang manusia. Hal sedemikian

kerana keamanan kelompok Muslimin yang hidup di dalam negara Islam dan kerana pemeliharaan peraturan dan ketertiban umum yang menjamin kelompok Muslimin dapat meni'matinya dengan aman, juga menjamin mereka dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti mereka yang baik dengan tenang dan tenteram. Semuanya amat perlu sama dengan perlunya keamanan individu-individu, malah lebih perlu lagi, kerana keamanan individu tidak mungkin direalisasikan melainkan dengan keamanan kelompok. Lebih-lebih lagi dalam rangka usaha untuk memelihara contoh masyarakat yang baik dan memberi kepadanya segala jaminan kestabilannya di samping membolehkan semua individu melaksanakan aktivitinya yang baik dan membolehkan kehidupan insaniyah meningkat maju dan membuahkan pencapaian yang baik di bawah naungannya dan seterusnya membolehkan kuntum-kuntum bunga kebaikan, pengeluaran dan kemajuan berkembang indah di dalam suasananya.....terutama masyarakat ini menyediakan seluruh jaminan hidup untuk semua orang dan mengembangkan di sekeliling mereka suasana sihat yang dapat menumbuhkan benih-benih kebaikan dan mengeringkan benih-benih kejahatan. Seterusnya masyarakat ini juga berusaha mengadakan langkah-langkah pencegahan sebelum langkah-langkah pengubatan. Kemudian barulah ia mengubati mana-mana penyakit yang tidak dapat diatasi oleh sarana pencegahan. Di samping itu ia tidak meninggalkan sebarang dorongan atau alasan kepada seseorang yang normal untuk cenderung ke arah kejahatan dan melakukan pencerobohan. Oleh sebab itu mana-mana orang yang masih sanggup mengancam keselamatan seseorang individu - selepas diberi seluruh jaminan itu - adalah dianggap satu anasir jahat yang pasti dibenteraskan selama ia tidak mahu pulang ke pangkal jalan yang benar.

Kini (ayat yang berikut) menjelaskan hukuman terhadap anasir yang jahat ini, iaitu hukuman yang terkenal di dalam syari'at Islam dengan hukum hudud Hirabah atau pemberontakan:

إِنَّمَا جَزَٰٓؤُاْ ٱلَّذِينَ يُحَارِبُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَسۡعَوۡنَ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَسَادًا أَن يُقَتَّلُوٓاْ أَوۡ يُصَلَّبُوٓاْ أَوۡ تُقَطَّعَ أَيۡدِيهِمۡ وَأَرۡجُلُهُم مِّنۡ خِلَٰفٍ أَوۡ يُنفَوۡاْ مِنَ ٱلۡأَرۡضِۚ ذَٰلِكَ لَهُمۡ خِزۡيٞ فِي ٱلدُّنۡيَاۖ وَلَهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ٣٣ إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُواْ مِن قَبۡلِ أَن تَقۡدِرُواْ عَلَيۡهِمۡۖ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٣٤

"Sesungguhnya balasan (yang setimpal) bagi orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan berusaha melakukan kerosakan di bumi ialah mereka dihukum bunuh atau dihukum salib atau dipotong tangan dan kaki mereka secara berselang atau dibuang negeri demikianlah mereka mendapat kehinaan di dunia dan di Akhirat kelak mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar (33). Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkap mereka. Oleh itu, ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(34)

Jenayah Memberontak Menentang Kerajaan Islam

Definisi jenayah memberontak sebagaimana yang diterangkan oleh ayat ini ialah penderhakaan terhadap pemerintah Islam yang memerintah dengan syari'at Allah dan mengadakan perkumpulan dalam bentuk gerombolan yang menentang kekuasaan pemerintah Islam ini, menakut-nakutkan penduduk negara Islam dan menceroboh nyawa, harta benda dan kehormatan mereka. Setengah-setengah fuqaha, mensyaratkan gerakan pemberontakan itu berlaku di luar kota yang jauh dari daerah kekuasaan pemerintah, sementara fuqaha-fuqaha yang lain berpendapat bahawa perbuatan mengadakan kumpulan dalam bentuk gerombolan yang seperti ini dan penglibatannya menceroboh penduduk negara Islam dengan kekerasan itu sahaja sudah cukup untuk menjadikan ayat ini mencakup sama ada mereka bertindak di luar kota atau di dalam kota. Pendapat ini adalah lebih hampir dengan realiti yang berlaku untuk dihadapi dengan tindakan-tindakan yang wajar.

Para pemberontak yang menentang satu pemerintah yang memerintah dengan syari'at Allah dan menceroboh keselamatan penduduk negara Islam yang mengamalkan syari'at Islam (sama ada mereka orang-orang Islam atau orang-orang Zimmi atau orang-orang yang diberi perlindungan keselamatan melalui perjanjian) bukan sahaja memerangi pemerintah dan orang ramai sahaja, malah mereka sebenarnya memerangi Allah dan Rasul-Nya apabila mereka menentang syari'at-Nya dan menceroboh umat Islam yang berdiri teguh di atas syari'at Allah. Mereka mengancam keselamatan negara Islam yang diperintah dengan syari'at Allah. Di samping mereka memerangi Allah dan Rasul-Nya, memerangi syari'at Allah dan umat yang berdiri teguh di atasnya dan memerangi negara yang menjalankan syari'at Allah, mereka juga melakukan kerosakan di bumi. Oleh itu tidak ada kerosakan yang lebih buruk dan keji dari perbuatan dan percubaan melumpuhkan syari'at Allah dan mengancam keamanan negara yang menjalankan syari'at Allah.

Mereka sebenarnya memerangi Allah dan Rasul-Nya walaupun pada lahirnya mereka memerangi kelompok Muslimin dan pemerintah Islam. Mereka tentulah tidak memerangi Allah dengan mata pedang dan mereka mungkin tidak memerangi peribadi Rasulullah s.a.w. selepas beliau dipilih dan diwafatkan Allah Ar-Rafiqul-A'la, tetapi perbuatan memerangi

Allah dan Rasul-Nya terbukti dengan perbuatan memerangi syari'at Allah dan Rasul-Nya, memerangi kelompok yang redha dengan syari'at Allah dan Rasul-Nya dan memerangi negara yang menjalankan syari'at Allah dan Rasul-Nya.

Ayat ini juga mempunyai satu pengertian lain yang sama kepastiannya dengan kepastian pengertian ini, iaitu kuasa yang berhak menjunjung perintah Allah untuk menghukum para penderhaka dan pemberontak yang menentang Allah itu dengan hukum-hukum yang telah ditetapkan Allah bagi jenayah ini ialah kuasa yang ditegakkan di atas syari'at Allah dan Rasul-Nya di dalam negara Islam yang diperintah dengan syari'at Islam, bukannya sebarang kuasa yang tidak mempunyai sifat ini dan bukannya di sebarang negeri yang tidak mempunyai sifat ini.

Kami jelaskan hakikat ini dengan terang, kerana setengah-setengah pengampu pemerintah di setiap zaman memberi fatwa kepada pemerintah-pemerintah yang tidak mengambil kuasa mereka dari syari'at Allah dan tidak melaksanakan syari'at Allah dan tidak berusaha untuk merealisasikan kewujudan negara Islam di negeri mereka walaupun mereka mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam - bahawa mereka boleh menghukumkan para penderhaka dan pemberontak itu dengan hukum-hukum ini di atas nama syari'at Allah, sedangkan para penderhaka dan pemberontak itu tidak memerangi Allah dan Rasul-Nya, malah mereka memerangi pemerintah yang menentang Allah dan Rasul-Nya.

Mana-mana pemerintah yang tidak ditegakkan di atas syari'at Allah di dalam negara Islam tidak berhak menghukumkan para penderhaka ini di atas nama syari'at Allah. Apakah kaitan pemerintah ini dengan syari'at Allah? Sedangkan ia merampas hak Uluhiyah dan mendakwa mempunyainya. Apakah hak ia membabitkan undang-undang Allah dan mendakwanya?

Balasan terhadap orang-orang yang menganggotai gerombolan yang bersenjata yang memberontak terhadap kuasa pemerintah Islam yang menegakkan syari'at Allah dan mengancam keamanan hamba-hamba Allah di dalam negara Islam serta menceroboh harta benda mereka, nyawa mereka dan kehormatan mereka ialah mereka dikenakan hukum bunuh biasa atau disalib sehingga mati. (Setengah fuqaha mentafsirkan maksud "disalib" di dalam ayat ini ialah disalib selepas menjalani hukuman bunuh untuk menakutkan orang ramai) atau dipotong tangan kanan mereka bersama kaki kiri mereka secara berselang.

Satu perbezaan pendapat yang luas telah beraku di kalangan para fuqaha tentang maksud ayat ini, iaitu sama ada pemerintah bebas membuat pilihan terhadap hukuman-hukuman ini atau di sana telah ditentukan hukuman yang tertentu bagi setiap jenayah yang dilakukan oleh pemberontak-pemberontak itu.

"Para fuqaha" di dalam mazhab Abu Hanifah, as-Syafie dan Ahmad berpendapat bahawa hukuman-hukuman itu diatur mengikut jenayah yang berlaku, iaitu sesiapa yang membunuh tetapi tidak menyamun harta benda, maka ia dikenakan hukuman bunuh dan sesiapa yang menyamun harta benda tetapi tidak membunuh, maka dikenakan hukuman potong dan sesiapa yang membunuh dan menyamun harta benda, maka ia dikenakan hukuman bunuh dan disalib, dan sesiapa yang menakut-nakutkan atau mengancam keamanan di jalan-jalan, tetapi tidak membunuh dan tidak pula menyamun harta benda, maka ia dikenakan hukuman buang negeri.

"Al-Imam Malik berpendapat apabila penderhaka itu melakukan pembunuhan, maka pastilah dihukum bunuh dan pemerintah tidak mempunyai pilihan untuk mengenakannya hukuman potong dan tidak pula mempunyai pilihan untuk mengenakannya hukuman buang negeri. Pemerintah hanya diberi pilihan mengenakan hukuman bunuh atau hukuman salib, tetapi jika ia menyamun harta benda tanpa melakukan pembunuhan, maka pemerintah tidak mempunyai pilihan untuk mengenakannya hukuman buang negeri. Dalam kes ini pemerintah hanya diberi pilihan mengenakan hukuman bunuh atau mengenakan hukuman salib atau mengenakan hukuman potong kaki tangan secara berselang. Tetapi jika ia menakut-nakutkan atau mengancam keamanan di jalan-jalan sahaja, maka pemerintah diberi pilihan untuk mengenakannya hukuman bunuh atau hukuman salib atau hukuman potong atau hukuman buang negeri. Maksud diberi pilihan di sisi Al-Imam Malik ialah urusan mengenakan hukuman-hukuman itu adalah terserah kepada ijtihad pemerintah. Oleh itu jika pemberontak itu dari golongan yang mempunyai akal yang cerdik dan daya perancangan, maka jalan ijtihad yang wajar ialah mengenakannya dengan hukuman bunuh atau hukuman salib kerana hukuman potong tidak dapat menolak bahaya kejahatannya, dan jika pemberontak itu dari golongan orang-orang yang tidak mempunyai akal yang cerdik, malah hanya mempunyai kekuatan dan keperkasaan jasmani sahaja, maka hendaklah dikenakan hukuman potong secara berselang. Dan andainya pemberontak itu tidak mempunyai kedua-dua sifat itu, maka hendaklah dihukum dengan hukuman yang lebih ringan iaitu buang negeri dan ta'zir."[18]

Kami memilih pendapat Al-Imam Malik dalam para yang akhir, iaitu hukuman itu boleh dijatuhkan kerana semata-mata memberontak dan melakukan perbuatan menakut-nakutkan di jalan-jalan kerana hukuman ini merupakan langkah-langkah pencegahan yang bertujuan pertama-tama untuk menghalangkan perlakuan jenayah dan mengenakan hukuman yang berat ke atas orang-orang yang

---

[18] *Dari buku "* التشريع الجنائي في الإسلام مقارنا بالقانون الوضعي *" oleh Abdul Qadir 'Audah.*

melakukan kerosakan di bumi yang mengancam keamanan negara Islam dan keamanan kelompok Muslimin yang berdiri teguh di atas syari'at Allah di negara ini, kerana kelompok Muslimin (dan negara Islam) merupakan kelompok dan negara yang paling wajar mendapat keamanan, ketenteraman dan kedamaian.

Para fuqaha juga berbeza pendapat tentang makna buang negeri. Apakah maksud pembuangan itu ialah pembuangan dari bumi tempat ia melakukan jenayah itu atau pembuangan dari bumi tempat ia hidup bebas, iaitu dengan menahannya di dalam penjara atau pembuangan dari bumi seluruhnya dan ini tidak mungkin berlaku kecuali dengan maut.

Kami memilih pembuangan dengan makna pembuangan dari bumi tempat ia melakukan jenayah, iaitu penjenayah itu di buang ke tempat yang jauh, di mana ia merasa asing, dagang dan lemah. Ini adalah satu balasan yang setimpal dengan perbuatannya yang menghuru-harakan orang ramai, menimbulkan ketakutan di kalangan mereka dan melakukan pencerobohan terhadap mereka dengan kekuatan dan kekerasan. Di dalam pembuangan ini ia akan merasa lemah untuk melakukan jenayahnya dengan sebab kelemahan kaumnya dan dengan sebab kedudukannya yang tersisih dari gerombolannya.

ذَٰلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا ۖ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

"Demikianlah mereka mendapat kehinaan di dunia dan di Akhirat kelak mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar."(33)

Di sini jelaslah bahawa balasan yang diterima mereka di dunia ini tidak menggugurkan 'azab Akhirat dari mereka. Ia tidak membersihkan mereka dari kecemaran jenayah itu seperti setengah-setengah hukum hudud yang lain. Ini juga merupakan pengenaan hukuman yang berat dan pandangan yang keji terhadap jenayah itu, kerana kelompok Muslimin yang berada di dalam negara Islam pastilah hidup aman tenteram dan kerana kuasa kerajaan Islam yang tegak di atas syari'at Allah itu pastilah dita'ati dan dipatuhi dan kerana negara ini merupakan satu persekitaran yang baik dan luhur yang pasti diberikan segala jaminan untuk membolehkannya berkembang indah. (Dan peraturan syari'at ini) merupakan satu sistem yang adil dan sempurna yang wajib dipelihara dari segala gangguan.

Apabila para pemberontak yang melakukan kerosakan itu kembali ke pangkal jalan dan berhenti melakukan kerosakan sebagai hasil dari kesedaran mereka sendiri terhadap keburukan jenayah itu dan kerana mereka bertaubat kepada Allah dan pulang ke jalan yang lurus, sedangkan mereka masih kuat dan belum dapat diberkas oleh kuasa pemerintah, maka gugurlah jenayah mereka bersama-sama hukumannya sekali dan pihak pemerintah tidak mempunyai apa-apa jalan lagi untuk mengganggu mereka. Allah Maha Pengampun terhadap mereka dan Maha Pengasih kepada mereka dalam hisab yang terakhir:

"Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkap mereka. Oleh itu, ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(34)

Hikmat menggugurkan jenayah dan balasan dalam kes ini amat jelas dipandang dari dua aspek:

Pertama: Menghargai taubat mereka - sedangkan mereka masih boleh melakukan pencerobohan - dan memandang taubat itu sebagai alamat kebaikan dan mendapat hidayat.

Kedua: Menggalakkan mereka bertaubat dan menjimatkan tenaga memerangi mereka dengan cara yang lebih mudah.

Sistem hidup Islam melayani tabi'at manusia dengan layanan yang mencakupi segala perasaannya, segala liku-liku jalannya dan segala kemungkinan-kemungkinannya. Allah yang telah meredhakan sistem ini kepada manusia Dialah juga Pencipta tabi'at ini dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala liku-liku jalannya dan Maha Arif dengan segala sesuatu yang memberi kebaikan kepadanya dan sesuai dengannya.

"Masakan Allah yang telah menciptakan (manusia) tidak mengetahui (rahsia hatinya), sedangkan Dia Maha Halus dan Maha Mengetahui."

(Surah Al-Mulk: 14)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 37)

Sistem hidup Rabbani bukan hanya mengawal manusia dengan kekuatan undang-undang semata-mata, malah ia turut mengangkat pedang undang-undang dan menghunuskannya agar orang-orang degil yang tidak dapat ditahan melainkan dengan kekuatan pedang itu dapat menahan diri mereka dari melakukan kejahatan, tetapi penekanan utama sistem ini ialah melancarkan usaha mentarbiyah hati, membetul tabi'at dan memberi hidayat kepada jiwa di samping membangun masyarakat yang dapat menyuburkan benih kebaikan dan melayukan benih-benih kejahatan. Oleh sebab itu sebaik sahaja selesai mengancamkan (para penderhaka) dengan hukuman-hukuman yang berat, maka ayat yang berikut terus mengambil jalan menuju ke dalam hati dan jiwa mereka, di mana ia merangsangkan perasaan-perasaan taqwa dan menggalakkannya agar mencari

jalan atau wasilah menuju kepada Allah dan berjihad di jalan Allah dengan harapan mencapai kejayaan dan keberuntungan dan menakut-nakutkan mereka dari ditimpa akibat-akibat dari perbuatan kufur terhadap Allah di samping menggambarkan nasib kesudahan orang-orang kafir di Akhirat dengan gambaran yang mengeri supaya mereka menaruh ketakutan dan mengambil i'tibar:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱبْتَغُوٓا۟ إِلَيْهِ ٱلْوَسِيلَةَ وَجَٰهِدُوا۟ فِى سَبِيلِهِۦ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣٥﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْ أَنَّ لَهُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُۥ مَعَهُۥ لِيَفْتَدُوا۟ بِهِۦ مِنْ عَذَابِ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَا تُقُبِّلَ مِنْهُمْ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٣٦﴾ يُرِيدُونَ أَن يَخْرُجُوا۟ مِنَ ٱلنَّارِ وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ مِنْهَا ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٣٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan hendaklah kamu mencari jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya dan hendaklah kamu berjihad pada jalan Allah supaya kamu mendapat keberuntungan (35). Sesungguhnya orang-orang yang kafir jika diandaikan setiap mereka memiliki segala isi bumi ini dan sebanyak itu lagi ada bersamanya untuk (bayaran) menebus diri mereka dari 'azab hari qiamat, nescaya tidak akan diterima dari mereka dan mereka tetap akan memperoleh 'azab yang amat pedih (36). Mereka mahu keluar dari Neraka, namun mereka tidak akan dapat keluar darinya dan mereka akan memperoleh 'azab yang berkekalan."(37)

Sistem Rabbani yang sepadu ini mengawal jiwa manusia dari segala sudutnya. Ia berbicara dengan diri manusia dari segala pintunya. Ia memetik segala tali perasaan mereka yang hidup ketika ia mendorongkan mereka ke arah keta'atan dan menahan mereka dari perlakuan maksiat. Matlamat utama sistem Rabbani ialah membetulkan jiwa manusia dan mencegahkannya dari menyeleweng, sedangkan hukuman itu hanya merupakan satu sarana dari berbagai-bagai sarana. Hukuman itu bukannya matlamat yang akhir dan bukan pula merupakan sarana yang tunggal.

Di sini kita dapat melihat Al-Qur'an memulakan pusingan ini dengan kisah dua putera Adam a.s. kemudian diikuti dengan menjelaskan hukum-hukumnya yang menggigilkan hati kemudian akhirnya diiringi dengan seruan yang mengajak bertaqwa kepada Allah dan takut kepada balasannya dan serentak dengan seruan itu dikemukakan gambaran hukuman-hukuman yang ngeri ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah." (35)

Kekuatan Taqwa Di Samping Kekuatan Undang-undang

Ketakutan itu seharusnya kepada Allah, kerana ketakutan yang seperti ini sahaja merupakan ketakutan yang layak dengan kehormatan manusia. Adapun takut kepada mata pedang dan cemeti adalah takut dari martabat yang rendah. Ketakutan ini hanya terbit dari hati-hati yang rendah. Takut kepada Allah adalah lebih utama, lebih mulia dan lebih bersih. Taqwa kepada Allah itulah yang menemani hati nurani sama ada dalam sulit atau dalam terang. Taqwalah yang mencegah perlakuan kejahatan dalam situasi-situasi, di mana seseorang itu tidak dilihat oleh manusia dan tidak dicapai oleh tangan-tangan undang-undang. Walaupun undang-undang itu perlu, tetapi ia tidak dapat berdiri sendiri tanpa taqwa kerana kes-kes kejahatan yang terlepas dari tangan undang-undang adalah berlipat kali ganda lebih banyak dari kes-kes yang dapat ditangkap oleh undang-undang. Tidak ada kebaikan bagi hati dan masyarakat yang berdiri di atas undang-undang sahaja tanpa pengawasan ghaib atau batin di belakangnya dan tanpa kuasa Ilahi yang ditakuti oleh hati nurani.

وَٱبْتَغُوٓا۟ إِلَيْهِ ٱلْوَسِيلَةَ

"Dan hendaklah kamu mencari jalan yang menyampaikan kepada-Nya." (35)

Bertaqwalah kepada Allah dan carilah wasilah atau sarana yang boleh membawa kepada Allah iaitu carilah segala punca dan jalan yang boleh menghubungkan kamu dengan Allah. Mengikut satu riwayat dari ibn Abbas maksudnya "Hendaklah kamu mencari jalan yang menyampaikan kamu kepada-Nya" ialah "carilah hajat untuk kamu kemukakan kepada Allah", kerana ketika manusia itu merasa bahawa ia berkehendak kepada Allah dan ketika mereka memohon sesuatu hajat kepada Allah, maka di waktu itu mereka berada dalam kedudukan 'Ubudiyah yang betul di hadapan Rububiyah, iaitu berada dalam posisi yang paling baik dan paling dekat-kepada kejayaan dan keberuntungan. Kedua-dua pentafsiran ini sesuai belaka dengan ungkapan ayat ini dan kedua-duanya membawa kebaikan kepada hati dan membawa hayat kepada hati nurani yang akan berakhir dengan kejayaan dan keberuntungan yang diharap-harapkan itu.

"Supaya kamu mendapat keberuntungan."(35)

Di sebelah tebing yang lain ditayangkan pemandangan orang-orang kafir yang tidak bertaqwa kepada Allah dan tidak berusaha mencari jalan yang menyampaikan kepada Allah dan tidak memperolehi

kejayaan dan keberuntungan. Ia adalah satu pemandangan yang hidup dan terpampang di hadapan mata, satu pemandangan yang tidak diungkapkan oleh ayat Al-Qur'an dalam bentuk mengemukakan sifat-sifat dan penjelasan-penjelasan, tetapi diungkapkan dalam bentuk harakat-harakat dan emosi-emosi mengikut cara gaya Al-Qur'an melukiskan pemandangan-pemandangan qiamat dan menyampaikan kebanyakan tujuan-tujuannya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَوۡ أَنَّ لَهُم مَّا فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعٗا وَمِثۡلَهُۥ مَعَهُۥ لِيَفۡتَدُواْ بِهِۦ مِنۡ عَذَابِ يَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِ مَا تُقُبِّلَ مِنۡهُمۡۖ وَلَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ٣٦ يُرِيدُونَ أَن يَخۡرُجُواْ مِنَ ٱلنَّارِ وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ مِنۡهَاۖ وَلَهُمۡ عَذَابٞ مُّقِيمٞ ٣٧

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir jika diandaikan setiap mereka memiliki segala isi bumi ini dan sebanyak itu lagi ada bersamanya untuk (bayaran) menebus diri mereka dari 'azab hari Kiamat, nescaya tidak akan diterima dari mereka dan mereka tetap akan memperolehi 'azab yang amat pedih (36). Mereka mahu keluar dari Neraka, namun mereka tidak akan dapat keluar darinya dan mereka akan memperolehi 'azab yang berkekalan."(37)

Setinggi-tinggi yang dapat digambarkan oleh daya khayal untuk membuat andaian ialah orang-orang kafir diandaikan memiliki segala isi bumi, tetapi Al-Qur'an membuat andaian yang lebih tinggi lagi dari daya khayal di alam andaian itu, iaitu Al-Qur'an mengandaikan orang-orang kafir memiliki segala isi bumi dan memiliki pula sebanyak sekali ganda lagi seperti isi bumi itu. (Dengan andaian ini) Al-Qur'an menggambarkan bagaimana orang-orang kafir itu berhempas pulas berusaha untuk menebuskan diri mereka dengan milik-milik itu supaya mereka terselamat dari 'azab hari Kiamat. Di samping itu Al-Qur'an melukiskan pemandangan bagaimana orang-orang kafir berhempas pulas cuba mengeluarkan diri mereka dari Neraka, tetapi usaha mereka gagal mencapai matlamatnya dan mereka tetap kekal di dalam 'azab yang amat pedih dan berterusan.

Itulah satu pemandangan fizikal yang mempunyai senario-senario dan harakat-harakat yang berturut-turut, iaitu senario orang-orang kafir bersama dengan isi bumi dan dengan sebanyak sekali ganda lagi seperti isi bumi itu. Senario mereka sedang menawarkan segala isi bumi itu sebagai bayaran untuk membebaskan diri mereka, senario mereka sedang mengalami kekecewaan kerana permintaan mereka gagal dan harapan mereka tidak diterima, senario mereka sedang masuk Neraka, senario mereka sedang berusaha berhempas pulas untuk keluar dari Neraka dan senario mereka dipaksa hidup kekal abadi di dalam Neraka. Di sini tirai pun di labuh dan mereka tinggal di sana buat selama-lamanya.[19]

Di akhir pelajaran ini dikemukakan pula hukuman kerana kesalahan mencuri:

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 40)

وَٱلسَّارِقُ وَٱلسَّارِقَةُ فَٱقۡطَعُوٓاْ أَيۡدِيَهُمَا جَزَآءَۢ بِمَا كَسَبَا نَكَٰلٗا مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٞ ٣٨ فَمَن تَابَ مِنۢ بَعۡدِ ظُلۡمِهِۦ وَأَصۡلَحَ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَتُوبُ عَلَيۡهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٌ ٣٩ أَلَمۡ تَعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ يُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ وَيَغۡفِرُ لِمَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ٤٠

"Dan pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah kamu potong tangan kedua mereka sebagai balasan jenayah yang telah dilakukan mereka dan sebagai satu hukuman keseksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (38). Sesiapa yang bertaubat selepas ia melakukan jenayah mencuri yang zalim itu dan memperbaiki dirinya, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (39). Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah memiliki kerajaan langit dan bumi? Dia meng'azabkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(40)

Jenayah Mencuri Dan Hukumannya

Masyarakat Islam memberi segala jaminan yang diperlukan oleh semua rakyat negara Islam - yang terdiri dari berbagai-bagai penganut agama - hingga ia dapat menolak dari fikiran setiap individu yang normal keinginan hendak mencuri. Islam memberi jaminan hidup dan jaminan kecukupan, jaminan-jaminan pendidikan dan pembaikan akhlak dan jaminan pengagihan kekayaan yang adil. Dan dalam waktu yang sama Islam menjadikan setiap milik individu dalam masyarakat itu adalah hasil dari pendapatan yang halal dan seterusnya menjadikan milik individu itu mempunyai tugas kemasyarakatan yang memberi manfa'at kepada masyarakat dan tidak menyakitinya, kerana wujudnya semua jaminan-jaminan inilah masyarakat Islam dapat menolak keinginan hendak mencuri dari setiap fikiran individu yang normal. Oleh sebab itu masyarakat Islam berhak

---

[19] *Lihat fasal "طريقة القرآن" dari buku "* التصوير الفني في القرآن*"*

mengenakan hukuman yang berat ke atas kesalahan mencuri, kesalahan menceroboh milik individu dan kesalahan menceroboh keamanan dan keselamatan kelompok Muslimin, namun begitu hukuman ini akan ditolak oleh pengadilan apabila terdapat keraguan-keraguan yang tertentu dan pihak tertuduh tetap diberi jaminan-jaminan yang sempurna agar ia tidak dihukum tanpa bukti-bukti yang kukuh.

Mungkin elok dan sesuai andainya di sini kami memberi sedikit penjelasan mengenai pandangan umum ini.

Sistem hidup Islam adalah satu sistem kulli atau semesta yang sepadu. Oleh sebab itu hikmat dari undang-undang juz'inya tidak dapat difahami dengan sempurna melainkan apabila dilihat dan diteliti tabi'at sistem itu sendiri, lunas-lunasnya, dasar-dasarnya dan jaminan-jaminannya. Begitu juga undang-undang juz'i ini adalah tidak sesuai dilaksanakan kecuali seluruh sistem itu diambil dan dipraktikkan kesemuanya. Adapun berpada dengan mengambil dan mempraktikkan sesuatu hukum dari hukum-hukum Islam atau sesuatu dasar dari dasar-dasarnya di bawah naungan satu sistem yang tidak semuanya bercorak Islam, maka ia tidak memberi apa-apa guna, dan hukum yang diambil dari Islam secara serpihan dan dipraktikkannya itu adalah tidak dikira sebagai pelaksanaan sistem Islam, kerana sistem Islam bukannya serpihan-serpihan dan caingan-caingan, malah sistem Islam adalah satu sistem yang bersepadu, di mana pelaksanaannya adalah mencakup seluruh aspek kehidupan.

Ini adalah pandangan secara umum dan adapun pandangan secara khusus mengenai persoalan jenayah mencuri, maka hakikatnya tidak berbeza.

Islam bertitik tolak dengan menetapkan hak hidup bagi setiap individu di dalam masyarakat Islam di negara Islam, juga menetapkan haknya di dalam segala sarana yang perlu untuk memelihara kehidupan. Setiap individu berhak untuk makan dan minum, untuk mendapat pakaian dan rumah tempat ia berteduh dan mendapat ketenangan dan kerehatan. Setiap individu berhak meletakkan tanggungjawab ke atas kelompok, Muslimin - dan di atas kerajaan yang mewakili kelompok Muslimin - untuk mendapatkan keperluan-keperluan ini, iaitu mula-mula melalui sarana bekerja - selama ia mampu bekerja - dan di sini tanggungjawab kelompok Muslimin dan kerajaan yang mewakili kelompok ialah mengajar ia bekerja dan menyediakan untuknya kemudahan-kemudahan dan alat-alat kerja. Apabila ia menganggur kerana tidak ada pekerjaan atau tidak mempunyai alat-alat kerja atau kerana tidak mempunyai kemampuan bekerja sama ada tidak mampu langsung atau kurang mampu dan sama ada tidak mampu untuk sementara waktu atau untuk selama-lama atau pendapatan pekerjaannya tidak mencukupi untuk menampung keperluan-keperluannya, maka ia berhak menyempurnakan keperluan-keperluannya itu dari beberapa sumber: Pertama, dari nafkah yang diwajibkan syara' untuknya ke atas orang-orang yang mampu di dalam keluarganya. Kedua, dari nafkah yang diwajibkan syara' ke atas orang-orang yang mampu dari penduduk setempatnya. Ketiga, dari harta Baitulmal, iaitu dari bahagiannya yang telah ditentukan syara' untuknya di dalam harta zakat dan andainya pungutan harta zakat tidak memadai, maka kerajaan Islam yang menjalankan semua syari'at Islam di dalam negara Islam berkewajipan mengenakan pungutan ke atas orang-orang yang berada sekadar yang cukup untuk menampung keperluan-keperluan orang-orang yang tidak berada, iaitu pungutan yang tidak melebihi batas ini dan tidak boleh diluaskan lebih dari itu tanpa sesuatu keperluan yang mendesak dan tanpa menganiayai milik individu yang dihasilkan dari pendapatan yang halal.

Islam juga mengambil langkah yang ketat dalam rangka usaha membataskan sarana-sarana mencari dan mengumpul harta kekayaan. Oleh itu dalam sistem Islam milik individu pastilah dari hasil pencarian yang halal. Oleh sebab itu milik individu dalam masyarakat Islam tidak menimbulkan hasad dengki orang-orang yang tidak berada dan tidak merangsangkan ketamakan mereka untuk merampas harta milik orang lain. Apatah lagi sistem Islam memberi jaminan kecukupan kepada mereka dan tidak membiarkan mereka terus tidak berada dan menderita.

Islam mendidik hati nurani dan akhlak manusia. Ia mendorong pemikiran mereka ke arah bekerja dan mencari pendapatan dengan jalan bekerja bukannya mendorong mereka ke arah mencuri dan mencari pendapatan dengan jalan mencuri. Apabila pekerjaan tidak ada atau tidak mencukupi untuk menampung keperluan-keperluan mereka, maka Islam akan memberi kepada mereka hak mereka yang halal melalui sarana-sarana yang bersih dan mulia.

Oleh itu mengapa pencuri masih mahu mencuri di bawah naungan sistem hidup yang seperti ini? Dia mencuri bukan untuk memenuhi keperluan, malah dia mencuri kerana tamak memiliki kekayaan tanpa melalui saluran bekerja, sedangkan kekayaan itu tidak seharusnya dicari melalui perbuatan jenayah yang mengancam keamanan dan keselamatan kelompok Muslimin di dalam negara Islam dan menafikan hak mereka untuk meni'mati keamanan dan ketenteraman di samping menafikan hak pemilik-pemilik kekayaan untuk merasa aman tenteram terhadap harta kekayaan mereka yang halal.

Kewajipan setiap individu di dalam masyarakat yang seperti ini ialah mencari harta kekayaan dari sumber yang halal bukannya dari sumber riba, bukan dari kegiatan menipu dan menyorok barang-barang dagangan untuk mendapat harga yang tinggi dan bukan dari hasil memakan upah para pekerja. Kemudian (setelah mendapat kekayaan) hendaklah ia mengeluarkan zakatnya dan menghulurkan

bantuan-bantuan yang diperlukan oleh kelompok Muslimin selain dari mengeluarkan zakat.

Setiap individu yang hidup dalam masyarakat yang seperti ini adalah berhak untuk meni'mati keamanan terhadap harta kekayaan milik peribadinya dan agar harta kekayaannya itu tidak dibebaskan kepada pencurian-pencurian atau sebagainya.

Jika masih ada orang yang mencuri selepas diberi jaminan-jaminan ini, sedangkan keperluan-keperluannya cukup dan dia benar-benar mengetahui hukum keharaman jenayah mencuri dan motifnya bukan kerana didorong oleh perasaan hasad untuk merampas harta orang-orang lain, kerana mereka tidak mendapat kekayaan mereka dengan merampas dan menyamun dan tidak pula mengumpulkan kekayaan itu dari sumber pencarian yang haram..... Andainya ia masih mencuri dalam keadaan-keadaan seperti ini, maka bererti ia mencuri tanpa suatu alasan yang wajar dan kerana itu tiada siapa pun yang harus menaruh kasihan belas kepadanya apabila thabit kesalahannya.

Tetapi jika terdapat sesuatu keraguan seperti mencuri kerana memenuhi sesuatu keperluan atau lainnya, maka dasar umum di dalam Islam ialah "Menahan hukuman hudud dengan sebab adanya keraguan-keraguan itu" (درء الحدود بالشبهات). Oleh sebab itu Khalifah Umar r.a. tidak menjalankan hukuman potong tangan pada tahun kemarau yang berpanjangan, di mana kebuluran berlaku di merata tempat. Begitu juga beliau tidak menjalankan hukuman potong tangan dalam satu kes yang tertentu, iaitu ketika dua orang hamba Ibn Hatib ibn Abi Balta'ah mencuri seekor unta kepunyaan seorang lelaki dari Suku Muzaynah. Mula-mula beliau memerintah supaya mereka dihukum potong tangan, tetapi apabila beliau mengetahui bahawa tuanmas mereka telah membiarkan mereka kebuluran, beliau pun menahan hukuman itu dan mendenda tuanmas mereka sebanyak sekali ganda harga unta itu sebagai hukuman disiplin.

Demikianlah cara yang seharusnya difaham tentang hukuman-hukuman hudud Islam yang dijalankan di bawah naungan sistemnya yang sepadu, iaitu sistem yang memberi jaminan kepada semua golongan rakyat bukannya kepada satu golongan rakyat dengan mengabaikan golongan rakyat yang lain, sistem yang mengambil langkah-langkah pencegahan sebelum menjalankan sebab-sebab hukuman dan sistem yang tidak menghukum kecuali ke atas pencabul-pencabul undang-undang yang melakukan pencabulan mereka tanpa sesuatu sebab yang wajar.

Selepas diterangkan hakikat umum ini dapatlah kita membicarakan tentang definasi mencuri.

Mencuri ialah mengambil harta kepunyaan orang lain yang disimpan di tempat yang terkawal dan sulit dan harta yang diambil itu pastilah harta yang bernilai. Kadar yang telah dipersetujui oleh semua ahli-ahli perundangan Islam ialah bahawa kadar harta yang diambil dari tempat simpanannya yang sulit itu hendaklah menyamai nilai seperempat dinar iaitu kira-kira dua puluh lima Qurush dengan matawang kita (Mesir) sekarang dan harta yang diambil itu pastilah disimpan di tempatnya yang terkawal dan pencuri itu mengambil harta itu dari tempat simpanannya dan mengeluarkannya dari tempat simpanan itu. Oleh itu tidak dikenakan hukuman potong misalnya ke atas pemegang amanah harta tertentu apabila ia mencurinya. Orang gaji yang diizinkan masuk ke dalam rumah tidak boleh dikenakan hukuman potong kerana harta itu tidak dikawalkan darinya. Begitu juga hukuman potong tidak boleh dikenakan ke atas peminjam apabila ia ingkarkan pinjaman itu. Pencuri buah-buahan di ladang tidak dikenakan hukuman potong sehingga buah-buahan itu disimpan di tempatnya yang khusus. Begitu juga hukuman potong tidak dikenakan ke atas orang yang mengambil harta di luar rumah atau di luar peti simpanannya. Demikianlah seterusnya. Harta yang tersimpan itu pastilah harta kepunyaan orang lain. Oleh itu tidak dikenakan hukuman potong apabila seseorang kongsi mencuri harta kongsinya kerana harta itu bukannya milik tulen orang lain. Orang yang mencuri harta Baitulmal tidak dikenakan hukuman potong kerana dia juga mempunyai habuan dalam harta itu dan kerana harta itu juga bukannya milik tulen orang lain. Hukuman dalam kes-kes yang seperti ini bukannya potong tangan, tetapi dikenakan hukuman ta'zir, (iaitu hukuman di bawah hukuman hudud seperti dikenakan hukuman penjara, hukuman dicela atau diberi nasihat-nasihat yang baik dalam kes-kes yang sesuai dengannya mengikut pertimbangan Qadhi dan keadaan-keadaan sekelilingnya.)

Tangan yang dipotong itu ialah tangan kanan sehingga ke pergelangan dan apabila ia kembali mencuri (kali yang kedua), maka yang dipotong ialah kaki kiri sehingga ke buku lali. Inilah kadar potong yang dipersetujui sebulat oleh para fuqaha'. Kemudian para fuqaha' berbeza pendapat mengenai hukuman ke atas pencurian kali yang ketiga dan keempat.

Keraguan itu boleh menolak hukuman hudud. Oleh itu mencuri kerana kebuluran dan keperluan boleh menolak hukuman had. Wujudnya perkongsian harta merupakan suatu keraguan yang boleh menolak hukum hudud. Penarikan balik pengakuan mencuri dalam kes yang tidak ada saksi merupakan suatu keraguan yang boleh menolak hukum hudud. Penarikan balik kesaksian para saksi juga merupakan suatu keraguan. Demikianlah seterusnya.

Para fuqaha' telah berbeza pendapat tentang perkara-perkara yang dapat dianggap sebagai "Keraguan". Misalnya al-Imam Abu Hanifah menolak hukuman hudud dalam kes mencuri sesuatu yang pada asalnya diharuskan/dibebaskan kepada umum walaupun sesuatu yang diharuskan itu telah diambil dan disimpan orang lain - seperti mencuri air setelah

ia diambil dan disimpan orang lain dan mencuri binatang buruan yang telah ditangkap orang lain, kerana air dan buruan pada asalnya merupakan bahan-bahan yang diharuskan/dibebaskan kepada umum, sedangkan pengharusan (Ibahah) asal itu mewariskan keraguan bahawa air dan buruan itu kekal dibebaskan kepada umum walaupun setelah diambil orang lain. Perkongsian umum pada air dan buruan mewariskan keraguan bahawa ia kekal dibebaskan kepada umum walaupun setelah diambil orang lain. Sementara al-Imam Malik, al-Imam as-Syafie dan al-Imam Ahmad tidak menolak hukuman hudud dalam kes yang seperti ini. Al-Imam Abu Hanifah menolak hukuman hudud dalam kes mencuri barang-barang yang cepat rosak seperti makanan-makanan basah, sayuran-sayuran, daging, roti dan sebagainya, tetapi (sahabatnya) Abu Yusuf tidak bersetuju dengan pendapat ini dan beliau bersetuju dengan pendapat ketiga-tiga imam itu.

Kami tidak dapat menghuraikan lebih luas lagi tentang perbezaan pendapat para fuqaha' di bidang ini. Oleh itu perincian perbezaan-perbezaan itu bolehlah dicari di dalam buku-buku Fiqah. Kami berpada dengan contoh-contoh ini untuk membuktikan toleransi Islam dan kesungguhannya agar orang-orang yang tertuduh tidak dihukum dengan keraguan-keraguan. Sabda Rasulullah s.a.w.:

إدرؤا الحدود بالشبهات

"Tahanlah hukuman hudud dengan sebab keraguan-keraguan"

Ujar Umar ibn al-Khattab r.a. pula:

لائن أعطل الحدود بالشبهات أحب إلي من أن أقيمها بالشبهات

"Sesungguhnya aku lebih suka menggantungkan hukuman hudud dari menjalankannya dengan keraguan-keraguan."[20]

Tetapi di sini perlulah dikemukakan sepatah kata tentang kesesuaian hukuman potong di dalam kesalahan mencuri setelah diterangkan sebab-sebab mengapa wajib dikenakan hukuman hudud yang berat dan keras ke atas pencuri di dalam masyarakat Islam di negara Islam setelah diadakan sarana-sarana pencegahan dan jaminan-jaminan keadilan.

Hikmat Hukuman Potong Tangan Dalam Jenayah Mencuri

"Sebab dikenakan hukuman potong ke atas jenayah mencuri ialah kerana ketika si pencuri itu berfikir untuk melakukan jenayah mencuri, maka apa yang benar difikirkan olehnya ialah dia ingin menambah pendapatannya dengan pendapatan orang lain. Dia merasa pendapatannya melalui saluran yang halal itu kecil. Oleh itu dia mahu menambahkannya melalui saluran yang haram. Dia tidak memada dengan hasil pendapatan dari pekerjaannya sendiri, kerana itu ia tamak kepada hasil pendapatan dari pekerjaan orang lain. Dia berbuat begitu untuk menambahkan kemampuan berbelanja dan memperagakan diri atau untuk mendapat kerehatan dari kepenatan bekerja atau untuk menjamin masa depannya. Oleh itu motif yang mendorongnya mencuri adalah berpunca dari perhitungan-perhitungan ini, iaitu menambahkan pendapatan atau menambahkan kekayaan. Syari'at Islam telah memerangi motif ini di dalam jiwa manusia dengan menetapkan hukuman potong, kerana pemotongan tangan atau kaki itu akan mengurangkan pendapatan sebab tangan dan kaki merupakan alat bagi semua jenis pekerjaan dan kekurangan pendapatan akan membawa kepada kekurangan kekayaan dan kekurangan kekayaan akan mengurangkan kemampuan berbelanja dan memperagakan diri dan terpaksa bekerja keras dan banyak berusaha dan menimbulkan kebimbangan-kebimbangan yang besar untuk menghadapi masa depan.

"Dengan menetapkan hukuman potong, syari'at Islam dapat menolak faktor-faktor psikologi yang mendesak melakukan jenayah mencuri dengan faktor-faktor psikologi yang menentang desakan itu dan memalingkannya dari jenayah itu. Apabila faktor-faktor psikologi yang mendorong ke arah jenayah itu mendapat kemenangan lalu dia melakukan jenayah itu bagi pertama kalinya, maka hukuman hudud yang diterima olehnya dan kepahitan hukuman itu akan membuat faktor-faktor psikologi yang menentang itu mendapat kemenangan dan membuat ia tidak akan mengulangi jenayah itu bagi kali yang kedua.

"Itulah asas pertimbangan hukuman terhadap jenayah mencuri di dalam syari'at Islam. Dan asas pertimbangan ini pada hemat saya adalah sebaik-baik asas pertimbangan hukuman mencuri sejak wujudnya alam kita ini sehingga sekarang.

"Undang-undang (manusia) mengenakan hukuman penjara ke atas kesalahan mencuri, sedangkan hukuman ini pada umumnya telah gagal membenteraskan jenayah terutama jenayah mencuri, sebab kegagalan ini ialah kerana hukuman penjara tidak dapat mewujudkan di dalam jiwa pencuri faktor-faktor psikologi yang menghindarkannya dari melakukan jenayah itu kerana hukuman penjara tidak menghalang pencuri dari kegiatan bekerja kecuali dalam masa ia berada dalam penjara.[21] Di sini apakah perlunya ia bekerja mencari pendapatan di dalam penjara kerana kehendak-kehendak dan keperluan-keperluannya disediakan secukupnya? Oleh itu apabila ia keluar dari penjara ia dapat bekerja semula mencari pendapatan. Di sana ia mempunyai seluas-luas peluang untuk menambahkan pendapatannya dan menyuburkan kekayaannya sama ada melalui

---

[20] *Lihat buku "* التشريع الجنائي الإسلامي مقارنا بالقانون الوضعي*" oleh Abdul Qadir 'Audah.*

[21] *Setengah-setengah pencuri membuat kerja-kerja yang mendatangkan hasil pendapatan di dalam penjara dengan berbagai-bagai cara sehingga pendapatannya dalam penjara lebih besar dari pendapatan pencariannya di luar penjara.*

saluran yang halal atau saluran yang haram dan dia dapat menipu orang ramai dan dapat berlagak di hadapan mereka dengan perilaku orang yang baik. Oleh itu mereka merasa aman darinya dan bekerjasama dengannya. Pada akhirnya apabila ia berjaya mencapai kehendaknya, maka itulah matlamat yang dikehendakinya, sebaliknya jika ia tidak berjaya, maka ia tidak kerugian apa-apa dan tidak ada apa-apa kemanfa'atan yang penting yang terluput darinya.

"Adapun hukuman potong, maka ia akan menghalangkan pencuri itu dari kebolehan bekerja atau mengurangkan sebahagian besar kemampuan bekerja dan berusaha mencari pendapatan. Oleh itu peluang menambahkan hasil pendapatan tetap hilang dalam segala keadaan dan kekurangan sedikit hasil pendapatan atau terputus langsung pendapatan itulah kemungkinan yang lebih besar dalam kebanyakan kejadian, dan dia tidak akan dapat menipu orang ramai dan mendorong mereka percaya dan bekerjasama dengannya kerana tubuhnya membawa kesan jenayah, iaitu tangannya yang terpotong sentiasa mengiklankan jenayahnya yang telah silam. Oleh itu kesudahan yang tepat kiraannya ialah pencuri itu tetap akan mendapat kerugian jika ia dikenakan potong dan sebaliknya ia tetap akan mendapat keuntungan apabila dikenakan hukuman penjara. Mengikut tabi'at insan seluruhnya - bukannya tabi'at pencuri sahaja - mereka tidak akan berlengah-lengah melakukan mana-mana perbuatan yang tetap memberi keuntungan dan tidak akan melakukan perbuatan yang tetap membawa kerugian.

"Selepas itu saya merasa aneh terhadap mereka yang berkata: Bahawa hukuman potong itu tidak sesuai lagi dengan tahap tamadun dan kemanusiaan yang telah dicapai di zaman kita sekarang ini seolah-olah kemanusiaan dan tamadun menyuruh kita memberi balasan yang baik kepada pencuri kerana melakukan jenayah itu dan menggalakkannya supaya meneruskan kegiatannya yang jahat itu dan supaya kita semua hidup dalam ketakutan dan kecemasan dan supaya kita bekerja keras agar hasil-hasil usaha kita itu dapat dini'mati oleh penganggur-penganggur dan pencuri-pencuri.

"Kemudian sekali lagi saya merasa aneh terhadap mereka yang berkata: Bahawa hukuman potong itu tidak sesuai lagi dengan tahap tamadun dan kemanusiaan yang telah dicapai sekarang ini, seolah-olah tamadun dan kemanusiaan menyuruh kita menolak penemuan ilmu yang baru dan logik yang halus, menyuruh kita melupakan tabi'at manusia, mengabaikan pengalaman-pengalaman umat-umat manusia, mengabaikan akal fikiran kita dan hasil-hasil pemikiran yang dicapai oleh kita supaya kita mengambil pendapat-pendapat yang dikatakan mereka, sedangkan pendapat itu tidak membawa apa-apa alasan selain dari kenyataan yang menakut-nakutkan dan menimbulkan kekeliruan.

"Andainya hukuman yang baik itu benar-benar sesuai dengan tamadun dan kemanusiaan, maka sepatutnya hukuman penjara itulah yang dihapuskan dan hukuman potong itulah yang dikekalkan, kerana hukuman potong adalah dilandaskan di atas asas yang amat kukuh dari hasil pengajian ilmu jiwa, pengajian tabi'at manusia, pengalaman umat-umat manusia dan logik akal dan tabi'at sesuatu itulah asas yang sama dengan asas yang menjadi tapak tegak tamadun dan kemanusiaan, sedangkan hukuman penjara tidak dilandaskan di atas mana-mana asas keilmuan dan pengalaman dan tidak pula sesuai dengan logik akal dan tabi'at sesuatu.

"Asas hukuman potong itu ialah pengajian psikologi manusia dan akalnya. Oleh itu hukuman ini amat sesuai dengan individu-individu dan sekaligus sesuai pula dengan kelompok, kerana ia membawa ke arah mengurangkan jenayah-jenayah dan meng-amankan masyarakat, Dan selama hukuman ini sesuai dengan individu-individu dan kelompok, maka ia adalah hukuman yang paling baik dan paling adil.

"Tetapi semua alasan ini tidak cukup untuk mewajarkan hukuman potong di sisi setengah-setengah orang kerana mereka memandang hukuman potong - sebagaimana dikatakan mereka - suatu hukuman yang kasar dan kejam. Itulah alasan mereka yang awal dan yang akhir dan itulah satu alasan yang lemah, kerana kata-kata hukuman itu sendiri menyarankan balasan dan tidak dinamakan balasan jika ia bersifat lembut dan lemah, malah ia lebih merupakan suatu permainan atau tindakan yang sia-sia atau lain kata-kata yang hampir sama. Kekerasan dan kekasaran pastilah wujud di dalam balasan dan hukuman agar ia tepat dengan namanya".[22]

Allah S.W.T. Tuhan Yang Maha Pengasih telah berfirman ketika memberatkan hukuman ke atas jenayah mencuri:

"Hendaklah kamu potong tangan kedua mereka sebagai balasan jenayah yang telah dilakukan mereka dan sebagai satu hukuman keseksaan dari Allah."(38)

Itulah hukuman keseksaan yang menjerakan dari Allah. Hukuman yang menjera dan mencegahkan dari melakukan jenayah itu adalah suatu rahmat kepada mereka yang berangan-angan melakukan jenayah kerana ia akan mencegah dan menahankan mereka dari melakukannya, juga suatu rahmat kepada kelompok kerana ia dapat menjamin ketenteraman.

---

[22] *Dipetik dari buku:* " التشريع الجنائي الإسلامي مقارنا بالقانون الوضعي" *penggal pertama oleh Abdul Qadir 'Audah.*

Dan tidak akan ada siapa yang berani mendakwa dirinya sebagai orang yang lebih kasihan belas kepada manusia dari Allah yang menciptakan manusia melainkan orang yang buta matahatinya dan padam nur rohnya. Sebenarnya apa yang disaksikan oleh realiti (dalam pelaksanaan syari'at Islam) ialah hukuman potong ini tidak dijalankan dalam masa kira-kira satu abad dari zaman permulaan Islam melainkan ke atas beberapa individu sahaja kerana masyarakat Islam dengan sistemnya (yang sepadu), dengan hukumannya yang keras dan dengan jaminan-jaminannya yang cukup tidak melahir melainkan hanya segelintir pencuri-pencuri ini sahaja.

Kemudian Allah membuka pintu taubat kepada mereka yang ingin bertaubat dengan syarat ia menyesal, kembali ke pangkal jalan dan menahan dirinya (dari kejahatan), tetapi bukan sekadar berhenti di batas-batas yang pasif ini sahaja, malah hendaklah ia mengerjakan amalan yang soleh dan melibatkan diri dalam amalan-amalan kebajikan yang positif:

فَمَن تَابَ مِنۢ بَعۡدِ ظُلۡمِهِۦ وَأَصۡلَحَ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَتُوبُ
عَلَيۡهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٌ ٣٩

"Sesiapa yang bertaubat selepas ia melakukan jenayah mencuri yang zalim itu dan memperbaiki dirinya, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(39)

Perbuatan yang zalim itu adalah satu perbuatan positif yang jahat dan merosakkan. Oleh itu seorang yang telah melakukan perbuatan yang zalim tidak cukup dengan hanya berhenti melakukan kezaliman, malah ia pasti menggantikannya dengan suatu amalan positif yang baik dan membina, namun begitu, persoalan ini di dalam sistem Rabbani adalah lebih mendalam lagi dari ini, kerana jiwa manusia pasti bergerak dan bertindak. Oleh itu apabila ia berhenti dari melakukan kejahatan dan kerosakan dan tidak bergerak melakukan amalan-amalan yang baik dan membina, maka ia akan mewujudkan kekosongan di dalam jiwanya yang boleh membawanya kembali semula kepada kejahatan dan kerosakan, tetapi apabila ia bergerak dan bertindak melakukan amalan-amalan yang baik dan membina, maka ia akan aman dari berpatah balik kepada kejahatan dan kerosakan berkat tindakan positif yang memenuhi kekosongan itu. Sesungguhnya yang mendidik insan dengan sistem ini ialah Allah S.W.T. sendiri, Tuhan yang mencipta manusia dan mengetahui tabi'at manusia yang telah diciptakannya.

Setelah memperkatakan jenayah dan hukuman dan setelah memperkatakan taubat dan keampunan, maka penjelasan ayat-ayat Al-Qur'an (yang berikut) mengiringi memperkatakan pula tentang dasar semesta (kulli) yang menjadi landasan undang-undang pembalasan di dunia dan di Akhirat, iaitu Allah selaku Pencipta alam buana dan Pemiliknya, maka Dialah juga yang memiliki kehendak masyi'ah yang tertinggi dan memiliki kuasa semesta yang menentukan nasib kesudahan alam ini dan nasib kesudahan para penghuninya. Begitu juga Dialah yang mengaturkan undang-undang dan peraturan dalam kehidupan mereka kemudian Dialah pula yang membalaskan amalan-amalan mereka di dunia dan di Akhirat.

أَلَمۡ تَعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ
يُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ وَيَغۡفِرُ لِمَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ٤٠

"Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah memiliki kerajaan langit dan bumi? Dia meng'azabkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(40)

Yang wujud hanya satu kuasa sahaja, iaitu kuasa kerajaan Ilahi. Dari kuasa inilah lahirnya undang-undang dan peraturan di dunia dan dari kuasa inilah juga lahirnya balasan-balasan di alam Akhirat. (Kuasa hanya Esa) tidak berbilang dan tidak berbelahbagi. Urusan hidup manusia tidak boleh menjadi baik melainkan apabila kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan dan kuasa memberi balasan dan hukuman di dunia dan di Akhirat hanya dari satu kuasa sahaja.

لَوۡ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَاۚ

"Jika pada keduanya (langit dan di bumi) ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya keduanya musnah."

(Surah al-Anbia': 22)

وَهُوَ ٱلَّذِي فِي ٱلسَّمَآءِ إِلَٰهٞ وَفِي ٱلۡأَرۡضِ إِلَٰهٞۚ

"Dan Dialah Tuhan (yang dipatuhi) di langit dan Tuhan (yang dipatuhi) di bumi."

(Surah az-Zukhruf: 84)

(Kumpulan ayat-ayat 41 - 50)

۞يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ لَا يَحۡزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ
فِي ٱلۡكُفۡرِ مِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِأَفۡوَٰهِهِمۡ
وَلَمۡ تُؤۡمِن قُلُوبُهُمۡۛ وَمِنَ ٱلَّذِينَ هَادُواْۛ سَمَّٰعُونَ
لِلۡكَذِبِ سَمَّٰعُونَ لِقَوۡمٍ ءَاخَرِينَ لَمۡ يَأۡتُوكَۖ
يُحَرِّفُونَ ٱلۡكَلِمَ مِنۢ بَعۡدِ مَوَاضِعِهِۦۖ يَقُولُونَ
إِنۡ أُوتِيتُمۡ هَٰذَا فَخُذُوهُ وَإِن لَّمۡ تُؤۡتَوۡهُ
فَٱحۡذَرُواْۚ وَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ فِتۡنَتَهُۥ فَلَن تَمۡلِكَ لَهُۥ

مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔاۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَمْ يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْۚ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌۖ وَلَهُمْ فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٤١﴾

سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّٰلُونَ لِلسُّحْتِۚ فَإِن جَآءُوكَ فَٱحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْۖ وَإِن تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْـًٔاۖ وَإِنْ حَكَمْتَ فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

وَكَيْفَ يُحَكِّمُونَكَ وَعِندَهُمُ ٱلتَّوْرَىٰةُ فِيهَا حُكْمُ ٱللَّهِ ثُمَّ يَتَوَلَّوْنَ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَۚ وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٣﴾

إِنَّآ أَنزَلْنَا ٱلتَّوْرَىٰةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌۚ يَحْكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُوا۟ لِلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُوا۟ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ عَلَيْهِ شُهَدَآءَۚ فَلَا تَخْشَوُا۟ ٱلنَّاسَ وَٱخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًاۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌۚ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

وَقَفَّيْنَا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم بِعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِۖ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْإِنجِيلَ فِيهِ هُدًى وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٦﴾

وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ ٱلْإِنجِيلِ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فِيهِۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِۖ فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُۖ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّۚ لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًاۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْۖ فَٱسْتَبِقُوا۟ ٱلْخَيْرَٰتِۚ إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾

وَأَنِ ٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ وَٱحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكَۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْۗ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ لَفَٰسِقُونَ ﴿٤٩﴾

أَفَحُكْمَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

"Wahai Rasul (Muhammad)! Janganlah engkau didukacitakan oleh perbuatan mereka yang cepat memperlihatkan kekafiran, iaitu dari orang-orang (Munafiqin) yang berkata dengan mulut mereka: "Kami telah beriman", sedangkan hati mereka belum lagi beriman dan dari orang-orang Yahudi. Mereka amat gemar mendengar perkataan-perkataan yang dusta dan mereka amat suka mendengar perkataan golongan yang lain (pendita-pendita Yahudi) yang belum pernah bertemu dengan engkau. Mereka ini mengubahkan perkataan-perkataan (Taurat) dari

tempat-tempatnya yang sebenar. Mereka berkata: 'Jika hukum ini (hukum yang diubah) diberikan kepada kamu, maka terimalah dan jika kamu tidak diberikan hukum ini, maka hendaklah kamu berhati-hati." Barang siapa yang Allah berkehendak menyesatkannya, maka engkau tidak akan berdaya menolaknya sedikitpun. Merekalah orang-orang yang Allah tidak berkehendak membersihkan hati mereka. Di dunia mereka mendapat kehinaan dan di Akhirat pula mereka akan mendapat 'azab yang amat besar (41). Mereka amat gemar mendengar perkataan yang berdusta dan amat gemar memakan harta yang haram. Oleh itu jika mereka datang kepadamu (untuk meminta keputusan) maka adili di antara mereka atau berpalinglah dari mereka dan jika engkau berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat memudaratkan engkau sedikit pun dan jika engkau adili, maka adililah di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang adil (42). Dan bagaimana mereka hendak berhakimkan kepada engkau, sedangkan mereka mempunyai kitab Taurat yang mengandungi hukum-hukum Allah. Kemudian mereka berpaling pula (dari keputusan engkau) dan mereka sebenarnya bukanlah orang-orang yang beriman (43). Sesungguhnya Kami telah menurunkan Taurat yang mengandungi hidayat dan nur, dengan peraturannya para nabi yang menyerahkan diri kepada Allah mengadili orang-orang Yahudi, juga para ulama' dan para paderi kerana mereka telah diamanahkan memelihara kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia, tetapi takutlah kepada-Ku dan janganlah kamu menjual ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir (44). Dan Kami telah menetapkan hukum Qisas ke atas mereka di dalam Taurat iaitu nyawa dibalas dengan nyawa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka juga ditetapkan hukum Qisas. Barang siapa yang melepaskan hak Qisas, maka ia menjadi penebus dosa baginya dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Al-lah, maka mereka adalah orang-orang yang zalim (45). Dan Kami iringkan jejak langkah mereka (nabi-nabi Bani Israel) dengan 'Isa putera Maryam yang membenarkan kitab Taurat (yang diturunkan) sebelumnya dan Kami kurniakan kepadanya kitab Injil yang mengandungi hidayat dan nur dan membenarkan kitab Taurat (yang diturunkan) sebelumnya dan mengandungi hidayat dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa (46). Dan hendaklah penganut-penganut Injil itu menghukumkan dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang fasiq (47). Dan Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran yang membenarkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya. Oleh itu hendaklah engkau hukum di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka yang menyeleweng dari peraturan-peraturan yang benar yang telah datang kepadamu. Bagi setiap umat dari kamu, Kami tetapkan peraturan dan cara hidup yang tertentu. Dan andainya Allah kehendaki nescaya Ia jadikan kamu satu umat sahaja, tetapi Allah hendak menguji kamu dalam pengurniaan-pengurniaan yang telah dikurniakan kepada kamu.Oleh kerana itu hendaklah kamu berlumba-lumba mengerjakan amalan-amalan kebajikan. Kepada Allah kamu sekalian akan kembali dan (ketika itu) Allah akan menceritakan kepada kamu segala perkara yang dipertikaikan oleh kamu (48). Dan hendaklah engkau (Muhammad) adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak nafsu mereka dan hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka yang hendak menyelewengkan engkau dari setengah-setengah peraturan yang telah diturunkan Allah kepada engkau. Kemudian jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah sebenarnya hendak menimpakan malapetaka ke atas mereka kerana beberapa dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia itu adalah fasiq (49). Apakah mereka mahukan hukum jahiliyah? Siapakah yang lebih baik dari Allah dari segi mengadakan peraturan bagi orang-orang yang yakin?"(50).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini membicarakan satu persoalan yang paling penting dari persoalan-persoalan 'aqidah Islamiyah, sistem hidup Islam dan sistem kehakiman dan kehidupan di dalam Islam, iaitu satu persoalan yang telah dibicarakan sebelum ini di dalam Surah Aali 'Imran dan Surah an-Nisa', tetapi pembicaraannya di dalam surah ini di sini mengambil bentuk pembicaraan yang digariskan dengan begitu jelas dan tegas. Ia ditunjukkan oleh nas dengan kata-kata dan ungkapan-ungkapannya bukan dengan mafhumnya dan saranannya.

Itulah persoalan kehakiman, undang-undang (syari'at) dan perguaman dan di sebalik persoalan ini ialah persoalan Uluhiyah, tauhid dan iman. Persoalan ini pada dasarnya terkandung dalam jawapan kepada pertanyaan ini:

Apakah persoalan kehakiman, undang-undang (syari'at) dan perguaman wajib mengikut perjanjian-perjanjian Allah dan syari'at-syari'at-Nya yang telah diamanahkan kepada pendokong-pendokong agama samawi satu demi satu dan diwajibkan ke atas para rasul dan ke atas pemegang-pemegang teraju urusan pemerintahan selepas para rasul supaya mengikut jejak mereka? Atau persoalan ini dibiarkan mengikut arus nafsu yang berubah-ubah dan mengikut kepentingan-kepentingan yang tidak dirujukkan kepada satu dasar yang tetap yang disyari'atkan Allah dan mengikut adat kebiasaan yang diikuti oleh satu generasi atau generasi-generasi? Atau dengan ungkapan yang lain: Apakah Uluhiyah, Rububiyah, Qiwamah (pentadbiran) itu untuk Allah di bumi dan di dalam kehidupan manusia? Atau semuanya atau sebahagiannya adalah untuk seorang makhluknya untuk mengatur undang-undang dan peraturan yang tidak diizinkan Allah untuk manusia?

Allah S.W.T. telah menegaskan bahawa Dia adalah Allah dan tiada Tuhan yang lain melainkan Dia dan bahawa undang-undang syari'at yang diatur olehnya untuk manusia mengikut sifat Uluhiyah-Nya terhadap mereka dan mengikut sifat 'Ubudiyah mereka kepada-Nya dan Dia telah mengada perjanjian dengan mereka supaya berpegang dan melaksanakannya, maka undang-undang syari'at itulah yang wajib memerintah muka bumi ini. Itulah syari'at yang wajib bagi manusia berhakimkan kepadanya dan itulah syari'at yang wajib

bagi para anbia' dan para pemerintah selepas mereka memerintah dan mengadili manusia dengannya.

Allah S.W.T. telah menegaskan bahawa dalam urusan (pelaksanaan syari'at Allah) ini tidak ada sebarang lemah-lembut dan tolak-ansur, tidak ada sebarang kemudahan dan kebenaran untuk mengelak darinya, malah tidak diterima sebarang penyelewengan walaupun kecil dan tidak diambil kira segala peraturan yang tidak diizinkan Allah yang telah diikuti oleh mana-mana generasi atau mana-mana suku kaum.

Allah S.W.T. telah menegaskan bahawa masalah (pelaksanaan syari'at Allah) adalah masalah keimanan atau kekafiran, Islam atau jahiliyah, undang-undang atau hawa nafsu. Tidak ada jalan tengah, tidak ada gencatan senjata dan tidak ada perdamaian dalam masalah ini. Oleh itu orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah tanpa memotong sehuruf pun darinya dan tanpa menukarkannya sedikitpun. Sementara orang-orang yang kafir, zalim dan fasiq ialah orang-orang yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah. Pemerintah-pemerintah itu menjalankan syari'at Allah dengan sempurna, maka mereka berada dalam lingkungan iman atau mereka mengamalkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang lain yang tidak diredhai Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir, zalim dan fasiq. Orang ramai pula sama ada mereka menerima - dari pemerintah-pemerintah dan hakim-hakim - hukum Allah dan pengadilan-Nya di dalam urusan kehidupan mereka, maka mereka adalah orang-orang yang beriman. Jika tidak, maka mereka bukanlah dari orang-orang yang beriman. Tidak ada jalan tengah di antara jalan iman dan jalan tidak beriman. Di sini tidak diterima sebarang alasan dan keuzuran dan tidak diterima alasan kerana kepentingan, kerana Allah Tuhan yang memelihara manusia mengetahui segala sesuatu yang sesuai dengan kepentingan mereka dan Allah telah mengatur undang-undang dan peraturan-Nya untuk merealisasikan kepentingan-kepentingan manusia yang sebenar. Tidak ada sistem kehakiman dan undang-undang yang lebih baik dari sistem kehakiman dan syari'at Allah. Dan tiada siapa dari para hamba-Nya yang boleh berkata: "Saya menolak syari'at Allah atau saya lebih arif dengan kepentingan-kepentingan manusia dari Allah" dan andainya ia melafazkan perkataan ini dengan lidahnya atau dengan perbuatannya, maka dia adalah terkeluar dari lingkungan iman.

Inilah persoalan yang amat penting dan amat besar yang dibicarakan oleh pelajaran ini dalam bentuk nas-nas penjelasan yang terang dan jelas di samping menggambarkan keadaan orang-orang Yahudi di Madinah dan taktik-taktik jahat dan komplot-komplot mereka bersama kaum Munafiqin iaitu:

مِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِأَفْوَٰهِهِمْ وَلَمْ تُؤْمِن قُلُوبُهُمْ

"Dari orang-orang (Munafiqin) yang berkata dengan mulut mereka: Kami telah beriman" sedangkan hati mereka belum lagi beriman"(41)

dan menerangkan arahan-arahan Allah yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghadapi tipudaya kaum Yahudi yang tidak pernah berhenti dilakukan mereka sejak tegaknya kerajaan Islam di Madinah.

Penerangan Al-Qur'an di dalam pelajaran ini pertama-tama menjelaskan bahawa agama-agama yang datang dari Allah adalah semuanya mewajibkan manusia supaya menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan supaya menegakkan seluruh kehidupan di atas landasan syari'at Allah dan menjadikan persoalan ini sebagai persimpangan jalan di antara keimanan dan kekafiran, di antara Islam dan jahiliyah dan di antara undang-undang dan hawa nafsu. Allah telah menurunkan Taurat yang membawa hidayat dan nur:

يَحْكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُواْ لِلَّذِينَ هَادُواْ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُواْ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُواْ عَلَيْهِ شُهَدَآءَ

"Dengan peraturannya (Taurat) para nabi yang menyerahkan diri kepada Allah mengadili orang-orang Yahudi, juga para ulama' dan para paderi kerana mereka telah diamanahkan memelihara kitab Allah (Taurat) dan mereka menjadi saksi terhadapnya."(44)

وَعِندَهُمُ ٱلتَّوْرَىٰةُ فِيهَا حُكْمُ ٱللَّهِ

"Sedangkan mereka mempunyai kitab Taurat yang mengandungi hukum-hukum Allah."(43)

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ...

"Dan Kami telah menetapkan hukum Qisas ke atas mereka dalam Taurat, iaitu nyawa dibalas dengan nyawa......"(45)

dan Allah telah mengurniakan Injil kepada " 'Isa putera Maryam yang:

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٦﴾

"Membenarkan kitab Taurat (yang diturunkan) sebelumnya dan mengandungi hidayat dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa."(46)

وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ ٱلْإِنجِيلِ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فِيهِ

"Dan hendaklah penganut-penganut Injil itu menghukumkan dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah."(47)

dan Allah menurunkan pula Al-Qur'an kepada rasul-Nya yang:

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَـٰبَ بِٱلْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَـٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ

"Dan Kami telah turunkan kepada mu Al-Qur'an dengan membawa kebenaran yang membenarkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya."(48)

dan Allah telah memerintah Rasulullah s.a.w.:

فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّ

"Hendaklah engkau hukum di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka yang menyeleweng dari peraturan-peraturan yang benar yang telah datang kepada kamu."(48)

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَـٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

"Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir."(44)

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang zalim."(45)

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang fasiq."(47)

أَفَحُكْمَ ٱلْجَـٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

"Apakah mereka mahukan hukum jahiliyah? Siapakah yang lebih baik dari Allah dari segi mengadakan peraturan bagi orang-orang yang yakin?(50)

Demikianlah seluruh agama sepakat dalam perkara (pelaksanaan syari'at Allah) ini. Dan pelaksanaan ini menentukan batas keimanan dan syarat keislaman sama ada kepada orang ramai yang dihukum atau kepada pemerintah-pemerintah yang melaksanakan hukum. Yang menjadi asas dan dasar di sini ialah menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dari pihak pemerintah dan menerima hukum ini dari pihak orang ramai yang diperintah tanpa mencari undang-undang dan hukum-hukum yang lain dari syari'at Allah.

Masalah ini amat penting dan serius. Penekanan seberat ini adalah berlandaskan kepada sebab-sebab yang tentunya juga amat penting dan serius. Apakah sebab-sebab itu? Kami berusaha mencarinya di dalam nas-nas ini atau di dalam seluruh ayat Al-Qur'an, maka kami dapati sebab-sebab itu amat jelas.

Perhitungan pertama dalam persoalan ini ialah persoalan ini adalah persoalan pengakuan terhadap Uluhiyah Allah, Rububiyah-Nya dan Qiwamah-Nya (pentadbiran) ke atas makhluk insan tanpa sebarang sekutu atau menolak pengakuan itu dan dari sinilah persoalan ini menjadi persoalan kekafiran atau keimanan, jahiliyah atau Islam.

Seluruh Al-Qur'an merupakan tempat yang mempamerkan penjelasan-penjelasan, terhadap hakikat ini.

Allah itulah Tuhan Pencipta. Dialah yang telah menciptakan alam buana dan menciptakan makhluk insan ini. Dialah yang menjadi dan menundukkan segala isi langit dan bumi untuk faedah manusia. Allah S.W.T. sahaja yang menguasai dan mengendali urusan penciptaan ini. Tiada sekutu bagi-Nya dalam urusan penciptaan itu sama ada banyak atau sedikit.

Allah itulah Pemilik yang tunggal kerana Dia adalah Pencipta yang tunggal. Dialah yang tunggal. Dialah yang memiliki langit dan bumi dan segala kejadian yang wujud di antara keduanya. Jadi Allah-lah sahaja Pemilik yang Tunggal tiada siapa yang berkongsi milik dengan-Nya sama ada banyak atau sedikit.

Allah itu Pemberi rezeki dan tiada siapa pun yang berkuasa membeli rezeki kepada dirinya sendiri atau kepada orang lain sama ada banyak atau sedikit.

Allah itulah pemegang kuasa yang mentadbir dan mengendali urusan alam buana dan manusia kerana Dialah Pencipta, Pemilik dan Pemberi rezeki dan kerana Dialah tuanpunya qudrat agung dan tanpa qudrat ini tiada penciptaan, tiada pemberi rezeki dan tiada mudharat dan manfa'at. Jadi Allah lah sahaja yang memegang kuasa di alam al-wujud ini.

Iman ialah ikrar atau mengaku bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang memiliki sifat Uluhiyah, sifat pemilik dan sifat penguasa yang tunggal dan tiada siapa pun yang bersyarikat dengan-Nya. Islam ialah penyerahan diri yang bulat kepada Allah dan keta'atan kepada kehendak-kehendak sifat-sifat Allah yang tersebut. Islam ialah mengi'tiqadkan bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang memiliki sifat-sifat Uluhiyah, Rububiyah dan Qiwamah ke atas seluruh alam al-wujud ini termasuk kehidupan manusia, juga mengakui kuasa Allah yang mutlaq yang dapat diperhatikan pada qadha' dan qadar-Nya dan pada

peraturan-peraturan dan undang-undang-Nya. Makna penyerahan diri yang bulat kepada syari'at Allah ialah pertama-tama mengakui sifat-sifat Uluhiyah-Nya, Rububiyah-Nya, Qiwamah-Nya dan kuasa-Nya, dan makna tidak menyerah diri yang bulat kepada syari'at Allah dan memilih undang-undang dan peraturan yang lain darinya dalam mana-mana bidang hidup ialah menolak pengakuan terhadap sifat-sifat Uluhiyah Allah, Rububiyah-Nya, QiwamahNya dan kuasa-Nya. Pengakuan dan penolakan itu adalah sama sahaja sama ada dilakukan dengan lisan atau dengan perbuatan. Dan dari sinilah persoalan ini menjadi persoalan kekafiran atau keimanan, jahiliyah atau Islam dan oleh sebab inilah turunnya firman ini:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَـٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

"Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir."(44)

فَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

"Mereka adalah orang-orang yang zalim."(45)

فَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾

"Mereka adalah orang-orang yang fasiq."(47)

Perhitungan yang kedua ialah kelebihan dan keunggulan syari'at Allah yang pasti dan yakin ke atas semua undang-undang dan peraturan-peraturan ciptaan manusia. Kelebihan dan keunggulan itu ditunjukkan oleh ayat yang terakhir dari pelajaran ini.

وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

"Siapakah yang lebih baik dari Allah dari segi mengadakan peraturan bagi orang-orang yang yakin."(50)

Pengakuan secara mutlaq terhadap kelebihan dan keunggulan syari'at Allah dalam semua peringkat perkembangan kelompok Muslimin dan dalam setiap keadaan mereka juga termasuk dalam persoalan kekafiran dan keimanan. Tiada siapa yang boleh mendakwa bahawa undang-undang yang digubal oleh mana-mana manusia itu melebihi atau menyamai syari'at Allah kemudian selepas itu ia masih mendakwa bahawa ia beriman kepada Allah dan dari golongan orang-orang Islam. Orang yang seperti ini (seolah-olah) mendakwa bahawa dia lebih tahu dari Allah tentang diri manusia dan lebih bijak dari Allah dalam mentadbirkan urusan manusia atau (seolah-olah) mendakwa bahawa di sana terdapat keadaan-keadaan dan keperluan-keperluan yang telah berlaku di dalam kehidupan manusia yang tidak diketahui oleh Allah ketika Dia menggariskan syari'at-Nya atau diketahui oleh-Nya tetapi Dia tidak menggariskan undang-undang untuknya. Dakwaan-dakwaan yang seperti ini adalah bercanggah dengan dakwaan beriman dan beragama Islam walau bagaimana sekalipun dia melafazkan dakwaan-dakwaan itu dengan lidahnya.

Gejala-gejala kelebihan dan keunggulan syari'at Allah itu sukar untuk diketahui semuanya, kerana hikmat dari undang-undang Allah itu belum lagi terbuka seluruhnya kepada mana-mana generasi manusia. Sementara setengah-setengah hikmat yang terbuka itu sukar untuk diterangkan dengan panjang lebar di sini dalam tafsir Fi Zilal. Oleh kerana itu kami hanya berpada dengan beberapa sentuhan-sentuhan yang ringkas sahaja:

Syari'at Allah menggambarkan satu sistem hidup manusia yang syumul dan sepadu. Ia mencakup melalui penyusunan, pengarahan dan pengembangan, segala aspek hidup manusia di dalam segala keadaan dan bentuknya.

Ia adalah satu sistem yang ditegakkan di atas pengetahuan Ilahi yang mengetahui hakikat manusia dan keperluan-keperluannya, mengetahui hakikat alam tempat manusia hidup dan mengetahui tabi'at undang-undang yang mengendalikan alam dan diri manusia. Oleh sebab itu tiada suatu dari urusan kehidupan ini yang terluput dari sistem ini dan tiada suatu percanggahan yang merosak berlaku di dalam sistem ini di antara berbagai-bagai aktiviti manusia, juga di antara aktiviti manusia dan undang-undang alam buana, malah yang berlaku di dalam sistem ini ialah keseimbangan, kesederhanaan, kesesuaian dan keselarasan yang tidak terdapat selama-lamanya dalam mana-mana sistem ciptaan manusia yang hanya mengetahui suatu yang zahir dan luaran sahaja dan hanya mengetahui aspek yang terbuka sahaja dalam jangka masa yang tertentu. Di samping itu sistem ciptaan manusia tidak selamat dari kesan-kesan kejahilan manusia dan tidak sunyi dari percanggahan yang merosak di antara berbagai-bagai aktiviti manusia dan tidak sunyi dari gegaran-gegaran yang kuat akibat dari percanggahan ini.[23]

Ia adalah satu sistem yang ditegakkan di atas landasan keadilan yang mutlaq. Pertama: Kerana Allah benar-benar mengetahui dengan apa dan bagaimana keadilan itu terlaksana. Kedua: Kerana Allah S.W.T. selaku Tuhan yang memelihara seluruh makhluk, maka Dialah sahaja yang berkuasa memberi keadilan kepada semua dan Dialah sahaja yang berkuasa mengatur undang-undang dan peraturan yang bersih dari kehendak-kehendak hawa nafsu dan kelemahan di samping bersih dari kejahilan, kelemahan, keterlaluan dan kecuaian, iaitu ciri-ciri yang tidak terdapat pada mana-mana sistem atau mana-mana undang-undang dan peraturan ciptaan manusia yang mempunyai keinginan hawa nafsu dan

---

[23] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam buku:* " الإسلام ومشكلات الحضارة" *fasal* "تخبط واضطراب "

kelemahan-kelemahan selain dari kejahilan dan kekurangan, sama ada yang menggubal undang-undang dan peraturan itu satu orang atau satu golongan atau satu umat atau satu generasi dari generasi-generasi manusia. Semua penggubal-penggubal ini masing-masing mempunyai keinginan-keinginan, kecenderungan-kecenderungan dan kegemaran-kegemaran sendiri di samping kejahilan, kekurangan dan kelemahannya untuk membentuk pandangan yang mencakup semua aspek walaupun dalam-satu kes di dalam satu generasi.

Ia adalah satu sistem yang selaras dengan undang-undang alam buana seluruhnya. Ini ialah kerana Allah S.W.T. itu adalah Pemilik seluruh alam buana, Pencipta alam buana dan manusia, oleh itu apabila Allah mensyari'atkan undang-undang kepada manusia, maka Dia mensyari'atkan undang-undang untuknya selaku satu unsur alam yang boleh menguasai unsur-unsur alam yang lain yang diciptakan Allah untuk kepentingannya dengan syarat ia mengikut arahan dan hidayat Allah dan dengan syarat ia mengetahui unsur-unsur itu serta undang-undang yang mengendalikan. Dari sinilah berlakunya keselarasan di antara harakat manusia dengan harakat alam yang menjadi tempat hidupnya dan di sini syari'at Allah yang mengatur kehidupannya itu mengambil bentuk universal. Dengan syari'at ini manusia bukan sahaja berinteraksi dengan dirinya dan dengan anak-anak bangsanya, tetapi juga berinteraksi dengan semua makhluk-makhluk yang bernyawa dan makhluk-makhluk yang tidak bernyawa yang ada di dalam alam yang amat luas ini, di mana ia hidup dan tidak dapat melepaskan diri dari-Nya. Oleh kerana itu ia harus berinteraksi dengannya mengikut satu peraturan yang baik, lurus dan teguh.

Kemudian ia adalah satu-satunya sistem yang membebaskan manusia dari perhambaan kepada sesama manusia. Dalam semua sistem - selain sistem Islam - manusia memperhambakan manusia, manusia menyembah manusia, hanya di dalam sistem Islam sahaja manusia keluar dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa tanpa sekutu.

Ciri Uluhiyah yang paling istimewa - sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini - ialah ciri hakimiyah (sifat kehakiman dan kepemerintahan yang menentukan undang-undang dan peraturan). Sesiapa yang menggubal undang-undang dan peraturan bagi sekelompok manusia bererti ia mengambil tempat Uluhiyah di kalangan mereka dan menggunakan ciri-ciri Uluhiyah itu. Oleh itu mereka adalah hamba-hamba penggubal itu bukannya hamba-hamba Allah, mereka adalah berada dalam agamanya bukan di dalam agama Allah.

Apabila Islam menjadikan urusan syari'at (undang-undang dan peraturan) tertentu kepada Allah sahaja, maka bererti ia mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa dan mengumumkan pembebasan manusia, malah mengumumkan "Kelahiran manusia", kerana manusia dikira belum lahir dan belum wujud sehingga lehernya bebas dari belenggu pemerintahan manusia yang sama dengannya dan sehingga ia berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah - dalam urusan ini - dengan semua manusia yang lain di hadapan Allah Tuhan sekalian manusia.

Persoalan yang dibicarakan oleh nas-nas pelajaran ini adalah satu persoalan 'aqidah yang paling penting, serius dan besar. Ia adalah persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah, persoalan keadilan dan kebaikan dan persoalan kemerdekaan dan persamaan. Ia adalah persoalan kemerdekaan manusia - malah kelahiran manusia - dan kerana ini semua ia menjadi persoalan kekafiran atau keimanan, persoalan jahiliyah atau Islam.[24]

Jahiliyah bukannya suatu tempoh masa sejarah, malah ia adalah suatu keadaan, di mana wujudnya nilai-nilai jahiliyah dalam sesuatu kedudukan atau peraturan. Dasar jahiliyah ialah memulangkan urusan pemerintahan dan perundangan kepada kehendak dan keinginan nafsu manusia bukannya kepada sistem hidup Allah dan syari'at-Nya. Kehendak-kehendak dan keinginan-keinginan nafsu adalah sama sahaja, sama ada ia merupakan kehendak dan keinginan seorang individu, atau kehendak dan keinginan satu golongan atau kehendak dan keinginan satu umat atau kehendak dan keinginan satu generasi manusia yang menyeluruh. Semuanya dikira kehendak-kehendak dan keinginan manusia belaka selama ia tidak merujukkan kepada syari'at Allah.

Apabila seorang menggubal undang-undang dan peraturan untuk sesuatu kelompok, maka undang-undang dan peraturan-peraturan itu dianggap undang-undang dan peraturan jahiliyah, kerana kehendak-kehendak dan keinginan-keinginannya itulah yang menjadi undang-undang atau fikiran-fikirannya itulah yang menjadi undang-undang, kedua-duanya tidak berbeza kecuali dari segi ungkapan-ungkapan sahaja.

Apabila satu golongan menggubal undang-undang dan peraturan untuk semua golongan yang lain, maka undang-undang itu dikira undang-undang jahiliyah, kerana kepentingan-kepentingan golongan itulah yang menjadi undang-undang atau pendapat majoriti anggota Parlimen itulah yang menjadi undang-undang, kedua-duanya tidak berbeza kecuali dari segi ungkapan-ungkapan sahaja.

Apabila wakil-wakil seluruh golongan dan seluruh sektor umat menggubal undang-undang untuk diri mereka sendiri, maka undang-undang itu dikira undang-undang jahiliyah kerana kehendak-kehendak

---

[24] *Lihat huraian yang meluas di dalam buku* " خصايص التصور الإسلامي ومقوماته" *dan buku* "هذا الدين" *dan buku* " المستقبل لهذا الدين "

manusia yang selama-lamanya tidak sunyi dari hawa nafsu dan kerana pengetahuan manusia yang selama-lamanya tidak sunyi dari kejahilan itulah yang menjadi undang-undang atau kerana pendapat rakyat itulah yang menjadi undang-undang. Kedua-duanya tidak berbeza kecuali dari ungkapan-ungkapan sahaja!

Apabila satu perhimpunan dari umat-umat manusia menggubal undang-undang, maka undang-undang itu dikira undang-undang jahiliyah kerana matlamat-matlamat nasionalisme mereka itulah yang menjadi undang-undang atau pendapat pertubuhan-pertubuhan antarabangsa itulah yang menjadi undang-undang. Kedua-duanya tidak berbeza kecuali dari segi ungkapan-ungkapan sahaja.

Apabila Pencipta individu-individu, Pencipta kumpulan-kumpulan, Pencipta umat-umat dan generasi-generasi itu sendiri yang menggubal undang-undang, maka itulah syari'at Allah atau undang-undang Allah yang tidak memilih kasih terhadap sesiapa dan merugikan kepentingan seorang yang lain. Dia menggubal bukan untuk kepentingan satu individu atau satu kelompok atau satu negara atau satu generasi manusia, kerana Allah adalah Tuhan kepada seluruh mereka dan mereka adalah sama sahaja di sisi Allah dan kerana Allah mengetahui hakikat dan kepentingan-kepentingan semua pihak. Tiada sesuatu pun yang terluput dari ilmu-Nya. Dia menjaga kepentingan-kepentingan dan keperluan-keperluan mereka tanpa kecuaian dan tanpa keterlaluan.

Apabila yang lain dari Allah menggubal undang-undang untuk manusia, maka mereka adalah hamba abdi kepada penggubal undang-undang itu sama ada penggubal itu seorang individu atau satu golongan atau satu umat atau satu perhimpunan dari berbagai-bagai umat.

Apabila Allah mensyari'atkan undang-undang untuk seluruh manusia, maka seluruh mereka merupakan manusia-manusia yang bebas dan sama tinggi sama rendah. Mereka tidak tunduk melainkan kepada Allah dan mereka tidak mengabdikan diri mereka melainkan kepada Allah.

Di sinilah terletaknya keseriusan dan kepentingan persoalan ini dalam kehidupan manusia dan dalam undang-undang alam buana seluruhnya (firman Allah Ta'ala):

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلْحَقُّ أَهْوَآءَهُمْ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ

"Andainya kebenaran itu menurut hawa nafsu mereka tentulah musnah segala langit bumi dan para penghuninya."

(Surah al-Mu'minun: 71)

Oleh itu amalan menghukum dengan peraturan-peraturan yang tidak diturunkan Allah itu adalah mengertikan kejahatan, kerosakan dan terkeluar pada akhirnya dari lingkungan keimanan dengan nas Al-Qur'an yang jelas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 43)

۞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ لَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْكُفْرِ مِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِأَفْوَٰهِهِمْ وَلَمْ تُؤْمِن قُلُوبُهُمْ ۛ وَمِنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ ۛ سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ سَمَّٰعُونَ لِقَوْمٍ ءَاخَرِينَ لَمْ يَأْتُوكَ ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ مِنۢ بَعْدِ مَوَاضِعِهِۦ ۖ يَقُولُونَ إِنْ أُوتِيتُمْ هَٰذَا فَخُذُوهُ وَإِن لَّمْ تُؤْتَوْهُ فَٱحْذَرُوا۟ ۚ وَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ فِتْنَتَهُۥ فَلَن تَمْلِكَ لَهُۥ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَمْ يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْ ۚ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ ۖ وَلَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٤١﴾

سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّٰلُونَ لِلسُّحْتِ ۚ فَإِن جَآءُوكَ فَٱحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۖ وَإِن تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْـًٔا ۖ وَإِنْ حَكَمْتَ فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

وَكَيْفَ يُحَكِّمُونَكَ وَعِندَهُمُ ٱلتَّوْرَىٰةُ فِيهَا حُكْمُ ٱللَّهِ ثُمَّ يَتَوَلَّوْنَ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ ۚ وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٣﴾

"Wahai Rasul (Muhammad)! Janganlah engkau didukacitakan oleh perbuatan mereka yang cepat memperlihatkan kekafiran, iaitu dari orang-orang (Munafiqin) yang berkata dengan mulut mereka: 'Kami telah beriman', sedangkan hati mereka belum lagi beriman dan dari orang-orang Yahudi. Mereka amat gemar mendengar perkataan-perkataan yang dusta dan mereka amat suka

mendengar perkataan golongan yang lain (pendeta-pendeta Yahudi) yang belum pernah bertemu dengan engkau. Mereka ini mengubahkan perkataan-perkataan (Taurat) dari tempat-tempatnya yang sebenar. Mereka berkata: 'Jika hukum ini (hukum yang diubah) diberikan kepada kamu, maka terimalah dan jika kamu tidak diberikan hukum ini, maka hendaklah kamu berhati-hati.' Barang siapa yang Allah berkehendak menyesatkannya, maka engkau tidak akan berdaya menolaknya sedikitpun. Merekalah orang-orang yang Allah tidak berkehendak membersihkan hati mereka. Di dunia mereka mendapat kehinaan dan di Akhirat pula mereka akan mendapat 'azab yang amat besar (41). Mereka amat gemar mendengar perkataan yang berdusta dan amat gemar memakan harta yang haram. Oleh itu jika mereka datang kepadamu (untuk meminta keputusan), maka adili di antara mereka atau berpalinglah dari mereka dan jika engkau berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat memudaratkan engkau sedikit pun dan jika engkau adili, maka adililah di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang adil (42). Dan bagaimana mereka hendak berhakimkan kepada engkau, sedangkan mereka mempunyai kitab Taurat yang mengandungi hukum-hukum Allah. Kemudian mereka berpaling pula (dari keputusan engkau) dan mereka sebenarnya bukanlah orang-orang yang beriman."(43)

Ayat-ayat ini membayangkan bahawa ianya dari ayat-ayat yang diturunkan di dalam tahun-tahun permulaan Hijrah, iaitu ketika orang-orang Yahudi masih berada di Madinah - Yakni sebelum Peperangan Ahzab dan sebelum Bani Qurayzah dikenakan hukuman atau beberapa hari sebelum itu, iaitu semasa Bani an-Nadhir dan Bani Qainuqa' berada di sana. Yang pertama telah diusir keluar dari Madinah selepas Peperangan Uhud dan yang kedua telah diusir sebelumnya - di dalam masa inilah orang-orang Yahudi melakukan taktik-taktik mereka yang jahat ini, sedangkan orang-orang Munafiqin pula berulang-alik kepada mereka seperti ular pulang ke lubang. Kedua-dua golongan ini begitu cepat memperlihatkan gelagat-gelagat kekafiran mereka walaupun kaum Munafiqin pernah berkata dengan lidah mereka: "Kami telah beriman". Perbuatan ini telah mendukacitakan Rasulullah s.a.w. dan menyakitinya.

Oleh itu Allah S.W.T. menghiburkan Rasulullah s.a.w. dan menyatakan simpatinya di samping memperkecil-kecilkan perbuatan mereka kepadanya. Dan Allah mendedahkan kepada kelompok Muslimin hakikat-hakikat golongan Yahudi dan golongan Munafiqin yang begitu cepat memperlihatkan gelagat-gelagat kekafiran mereka dan mengarahkan Rasulullah s.a.w. menggunakan cara yang telah digunakannya terhadap mereka ketika mereka datang kepada beliau untuk berbicara (berguam) di hadapannya, iaitu setelah Allah mendedahkan kepada beliau pakatan-pakatan jahat terhadapnya yang dirancangkan mereka sebelum mereka datang bertemu dengan beliau:

* يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ لَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْكُفْرِ مِنَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِأَفْوَٰهِهِمْ

وَلَمْ تُؤْمِن قُلُوبُهُمْ ۛ وَمِنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ ۛ سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ سَمَّٰعُونَ لِقَوْمٍ ءَاخَرِينَ لَمْ يَأْتُوكَ ۖ يُحَرِّفُونَ ٱلْكَلِمَ مِنۢ بَعْدِ مَوَاضِعِهِۦ ۖ يَقُولُونَ إِنْ أُوتِيتُمْ هَٰذَا فَخُذُوهُ وَإِن لَّمْ تُؤْتَوْهُ فَٱحْذَرُوا۟ ۚ وَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ فِتْنَتَهُۥ فَلَن تَمْلِكَ لَهُۥ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَمْ يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْ ۚ لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ ۖ وَلَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٤١﴾

"Wahai Rasul (Muhammad)! Janganlah engkau didukacitakan oleh perbuatan mereka yang cepat memperlihatkan kekafiran, iaitu dari orang-orang (Munafiqin) yang berkata dengan mulut mereka: 'Kami telah beriman', sedangkan hati mereka belum lagi beriman dan dari orang-orang Yahudi. Mereka amat gemar mendengar perkataan-perkataan yang dusta dan mereka amat suka mendengar perkataan golongan yang lain (pendeta-pendeta Yahudi) yang belum pernah bertemu dengan engkau. Mereka ini mengubahkan perkataan-perkataan (Taurat) dari tempat-tempatnya yang sebenar. Mereka berkata: Jika hukum ini (hukum yang diubah) diberikan kepada kamu, maka terimalah dan jika kamu tidak diberikan hukum ini, maka hendaklah kamu berhati-hati.' Barang siapa yang Allah berkehendak menyesatkannya, maka engkau tidak akan berdaya menolaknya sedikitpun. Merekalah orang-orang yang Allah tidak berkehendak membersihkan hati mereka. Di dunia mereka mendapat kehinaan dan di Akhirat pula mereka akan mendapat 'azab yang amat besar."(41)

Menurut riwayat, ayat-ayat ini adalah diturun mengenai segolongan orang-orang Yahudi yang melakukan perbuatan-perbuatan jenayah - riwayat-riwayat tidak sekata menentukannya - di antaranya jenayah zina dan mencuri, iaitu dari jenayah-jenayah yang dikenakan hukum hudud di dalam Taurat, tetapi kaum Yahudi telah berpakat mengelakkannya kerana mereka pada mulanya tidak mahu mengenakan hukum itu ke atas orang-orang yang terhormat sahaja di kalangan mereka kemudian mereka mengenepikan-nya terus bagi semua orang dan menggantikannya dengan hukuman-hukuman ta'zir (persis seperti yang dilakukan oleh orang-orang yang mengaku Muslimin di zaman ini). Apabila jenayah-jenayah ini dilakukan oleh orang-orang mereka di zaman Rasulullah s.a.w., mereka berpakat untuk meminta fatwa dari beliau mengenai hukumnya. Andainya beliau memberi fatwa supaya penjenayah itu dikenakan hukuman ta'zir yang ringan, maka mereka akan mempraktikkannya dan ini akan dijadikan hujjah mereka di hadapan Allah sebagai hukuman yang telah difatwakan oleh seorang rasul, dan andainya beliau menghukum sama dengan hukum yang terdapat dalam kitab Taurat mereka

tidak akan menerimanya. Oleh kerana itu setengah-setengah mereka membuat helah meminta fatwa dari beliau dan di sinilah Al-Qur'an menceritakan perkataan mereka:

إِنْ أُوتِيتُمْ هَٰذَا فَخُذُوهُ وَإِن لَّمْ تُؤْتَوْهُ فَٱحْذَرُوا۟ ۚ

"Jika hukum ini diberikan kepada kamu, maka hendaklah kamu terima dan jika kamu tidak diberikan hukum ini, maka hendaklah kamu berhati-hati."(41)

Hingga ke tahap ini mereka sanggup menunjukkan sikap mempermain-main dan mempersenda-senda (hukum Allah) dan hingga ke tahap ini mereka sanggup menunjukkan sikap yang tidak lurus dalam hubungan mereka dengan Allah dan Rasulullah s.a.w. Inilah gambaran setiap Ahlil-Kitab apabila mereka dilalui masa yang begitu lama hingga menyebabkan hati mereka menjadi keras dan kepanasan, 'aqidah mereka menjadi dingin dan padam cahayanya. Ia menyebabkan mereka berusaha hendak melepaskan diri mereka dari 'aqidah ini, dari undang-undang dan peraturannya dan dari kewajipan-kewajipannya dan inilah matlamat yang membuat mereka mencari segala jalan dan fatwa untuk mendapat jalan keluar dan helah (yang melepas mereka). Bukankah keadaan yang seperti ini berlaku juga di kalangan orang-orang Islam yang mengaku Islam dengan lidah mereka, sedangkan hati mereka belum lagi beriman? Bukankah mereka juga mencari fatwa-fatwa untuk menipu dan memalsukan agama bukan untuk menegakkan agama? Bukankah mereka kadang-kadang mengambil berkat dengan agama agar kehendak-kehendak nafsu mereka diakur dan dipersetujui, tetapi jika agama mengeluarkan kata-kata yang benar dan hukum yang sebenar, maka mereka tidak lagi memerlukannya.

إِنْ أُوتِيتُمْ هَٰذَا فَخُذُوهُ وَإِن لَّمْ تُؤْتَوْهُ فَٱحْذَرُوا۟ ۚ..

"Jika hukum ini diberikan kepada kamu, maka hendaklah kamu terima dan jika kamu tidak diberikan hukum ini, maka hendaklah kamu berhati-hati."(41)

Inilah keadaan yang sama (dengan orang-orang Islam sendiri) dan mungkin kerana ini Allah S.W.T. menceritakan kisah Bani Israel dengan panjang lebar dan terperinci agar generasi-generasi Muslimin mengambil peringatan dan pengajaran darinya dan agar mereka dapat menyedari lubang-lubang gelincir di perjalanan.

Allah S.W.T. memperkatakan kepada rasul-Nya tentang orang-orang yang begitu cepat memperlihatkan gejaia-gejala kekafiran mereka dan tentang orang-orang yang secara rahsia merancangkan permainan tipu helah dan berfirman kepada beliau: Janganlah engkau berdukacita di atas perbuatan mereka yang cepat menunjukkan gelagat-gelagat kekafiran mereka, kerana mereka sedang menuju ke jalan yang sesat dan mereka tetap akan terhumban di dalam kesesatan, sedangkan engkau tidak mempunyai apa-apa saham pun dalam urusan ini dan tidak mampu menolak kesesatan itu dari mereka kerana mereka sendiri mengikut dan berkecimpung di jalan itu:

وَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ فِتْنَتَهُۥ فَلَن تَمْلِكَ لَهُۥ مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ

"Barang siapa yang Allah berkehendak menyesatkannya, maka engkau tidak berdaya menolaknya sedikitpun."(41)

Mereka telah mengotorkan hati mereka dan Allah tidak mahu membersihkannya sedangkan mereka sendiri masuk di dalam kekotoran itu:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَمْ يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يُطَهِّرَ قُلُوبَهُمْ ۚ

"Merekalah orang-orang yang Allah tidak berkehendak membersihkan hati mereka."(41)

Dan Allah akan membalaskan mereka dengan kehinaan di dunia dan 'azab yang amat besar di Akhirat:

لَهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ ۖ وَلَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٤١﴾

"Di dunia mereka mendapat kehinaan dan di Akhirat mereka mendapat 'azab yang amat besar."(41)

Oleh itu engkau tidak usah risau terhadap mereka, jangan bersedih di atas kekafiran mereka dan jangan hiraukan mereka. Perkara ini telahpun ditetapkan.

Kemudian ayat (yang berikut) terus menggambarkan keadaan kaum Yahudi dan kerosakan akhlak dan perilaku mereka sebelum ia menerangkan kepada Rasulullah s.a.w. bagaimana hendak melayani mereka jika mereka datang untuk berguam di hadapan beliau:

سَمَّٰعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّٰلُونَ لِلسُّحْتِ ۚ فَإِن جَآءُوكَ فَٱحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ ۖ وَإِن تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْـًٔا ۖ وَإِنْ حَكَمْتَ فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

"Mereka amat gemar mendengar perkataan yang berdusta dan amat gemar memakan harta yang haram. Oleh itu jika

mereka datang kepadamu (untuk meminta keputusan) maka adili di antara mereka atau berpalinglah dari mereka dan jika engkau berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat memudharatkan engkau sedikitpun dan jika engkau adili, maka adililah di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang adil."(42)

Al-Qur'an mengulangkan kenyataannya dua kali bahawa orang-orang Yahudi amat gemar mendengar perkataan-perkataan yang dusta. Ini membayangkan bahawa sifat ini telah menjadi tabi'at mereka. Hati mereka merasa senang apabila mendengar perkataan-perkataan yang dusta dan karut dan sebaliknya merasa terkilan apabila mendengar perkataan-perkataan yang benar. Inilah tabi'at hati yang rosak dan roh yang padam cahayanya. Alangkah senangnya perkataan-perkataan yang karut dan dusta itu diterima di dalam masyarakat-masyarakat yang menyeleweng dan alangkah beratnya perkataan-perkataan yang benar itu diterima di sana. Alangkah larisnya kebatilan di masa kini dan alangkah dinginnya pasaran kebenaran di masa-masa yang terkutuk ini.

Mereka amat gemar mendengar perkataan-perkataan yang dusta dan amat gemar memakan harta haram. Istilah "as-Suht" bererti setiap harta haram. Wang riba, wang rasuah, wang sogokan kerana memberi kenyataan dan fatwa adalah wang-wang yang utama yang dimakan mereka, juga merupakan wang-wang yang utama yang dimakan di dalam masyarakat-masyarakat yang menyeleweng dari agama Allah di setiap zaman. Kata "as-Suht" juga membawa erti merosak dan membinasa dan kerana itu harta yang haram itu dinamakan "Suht" kerana ia menghapus dan memusnahkan keberkatan. Alangkah dahsyatnya kemusnahan keberkatan dan kehilangannya di dalam masyarakat-masyarakat yang sesat dan menyeleweng sebagaimana kita dapat lihat dengan mata kita di dalam setiap masyarakat yang sesat dari agama Allah dan syari'at-Nya.

Allah memberi pilihan kepada Rasulullah dalam menghadapi orang-orang Yahudi apabila mereka datang meminta hukuman atau pengadilannya. Jika beliau suka, beliau boleh menolak mereka dan mereka tidak akan dapat berbuat apa-apa kemudaratan kepadanya, dan jika beliau suka beliau boleh mengadili mereka dengan adil tanpa terpengaruh kepada kehendak-kehendak nafsu mereka dan tanpa terpengaruh kepada sikap mereka yang begitu cepat memperlihatkan gejala-gejala kekafiran mereka dan kepada komplot-komplot dan taktik-taktik kotor mereka.

"Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang adil."(42)

Rasulullah s.a.w. juga pemerintah dan hakim Islam adalah berinteraksi dengan Allah dalam urusan ini. Ia hanya bertugas menegakkan keadilan semata-mata kerana Allah sebab Allah kasihkan orang-orang yang adil. Apabila manusia berlaku zalim, khianat dan menyeleweng, maka keadilan tetap tidak terjejas dengan kelakuan-kelakuan dan perbuatan yang terbit dari mereka, kerana keadilan itu bukan kerana mereka, malah keadilan itu adalah kerana Allah semata-mata. Inilah jaminan yang kuat di dalam pelaksanaan undang-undang dan kehakiman Islam di setiap tempat dan zaman.

Pilihan yang diberikan kepada Rasulullah dalam menghadapi orang-orang Yahudi ini menunjukkan bahawa hukum ini adalah diturunkan di masa-masa permulaan Hijrah, kerana selepas itu urusan pemerintahan dan kehakiman adalah diwajibkan menurut syari'at Islam. Di dalam negara Islam tiada undang-undang lain yang dijalankan selain dari syari'at Allah dan seluruh rakyatnya diwajibkan berhakim kepada syari'at Allah. Di samping itu Islam memperuntukkan satu dasar khas kepada kaum Ahlil-Kitab, iaitu mereka tidak boleh dipaksa melainkan mengenai hukum-hukum yang ada di dalam syari'at mereka, juga mengenai peraturan-peraturan yang berkaitan dengan peraturan umum. Oleh itu mereka dibebaskan melaku perkara-perkara yang dibebaskan oleh syari'at-syari'at mereka seperti memilik babi dan memakannya dan memilik arak dan meminumkannya, tetapi tidak boleh dijual kepada orang-orang Islam. Mereka diharam bermuamalah dengan riba kerana riba diharamkan di sisi mereka. Mereka dikenakan hukum hudud jenayah zina dan mencuri kerana hukuman itu tertulis di dalam kitab suci mereka, begitu juga mereka dikenakan hukuman-hukuman kerana melanggar peraturan atau ketertiban umum dan kerana melakukan kerosakan-kerosakan di bumi sama seperti hukum-hukum yang dikenakan ke atas orang-orang Islam, kerana hukuman-hukuman yang seperti ini perlu untuk menjaga keamanan negara Islam dan rakyatnya sama ada orang-orang Islam atau bukan Islam. Di dalam peraturan ini Islam tidak bertolak-ansur dengan sesiapa pun dari rakyat jelata negara Islam.

Dalam masa Rasulullah s.a.w. diberi pilihan menghakimkan orang-orang Yahudi, mereka telah membawa beberapa kes jenayah kepada beliau. Sebagai contohnya ialah hadith yang diriwayatkan oleh Malik dari Nafi, dari Abdullah ibn 'Umar r.a. katanya: "Orang-orang Yahudi telah datang menemui Rasulullah s.a.w. Mereka melaporkan kepada beliau ada seorang lelaki dari kalangan mereka telah melakukan jenayah zina dengan seorang perempuan, lalu Rasulullah s.a.w. bertanya mereka: 'Apakah tidak kamu dapati hukum rejam di dalam kitab Taurat?' Jawab mereka: 'Kami mengenakan hukuman memalu dan hukuman sebat terhadap mereka?' Sampuk Abdullah ibn Salam: 'Kamu bohong, di dalam Taurat memang ada hukum rejam lalu mereka membawa kitab Taurat dan membukanya, tiba-tiba salah seorang dari mereka meletakkan tangannya di atas ayat rejam dan dia terus membaca ayat sebelumnya dan ayat selepasnya lalu Abdullah ibn Salam berkata: 'Angkat tangan awak!' Lelaki itu pun mengangkat tangannya dan ternampaklah ayat rejam. Kemudian mereka berkata: 'Memang benar, wahai Muhammad,

di dalam Taurat ini ada ayat rejam.' Kemudian Rasulullah s.a.w. memerintah supaya kedua-dua penjenayah itu dikenakan hukuman rejam lalu kedua-duanya direjam, aku nampak lelaki itu membongkok ke atas perempuan itu untuk melindunginya dari rejaman batu." (Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dan lafaz hadith ini adalah lafaz al-Bukhari).

Satu contoh lagi ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dengan isnadnya dari Ibn Abbas katanya: Ayat ini diturunkan mengenai dua suku Yahudi, salah satunya telah menewaskan yang satu lagi dalam masa jahiliyah sehingga mereka mencapai persetujuan (bayaran diat) bahawa setiap orang dari suku yang kalah yang dibunuh oleh suku yang kuat hendaklah dibayar diatnya sebanyak lima puluh wasaq (satu wasaq bersamaan dengan enam puluh gantang) dan setiap orang dari suku yang kuat yang dibunuh oleh suku yang kalah hendaklah dibayar diatnya sebanyak seratus wasaq. Mereka mematuhi persetujuan ini sehingga kedatangan nabi di Madinah (Hijrah), ketika itu berlaku satu pembunuhan di mana suku yang kalah telah membunuh seorang dari suku yang kuat, lalu suku yang kuat menghantar utusannya kepada suku yang kalah menuntut dihantarkan bayaran diat kepadanya sebanyak seratus wasaq lalu suku yang kalah (menolak) dan berkata: "Apakah patut dalam kalangan (kita), iaitu dua suku kaum yang menganut agama yang sama, mempunyai darah keturunan yang sama dan negeri yang sama, tetapi mengenakan diat terhadap satu suku dengan perbezaan separuh? Dahulu kami terpaksa membayar diat sepertinya ini kepada kamu kerana kezaliman kamu terhadap kami, dan kerana kami takut kepada kamu, tetapi (sekarang) sesudah kedatangan Muhammad kami tidak mahu lagi membayar diat (sebanyak itu) kepada kamu." Satu pertempuran (baru) hampir tercetus di antara dua suku Yahudi itu. Kemudian mereka bersetuju melantik Rasulullah s.a.w. sebagai hakim untuk mengadili di antara mereka. Kemudian suku yang menang itu sedar dan berkata (sesama mereka), "Demi Allah, Muhammad tidak akan memberi kepada kamu diat dari mereka (suku yang kalah) sebanyak sekali ganda dari diat yang beliau berikan kepada mereka dari bayaran kamu. Apa yang dikatakan mereka memang benar bahawa mereka tidak membayar diat (yang sekali ganda besar) ini kepada kita melainkan kerana kezaliman kita dan kerana mereka takut kepada kita dan kalah kepada kita. Oleh itu hendaklah kamu hantar kepada Muhammad secara rahsia orang yang dapat (merisik dan) menceritakan kepada kamu pendapat Muhammad (dalam perkara ini). Andainya beliau memberi hukuman yang kamu kehendaki, maka berhakimkanlah kepadanya, sebaliknya jika beliau tidak memberi hukuman itu, maka bererti beliau memberi amaran kepada kamu dan kerana itu tidak payahlah kamu berhakimkan kepadanya." lalu mereka mengirim secara rahsia beberapa orang Munafiqin kepada Rasulullah s.a.w. supaya mereka (merisikkan pendapat beliau) dan menyampaikannya kepada mereka. Apabila mereka datang kepada Rasulullah s.a.w., maka Allah telah memberitahu kepada beliau tentang taktik-taktik dan tujuan-tujuan kedatangan mereka semuanya. Kemudian Allah Ta'ala menurunkan ayat: "يأيها الرسول لايحزنك الذين يسرعون في الكفر" hingga kepada firman-Nya "الفاسقون" demi Allah ayat ini diturunkan kerana mereka dan merekalah orang-orang yang dikehendaki Allah 'Azzawajalla. (Dikeluarkan oleh Abu Daud dari hadith Abuz Zinad dari bapanya) dan dalam riwayat Ibn Jarir menyebut "Suku yang menang", iaitu Bani Nadhir dan "Suku yang kalah" iaitu Bani Qurayzah. Ini menunjukkan bahawa ayat-ayat ini adalah diturunkan di permulaan Hijrah sebelum mereka diusir dan dihukum.

Kemudian ayat yang berikut diiringi dengan satu pertanyaan yang bertujuan mengecam sikap kaum Yahudi dalam persoalan ini atau lainnya, iaitu sikap umum mereka dan tindakan yang berterusan dari mereka:

وَكَيْفَ يُحَكِّمُونَكَ وَعِندَهُمُ ٱلتَّوْرَىٰةُ فِيهَا حُكْمُ ٱللَّهِ ثُمَّ يَتَوَلَّوْنَ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَۚ

"Dan bagaimana mereka hendak berhakimkan kepada engkau, sedangkan mereka mempunyai kitab Taurat yang mengandungi hukum-hukum Allah kemudian mereka berpaling pula (dari keputusan engkau)."(43)

Adalah satu kesalahan besar yang tercela perbuatan mereka berhakimkan kepada Rasulullah s.a.w. lalu beliau menghukum dengan syari'at dan hukum Allah, sedangkan mereka di samping itu mempunyai kitab Taurat yang juga mengandungi syari'at dan hukum Allah kemudian hukum Rasulullah s.a.w. itu selaras pula dengan hukum Taurat, iaitu salah satu hukum yang dibawa oleh Al-Qur'an yang berfungsi mengesahkan hukum Taurat dan mengawasinya tetapi selepas ini semua mereka berpaling dan mengabaikan sama ada mereka berpaling dengan tidak mematuhi hukum itu atau tidak redha menerimanya.

Ayat ini tidak berpada dengan mengecam sahaja, malah menjelaskan hukum Islam dalam pendirian yang seperti ini:

"Dan mereka sebenarnya bukanlah orang-orang yang beriman."(43)

Keimanan tidak mungkin berkumpul dengan sikap enggan berhakimkan kepada syari'at Allah atau dengan sikap tidak redha terhadap hukum syari'at. Orang-orang yang mendakwa diri mereka atau orang-orang lain dari mereka sebagai orang-orang yang beriman kemudian mereka tidak berhakimkan syari'at Allah di dalam kehidupan mereka atau tidak redha terhadap hukum syari'at Allah apabila dijalankan ke atas mereka, maka mereka adalah orang-orang yang

membuat dakwaan yang bohong. Mereka bertembung dengan nas yang amat jelas:

وَمَآ أُوْلَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٣﴾

"Dan mereka sebenarnya bukanlah dari orang-orang yang beriman."(43)

Yang menjadi pokok dalam persoalan ini bukan sahaja sikap tidak mahu berhakimkan kepada syari'at Allah, tetapi juga sikap tidak redha terhadap hukum Allah dari pihak mereka yang dihukum. Sikap ini mengeluarkan mereka dari lingkungan keimanan biar apa pun yang didakwa oleh lidah mereka.

Nas ini selaras dengan satu nas yang lain di dalam Surah an-Nisa':

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

"Demi Tuhanmu, mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepada-Mu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan penuh kerelaan."(65)

Kedua-dua nas ini adalah bergantung dengan pihak yang dihukum dan bukanlah bergantung dengan pihak para hakim dan kedua-dua nas itu mengeluarkan (orang-orang yang tidak berhakim kepada hukum Allah dan rasul-Nya) ini dari keimanan dan menafikan sifat keimanan dari mereka yang tidak redha menerima hukum Allah dan rasul-Nya dan dari mereka yang berpaling darinya dan enggan menerimanya.

Pendeknya pokok pangkal persoalan ini sebagaimana telah kami terangkan di permulaan pelajaran ini ialah bahawa persoalan ini ialah persoalan mengikrarkan pengakuan terhadap Uluhiyah Allah Yang Maha Esa, terhadap Rububiyah dan Qiwamah-Nya ke atas manusia atau menolak pengakuan itu dan bahawa penerimaan syari'at Allah dan keredhaan hati menerima hukum-hukum-Nya merupakan gejala dan petanda dari pengakuan terhadap Uluhiyah, Rububiyah dan Qiwamah-Nya, sedangkan perbuatan menolak dan berpaling darinya merupakan gejala menolak pengakuan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 44 - 45)

Itulah hukum Allah terhadap orang-orang yang dihukum yang tidak menerima hukum syari'at Allah di dalam kehidupan mereka. Sekarang tibalah pula hukum Allah ke atas para hakim yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, iaitu hukum yang disepakati di dalam semua agama yang datang dari Allah.

Ia mulakan dengan kitab Taurat:

إِنَّآ أَنزَلْنَا ٱلتَّوْرَىٰةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُوا۟ لِلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُوا۟ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ عَلَيْهِ شُهَدَآءَ ۚ فَلَا تَخْشَوُا۟ ٱلنَّاسَ وَٱخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ ۚ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan Taurat yang mengandungi hidayat dan nur, dengan peraturannya para nabi yang menyerahkan diri kepada Allah mengadili orang-orang Yahudi, juga para ulama' dan para paderi kerana mereka telah diamanahkan memelihara kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi takutlah kepada-Ku. Dan janganlah kamu menjual ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir (44). Dan Kami telah menetapkan hukum Qisas ke atas mereka di dalam Taurat iaitu nyawa dibalas dengan nyawa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka juga ditetapkan hukum Qisas. Barang siapa yang melepaskan hak Qisas, maka ia menjadi penebus dosa baginya dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang zalim."(45)

Tujuan Agama Yang Diturunkan Allah

Tujuan agama yang datang dari Allah ialah untuk menjadi satu sistem hidup, iaitu satu sistem hidup yang realistik. Kedatangan agama Allah ialah untuk memegang teraju kepimpinan hidup manusia, untuk mengatur, membimbing dan memeliharanya. Tidak ada agama yang datang dari Allah untuk semata-

mata dijadikan 'aqidah hati nurani sahaja dan tidak pula untuk dijadikan semata-mata syi'ar ibadat yang dikerjakan di rumah-rumah ibadat dan mihrab-mihrab. Walaupun kedua-duanya perlu bagi kehidupan manusia dan penting dalam mentarbiyahkan hati nurani manusia, tetapi kedua-duanya tidak cukup untuk memimpin kehidupan dan untuk mengatur, membimbing dan memeliharanya jika di atas asas kedua-duanya tidak ditegakkan satu sistem, satu peraturan dan satu syari'at yang diamalkan dalam kehidupan manusia, di mana mereka boleh dihukum dengan undang-undang dan kuasanya, iaitu mereka boleh dikenakan hukuman-hukuman apabila mereka melanggar dan menyalahinya.

Kehidupan manusia tidak mungkin menjadi betul dan kukuh melainkan apabila mereka menerima 'aqidah, syi'ar-syi'ar ibadat, undang-undang dan peraturan dari satu sumber yang sama yang berkuasa di atas dhamir dan hati manusia di samping berkuasa di atas harakat dan perilaku mereka, iaitu kuasa yang menentukan ganjaran dan balasan di dunia mengikut undang-undang dan peraturannya di samping menentukan ganjaran dan balasan dalam kehidupan Akhirat mengikut hisab-Nya.

Tetapi apabila kuasa itu berbelah-bagi dan sumber penerimaan juga berbelah-bagi, iaitu kuasa di dalam hati dan syi'ar-syi'ar ibadat diberikan kepada Allah, sedangkan kuasa di dalam bidang undang-undang dan peraturan diberikan kepada yang lain dari Allah, atau kuasa menentukan balasan dan ganjaran di Akhirat diberikan kepada Allah sementara kuasa dalam menentukan hukuman-hukuman dan balasan-balasan di dunia diberikan kepada yang lain dari Allah. Di waktu ini jiwa manusia akan terkoyak dan tercaing di antara dua kuasa yang berlainan, di antara dua arah tujuan yang berlainan dan di antara dua sistem yang berlainan dan di waktu ini jiwa manusia akan dilanda kerosakan, iaitu kerosakan yang diisyaratkan oleh ayat-ayat Al-Qur'an di berbagai-bagai tempat:

لَوْ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا

"Jika pada keduanya (langit dan bumi) ada Tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya musnah."

(Surah al-Anbiya': 22)

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلْحَقُّ أَهْوَآءَهُمْ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ

"Andainya kebenaran itu menurut hawa nafsu mereka tentulah musnah segala langit dan bumi dan para penghuninya."

(Surah al-Mu'minun: 71)

ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

"Kemudian Kami jadikan engkau di atas satu syari'at dari perintah Allah. Oleh itu ikutkannya dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui."

(Surah al-Jathiyah: 18)

Oleh sebab inilah seluruh agama yang datang dari Allah adalah bertujuan untuk dijadikan satu sistem hidup sama ada agama ini, datang untuk satu negeri di antara berbagai-bagai negeri atau untuk satu umat di antara berbagai-bagai umat atau untuk seluruh umat manusia dengan seluruh generasinya. Agama itu datang membawa satu syari'at yang tertentu untuk mengendalikan realiti kehidupan di samping membawa 'aqidah yang membentuk kefahaman dan pandangan yang betul terhadap hidup dan membawa syi'ar-syi'ar ibadat yang menghubungkan hati manusia dengan Allah. Ketiga-tiga aspek ini merupakan asas agama yang datang dari Allah, kerana kehidupan manusia tidak mungkin, menjadi betul dan kukuh melainkan apabila agama Allah dijadikan sistem hidup.[25]

Di dalam Al-Qur'an terdapat berbagai-bagai bukti yang menunjukkan bahawa agama-agama samawi yang pertama yang mungkin diturunkan untuk sesebuah negeri atau untuk sesuatu suku kaum itu adalah mendokong ciri kesepaduan (tiga aspek) ini dalam bentuk yang sesuai dengan taraf perkembangan yang dilalui oleh negeri atau suku kaum itu. Di sini Al-Qur'an membentangkan ciri kesepaduan ini di dalam tiga agama samawi yang utama, iaitu agama Yahudi, agama Kristian dan agama Islam.

Dalam ceraian ayat-ayat yang sedang kita ulaskan ini Allah memulakan dengan (memperkenalkan) kitab Taurat:

إِنَّآ أَنزَلْنَا ٱلتَّوْرَىٰةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan Taurat yang mengandungi hidayat dan nur."(44)

Kitab Taurat - sebagaimana yang diturunkan Allah - adalah kitab Allah yang diturunkannya untuk memberi hidayat kepada Bani Israel dan untuk menerangkan jalan menuju kepada Allah di samping menerangkan jalan dalam kehidupan mereka. Ia datang membawa konsep 'aqidah tauhid dan

---

[25] *Lihat huraian yang luas di dalam buku"* الإسلام ومشكلات الحضارة*", buku "*المستقبل لهذا الدين *" dan buku* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته*"*

berbagai-bagai syi'ar ibadat di samping membawa satu syari'at.

يَحْكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُوا۟ لِلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُوا۟ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ عَلَيْهِ شُهَدَآءَ

"Dengan peraturannya (Taurat) para nabi yang menyerahkan diri mereka kepada Allah mengadili orang-orang Yahudi, juga para ulama' dan para paderi kerana mereka telah diamanahkan memelihara kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya."(44)

Allah S.W.T. menurunkan Taurat bukan sahaja untuk menjadi hidayat dan nur kepada hati melalui 'aqidah dan ibadat-ibadat yang terkandung di dalamnya, malah juga untuk menjadi hidayat dan nur melalui undang-undang dan peraturan yang termuat di dalamnya yang bertujuan mengendalikan kehidupan yang realistik mengikut sistem hidup Ilahi dan mengawal kehidupan itu dalam lingkungan sistem ini. Dengan syari'at inilah para nabi (Bani Israel) yang menyerah diri kepada Allah melaksanakan hukum-hukum Taurat. Mereka tidak menaruh apa-apa perasaan yang lain di dalam hati mereka, malah semuanya kerana Allah semata-mata. Mereka tidak mempunyai apa-apa kehendak dan kuasa dan tidak pernah membuat apa-apa dakwaan di dalam mana-mana ciri dari ciri-ciri Uluhiyah. Inilah Islam dalam pengertiannya yang tulen. Mereka mengadili dan menghukum dengan syari'at ini ke atas orang-orang Yahudi. Tegasnya Taurat adalah undang-undang syari'at mereka yang khusus. Ia diturunkan kepada mereka mengikut batas-batas dan sifat-sifat mereka yang ada ini. Dengan syari'at ini juga para ulama' dan para paderi Yahudi mengadili dan menghukum (kaum mereka). Mereka adalah para hakim dan ulama' kaum Yahudi. Ini ialah kerana mereka telah ditugas memelihara kitab Allah dan menjadi para saksinya. Oleh itu mereka memberi kesaksian mereka (terhadap kebenaran Taurat) dengan amalan diri mereka sendiri, iaitu dengan mencorakkan hidup mereka mengikut arahan-arahan dan bimbingan Taurat di samping memberi kesaksian (terhadap kebenaran Taurat) di dalam kalangan kaum mereka dengan menegakkan syari'at yang di bawa oleh nabi mereka.

Sebelum penjelasan ayat ini menamatkan pembicaraan-nya mengenai kitab Taurat, maka (ayat yang berikut) berpaling kepada kelompok Muslimin untuk menyampaikan arahan mengenai kewajipan menghukum dengan kitab Allah secara menyeluruh di samping mendedahkan halangan-halangan yang menentang hukum ini seperti kehendak-kehendak nafsu manusia, kedegilan dan penentangan-penentangan mereka yang sengit, juga mengenai kewajipan setiap pihak yang diamanah memelihara kitab Allah dalam keadaan yang seperti ini dan balasan terhadap kemungkaran dan pelanggaran mereka terhadap kitab itu.

فَلَا تَخْشَوُا۟ ٱلنَّاسَ وَٱخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

"Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia, tetapi takutlah kepadaKu dan janganlah kamu menjual ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir."(44)

Kewajipan Menegakkan Syari'at Allah

Allah S.W.T. mengetahui bahawa tindakan menghukum dengan peraturan yang telah diturunkan Allah akan menghadapi tentangan dari setengah-setengah manusia. Hati orang-orang ini tidak akan menerimanya dengan penuh kerelaan. Ia akan menghadapi tentangan dari para pembesar, pemerintah-pemerintah yang sewenang-wenang dan pemilik-pemilik kuasa yang diwarisi. Tentangan ini disebabkan kerana pelaksanaan syari'at Allah akan menanggalkan baju Uluhiyah yang dipakai mereka dan memulangkan sifat Uluhiyah kepada Allah semata-mata. Ia menghadapi tentangan dari orang-orang yang mempunyai kepentingan kebendaan yang ditegakkan di atas dasar eksploitasi, kezaliman dan harta pencarian yang haram. Tentangan ini disebabkan kerana syari'at Allah yang adil tidak akan mengekalkan kepentingan-kepentingan mereka yang zalim. Ia akan menghadapi tentangan dari orang-orang yang terkongkong kepada keinginan-keinginan nafsu, keni'matan-keni'matan yang berdosa dan keruntuhan akhlak. Tentangan ini disebabkan kerana agama Allah akan menghukum mereka supaya membersihkan diri mereka darinya dan akan mengenakan hukuman ke atas mereka (kerana dosa-dosa itu). Ia akan menghadapi tentangan dari berbagai-bagai pihak yang lain lagi yang tidak redha melihat kebajikan, keadilan dan kebaikan mengambil tempat yang dominan di muka bumi ini.

Allah S.W.T. mengetahui bahawa tindakan menghukum dengan syari'at yang diturunkan Allah itu akan menghadapi tentangan-tentangan ini dari berbagai-bagai pihak dan bahawa orang-orang yang diamanahkan menjaga dan menjadi saksi syari'at Allah pastilah menghadapi tentangan-tentangan itu dengan gigih dan sabar. Mereka pasti sanggup memikul beban-beban pengorbanan jiwa dan harta benda dan kerana itu Allah menyeru mereka:

فَلَا تَخْشَوُا۟ ٱلنَّاسَ وَٱخْشَوْنِ

"Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia, tetapi takutlah kepada-Ku."(44)

Ketakutan mereka kepada manusia tidak seharusnya menghalang mereka dari melaksanakan syari'at Allah sama ada manusia yang ditakuti itu dari golongan pemerintah-pemerintah dan penguasa-

penguasa yang zalim yang enggan menyerah kepada syari'at Allah dan ini bererti menolak pengakuan terhadap konsep bahawa sifat Uluhiyah adalah tertentu kepada Allah Yang Maha Esa atau dari golongan pengeksploitasi-pengeksploitasi yang memandang syari'at Allah sebagai penghalang eksploitasi-eksploitasi yang menjadi darah daging mereka. Atau dari golongan penyesat-penyesat atau penyeleweng-penyeleweng atau golongan-golongan yang runtuh akhlak yang memandang syari'at Allah sebagai undang-undang yang berat dan menyusahkan mereka. Tegasnya ketakutan mereka kepada semua golongan-golongan tidak seharusnya menghalangkan mereka dari meneruskan usaha menegakkan syari'at Allah dalam kehidupan, kerana Allah Yang Maha Esa sahaja yang wajar ditakuti dan perasaan khasyiyah yang sebenar adalah tertentu kepada Allah.

Begitu juga Allah S.W.T. mengetahui bahawa setengah-setengah orang yang diamanahkan menjaga kitab Allah dan menjadi saksi-saksinya kadang-kadang digoda oleh keinginan-keinginan yang tamak kepada kesenangan hidup dunia. Oleh itu apabila mereka dapati golongan yang berkuasa, golongan hartawan dan golongan yang berfoya-foya di dalam keni'matan-keni'matan nafsu itu tidak ingin kepada hukum Allah, mereka akan mengampu-ngampu keinginan golongan itu kerana tamakkan kesenangan hidup dunia sebagaimana yang berlaku kepada ahli-ahli agama profesional di setiap zaman dan kaum, juga sebagaimana yang telah berlaku kepada ulama'-ulama' Israel. Oleh itu Allah menyeru mereka:

وَلَا تَشْتَرُوا بِـَٔايَٰتِي ثَمَنًا قَلِيلًا

"Dan janganlah kamu menjual ayat-ayat Ku dengan harga yang sedikit"(44)

sebagai bayaran kerana menutup mulut atau bayaran kerana penyelewengan atau bayaran kerana fatwa-fatwa yang palsu.

Sebenarnya segala harga itu kecil belaka sekalipun dapat memiliki kesenangan hidup dunia kerana bukankah harga yang diperolehi itu tidak lebih dari berupa gaji-gaji, jawatan-jawatan, gelaran-gelaran dan kepentingan-kepentingan yang kecil dan itulah harga menjual agama dan membeli Neraka dengan penuh keyakinan?

Tidak ada pengkhianatan yang lebih keji dari pengkhianatan orang-orang yang diserahkan amanah memelihara kitab Allah, tidak ada kecuaian yang lebih keji dari orang-orang yang ditugas menjaga kitab suci dan tidak ada pemalsuan yang lebih hina dari pemalsuan orang-orang yang diamanahkan menjadi saksi. Orang-orang yang membawa gelaran "Ahli-ahli agama" tergamak melakukan pengkhianatan, kecuaian dan pemalsuan, oleh kerana itu mereka berdiam diri dari berjuang menegakkan syari'at yang diturunkan Allah dan mereka mengubah nas-nas dari maksudnya yang sebenar untuk menyelaraskan dengan kehendak-kehendak nafsu orang-orang yang berkuasa walaupun merugikan kepentingan kitab Allah.

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

"Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir."(44)

Dengan kenyataan yang sedemikian tegas dan pasti dan dengan penjelasan yang sedemikian umum dan menyeluruh yang terkandung di dalam kata-kata "Barang siapa" dan jawapannya, maka keumuman ini adalah melangkaui batas-batas keadaan, zaman dan tempat dan membentuk satu hukum yang menyeluruh yang mencakupi setiap mereka yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah di dalam mana-mana generasi dan dari mana-mana kaum sekalipun.

Sebabnya ialah seperti yang telah kami jelaskan sebelum ini, iaitu orang-orang yang tidak mahu menghukum dengan syari'at yang telah diturunkan Allah adalah bererti menolak Uluhiyah Allah, kerana di antara ciri-ciri dan kehendak-kehendak Uluhiyah itu ialah ciri al-Hakimiyah iaitu ciri yang memiliki kuasa menetapkan undang-undang dan peraturan. Oleh sebab itu sesiapa yang menghukum dengan undang-undang dan peraturan yang lain dari syari'at yang telah diturunkan Allah, maka bererti ia menolak Uluhiyah Allah dan ciri-cirinya dari satu segi dan mendakwa dirinya mempunyai hak Uluhiyah dan ciri-cirinya dari satu segi yang lain. Dan apakah lagi yang membawa kepada kekufuran jika tidak kedua-dua bentuk penolakan ini? Apakah nilai pengakuan beriman atau memeluk Islam dengan lisan sahaja, sedangkan amalan - iaitu pengungkapan yang lebih kuat dari percakapan - melafazkan kekufuran yang lebih jelas dari lisan.

Perbuatan mempertikaikan hukum yang tegas, pasti, umum dan menyeluruh ini tidak membawa apa-apa erti selain dari percubaan melarikan diri dari menghadapi realiti. Perbuatan membuat ta'wilan-ta'wilan dalam hukum yang tegas seperti ini tidak membawa apa-apa erti selain dari percubaan mengubahkan nas-nas dari maksudnya yang sebenar dan pertikaian ini tidak mempunyai apa-apa nilai dan kesan untuk menepiskan hukum dari mereka yang tercakup dengan nas yang terang dan tegas itu.

Setelah menjelaskan dasar pokok seluruh agama Allah, maka ayat yang berikut kembali membentangkan contoh-contoh dari syari'at Taurat yang telah diturunkan Allah supaya para nabi mengadili kaum Yahudi dengannya, juga supaya para ulama' dan para paderi mereka turut mengadili dan menghukum dengannya kerana mereka telah diberi amanah memelihara kitab Allah dan menjadi saksinya.

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ

"Dan Kami telah menetapkan hukum Qisas ke atas mereka di dalam Taurat iaitu nyawa dibalas dengan nyawa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka juga ditetapkan hukum Qisas."(45)

Hukum-hukum Dalam Kitab Taurat Terus Didokong Oleh Al-Qur'an

Hukum-hukum yang telah diturunkan di dalam kitab Taurat ini telah dikekalkan di dalam syari'at Islam dan telah menjadi sebahagian dari syari'at Islam yang telah datang untuk menjadi syari'at seluruh umat manusia hingga akhir zaman walaupun hukum-hukum ini tidak dijalankan melainkan di dalam negara Islam kerana beberapa pertimbangan amali semata-mata, iaitu pemerintah Islam tidak mempunyai kuasa menjalankan hukum-hukum itu di luar perbatasan-perbatasan negara Islam. Tetapi apabila ia mempunyai kuasa menjalankannya, maka ia diwajibkan menjalankannya kerana undang-undang syari'at adalah undang-undang syari'at untuk seluruh manusia dan untuk seluruh zaman sebagaimana yang dikehendaki Allah.

Islam telah menokokkan hukum-hukum ini dengan satu hukum yang lain yang dijelaskan dalam firman Allah Ta'ala:

فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥ

"Barang siapa yang melepaskan hak Qisas, maka ia menjadi penebus dosa baginya."(45)

Hukum pelepasan ini tidak ada di dalam syari'at Taurat kerana hukum Qisas adalah suatu hukum yang pasti, tidak ada tanazul dan tidak ada pelepasan, oleh sebab itu tidak ada penebusan dosa.

Di sini eloklah kami bentangkan sepatah kata tentang hukuman-hukuman Qisas ini sekadar yang sesuai dengan pembicaraan ayat ini dalam Tafsir Fi Zilal.

Dasar pertama yang ditetapkan oleh syari'at Allah dalam hukum Qisas ialah dasar persamaan, iaitu persamaan darah dan persamaan hukuman. Tidak ada syari'at yang lain dari syari'at Allah yang mengiktirafkan dasar persamaan di antara manusia, oleh sebab itu ia mengenakan hukum nyawa dibalas nyawa dan hukum Qisas juga dijalankan dalam kes-kes menyebabkan kecederaan anggota tanpa mengira perbezaan darjat, golongan, keturunan, darah dan bangsa.

Nyawa dibalas dengan nyawa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka dibalas dengan Qisas. Tidak ada perbezaan, tidak ada perkauman, tidak ada kelas golongan, tidak kira yang menghukum dan tidak kira yang dihukum seluruhnya adalah sama sahaja di hadapan syari'at Allah. Seluruh mereka adalah dari diri yang satu (Adam) yang diciptakan Allah.

Dasar persamaan yang agung yang dibawa oleh syari'at Allah ini merupakan satu perisytiharan yang sebenar dan sempurna bagi hari kelahiran "Insan", iaitu insan yang setiap individunya dapat meni'mati hak persamaan pertama dalam urusan berhakim kepada satu syari'at dan satu kehakiman, kedua dalam urusan tuntutan Qisas di atas dasar yang sama dan nilai yang sama.

Inilah perisytiharan pertama, sedangkan undang-undang ciptaan manusia telah ketinggalan di belakang berpuluh kurun lamanya sehingga ia dapat meningkat kepada setengah-setengah tahap dasar persamaan Islam dari segi teori perundangan, namun begitu ia masih berada di tahap bawah dari segi pelaksanaan amali.

Umat Yahudi telah menyeleweng dari dasar agung ini yang tertulis dalam kitab suci mereka Taurat, bukan sahaja dalam hubungan di antara mereka dengan manusia yang lain kerana mereka pernah berkata: "Tidak ada dosa ke atas kami dalam (menganiayakan) orang-orang Ummi (orang-orang Arab)"[26], malah dalam hubungan di antara sesama mereka sebagaimana kita telah melihat bentuk hubungan (yang tidak adil) di antara Bani Qurayzah yang kalah dengan Bani Nadhir yang menang sehingga mereka didatangi oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan beliaulah yang telah mengembalikan mereka kepada syari'at Allah iaitu kepada undang-undang persamaan dan mengangkatkan kepala orang-orang yang hina sama tinggi dengan kepala-kepala orang-orang yang mulia dari mereka.'

Undang-undang Qisas yang dilandaskan di atas dasar persamaan yang agung ini di samping merupakan perisytiharan hari kelahiran insan adalah juga merupakan satu hukuman yang menjerakan yang membuat setiap orang yang ingin melakukan jenayah membunuh atau menyerang yang mengakibatkan luka-luka dan patah-patah itu berfikir dua kali sebelum ia melakukan apa yang di bisik dan didorong oleh hatinya di sa'at ledakan emosinya, kerana dia tahu bahawa dia akan dihukum bunuh jika dia melakukan jenayah membunuh tanpa memandang keturunannya atau pangkatnya atau kelas golongannya atau bangsa dan dia akan dihukum dengan kecederaan-kecederaan yang sama apabila ia melakukannya ke atas orang lain. Apabila ia memotong tangan atau kaki orang lain, maka tangan dan kakinya akan dihukum potong. Apabila ia merosakkan mata atau telinga atau hidung atau gigi, maka anggota-anggota tubuh badannya yang sama

---

[26] *Dari keterangan al-Qur'an:* "ليس علينا في الأميين سبيل"

dengan anggota-anggota orang lain yang telah dirosakkannya itu akan dihukum Qisas, tetapi kesedaran yang seumpama ini tidak berlaku jika ia mengetahui bahawa dia hanya akan dihukum penjara sama ada panjang atau pendek masanya, kerana kesakitan dan keseksaan tubuh badan, kekurangan dan kecacatan anggota adalah jauh berlainan dari kesakitan dan keseksaan hidup dalam penjara. Ia adalah sama seperti yang dihuraikan dalam pembicaraan hukum hudud mencuri sebelum ini.

Hukum Qisas yang dilandaskan di atas dasar persamaan yang agung ini di samping merupakan perisytiharan hari kelahiran insan adalah juga merupakan suatu hukuman yang memberi kerehatan kepada fitrah, menghapuskan dendam di dalam jiwa dan luka-luka di dalam hati. Itulah hukum yang dapat menenangkan gelora keinginan menuntut bela yang liar yang dipimpin oleh perasaan marah yang membabi buta dan dendam kesumat jahiliyah. Setengah orang boleh menerima bayaran diat dalam kes pembunuhan dan boleh menerima ganti rugi dalam kes-kes melakukan kecederaan-kecederaan fizikal, tetapi setengah orang pula tidak akan berpuas hati melainkan dengan hukuman Qisas.

Syari'at (dalam Al-Qur'an) memberi perhatian-kepada fitrah semulajadi manusia sebagaimana syari'at Allah dalam Taurat memberi perhatian kepada fitrah semulajadi manusia dan setelah Allah memberi jaminan kepada fitrah dengan hukuman Qisas yang merehatkannya, maka dia merayu pula kepada fitrah menunjukkan perasaan toleransi dan memberi kemaafan, iaitu kemaafan dari orang yang berkuasa mengenakan hukum Qisas:

فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥ

"Barang siapa yang melepaskan hak Qisas, maka ia menjadi penebus dosa baginya."(45)

Galakan Melepaskan Hak Qisas

Yakni sesiapa yang melepaskan hak Qisas secara sukarela sama ada ianya wali darah (wali kepada si mati yang dibunuh) dalam kes pembunuhan (pelepasan hak Qisas ialah dengan menerima bayaran diat sebagai ganti Qisas atau ia melepaskan hak Qisas dan diat kedua-duanya sekali. Ini adalah menjadi hak wali, kerana hukuman dan kemaafan itu terletak di dalam tangannya dan bagi pemerintah pula, ia boleh mengenakan ke atas pembunuh itu hukuman ta'zir yang di fikir wajar olehnya) atau ianya tuan hak sendiri dalam kes-kes segala kecederaan dan luka-luka lalu ia melepaskan hak Qisas, maka pelepasannya itu menjadi penebus dosa baginya, iaitu Allah menggugurkan dosa-dosanya.

Rayuan ke arah menunjukkan sikap toleransi, memberi kemaafan dan menggantungkan harapan hati kepada keampunan Allah seringkali merangsangkan hati orang-orang yang merasa ganti rugi yang berupa wang ringgit itu tidak memberi apa-apa makna kepada mereka dan merasa hukum Qisas itu sendiri tidak dapat menghiburkan mereka (dari perasaan hampa) kerana kehilangan orang atau anggota badan yang disayangi mereka. Apakah lagi yang pulang kepada wali si mati apabila orang yang disayanginya itu dibunuh orang? Atau apakah yang dapat digantikan oleh bayaran ganti rugi setelah kehilangan orang yang disayanginya? Hukum Qisas itu hanya merupakan penghabisan tindakan yang dapat dilakukan di muka bumi ini untuk menegakkan keadilan dan menjamin keamanan dan keselamatan kelompok, tetapi di dalam hati (orang yang kehilangan) tetap ada saki-baki (rasa kehampaan) yang tidak dapat disapu kecuali dengan menggantungkan harapan hati kepada ganti rugi yang datang dari Allah.

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan katanya: Kami telah diceritakan oleh Yunus ibn Abi Ishaq dari Abis-Safar katanya: Seorang lelaki dari kaum Quraisy telah mematahkan gigi seorang lelaki dari kaum Ansar lalu dia meminta pertolongan Mu'awiyah berunding dengannya. Jawab Mu'awiyah: "Baiklah! Kita akan memberi ganti rugi kepadanya." Tetapi lelaki Ansar itu terus mendesak lalu Mu'awiyah berkata: "Hak engkau tetap pada sahabat engkau ini!" - dan Abud Darda sedang duduk di waktu itu - lalu dia berkata: "Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

ما من مسلم يصاب بشيء في جسده فيصبر إلا رفعه الله به درجة، وحط عنه به خطيئة.

"Mana-mana orang Islam yang dicederakan sesuatu anggota dari badannya lalu dia melepaskan hak Qisasnya nescaya Allah angkatkannya dengan pelepasan itu ke satu darjah atau menggugurkan dengan pelepasan itu satu kesalahannya."

(Setelah mendengar hadith ini) lelaki Ansar itu pun berkata: "Saya maafkannya".

Demikianlah lelaki itu telah meni'mati kepuasan hati dan rasa senang yang tidak dapat dicapai dengan bayaran ganti rugi yang dibayangkan oleh Mu'awiyah.

Itulah syari'at Allah Yang Maha Mengetahui hakikat makhluk yang diciptakannya, Maha Mengetahui segala perasaan dan fikiran yang berkecamuk di dalam hatinya, Maha Mengetahui segala hukum yang memberi kepuasan dan pengertian yang mendalam di dalam hatinya, juga mencurahkan rasa ketenteraman dan kedamaian ke dalam jiwanya.

Setelah membentangkan sebahagian dari syari'at Taurat yang telah menjadi sebahagian dari syari'at Al-Qur'an, ia iringi pula dengan hukum yang umum:

"Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang zalim."(45)

Pengungkapan ini adalah satu pengungkapan am yang menyeluruh dan di sana tiada sesuatu yang mengkhususkan, tetapi dalam ayat ini disebut satu sifat yang baru iaitu "Orang-orang yang zalim".

Sifat yang baru ini tidak memberi erti bahawa kes ini berlainan dari kes yang silam yang disifatkan dengan sifat "kafir" itu, malah ia menambahkan satu sifat yang lain lagi kepada mereka yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah. Oleh itu mereka disifatkan sebagai "Orang-orang kafir" kerana mereka dikira menolak Uluhiyah Allah S.W.T. dan ikhtisas-Nya yang menetapkan undang-undang dan peraturan bagi para hamba-Nya dan dikira mendakwa mempunyai hak Uluhiyah apabila mereka mendakwa mempunyai hak menentukan undang-undang dan peraturan bagi manusia, mereka juga disifatkan sebagai "Orang-orang yang zalim" kerana mereka memaksa manusia mematuhi undang-undang dan peraturan yang bukan dari syari'at Allah yang baik dan membaikkan keadaan hidup mereka di samping mereka menzalimi diri sendiri dan membawa diri mereka ke jalan kebinasaan dan seterusnya mendedahkan diri sendiri kepada balasan kekufuran dan mendedahkan kehidupan manusia bersama kehidupan mereka kepada kerosakan.

Inilah pengertian yang dikehendaki oleh ungkapan ini, kerana di dalam ungkapan ini terdapat kesatuan atau persamaan al-Musnad ilaihi (iaitu "من") dan Fi'il asy-syarat iaitu ((ومن لم يحكم بما أنزل الله)). Oleh itu jawab asy-syarat yang kedua iaitu ((فاولئك هم الظالمون)) di tokok kepada jawab asy-syarat yang pertama iaitu ((فاولئك هم الكفرون)) dan kedua-dua jawab asy-syarat ini kembali kepada al-musnad ilaihi belaka di dalam Fi'il asy-syarat iaitu "من" (barang siapa) yang membawa makna yang umum dan menyeluruh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 47)

Kemudian ayat (yang berikut) menerangkan kelanjutan hukum yang umum ini pada kitab suci yang diturunkan selepas Taurat:

وَقَفَّيْنَا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم بِعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ ۖ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْإِنجِيلَ فِيهِ هُدًى وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلتَّوْرَىٰةِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٦﴾

وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ ٱلْإِنجِيلِ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan Kami iringkan jejak langkah mereka (nabi-nabi Bani Israel) dengan 'Isa putera Maryam yang membenarkan kitab Taurat (yang diturunkan) sebelumnya dan Kami kurniakan kepadanya kitab Injil yang mengandungi hidayat dan nur dan membenarkan kitab Taurat (yang diturunkan) sebelumnya dan mengandungi hidayat dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa (46) Dan hendaklah penganut-penganut Injil itu menghukumkan dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang fasiq."(47)

Kesinambungan Hukum Taurat

Allah telah mengurniakan kitab Injil kepada 'Isa putera Maryam untuk dijadikan sistem hidup dan undang-undang pengadilan/pemerintahan, tetapi Injil itu sendiri tidak mengandungi undang-undang dan peraturan yang baru kecuali beberapa pindaan kecil di dalam undang-undang dan peraturan Taurat. Kedatangan injil adalah sebagai mengesahkan kitab Taurat yang diturun sebelumnya, oleh itu syari'at Taurat masih terus dipakai kecuali pindaan-pindaan yang kecil itu sahaja. Allah telah jadikan kitab Injil itu mengandungi hidayat dan nur, hidayat dan pengajaran. Kepada siapa? Kepada orang-orang yang bertaqwa. Jadi, orang-orang yang bertaqwa itulah golongan orang-orang yang mendapat hidayat, nur dan pengajaran dari kitab-kitab Allah. Merekalah orang-orang yang membuka pintu hati mereka kepada hidayat dan nur yang terkandung di dalam kitab-kitab itu. Merekalah orang-orang yang terbuka kitab-kitab suci ini kepada mereka dengan menghidangkan hidayat dan nur yang termuat di dalamnya. Adapun hati-hati yang kasar, keras, tebal dan pejal, maka pengajaran (dari kitab-kitab suci) itu tidak akan sampai kepada mereka. Hati ini tidak menemui makna-makna di dalam susunan kalimat-kalimat kitab itu, tidak menemui jiwa di dalam arahan-arahan dan bimbingan-bimbingannya dan tidak menemui kemanisan rasa di dalam 'aqidah (yang dikemukakannya), kerana itu hati-hati ini tidak dapat mengambil manfa'at baik dalam bentuk mendapat petunjuk mahupun dalam bentuk mendapat pengetahuan dari hidayat dan nurnya. Seterusnya hati-hati ini tidak pula menyambut dan menerimanya. Nur kitab-kitab suci itu memang wujud, tetapi ia tidak boleh di lihat melainkan oleh matahati yang terbuka. Hidayatnya memang wujud, tetapi ia tidak boleh dicapai melainkan oleh jiwa yang menelitinya dan pengajarannya juga memang wujud, tetapi ia tidak boleh dipungut melainkan oleh hati yang sedar.

Allah telah memuatkan di dalam kitab Injil hidayat, nur dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa dan Allah menjadikan Injil sebagai sistem hidup dan undang-undang pengadilan/pemerintahan kepada penganut-penganut Injil khususnya, kerana ia bukannya satu risalah yang am dan menyeluruh untuk semua umat manusia. Sifat Injil dalam aspek ini adalah sama dengan Taurat, sama dengan semua kitab suci, semua risalah dan semua rasul yang datang sebelum agama Islam yang terakhir ini, tetapi hukum-hukum syari'at Taurat yang selaras dengan hukum-hukum Al-Qur'an maka ia dikira dari syari'at Al-

Qur'an sebagaimana kita telah lalui di dalam pembicaraan hukum Qisas.

Di sini jelas bahawa penganut-penganut Injil adalah dituntut berhakimkan kepada undang-undang yang ditetap dan disahkan oleh Injil dari syari'at Taurat:

وَلۡيَحۡكُمۡ أَهۡلُ ٱلۡإِنجِيلِ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فِيهِۚ

"Dan hendaklah penganut-penganut Injil itu menghukumkan dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah."(47)

Yang menjadi dasar ialah menghukum dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah bukan dengan peraturan yang lain dari-Nya. Orang-orang Kristian dan orang-orang Yahudi juga tidak akan dikira beragama kecuali mereka menegakkan Taurat dan Injil sebelum Islam dan menegakkan. Al-Qur'an yang diturunkan Allah kepada mereka selepas kedatangan Islam. Semuanya adalah satu syari'at yang sama dan mereka diwajibkan berpegang dengannya, kerana syari'at Allah yang terakhir itulah syari'at yang muktamad:

وَمَن لَّمۡ يَحۡكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ٤٧

"Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang fasiq."(47)

Nas ini juga am dan menyeluruh. Sifat 'fasiq' ditokok kepada dua sifat yang silam, iaitu sifat kafir dan sifat zalim. Ia bukannya mengertikan satu kaum yang baru dan tidak pula mengertikan satu kes yang baru yang berasingan dari kes yang pertama, malah sifat fasiq itu adalah satu sifat yang ditambah kepada dua sifat sebelumnya yang disalutkan kepada mereka yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah dari mana-mana generasi dan kaum.

Kekufuran itu disebabkan kerana menolak Uluhiyah Allah yang dijelmakan dalam tindakan menolak syari'at-Nya dan kezaliman itu disebabkan kerana memaksa manusia mengikut undang-undang dan peraturan yang lain dari syari'at Allah dan menimbulkan kerosakan dan kekacauan dalam kehidupan mereka dan kefasiqkan itu disebabkan kerana keluar dari sistem hidup Ilahi dan mengikut sistem yang lain darinya. Semua sifat-sifat ini terangkul dalam perbuatan pertama (iaitu perbuatan tidak menghukum dengan peraturan-peraturan Allah) dan ia mencakup sekalian yang melakukannya tanpa sebarang perbezaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 48 - 50)

Kedudukan Islam Sebagai Agama Terakhir

Pada akhirnya ayat (yang berikut) sampai kepada risalah dan syari'at yang terakhir, iaitu risalah yang datang membentangkan "Islam" dalam bentuknya yang penghabisan atau terakhir supaya menjadi agama seluruh umat manusia, dan supaya syari'atnya menjadi syari'at umat manusia seluruhnya dan supaya menjadi pengawas ke atas kitab-kitab suci yang diturunkan sebelumnya dan sumber rujukan yang terakhir dan supaya menegakkan sistem hidup Ilahi bagi manusia sehingga Allah mewarisi bumi dan seluruh penghuninya (yakni Qiamat), iaitu sistem yang menjadi landasan kehidupan di dalam segala bidang aktivitinya dan syari'at yang menjadi paksi, di mana kehidupan manusia berlangsung di dalam lingkungannya dan beredar di sekelilingnya. Dan dari syari'at ini manusia harus mengambil kefahaman-kefahaman i'tiqad mereka, peraturan-peraturan kemasyarakatan mereka dan peradaban-peradaban perilaku individu dan kelompok mereka. Syari'at ini datang dengan tujuan supaya undang-undang dan peraturan masyarakat bukannya semata-mata untuk diketahui, dipelajari dan dijadikan bahan kebudayaan yang dicatatkan dalam buku-buku. Seterusnya syari'at ini datang dengan tujuan untuk diikuti dengan penuh hemat di mana tiada suatu peraturan pun yang boleh di tinggal atau ditukar dengan peraturan yang lain yang menyentuh urusan-urusan kehidupan sama ada kecil atau besar. (Pilihan di sini ialah) sama ada mengikut syari'at ini sepenuhnya atau mengikut peraturan jahiliyah dan nafsu. Tiada seorang pun yang boleh berkata sebagai alasan untuk membantunya meninggalkan syari'at ini bahawa dia mahu menyatupadukan rakyat jelata dengan dasar bertolak-ansur di dalam agama, kerana jika Allah mahu menyatukan manusia tentulah Dia jadikan seluruh manusia ini satu umat sahaja. Malah Allah mahu syari'at-Nya dijadikan undang-undang yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan dalam masyarakat biarpun apa sahaja yang mungkin berlaku kepada manusia:

وَأَنزَلۡنَآ إِلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ بِٱلۡحَقِّ مُصَدِّقٗا لِّمَا بَيۡنَ يَدَيۡهِ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَمُهَيۡمِنًا عَلَيۡهِۖ فَٱحۡكُم بَيۡنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُۖ وَلَا تَتَّبِعۡ أَهۡوَآءَهُمۡ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلۡحَقِّۚ لِكُلّٖ جَعَلۡنَا مِنكُمۡ شِرۡعَةٗ وَمِنۡهَاجٗاۚ وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَكُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ وَلَٰكِن لِّيَبۡلُوَكُمۡ فِي مَآ ءَاتَىٰكُمۡۖ فَٱسۡتَبِقُواْ ٱلۡخَيۡرَٰتِۚ إِلَى ٱللَّهِ مَرۡجِعُكُمۡ جَمِيعٗا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ فِيهِ تَخۡتَلِفُونَ ٤٨

وَأَنِ ٱحۡكُم بَيۡنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعۡ أَهۡوَآءَ

هُمْ وَٱحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ لَفَـٰسِقُونَ ﴿٤٩﴾ أَفَحُكْمَ ٱلْجَـٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran yang membenarkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya. Oleh itu hendaklah engkau hukum di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka yang menyeleweng dari peraturan-peraturan yang benar yang telah datang kepadamu. Bagi setiap umat dari kamu, kami tetapkan peraturan dan cara hidup yang tertentu. Dan andainya Allah kehendaki nescaya ia jadikan kamu satu umat sahaja, tetapi Allah hendak menguji kamu dalam pengurniaan-pengurniaan yang telah dikurniakan kepada kamu. Oleh kerana itu hendaklah kamu berlumba-lumba mengerjakan amalan-amalan kebajikan. Kepada Allah kamu sekalian akan kembali dan (ketika itu) Allah akan menceritakan kepada kamu segala perkara yang dipertikaikan oleh kamu (48). Dan hendaklah engkau (Muhammad) adili di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak nafsu mereka dan hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka yang hendak menyelewengkan engkau dari peraturan yang telah diturunkan Allah kepada engkau. Kemudian jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah sebenarnya hendak menimpakan malapetaka ke atas mereka kerana beberapa dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia itu adalah fasiq (49). Apakah mereka mahukan hukum jahiliyah? Siapakah yang lebih baik dari pengadilan Allah bagi orang-orang yang yakin?"(50)

Seorang akan berdiri kaget di hadapan penjelasan yang amat terang, amat tegas dan amat berhati-hati ini yang menimbangkan segala alasan yang mungkin timbul di dalam hati manusia untuk meninggalkan sesuatu peraturan dari syari'at ini dalam keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang tertentu. Ia akan berdiri kaget di hadapan semua penjelasan ini dan akan bertanya hairan bagaimana seorang Islam yang mendakwa menganut Islam sanggup meninggalkan seluruh syari'at Allah dengan alasan kerana menyesuaikan dengan keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang tertentu, bagaimana masih ada orang-orang yang menamakan diri mereka sebagai orang-orang Islam, sedangkan mereka telah membuang segala ikatan Islam dari leher mereka, membuang seluruh syari'at Allah dan menolak Uluhiyah Allah dalam bentuk menolak penggunaan syari'at-Nya, menafikan kesesuaiannya dengan semua keadaan dan suasana dan menafikan kepastian menjalankan seluruh syari'at-Nya di dalam semua keadaan dan suasana.

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَـٰبَ بِٱلْحَقِّ

"Dan Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) kitab Al-Qur'an dengan membawa kebenaran."(48)

Kebenarannya tergambar jelas kerana ia terbit dari pihak Uluhiyah, iaitu pihak yang memilik hak menurunkan syari'at-syari'at dan menguatkuasakan segala undang-undang dan peraturan. Kebenarannya tergambar jelas di dalam segala isi kandungannya dan dalam segala huraiannya mengenai urusan-urusan 'aqidah dan undang-undang dan seterusnya di dalam segala berita yang diceritakannya dan di dalam segala bimbingan yang terkandung di dalamnya.

مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ ٱلْكِتَـٰبِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ ۖ

"Yang membenarkan kitab-kitab suci (yang diturunkan) sebelumnya dan mengawasinya."(48)

Inilah gambaran terakhir agama Allah. Ia merupakan sumber rujukan yang terakhir dalam urusan agama dan rujukan yang terakhir di dalam sistem hidup, undang-undang untuk manusia dan peraturan kehidupan mereka tanpa dipinda dan ditukar.

Oleh sebab itu segala perselisihan dan pertikaian wajib dirujukkannya kepada kitab Al-Qur'an untuk diputuskan olehnya. Sama ada pertikaian ini dalam persoalan kefahaman i'tiqad yang berlaku di dalam kalangan penganut-penganut agama-agama samawi atau di dalam persoalan undang-undang dan peraturan Allah yang dibawa oleh kitab Al-Qur'an dalam bentuknya yang terakhir atau pertikaian itu berlaku di kalangan orang-orang Islam sendiri. Tegasnya kitab Al-Qur'an harus dijadikan sumber rujukan, di mana mereka merujukkan segala fikiran mereka dalam perkara-perkara yang menyangkut seluruh urusan kehidupan. Fikiran-fikiran dari tokoh-tokoh tidak diberi sebarang nilai jika tidak bersandar kepada mana-mana dasar yang diambil dari sumber rujukan yang terakhir ini.

Berdasarkan hakikat ini, maka kewajipan secara langsungnya ialah:

فَٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَهُمْ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلْحَقِّ ۚ

"Oleh itu hendaklah engkau hukum di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka yang menyeleweng dari peraturan-peraturan yang benar yang telah datang kepadamu."(48)

Perintah ini pada mulanya ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. ketika beliau menghadapi Ahlil-Kitab yang datang berhakim kepadanya, tetapi perintah ini tidak menjadi perintah yang khusus dengan sebab ini,

malah ia adalah satu perintah am yang menyeluruh sehingga akhir zaman kerana di sana tidak akan ada lagi seorang rasul yang baru dan satu risalah yang baru untuk meminda dan mengubahkan sesuatu peraturan di dalam (Al-Qur'an yang menjadi) sumber rujukan yang terakhir.

Agama Islam ini telah mencapai kesempurnaannya dan dengan agama ini sempurnalah ni'mat pengurniaan Allah kepada orang-orang Islam dan Allah telah meredhakannya untuk menjadi sistem hidup bagi seluruh umat manusia. Di sana tidak ada jalan untuk meminda dan menukarkan sesuatu peraturan yang ada di dalamnya atau untuk meninggalkan sesuatu hukuman kerana memilih hukum yang lain darinya atau meninggalkan sesuatu peraturan kerana memilih peraturan yang lain. Allah S.W.T. mengetahui - setelah merelakan Islam sebagai agama seluruh umat manusia - bahawa agama ini dapat memberi keselesaan kepada seluruh mereka. Dan Allah S.W.T. mengetahui setelah merelakan Islam sebagai rujukan yang terakhir - bahawa agama ini boleh merealisasikan kebaikan kepada seluruh manusia sehingga hari balasan. Sebarang perbuatan meminda sistem ini - apatah lagi meninggalkannya - merupakan penolakan terhadap hakikat agama yang diketahui secara pasti - dan ia boleh mengeluarkan seorang dari agama ini walaupun seribu kali dia mengaku dengan lidahnya bahawa dia adalah dari orang-orang Islam.

Allah S.W.T. mengetahui bahawa di sana terdapat berbagai-bagai alasan bagi mewajarkan tindakan untuk meninggalkan sesuatu peraturan yang diturunkan Allah kerana mengikut kehendak-kehendak nafsu orang-orang yang dihukum dan berguam, dan di sana kadang-kadang terdapat idea-idea yang meresap masuk untuk menggugat kepastian dihukumkan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah tanpa menyeleweng sedikit pun dari dalam setengah-setengah keadaan dan suasana. Oleh sebab itu Allah mengingatkan Nabi-Nya s.a.w. sebanyak dua kali di dalam ayat-ayat ini agar jangan mengikut kehendak-kehendak nafsu orang-orang yang berguam dan dari percubaan mereka hendak menyelewengkan beliau dari setengah-setengah peraturan yang diturunkan Allah kepadanya.

Di antara idea-idea utama ialah keinginan manusia yang terpendam hendak menyatupadukan berbagai-bagai puak, berbagai-bagai aliran dan berbagai-bagai agama yang terkumpul dalam satu negeri dan keinginan untuk mengikuti setengah-setengah kehendak mereka apabila bertembung dengan setengah-setengah hukum syari'at Allah, juga keinginan untuk bertolak-ansur dalam perkara-perkara yang kecil atau perkara-perkara yang di lihat bukan dari perkara-perkara asasi syari'at.

Mengikut satu riwayat, kaum Yahudi telah menawar kepada Rasulullah s.a.w. bahawa mereka sanggup beriman jika beliau bersedia untuk bertolak-ansur dengan mereka mengenai beberapa hukum yang tertentu di antaranya ialah hukum rejam. Dan peringatan Allah (di dalam ayat-ayat ini) adalah diturunkan khusus kerana tawaran ini, tetapi persoalan ini - sebagaimana yang dapat di lihat dengan jelas - adalah lebih umum dari sesuatu kes atau sesuatu tawaran yang tertentu, persoalan ini adalah satu persoalan yang berlaku dalam berbagai-bagai situasi yang dihadapi oleh pendokong-pendokong syari'at ini di setiap waktu. Allah telah menghendaki memutuskan persoalan ini dengan tegas dan memotong jalan yang meluangkan keinginan manusia yang terpendam untuk bertolak-ansur kerana meraikan pertimbangan-pertimbangan dan kehendak keadaan-keadaan suasana dan kerana tujuan menyatupadukan berbagai-bagai keinginan dan kehendak yang bertentangan satu sama lain, oleh itu Allah menegaskan kepada Nabi-Nya s.a.w. bahawa andainya Allah berkehendak menyatukan manusia tentulah Dia jadikan seluruh manusia ini satu umat yang bersatu, tetapi Allah telah menetapkan bagi setiap umat dari mereka satu jalan dan sistem hidup masing-masing dan Allah jadikan setiap umat itu diuji dengan agama dan syari'at yang dikurniakan kepada mereka dan dengan pengurniaan yang diberikan kepada mereka dalam hidup ini seluruhnya. Setiap umat adalah mengikut jalan mereka masing-masing kemudian seluruh mereka akan kembali kepada Allah dan ketika itu Allah akan menceritakan hakikat yang sebenar kepada mereka dan akan menghisabkan mereka terhadap pemilihan sistem dan jalan yang dilakukan mereka. Di sini jelaslah bahawa tidak harus difikirkan soal bertolak-ansur dalam mana-mana peraturan agama dengan tujuan kononnya untuk menyatukan semua golongan yang berlainan selera dan jalan hidup, kerana mereka sebenarnya tidak dapat bersatupadu:

لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ۚ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾

"Bagi setiap umat dari kamu, kami tetapkan peraturan dan cara hidup yang tertentu. Dan andainya Allah kehendaki nescaya ia jadikan kamu satu umat sahaja, tetapi Allah hendak menguji kamu dalam pengurniaan-pengurniaan yang telah dikurniakan kepada kamu. Oleh kerana itu hendaklah kamu berlumba-lumba mengerjakan amalan-amalan kebajikan. Kepada Allah kamu sekalian akan kembali dan (ketika itu) Allah akan menceritakan kepada kamu segala perkara yang dipertikaikan oleh kamu."(48)

Dengan penjelasan ayat ini Allah menutup segala pintu syaitan, terutama pintu-pintu yang nampaknya boleh mendatangkan kebaikan, menjalinkan

hubungan mesra dan menyatupadukan barisan dengan mengambil sikap bertolak-ansur terhadap mana-mana peraturan dari syari'at Allah dengan tujuan untuk memuaskan hati semua pihak atau untuk mencapai apa yang dinamakan persatuan atau perpaduan barisan.

Syari'at Allah itu lebih kekal dan lebih mahal untuk dikorbankan sebahagiannya kerana tujuan mencapai sesuatu yang telah ditaqdirkan Allah tidak akan berlaku, kerana manusia telah dijadikan Allah mempunyai bakat-bakat kebolehan yang berlainan, mempunyai selera yang berlainan dan mempunyai cara dan jalan hidup yang berlainan. Demikian lah mereka dijadikan berbeza-beza kerana sesuatu hikmat dari Allah. Dan Allah telah menawarkan hidayat kepada mereka dan membiarkan mereka berlumba-lumba merebutnya dan Allah jadikan tawaran ini sebagai satu ujian kepada mereka dan di atas ujian ini terletaknya balasan dan ganjaran mereka pada hari mereka kembali kepada Allah dan mereka tetap akan kembali kepada-Nya.

Adalah satu alasan yang karut dan satu percubaan yang gagal andainya ada siapa yang cuba menyatupadukan manusia dengan merugikan syari'at Allah atau dengan ungkapan yang lain dengan menafikan kebaikan dan keberuntungan hidup manusia. Perbuatan meninggal atau meminda syari'at Allah hanya mengertikan kerosakan di bumi, penyelewengan dari satu-satunya sistem hidup yang lurus, penafian keadilan di dalam kehidupan manusia, perhambaan kepada sesama manusia, dan perlakuan manusia mempertuhankan sesama manusia selain dari Allah. Ini adalah perbuatan yang amat jahat dan mendatangkan kerosakan yang amat besar yang tidak seharusnya dilakukan untuk satu percubaan yang sia-sia yang tidak mungkin terlaksana kerana ia bercanggah dengan apa yang telah ditaqdirkan Allah di dalam tabi'at manusia dan kerana ia bercanggah dengan hikmat yang telah ditaqdirkan Allah iaitu mewujudkan kelainan sistem dan perbezaan cara hidup, dan Allah adalah Pencipta seluruh makhluk dan Penguasa mereka yang pertama dan yang akhir dan kepada-Nya kembali seluruh mereka.

Perbuatan bertolak ansur dalam mana-mana peraturan selain dari syari'at Allah untuk tujuan yang seperti ini - berdasarkan nas yang benar ini, yang mana kebenarannya dapat di lihat di dalam realiti hidup manusia dari segenap aspek - adalah satu percubaan yang karut, tidak mempunyai alasan yang wajar dari realiti dan tidak mempunyai apa-apa sokongan dari iradat Allah di samping tidak dapat diterima oleh hati seorang Muslim yang hanya berusaha untuk melaksanakan kehendak Allah. Bagaimana boleh ada setengah-setengah orang yang menamakan diri mereka sebagai "Orang-orang Islam" tetapi sanggup berkata: Syari'at Islam tidak harus dijalankan supaya kita tidak kerugian "Para pelancong"? Ya, beginilah tegas mereka.

Ayat (yang berikut) kembali menguatkan hakikat ini dan menambahkan kejelasannya. Nas yang pertama:

فَٱحۡكُم بَيۡنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُۖ وَلَا تَتَّبِعۡ أَهۡوَآءَهُمۡ عَمَّا جَآءَكَ مِنَ ٱلۡحَقِّۚ

"Oleh itu hendaklah engkau hukum di antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka yang menyeleweng dari peraturan-peraturan yang benar yang telah datang kepada kamu"(48)

mungkin bertujuan melarang meninggalkan seluruh syari'at Allah kerana mengikut kehendak hawa nafsu mereka dan sekarang (dalam ayat yang berikut) Allah mengingatkan Rasulullah s.a.w. dari tipudaya godaan mereka yang hendak memalingkannya dari setengah-setengah peraturan yang telah diturunkan Allah:

وَأَنِ ٱحۡكُم بَيۡنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعۡ أَهۡوَآءَهُمۡ وَٱحۡذَرۡهُمۡ أَن يَفۡتِنُوكَ عَنۢ بَعۡضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ

"Dan hendaklah engkau (Muhammad) adili antara mereka dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikut kehendak nafsu mereka dan hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka yang hendak menyeleweng-kan engkau dari peraturan yang telah diturunkan Allah kepada engkau."(49)

Peringatan dan amaran (di dalam ayat ini) di sini adalah lebih keras dan lebih halus. Ia menggambarkan kedudukan yang sebenar persoalan ini dan itulah tipudaya godaan yang wajib diambil peringatan dan perhatian. Kedudukan persoalan ini tidak lebih dari (satu pilihan) sama ada menghukum dengan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah sepenuhnya atau mengikut hawa nafsu dan godaan tipudaya yang telah diperingati Allah itu.

Kemudian rangkaian ayat (yang berikut) terus mengikuti perkembangan bisikan-bisikan (yang mahu menjauhi syari'at Allah) lalu ia memperkecil-kecilkan perkara mereka kepada Rasulullah s.a.w. jika mereka tidak suka berpegang sepenuhnya dengan syari'at Allah sama ada di dalam persoalan yang kecil atau besar dan akhirnya mereka berpaling (dari syari'at Allah) dan tidak memilih Islam sebagai agama atau mereka tidak mahu berhakimkan kepada syari'at Allah di masa itu ketika (persoalan menghukum Ahlil-Kitab dengan hukum Allah masih dalam peringkat diberi pilihan sebelum menjadi perkara yang wajib di dalam negara Islam):

فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَٱعۡلَمۡ أَنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُصِيبَهُم بِبَعۡضِ ذُنُوبِهِمۡۗ

"Kemudian jika mereka berpaling, maka ketahuilah bahawa Allah sebenarnya hendak menimpakan malapetaka ke atas mereka kerana beberapa dosa mereka."(49)

Yakni jika mereka berpaling atau menolak, maka tidak ada apa-apa kesalahan di atas engkau dan janganlah penolakan mereka mendorong engkau menyeleweng dari berpegang sepenuhnya dengan hukum dan syari'at Allah dan janganlah pula penolakan itu menyebabkan engkau lemah dan berubah dari pendirian engkau, kerana sebab yang sebenar penolakan mereka ialah kerana Allah hendak mengenakan balasan ke atas mereka disebabkan beberapa dosa mereka. Tegasnya merekalah yang akan menerima malapetaka dari tindakan mereka bukannya engkau dan bukan pula syari'at Allah dan agama-Nya. Dan juga bukannya barisan Muslimin yang berpegang teguh dengan agama mereka. Di samping itu tindak-tanduk seperti ini memang dari tabi'at manusia:

وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ لَفَٰسِقُونَ ﴿٤٩﴾

"Dan sesungguhnya kebanyakan manusia itu adalah fasiq."(49)

Ini memang tabi'at mereka dan engkau tidak dapat berbuat apa-apa dalam perkara ini dan syari'at Allah juga tidak bersalah apa-apa, dan tidak ada jalan lagi untuk membawa mereka ke jalan yang lurus.

Dengan penjelasan ini Al-Qur'an menutup segala lubang dan segala pintu yang dimasuki syaitan untuk menggoda hati orang yang beriman dan menyekat jalan kepada setiap hujjah dan setiap alasan yang mahu meninggalkan mana-mana hukum dari syari'at Allah kerana sesuatu tujuan di dalam mana-mana keadaan dan suasana.

Kemudian Allah meletakkan mereka di persimpangan jalan sama ada mereka memilih undang-undang Allah atau undang-undang jahiliyah. Di sana tidak ada jalan tengah dan tidak ada pula jalan gantian, sama ada mereka memilih undang-undang Allah yang ditegakkan di bumi dan dilaksanakan dalam kehidupan manusia dan sistem hidup Ilahi yang memimpin kehidupan manusia atau memilih undang-undang jahiliyah, undang-undang hawa nafsu dan sistem hidup perhambaan. Mana satu yang mereka mahu?

"Apakah mereka mahukan hukum jahiliyah? Siapakah yang lebih baik dari Allah dari segi mengatur peraturan bagi orang-orang yang yakin?"(50)

Makna jahiliyah telah pun digariskan dengan jelas oleh nas ini. Oleh itu undang-undang jahiliyah - sebagaimana disifatkan Allah dan digariskan oleh Qur'an-Nya ialah undang-undang dari manusia untuk manusia, kerana undang-undang jahiliyah ialah undang-undang 'Ubudiyah manusia untuk manusia, undang-undang yang mengeluarkan manusia dari 'Ubudiyah kepada Allah dan menolak Uluhiyah Allah dan sebagai gantinya ialah memberi pengiktirafan kepada Uluhiyah setengah-setengah manusia dan pengiktirafan 'Ubudiyah kepada manusia selain dari Allah.

Jahiliyah - berdasarkan nas ini - bukanlah suatu jangka zaman yang tertentu, malah jahiliyah ialah suatu keadaan yang tertentu dan keadaan ini boleh didapati di masa dulu, di masa kini dan di masa depan. Semuanya mempunyai sifat jahiliyah yang bertentangan dengan Islam.

Manusia - di mana-mana zaman dan di mana-mana tempat - sama ada mereka menghukum dengan syari'at Allah - tanpa menolak sesuatu bahagian pun darinya - dan menerimanya dengan penerimaan yang bulat, maka mereka adalah orang-orang yang benar berada di dalam agama Allah atau mereka menghukum dengan undang-undang ciptaan manusia dalam apa bentuk sekalipun dan mereka menerimanya, maka mereka adalah orang-orang yang berada dalam budaya jahiliyah, mereka berada dalam agama orang-orang yang menghukum dengan undang-undang jahiliyah dan mereka sama sekali tidak berada di dalam agama Allah. Orang-orang yang tidak mahukan undang-undang Allah bererti mereka mahukan undang-undang jahiliyah dan orang-orang yang menolak syari'at Allah bererti menerima undang-undang jahiliyah dan hidup dalam budaya jahiliyah.

Inilah persimpangan jalan dan di sinilah Allah meletakkan manusia supaya mereka membuat pilihan sendiri.

Kemudian (dalam ayat yang berikut) Allah mengemukakan pertanyaan yang bertujuan mengecam kerana mereka mahukan undang-undang jahiliyah dan sekaligus itu juga merupakan pertanyaan yang bertujuan menjelaskan keutamaan undang-undang Allah:

وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

"Siapakah yang lebih baik dari Allah dari segi mengatur peraturan bagi orang-orang yang yakin?"(50)

Ya, siapakah yang lebih baik dari Allah?

Siapakah yang berani mendakwa bahawa dia berhak mengatur undang-undang dan peraturan kepada manusia dan menghukum mereka dengannya sebagai undang-undang yang lebih baik dari undang-undang yang diaturkan Allah dan melaksanakannya ke atas mereka?

Apakah alasan yang dapat dikemukakannya terhadap dakwaan yang amat besar ini? Apakah dia dapat mengatakan bahawa dia lebih mengetahui tentang manusia dari Allah Ta'ala sendiri yang telah

menciptakan manusia? Apakah dia, dapat mengatakan bahawa dia lebih kasihan belas kepada manusia dari Allah Tuhan yang memelihara manusia? Apakah dia dapat mengatakan bahawa dia lebih mengetahui tentang kepentingan-kepentingan manusia dari Allah Tuhan manusia? Apakah dia boleh mengatakan bahawa Allah S.W.T. - ketika menyusun syari'at-Nya yang terakhir, ketika mengutuskan rasul-Nya yang terakhir, ketika melantikkan rasul-Nya (Muhammad) selaku penamat para anbiya' dan ketika menjadikan risalah beliau selaku penamat risalah-risalah dan ketika menjadikan syari'at-Nya selaku syari'at untuk seluruh abad - tidak mengetahui keadaan-keadaan yang akan timbul, tidak mengetahui keperluan-keperluan baru yang akan muncul dan tidak mengetahui hubungan-hubungan baru yang akan berlaku. Oleh sebab itu Allah tidak membuat peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang dan peraturan-Nya kerana perkara-perkara itu terlindung dari pengetahuan-Nya sehingga perkara itu terdedah kepada manusia di akhir zaman?

Apakah yang dapat dikatakan oleh mereka yang memisahkan syari'at Allah dari mengendalikan kehidupan manusia dan menukarkannya dengan undang-undang jahiliyah, iaitu mereka menjadikan kehendak-kehendak nafsu mereka sebagai undang-undang atau menjadikan kehendak-kehendak nafsu rakyat jelata atau kehendak-kehendak nafsu sesuatu generasi manusia mengatasi hukum dan syari'at Allah?

Apakah yang dapat dikatakan oleh mereka terutama jika mereka mengaku diri mereka dari golongan orang-orang Islam? Apakah kerana sebab suasana dan keadaan? Apakah kerana sebab-sebab hubungan-hubungan? Apakah kerana orang ramai tidak sukakannya? Apakah kerana takut kepada musuh-musuh? Bukankah semuanya telah sedia ada dalam ilmu Allah ketika Dia memerintah kaum Muslimin supaya menegakkan syari'at-Nya di kalangan mereka, supaya berjalan mengikut sistem hidup yang digariskannya dan supaya mereka jangan diselewengkan dari setengah-setengah peraturan yang telah diturunkan Allah?

Apakah kerana kelemahan syari'at Allah dari merangkumi segala keperluan yang baru timbul? Apakah kerana kedudukan-kedudukan yang baru berkembang? Apakah kerana keadaan-keadaan yang memaksa? Bukankah semuanya ini telah sedia ada di dalam ilmu Allah ketika dia mengeluarkan perintah dan amaran yang keras ini?

Orang-orang yang bukan Islam boleh berkata apa yang mereka suka, tetapi bagi orang Islam atau orang-orang yang mengaku Islam apakah yang mendorong mereka berkata begitu kemudian mengaku bahawa mereka masih kekal berpegang dengan agama Islam atau mengaku bahawa suatu dari ciri Islam masih ada pada mereka?

Sebenarnya inilah persimpangan jalan yang pasti ditentukan pilihan dan di sini tidak ada gunanya bertengkar dan berdebat.

Sama ada memilih Islam atau jahiliyah, sama ada memilih keimanan atau kekufuran, sama ada memilih hukum Allah atau undang-undang jahiliyah..........

Orang-orang yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir, orang-orang yang zalim dan orang-orang yang fasiq. Dan orang-orang yang dihukum yang tidak menerima hukum Allah, maka mereka bukanlah orang-orang yang beriman.

Persoalan (wajib menghukum dengan syari'at Allah) ini pastilah jelas dan tegas di dalam hati seseorang Muslim dan pastilah ia bersikap tidak ragu-ragu menjalankannya di dalam realiti hidup manusia di zamannya dan menerima kehendak hakikat ini dan natijah pelaksanaannya di atas lawan dan kawan.

Selama hati seseorang Muslim belum mempunyai pendirian yang tegas di dalam persoalan ini, maka dia tidak akan mempunyai neraca pertimbangan yang betul, dia tidak akan mempunyai jalan hidup yang jelas, dia tidak akan dapat membezakan di dalam hatinya di antara kebenaran dan kebatilan dan dia tidak akan dapat melangkah setapak pun di jalan yang betul. Dan andainya persoalan ini mungkin masih kabur atau tidak jelas di dalam hati orang ramai, tetapi ia tidak seharusnya kabur dan tidak jelas di dalam hati mereka yang ingin menjadi orang-orang Islam yang sebenar dan mahu merealisasikan sifat keislaman yang besar ini pada diri mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 51 - 66)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَـٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ ۘ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

فَتَرَى ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ يُسَـٰرِعُونَ فِيهِمْ يَقُولُونَ نَخْشَىٰٓ أَن تُصِيبَنَا دَآئِرَةٌ ۚ فَعَسَى ٱللَّهُ أَن يَأْتِىَ بِٱلْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ مِّنْ عِندِهِۦ فَيُصْبِحُوا۟ عَلَىٰ مَآ أَسَرُّوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ نَـٰدِمِينَ ﴿٥٢﴾

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَهَـٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَـٰنِهِمْ ۙ إِنَّهُمْ لَمَعَكُمْ ۚ حَبِطَتْ أَعْمَـٰلُهُمْ فَأَصْبَحُوا۟ خَـٰسِرِينَ ﴿٥٣﴾

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَن يَرْتَدَّ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَسَوْفَ

يَأْتِي ٱللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ
أَعِزَّةٍ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ يُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ
لَوْمَةَ لَآئِمٍ ۚ ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ
عَلِيمٌ ﴿٥٤﴾

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ
ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمْ رَٰكِعُونَ ﴿٥٥﴾

وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَإِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ
هُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٥٦﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَكُمْ
هُزُوًا وَلَعِبًا مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكُمْ وَٱلْكُفَّارَ
أَوْلِيَآءَ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

وَإِذَا نَادَيْتُمْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ ٱتَّخَذُوهَا هُزُوًا وَلَعِبًا ۚ ذَٰلِكَ
بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ ﴿٥٨﴾

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ هَلْ تَنقِمُونَ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ
وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلُ وَأَنَّ أَكْثَرَكُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٥٩﴾

قُلْ هَلْ أُنَبِّئُكُم بِشَرٍّ مِّن ذَٰلِكَ مَثُوبَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ مَن لَّعَنَهُ ٱللَّهُ
وَغَضِبَ عَلَيْهِ وَجَعَلَ مِنْهُمُ ٱلْقِرَدَةَ وَٱلْخَنَازِيرَ وَعَبَدَ
ٱلطَّٰغُوتَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ﴿٦٠﴾

وَإِذَا جَآءُوكُمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَقَد دَّخَلُوا۟ بِٱلْكُفْرِ وَهُمْ قَدْ
خَرَجُوا۟ بِهِۦ ۚ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا كَانُوا۟ يَكْتُمُونَ ﴿٦١﴾

وَتَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ
وَأَكْلِهِمُ ٱلسُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾

لَوْلَا يَنْهَىٰهُمُ ٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ عَن قَوْلِهِمُ ٱلْإِثْمَ
وَأَكْلِهِمُ ٱلسُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ﴿٦٣﴾

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ ۚ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا۟ بِمَا
قَالُوا۟ ۘ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ وَلَيَزِيدَنَّ
كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ۚ وَأَلْقَيْنَا
بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَٰوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ كُلَّمَآ أَوْقَدُوا۟
نَارًا لِّلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا ٱللَّهُ ۚ وَيَسْعَوْنَ فِى ٱلْأَرْضِ فَسَادًا ۚ
وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٦٤﴾

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَكَفَّرْنَا
عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ وَلَأَدْخَلْنَٰهُمْ جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٦٥﴾

وَلَوْ أَنَّهُمْ أَقَامُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِم
مِّن رَّبِّهِمْ لَأَكَلُوا۟ مِن فَوْقِهِمْ وَمِن تَحْتِ
أَرْجُلِهِم ۚ مِّنْهُمْ أُمَّةٌ مُّقْتَصِدَةٌ ۖ وَكَثِيرٌ
مِّنْهُمْ سَآءَ مَا يَعْمَلُونَ ﴿٦٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara selaku sahabat-sahabat setia, kerana mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain. Dan barang siapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim (51). Kerana itu engkau lihat (orang-orang Munafiq) yang berpenyakit di dalam hati mereka bertindak dengan tergesa-gesa (mengadakan hubungan setiakawan) dengan mereka (Yahudi dan Nasara) seraya berkata: "Kami takut di timpa mala bencana" semoga Allah mendatangkan kemenangan (kepada rasul-Nya) atau sesuatu keputusan dari sisi-Nya yang menyebabkan mereka menyesal terhadap segala apa yang telah dirahsiakan di dalam hati mereka (52). Dan orang-orang yang beriman akan berkata: "Ini kah orang-orang yang telah bersumpah dengan nama Allah dengan sumpah mereka yang sungguh-sungguh bahawa mereka adalah bersama kamu? Sia-sialah segala amalan mereka, maka kerana itu mereka menjadi orang-orang yang rugi (53). Wahai orang-orang yang beriman! Barang siapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka Allah akan mendatangkan sekumpulan manusia yang dicintainya dan mereka juga menyintai-Nya, mereka lemah lembut terhadap orang-orang yang beriman dan gagah perkasa terhadap orang-orang kafir, mereka berjihad kerana Sabilullah. Dan mereka tidak gentar kepada celaan mana-mana pencela. Itulah limpah kurnia Allah yang dikurniakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya) dan Maha Mengetahui (54). Sesungguhnya penolong setia kamu hanyalah Allah dan rasul-Nya, juga orang-orang yang

beriman yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, dan mereka sentiasa tunduk (kepada Allah) (55). Dan barang siapa yang menjadikan Allah, rasul-Nya dan orang-orang yang beriman sebagai penolong setianya, maka sesungguhnya Hizbullah itulah yang pasti mendapat kemenangan (56). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang menjadikan agama kamu sebagai bahan sendaan dan permainan - iaitu dari mereka yang telah dikurniakan kitab suci sebelum kamu juga orang-orang yang kafir -selaku sahabat-sahabat setia kamu. Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah jika kamu benar beriman (57). Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan solat, nescaya mereka jadikannya bahan sendaan dan permainan. Tindakan yang sedemikian itu ialah kerana mereka adalah satu kaum yang tidak berfikir (58). Katakanlah (Muhammad): "Sebenarnya kamu tidak bencikan kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada Allah dan kepada kitab suci yang telah diturunkan kepada kami serta beriman kepada kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan sesungguhnya kebanyakan kamu adalah fasiq (59) Katakanlah (Muhammad): "Apakah kamu suka aku beritakan kepada kamu (cerita) balasan yang lebih buruk di sisi Allah (dari kebencian kamu itu)? Iaitu (cerita) mereka (orang-orang Yahudi) yang telah di laknat dan dimurkakan Allah dan di antara mereka telah dijadikan kera dan babi dan penyembah-penyembah Taghut. Merekalah orang-orang yang lebih buruk kedudukannya dan lebih tersesat dari jalan yang betul (60). Dan apabila mereka (orang-orang Munafiqin) datang kepadamu, mereka berkata: "Kami telah beriman" sedangkan yang sebenarnya mereka masuk dengan kekafiran dan keluar dengan kekafiran dan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka (61). Dan engkau dapat melihat kebanyakan dari mereka (kaum Yahudi) berlumba-lumba melakukan dosa dan pencerobohan dan memakan harta haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka.(62). Mengapa ulama'-ulama' dan paderi-paderi tidak melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang berdosa dan dari memakan harta haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka (63). Dan orang-orang Yahudi telah berkata: "Tangan Allah terbelenggu" sebenarnya tangan merekalah yang terbelenggu dan mereka telah dilaknat kerana perkataan-perkataan yang telah diucapkan mereka bahkan dua tangan kemurahan Allah sentiasa terbuka, dia berbelanja mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya dan sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab penjelasan-penjelasan yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan Kami campakkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sehingga hari Qiamat. Setiap kali mereka menyalakan api peperangan setiap kali pula Allah memadamkannya dan mereka sentiasa berusaha melakukan kerosakan di bumi, sedangkan Allah tidak sukakan manusia-manusia perosak (64). Dan jika kaum Ahlil-Kitab beriman dan bertaqwa nescaya Kami hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan nescaya Kami masukkan mereka ke dalam Syurga yang penuh keni'matan (65). Dan jika mereka benar-benar menegakkan (hukum) Taurat dan Injil dan kitab suci yang telah diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka (Al-Qur'an) nescaya mereka akan mendapat makanan (rezeki) dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka. Di antara mereka ada golongan yang sederhana dan kebanyakan dari mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang amat buruk."(66)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Semua nas-nas pelajaran ini menguatkan pendapat kami yang telah kami kemukakan dalam kata pendahuluan surah ini, iaitu surah ini bukan semuanya diturunkan selepas Surah al-Fath yang telah diturunkan di Hudaibiyah pada tahun yang keenam Hijrah, malah sebahagian besar dari ayat-ayatnya adalah ditarjihkan diturunkan sebelum itu dan sebelum pengusiran Bani Qurayzah pada tahun yang keempat, iaitu tahun Peperangan Ahzab sekurang-kurangnya jika tidak pun lebih awal dari tarikh ini lagi, iaitu sebelum pengusiran Bani Nadhir selepas Peperangan Uhud dan pengusiran Bani Qainuqa' selepas Peperangan Badar.

Nas-nas ini menunjukkan kepada beberapa peristiwa dan beberapa keadaan yang berlaku dalam kalangan kelompok Muslimin di Madinah, juga menunjukkan kepada beberapa keadaan hubungan dan pendirian kaum Yahudi dan golongan Munafiqin yang tidak mungkin berlaku selepas dipatahkan kekuatan dan kekuasaan kaum Yahudi, yang mana pematahannya yang akhir adalah berlaku dalam peristiwa pertempuran Bani Qurayzah.

Nas-nas yang melarang mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia, nas yang memberi peringatan dan amaran tegas bahawa sesiapa yang menjadikan mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka dia termasuk di dalam golongan mereka, nas yang menyebut bahawa orang-orang (Munafiqin) yang berpenyakit di dalam hati telah mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Yahudi dengan alasan kerana takut di timpa mala bencana, nas yang melarang orang-orang Islam dari mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi yang mempersenda-senda dan mempermain-mainkan solat orang-orang Islam apabila mereka bangkit mengerjakannya. Semua peristiwa-peristiwa ini tidak mungkin berlaku kecuali orang-orang Yahudi di Madinah itu masih mempunyai kekuatan, pengaruh dan kedudukan yang teguh. Hanya dengan adanya kekuatan pengaruh dan kedudukan yang teguh ini yang memungkinkan berlakunya keadaan-keadaan hubungan dan kejadian-kejadian yang seperti itu, yang memerlukan kepada amaran yang keras dan ancaman yang berulang-ulang dan memerlukan kepada kenyataan-kenyataan yang mendedah-kan hakikat kaum Yahudi, membongkarkan tembelang mereka, memberi ugutan, mendedahkan tipudaya dan taktik-taktik jahat mereka dengan menggunakan uslub-uslub yang beraneka ragam seperti ini.

Setengah-setengah riwayat telah menyebut sebab-sebab turunnya ayat-ayat dalam pelajaran ini, iaitu setengahnya merujukkan sebab nuzul itu kepada peristiwa Bani Qainuqa' yang berlaku selepas Peperangan Badar dan kepada pendirian Abdullah bin Ubai bin Salul dan perkataannya yang membayangkan kesetiaannya kepada kaum Yahudi dan kesetiaan kaum Yahudi kepadanya iaitu "Saya adalah seorang

yang bimbang di timpa mala bencana kerana itu saya tidak mahu melepaskan diri dari perlindungan sekutu-sekutu setia saya."

Namun tanpa riwayat-riwayat ini pun, kajian secara objektif terhadap tabi'at nas-nas ini dan suasananya dan merujukkan kepada kejadian-kejadian sirah Rasulullah s.a.w. dan tahap-tahap perkembangannya di Madinah adalah cukup untuk menguatkan pendapat kami yang telah kami kemukakan dalam kata pendahuluan surah ini mengenai masa turunnya surah ini.

* * * * * *

Nas-nas pelajaran ini menunjukkan cara sistem tarbiyah Al-Qur'an dalam mendidik kelompok Muslimin dan menyediakan mereka untuk memegang peranan yang telah ditetapkan Allah kepada mereka. Di samping menunjukkan asas-asas dan dasar-dasar yang tetap yang mahu ditanam dalam jiwa orang Islam dan kelompok Muslimin pada setiap masa, iaitu asas-asas dan dasar-dasar tetap yang bukan khusus kepada mana-mana generasi umat Muslimin sahaja, malah ia adalah asas-asas dan dasar-dasar yang menjadi landasan didikan dan pembentukan individu Muslim dan kelompok Muslimin dalam semua generasi.

Al-Qur'an mendidik individu Muslim di atas asas keikhlasan dan kebulatan kesetiaannya kepada Allah, kepada Rasul-Nya, kepada agamanya dan kepada kelompok Muslimin, juga di atas asas kepastian melakukan pemisahan atau pemutusan hubungan yang total di antara barisannya dengan segala barisan yang lain yang tidak mengangkat panji-panji Allah, tidak mengikut kepimpinan Rasulullah dan tidak bergabung di dalam kelompok yang mewakili Hizbullah. Sistem tarbiyah Al-Qur'an membuat individu Muslim merasa bahawa dia adalah pilihan Allah untuk menjadi tabir qudrat-Nya dan alat bagi melaksanakan taqdir-taqdir-Nya di dalam kehidupan manusia dan di dalam peristiwa-peristiwa sejarah, juga merasa bahawa pemilihan ini dengan segala taklif-taklifnya adalah suatu limpah kurnia Allah yang diberikan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan perbuatan bersetiakawan dengan kelompok yang lain dari kelompok Muslimin adalah bererti keluar dari agama Allah, enggan menerima pilihan Ilahi yang agung ini dan mengelak diri dari pengurniaan Ilahi yang amat indah ini.

Bimbingan dan arahan ini amat jelas di dalam berbagai-bagai ayat di dalam pelajaran ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana mereka adalah bersahabat setia terhadap satu sama lain dan barang siapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(51)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَن يَرْتَدَّ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَسَوْفَ يَأْتِى ٱللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ يُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَآئِمٍ ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٥٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Barang siapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka Allah akan mendatangkan sekumpulan manusia yang dicintainya dan mereka juga menyintai-Nya, mereka lemah lembut terhadap orang-orang yang beriman dan gagah perkasa terhadap orang-orang kafir, mereka berjihad kerana Sabilullah. Dan mereka tidak gentar kepada celaan mana-mana pencela. Itulah limpah kurnia Allah yang dikurniakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (pemberiannya) dan Maha Mengetahui."(54)

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمْ رَٰكِعُونَ ﴿٥٥﴾

"Sesungguhnya penolong setia kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya, juga orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, dan mereka sentiasa tunduk (kepada Allah)"(55)

وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فَإِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٥٦﴾

"Dan barang siapa yang menjadikan Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman sebagai penolong setianya, maka sesungguhnya Hizbullah itulah yang pasti mendapat kemenangan."(56)

Kemudian Al-Qur'an mengasuh kesedaran orang Islam dengan mendedahkan hakikat musuh-musuhnya, hakikat perjuangan di antaranya dengan musuh-musuhnya. Itulah perjuangan 'aqidah, kerana 'aqidah menjadi pokok persoalan di antara seorang Muslim dengan seluruh musuh-musuhnya. Mereka memeranginya kerana 'aqidah dan agamanya sebelum segala sesuatu yang lain. Mereka memusuhinya dengan permusuhan yang tidak pernah reda kerana mereka adalah orang-orang yang menyeleweng dari agama Allah, oleh kerana itu mereka bencikan setiap mereka yang berdiri teguh dan jujur di atas agama Allah:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ هَلْ تَنقِمُونَ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلُ وَأَنَّ أَكْثَرَكُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٥٩﴾

Katakanlah (Muhammad): "Sebenarnya kamu tidak bencikan kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada Allah dan kepada kitab suci yang telah diturunkan kepada kami serta beriman kepada kitab suci yang diturunkan sebelumnya dan sesungguhnya kebanyakan kamu adalah fasiq."(59)

Inilah 'uqdah atau kompleks mereka dan inilah motif-motif permusuhan mereka yang tulen.

Nilai sistem ini dan nilai bimbingan-bimbingan asasi dalam sistem ini amat besar. Oleh itu keikhlasan dan kesetiaan kepada Allah, kepada Rasul-Nya, kepada agamanya dan kepada kelompok Muslimin yang berdiri teguh di atas lunas ini dan mengenal tabi'at perjuangan dan tabi'at musuh dalam perjuangan ini adalah dua perkara yang sama pentingnya dalam rangka memenuhi syarat-syarat keimanan dan dalam rangka tarbiyah membentuk keperibadian seseorang Muslim atau dalam menyusun harakat kelompok Muslimin. Orang-orang yang membawa panji-panji 'aqidah ini adalah dianggap sama sekali tidak beriman kepada 'aqidah ini dan mereka tidak dapat membentuk sesuatu apa pun dalam diri mereka dan seterusnya mereka tidak dapat merealisasikan sesuatu apa pun di dalam realiti hidup di bumi ini selama tidak berlaku di dalam hati mereka pemisahan atau pemutusan hubungan yang total di antara mereka dengan seluruh khemah yang lain yang tidak mengangkat panji-panji mereka dan selama kesetiaan dan kepatuhan mereka tidak membulat kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada kepimpinan mereka yang beriman kepadanya dan selama mereka belum lagi mengenal tabi'at musuh-musuh mereka dan motif-motifnya, juga mengenal tabi'at perjuangan yang diceburi mereka dengan musuh-musuh mereka dan selama mereka tidak yakin bahawa musuh-musuh mereka telah bersatu padu dan berganding bahu untuk menghancurkan mereka dan bahawa musuh-musuh mereka adalah saling membantu satu sama lain dalam rangka usaha menerangi kelompok Muslimin dan 'aqidah Islamiyah.

Nas-nas di dalam pelajaran ini tidak berhenti sekadar mendedahkan motif-motif perjuangan di dalam hati musuh-musuh kelompok Muslimin, malah mendedahkan juga tabi'at musuh-musuh itu sendiri dan sejauh mana kefasiqkan dan penyelewengan mereka agar seseorang Muslim mengetahui dengan jelas hakikat orang-orang yang diperanginya dan agar hatinya tenang terhadap perjuangan yang diceburinya dan yakin terhadap kepastian perjuangan itu yang tidak dapat dielak olehnya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana mereka adalah bersahabat setia terhadap satu sama lain."(51)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَكُمْ هُزُوًا وَلَعِبًا مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكُمْ وَٱلْكُفَّارَ أَوْلِيَآءَ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang menjadikan agama kamu sebagai bahan sendaan dan permainan - iaitu dari mereka yang telah dikurniakan kitab suci sebelum kamu juga orang-orang yang kafir - selaku sahabat-sahabat setia kamu. Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah jika kamu benar beriman."(57)

وَإِذَا نَادَيْتُمْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ ٱتَّخَذُوهَا هُزُوًا وَلَعِبًا ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ ﴿٥٨﴾

"Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan solat, nescaya mereka jadikannya bahan sendaan dan permainan. Tindakan yang sedemikian itu ialah kerana mereka adalah satu kaum yang tidak berfikir."(58)

وَإِذَا جَآءُوكُمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَقَد دَّخَلُوا۟ بِٱلْكُفْرِ وَهُمْ قَدْ خَرَجُوا۟ بِهِۦ ۚ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا كَانُوا۟ يَكْتُمُونَ ﴿٦١﴾

"Dan apabila mereka (orang-orang Munafiqin) datang kepadamu, mereka berkata: 'Kami telah beriman' sedangkan yang sebenarnya mereka masuk dengan kekafiran dan keluar dengan kekafiran dan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka."(61)

وَتَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ وَأَكْلِهِمُ ٱلسُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾

"Dan engkau dapat melihat kebanyakan dari mereka (kaum Yahudi) berlumba-lumba melakukan dosa dan pencerobohan dan memakan harta haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka."(62)

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ ۚ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا۟ بِمَا قَالُوا۟ ۘ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ۚ

"Dan orang-orang Yahudi telah berkata: 'Tangan Allah terbelenggu' sebenarnya tangan merekalah yang

terbelenggu dan mereka telah di laknat kerana perkataan-perkataan yang telah diucapkan mereka bahkan dua tangan kemurahan Allah sentiasa terbuka, dia berbelanja mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya dan sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab penjelasan-penjelasan yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu."(64)

Berdasarkan sifat-sifat mereka ini dan pendirian mereka terhadap kelompok Muslimin dan sikap mereka yang bersatu-padu dan berganding bahu untuk menghancurkan kaum Muslimin dan perbuatan-perbuatan mereka yang mempersenda-senda dan mempermain-mainkan agama Islam, maka tidak ada pilihan lain bagi seseorang Muslim kecuali menolak dan menentang mereka dengan hati yang tenang dan yakin.

Begitu juga nas-nas ini menentukan kesudahan perjuangan dan natijahnya dan menjelaskan nilai keimanan di dalam nasib kesudahan kelompok-kelompok manusia di dalam kehidupan dunia sebelum menerima balasan di dalam kehidupan Akhirat:

وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَإِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ
هُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٥٦﴾

"Dan barang siapa yang menjadikan Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman sebagai penolong setianya, maka sesungguhnya Hizbullah itulah yang pasti mendapat kemenangan."(56)

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَكَفَّرْنَا
عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ وَلَأَدْخَلْنَٰهُمْ جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٦٥﴾

"Dan jika kaum Ahlil-Kitab beriman dan bertaqwa nescaya Kami hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan nescaya Kami masukkan mereka ke dalam Syurga yang penuh keni'matan."(65)

وَلَوْ أَنَّهُمْ أَقَامُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِم
مِّن رَّبِّهِمْ لَأَكَلُوا۟ مِن فَوْقِهِمْ وَمِن تَحْتِ
أَرْجُلِهِم

"Dan jika mereka benar-benar menegakkan (hukum) Taurat dan Injil dan kitab suci yang telah diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka (Al-Qur'an) nescaya mereka akan mendapat makanan (rezeki) dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka."(66)

Nas-nas ini juga menjelaskan sifat seseorang Muslim yang dipilih Allah memeluk agama-Nya dan dikurniakan Allah kelebihan yang amat besar kerana ia dipilih untuk memikul peranan yang besar ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَن يَرْتَدَّ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَسَوْفَ
يَأْتِى ٱللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ
أَعِزَّةٍ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ يُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ
لَوْمَةَ لَآئِمٍ ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ
عَلِيمٌ ﴿٥٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Barang siapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka Allah akan mendatangkan sekumpulan manusia yang dicintai-Nya dan mereka juga menyintai-Nya, mereka lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan gagah perkasa terhadap orang-orang kafir, mereka berjihad kerana Sabilullah. Dan mereka tidak gentar kepada celaan mana-mana pencela. Itulah limpah kurnia Allah yang dikurniakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya) dan Maha Mengetahui."(54)

Semua penjelasan ini merupakan langkah-langkah tarbiyah di dalam sistem pendidikan Al-Qur'an dan di dalam pembentukan syakhsiyah seseorang Muslim dan kelompok Muslimin di atas lunas yang kukuh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 53)

Hubungan Setiakawan Dengan Kaum Ahlil-Kitab

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ
بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ إِنَّ
ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥١﴾
فَتَرَى ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ يُسَٰرِعُونَ فِيهِمْ يَقُولُونَ
نَخْشَىٰٓ أَن تُصِيبَنَا دَآئِرَةٌ فَعَسَى ٱللَّهُ أَن يَأْتِىَ بِٱلْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ
مِّنْ عِندِهِۦ فَيُصْبِحُوا۟ عَلَىٰ مَآ أَسَرُّوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ نَٰدِمِينَ ﴿٥٢﴾
وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَهَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ
أَيْمَٰنِهِمْ إِنَّهُمْ لَمَعَكُمْ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فَأَصْبَحُوا۟
خَٰسِرِينَ ﴿٥٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana mereka adalah setia terhadap satu sama lain dan sesiapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim (51). Kerana itu engkau lihat (orang-orang Munafiq) yang berpenyakit di dalam hati mereka bertindak dengan tergesa-gesa (mengadakan hubungan setiakawan) dengan mereka (Yahudi dan Nasara) seraya berkata: 'Kami takut di timpa mala bencana semoga Allah mendatangkan kemenangan (kepada Rasul-Nya) atau

sesuatu keputusan dari sisi-Nya yang menyebabkan mereka menyesal terhadap segala apa yang telah dirahsiakan di dalam hati mereka (52). Dan orang-orang yang beriman akan berkata: 'Inikah orang-orang yang telah bersumpah dengan nama Allah dengan sumpah mereka yang sungguh-sungguh bahawa mereka adalah bersama kamu? Sia-sialah segala amalan mereka, maka kerana itu mereka menjadi orang-orang yang rugi."(53)

Pertama-tama eloklah kita terangkan erti "Wilayah" atau "Kesetiaan" yang Allah melarang orang-orang yang beriman mengadakannya di dalam hubungan mereka dengan orang-orang Yahudi dan Nasara.

Wilayah atau kesetiaan itu ialah hubungan saling bantu membantu dan berikat setia dengan mereka, la tidak bermakna mengikut mereka dalam agama mereka, kerana tentulah jauh sekali kemungkinan wujudnya di kalangan kaum Muslimin orang-orang yang cenderung mengikut kaum Yahudi dan Nasara di dalam agama, malah yang dimaksudkan dengan kesetiaan yang dilarang itu ialah kesetiaan dalam erti kata berikat setia dan saling bantu membantu kerana ia merupakan masalah yang masih mengelirukan orang-orang Islam (di waktu itu) kerana itu mereka menyangka hubungan kesetiaan yang seperti itu masih boleh dilakukan berdasarkan kenyataan wujudnya hubungan kepentingan-kepentingan dan pertalian-pertalian yang rapat, juga hubungan setiakawan seperti itu di antara mereka dengan kelompok-kelompok Yahudi sebelum Islam dan di masa-masa permulaan tegaknya Islam di Madinah sehingga Allah melarang dan memerintah mereka membatalkan hubungan kesetiaan itu setelah jelas bahawa hubungan kesetiaan dalam bentuk berikat setia dan saling bantu membantu di antara orang-orang Islam dengan kaum Yahudi di Madinah tidak mungkin diwujudkan lagi.

Pengertian ini memang diketahui umum dan digariskan dengan jelas di dalam pengungkapan-pengungkapan Al-Qur'an. Ia pernah disebut ketika Al-Qur'an memperkatakan tentang hubungan di antara orang-orang Islam yang tinggal di Madinah dengan orang-orang Islam (di Makkah) yang belum lagi berhijrah ke negara Islam (Madinah) untuk bergabung dengan mereka. Firman Allah S.W.T.:

مَا لَكُم مِّن وَلَٰيَتِهِم مِّن شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا

"Tidak ada apa-apa kewajipan di atas kamu memberi wilayah/kesetiaan kamu kepada mereka sehingga mereka berhijrah."

(Surah al-Anfal: 72)

Sudah tentu bahawa kesetiaan/wilayah yang dimaksudkan di dalam ayat ini bukannya kesetiaan di dalam agama, kerana seseorang Muslim adalah penolong setia dalam agama kepada seseorang Muslim yang lain dalam segala situasi, malah yang dimaksudkan dengan kesetiaan di sini ialah kesetiaan dalam bentuk bantu membantu dan tolong menolong, kerana kesetiaan dalam bentuk ini tidak mungkin dilakukan di antara orang-orang Islam yang tinggal di negara Islam (Madinah) dengan orang-orang Islam yang belum lagi berpindah kepada mereka. Bentuk kesetiaan inilah yang dilarang oleh Allah supaya jangan sekali-kali kesetiaan seperti itu diadakan di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang Yahudi dan Nasara walaupun pernah diadakan di antara mereka di zaman awal Islam di Madinah.

Dasar toleransi Islam terhadap Ahlil-Kitab merupakan satu perkara dan pengambilan mereka selaku sahabat-sahabat setia itu merupakan satu perkara yang lain pula, tetapi kedua-duanya telah mengelirukan setengah-setengah orang Islam yang belum lagi mempunyai pandangan yang sempurna terhadap hakikat agama ini dan fungsinya selaku satu harakat yang bersistem dan berlandaskan realiti yang bertujuan untuk mewujudkan satu realiti di bumi ini mengikut kefahaman Islamiyah yang berlainan tabi'atnya dari segala kefahaman dan pemikiran yang lain yang diketahui umat manusia. Oleh sebab itu kefahaman Islamiyah tetap bertembung dan bercanggah dengan kefahaman-kefahaman dan peraturan-peraturan yang lain dan kerana itu ia bertembung dengan kehendak-kehendak hawa nafsu manusia dan penyelewengan mereka dari sistem hidup yang diciptakan Allah. Ia terpaksa memasuki satu perjuangan yang tidak dapat dielakkan, iaitu satu perjuangan yang pasti untuk mewujudkan realiti yang baru yang dikehendaki olehnya. Ia bergerak ke arah realiti itu dengan harakat yang positif, aktif dan kreatif.

Mereka yang terkeliru dengan hakikat itu masih belum lagi mempunyai tanggapan yang bersih terhadap hakikat 'aqidah Islamiyah, juga masih belum lagi mempunyai kesedaran yang bijak terhadap tabi'at perjuangan Islam dan tabi'at pendirian kaum Ahlil-Kitab dalam perjuangan ini. Mereka lalai dari arahan-arahan dan bimbingan-bimbingan Al-Qur'an yang amat jelas dan tegas sehingga mereka terkeliru di antara da'wah Islam kepada sikap bertoleransi dalam melayani kaum Ahlil-Kitab dan membuat kebaikan kepada mereka di dalam masyarakat Islam, di mana mereka dapat hidup dengan hak-hak mereka yang terjamin dengan dasar kesetiaan yang tidak boleh diberi melainkan kepada Allah, Rasul-Nya dan kelompok Muslimin. Mereka lupa apa yang telah dijelaskan oleh Al-Qur'anul-Karim bahawa kaum Ahlil-Kitab adalah saling bantu membantu terhadap satu sama lain di dalam memerangi kelompok Muslimin. Inilah sikap mereka yang tetap. Mereka marah kepada orang Islam kerana agamanya dan mereka tidak akan berpuashati dengan orang Islam kecuali ia meninggalkan agamanya dan mengikut agama mereka. Mereka berazam untuk terus memerangi Islam dan kelompok Muslimin dan dendam kesumat mereka telah pun terluah dari mulut mereka tetapi dendam kesumat yang tersimpan di dalam hati mereka adalah lebih besar lagi dan sebagainya dari penjelasan-penjelasan yang tegas.

Memang benar seseorang Muslim dituntut bersikap toleran terhadap kaum Ahlil-Kitab, tetapi ia ditegah dari memberi kesetiaan kepada mereka dalam bentuk saling membantu dan berikat setia dengan mereka. Jalan yang dilalui oleh seseorang Muslim untuk meneguhkan kedudukan agamanya dan merealisasikan sistemnya yang unik itu tidak mungkin bertemu dengan jalan kaum Ahlil-Kitab. Walau bagaimana sekalipun ia menunjukkan sikap toleran dan hubungan mesra terhadap mereka, namun mereka tidak akan berpuas hati andainya ia tinggal kekal di atas agamanya dan tidak akan meredhai perjuangannya untuk merealisasikan sistem agamanya, malah mereka tidak akan berhenti membantu satu sama lain untuk memerangi dan melakukan tipudaya terhadapnya.

Adalah terlalu lurus dan terlalu lalai apabila kita menyangka bahawa kita dan mereka mempunyai jalan yang sama untuk dilalui bagi menegakkan kedudukan agama di hadapan orang-orang kafir dan atheis, kerana mereka tetap akan bersama-sama dengan orang-orang kafir dan atheis dalam perjuangan menentang orang-orang Islam!

Hakikat-hakikat nyata yang sering dilupai oleh setengah-setengah orang dari kalangan kita di zaman ini dan di setiap zaman apabila mereka memahami bahawa kita boleh berpimpin tangan dengan kaum Ahlil-Kitab untuk menentang materialisme dan Atheisme dengan sifat kita dan mereka adalah dari penganut-penganut agama belaka, sedangkan mereka lupakan seluruh pengajaran Al-Qur'an dan lupakan seluruh pengajaran sejarah. Kaum Ahlil-Kitab inilah yang pernah berkata kepada orang-orang kafir dari golongan Musyrikin (Makkah):

هَٰٓؤُلَآءِ أَهۡدَىٰ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ سَبِيلًا ﴿٥١﴾

"Mereka (orang-orang kafir itu) adalah lebih betul jalannya dari (jalan) orang-orang yang beriman"

(Surah an-Nisa': 51)

merekalah yang menghasut dan bergabung dengan kaum Musyrikin untuk menyerang kelompok Muslimin di Madinah. Merekalah perisai dan penolong kaum Musyrikin. Dan umat-umat Ahlil-Kitab juga telah melanjutkan Peperangan Salib dalam masa dua ratus tahun. Mereka telah melakukan berbagai-bagai kekejaman dan keganasan di Andalus, menghalau orang-orang Arab Islam dari bumi Palestin dan menempatkan kaum Yahudi di tempat mereka dan untuk maksud ini mereka telah bekerjasama dengan umat Atheis dan materialis. Umat-umat Ahlil-Kitab itulah yang mengusir orang Islam di setiap tempat, iaitu di Habsyah, Somali, Eriterea dan Algeria. Dalam tindakan-tindakan pengusiran ini umat Ahlil-Kitab telah bekerjasama dengan Atheisme, materialisme dan paganisme di Yugoslavia, China, Turkistan, India dan di segenap tempat.

Kemudian muncul di kalangan kita orang-orang yang berfikir - iaitu satu fikiran yang terlalu jauh dari penjelasan-penjelasan Al-Qur'an yang tegas - bahawa hubungan setiakawan dan saling bantu membantu boleh diadakan di antara kita dengan umat Ahlil-Kitab untuk menolak aliran materialisme yang Atheisme dari agama!

Sebenarnya orang-orang ini tidak membaca Al-Qur'an dan andainya mereka membaca Al-Qur'an mereka telah terkeliru dengan da'wah yang mengajak kepada sikap bertoleransi yang menjadi ciri Islam lalu mereka menyangka bahawa toleransi itu ialah da'wah ke arah bersetiakawan yang ditegahkan oleh Al-Qur'an.

Sebenarnya Islam belum lagi hidup dalam hati mereka dengan sifatnya sebagai satu-satunya agama yang diterima oleh Allah dan sebagai satu harakat positif yang bertujuan untuk mewujudkan satu realiti yang baru di muka bumi ini yang ditentangi oleh permusuhan-permusuhan umat Ahlil-Kitab pada hari ini sebagaimana ia telah ditentangi mereka di masa silam. Inilah pendirian mereka yang tidak mungkin ditukar kerana inilah satu-satunya pendirian tabi'i mereka.

Marilah kita tinggalkan orang-orang ini dalam kelalaian dari arahan dan bimbingan Al-Qur'an yang terang dan jelas ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلۡيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوۡلِيَآءَۘ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَإِنَّهُۥ مِنۡهُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain. Dan barang siapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(51)

Seruan ini ditujukan kepada kelompok Muslimin di Madinah, tetapi di dalam masa yang sama juga ditujukan kepada setiap kelompok Muslimin yang berada di mana-mana pelosok bumi sehingga hari Qiamat. Ia ditujukan kepada setiap mereka yang termasuk pada bila-bila masa dalam istilah "الذين آمنوا" - orang-orang yang beriman.

Sebab yang mendorong ditujukan seruan ini kepada orang-orang yang beriman pada masa itu ialah kerana pemisahan atau pengasingan di antara setengah-setengah orang Islam di Madinah dengan setengah-setengah Ahlil-Kitab terutama orang-orang Yahudi belum lagi berlaku dalam bentuk yang total dan tegas, malah di sana masih wujud hubungan-hubungan kesetiaan dan pakatan setia, hubungan-hubungan ekonomi dan muamalah, hubungan-

hubungan kejiranan dan persahabatan di kalangan mereka. Semuanya ini merupakan satu perkara yang tabi'i berdasarkan kedudukan sejarah, ekonomi dan sosial di Madinah sebelum Islam di antara penduduk-penduduk Arab di Madinah dengan kaum Yahudi khususnya. Kedudukan ini telah memberi kesempatan kepada orang-orang Yahudi mengambil peranan mengaturkan tipudaya mereka terhadap agama Islam dan para pemeluknya. Mereka telah melakukan segala macam tipudaya yang telah dihurai dan didedahkan oleh berbagai-bagai nas Al-Qur'an, yang mana sebahagian lagi dibentangkan di dalam lima juzu' Fi Zilal yang lepas dan sebahagian lagi sedang diolahkan di dalam pelajaran ini menerusi ayat-ayat ini.

Ayat-ayat Al-Qur'an terus diturunkan untuk membangkitkan kesedaran yang sewajarnya bagi seseorang Muslim dalam perjuangan menegakkan 'aqidahnya untuk merealisasikan sistem hidupnya yang baru di dalam realiti hidup manusia dan untuk mewujudkan di dalam hati seseorang Muslim pemisahan yang total di antaranya dengan setiap mereka yang bukan dari kelompok Muslimin dan mereka yang tidak berdiri di bawah panji-panji Islam, iaitu pemisahan yang tidak melarang sikap toleransi, kerana sikap ini menjadi sifat seseorang Muslim yang tetap, tetapi pemisahan ini melarang perbuatan memberi kesetiaan, kerana kesetiaan di dalam hati seseorang Islam hanya diberikan kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang yang beriman sahaja. Itulah kesedaran dan pemisahan diri yang pasti wujud pada seseorang Muslim di setiap negeri dan generasi.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلۡيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوۡلِيَآءَۘ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَإِنَّهُۥ مِنۡهُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٥١

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana setengah mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain. Dan barang siapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat Allah kepada orang-orang yang zalim."(51)

Kaum Ahlil-Kitab adalah saling membantu satu sama lain. Ini adalah suatu hakikat yang tidak ada hubungan dengan zaman kerana hakikat ini adalah terbit dari tabi'at sesuatu. Kaum Ahlil-Kitab tidak akan menjadi penolong-penolong atau rakan-rakan setia kepada kelompok Muslimin di mana-mana tempat pun di bumi ini dan pada bila-bila masa sekalipun. Abad-abad telah berlalu bersilih ganti membenarkan perkataan ini. Mereka telah membantu satu sama lain dalam memerangi Muhammad s.a.w. dan kelompok Muslimin di Madinah. Mereka saling bantu membantu satu sama lain di merata pelosok bumi ini di sepanjang sejarah dan dasar saling membantu ini tidak pernah mungkir walau sekalipun. Tidak pernah berlaku di bumi ini melainkan tepat seperti yang dijelaskan Al-Qur'an dalam bentuk menyatakan sifat (Ahlil-Kitab) yang tetap bukannya dalam bentuk menceritakan satu peristiwa tunggal. Pemilihan rangkai kata Ismiyah (jumlah ismiyah) dalam ungkapan "بعضهم أولياء بعض" bukannya semata-mata hendak diungkapkan begitu, malah pemilihan itu adalah dibuat dengan tujuan menerangkan sifat (Ahlil-Kitab) yang tetap dan tulen.

Kemudian (ayat) Al-Qur'an (yang berikut) menyimpulkan natijah-natijah dari hakikat yang asasi ini, iaitu jika kaum Yahudi dan Nasara saling membantu satu sama lain, maka tiada orang yang akan memilih mereka sebagai penolong-penolong dan rakan-rakan setia melainkan orang-orang dari golongan mereka. Mana-mana individu yang memilih mereka sebagai penolong-penolong dan rakan-rakan setia bererti ia mencabut dirinya dari barisan Muslimin di samping mencabut sifat barisan Islam dari dirinya dan masuk ke dalam barisan yang lain kerana inilah kesimpulan yang tabi'i dan realistik:

وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَإِنَّهُۥ مِنۡهُمۡۗ

"Dan barang siapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka."(51)

Orang ini berlaku zalim terhadap dirinya sendiri, terhadap agama Allah dan terhadap kelompok Muslimin dan oleh kerana perbuatannya yang zalim itu, maka Allah masukkannya ke dalam kumpulan orang-orang Yahudi dan Nasara yang ia berikan kesetiaannya kepada mereka dan Allah tidak menunjukkan kepadanya jalan yang benar dan tidak pula memulangkannya kepada barisan Muslimin:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٥١

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."(51)

Ini adalah satu amaran yang keras kepada kelompok Muslimin di Madinah, tetapi ia bukannya satu amaran yang keterlaluan. Memang benar amaran ini keras, tetapi ia menggambarkan hakikat yang sebenar, kerana tidak mungkin seseorang Muslimin memberi kesetiaannya kepada orang-orang Yahudi dan Nasara kemudian keislaman dan keimanannya masih tetap tidak terjejas dan hak keanggotaannya di dalam barisan Muslimin masih boleh dimilikinya, sedangkan barisan Muslimin memilih Allah (selaku pelindung mereka) dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman sebagai penolong-penolong dan rakan-rakan setia mereka. Oleh itu di sinilah letaknya persimpangan jalan.

Ketegasan seseorang Muslim tidak mungkin goyah dalam melaksanakan dasar pengasingan yang total di antara dia dengan setiap orang yang tidak mengikut sistem Islam dan di antara dia dengan setiap mereka yang mengangkat panji-panji yang bukan panji-panji

Islam kemudian selepas itu ia boleh lagi melakukan sesuatu usaha yang bernilai dalam gerakan Islamiyah yang besar yang bertujuan - pertama-tamanya - menegakkan satu sistem yang unik dan realistik di bumi ini yang berlainan dari segala sistem yang lain dan juga berasaskan satu kefahaman yang unik dan berlainan dari segala kefahaman yang lain.

Kepuasan hati seseorang Muslim hingga meningkat kepada darjah keyakinan yang teguh, tidak bergoncang dan teragak-agak bahawa agamanya adalah agama yang tunggal yang diterima Allah dari manusia dan bahawa sistem hidupnya yang ditugaskan Allah kepadanya supaya ditegakkannya itu adalah satu sistem yang unik, yang tiada tolok bandingnya di antara seluruh sistem hidup yang lain dan boleh digantikannya dengan satu sistem yang lain. Kehidupan manusia tidak boleh menjadi baik dan betul kecuali ditegakkan di atas sistem ini sahaja dan Allah tidak memberi kemaafan kepadanya dan tidak menerimanya kecuali ia berusaha sedaya upayanya menegakkan sistem ini dengan segala aspeknya yang merangkumi aspek-aspek i'tiqad dan kemasyarakatan dan Allah tidak akan menerima sebarang gantian kepada sistemnya itu walaupun pada sebahagian kecil darinya. Ia tidak dibenarkan mencampuradukkan di antara sistem Ilahi dengan mana-mana sistem yang lain sama ada di dalam kefahaman i'tiqad atau di dalam peraturan kemasyarakatan atau di dalam hukum-hukum syara' kecuali hukum-hukum dari syari'at Ahlil-Kitab sebelum kita yang dikekalkan Allah di dalam sistem ini.......

Kepuasan hati seseorang Muslim hingga meningkat kepada darjah keyakinan yang teguh inilah sahaja yang dapat mendorongkannya sanggup memikul beban perjuangan untuk merealisasikan sistem Allah yang telah diredhainya untuk menjadi sistem hidup manusia walaupun menghadapi rintangan-rintangan yang sulit, tugas-tugas yang berat, tentangan-tentangan yang degil, tipudaya yang licin dan penderitaan-penderitaan yang seringkali melewati batas kemampuan. Jika tidak, maka apakah gunanya berpenat lelah untuk menegakkan satu sistem yang boleh ditukar dengan lain-lain sistem jahiliyah yang ada di dunia ini, sama ada jahiliyah yang wujud dalam aliran paganisme/wathaniyah yang syirik atau di dalam penyelewengan-penyelewengan Ahlil-Kitab atau dalam aliran Atheisme yang terang-terang? Malah apakah gunanya berpenat lelah untuk menegakkan sistem hidup Islamiyah jika perbezaan di antaranya dengan sistem-sistem hidup yang lain cumanya sedikit sahaja dan boleh dicari titik pertemuan di antara keduanya melalui usaha-usaha perdamaian dan genjatan senjata?

Orang-orang yang berusaha menggoyah dan melembutkan pemisahan yang tegas ini atas nama toleransi dan memperdekatkan hubungan di antara pemeluk-pemeluk agama-agama samawi adalah salah memahami makna agama-agama itu di samping salah memahami makna toleransi. Agama yang terakhir itulah sahaja agama yang diterima di sisi Allah dan dasar toleransi itu adalah diamal di dalam urusan-urusan muamalah peribadi sahaja bukannya di dalam kefahaman i'tiqad dan bukan pula di dalam peraturan-peraturan kemasyarakatan. Mereka cuba menggoyahkan keyakinan yang kukuh di dalam hati seseorang Muslim bahawa Allah tidak menerima agama yang lain melainkan hanya agama Islam dan bahawa Allah akan merealisasikan sistem hidup Ilahi yang dilambangkan oleh Islam yang tidak boleh ditukar ganti dan diubah pindakan walaupun sedikit. Inilah keyakinan yang telah dibentukkan oleh Al-Qur'anul-Karim apabila ia menegaskan:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam."

(Surah Aali 'Imran: 19)

وَمَن يَبۡتَغِ غَيۡرَ ٱلۡإِسۡلَٰمِ دِينٗا فَلَن يُقۡبَلَ مِنۡهُ

"Dan barang siapa yang mencari agama yang lain dari Islam, maka agama itu tidak akan diterima darinya."

(Surah Aali 'Imran: 85)

وَٱحۡذَرۡهُمۡ أَن يَفۡتِنُوكَ عَنۢ بَعۡضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ

"Dan hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka yang hendak menyelewengkan engkau dari setengah-setengah peraturan yang telah diturunkan Allah kepada engkau."(49)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلۡيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوۡلِيَآءَۘ
بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَإِنَّهُۥ مِنۡهُمۡۗ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana setengah mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain. Dan barang siapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka."(51)

Al-Qur'an telah memberi kata pemutusnya dan setiap Muslim tidak seharusnya mengikut sikap goyah orang-orang yang goyah dan menghiraukan usaha mereka yang hendak menggoyahkan keyakinan ini.

Ayat (yang berikut) menggambarkan keadaan kegoyahan yang telah berlaku dan kerananya turun ayat Al-Qur'an memberi amaran yang keras ini:

فَتَرَى ٱلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٞ يُسَٰرِعُونَ فِيهِمۡ يَقُولُونَ
نَخۡشَىٰٓ أَن تُصِيبَنَا دَآئِرَةٞۚ

"Kerana itu engkau lihat (orang-orang Munafiq) yang berpenyakit di dalam hati mereka bertindak dengan tergesa-

gesa (mengadakan hubungan setiakawan) dengan mereka (Yahudi dan Nasara) seraya berkata: Kami takut di timpa mala bencana."(52)

Ibn Jarir telah meriwayat katanya: Kami telah diceritakan oleh Abu Kurayb, kami telah diceritakan oleh Idris katanya: Saya dengar dari bapa saya dari Atiyah ibn Sa'ad katanya: 'Ubadah ibn as-Samit dari Bani al-Harith ibn al-Khazraj datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata:'Wahai Rasulullah! Saya mempunyai sebilangan ramai orang-orang Yahudi yang menjadi sahabat-sahabat setia saya dan (kini) saya bebaskan diri saya kepada Allah dan Rasul-Nya dari hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi dan saya jadikan Allah dan Rasul-Nya selaku pelindung setia saya". Lalu Abdullah ibn Ubay (kepala Munafiqin) berkata: "Saya seorang yang takut di timpa mala bencana dan kerana itu saya tidak mahu putuskan hubungan setiakawan saya dengan sekutu-sekutu saya". Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Abdullah ibn Ubay: "Wahai Abul-Hubab! Kerana awak sayangkan hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi yang melindungi 'Ubadah ibn as-Samit itu, maka sekarang hubungan itu adalah untuk awak sahaja bukan untuk dia lagi". Jawab Abdullah: "Saya terima" lalu Allah turunkan ayat:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana setengah mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain. Dan barang siapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka."(51)

Ujar Ibn Jarir: Kami telah diceritakan oleh Hannad, kami telah diceritakan oleh Yunus ibn Bukayr, kami telah diceritakan oleh 'Uthman ibn Abdul Rahman dari az-Zuhri katanya: "Apabila orang-orang kafir tewas di dalam Peperangan Badar, maka orang-orang Islam berkata kepada sekutu-sekutu setia mereka dari orang-orang Yahudi: "Masuklah kamu ke dalam agama Islam sebelum Allah menimpa ke atas kamu satu hari musibah seperti hari Peperangan Badar." Lalu dijawab oleh Malik ibn as-Saif. "Apakah kamu telah tertipu kerana telah berjaya mengalahkan sekumpulan kecil orang-orang Quraysy yang tidak tahu berperang itu? Sebenarnya jika kami telah menguatkan azam kami untuk memerangi kamu tentulah kamu tidak terdaya melawan kami." Kemudian 'Ubadah ibn as-Samit berkata: "Wahai Rasulullah! Orang-orang Yahudi yang menjadi sekutu-sekutu setia saya itu mempunyai hati yang keras, alat-alat senjata yang banyak dan kekuatan yang gagah, (namun begitu) saya bebaskan diri saya kepada Allah dan Rasul-Nya dari hubungan setia kawan dengan kaum Yahudi dan bagi saya tiada pelindung dan penolong setia melainkan Allah dan Rasul-Nya." Lalu disampuk oleh Abdullah ibn Ubay, "Tetapi saya tidak mahu melepaskan diri dari hubungan setiakawan dengan kaum Yahudi kerana saya perlukan mereka." Ujar Rasulullah s.a.w. "Wahai Abul-Hubab! Apa pandanganmu bahawa hubungan setiakawan dengan kaum Yahudi yang melindungi 'Ubadah ibn as-Samit yang sangat dihargai engkau itu adalah (sekarang) untuk engkau bukan untuk dia lagi?" jawab Abdullah ibn Ubay: "Saya terima!"

Ujar Muhammad ibn Ishaq: Suku kaum Yahudi yang pertama membatalkan perjanjian di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. ialah suku Bani Qainuqa', kemudian 'Asim ibn Umar ibn Qatadah telah menceritakan kepada saya katanya: Rasulullah s.a.w. telah mengepung mereka sehingga mereka bersetuju menerima keputusannya, lalu Abdullah ibn Salul datang menemui beliau setelah Allah mengalahkan mereka kepada beliau dan berkata: "Wahai Muhammad! Berilah layanan yang baik kepada sekutu-sekutu saya!. Mereka adalah sekutu-sekutu kaum Khazraj." Ujar ('Asim): Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan reaksi yang lambat lalu dia berkata lagi: "Wahai Muhammad! Berilah layanan yang baik kepada sekutu-sekutu saya!" Ujar ('Asim): Beliau berpaling darinya. Ujar ('Asim): Lalu dia masukkan tangannya ke dalam saku baju besi Rasulullah s.a.w. dan Rasulullah s.a.w. terus berkata kepadanya: "Lepaskan aku! "Rasulullah s.a.w. naik marah hingga wajahnya kelihatan mendung. Kemudian bersabda lagi, "Celaka engkau! Lepaskan aku!" Jawab Abdullah: "Demi Allah saya tidak akan lepaskan anda sehingga anda sanggup memberi layanan yang baik kepada sekutu-sekutu saya. Mereka terdiri dari empat ratus orang yang tidak berbaju besi dan tiga ratus orang yang berbaju besi, mereka telah mempertahan saya dari kaum Arab dan bukan Arab. Apakah anda dapat menghapuskan dalam masa sepagi sahaja? Saya seorang yang takut ditimpa mala bencana" Ujar 'Asim: Jawab Rasulullah s.a.w., "Mereka adalah untuk engkau".

Ujar Muhammad ibn Ishaq: Kemudian saya telah diceritakan oleh bapa saya Ishaq ibn Yasar, dari 'Ubadah, dari al-Walid ibn 'Ubadah ibn as-Samit katanya: Apabila Bani Qainuqa' memerangi Rasulullah s.a.w., maka Abdullah ibn Ubay sangat mengambil berat tentang nasib mereka dan tampil mempertahan mereka. Lalu 'Ubadah ibn as-Samit pergi menemui Rasulullah s.a.w. dan dia adalah salah seorang dari suku Bani 'Auf ibn al-Khazraj dia juga mempunyai sekutu-sekutu Yahudi sama seperti Abdullah ibn Ubay, lalu dia kemukakan mereka kepada Rasulullah s.a.w. dan membebaskan diri kepada Allah dan Rasul-Nya dari perikatan sama dengan mereka. Dia berkata: "Wahai Rasulullah! Saya umumkan kepada Allah dan Rasul-Nya bahawa saya melepaskan diri dari perikatan dan hubungan setiakawan dengan mereka dan saya jadikan Allah, Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min sebagai pelindung dan penolong setia saya, saya melepaskan diri dari perikatan dan hubungan setiakawan dengan orang-orang kafir dan dari perlindungan mereka." Kerana pendirian 'Ubadah ibn as-Samit dan Abdullah ibn Ubay, inilah diturunkan

ayat-ayat yang berikut di dalam Surah al-Ma'idah iaitu mulai ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ ۘ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana mereka adalah bersahabat setia terhadap satu sama lain. Dan barang siapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(51)

وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَإِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٥٦﴾

"Dan barang siapa yang menjadikan Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman sebagai penolong setianya, maka sesungguhnya Hizbullah itulah yang pasti mendapat kemenangan."(56)

Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Qutaybah ibn Sa'id, kami telah diceritakan oleh Yahya ibn Zakaria ibn Abi Ziyadah dari Muhammad ibn Ishaq, dari az-Zuhri, dari 'Audah dari Usamah ibn Zaid katanya: Saya masuk bersama-sama Rasulullah s.a.w. melawat Abdullah ibn Ubay lalu Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya, "Dahulu saya larang engkau dari menyintai orang-orang Yahudi." Abdullah terus menjawab, "As'ad ibn Zararah telah menyebabkan mereka marah, kemudian ia pun mati" (dikeluarkan oleh Abu Daud dari hadith Muhammad ibn Ishaq).

Cerita-cerita ini pada umumnya mengisyaratkan kepada keadaan yang berlaku di dalam masyarakat Islam (di waktu itu), iaitu keadaan yang merupakan saki-baki kedudukan-kedudukan hubungan yang pernah wujud sebelum Islam, juga saki-baki kefahaman-kefahaman yang belum mengambil bentuk yang tegas dalam masalah hubungan-hubungan yang boleh atau tidak boleh diadakan di antara kelompok muslimin dengan orang-orang Yahudi..... Tetapi yang menarik perhatian di sini ialah semua cerita itu hanya mengisahkan tentang orang-orang Yahudi sahaja dan tidak ada cerita yang menyebut tentang orang-orang Nasara, tetapi nas Al-Qur'an merangkul orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara kedua-dua sekali. Ini kerana Al-Qur'an hendak menegakkan satu kefahaman, satu hubungan dan satu kedudukan yang berkekalan di antara kelompok Muslimin dengan semua kelompok yang lain sama ada dari golongan Ahlil-Kitab atau dari golongan kaum Musyrikin (sebagaimana akan dijelaskan dalam huraian ayat di dalam pelajaran ini).

Walaupun pendirian-pendirian kaum Yahudi terhadap kelompok Muslimin pada umumnya berlainan dari pendirian-pendirian orang-orang Nasara di zaman nabi dan walaupun di tempat yang lain dalam surah ini Al-Qur'anul-Karim menyebut perbezaan ini dalam firman-Nya:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ ۖ وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِّيسِينَ وَرُهْبَانًا وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٨٢﴾

"Sesungguhnya engkau (Muhammad) akan dapati bahawa manusia yang paling ketat permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Musyrikin dan sesungguhnya engkau akan dapati bahawa manusia yang paling dekat kemesraannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: Sesungguhnya kami adalah orang-orang Nasara. Keadaan yang sedemikian kerana di kalangan mereka terdapat paderi-paderi dan rahib-rahib dan kerana mereka tidak berlagak angkuh."(82)

Walaupun wujud perbezaan pendirian (di antara dua golongan Ahlil-Kitab itu), namun nas Al-Qur'an di sini menyamakan di antara orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara sebagaimana nas yang akan datang menyamakan di antara mereka semua dengan golongan orang-orang yang lain dalam masalah yang berkaitan dengan perjanjian setia atau perikatan setiakawan. Ini disebabkan kerana masalah ini dilandaskan di atas satu dasar tetap yang lain, iaitu seseorang Muslim tidak boleh mengadakan hubungan berikat setia atau hubungan setiakawan melainkan dengan sesama Muslim sahaja dan kesetiaan seseorang Muslim pastilah ditumpukan kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada kelompok Muslimin. Di dalam masalah hubungan setiakawan ini semua puak dianggap sama sahaja walaupun pendirian-pendirian mereka berbeza di dalam setengah-setengah keadaan dan situasi.

Walau bagaimanapun, ketika Allah S.W.T. menetapkan dasar umum yang tegas ini kepada kelompok Muslimin, maka ilmu-Nya adalah meliputi seluruh zaman bukan hanya terbatas setakat zaman hayat Rasulullah s.a.w. dan segala suasana sementara zaman itu yang menjadi latar belakangnya sahaja, kerana sejarah yang benar-benar berlaku selepas zaman itu telah membuktikan bahawa permusuhan orang-orang Nasara terhadap agama Islam dan kelompok Muslimin di kebanyakan negeri-negeri di dunia adalah tidak kurang hebatnya dari permusuhan orang-orang Yahudi. Apabila kita kecualikan pendirian orang-orang Nasara bangsa Arab dan

orang-orang Nasara bangsa Mesir yang telah menyambut baik kedatangan Islam, maka kita dapati negeri-negeri Nasara di dunia Barat telah menunjukkan perseteruan dan dendam kesumat di sepanjang sejarah mereka sejak mereka bertembung dengan Islam. Mereka telah melancarkan peperangan-peperangan dan tipudaya yang tidak berbeza dari peperangan-peperangan dan tipudaya orang-orang Yahudi di mana-mana zaman hingga negeri Habsyah sendiri yang pernah serimaharajanya (Najasyi) pada satu masa dahulu menyambut baik kedatangan Muhajirin Islam dan kedatangan Islam telah berubah menjadi sebuah negara yang lebih hebat dan dahsyat memusuhi Islam dan kaum Muslimin dari segala musuh Islam yang lain kecuali orang-orang Yahudi sahaja yang dapat menandingi mereka di bidang ini.

Allah S.W.T. mengetahui segala sesuatu dan kerana itu Dia menetapkan dasar umum ini kepada seseorang Muslim tanpa melihat kepada realiti zaman Al-Qur'an ini diturunkan dan segala suasana sementara zaman itu yang menjadi latar belakangnya dan tanpa memandang kepada peristiwa-peristiwa yang sama dengannya yang kadang-kadang berlaku di sana sini sehingga akhir zaman.

Islam dan orang-orang yang bergelar Muslimin - walaupun mereka tidak berpegang sedikit pun dengan agama Islam - masih menerima penderitaan-penderitaan kerana peperangan-peperangan yang dilancarkan ke atas mereka dan agama mereka oleh orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara di setiap tempat di muka bumi dan ini membenarkan firman Allah yang berbunyi:

بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٍۚ

"Mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain."(51)

Dan ini juga mewajibkan orang-orang Islam yang sedar supaya berpegang teguh dengan nasihat Allah, malah berpegang teguh dengan perintah larangan dan keputusan Allah supaya mengadakan pemisahan yang total di antara khemah yang bersetia kepada Allah dan Rasul-Nya dengan segala khemah yang lain yang tidak mengibar panji-panji Allah dan Rasul-Nya.

Islam mewajibkan seseorang Muslim mengadakan hubungan-hubungannya dengan semua manusia dengan berlandaskan 'aqidah. Kerana itu kesetiaan dan permusuhan tidak wujud sama ada di dalam pemikiran atau pergerakan seseorang Muslim melainkan kerana 'aqidah. Oleh sebab itu tidak mungkin wujud kesetiaan - iaitu saling membantu satu sama lain - di antara orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam, kerana kedua-duanya tidak mungkin saling membantu di bidang 'aqidah walaupun dengan maksud untuk menghadapi aliran Atheisme sebagaimana pernah difikirkan oleh setengah-setengah orang yang terlalu lurus dan oleh setengah-setengah mereka yang tidak membaca Al-Qur'an. Bagaimana kedua-dua golongan ini mungkin saling membantu satu sama lain sedangkan di antara keduanya tidak terdapat satu asas bersama untuk saling membantu?

Setengah-setengah orang yang tidak membaca Al-Qur'an dan tidak mengetahui hakikat Islam, juga setengah-setengah orang yang tertipu memahami bahawa seluruh agama itu adalah agama belaka dan seluruh Atheisme itu adalah sama sahaja. Oleh kerana itu seluruh golongan yang beragama boleh bersatu padu menentang Atheisme kerana Atheisme menolak agama seluruhnya dan memerangi sikap beragama umumnya.

Tetapi persoalan ini tidak begitu di dalam tanggapan Islam dan dalam hati seseorang Muslim yang mengecapi kemanisan Islam dan tiada siapa yang dapat mengecapi kemanisan Islam kecuali mereka yang memilih Islam sebagai satu 'aqidah dan bertindak dengan 'aqidah itu untuk menegakkan sistem Islam.

Persoalan ini tergaris begitu jelas di dalam kefahaman Islam dan di dalam hati seseorang Muslim, iaitu agama yang sebenar ialah agama Islam dan di sana tidak ada satu agama yang lain yang dii'tirafkan oleh Islam kerana Allah S.W.T. sendiri menegaskan hakikat ini di dalam firman-Nya:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam."(19)

وَمَن يَبۡتَغِ غَيۡرَ ٱلۡإِسۡلَٰمِ دِينٗا فَلَن يُقۡبَلَ مِنۡهُ

"Dan barang siapa yang mencari agama yang lain dari Islam, maka agama itu tidak akan diterima darinya."(85)

(Surah Aali 'Imran)

Dan selepas risalah Muhammad s.a.w., maka di sana tidak ada lagi agama yang diredhai dan diterima Allah dari seseorang selain dari agama Islam dalam bentuknya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Mana-mana hukum yang diterima dari orang-orang Nasara sebelum kebangkitan beliau tidak lagi diterima sekarang ini sebagaimana mana-mana hukum yang diterima dari orang-orang Yahudi sebelum kebangkitan 'Isa a.s. tidak lagi diterima selepas kebangkitannya.

Kewujudan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara dari golongan Ahlil-Kitab selepas kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. tidaklah bermakna bahawa Allah menerima dari mereka agama yang ada pada mereka atau mengi'tirafkan bahawa mereka adalah berada dalam agama Allah, kerana kedudukan yang sedemikian hanya wujud sebelum kebangkitan Rasul yang terakhir, tetapi selepas kebangkitan beliau, maka tidak ada agama - dalam tanggapan Islam dan hati seseorang Muslim - selain dari agama Islam. Inilah dinaskan oleh Al-Qur'an dengan satu nas yang tidak dapat dita'wilkan lagi.

Islam tidak memaksa mereka meninggalkan kepercayaan-kepercayaan mereka dan memeluk agama Islam kerana:

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِۖ

"Tidak ada paksaan di dalam agama."

(Surah Al-Baqarah: 256)

Tetapi ini tidaklah bererti bahawa Islam mengi'tirafkan agama yang ada pada mereka dan memandang mereka berada dalam agama Ilahi.

Oleh sebab itu di sana tidak ada barisan atau Front golongan beragama yang dapat disertai oleh Islam untuk menentang aliran Atheisme. Di sana hanya ada satu "agama" Ilahi sahaja iaitu agama Islam dan di sana wujudnya "Bukan agama" Ilahi iaitu agama-agama yang lain dari Islam. Kemudian "yang bukan agama Ilahi" ini menjadi satu 'aqidah yang berasal dari agama samawi yang diubah pinda dan diselewengkan atau menjadi satu 'aqidah yang berasal dari kepercayaan paganisme yang kekal di atas paganisme atau menjadi faham Atheisme yang menolak agama-agama. Dan agama-agama ini adalah bertentangan satu sama lain dan seluruhnya adalah bertentangan pula dengan Islam dan kerana itu tidak mungkin diwujudkan perikatan setia atau hubungan setiakawan di antara agama-agama ini dengan agama Islam.

Seseorang Muslim yang berinteraksi dengan Ahlil-Kitab adalah dituntut supaya menunjukkan layanan yang baik terhadap mereka - sebagaimana telah diterangkan sebelum ini - selama mereka tidak mengganggunya di dalam urusan agama. Dan dia diharuskan berkahwin dengan perempuan-perempuan muhsan dari golongan mereka - walaupun ada perselisihan di antara para fuqaha tentang perempuan yang mempercayai al-Masih sebagai tuhan atau sebagai anak-Nya atau mempercayai 'aqidah trinity atau apakah perempuan ini boleh dianggap perempuan Ahlil-Kitab yang boleh dikahwini atau dianggap perempuan musyrik yang haram dikahwini - dan sekalipun keharusan perkahwinan ini diambil sebagai satu dasar yang umum, namun dasar layanan yang baik dan keharusan perkahwinan itu tidaklah mengertikan boleh diadakan satu hubungan kesetiaan dan hubungan saling membantu di dalam urusan agama dan bukanlah pula mengertikan pangkuan seseorang Muslim bahawa agama Ahlil-Kitab - selepas kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. - adalah satu agama yang diterima oleh Allah dan berdasarkan hakikat ini bolehlah Islam menyertai mereka dalam satu Front untuk menentang Atheisme.

Kedatangan Islam ialah untuk membetulkan i'tiqad-i'tiqad kaum Ahlil-Kitab di samping membetulkan i'tiqad-i'tiqad kaum Musyrikin dan para penganut paganisme. Islam mengajak seluruh mereka supaya berpegang dengan agama Islam, kerana Islam adalah satu-satunya agama yang diredhai Allah dan yang lain darinya tidak akan diterima Allah dari manusia seluruhnya. Apabila kaum Yahudi memahami bahawa mereka tidak diajak memeluk agama Islam dan sebaliknya merasa tersinggung kerana diajak memeluk agama Islam, maka Al-Qur'an telah mencabar mereka bahawa Allah menyeru mereka supaya memeluk agama Islam dan andainya mereka menolak, maka mereka dianggap sebagai orang-orang kafir.

Seseorang Muslim adalah diperintah mengajak Ahlil-Kitab kepada agama Islam di samping mengajak kaum Musyrikin dan para penganut paganisme, tetapi ia tidak dibenarkan memaksa seseorang pun dari golongan-golongan tersebut supaya memeluk Islam, kerana 'aqidah-'aqidah itu tidak mungkin tumbuh dan berkembang di dalam hati nurani dengan menggunakan paksaan. Oleh itu penggunaan paksaan di dalam agama bukan sahaja dilarang tetapi juga tidak memberi apa-apa hasil.

Tentulah tidak betul andainya seseorang Muslim itu mengi'tirafkan bahawa agama yang dipegang oleh Ahlil-Kitab selepas kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. adalah satu agama yang diterimai Allah kemudian walaupun begitu dia mengajak mereka supaya menganut agama Islam. Sebenarnya dia tidak diperintah berda'wah kepada Ahlil-Kitab supaya memeluk Islam melainkan kerana berlandaskan satu asas, iaitu dia tidak mengi'tirafkan agama mereka sebagai agama Ilahi dan kerana itu ia mengajak mereka kepada agama Ilahi yang sebenar.

Apabila hakikat yang amat terang ini bertapak teguh, maka tentulah dia tidak logikal dengan 'aqidahnya jika dia menyertai 'Front' setiakawan dan saling membantu untuk menegakkan agama di bumi bersama golongan-golongan yang tidak mempercayai Islam.

Di dalam Islam persoalan ini adalah satu persoalan i'tiqad dan keimanan di samping merupakan persoalan menyusun pergerakan Islamiyah.

Dari segi persoalannya sebagai persoalan i'tiqad dan keimanan kami kira perkara ini telah jelas dengan penerangan yang telah kami kemukakan sebelum ini dan dengan merujukkan kepada nas-nas Al-Qur'an yang tegas melarang diadakan hubungan setiakawan di antara orang-orang Islam dengan kaum Ahlil-Kitab.

Dari segi ianya merupakan persoalan menyusun pergerakan Islam juga jelas kerana apabila seluruh perjuangan seseorang Muslim harus ditumpukan kepada usaha menegakkan sistem Allah dalam kehidupan manusia, iaitu satu sistem yang telah ditentukan oleh Islam mengikut sebagaimana yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. dengan segala perincian dan aspeknya yang merangkumi seluruh aktiviti manusia di dalam kehidupan, maka bagaimana mungkin dia bekerjasama di dalam perjuangan ini dengan golongan-golongan yang tidak mempercayai

Islam sebagai satu agama, sebagai satu sistem hidup dan sebagai satu syari'at, iaitu golongan-golongan yang berjuang ke arah matlamat-matlamat yang lain - sekalipun tidak bercanggah dengan Islam dan matlamat-matlamatnya, tetapi sekurang-kurangnya matlamat-matlamat itu adalah matlamat-matlamat bukan Islam - kerana Islam tidak mengi'tirafkan mana-mana perjuangan dan tindakan yang tidak berlandaskan 'aqidah walaupun bagaimana ia kelihatan baik dan bagus:

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِرَبِّهِمْۖ أَعْمَٰلُهُمْ كَرَمَادٍ ٱشْتَدَّتْ بِهِ ٱلرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍۖ

"Perbandingan amalan orang-orang yang kafir terhadap tuhan mereka samalah dengan abu-abu yang ditiup angin yang kuat pada hari ribut yang kencang."

(Surah Ibrahim: 18)

Islam mentaklifkan seseorang Muslim supaya mengikhlaskan seluruh usaha atau perjuangannya untuk Islam dan di sini tidak timbul kemungkinan sesuatu bahagian perjuangan atau usaha seharian dalam kehidupan seseorang Muslim itu terpisah dari Islam. Kemungkinan ini tidak timbul kecuali dari mereka yang tidak mengenal tabi'at Islam dan tabi'at sistem Islam. Begitu juga di sana tidak timbul adanya aspek-aspek dalam kehidupan yang terkeluar dari sistem hidup Islam yang dapat dijadikan bidang kerjasama dengan orang-orang yang memusuhi Islam atau orang-orang yang tidak akan berpuas hati dengan orang Islam kecuali ia meninggalkan agamanya sebagaimana telah diterangkan Allah di dalam kitab-Nya (Al-Qur'anul-Karim) tentang tuntutan yang boleh memuaskan hati kaum Yahudi dan Nasara terhadap seseorang Muslim. Nyatalah di sana wujudnya kemustahilan (bekerjasama) dari segi i'tiqad di samping wujudnya kemustahilan (bekerjasama) dari segi amali.

Alasan yang diberikan oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul - seorang dari kaum Munafiqin yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka tentang tindakannya yang segera dan bersungguh-sungguh mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi dan mempertahankan perikatan setia dengan mereka adalah terkandung dalam perkataannya yang berbunyi: "Saya takut mala bencana, saya takut kami di timpa kesulitan dan kesempitan." Alasan ini merupakan petanda penyakit hati dan kelemahan iman, kerana pelindung dan penolong yang sebenar ialah Allah. Perbuatan meminta pertolongan kepada yang lain dari Allah adalah suatu perbuatan yang sesat, sia-sia dan tidak berhasil, tetapi alasan Ibn Salul adalah alasan setiap Ibn Salul di sepanjang zaman dan pemikiran Ibn Salul adalah pemikiran setiap orang Munafiq yang berpenyakit di dalam hati dan tidak memahami hakikat iman. Sebaliknya hati 'Ubadah ibn as-Samit bencikan hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi setelah ia melihat telatah-telatah mereka yang buruk kerana hatinya adalah hati yang Mu'min. Itulah sebabnya ia mencabut dan mencampakkan hubungan setiakawan itu, sementara Abdullah ibn Ubay ibn Salul pula menyambut dan memeluk setiakawan itu dan berpegang teguh dengannya.

Kedua-dua manusia itu memperlihatkan dua jalan hidup yang berlainan yang lahir dari dua pemikiran dan perasaan yang berlainan. Perbezaan dan kelainan itu tetap wujud di sepanjang zaman di antara hati yang beriman dan hati yang tidak mengenal iman.

Al-Qur'an mengancam orang-orang yang meminta pertolongan dari musuh-musuh agama mereka yang menggembleng tenaga untuk menentang mereka dan mengancam orang-orang Munafiqin yang tidak membulatkan kepercayaan, kesetiaan, kepatuhan dan pegangan mereka kepada Allah. Ia mengancam mereka dengan harapan mendapat kemenangan atau berlakunya sesuatu keputusan dari Allah yang menyelesaikan keadaan ini atau mendedahkan tembelang nifaq yang tersembunyi itu.

فَعَسَى ٱللَّهُ أَن يَأْتِيَ بِٱلْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ مِّنْ عِندِهِۦ فَيُصْبِحُواْ عَلَىٰ مَآ أَسَرُّواْ فِيٓ أَنفُسِهِمْ نَٰدِمِينَ ﴿٥٢﴾

"Semoga Allah mendatangkan kemenangan (kepada Rasul-Nya) atau sesuatu keputusan-Nya dari sisi-Nya yang menyebabkan mereka menyesal terhadap segala apa yang telah dirahsiakan di dalam hati mereka."(52)

Dan ketika tercapainya kemenangan sama ada kemenangan menakluk negeri Makkah atau kemenangan dalam ertikata penyelesaian atau datangnya sesuatu keputusan dari Allah, maka orang-orang Munafiqin yang berpenyakit di dalam hati itu akan menyesal terhadap tindakan mereka yang tergesa-gesa dan bersungguh-sungguh mempertahankan hubungan setiakawan mereka dengan Yahudi dan Nasara, juga menyesal terhadap tembelang nifaq mereka yang pecah itu, di waktu ini orang-orang yang beriman akan memperlihatkan kehairanan mereka terhadap gelagat-gelagat kaum Munafiqin itu dan mengecam sikap nifaq mereka dan akibat kerugian yang menimpa mereka.

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَهَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَقْسَمُواْ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ إِنَّهُمْ لَمَعَكُمْ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فَأَصْبَحُواْ خَٰسِرِينَ ﴿٥٣﴾

"Dan orang-orang yang beriman akan berkata: Inikah orang-orang yang telah bersumpah dengan nama Allah dengan sumpah mereka yang sungguh-sungguh bahawa mereka adalah bersama kamu? Sia-sialah segala amalan mereka, maka kerana itu mereka menjadi orang-orang yang rugi."(53)

Allah tetap membawa kemenangan itu pada suatu hari, di mana niat-niat yang jahat akan terbongkar, tindakan-tindakan akan menjadi gagal dan sia-sia dan

berbagai-bagai puak akan menerima kerugian. Kita di dalam perjanjian dengan Allah yang tetap akan memberi kemenangan kepada kita apabila kita hanya berpegang teguh dengan tali Allah sahaja, apabila kita membulatkan kesetiaan dan kepatuhan kepada Allah sahaja, apabila kita benar-benar mengingati sistem hidup Ilahi dan menegakkan kefahaman, undang-undang dan peraturan kita di atasnya dan apabila kita bergerak di dalam perjuangan mengikut garis pedoman dan bimbingan Allah dan apabila kita tidak berikat setia melainkan dengan Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 56)

Setelah selesai Al-Qur'an membuat seruan yang pertama kepada orang-orang yang beriman supaya menamatkan hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi dan Nasara dan supaya berwaspada agar tidak ada di dalam kalangan mereka orang-orang yang mengadakan hubungan setiakawan dengan mereka dan agar mereka tidak terkeluar dari agama Islam dengan perbuatan itu tanpa disedari mereka atau tanpa dikehendaki mereka, maka (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an membuat seruan yang kedua mengancam sesiapa dari mereka yang terkeluar dari agamanya, dengan sebab hubungan setiakawan itu atau dengan sebab yang lain bahawa dia tidak mempunyai apa-apa nilai pun di sisi Allah dan dia tidak pula dapat melemahkan Allah dan memudharatkan agamanya, kerana agama Allah mempunyai penolong-penolong setia yang tersimpan di dalam ilmu Allah. Jika mereka berundur dari agama Allah maka Allah akan mendatangkan kumpulan penolong-penolong itu. Kemudian Al-Qur'an menggambarkan pula sifat-sifat kumpulan pilihan yang tersimpan di dalam ilmu Allah untuk membantu agamanya itu. Semua sifat-sifat itu adalah sifat-sifat yang amat menarik, indah dan gemilang di samping menerangkan pihak yang tunggal yang seharusnya ditumpukan kesetiaan kepadanya oleh setiap Muslim. Kemudian seruan ini diakhiri dengan menjelaskan penghabisan yang pasti dicapai dalam perjuangan yang diceburi oleh Hizbullah melawan kumpulan-kumpulan yang lain, iaitu penghabisan kemenangan yang akan dini'mati oleh mereka yang menumpukan kesetiaan mereka kepada Allah dan Rasul-Nya serta para Mu'minin:

Hukum Membuat Hubungan Setiakawan Dengan Kaum Ahlil-Kitab

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَن يَرْتَدَّ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَسَوْفَ
يَأْتِى ٱللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ
أَعِزَّةٍ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ يُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ
لَوْمَةَ لَآئِمٍ ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ
عَلِيمٌ ﴿٥٤﴾
إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ
ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمْ رَٰكِعُونَ ﴿٥٥﴾
وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فَإِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ
هُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٥٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Barang siapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka Allah akan mendatangkan sekumpulan manusia yang dicintai-Nya dan mereka juga menyintai-Nya, mereka lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan gagah perkasa terhadap orang-orang kafir, mereka berjihad kerana Sabilullah. Dan mereka tidak gentar kepada celaan mana-mana pencela. Itulah limpah kurnia Allah yang dikurniakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya) dan Maha Mengetahui (54). Sesungguhnya penolong setia kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya, juga orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, dan mereka sentiasa tunduk (kepada Allah) (55). Dan barang siapa yang menjadikan Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman sebagai penolong setianya, maka sesungguhnya Hizbullah itulah yang pasti mendapat kemenangan."(56)

Ancaman kepada mana-mana orang Islam yang terkeluar dari agamanya dalam bentuk kecaman yang sehebat ini dan di maqam yang seperti ini pada dasarnya adalah dituju kepada pertalian yang wujud di antara perbuatan mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi dan Nasara dengan hukum irtidad (terkeluar) dari Islam terutama setelah dijelaskan oleh Al-Qur'an bahawa mana-mana orang yang menjadikan orang-orang Yahudi dan Nasara selaku rakan dan penolong setianya, maka dia adalah dianggap termasuk di dalam golongan mereka, iaitu terkeluar dari kelompok Muslimin dan tercantum di dalam kumpulan mereka:

وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ

"Dan barang siapa dari kalangan kamu menjadikan mereka sebagai penolong setia, maka dia adalah dari golongan mereka."(51)

Berdasarkan pertimbangan ini maka seruan yang kedua di dalam ayat ini adalah untuk menguatkan seruan yang pertama. Dan seruan yang ketiga - selepas seruan ini - juga mempunyai tujuan yang sama, iaitu menekankan larangan dari mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Ahlil-Kitab dan orang-orang kafir yang digabungkan sebegitu rupa untuk menunjukkan bahawa hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi dan Nasara adalah sama dengan hubungan setiakawan dengan orang-orang

kafir, dan soal Islam memberi layanan yang berbeza di antara kaum Ahlil-Kitab dengan orang-orang kafir adalah satu perkara yang tidak ada kaitan dengan persoalan setiakawan, malah ia adalah dari urusan-urusan lain yang tidak ada kena-mengena dengan hubungan setiakawan.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَن يَرْتَدَّ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَسَوْفَ
يَأْتِى ٱللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ
أَعِزَّةٍ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ يُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ
لَوْمَةَ لَآئِمٍ ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ
عَلِيمٌ ﴿٥٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Barang siapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka Allah akan mendatangkan sekumpulan manusia yang dicintai-Nya dan mereka juga menyintai-Nya, mereka lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan gagah perkasa terhadap orang-orang kafir, mereka berjihad kerana Sabilullah. Dan mereka tidak gentar kepada celaan mana-mana pencela. Itulah limpah kurnia Allah yang dikurniakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya) dan Maha Mengetahui."(54)

Pemilihan Allah yang telah memilih kelompok Mu'min sebagai alat taqdir Ilahi untuk menegakkan agama Allah di bumi, meneguhkan kekuasaan Allah di dalam kehidupan manusia, menghakimkan sistem Ilahi dalam undang-undang dan peraturan mereka, menguatkuasakan syari'at Allah dalam segala persoalan dan keadaan dan merealisasikan kebaikan, kebajikan, kebersihan, kesuburan dan kemakmuran di bumi dengan sistem dan syari'at Allah... pemilihan kelompok Mu'min untuk tujuan-tujuan ini adalah suatu limpah kurnia dan ni'mat Allah semata-mata. Oleh itu sesiapa yang ingin menolak limpah kurnia ini dan mengharamkan dirinya dari ni'mat ini, maka dia bebas berbuat demikian dan Allah tetap terkaya darinya dan dari semesta alam kerana Allah hanya memilih dari kalangan para hamba-Nya orang-orang yang diketahuinya layak untuk menerima limpah kurnia-Nya yang besar itu.

Gambaran sifat-sifat kelompok pilihan Allah yang digambarkan oleh ayat yang berikut adalah satu gambaran yang jelas dan kuat, gemilang dan menarik hati:

فَسَوْفَ يَأْتِى ٱللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ

"Maka Allah akan mendatangkan sekumpulan manusia yang dicintai-Nya dan mereka juga menyintai-Nya."(54)

Cinta Allah Terhadap Hamba Dan Cinta Hamba Terhadap Allah

Cinta kasih dan kerelaan yang bertimbal balik itulah bentuk hubungan yang wujud di antara mereka dengan Allah. Cinta yang bertindak selaku roh yang meresap halus dan memancar dengan sinar yang gemilang jernih dan sentiasa tersenyum manis itulah tali penghubung yang mengikatkan kumpulan itu dengan Allah Yang Maha Pengasih.

Kasih Allah terhadap seseorang hamba dari para hamba-Nya adalah satu hubungan yang tidak dapat dinilaikan kecuali oleh mereka yang telah mengenal Allah S.W.T. dengan sifat-sifat-Nya yang sebenar, iaitu sifat-sifat yang diterangkan olehnya sendiri dan kecuali oleh mereka yang telah menghayati kesan-kesan dari sifat-sifat Allah itu di dalam hati, jiwa, perasaan dan diri mereka seluruhnya. Ya! Hakikat pemberian cinta kasih ini tidak dapat dinilai kecuali oleh mereka yang mengenal hakikat pemberi itu sendiri, iaitu mengenal siapa Allah... Siapa pencipta alam buana yang amat luas ini dan siapa yang menjadi makhluk insan yang menjadi intisari alam buana ini, walaupun jasadnya amat kecil... Siapa yang seagung Allah, siapa yang sekuasa Allah, siapa yang setunggal Allah, siapa yang setinggi Allah di dalam kerajaan-Nya.. Siapa Allah dan siapakah pula sang hamba yang mendapat limpah kurnia cinta kasih dari Allah itu, sedangkan ia adalah dari makhluk ciptaan qudrat-Nya. Maha Suci Allah Yang Maha Mulia, Maha Agung, Yang Hidup selama-lamanya, Yang Azali dan Abadi, Yang Awal dan Yang Akhir, Yang Zahir dan Yang Batin.

Cinta kasih seorang hamba terhadap Allah merupakan suatu ni'mat yang besar kepada hamba ini. Ia juga tidak dapat dinilai kecuali oleh mereka yang telah mengecapi dan menghayatinya sendiri. Andainya cinta kasih Allah terhadap seorang hamba-Nya merupakan suatu pemberian yang amat besar dan suatu pengurniaan yang melimpah-ruah, maka pemberian Allah kepada seorang hamba-Nya dalam bentuk hidayat yang membawa kepada menyintai-Nya dan dalam bentuk memperkenalkan kepadanya rasa cinta kasih Ilahi yang indah dan unik, iaitu rasa cinta kasih yang tidak ada tolok bandingnya dengan segala rasa percintaan yang lain adalah satu pemberian yang amat besar dan satu pengurniaan yang melimpah-ruah.

Andainya cinta kasih Allah terhadap seorang hamba-Nya merupakan suatu hubungan yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata, maka cinta seorang hamba terhadap Allah juga merupakan suatu hubungan yang jarang dapat digambarkan oleh ungkapan kata-kata kecuali di dalam beberapa ungkapan yang terlancar dari kata-kata para pencinta Allah. Inilah satu-satunya bidang, di mana orang-orang yang sampai kepada Allah dari tokoh-tokoh tasauf yang sebenar menunjukkan pencapaiannya yang tinggi, tetapi golongan ini sangat kecil dalam himpunan orang-orang yang memakai jubah sufi dan dikenali di dalam rekod-rekod mereka yang panjang. Beberapa bait dari sajak-sajak Rabi'atul 'Adawiyah masih mendegung menyampaikan ke dalam hati saya rasa percintaannya yang tulen dan unik terhadap Allah apabila dia berkata:

Semoga engkau tetap manis terhadapku
Biarpun hidup ini pahit getir semuanya
Semoga engkau tetap redha terhadapku
Biarpun insan murka seluruhnya
Semoga hubunganku dengan-Mu tetap subur,
Biarpun hubunganku dengan semesta alam hancur
Jika cinta dari-Mu tetap benar
Maka segala sesuatu adalah remeh belaka
Dan segala yang wujud di atas tanah
Adalah seperti tanah sahaja

Cinta kasih dari Allah Yang Maha Mulia terhadap hamba-Nya dan cinta kasih dari hamba terhadap Allah Yang Maha Mengurnia adalah sentiasa bersemarak di alam al-wujud ini dan sentiasa menjalar di alam buana yang lebar ini. Cinta kasih Ilahi itu terterap pada segala makhluk yang bernyawa dan segala kejadian alam. Ia merupakan udara nyaman dan bayang teduh yang menyelubungi alam al-wujud, juga menyelubungi seluruh kewujudan insan yang terlambang pada hamba yang kasihkan Allah dan dikasihi Allah.

Kefahaman Islam mengikatkan di antara seseorang Mu'min dengan Allah dengan hubungan cinta kasih yang mengkagum dan menarik. Ia bukannya berlaku sekali atau sambil lalu, malah ia merupakan lunas, hakikat dan unsur yang semulajadi dalam kefahaman Islam:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ ٱلرَّحْمَـٰنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh akan dikurniakan Allah Yang Maha Penyayang, kasih mesra terhadap mereka."

(Surah Maryam: 96)

إِنَّ رَبِّى رَحِيمٌ وَدُودٌ ﴿٩٠﴾

"Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengasih dan Maha Penyayang."

(Surah Hud: 90)

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِى عَنِّى فَإِنِّى قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ

"Apabila para hamba-Ku bertanya kepadamu tentang diri-Ku, maka (jawablah) bahawa sesungguhnya Aku adalah amat dekat. Aku memperkenankan permohonan seseorang yang berdo'a, apabila ia berdo'a kepada-Ku."

(Surah Al-Baqarah: 186)

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَشَدُّ حُبًّا لِّلَّهِ ۗ

"Dan orang-orang yang beriman lebih cinta kepada Allah."

(Surah al-Baqarah: 165)

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ

"Katakanlah jika kamu kasihkan Allah, maka ikutlah aku nescaya Allah kasihkan kamu"

(Surah Aali 'Imran: 31)

dan berbagai-bagai ayat yang lain lagi.

Sungguh hairan melihat orang-orang yang membaca semua ayat-ayat ini kemudian berkata bahawa kefahaman Islam adalah satu kefahaman yang kasar dan keras, kerana ia menggambarkan hubungan di antara Allah dan manusia dengan hubungan paksaan, kekerasan, penyeksaan, pembalasan, kekasaran dan keterpisahan bukan seperti kefahaman (Kristian) yang menjadikan al-Masih sebagai anak Allah dah uqnum tuhan, iaitu ia menjalinkan hubungan di antara Allah dan manusia dalam bentuk hubungan perduaan (paduan manusia dengan Tuhan).

Kejelasan dan ketegasan kefahaman Islam dalam memisahkan di antara hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah tidaklah menghapuskan hubungan kasih sayang di antara Allah dan hamba-Nya, kerana hubungan ini adalah hubungan rahmat kasihan belas di samping merupakan hubungan keadilan. Ia adalah hubungan kemesraan dan percintaan di samping merupakan hubungan pemisahan dan pembersihan (sifat-sifat Allah dari sifat-sifat manusia). Itulah pandangan dan kefahaman yang sempurna yang merangkumi segala keperluan manusia dalam hubungan mereka dengan Allah Rabbul-'Alamin.

Di sini ketika menerangkan sifat kelompok Mu'min yang dipilih untuk mendokong agama ini, Al-Qur'an membentangkan satu nas yang menarik:

Sifat-sifat Orang-orang Yang Beriman

بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ

"Sekumpulan manusia yang dicintai-Nya dan mereka juga menyintai-Nya."(54)

Nas ini melepaskan seluruh kandungan isi pengertiannya dalam suasana ini, iaitu suasana yang amat dikehendaki oleh hati Mu'min ketika memikul beban (perjuangan) yang berat ini dengan kesedaran bahawa inilah pilihan, pemberian dan tawaran perdampingan dari Allah Yang Maha Mengurnia dan Maha Mulia.

Kemudian ayat (yang berikut) membentangkan sifat-sifat selanjutnya:

أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ

"Mereka lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman."(54)

Sifat ini diambil dari sikap sukarela, mudah dan lembut, kerana seorang Mu'min harus bersikap lemah-lembut terhadap sesama Mu'min, iaitu sikap tidak sulit (didekati) dan tidak sukar (dirundingi), mudah menerima dan menyambut, toleran dan ramah mesra. Inilah sifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman.

Sebenarnya tidak ada kehinaan dalam berlemah-lembut dengan orang-orang Mu'min, malah itulah sifat persaudaraan yang meruntuhkan tembok-tembok, menghapuskan rasa keberatan dan keseganan dan memadukan hati dengan hati dan kerana itu tidak ada lagi dalam hati seseorang sesuatu perasaan yang menyulit dan menjadi halangan terhadap satu sama lain.

Kepekaan seseorang terhadap dirinya sendiri adalah satu perasaan yang terkurung dan penuh prasangka. Perasaan ini membuat seseorang itu keras, degil dan bakhil terhadap saudaranya, tetapi apabila ia memadukan hatinya dengan hati kelompok Mu'min, maka tidak akan ada lagi di dalam hatinya sesuatu perasaan yang menghalang dan menyulitkannya. Apakah lagi perasaan yang masih tinggal di dalam hatinya terhadap mereka sedangkan mereka semua telah bersatu-padu sebagai saudara kerana Allah, dia menyintai mereka dan mereka menyintai dia dan perasaan kasih mesra yang luhur ini akan terus bersemarak di kalangan mereka, di mana mereka saling membahagikan perasaan ini di antara sesama mereka?

"Dan gagah perkasa terhadap orang-orang kafir."(54)

Yakni mereka menunjukkan sikap yang keras, gagah, megah dan unggul terhadap orang-orang kafir, tetapi sifat-sifat ini mempunyai tempatnya yang tertentu di sini, iaitu sifat-sifat ini bukan bertujuan menunjukkan kegagahan, keperkasaan dan keunggulan diri sendiri, malah ia bertujuan menunjukkan kegagahan 'aqidah dan keunggulan panji-panji yang dikibarkan oleh mereka. Ia bertujuan menunjukkan keyakinan bahawa 'aqidah yang dipegang mereka adalah lebih baik dan bahawa peranan mereka ialah menundukkan orang lain kepada 'aqidah yang dipegang oleh mereka bukannya menundukkan orang lain kepada diri mereka dan bukan pula menundukkan diri mereka kepada orang lain dan kepada 'aqidah yang dipegang mereka. Ia bertujuan menunjukkan keyakinan bahawa agama Allah dapat menewaskan agama nafsu dan kekuatan Allah dapat mengalahkan segala kekuatan yang lain, begitu juga kekuatan Hizbullah dapat mengalahkan kumpulan-kumpulan jahiliyah. Oleh itu mereka tetap lebih tinggi dan unggul walaupun mereka kadang-kadang kalah dalam setengah-setengah perjuangan di tengah jalan perjuangan yang panjang itu.

"Mereka berjihad kerana Sabilullah dan mereka tidak gentar kepada celaan mana-mana pencela."(54)

Berjihad Semata-mata Kerana Allah

Jihad di jalan Allah untuk menegakkan sistem Allah di bumi dan mengisytiharkan kuasa-Nya ke atas manusia dan menghakimkan syari'at Allah di dalam kehidupan mereka untuk merealisasikan kebajikan, kebaikan dan kemajuan bagi manusia. Itulah kelompok Mu'minin yang dipilih Allah untuk melakukan - dengan perantaraan mereka - apa yang dikehendaki oleh-Nya.

Mereka berjihad di jalan Allah bukan berjihad kerana kepentingan diri mereka, bukan pula kerana kepentingan kaum mereka, kepentingan tanahair mereka dan kepentingan bangsa mereka, malah berjihad semata-mata kerana kepentingan Sabilullah untuk merealisasikan sistem Allah, menegakkan kekuasaan-Nya, menjalankan syari'at-Nya dan mewujudkan - dengan perantaraannya - kebaikan dan kebajikan bagi semua manusia, sedangkan mereka tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam urusan ini di samping tidak mempunyai apa-apa habuan untuk diri mereka dari urusan ini, malah semuanya kerana Allah dan Sabilullah semata-mata tanpa sebarang sekutu.

Mereka berjuang kerana Sabilullah tanpa takut dan gentar kepada sebarang cemuhan dan kritikan. Apakah perlunya takut kepada manusia sedangkan mereka telah mendapat jaminan kasih dari Allah Tuhan yang memelihara manusia? Apakah perlunya menghormati kebiasaan manusia, adat resam generasi manusia dan tradisi-tradisi jahiliyah, sedangkan mereka mengikut peraturan dan undang-undang Allah dan menawarkan sistem hidup Ilahi? Orang-orang yang takut kepada cemuhan dan celaan manusia ialah mereka yang mengambil neraca pertimbangan dan penilaian-penilaiannya dari keputusan kehendak-kehendak hawa nafsu manusia dan mencari sokongan dari manusia, tetapi bagi orang-orang yang merujukkan kepada neraca-neraca pertimbangan Allah dan nilai-nilai Ilahi dan menjadikannya mengatasi kehendak-kehendak hawa nafsu manusia dan nilai-nilai mereka, bagi orang-orang yang mendapat kekuatan dan kegagahan mereka dari kekuatan dan kegagahan Allah, maka mereka tidak akan menghiraukan kata nista dan tindak-tanduk mereka, biar bagaimanapun keadaan, realiti, ketamadunan, ilmu pengetahuan dan kebudayaan manusia.

Kita membuat perhitungan yang begitu serius kepada apa yang dikata dan dibuat oleh orang ramai, kepada apa yang dimilik dan dipersetujui mereka dan kepada nilai-nilai, pertimbangan-pertimbangan dan

ukuran-ukuran yang digunakan di dalam realiti hidup mereka........ Kita berbuat begitu kerana kita lalai atau lupakan lunas yang wajib kita rujukkan kepadanya apabila kita membuat sesuatu pertimbangan, ukuran-ukuran dan penilaian. Lunas itu ialah sistem Ilahi, undang-undang dan peraturannya, keputusan dan hukum-hukumnya. Lunas inilah satu-satunya yang benar dan segala yang menyalahinya adalah batal belaka walaupun ia merupakan adat kebiasaan dan tradisi yang diakui jutaan manusia atau diakui oleh generasi-generasi manusia dari berpuluh-puluh abad.

Sesuatu peraturan, sesuatu adat kebiasaan, sesuatu tradisi atau sesuatu nilai tidak cukup (untuk dijadikan asas rujukkan) dengan alasan kerana ia ada, kerana ia berlaku dalam realiti, kerana ia dianuti dan dihayati oleh jutaan manusia dan kerana ia dijadikan asas kehidupan manusia. Neraca pertimbangan seperti ini tidak dii'tirafkan oleh kefahaman dan pandangan Islam, malah sesuatu peraturan, sesuatu adat kebiasaan, sesuatu tradisi dan sesuatu nilai itu pastilah mempunyai lunas-lunasnya di dalam sistem Ilahi, iaitu satu-satunya asas rujukkan, dari mana diambil nilai-nilai dan peraturan.

Di sinilah titik tolak kelompok Muslimin yang berjuang kerana Sabilullah tanpa takut dan gentar kepada cemuhan dan kritikan pencela-pencela. Inilah sifat para Mu'minin yang terpilih.

Kemudian pemilihan dari Allah, kasih sayang yang bertimbal balik di antara Allah dengan para Mu'minin pilihan, sifat-sifat yang menjadi cop dan tanda mereka, keyakinan hati mereka kepada Allah dan perjalanan mereka yang berpedomankan hidayat Allah dalam perjuangan mereka adalah semuanya dari limpah kurnia Allah belaka:

ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٥٤﴾

"Itulah limpah kurnia Allah yang dikurniakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha'Luas (pemberian-Nya) dan Maha Mengetahui."(54)

Allah memberi dengan seluas-luas dan memberi dengan penuh pengetahuan. Alangkah luasnya pengurniaan ini bagi sesiapa yang dipilih Allah mengikut ilmu dan taqdir-Nya.

Allah menggariskan (dalam ayat yang berikut) satu-satunya hala kesetiaan yang sesuai dengan sifat keimanan dan menjelaskan siapakah yang seharusnya mereka tunjukkan kesetiaan mereka:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمْ رَٰكِعُونَ ﴿٥٥﴾

"Sesungguhnya penolong setia kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya, juga orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, dan mereka sentiasa tunduk (kepada Allah)."(55)

Demikianlah Allah menggariskan hala kesetiaan itu dengan ungkapan yang memberi pembatasan yang tegas yang tidak memberi ruang untuk berdalih dan tidak memberi kesempatan untuk menggoyahkan Harakah Islamiyah atau menggoyahkan kefahamannya.

Persoalan ini pastilah begitu, kerana intisari persoalan ini ialah persoalan 'aqidah, persoalan melancarkan pergerakan dengan 'aqidah ini, persoalan supaya kesetiaan itu hanya ditumpukan kepada Allah semata-mata, persoalan supaya keyakinan itu mutlaq kepada Allah, persoalan supaya Islam menjadi "Agama", persoalan supaya adanya pemisahan yang tegas di antara barisan Muslimin dengan semua barisan yang lain yang tidak memilih Islam sebagai agama dan sebagai sistem hidup dan persoalan supaya harakah Islam mempunyai kesungguhan dan peraturannya, iaitu supaya kesetiaan di dalam harakah Islam tidak diberikan kepada yang lain dari kepimpinan dan panji-panji Islamiyah yang tunggal. Dan supaya bantu-membantu hanya berlaku di kalangan kelompok Muslimin sahaja; kerana itulah tolong-menolong yang wujud di dalam sistem Islam yang diambil dari 'aqidah.

Agar Islam tidak hanya merupakan semata-mata nama atau semata-mata panji-panji dan lambang atau semata-mata kata-kata yang diucapkan lisan atau semata-mata keturunan yang berpindah secara warisan atau semata-mata sifat yang diberikan kepada penduduk di suatu tempat, maka (ayat yang berikut) menyebut beberapa ciri pokok orang-orang yang beriman:

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمْ رَٰكِعُونَ ﴿٥٥﴾

"Yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat dan mereka sentiasa tunduk (kepada Allah)."(55)

Yakni di antara sifat mereka ialah mendirikan solat - bukan semata-mata mengerjakan solat - kerana mendirikan solat bererti menunaikannya dengan sempurna hingga melahirkan kesan-kesannya yang dijelaskan dalam firman-Nya:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ

"Sesungguhnya solat itu mencegahkan (seseorang) dari kejahatan dan kemungkaran."

(Surah al-Ankabut: 45)

Sesiapa yang solatnya tidak dapat mencegahkan dirinya dari kejahatan dan kemungkaran, maka bererti ia belum lagi mendirikan solat, kerana andainya dia benar-benar mendirikan solat, tentulah solat dapat mencegahkannya dari kejahatan dan kemungkaran sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah.

Di antara sifat mereka lagi ialah mengeluarkan zakat, iaitu menunaikan kewajipan harta kerana ta'at dan mendampingkan diri kepada Allah yang terbit dari kesukarelaan dan kegemaran hati sendiri. Oleh

itu zakat bukanlah semata-mata cukai harta, malah ia juga merupakan ibadat atau ibadat harta. Inilah keistimewaan sistem hidup Islam yang dapat melaksanakan berbagai-bagai matlamat dengan perantaraan satu fardhu. Ia bukannya seperti lain-lain sistem di bumi yang hanya dapat merealisasikan satu matlamat tetapi mencuaikan matlamat-matlamat yang lain.

Untuk mengislahkan keadaan masyarakat, maka masyarakat tidak cukup dengan hanya bertindak mengambil cukai harta (cukai awam) atau mengambil harta orang-orang kaya untuk diagihkan kepada orang-orang miskin atas nama kerajaan atau atas nama rakyat atau atas nama mana-mana pihak di bumi ini. Pungutan cukai dalam bentuk ini kadang-kadang dapat mencapaikan satu matlamat, iaitu mengagihkan harta kepada orang-orang yang susah.

Tetapi zakat (adalah berlainan) nama dan maksudnya dari awal-awal lagi mengertikan kebersihan dan kesuburan. Ia merupakan pembersihan hati nurani kerana zakat adalah suatu ibadat kepada Allah dan kerana wujudnya perasaan yang baik yang menemani pemberian zakat terhadap saudara sesama Islam yang miskin. Zakat adalah suatu ibadat kepada Allah, di mana pengeluarnya mengharapkan balasan yang baik di Akhirat di samping mengharapkan kesuburan hartanya di dalam kehidupan dunia dengan mendapat keberkatan dan dengan perantaraan sistem ekonomi yang membawa keberkatan dan seterusnya dengan wujudnya perasaan yang baik dari orang-orang miskin yang menerima zakat itu sendiri, kerana mereka merasa bahawa zakat itu adalah suatu limpah kurnia Allah kepada mereka sebab Allahlah yang menetapkan habuan mereka di dalam harta orang-orang yang kaya, di samping itu mereka tidak menaruh perasaan hasad dengki dan dendam terhadap saudara-saudara sebagaimana mereka yang kaya (di sini patut diingat bahawa orang kaya di dalam sistem Islam tidak memperolehi pendapatan mereka melainkan dari sumber yang halal dan mereka tidak mencerobohi hak orang lain semasa mengumpulkan kekayaan mereka) dan pada akhirnya matlamat cukai harta itu dapat dicapai dalam suasana yang baik, iaitu suasana kebersihan dan kesuburan (yang penuh berkat).

Penunaian zakat adalah salah satu dari sifat-sifat orang-orang yang beriman yang membuktikan bahawa mereka mematuhi syari'at Allah di dalam urusan kehidupan, juga membuktikan pengi'tirafan mereka terhadap kuasa Allah di atas seluruh urusan kehidupan mereka. Inilah pengertian Islam.

"Dan mereka sentiasa tunduk (kepada Allah)."(55)

Itulah sifat mereka, seolah-olah itulah keadaan semulajadi mereka. Oleh sebab itu Al-Qur'an tidak berhenti setakat keterangan Allah bahawa mereka "mendirikan solat" kerana itu sifat "sentiasa tunduk" adalah satu sifat baru yang lebih umum dan syumul kerana sifat ini menggambarkan kepada minda kita bahawa inilah sifat mereka yang tetap. Tegasnya sifat mereka yang paling menonjol ialah sifat "sentiasa tunduk" dan dengan sifat inilah mereka dikenali.

Alangkah mendalamnya saranan-saranan dari ungkapan-ungkapan Al-Qur'an di dalam perkara-perkara yang sehubungan dengan ini.

Kemudian Allah menjanjikan (dalam ayat yang berikut) kepada orang-orang yang beriman sebagai balasan terhadap keyakinan dan perlindungan diri mereka kepada Allah, terhadap kesetiaan mereka kepada Allah Yang Maha Esa, kepada Rasul-Nya dan kepada para Mu'minin, juga sebagai balasan terhadap pemisahan mereka yang total di antara mereka dengan seluruh barisan yang lain kecuali barisan yang membulatkan kesetiaan kepada Allah, iaitu Allah menjanjikan kemenangan kepada mereka:

"Dan barang siapa yang menjadikan Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman sebagai penolong setianya, maka sesungguhnya Hizbullah itulah yang pasti mendapat kemenangan."(56)

Janji kemenangan ini dikemukakan selepas dijelaskan dasar keimanan itu sendiri, iaitu dasar kesetiaan kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada para Mu'minin, juga selepas diberi amaran agar mereka jangan mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi dan Kristian dan menganggapkan perbuatan itu sebagai perbuatan yang mengeluarkan mereka dari barisan Islam kepada barisan kaum Yahudi dan kaum Kristian dan mereka terkeluar dan agama Islam.

Di sini ada satu tarikan perhatian umum Al-Qur'an, iaitu Allah mahukan seseorang Muslim itu menganut agama Islam semata-mata kerana Islam itu satu agama yang paling baik bukan kerana agama itu akan mendapat kemenangan atau kedudukan yang kukuh di bumi ini, kerana kemenangan dan kedudukannya yang teguh itu merupakan hasil-hasil yang datang pada masanya yang wajar dan datang untuk merealisasikan taqdir atau perencanaan Allah yang hendak mengukuhkan kedudukan agama Islam dan bukannya untuk dijadikan galakan dan tarikan supaya menganut agama ini. Pengurniaan kemenangan kepada orang-orang Islam itu sebenarnya mereka tidak mempunyai apa-apa bahagian untuk diri mereka dalam kemenangan itu, malah kemenangan itu hanya merupakan taqdir Allah yang diperlakukan menerusi mereka. Ia hanya merupakan satu pemberian Allah kepada mereka untuk kepentingan 'aqidah mereka bukan untuk kepentingan diri mereka. Oleh itu mereka memperolehi pahala kerana perjuangan mereka dan pahala kerana hasil-hasil perjuangan yang membawa ke arah meneguhkan kedudukan agama di

bumi dan kebaikan bumi kerana wujudnya keteguhan agama Ilahi itu.

Begitu juga Allah kadang-kadang menjanjikan kemenangan kepada orang-orang Islam dengan tujuan untuk mengukuhkan keyakinan hati mereka dan membebaskan hati mereka dari halangan-halangan yang wujud di hadapan mereka - iaitu halangan-halangan yang seringkali menghancurkan perjuangan - oleh itu apabila mereka yakin terhadap akibat perjuangan itu, hati mereka akan menjadi kuat untuk menempuh penderitaan dan melangkah halangan itu, juga untuk meletakkan pengharapan agar kemenangan yang dijanjikan Allah kepada umat Muslimin itu tercapai di tangan mereka, dan dengan itu mereka akan memperolehi pahala jihad dan pahala kerana meneguhkan kedudukan agama Allah dan pahala dari hasil-hasil yang baik yang terbit dari kedudukan agama Islam yang teguh itu.

Begitu juga turunnya nas ini di bidang ini membayangkan adanya satu keadaan yang dialami oleh kelompok Muslimin pada masa itu yang memerlukan kepada penyampaian berita-berita gembira dengan menyebut dasar (Ilahi) bahawa Hizbullah tetap akan menang. Ini menguatkan lagi pendapat kami tentang masa turunnya ayat-ayat bahagian itu di dalam surah ini.

Kemudian dasar (Ilahi) ini menjadi begitu jelas kepada kita. Ia adalah satu dasar yang tidak terikat dengan suatu masa dan tempat yang tertentu. Oleh itu kita yakin bahawa dasar ini adalah salah satu dari Sunnatullah yang tidak pernah meleset walaupun kelompok Mu'minin pernah menderita kekalahan-kekalahan di dalam setengah-setengah perjuangan dan keadaan. Tegasnya Sunnatullah yang tidak pernah mungkir ialah Hizbullah tetap menang dan janji Allah yang pasti itu adalah tetap lebih benar dari gejala-gejala (kekalahan) yang lahir yang berlaku pada peringkat-peringkat jalan perjuangan dan bahawa kesetiaan kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada para Mu'minin itulah jalan yang membawa kepada tercapainya janji Allah di akhir jalan perjuangan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 58)

Kemudian dalam penjelasan ini Al-Qur'an telah menggunakan berbagai-bagai cara untuk menegahkan orang-orang yang beriman dari mengadakan hubungan setiakawan dengan penganut-penganut 'âqidah yang berlainan dari mereka seperti kaum Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin, juga untuk menanamkan dasar keimanan ini di dalam hati, perasaan dan akal mereka yang membuktikan bagaimana pentingnya dasar ini di dalam kefahaman Islam dan harakat Islamiyah.

Sebelum ini kita telah melihat bagaimana Al-Qur'an telah menggunakan cara tegahan secara langsung di dalam seruannya yang pertama dan cara menimbulkan ketakutan terhadap kemungkinan Allah mengurnia kemenangan atau kemungkinan Allah membuat sesuatu keputusan yang boleh mendedahkan tembelang orang-orang Munafiqin. Sementara di dalam seruan yang kedua pula Al-Qur'an telah menggunakan cara memberi amaran dari terkeluar dari agama Islam apabila mereka mengadakan hubungan setiakawan dengan musuh-musuh Allah, Rasul-Nya dan para Mu'minin, juga menggunakan cara memberi galakan agar mereka menjadi kelompok pilihan yang terdiri dari mereka yang dikasihkan Allah dan menaruh kasih kepada Allah di samping menggunakan cara memberi janji kemenangan kepada Hizbullah.

Kini di dalam seruan yang ketiga dalam pelajaran kita dapati Al-Qur'an (di dalam ayat yang berikut) menggunakan cara merangsangkan semangat keghairahan di dalam hati para Mu'minin terhadap kesucian agama mereka, ibadat dan solat mereka dari dipersenda-sendakan oleh musuh mereka. Di sini juga kita dapati Al-Qur'an menyamakan di antara perbuatan mengadakan hubungan setiakawan dengan Ahlil-Kitab dengan perbuatan mengadakan setiakawan dengan orang-orang yang kafir. Di samping itu Al-Qur'an menghubungkan tegahan ini pula dengan semangat taqwa kepada Allah dan menghubungkan tindakan mematuhi seruan ini dengan sifat keimanan serta mengeji perbuatan orang-orang kafir dan Ahlil-Kitab dan menyifatkan mereka sebagai orang-orang yang tidak menggunakan akal mereka untuk berfikir:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَكُمْ هُزُوًا وَلَعِبًا مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكُمْ وَٱلْكُفَّارَ أَوْلِيَآءَ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

وَإِذَا نَادَيْتُمْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ ٱتَّخَذُوهَا هُزُوًا وَلَعِبًا ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ ﴿٥٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang menjadikan agama kamu sebagai bahan sendaan dan permainan - iaitu dari mereka yang telah dikurniakan kitab suci sebelum kamu juga orang-orang yang kafir - selaku sahabat-sahabat setia kamu. Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah jika kamu benar beriman.(57) Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan solat, nescaya mereka jadikannya bahan sendaan dan permainan. Tindakan yang sedemikian itu ialah kerana mereka adalah satu kaum yang tidak berfikir."(58)

Ini adalah satu situasi yang membakar perasaan setiap Mu'min yang mempunyai semangat dan keghairahan terhadap agamanya. Dia melihat dirinya tidak mempunyai kehormatan lagi apabila agamanya dihina, apabila ibadat dan solatnya dihina dan apabila amalannya untuk mengadap Allah telah dijadikan

bahan sendaan dan permainan. Oleh itu bagaimana mungkin diadakan hubungan setiakawan di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang sanggup melakukan perbuatan yang keji ini. Mereka melakukan perbuatan ini kerana sesuatu kekurangan di dalam akal mereka, kerana manusia yang sempurna akal tidak sanggup mempersenda-sendakan agama Allah dan orang-orang yang beriman kepada agama Allah. Apabila akal itu sihat dan berfungsi dengan betul, maka ia akan melihat segala sesuatu yang berada di sekelilingnya menjadi penyaran-penyaran dan pendorong-pendorong ke arah beriman kepada Allah, tetapi apabila akal tidak berfungsi dengan betul dan menyeleweng, maka ia tidak nampak penyaran-penyaran dan pendorong-pendorong ini kerana di waktu ini segala hubungan di antaranya dengan seluruh alam al-wujud ini telah rosak, sedangkan seluruh alam al-wujud ini menyarankan bahawa ia tetap mempunyai Tuhan yang wajar disembah dan diagung-agungkan, sementara akal pula, apabila ia sihat dan berfungsi dengan betul, maka ia akan merasa keindahan dan kemuliaan mengabdikan diri kepada Allah Tuhan seluruh alam buana dan ia tidak akan mempersenda-senda dan mempermain-mainkannya selama ia sihat dan berfungsi dengan betul.

Sendaan dan permainan ini telah dilakukan oleh orang-orang kafir dan khususnya oleh kaum Yahudi dari Ahlil-Kitab semasa Al-Qur'an ini diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dan ditujukan kepada kelompok Muslimin di waktu itu. Walaupun kita tidak mengetahui dari sejarah bahawa orang-orang Nasara pernah melakukan perbuatan itu, namun Allah S.W.T. mahu meletakkan satu dasar kefahaman dan sistem hidup yang tetap bagi kelompok Mushmin dan Allah S.W.T. sedia mengetahui apa yang akan berlaku kepada kelompok Muslimin di sepanjang zaman. Dan kini kita semua telah dan sedang melihat bahawa musuh-musuh agama Islam dan musuh-musuh kaum Muslimin di sepanjang sejarah sama ada di masa dahulu atau masa kini adalah dari orang-orang yang menamakan diri mereka sebagai orang-orang Nasara. Bilangan mereka lebih ramai dari bilangan kaum Yahudi yang digabungkan dengan orang-orang kafir. Mereka telah melancarkan perseteruan dan permusuhan mereka terhadap kaum Muslimin abad demi abad. Mereka memerangi kaum Mushmin dengan peperangan yang tidak pernah reda sejak Islam bertembung dengan kerajaan Roman di zaman Khalifah Abu Bakr dan Khalifah Umar r.a. sehingga sampai kepada peperangan-peperangan Salib. Kemudian timbul masalah "Asia Barat" di mana kerajaan-kerajaan Salib telah bergabung di seluruh pelosok dunia untuk menghancurkan khalifah Islam. Kemudian kemunculan penjajahan Barat yang menyembunyikan semangat Salib di dalam dadanya tetapi terbuka tembelangnya di dalam keterlanjuran lidah mereka. Kemudian kemunculan gerakan tabligh propaganda Kristian yang melicinkan jalan pergerakan penjajahan dan memberi sokongan yang kuat kepadanya. Kemudian peperangan-peperangan itu masih terus dilakukan ke atas angkatan-angkatan perintis kebangkitan Islam di mana-mana tempat di dunia ini. Seluruh serangan dan kempen-kempen permusuhan itu telah dilakukan secara bersama oleh kaum Yahudi, kaum Nasara, kaum kafir dan kaum paganisme.

Al-Qur'an diturunkan untuk menjadi kitab suci umat Muslimin sepanjang hayat mereka sehingga hari Qiamat, iaitu kitab suci yang menegakkan kefahaman i'tiqad mereka di samping menegakkan sistem kemasyarakatan dan rancangan pergerakan mereka. Dan kini Al-Qur'an mengajar mereka agar seluruh kesetiaan mereka hanya ditumpukan kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada para Mu'minin sahaja dan melarang mereka dari mengadakan sebarang hubungan setiakawan dengan orang-orang Yahudi, orang-orang Nasara dan orang-orang kafir dan larangan itu telah dibuat dalam bentuk yang amat tegas dan dihuraikan dengan berbagai-bagai gaya dan cara.

Agama Islam menyuruh penganut-penganutnya supaya bersikap toleran dan memberi layanan yang baik terhadap kaum Ahlil-Kitab terutama orang-orang Nasara, tetapi ia melarang mengadakan hubungan setiakawan dengan mereka, kerana sikap toleran dan memberi layanan yang baik itu adalah persoalan akhlak dan budi pekerti, sedangkan persoalan hubungan setiakawan ialah persoalan 'aqidah dan organisasi. Hubungan setiakawan ialah hubungan saling membantu di antara satu puak dengan satu puak yang lain dan hubungan saling membantu itu tidak boleh diwujudkan di antara kaum Muslimin dan kaum Ahlil-Kitab, kerana hubungan saling membantu di dalam kehidupan kaum Muslimin - sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini - ialah saling membantu dalam urusan agama dan di dalam perjuangan untuk menegakkan sistemnya dalam kehidupan manusia. Oleh itu untuk apa dan bagaimana mungkin hubungan saling membantu ini dapat dilakukan dalam urusan ini di antara orang-orang Islam dengan orang bukan Islam?

Persoalan kesetiaan adalah persoalan yang tegas yang tidak boleh menerima sikap goyah dan lembut, kerana Allah tidak menerima dalam persoalan kesetiaan ini kecuali sikap yang sungguh-sungguh dan tegas, iaitu kesungguhan dan ketegasan yang layak dengan seseorang Muslim di dalam urusan agama.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 59 - 60)

Setelah selesai membuat tiga seruan kepada orang-orang yang beriman, Al-Qur'an tujukan pula - ayat-ayat yang berikut - kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau bersemuka dengan kaum Ahlil-Kitab dan menanyakan mereka mengapa mereka bencikan orang-orang Islam? Sebenarnya mereka tidak bencikan orang-orang Islam melainkan kerana mereka beriman kepada Allah, kepada kitab-kitab suci yang diturunkan kepada Ahlil-Kitab dan kepada kitab suci

Al-Qur'an yang diturunkan kepada kaum Muslimin selepas Ahlil-Kitab? Sebenarnya mereka tidak bencikan orang-orang Islam melainkan semata-mata kerana orang-orang Islam itu beriman, sedangkan mereka kebanyakannya fasiq? Ini adalah satu persemukaan yang bukan sahaja memalukan tetapi juga membuka tembelang dan memberi sebab yang tegas terhadap punca perseteruan dan persimpangan jalan itu:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ هَلْ تَنقِمُونَ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلُ وَأَنَّ أَكْثَرَكُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٥٩﴾ قُلْ هَلْ أُنَبِّئُكُم بِشَرٍّ مِّن ذَٰلِكَ مَثُوبَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ مَن لَّعَنَهُ ٱللَّهُ وَغَضِبَ عَلَيْهِ وَجَعَلَ مِنْهُمُ ٱلْقِرَدَةَ وَٱلْخَنَازِيرَ وَعَبَدَ ٱلطَّٰغُوتَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ﴿٦٠﴾

"Katakanlah (Muhammad): Wahai Ahlil-Kitab sebenarnya kamu tidak bencikan kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada Allah dan kepada kitab suci yang telah diturunkan kepada kami serta beriman kepada kitab suci yang diturunkan sebelumnya dan sesungguhnya kebanyakan, kamu adalah fasiq (59). Katakanlah (Muhammad): Apakah kamu suka aku beritakan kepada kamu (cerita) balasan yang lebih buruk di sisi Allah (dari kebencian kamu itu)? Iaitu (cerita) mereka (orang-orang Yahudi) yang telah dilaknat dan dimurkakan Allah dan di antara mereka telah dijadikan kera dan babi dan penyembah-penyembah Taghut. Merekalah orang-orang yang lebih buruk kedudukannya dan lebih tersesat dari jalan yang betul."(60)

Pertanyaan yang diarahkan Allah kepada Rasul-Nya supaya beliau kemukakannya kepada kaum Ahlil-Kitab ini - dari satu segi - adalah satu pertanyaan yang bertujuan menjelaskan perbuatan yang telah dilakukan mereka dan mendedahkan motif-motif yang mendorong mereka mengambil sikap yang seperti itu terhadap kelompok Muslimin, terhadap agama dan ibadat solat mereka dan - dari satu segi yang lain pula - pertanyaan ini merupakan satu pertanyaan yang bertujuan mencela perbuatan mereka dan motif-motif mereka di sebaliknya dan dalam waktu yang sama juga ia merupakan satu pertanyaan untuk menyedarkan kaum Muslimin supaya jangan mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Ahlil-Kitab dan menguatkan lagi gesaan yang telah dibuat oleh tiga seruan Al-Qur'an yang silam yang membeli amaran dan melarang kaum Muslimin dari mengadakan hubungan setiakawan dengan mereka.

Sebenarnya kaum Ahlil-Kitab di zaman Rasulullah s.a.w. tidak bencikan kaum Muslimin di zaman itu, dan mereka juga tidak bencikan angkatan-angkatan pelopor kebangkitan Islam di zaman ini melainkan semata-mata kerana kaum Muslimin itu beriman kepada Allah dan kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kepada mereka dan kepada perkara-perkara yang disahkan oleh Al-Qur'an mereka yang terkandung di dalam kitab-kitab yang diturunkan kepada Ahlil-Kitab sebelum ini.

Mereka memusuhi kaum Muslimin semata-mata kerana mereka menganut Islam, kerana mereka bukan orang-orang Yahudi dan bukan pula orang-orang Nasara dan kerana kaum Ahlil-Kitab itu fasiq dan menyeleweng dari ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah kepada mereka. Tanda kefasiqan dan penyelewengan mereka ialah mereka tidak beriman kepada risalah yang terakhir, sedangkan risalah ini berfungsi mengesahkan keterangan-keterangan kitab-kitab suci yang ada di tangan mereka - tetapi tidak mengesahkan bidaah-bidaah dan penyelewengan-penyelewengan yang telah dilakukan mereka - dan mereka tidak beriman kepada Rasul yang terakhir, sedangkan beliaulah yang mengesahkan kitab yang ada di tangan mereka dan memulakan sekalian Rasul yang lain.

Mereka memerangi kaum Muslimin dengan peperangan yang berpanjangan dan tidak pernah mengenal genjatan senjata dan tidak pernah padam apinya sepanjang seribu empat ratus tahun lebih), iaitu sejak kaum Muslimin menubuhkan kerajaan di negeri Madinah dan mempunyai syakhsiyah dan kewujudan yang tersendiri sebagai hasil dari ajaran dan kefahaman agama mereka yang tersendiri dan sistem hidup mereka yang tersendiri di bawah naungan peraturan Allah yang unik.

Mereka melancarkan peperangan yang terus bersemarak itu ke atas kaum Muslimin, sebab utamanya kerana kaum Muslimin menganut Islam dan mereka tidak mungkin memadamkan api peperangan itu kecuali mereka berjaya memusingkan kaum Muslimin dari agama mereka dan menjadi mereka orang-orang yang bukan Islam. Ini ialah kerana kebanyakan Ahlil-Kitab itu fasiq dan sebab itu mereka tidak sukakan orang-orang Islam yang jujur dan teguh berpegang dengan agama mereka.

Allah S.W.T. sendiri telah menjelaskan hakikat ini dalam bentuk keterangan yang tegas apabila Allah berfirman kepada Rasul-Nya di dalam surah yang lain:

"Orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara tidak akan berpuashati sehingga engkau mengikut agama mereka."

(Surah al-Baqarah: 120)

Di dalam surah ini Allah berfirman kepada beliau supaya menghadapi kaum Ahlil-Kitab dengan mendedahkan hakikat motif-motif mereka dan asas pendirian mereka.

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ هَلْ تَنقِمُونَ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلُ وَأَنَّ أَكْثَرَكُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٥٩﴾

"Katakanlah (Muhammad): Wahai Ahlil-Kitab sebenarnya kamu tidak bencikan kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada Allah dan kepada kitab suci yang telah diturunkan kepada kami serta beriman kepada kitab suci yang diturunkan sebelumnya dan sesungguhnya kebanyakan kamu adalah fasiq."(59)

Hakikat ini diterangkan Allah di berbagai-bagai tempat dalam firman-Nya yang benar dan jelas dan hakikat inilah yang hendak digoyang, dikeliru, ditutup dan ditolak pada hari ini oleh sebilangan ramai Ahlil-Kitab dan sebilangan ramai orang-orang yang mengaku beragama Islam atas nama kerjasama "Orang-orang yang beragama" untuk menentang aliran kebendaan dan Atheisme yang menolak tuhan sebagaimana yang didakwakan oleh mereka.

Kaum Ahlil-Kitab pada hari ini memang berhasrat untuk menggoyahkan hakikat ini, malah menghapus dan menutupkannya, kerana mereka mahu menipu penduduk-penduduk negeri Islam - atau negeri yang duhulunya Islam mengikut pengungkapan yang lebih betul - dan untuk melumpuhkan kesedaran yang telah dibangkitkan Islam di kalangan mereka melalui sistem hidup Rabbani-Nya yang lurus, kerana apabila kesedaran ini selamat dan tidak terjejas, maka penjajah Kristian tidak dapat menahan kepasangan perkembangan Islam apatah lagi untuk menjajah negeri Islam. Setelah pejuang-pejuang Kristian gagal di dalam peperangan-peperangan Salib yang terbuka dan dalam peperangan-peperangan tabligh Kristian yang terus-terang, mereka terpaksa menggunakan jalan penipuan dan pelumpuhan, di mana mereka memperlihatkan sikap berpura-pura dan menyebarkan dakyah di kalangan orang-orang Islam bahawa persoalan agama dan peperangan-peperangan agama itu telahpun berakhir dan zaman peperangan itu hanya merupakan satu zaman sejarah yang gelap yang dihayati oleh semua bangsa, kemudian kini dunia telah memasuki zaman kegemilangan keilmuan dan kemajuan, oleh itu tidak harus dan tidak sesuai dan tidak sepatutnya lagi wujudnya pertarungan dan peperangan yang berlandaskan 'aqidah, malah pertarungan hari ini ialah pertarungan kerana merebut bahan-bahan mentah, pasaran-pasaran dan eksploitasi-eksploitasi sahaja dan dengan ini jelaslah bahawa orang-orang Islam atau pewaris-pewaris Islam tidak seharusnya lagi memikirkan persoalan agama dan pertarungan kerana agama.

Apabila kaum Ahlil-Kitab yang menjajah negeri-negeri Islam itu yakin bahawa mereka telah berjaya menidurkan orang-orang Islam dan melumpuhkan semangat mereka dan apabila persoalan ini dapat digoyah dan digoncangkan di dalam hati nurani mereka, maka kaum penjajah telah mendapat keamanan dari menghadapi ledakan kemarahan kaum Muslimin, iaitu ledakan kemarahan kerana Allah dan kerana agama yang tidak pernah dapat ditentang oleh mereka pada mana-mana masa yang silam........ Apabila keadaan telah menjadi begitu mudah setelah orang-orang Islam dapat ditidurkan dan semangat mereka dapat dilumpuhkan, maka kaum penjajah bukan sahaja dapat memenangi perjuangan di medan agama, malah dalam waktu yang sama dapat membolot bermacam-macam rampasan perang, pelaburan-pelaburan dan bahan-bahan mentah dan seterusnya dapat memenangi peperangan di bidang "Kebendaan" setelah berjaya memenangi peperangan di bidang agama. Kedua-dua kemenangan itu amat dekat.

Ejen-ejen Ahlil-Kitab yang berada di negeri Islam, iaitu ejen-ejen yang ditempatkan oleh penjajah di sana sini sama ada secara terang-terangan atau secara rahsia juga turut mempropagandakan kata-kata yang sama, kerana mereka adalah ejen-ejen yang memain peranan di dalam perbatasan negeri-negeri Islam. Mereka menggembar-gemburkan bahawa peperangan-peperangan Salib itu sendiri bukanlah peperangan kerana agama Kristian di samping menggembar-gemburkan bahawa orang-orang Islam yang menceburkan diri di dalam peperangan-peperangan yang mengibarkan bendera agama itu bukanlah orang-orang Islam yang sebenar, malah mereka adalah pejuang-pejuang nasionalis.

Di sana ada satu kumpulan (orang-orang Islam) yang terlalai dan tertipu. Mereka telah diseru oleh anak-anak cucu pejuang-pejuang Salib di negeri-negeri penjajah-penjajah Barat supaya bersatu dengan mereka dalam satu perikatan untuk mempertahankan agama dari malapetaka kaum Atheis yang menolak Tuhan. Seruan ini telah disambut baik oleh kumpulan ketiga yang terlalai dan tertipu itu. Mereka terlupa bahawa anak-anak cucu pejuang Salib sentiasa berdiri dalam satu barisan dengan kaum Atheis itu setiap kali mereka berdepan dengan kaum Muslimin di sepanjang zaman. Anak-anak cucu pejuang-pejuang Salib masih terus memberi perhatian yang lebih berat kepada peperangan menentang Islam dari peperangan menentang aliran kebendaan yang menolak Tuhan, kerana mereka benar-benar tahu dan sedar bahawa aliran kebendaan yang menolak Tuhan itu hanya merupakan suatu gejala atau musuh sementara waktu sahaja, sedangkan Islam adalah musuh tetap yang menjadi pokok pangkal kepada mereka. Seruan yang palsu ini adalah bertujuan untuk menggoyahkan kesedaran pelopor-pelopor kebangkitan Islam dan sekaligus itu juga untuk mengeksploitasikan usaha-usaha kumpulan yang terlalai dan tertipu itu agar mereka menjadi bahan bakar dalam pertempuran bersama-sama dengan kaum Atheis kerana mereka adalah musuh-musuh politik kepada penjajahan. Kedua-dua kumpulan itu adalah sama sahaja. Mereka tetap memerangi Islam dan kaum Muslimin dan di dalam peperangan ini tidak ada senjata ampuh yang lain untuk menentang kecuali senjata kesedaran yang diasuh oleh sistem hidup Rabbani yang teguh.

Orang-orang Islam yang tertipu dengan permainan ini atau percaya kepada kempen mereka lalu berfikir bahawa kaum Ahlil-Kitab itu memang serius ketika mengajak mereka mengadakan pakatan saling membantu dan hubungan setiakawan untuk menolak aliran Atheisme dari agama adalah telah terlupa kepada realiti sejarah selama empat belas abad - tanpa kecuali - juga terlupa kepada pengajaran Allah (yang amat tegas) di dalam persoalan ini, iaitu pengajaran yang begitu jelas, di mana tidak terdapat sebarang keraguan di samping tidak ada jalan untuk menyimpang darinya selama hati seseorang itu percaya kepada Allah dan yakin terhadap kebenaran segala apa yang dijelaskan-Nya.

Orang-orang Islam yang tertipu ini hanya berpada - ketika berkata dan menulis dengan ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith-hadith Nabawi yang menyuruh kaum Muslimin supaya memberi layanan yang baik kepada kaum Ahlil-Kitab dan supaya bersikap toleran di dalam kehidupan dan tingkahlaku mereka sahaja, tetapi mereka lupakan amaran-amaran Allah yang melarang mereka dari mengadakan hubungan setiakawan dengan mereka, juga lupakan penjelasan-penjelasan Allah yang mendedahkan motif-motif mereka (yang jahat) dan seterusnya mereka lupakan taklimat-taklimat yang jelas mengenai rencana harakat dan organisasi Islamiyah yang mengharamkan hubungan saling membantu dan hubungan setiawan (dengan orang-orang yang bukan Islam), kerana konsep saling membantu dan hubungan setiakawan itu tidak mungkin berlaku di sisi seseorang Islam melainkan dalam bidang urusan keagamaan dan dalam rangka perjuangan menegakkan peraturan dan sistem Ilahi di dalam realiti kehidupan, sedangkan di sana tidak ada satu dasar bersama yang boleh dijadikan titik pertemuan di antara seseorang Muslim dengan Ahlil-Kitab dalam urusan agamanya biarpun di sana wujud titik pertemuan di antara dasardasar agama-agama ini dengan agamanya sebelum dasar-dasar itu diubah pindakan oleh mereka, kerana mereka sebenarnya tidak menaruh perasaan benci terhadap orang Islam melainkan semata-mata kerana agama Islam ini dan mereka tidak akan berpuashati kecuali orang-orang Islam itu meninggalkan agama ini sebagaimana telah diterangkan oleh Allah Rabbul-'Alamin.

Orang-orang Islam yang tertipu itu adalah terdiri dari mereka yang memotong-motong dan mencaing-caingkan Al-Qur'an, mereka mengambil mana-mana bahagian Al-Qur'an yang dikehendaki mereka, iaitu bahagian-bahagian ayat yang sesuai dengan pendapat mereka yang cuai dan bersahaja itu - jika diandaikan pendapatnya itu jujur dan meninggalkan mana-mana bahagian ayat yang bercanggah dengan arah tujuan mereka yang lalai dan meragukan itu.

Kita tetap mengutamakan mendengar kalam Allah dalam persoalan ini dari mendengar pendapat orang-orang yang tertipu atau orang-orang yang menipu, kerana kalam Allah di dalam persoalan ini amat tegas dan jelas.

Di sini marilah kita berhenti sejenak merenungi firman Allah Ta'ala (yang berikut) - setelah ia menjelaskan bahawa sebab kebencian kaum Ahlil-Kitab terhadap orang-orang Islam kerana mereka beriman kepada Allah dan kepada kitab Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada mereka dan kepada kitab-kitab yang telah diturunkan Allah sebelumnya - iaitu di sana ada satu sebab lagi:

"Dan sesungguhnya kebanyakan kamu adalah fasiq."(59)

Pertentangan Di Antara Kejujuran Dan Penyelewengan

Yakni kefasiqan itu merupakan sebahagian dari motif atau sebab (kebencian mereka), kerana kefasiqan inilah yang mendorong seseorang bencikan orang yang lurus dan jujur. Inilah satu kaedah psikologi yang realistik yang dikemukakan oleh Al-Qur'an dalam tarikan perhatiannya di sini, iaitu seorang yang fasiq atau menyeleweng dari jalan yang lurus tidak sanggup melihat orang lain yang jujur dan berdiri teguh di atas jalan yang lurus. Kewujudan orang ini membuat dia selalu merasa dan menyedari kefasiqan dan penyelewengan dirinya dan membuat dia memandang orang ini sebagai saksi yang sentiasa melihat kefasiqan dan penyelewengannya. Oleh kerana itu ia bencikan orang ini dan menaruh dendam terhadapnya, iaitu ia bencikan keteguhan dan kejujurannya dan bencikan kepatuhan dan keta'atannya dan lantas berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menarik orang ini ke jalannya atau menghapuskannya jika sukar dipimpin.

Kaedah ini adalah satu kaedah yang tetap dan lazim yang menjangkau pendirian kaum Ahlil-Kitab terhadap kelompok Muslimin di Madinah kepada pendirian kaum Ahlil-Kitab umumnya terhadap kaum Muslimin umumnya dan kepada pendirian setiap orang yang fasiq dan menyeleweng terhadap setiap kelompok yang ta'at dan jujur umumnya. Peperangan yang terus menerus dilancarkan ke atas kelompok orang-orang yang baik di dalam masyarakat yang jahat, ke atas kelompok orang-orang yang jujur dan teguh iman di dalam masyarakat yang fasiq dan ke atas orang-orang yang ta'at di dalam masyarakat yang menyeleweng adalah satu perkara biasa mengikut kaedah yang dikemukakan oleh nas Al-Qur'an yang menarik ini.

Allah S.W.T. mengetahui bahawa yang baik pasti menerima kebencian dari yang jahat, yang benar pasti menerima perseteruan dari yang batil, yang jujur dan teguh iman pasti menimbulkan kemarahan orang-orang yang fasiq dan keta'atan pasti menarik dendam kesumat dari orang-orang yang menyeleweng.

Dan Allah S.W.T. juga mengetahui bahawa kebaikan, kebenaran, kejujuran dan kepatuhan pasti mempertahankan dirinya dan pasti menceburkan diri di dalam pertempuran menentang kejahatan, kefasiqan dan penyelewengan. Ia adalah satu pertempuran yang pasti ditempuh tanpa mempunyai pilihan yang lain lagi. Kebenaran tidak dapat mengelak diri dari mengharungi pertempuran ini untuk menentang kebatilan, kerana kebatilan tetap akan menyerangnya. Dan kebaikan juga tidak dapat menjauhkan diri dari pertempuran ini kerana kejahatan tetap berusaha untuk menghancurkannya.

Adalah suatu kelalaian dan pengabaian andainya pendokong-pendokong kebenaran, kebaikan, kejujuran dan kepatuhan menyangka bahawa mereka akan ditinggalkan begitu sahaja oleh kebatilan, kejahatan, kefasiqan dan penyelewengan atau menyangka bahawa mereka dapat menjauhkan diri dari pertempuran itu atau menyangka bahawa mereka boleh mengadakan perdamaian dan genjatan senjata, justeru itu adalah lebih baik kepada mereka bersiap sedia untuk memasuki pertempuran yang pasti itu dengan penuh kesedaran dan penyediaan alat-alat senjata dari menyerah diri kepada sangkaan-sangkaan yang karut dan kepada penipuan, sedangkan mereka di masa itu tetap akan dihancurkan musuh.

Kemudian marilah kita terus mengikuti penerangan Al-Qur'an, di mana Allah S.W.T. mengarahkan Rasul-Nya s.a.w. supaya bersemuka dengan kaum Ahlil-Kitab setelah Allah mendedah dan mengecam motif-motif kebencian mereka terhadap orang-orang Islam. Kini (dalam ayat yang berikut) beliau bersemuka dengan mereka dengan mengemukakan sejarah lama mereka dan hubungan mereka dengan Allah dan balasan keseksaan yang amat pedih yang telah menimpa mereka:

قُلْ هَلْ أُنَبِّئُكُم بِشَرٍّ مِّن ذَٰلِكَ مَثُوبَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ مَن لَّعَنَهُ ٱللَّهُ وَغَضِبَ عَلَيْهِ وَجَعَلَ مِنْهُمُ ٱلْقِرَدَةَ وَٱلْخَنَازِيرَ وَعَبَدَ ٱلطَّٰغُوتَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ﴿٦٠﴾

"Katakanlah (Muhammad): Apakah kamu suka aku beritakan kepada kamu (cerita) balasan yang lebih buruk di sisi Allah (dari kebencian kamu itu)? Iaitu (cerita) mereka (orang-orang Yahudi) yang telah dilaknat dan dimurkakan Allah dan di antara mereka telah dijadikan kera dan babi dan penyembah-penyembah Taghut. Merekalah orang-orang yang lebih buruk kedudukan dan lebih tersesat dari jalan yang betul."(60)

Di sini kita dapat melihat rupa paras orang-orang Yahudi dan sejarah Yahudi.

Mereka telah dikutuk dan dimurkai Allah. Di antara mereka ada orang-orang yang telah dijadikan Allah sebagai binatang-binatang kera dan babi. Merekalah orang-orang yang menyembah Taghut.

Kisah mereka dilaknat dan dimurkai Allah telah diceritakan di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'anul-Karim, begitu juga kisah mereka dijadikan kera dan babi. Adapun persoalan mereka menyembah Taghut, maka ia memerlukan penerangan, kerana ia merupakan satu tarikan perhatian yang mempunyai maksud yang khusus dalam konteks surah ini.

Makna Taghut

Taghut (الطغوت)ialah segala kuasa yang tidak diambil dari kuasa Allah dan segala hukum yang tidak ditegakkan di atas syari'at Allah dan segala pencerobohan yang melampaui batas kebenaran dan pencerobohan terhadap kuasa Allah, Uluhiyah-Nya dan kuasa Hakimiyah-Nya adalah satu pencerobohan yang paling keji dan melampaui dan paling tepat dengan kata-kata Taghut dari segi lafaz dan maknanya.

Kaum Ahlil-Kitab tidak pernah menyembah ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka, tetapi mereka mematuhi peraturan-peraturan yang diciptakan oleh ulama'-ulama' dan paderi-paderi itu dan mereka meninggalkan syari'at Allah. Oleh kerana itu Allah namakan mereka sebagai hamba-hamba ulama'-ulama' dan paderi-paderi di samping menamakan mereka sebagai orang-orang Musyrikin. Tarikan perhatian Al-Qur'an di sini adalah dimaksudkan dengan pengertian yang halus ini, iaitu mereka menyembah Taghut yakni menyembah kuasa-kuasa yang zalim yang melampaui batas-batas haknya. Mereka bukan menyembah kuasa-kuasa itu dalam ertikata sujud dan ruku', tetapi mereka menyembahnya dalam erti mengikut dan mematuhinya. Ini adalah satu bentuk ibadat atau pengabdian diri yang mengeluarkan seseorang dari pengabdian kepada Allah dan dari agama Allah.[27]

Allah S.W.T. mengarahkan Rasul-Nya s.a.w. supaya bersemuka dengan kaum Ahlil-Kitab dengan menyebut sejarah mereka dan balasan keseksaan yang telah diterima mereka dari Allah di dalam sejarah itu. Mereka seolah-olah satu generasi sahaja kerana mereka mempunyai tabi'at dan kelakuan yang sama. Allah mengarah beliau supaya berkata kepada mereka: Sesungguhnya inilah balasan yang paling buruk:

"Katakanlah (Muhammad): Apakah kamu suka aku beritakan kepada kamu (cerita) balasan yang lebih buruk di sisi Allah (dari kebencian kamu itu)?"(60)

Yakni balasan yang lebih dahsyat dari kemarahan dan kebencian kaum Ahlil-Kitab terhadap orang-orang Islam. Ia lebih dahsyat dari tipudaya dan

---

[27] *Lihat buku "*الاصطلاحات الأربعة الأساسية في القرآن*" oleh al-Ustaz Abul A'la al-Maududi, Amir al-Jama'atul Islamiyah, Pakistan, dan juga lihat buku "*هذا الدين*" bab "*منهج متفرد*", juga lihat buku "*خصائص التصور الإسلامي*" bab "*التوحيد*"*

gangguan-gangguan mereka terhadap kaum Muslimin dengan sebab keimanan mereka. Masakan dapat dibanding di antara kemarahan manusia yang lemah dengan kemurkaan Allah, 'azab keseksaan dan hukuman-Nya ke atas kaum Ahlil-Kitab dengan sebab kejahatan dan kesesatan mereka dari jalan yang lurus itu:

أُوْلَٰٓئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ﴿٦٠﴾

"Merekalah orang-orang yang lebih buruk kedudukannya dan lebih tersesat dari jalan yang betul."(60)

Ayat (yang berikut) terus merangsangkan perasaan jijik dan benci agar kaum Muslimin tidak mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Ahlil-Kitab, iaitu dengan menyebut-nyebut sifat-sifat dan kelakuan-kelakuan mereka setelah dikemukakan sejarah dan balasan-balasan Allah yang telah menimpa mereka di samping memberi peringatan dan kesedaran terhadap tindak-tanduk mereka dengan mendedahkan taktik-taktik jahat yang dirancangkan mereka secara rahsia. Al-Qur'an menonjolkan orang-orang Yahudi di dalam gambaran ini kerana Al-Qur'an mengulaskan kejadian-kejadian yang sedang berlaku dan kebanyakan perbuatan yang jahat itu adalah datang dari kaum Yahudi.

(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 64)

وَإِذَا جَآءُوكُمْ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا وَقَد دَّخَلُواْ بِٱلْكُفْرِ وَهُمْ قَدْ خَرَجُواْ بِهِۦ ۚ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا كَانُواْ يَكْتُمُونَ ﴿٦١﴾ وَتَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ وَأَكْلِهِمُ ٱلسُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾ لَوْلَا يَنْهَىٰهُمُ ٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ عَن قَوْلِهِمُ ٱلْإِثْمَ وَأَكْلِهِمُ ٱلسُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُواْ يَصْنَعُونَ ﴿٦٣﴾ وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ ۚ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُواْ بِمَا قَالُواْ ۘ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ۚ وَأَلْقَيْنَا بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَٰوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ كُلَّمَآ أَوْقَدُواْ نَارًا لِّلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا ٱللَّهُ ۚ وَيَسْعَوْنَ فِى ٱلْأَرْضِ فَسَادًا ۚ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٦٤﴾

"Dan apabila mereka (orang-orang Munafiqin) datang kepadamu, mereka berkata: 'Kami telah beriman' sedangkan yang sebenarnya mereka masuk dengan kekafiran dan keluar dengan kekafiran dan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka (61). Dan engkau dapat melihat kebanyakan dari mereka (kaum Yahudi) berlumba-lumba melakukan dosa dan pencerobohan dan memakan harta haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka (62). Mengapa ulama'-ulama' dan paderi-paderi tidak melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang berdosa dan dari memakan harta haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka (63). Dan orang-orang Yahudi telah berkata: 'Tangan Allah terbelenggu' sebenarnya tangan merekalah yang terbelenggu dan mereka telah dilaknat kerana perkataan-perkataan yang telah diucapkan mereka bahkan dua tangan kemurahan Allah sentiasa terbuka, dia membelanja mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya dan sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab penjelasan-penjelasan yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan Kami campakkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sehingga hari Qiamat. Setiap kali mereka menyalakan api peperangan setiap kali pula Allah memadamkannya dan mereka sentiasa berusaha melakukan kerosakan di bumi, sedangkan Allah tidak sukakan manusia-manusia perosak."(64)

Ungkapan-ungkapan ini menciptakan gambaran-gambaran yang bergerak dan pemandangan-pemandangan yang hidup mengikut kaedah pengungkapan Al-Qur'an yang unik[28]. Dan di sebalik abad-abad (yang telah berlalu) itu pembaca ayat-ayat ini dapat melihat dengan mata fikirannya gelagat-gelagat kaum Yahudi, mengikut pendapat yang arjah, yang diceritakan oleh Al-Qur'an kerana ayat-ayat ini menceritakan hal diri mereka walaupun mungkin ayat-ayat ini juga bermaksud menceritakan kelakuan setengah-setengah orang Munafiqin di Madinah, iaitu mereka datang menemui orang-orang Islam dan berkata kepada mereka: "Kami telah beriman", sedangkan mereka sebenarnya menyembunyikan kekafiran di dalam hati mereka dan dengan kekafiran inilah mereka keluar masuk (bergaul dengan orang-orang Islam). Lidah mereka mengucapkan sesuatu yang berlainan dari isi kandungan hatinya yang penuh dengan kekafiran itu. Mereka membawa kekafiran ini masuk dan keluar bersama mereka.

Mungkin orang-orang ini dari kaum Yahudi yang merancang untuk menimbulkan keadaan kelam-kabut di dalam barisan kaum Muslimin. Mereka menganjur satu sama lain supaya beriman kepada Al-Qur'an di waktu pagi kemudian kembali kafir di waktu petang dengan tujuan supaya orang-orang Islam keluar semula dari agama Islam dengan sebab keadaan kelam-kabut dan pengeliruan-pengeliruan mereka yang jahat ini.

وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا كَانُواْ يَكْتُمُونَ ﴿٦١﴾

[28] *Lihat bab "طريقة القرآن" dalam buku: "التصوير الفني في القرآن"*

"Dan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka."(61)

Tujuan Allah S.W.T. berfirman begitu ialah untuk menyatakan hakikat yang sebenar kemudian untuk meyakinkan orang-orang yang beriman bahawa mereka sentiasa dipeliharakan Allah dari tipudaya musuh-musuh mereka dan bahawa Allah sentiasa mengetahui tipudaya yang dirahsiakan itu, kemudian untuk mengancam perancang-perancang tipudaya itu supaya mereka berhenti.

Ayat (yang berikut) terus menggambarkan tindak-tanduk mereka seolah-olah dapat dilihat dengan mata kepala dari celah-celah pengungkapan ayat:

وَتَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسَارِعُونَ فِي الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾

"Dan engkau dapat melihat kebanyakan dari mereka (kaum Yahudi) berlumba-lumba melakukan dosa dan pencerobohan dan memakan harta haram. Sesungguhnya amalah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka."(62)

Kata-kata "Berlumba-lumba" menggambarkan keadaan kaum Ahlil-Kitab seolah-olah mereka begitu cepat berlumba-lumba mengejar dosa dan pencabulan dan makan harta haram. Tujuan penggambaran ini bukan sahaja untuk mengeji dan memburukkan perbuatan-perbuatan itu, tetapi juga untuk menggambarkan keadaan hati dan kelompok-kelompok manusia apabila kerosakan akhlak tersebar luas, apabila nilai-nilai (yang luhur) gugur dan apabila kejahatan menguasai suasana. Oleh itu apabila seseorang itu melihat masyarakat-masyarakat itu telah berakhir dengan keadaan yang seperti ini, maka dia akan melihat setiap warga masyarakat itu seolah-olah berlumba-lumba menuju kejahatan, dosa dan pencabulan belaka sama ada yang kuat atau yang lemah, kerana perlakuan dosa dan pencabulan di dalam masyarakat yang runtuh dan rosak akhlak itu tidak hanya terbatas di kalangan orang-orang yang kuat sahaja, malah orang-orang yang lemah juga turut melakukannya. Hatta mereka juga turut hanyut dalam arus dosa dan turut berdaya melakukan pencabulan. Walaupun mereka tidak berdaya melakukan pencerobohan ke atas orang-orang yang kuat, tetapi mereka berdaya melakukan pencerobohan terhadap sesama mereka dan terhadap perkara-perkara yang suci di sisi Allah, kerana di dalam masyarakat yang rosak akhlak, perkara-perkara yang suci di sisi Allah akan menjadi kawasan larangan yang bebas dan terbiar tanpa dikawal baik oleh pemerintah mahupun oleh rakyat yang diperintah. Oleh sebab itu dosa dan pencerobohan menjadi ciri masyarakat yang rosak. Begitu juga amalan berlumba-lumba melakukan dosa dan pencerobohan merupakan amalan masyarakat ini.

Demikianlah keadaan masyarakat kaum Yahudi pada masa itu dan demikianlah caranya mereka memakan harta haram, kerana amalan makan harta haram itu adalah menjadi ciri orang-orang Yahudi di setiap zaman.

"Amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka."(62)

(Ayat yang berikut) menyebut satu lagi ciri dari ciri-ciri masyarakat-masyarakat yang rosak apabila ia mengecam para ulama' dan paderi-paderi yang menjadi pengawas syari'at dan pengawal urusan keilmuan agama kerana mereka mengambil sikap bungkam dan tutup mulut terhadap kaum mereka yang berlumba-lumba melakukan dosa, pencerobohan dan makan harta haram, iaitu mereka tidak melarang dan mencegah mereka dari berlumba-lumba melakukan perbuatan-perbuatan itu:

لَوْلَا يَنْهَاهُمُ الرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ عَن قَوْلِهِمُ الْإِثْمَ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ﴿٦٣﴾

"Mengapa ulama'-ulama' dan paderi-paderi tidak melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang berdosa dan dari memakan harta haram. Sesungguhnya amatlah keji perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka."(63)

Apabila Para Ulama Membisu Seribu Bahasa

Ciri bungkam para pengawas urusan syari'at dan keilmuan agama terhadap dosa dan pencerobohan yang berlaku dalam masyarakat itu merupakan ciri masyarakat-masyarakat yang rosak menunggu runtuh. Sifat Bani Israel sebagaimana yang diterangkan oleh Al-Qur'an ialah:

كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ ۚ

"Mereka tidak saling melarang terhadap kemungkaran yang dilakukan mereka."(79)

Ciri masyarakat yang baik, unggul, hidup, kuat dan utuh ialah wujudnya fenomena al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar dan wujudnya golongan yang menjalankan tugas al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar dan wujudnya orang-orang yang mendengar dan mematuhi al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar, juga wujudnya kekuatan adat tradisi yang membuat penyeleweng-penyeleweng tidak berani melanggar suruhan ma'ruf dan larangan mungkar dan tidak berani mengganggu penyuruh-penyuruh ma'ruf dan pencegah-pencegah mungkar.

Allah telah menyifatkan umat Muslimin dengan sifat-sifat berikut:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ۗ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia. Kamu menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah."

(Surah Aali 'Imran: 110)

Dan Allah menyifatkan Bani Israel pula dengan firman-Nya:

كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ ۚ

"Mereka tidak saling melarang terhadap kemungkaran yang dilakukan mereka."(79)

Itulah perbezaan di antara dua masyarakat dan dua kelompok itu.

Di sini Allah hadapkan celaan dan cemuhan ke atas para ulama' dan paderi Bani Israel yang mengambil sikap bungkam terhadap kaum mereka yang berlumba-lumba melakukan dosa, pencerobohan dan memakan harta haram. Mereka tidak melaksanakan amanah kitab Allah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Ayat ini merupakan suara amaran kepada setiap ahli agama, kerana baik buruk sesuatu masyarakat adalah bergantung kepada kesetiaan para pengawas syari'at dan ilmu agama menjalankan tugas mereka menyuruh orang ramai melakukan kema'rufan dan melarang kemungkaran. Perkara ini - sebagaimana kami telah huraikan sebelum ini di dalam tafsir Fi Zilal - memerlukan wujudnya "Kuasa" yang mampu menyuruh dan melarang, kerana tugas menyuruh dan melarang ini berlainnan dari tugas da'wah. Tugas da'wah ialah memberi penerangan, sedangkan tugas menyuruh dan melarang ialah menggunakan "Kuasa". Oleh sebab itu orang-orang yang bertugas menyuruh melakukan kema'rufan dan melarang kemungkaran itu sayugialah mendapatkan kuasa agar suruhan dan larangan mereka dihargai di dalam masyarakat dan tidak hanya merupakan kalam dan cakap-cakap sahaja.

Dan sebagai contoh dari perkataan yang berdosa dan paling keji, Al-Qur'an menceritakan perkataan-perkataan yang amat bodoh dan jahat yang diluahkan oleh orang-orang Yahudi:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ ۚ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا۟ بِمَا قَالُوا۟ ۘ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ

"Dan orang-orang Yahudi telah berkata: 'Tangan Allah terbelenggu' sebenarnya tangan merekalah yang terbelenggu dan mereka telah dilaknat kerana perkataan-perkataan yang telah diucapkan mereka bahkan dua tangan kemurahan Allah sentiasa terbuka, Dia membelanja mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya."(64)

Perkataan yang keji ini adalah terbit dari kefahaman kaum Yahudi yang buruk terhadap Allah S.W.T. Al-Qur'anul-Karim telah menceritakan banyak dari kefahaman-kefahaman mereka yang buruk itu. Mereka pernah berkata: "Allah itu miskin dan mereka adalah orang-orang kaya" apabila mereka diminta membelanjakan harta mereka (ke jalan Allah). Mereka berkata: "Tangan Allah terbelenggu" sebagai alasan untuk mewajarkan kebakhilan mereka kerana pada sangkaan mereka Allah tidak memberikan kepada manusia dan kepada mereka kecuali sedikit sahaja, oleh kerana itu bagaimana mereka hendak membelanjakan harta mereka?

Kekasaran perasaan dan hati mereka telah sampai ke tahap tidak sudi menggambarkan maksud mereka yang buruk dan dusta itu dengan mengguna perkataan "Bakhil" secara langsung, malah mereka memilih kata-kata yang lebih biadab, lebih menyerang dan lebih kufur iaitu mereka berkata: "Tangan Allah terbelenggu".

Kemudian Al-Qur'an menjawab bahawa sifat ini adalah sifat yang tepat dengan diri mereka sendiri dan Allah mengutuk dan mengusir mereka dari rahmat-Nya sebagai balasan terhadap perkataan mereka:

غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا۟ بِمَا قَالُوا۟

"Sebenarnya tangan merekalah yang terbelenggu dan mereka telah dilaknat kerana perkataan-perkataan yang telah diucapkan mereka."(64)

Demikianlah sifat mereka yang sebenar. Merekalah manusia yang paling bakhil dengan harta mereka.

Kemudian Al-Qur'an membetulkan kefahaman yang buruk dan salah ini dan menyifatkan Allah dengan sifatnya yang Mulia yang mencurahkan limpah kurnia-Nya kepada para hamba-Nya tanpa terkira:

بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ

"Bahkan dua tangan kemurahan Allah sentiasa terbuka, dia membelanjakan-Nya mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya."(64)

Pengurniaan dan pemberian Allah tidak pernah tertahan dan tidak pernah habis dikurniakan kepada setiap makhluk yang boleh dilihat dengan mata kasar. Pemberian itu menyaksi bahawa tangan kemurahan Allah sentiasa terbuka lebar dan sentiasa melimpah-ruah yang disaksikan oleh setiap lidah, tetapi orang-orang Yahudi tidak dapat melihatnya kerana terlalu sibuk mengumpul harta, terlalu kalut dengan keingkaran dan kekafiran dan terlalu ghairah mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji walaupun terhadap Allah sendiri.

Kemudian (di dalam ayat yang berikut) Allah menceritakan kepada Rasul-Nya s.a.w. mengenai tindak-tanduk kaum Yahudi yang akan dilakukan mereka dan mengenai akibat buruk yang akan menimpa mereka. Dengan sebab hasad dengki dan dendam kesumat mereka terhadap Rasulullah s.a.w. yang telah dipilih Allah sebagai Rasul yang membawa risalah Islam dan dengan sebab pendedahan risalah itu yang telah membongkarkan kelakuan mereka di zaman dahulu dan di zaman baru.

وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا

"Dan sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab penjelasan yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhan-Mu."(64)

Yakni dengan sebab dendam kesumat dan hasad dengki mereka, juga dengan sebab terbongkarnya hakikat mereka di dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kepada Rasul-Nya, maka kebanyakan mereka akan bertambah menceroboh dan kafir lagi. Ini ialah kerana mereka enggan beriman, maka mereka pasti bertindak melampau di sebelah yang bertentangan, iaitu mereka akan bertambah angkuh dan jahat, bertambah menceroboh dan kafir. Di sini (terbuktilah bahawa) Rasulullah s.a.w. menjadi rahmat kepada orang-orang yang beriman dan menjadi bala kepada orang-orang yang menolak keimanan.

Kemudian Al-Qur'an menceritakan kepada Rasulullah s.a.w. tentang bala permusuhan dan perseteruan yang telah ditaqdirkan Allah akan tercetus di kalangan sesama mereka, juga tentang penghapusan tipudaya mereka ketika permusuhan itu bernyala marak dan tentang kegagalan segala peperangan yang mereka lancarkan ke atas kelompok Muslimin:

وَأَلْقَيْنَا بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَٰوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ كُلَّمَآ
أَوْقَدُوا۟ نَارًا لِّلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا ٱللَّهُ ۚ

"Dan Kami campakkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sehingga hari Qiamat. Setiap kali mereka nyalakan api peperangan setiap kali pula Allah memadamkannya."(64)

Puak-puak kaum Yahudi masih lagi bermusuh-musuhan di antara sesama mereka walaupun di zaman ini kaum Yahudi internasional kelihatan saling membantu di antara mereka dan melancarkan peperangan yang berjaya ke atas negeri-negeri Islam, namun kita tidak seharusnya memandang kepada zaman yang pendek ini dan tidak seharusnya memandang kepada satu gejala yang tidak merangkumi hakikat yang sempurna. Dalam masa seribu tiga ratus tahun yang silam, malah dalam masa sebelum Islam lagi kaum Yahudi hidup dalam keadaan perseteruan dan kehinaan dan dalam keadaan gelandangan. Nasib kesudahan mereka tetap pulang kepada keadaan asal mereka walaupun mereka mendapat sokongan dari sekeliling mereka, tetapi kunci yang mengubahkan seluruh situasi ini adalah terletak di atas kemunculan kelompok Mu'minin yang menerima janji Allah. Di manakah kelompok Mu'minin pada hari ini yang menerima perjanjian dari Allah dan menjadi tabir taqdir Allah? Di manakah kelompok Mu'minin yang dengan perantaraan mereka Allah akan merealisasikan perencanaan-perencanaan yang dikehendaki oleh-Nya?

Pada hari umat Muslimin kembali kepada Islam, iaitu kembali beriman kepada-Nya mengikut hakikat yang sebenar dan menegakkan seluruh kehidupan mereka di atas sistem dan syari'at-Nya, maka pada hari itulah janji Allah akan terlaksana di atas makhluk-Nya yang paling jahat. Kaum Yahudi memang mengetahui hakikat ini dan oleh sebab itulah mereka menggunakan segala taktik jahat dan tipudaya yang ada pada mereka dan mencurahkan segala keganasan dan kekejaman yang dapat dilakukan oleh tangan mereka ke atas angkatan-angkatan pelopor kebangkitan Islam pada setiap sejengkal bumi. Mereka mengenakan pukulan-pukulan yang ganas dan keji - bukan dengan tangan mereka, tetapi dengan tangan ejen-ejen mereka - ke atas kelompok Mu'minin tanpa menghormati perjanjian dan tanggungjawab, tetapi Allah tetap menguasai urusan-Nya dan perjanjian-Nya pasti akan dikotakan:

وَأَلْقَيْنَا بَيْنَهُمُ ٱلْعَدَٰوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ كُلَّمَآ
أَوْقَدُوا۟ نَارًا لِّلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا ٱللَّهُ ۚ

"Dan Kami campakkan permusuhan dan kebencian di antara mereka sehingga hari Qiamat. Setiap kali mereka nyalakan api peperangan setiap kali pula Allah memadamkannya."(64)

Kejahatan dan kerosakan yang dijelmakan oleh kaum Yahudi itu sudah tentu Allah akan membangkitkan kelompok yang dapat memberhenti dan menghancurkan kejahatan dan kerosakan itu kerana Allah tidak sukakan kerosakan di bumi dan sesuatu yang tidak disukai Allah sudah tentu Dia akan membangkitkan kelompok hamba-Nya yang mampu menghapuskannya:

وَيَسْعَوْنَ فِى ٱلْأَرْضِ فَسَادًا ۚ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٦٤﴾

"Dan mereka sentiasa berusaha melakukan kerosakan di bumi, sedangkan Allah tidak sukakan manusia-manusia perosak."(64)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 65 - 66)

Menegakkan Syari'at Allah Akan Membawa Kebaikan Dan Kemakmuran Dunia Dan Akhirat

Pada akhir pelajaran ini dikemukakan (dalam ayat yang berikut) dasar keimanan yang agung, iaitu dasar yang menetapkan bahawa usaha menegakkan agama Allah di bumi ini adalah bererti kebaikan, pendapatan, kejayaan dan keberuntungan dalam kehidupan orang-orang yang beriman di dunia dan Akhirat, kerana (di dalam Islam) tidak ada perpisahan di antara agama dan dunia, dan tidak ada perpisahan di antara dunia dan Akhirat. Tegasnya Islam adalah satu sistem hidup untuk dunia dan Akhirat atau satu sistem untuk dunia dan agama. Dasar keimanan yang agung yang dikemukakan (dalam ayat berikut) adalah sesuai dengan pembicaraan tentang penyelewengan kaum Ahlil-Kitab dari agama Allah dan tentang perbuatan mereka memakan harta yang haram dan mengubahkan setengah-setengah kalam Allah dari maksudnya yang sebenar dengan tujuan untuk mendapat sesuatu kesenangan dalam kehidupan

dunia, sedangkan mematuhi agama Allah adalah lebih mendatangkan faedah kepada mereka di bumi dan di langit, di dunia dan Akhirat jika mereka memilih jalan yang betul:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْكِتَابِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَكَفَّرْنَا عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَأَدْخَلْنَاهُمْ جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٦٥﴾ وَلَوْ أَنَّهُمْ أَقَامُوا التَّوْرَاةَ وَالْإِنْجِيلَ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِمْ مِنْ رَبِّهِمْ لَأَكَلُوا مِنْ فَوْقِهِمْ وَمِنْ تَحْتِ أَرْجُلِهِمْ ۚ مِنْهُمْ أُمَّةٌ مُقْتَصِدَةٌ ۖ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ سَاءَ مَا يَعْمَلُونَ ﴿٦٦﴾

"Dan jika kaum Ahlil-Kitab beriman dan bertaqwa nescaya Kami hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan nescaya Kami masukkan mereka ke dalam Syurga yang penuh keni'matan (65). Dan jika mereka benar-benar menegakkan (hukum) Taurat dan Injil dan kitab suci yang telah diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka (Al-Qur'an) nescaya mereka akan mendapat makanan (rezeki) dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka. Di antara mereka ada golongan yang sederhana dan kebanyakan dari mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang amat buruk."(66)

Kedua-dua ayat ini menjelaskan satu dasar agung dari dasar-dasar pandangan dan kefahaman Islam. Oleh sebab itu kedua-dua ayat ini menggambarkan satu hakikat yang agung di dalam kehidupan manusia.

Mungkin keperluan kepada penjelasan tentang dasar dan hakikat ini tidak pernah mendesak seperti hari ini, di mana akal manusia, ukuran manusia dan undang-undang manusia terumbang-ambing, kacau-bilau dan bersimpang-siur di antara kefahaman-kefahaman yang kabur dan sistem-sistem hidup yang sesat mengenai dasar yang amat penting ini.

Allah S.W.T. berfirman kepada kaum Ahlil-Kitab - dan firman ini mencakup setiap Ahlil-Kitab - iaitu andainya mereka beriman dan bertaqwa nescaya Allah memaafkan kesalahan-kesalahan mereka dan memasukkan mereka ke dalam Syurga Jannatun-Na'im. Inilah balasan mereka di Akhirat dan andainya mereka tegakkan di dalam kehidupan dunia mereka sistem hidup Ilahi sebagaimana yang digambarkan di dalam Taurat, Injil dan kitab suci yang telah diturunkan Allah kepada mereka - iaitu dalam bentuk asli yang diturunkan Allah - tanpa penyelewengan, ubahan dan pindaan nescaya kehidupan dunia mereka akan menjadi baik, subur dan makmur dengan rezeki yang melimpah-ruah dan nescaya mereka mendapat makanan dari di atas dan di bawah kaki mereka kerana rezeki dan hasil pengeluaran yang makmur, pengagihan kekayaan yang adil dan pengurusan kehidupan yang baik, tetapi malangnya mereka tidak beriman, tidak bertaqwa dan tidak berusaha menegakkan sistem hidup Ilahi - kecuali segelintir dari mereka sahaja yang bersikap sederhana dan tidak melampau terhadap diri mereka sendiri, sedangkan:

وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ سَاءَ مَا يَعْمَلُونَ ﴿٦٦﴾

"Dan kebanyakan dari mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang amat buruk."(66)

Demikianlah dapat dilihat dari celah-celah dua ayat ini bahawa iman dan taqwa dan usaha menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam realiti hidup manusia di dalam kehidupan dunia ini bukan sahaja menjamin seseorang itu mendapat ganjaran di Akhirat - walaupun ganjaran ini merupakan ganjaran yang paling diutamakan dan paling kekal - tetapi juga menjamin kebaikan urusan dunia dan ganjaran yang segera, iaitu kemakmuran, kesuburan dan pengagihan kekayaan yang adil dan bekalan keperluan yang cukup. Al-Qur'an menggambarkan ganjaran segera ini dengan gambaran fizikal yang menonjolkan erti kemakmuran yang melimpah-ruah dalam firman-Nya:

لَأَكَلُوا مِنْ فَوْقِهِمْ وَمِنْ تَحْتِ أَرْجُلِهِمْ ۚ

"Nescaya mereka akan mendapat makanan (rezeki) dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka."(66)

Demikianlah ternyata dengan jelas bahawa di sana tidak ada satu jalan yang berasingan untuk mendapat ganjaran yang baik di Akhirat dan tidak ada pula satu jalan lain yang berasingan untuk mencapai kebaikan kehidupan di dunia, malah yang wujud di sana hanya satu jalan yang tunggal sahaja yang sekaligus membawa kepada kebaikan hidup dunia dan Akhirat. Oleh sebab itu apabila jalan ini menyimpang dan menyeleweng, maka kehidupan dunia akan rosak dan kehidupan Akhirat akan menderita kerugian. Jalan yang tunggal itu ialah jalan iman dan taqwa dan penegakan sistem hidup Ilahi di dalam kehidupan dunia.

Sistem ini bukan sahaja sistem i'tiqad, keimanan, kesedaran hati dan taqwa, tetapi - selaku ekorannya - ia juga merupakan satu sistem hidup Insaniyah yang realistik yang dapat ditegakkan di atasnya kehidupan mereka. Dan apabila sistem ini ditegakkan bersama iman dan taqwa, maka ia akan menjaminkan kebaikan hidup di dunia dalam bentuk rezeki yang makmur, hasil pengeluaran yang melimpah dan pengagihan kekayaan yang adil hingga seluruh rakyat yang bernaung di bawah sistem ini mendapat makanan (rezeki) dari atas mereka dan di bawah kaki mereka.

Sistem hidup yang beriman ini tidak menjadikan agama sebagai ganti dunia dan tidak pula menjadikan kebahagiaan hidup di Akhirat sebagai ganti kebahagiaan hidup dunia dan tidak menjadikan jalan

Akhirat berlainan dari jalan dunia. Inilah hakikat yang masih kabur dan tidak jelas pada hari ini di dalam akal fikiran dan hati nurani manusia, juga dalam kedudukan-kedudukan realiti mereka.

Jalan Kebahagiaan Dunia Dan Kebahagiaan Di Akhirat Tidak Pernah Terpisah

Sebenarnya jalan dunia dan jalan Akhirat telah terpisah di dalam pemikiran hati dan realiti hidup manusia sehingga pemikiran individu biasa dan pemikiran umum umat manusia yang sesat tidak nampak sebarang jalan pertemuan di antara dua jalan itu, malah yang nampak kepada mereka ialah sama ada memilih jalan dunia dan mengabaikan Akhirat dari perhitungannya atau memilih jalan Akhirat dan mengabaikan dunia dari perhitungannya. Di sana tidak ada jalan untuk mengumpulkan di antara keduanya sama ada di dalam kefahaman atau di dalam realiti, kerana realiti dunia, manusia dan kedudukan-kedudukan mereka di zaman ini menyarankan perpisahan ini.

Sebenarnya peraturan-peraturan hidup jahiliyah yang sesat dan jauh dari Allah dan dari sistem hidup-Nya pada hari ini telah memisah jauh di antara jalan dunia dan jalan Akhirat dan memaksa orang-orang yang ingin hidup terkemuka di dalam masyarakat dan ingin berusaha di dalam bidang kemudahan-kemudahan dan kesenangan-kesenangan dunia supaya meninggalkan jalan Akhirat dan mengorbankan bimbingan-bimbingan dan ajaran-ajaran agama, mengorbankan nilai-nilai akhlak, konsep-konsep yang luhur dan perilaku yang bersih yang digalakkan oleh agama, dan sekaligus itu juga memaksa orang-orang yang mahu hidup selamat di Akhirat supaya menjauhkan diri dari arus kehidupan ini dan dari kedudukan-kedudukannya yang kotor dan seterusnya menjauhkan diri dari sarana-sarana yang digunakan oleh orang ramai di dalam kedudukan-kedudukan yang seperti ini untuk hidup terkemuka di dalam masyarakat dan untuk berusaha di dalam bidang kemudahan-kemudahan dan kesenangan-kesenangan hidup, kerana sarana-sarana ini tidak mungkin bersih dan sesuai dengan agama dan akhlak dan tidak pula diredhai oleh Allah S.W.T.

Apakah ini suatu keadaan yang tidak dapat dielakkan lagi? Apakah keadaan yang malang ini tidak dapat dihindari lagi? Dan apakah benar tidak ada jalan pertemuan di antara jalan dunia dan jalan Akhirat?

Sekali-kali tidak begitu! Ia bukannya suatu keadaan yang tidak boleh dielak! Permusuhan di antara dunia dan Akhirat dan perpisahan di antara jalan dunia dan jalan Akhirat bukanlah suatu hakikat penghabisan yang tidak boleh ditukar dan diubah, malah perpisahan itu bukanlah dari tabi'at hidup insaniyah ini, malah ia merupakan suatu keadaan sementara yang lahir dari akibat penyelewengan yang berlaku.

Yang menjadi dasar di dalam tabi'at hidup insaniyah ialah wujudnya pertemuan di antara jalan dunia dan jalan Akhirat, iaitu jalan yang menuju kepada kebaikan Akhirat itulah juga jalan yang menuju kepada kebaikan dunia dan pengeluaran, kesuburan dan kemakmuran yang dicapai di dalam usaha-usaha di dunia, itulah juga yang menjadi asas pencapaian yang melayakkan seseorang untuk mendapat ganjaran di Akhirat sebagaimana ia melayakkan seseorang untuk mencapai kesenangan hidup dunia. Iman, taqwa dan amal soleh yang menjadi sarana-sarana kemakmuran hidup dunia itulah juga yang menjadi sarana-sarana untuk mencapai keredhaan Allah dan ganjaran di Akhirat.

Inilah dasar dalam tabi'at hidup insaniyah, tetapi dasar ini tidak terlaksana melainkan apabila kehidupan manusia itu ditegakkan di atas sistem hidup Ilahi yang direstui-Nya untuk mereka. Inilah sistem yang menjadikan segala pekerjaan itu ibadat dan menjadikan khilafah (urusan pemerintahan) di bumi mengikut syari'at Allah itu sebagai satu kewajipan yang wajib. Khilafah itu ialah kegiatan bekerja, mengeluar, membina kemakmuran dan kesuburan, mengatur pengagihan yang adil agar rezeki itu melimpah-ruah kepada semua orang dari atas dan dari bawah kaki mereka seperti yang digambarkan oleh Allah dalam kitab suci-Nya yang mulia.

Pandangan dan kefahaman Islam menjadikan fungsi insan di bumi ialah menjalankan Khilafah (pemerintahan) bagi pihak Allah, dengan keizinan Allah dan mengikut syarat Allah. Oleh sebab itu Islam menjadikan aktiviti-aktiviti dan kerja-kerja mengeluarkan penghasilan dan menambahkan kemakmuran dengan menggunakan segala potensi-potensi bumi, bahan-bahan mentah dan sumber-sumber kekayaannya - juga bahan-bahan mentah dan sumber-sumber tenaga alam - sebagai aktiviti-aktiviti untuk menyempurnakan fungsi Khilafah dan menganggapkan segala usaha manusia untuk menunaikan fungsi ini - mengikut sistem dan syari'at Allah yang menjadi syarat memegang teraju Khilafah - sebagai aktiviti-aktiviti keta'atan kepada Allah yang akan diberi pahala di- Akhirat. Dan dengan melaksanakan fungsi ini dengan cara yang seperti ini, maka sekaligus itu juga manusia akan memperolehi kebaikan-kebaikan dunia yang dijadikan Allah untuknya, iaitu memperolehi rezeki yang melimpah-ruah dari atas dan dari bawah kaki mereka mengikut gambaran Al-Qur'an yang indah.

Sebaliknya kefahaman Islam menganggapkan manusia yang tidak berusaha menggalikan sumber-sumber kekayaan bumi dan tidak menggunakan tenaga-tenaga alam sebagai manusia yang tidak menta'ati Allah dan tidak melaksanakan fungsi Khilafah yang telah ditetapkan Allah mengikut firman-Nya kepada para malaikat:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلۡأَرۡضِ خَلِيفَةً

"Sesungguhnya Aku hendak melantik Khalifah di bumi."

(Surah al-Baqarah: 30)

Dan firman-Nya kepada manusia:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ

"Dan Allah telah menjadikan untuk kamu segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi semuanya daripada-Nya."

(Surah al-Jathiyah: 13)

Juga sebagai manusia yang mensia-siakan rezeki Allah yang dikurniakan kepada para hamba-Nya. Demikianlah dia akan menderita kerugian di Akhirat kerana dia telah menderita kerugian di dunia!

Dengan pemikiran inilah sistem hidup Islam mengumpulkan di antara aktiviti-aktiviti kerja dunia dan aktiviti-aktiviti kerja Akhirat dalam bentuk yang sepadu dan selaras, oleh sebab itu Islam tidak membuat manusia terluput dunianya kerana mengejar Akhirat dan tidak pula membuat manusia terluput Akhiratnya kerana mengejar dunia, kerana dunia dan Akhirat bukan dua perkara yang bertentangan atau dua gantian atau (dua pilihan) pada kefahaman Islam.

Ini apabila dihubungkan kepada jenis manusia umumnya dan kepada kelompok-kelompok manusia yang mengikut sistem hidup Ilahi di bumi, tetapi apabila dihubungkan kepada individu-individu manusia, maka persoalan ini juga tidak berbeza, kerana jalan individu dan jalan kelompok mengikut sistem hidup Islam tidak berbeza, tidak bercanggah dan tidak bertentangan. Sistem hidup Islam mewajibkan individu mengorbankan seluruh tenaga fizikal dan mentalnya di dalam kegiatan bekerja dan mengeluar di samping mewajibkan mereka bekerja dan mengeluar untuk mencari keredhaan Allah. Oleh itu dia tidak boleh berlaku zalim, memungkiri janji, menipu dan mengkhianat dan tidak boleh makan harta haram, tidak boleh menahan sesuatu yang dimilikinya dari menolong saudaranya yang berkeperluan di dalam kelompok Muslimin. Islam mengi'tirafkan milik peribadinya sebagai harta kepunyaannya yang dihasilkan dengan usaha titik peluhnya dan serentak itu juga mengi'tirafkan hak kelompok dalam harta kepunyaan peribadinya mengikut batas-batas yang ditetapkan Allah. Sistem hidup Islam merakamkan amalan yang dilakukan oleh seseorang mengikut batas-batas dan pertimbangan-pertimbangan ini sebagai amalan ibadat kepada Allah yang akan dibalas dengan keberkatan di dunia dan ni'mat Syurga di Akhirat. Sistem hidup Islam menghubungkan individu dengan Allah dengan hubungan yang kuat, iaitu hubungan dengan perantaraan syi'ar-syi'ar ibadat yang difardhukan ke atasnya. Hubungan ini semakin bertambah kuat lagi dengan adanya aktiviti membaharu hubungan itu lima kali sehari melalui ibadat solat dan tiga puluh hari setahun melalui ibadat puasa dan seumur hidup sekali melalui ibadat haji di Baitullah dan pada setiap musim atau pada setiap satu tahun melalui pembayaran zakat.

Di sinilah letaknya nilai fardhu-fardhu ibadat di dalam sistem hidup Islam kerana ia merupakan aktiviti-aktiviti mendampingkan diri dengan Allah dan membaharui azam untuk memikul tugas-tugas sistem hidup Ilahi yang mengatur segala urusan kehidupan dan mengendali segala urusan aktiviti pekerjaan, pengeluaran, pengagihan kekayaan dan urusan kehakiman untuk mengadili di antara manusia di dalam perhubungan-perhubungan dan perguaman-perguaman mereka. Dan dengan perantaraan ibadat-ibadat juga perasaan keinsafan dan kesedaran kepada keperluan mendapat pertolongan dan taufiq Allah turut membaru demi melaksanakan tugas-tugas yang perlu untuk menegakkan sistem Ilahi yang semesta dan sepadu ini, juga untuk menundukkan dorongan nafsu keinginan dan kedegilan, penyelewengan dan hawa nafsu manusia apabila ia menjadi batu penghalang di tengah jalan. Syiar-syi'ar ibadat itu bukanlah aktiviti-aktiviti yang terpisah dari urusan pekerjaan, pengeluaran, pengagihan kekayaan, pemerintahan dan kehakiman, juga tidak terpisah dari jihad untuk menegakkan sistem hidup Ilahi di bumi dan dari perjuangan untuk menegakkan kuasa Ilahi dalam kehidupan manusia, malah sebenarnya iman, taqwa dan syi'ar-syi'ar ibadat adalah satu bahagian dari sistem hidup Ilahi yang menolong kesempurnaan bahagian yang satu lagi. Demikianlah iman, taqwa dan perjuangan menegakkan sistem Allah dalam kehidupan amali merupakan jalan untuk mencapai kemakmuran dan rezeki yang melimpah-ruah sebagaimana dijanjikan Allah di dalam dua ayat yang mulia ini.

Pandangan dan kefahaman Islam, juga sistem hidup Islam yang lahir dari kefahaman ini tidak mengemukakan kehidupan Akhirat sebagai ganti kehidupan dunia dan tidak pula sebaliknya, malah kedua-dua kehidupan itu dikemukakan serentak sekali di jalan yang sama dan dengan usaha yang sama, tetapi kedua-dua kehidupan itu tidak mungkin berkumpul di dalam kehidupan manusia kecuali mereka hanya mengikut sistem hidup Ilahi sahaja tanpa dimasukkan pindaan-pindaan dan ubahsuai-ubahsuai yang diambil dari undang-undang dan peraturan yang lain yang tidak terbit dari peraturan Ilahi atau diambil dari pemikiran-pemikiran diri sendiri yang tidak dikawal oleh peraturan Ilahi. Keselarasan yang sempurna hanya wujud dalam peraturan Allah ini sahaja.

Pandangan dan kefahaman Islam, juga sistem hidup Islam yang lahir dari kefahaman ini tidak mengemukakan iman, ibadat, kesolehan dan taqwa sebagai ganti aktiviti bekerja, mengeluar, menyubur dan memaju di dalam realiti kehidupan kebendaan. Islam bukannya satu sistem yang menjanjikan Syurga Akhirat serta menggariskan jalan yang membawa mereka kepadanya, tetapi membiarkan mereka mencari sendiri jalan yang boleh membawa mereka kepada Syurga dunia sebagaimana yang difaham oleh orang-orang yang berfikiran cetek di zaman ini.

Justeru itu aktiviti bekerja, mengeluar, menyubur dan memaju di dalam realiti kehidupan dunia merupakan suatu tugas khilafah yang wajib mengikut kefahaman dan sistem hidup Islam, sementara iman, ibadat, kesolehan dan taqwa merupakan pertalian-pertalian, pencegah-pencegah, pendorong-pendorong dan perangsang-perangsang ke arah merealisasikan sistem hidup Islam dalam kehidupan manusia. Kedua-dua aspek ini merupakan kelayakan-kelayakan yang perlu untuk memperolehi Syurga dunia dan Syurga Akhirat serentak kedua-dua sekali menerusi jalan yang sama. Tidak ada pemisah di antara agama dan realiti kehidupan kebendaan seperti yang berlaku dalam budaya hidup jahiliyah yang wujud di seluruh dunia hari ini. Dan dari ilham budaya hidup jahiliyah inilah timbulnya anggapan dalam minda orang-orang yang berfikiran karut bahawa seorang manusia harus membuat satu pilihan, iaitu sama ada memilih dunia atau memilih Akhirat dan mereka tidak dapat mengumpul dunia dan Akhirat sekaligus sama ada di dalam kefahaman atau dalam realiti kehidupan kerana kedua-duanya tidak mungkin berkumpul.

Pemisahan yang malang di antara jalan dunia dan jalan Akhirat dalam hidup manusia, di antara aktiviti-aktiviti kerja untuk dunia dan aktiviti-aktiviti kerja untuk Akhirat, di antara aktiviti-aktiviti ibadat rohaniyah dan aktiviti-aktiviti penciptaan kebendaan dan di antara kejayaan dalam kehidupan dalam dunia dan kejayaan dalam kehidupan Akhirat itu bukanlah satu cukai yang dipaksakan ke atas manusia dengan ketetapan dan keputusan taqdir Ilahi yang pasti, malah ia adalah satu cukai yang malang yang dipaksakan oleh manusia ke atas dirinya sendiri apabila ia menyeleweng dari sistem Allah dan memilih sistem-sistem yang lain dari ciptaan mereka sendiri yang bertentangan dengan sistem Allah dari segi asas dan arah tujuan.

Ia adalah satu cukai yang terpaksa dibayar oleh manusia dengan darah dan saraf mereka di dalam kehidupan dunia di samping membayar di Akhirat kelak dengan 'azab seksa yang lebih teruk lagi.

Manusia Kini Mengalami Penyakit Kekosongan Jiwa Kerana Kekosongan Iman

Mereka terpaksa membayar cukai itu dengan hati dan fikiran yang gelisah, bingung, merana dan gelabah akibat kekosongan hati mereka dari ketenteraman dari kemanisan iman, dari bekalannya dan dari siramannya apabila mereka memilih untuk menepikan agama seluruhnya dengan anggapan penepian itu merupakan satu-satunya jalan untuk melakukan aktiviti-aktiviti kerja, aktiviti-aktiviti mengeluar, aktiviti-aktiviti membuat ujian-ujian dan menciptakan kejayaan-kejayaan peribadi dan kelompok di gelanggang kehidupan antarabangsa. Dalam situasi ini manusia sebenarnya bertarung dengan fitrah mereka sendiri, bertarung dengan kebuluran fitrah yang memerlukan 'aqidah untuk memenuhi kekosongan hati mereka, kerana fitrah manusia tidak berdaya hidup dengan kekosongan dan ia menderitai kelaparan yang tidak boleh diisikan dengan teori-teori kajian masyarakat, teori-teori falsafah atau teori-teori kesenian seluruhnya kerana kelaparannya ialah kelaparan kerana rindu kepada Tuhan.

Mereka juga terpaksa membayar cukai itu dengan hati dan fikiran yang gelisah, bingung, merana dan gelabah apabila mereka berusaha menjaga dan memelihara kepercayaan kepada Allah di samping berusaha menjalani kehidupan di dalam masyarakat antarabangsa, di mana seluruh sistemnya, undang-undang dan peraturannya, sarana-sarana untuk mencari makan dan mencapai kejayaan adalah ditegakkan di atas asas-asas yang bukan dari peraturan Allah dan di sinilah berlakunya pertentangan di antara 'aqidah, akhlak dan perilaku keagamaan dengan peraturan-peraturan dan undang-undang, nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang dominan di dalam masyarakat yang malang itu.

Umat manusia seluruhnya sedang mengalami penderitaan itu sama ada mereka menurut aliran-aliran pemikiran kebendaan yang menolak Tuhan atau mengikut aliran-aliran pemikiran yang cuba mengekalkan agama sebagai 'aqidah yang terpisah jauh dari sistem hidup amali, iaitu aliran yang berfikir - seperti digambarkan oleh musuh-musuh manusia - bahawa agama adalah untuk Allah dan kehidupan adalah untuk manusia atau agama itu ialah 'aqidah, kesedaran, ibadat dan akhlak, sedangkan kehidupan ialah peraturan dan undang-undang, pengeluaran dan pekerjaan.

Seluruh umat manusia sedang membayar cukai yang berat ini, iaitu cukai penderitaan, kegelisahan, kebingungan dan kekosongan kerana mereka tidak berpandu kepada peraturan Allah yang tidak memisahkan di antara dunia dan Akhirat, malah mensepadukan di antara kedua-duanya. Peraturan Allah tidak melagakan di antara kemakmuran dunia dengan kemakmuran Akhirat, malah menyelaraskan di antara keduanya.

Kita tidak seharusnya ditipukan oleh gejala-gejala palsu dalam satu jangka masa yang sementara, di mana kita melihat umat-umat yang tidak beriman dan tidak bertaqwa dan tidak menegakkan peraturan Allah dalam kehidupan mereka telah berjaya mendapat berbagai-bagai kebaikan dan kemajuan, hasil pengeluaran yang tinggi dan kemakmuran yang melimpah-ruah.

Itu hanya kemakmuran untuk sementara waktu sahaja sehingga datang tahun-tahun yang tetap memperlihatkan kesan-kesannya yang tetap dan sehingga lahir segala kesan pemisahan yang malang di antara kemajuan penciptaan kebendaan dengan sistem Rabbani itu dan kini setengah-setengah kesan ini telah muncul di dalam berbagai-bagai bentuk.

Ia muncul dalam bentuk pengagihan kekayaan yang tidak adil di kalangan umat-umat itu menyebabkan masyarakat penuh dengan penderitaan, penuh dengan hasad dengki dan penuh dengan

kebimbangan dan ketakutan meletusnya revolusi-revolusi dan penggulingan-penggulingan kerajaan akibat dendam kesumat yang terpendam itu. Ini adalah suatu bala di sebalik kemewahan dan kemakmuran.

Ia muncul dalam bentuk penindasan dan ketakutan-ketakutan di kalangan umat yang ingin memelihara pengagihan kekayaan yang adil, di mana digunakan tindakan-tindakan kejam, menghancur, menindas dan menimbulkan rasa takut, cemas dan bimbang untuk melaksanakan peraturan-peraturan pengagihan semula kekayaan. Ini juga suatu bala, di mana seseorang merasa tidak terjamin terhadap keselamatan dirinya, merasa tidak tenteram dan merasa tidak dapat tidur dengan tenang di waktu malam.

Ia muncul dalam bentuk keruntuhan jiwa dan akhlak yang lambat-laun akan menghancurkan kehidupan kebendaan itu sendiri, kerana (kejayaan) kerja pengeluaran dan pengagihan kekayaan semuanya memerlukan kepada jaminan akhlak. Undang-undang dunia sahaja adalah amat lemah untuk memberi jaminan-jaminan kepada (kejayaan) perjalanan kerja sebagaimana dapat dilihat di mana-mana tempat.

Ia muncul dalam bentuk kegelisahan saraf dan berbagai-bagai penyakit yang menimpa umat-umat di dunia terutama umat-umat yang paling mewah dari segi kebendaan. Ini menyebabkan jatuhnya darjah kecerdasan dan ketahanan mereka dan selepas itu diriingi pula oleh kejatuhan tahap kerja dan pengeluaran dan akhirnya ia membawa kepada kehancuran ekonomi kebendaan dan kemewahan. Petanda-petanda ini kelihatan begitu jelas pada hari ini dan cukup menarik perhatian.

Ia muncul dalam bentuk ketakutan yang menghantui seluruh umat manusia kepada mala petaka kehancuran dunia yang diduga mungkin berlaku pada bila-bila masa. Mereka kini hidup di sebuah dunia yang sentiasa bergolak, di mana di sekelilingnya penuh dengan ancaman-ancaman peperangan yang memusnahkan. Ketakutan ini mewujudkan tekanan ke atas saraf-saraf mereka sama ada disedari atau tidak disedari mereka dan ini menyebabkan mereka menderita berbagai-bagai penyakit saraf. Kes-kes kematian tiba-tiba kerana diserang penyakit jantung, pendarahan di dalam otak dan kejadian-kejadian membunuh diri adalah berlaku begitu lumrah di dalam kalangan umat-umat yang hidup mewah.

Seluruh kesan-kesan ini muncul dalam bentuk yang progresif dan jelas pada setengah-setengah bangsa yang cenderung ke arah kepupusan dan kemusnahan contoh masa kini yang paling jelas dapat dilihat pada bangsa Perancis - dan ini hanya merupakan satu contoh bagi bangsa-bangsa yang lain tentang kesan pemisahan di antara aktiviti kebendaan dan sistem Rabbani, pemisahan di antara dunia dan Akhirat, pemisahan di antara agama dan aktiviti kehidupan atau kesan dari perbuatan memilih jalan Akhirat dari Allah dan memilih jalan dunia dari manusia atau kesan dari pemisahan di antara sistem Allah dan kehidupan manusia.

Sebelum kami mengakhiri ulasan kami terhadap hakikat agung yang telah dijelaskan oleh Al-Qur'an, kami ingin tekankan di sini betapa perlu wujudnya keselarasan di dalam sistem hidup Ilahi di antara iman, taqwa dan usaha menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam realiti kehidupan manusia dengan aktiviti kerja, penghasilan pengeluaran dan melaksanakan tugas khilafah di bumi ini, kerana keselarasan ini menjadi syarat Allah untuk mengurnia kepada Ahlil-Kitab dan kepada mana-mana kelompok manusia (kemakmuran rezeki hingga) mereka boleh mendapatkan makanan dari atas dan dari bawah kaki mereka, juga menjadi syarat Allah untuk mengampunkan kesalahan-kesalahan mereka, dan memasukkan mereka ke dalam Syurga Jannatun-Naim di Akhirat di samping mengumpulkan sekaligus untuk mereka Syurga di bumi - dalam bentuk kemakmuran hidup, kecukupan, kedamaian dan ketenteraman - dan Syurga Akhirat dengan segala keni'matannya dan keredhaan dari Allah.

Tetapi dengan penekanan yang sedemikian kami tidak suka dilupakan bahawa dasar utama dan asas yang pokok ialah iman, taqwa dan berusaha menegakkan sistem hidup Rabbani di dalam realiti kehidupan. Dan asas ini sekaligus mengandungi aktiviti-aktiviti bekerja menghasilkan pengeluaran-pengeluaran dan memajukan kehidupan. Di samping itu hubungan dengan Allah mempunyai citarasanya yang mengubahkan segala rasa hidup yang lain, meningkatkan segala nilai hidup dan membetulkan segala ukuran dan neraca hidup. Inilah yang menjadi pokok pangkal di dalam kefahaman dan sistem hidup Islam dan segala sesuatu yang lain hanya menjadi ikutannya sahaja atau merupakan sesuatu yang terbit darinya dan bergantung kepadanya. Kemudian segala urusan dunia dan Akhirat akan berlangsung dengan penuh keselarasan dan keseimbangan.

Di sini sayugia disebut bahawa hasil dan faedah dari iman, taqwa, ibadat dan hubungan dengan Allah, juga hasil dan faedah dari usaha menegakkan syari'at Allah di dalam kehidupan manusia adalah semuanya untuk manusia dan kehidupan manusia kerana Allah S.W.T. Maha Kaya dan tidak berkehendak suatu apa dari semesta alam. Apabila sistem Islam menekankan asas-asas ini dan menjadikannya sebagai asas segala kerja dan aktiviti di samping menolak segala amalan yang tidak ditegakkan di atas asas-asas itu serta menganggapkannya sebagai amalan-amalan sia-sia yang tidak diterima dan sebagai amalan-amalan kosong dan hilang bersama angin, maka ini bukanlah kerana Allah S.W.T. mendapat sesuatu faedah dari keimanan manusia, dari taqwa dan ibadat mereka dan dari usaha mereka menegakkan sistem hidup

ciptaan-Nya, malah semuanya itu semata-mata kerana Allah S.W.T. mengetahui bahawa mereka tidak akan dapat mencapai kebaikan dan keberuntungan melainkan melalui sistem ini.

Tersebut di dalam hadith Qudsi daripada Abu Zarr r.a. daripada Nabi s.a.w. iaitu hadith yang diriwayatkan dari Allah Tabaraka wa Ta'ala firman-Nya:

يا عبادي إني حرمت الظلم على نفسي ، وجعلته بينكم محرما ، فلا تظالموا... يا عبادي ، كلكم ضال إلا من هديته ، فاستهدوني أهدكم... يا عبادي، كلكم جائع إلا من أطعمته، فاستطعموني أطعمكم... يا عبادي، كلكم عار إلا من كسوته ، فاستكسوني أكسكم... يا عبادي، إنكم تخطئون بالليل والنهار ، وأنا أغفر الذنوب جميعا ، فاستغفروني أغفر لكم... يا عبادي، إنكم لن تبلغوا ضري فتضروني ، ولن تبلغوا نفعي فتنفعوني... يا عبادي، لو أن أولكم وآخركم ، وإنسكم وجنكم كانوا على أتقى قلب رجل واحد منكم ، ما زاد ذلك في ملكي شيئا ، يا عبادي، لو أن أولكم وآخركم، وإنسكم وجنكم ، كانوا على أفجر قلب رجل واحد ، ما نقص ذلك من ملكي شيئا... يا عبادي، لو أن أولكم وآخركم وإنسكم وجنكم قاموا في صعيد واحد فسألوني ، فأعطيت كل إنسان مسألته ، ما نقص ذلك مما عندي ، إلا كما ينقص المخيط إذا أدخل البحر... يا عبادي إنما هي أعمالكم أحصيها لكم ، ثم أوفيكم إياها ، فمن وجد خيرا فليحمد الله، ومن وجد غير ذلك فلا يلومن إلا نفسه — رواه مسلم

"Wahai para hamba-Ku! Sesungguhnya Aku haramkan kezaliman ke atas diri-Ku dan Aku jadikannya juga haram dilakukan di antara kamu. Oleh kerana itu janganlah kamu saling menganiayai terhadap satu sama lain. Wahai para hamba-Ku! Seluruh kamu adalah sesat kecuali orang yang Aku kurniakan hidayat kepadanya. Oleh kerana itu pohonlah hidayat dari-Ku nescaya Aku kurnia hidayat kepada kamu. Wahai para hamba-Ku! Seluruh kamu adalah lapar kecuali orang yang aku kurniakan makanan kepadanya. Oleh kerana itu pohonlah makanan (rezeki) dari-Ku nescaya Aku kurniakan makanan kepada kamu. Wahai para hamba-Ku! Seluruh kamu adalah bertelanjang kecuali orang yang Aku kurniakan pakaian kepadanya. Oleh kerana itu pohonlah pakaian dari-Ku nescaya Aku kurniakan pakaian kepada kamu. Wahai para hambaKu! Kamu melakukan dosa siang dan malam dan Aku bersedia mengampunkan semua dosa. Oleh kerana itu pohonlah keampunan dari-Ku nescaya Aku kurniakan keampunan kepada kamu. Wahai para hamba-Ku! Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memudharatkan-Ku kerana itu masakan kamu dapat memudharatkan Aku dan tidak akan dapat memberi manfa'at kepada-Ku kerana itu masakan kamu dapat memberi manfa'at kepada-Ku. Wahai para hamba-Ku! Andainya angkatan generasi-generasi kamu yang pertama dan generasi-generasi kamu yang akhir dan andainya seluruh kamu manusia dan jin bersatu menjadi hati seorang lelaki yang paling bertaqwa dari kamu nescaya ia tidak menambah sesuatu apa pun pada kerajaan-Ku. Wahai para hamba-Ku! Andainya angkatan generasi-generasi kamu yang pertama dan generasi-generasi kamu yang akhir dan andainya seluruh kamu manusia dan jin bersatu menjadi hati seorang lelaki yang paling jahat dari kamu nescaya ia tidak mengurangkan sesuatu apa pun dari kerajaan-Ku. Wahai para hamba-Ku! Andainya angkatan generasi-generasi kamu yang pertama dan generasi-generasi kamu yang akhir dan andainya seluruh kamu manusia dan jin berhimpun di satu kawasan bumi dan memohon dari-Ku lalu Aku kurniakan kepada setiap orang apa yang dipinta olehnya nescaya ia tidak mengurangkan sesuatu apa pun dari milik yang ada pada-Ku melainkan laksana jarum yang mengurangkan lautan apabila ia dimasukkan ke dalamnya. Wahai para hamba-Ku! Sesungguhnya Aku menghitungkan segala amalan kamu untuk kamu kemudian Aku memberi ganjaran yang setimpal. Oleh kerana itu sesiapa yang mendapat ganjaran yang baik, maka hendaklah ia bersyukur ke hadrat Allah dan barang siapa yang mendapat balasan sebalikya, maka tiada siapa yang patut disalahkannya kecuali dirinya sendiri."

(Diriwayatkan oleh Muslim)

Di atas dasar inilah kita harus memahami fungsi iman, taqwa, ibadat dan usaha menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam kehidupan manusia dan usaha menjalankan pemerintahan dan pengadilan dengan syari'at Allah. Semuanya itu adalah untuk faedah dan kepentingan kita manusia di dunia dan Akhirat. Semuanya itu merupakan keperluan-keperluan untuk kebaikan umat manusia di dunia dan Akhirat seluruhnya.

Kami fikir kami tidak perlu mengatakan bahawa syarat Allah kepada kaum Ahlil-Kitab itu bukanlah syarat khusus untuk kaum Ahlil-Kitab sahaja. Syarat Allah kepada kaum Ahlil-Kitab ialah beriman, bertaqwa dan menegakkan sistem hidup Ilahi yang diterangkan di dalam Taurat dan Injil yang telah diturunkan kepada mereka dan di dalam wahyu yang diturunkan dari Allah kepada mereka dan ini tentulah berlaku sebelum kebangkitan Rasul yang terakhir. Oleh kerana itu orang-orang yang lebih utama dengan syarat ini ialah orang-orang yang diturunkan Al-Qur'an kepada mereka, iaitu orang-orang yang menggelarkan diri mereka sebagai orang-orang Islam. Merekalah orang-orang yang dinaskan oleh agama mereka dengan nas yang terang, iaitu mereka beriman kepada wahyu yang diturunkan kepada mereka dan kepada wahyu yang diturunkan sebelum mereka dan beramal dengan segala hukum yang diturunkan kepada mereka dan hukum-hukum dari syari'at sebelum mereka yang dikekalkan di dalam syari'at mereka. Merekalah penganut agama yang satu-satunya diterima Allah. Seluruh agama Samawi yang lain sebelumnya adalah berakhir kepadanya. Oleh sebab itu tidak ada agama yang lain lagi yang diterima oleh Allah.

Merekalah orang-orang yang lebih utama dengan syarat dan janji Allah kepada mereka. Merekalah orang-orang yang lebih utama meredhai agama yang telah diredhai Allah untuk mereka dan meni'mati syarat-syarat Allah iaitu keampunan terhadap kesalahan-kesalahan dan memasuki Syurga di Akhirat dan mendapat makanan (rezeki) dari atas dan dari bawah tapak kaki mereka.

Merekalah orang-orang yang lebih utama meni'mati syarat-syarat Allah sebagai ganti kebuluran, kesakitan, ketakutan dan kesempitan hidup yang dialami mereka

di merata ceruk negeri-negeri Islam atau negeri-negeri yang dahulunya Islam mengikut ungkapan yang lebih betul. Kini syarat Allah tetap hidup dan jalan ke arahnya memang diketahui umum jika mereka mengerti.

(Kumpulan ayat-ayat 67 - 81)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغۡ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَۖ وَإِن لَّمۡ تَفۡعَلۡ فَمَا بَلَّغۡتَ رِسَالَتَهُۥۚ وَٱللَّهُ يَعۡصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٦٧

قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَسۡتُمۡ عَلَىٰ شَيۡءٍ حَتَّىٰ تُقِيمُواْ ٱلتَّوۡرَىٰةَ وَٱلۡإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُمۡۗ وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرٗا مِّنۡهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَ طُغۡيَٰنٗا وَكُفۡرٗاۖ فَلَا تَأۡسَ عَلَى ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٦٨

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَٱلَّذِينَ هَادُواْ وَٱلصَّٰبِـُٔونَ وَٱلنَّصَٰرَىٰ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ٦٩

لَقَدۡ أَخَذۡنَا مِيثَٰقَ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَأَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهِمۡ رُسُلٗاۖ كُلَّمَا جَآءَهُمۡ رَسُولُۢ بِمَا لَا تَهۡوَىٰٓ أَنفُسُهُمۡ فَرِيقٗا كَذَّبُواْ وَفَرِيقٗا يَقۡتُلُونَ ٧٠

وَحَسِبُوٓاْ أَلَّا تَكُونَ فِتۡنَةٞ فَعَمُواْ وَصَمُّواْ ثُمَّ تَابَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡ ثُمَّ عَمُواْ وَصَمُّواْ كَثِيرٞ مِّنۡهُمۡۚ وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ بِمَا يَعۡمَلُونَ ٧١

لَقَدۡ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡمَسِيحُ ٱبۡنُ مَرۡيَمَۖ وَقَالَ ٱلۡمَسِيحُ يَٰبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمۡۖ إِنَّهُۥ مَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِ ٱلۡجَنَّةَ وَمَأۡوَىٰهُ ٱلنَّارُۖ وَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ أَنصَارٖ ٧٢

لَّقَدۡ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٖۘ وَمَا مِنۡ إِلَٰهٍ إِلَّآ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۚ وَإِن لَّمۡ يَنتَهُواْ عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمَسَّنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۡهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٧٣

أَفَلَا يَتُوبُونَ إِلَى ٱللَّهِ وَيَسۡتَغۡفِرُونَهُۥۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٧٤

مَّا ٱلۡمَسِيحُ ٱبۡنُ مَرۡيَمَ إِلَّا رَسُولٞ قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلِهِ ٱلرُّسُلُ وَأُمُّهُۥ صِدِّيقَةٞۖ كَانَا يَأۡكُلَانِ ٱلطَّعَامَۗ ٱنظُرۡ كَيۡفَ نُبَيِّنُ لَهُمُ ٱلۡأٓيَٰتِ ثُمَّ ٱنظُرۡ أَنَّىٰ يُؤۡفَكُونَ ٧٥

قُلۡ أَتَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَمۡلِكُ لَكُمۡ ضَرّٗا وَلَا نَفۡعٗاۚ وَٱللَّهُ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٧٦

قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَا تَغۡلُواْ فِي دِينِكُمۡ غَيۡرَ ٱلۡحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوٓاْ أَهۡوَآءَ قَوۡمٖ قَدۡ ضَلُّواْ مِن قَبۡلُ وَأَضَلُّواْ كَثِيرٗا وَضَلُّواْ عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ٧٧

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۢ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبۡنِ مَرۡيَمَۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَواْ وَّكَانُواْ يَعۡتَدُونَ ٧٨

كَانُواْ لَا يَتَنَاهَوۡنَ عَن مُّنكَرٖ فَعَلُوهُۚ لَبِئۡسَ مَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ٧٩

تَرَىٰ كَثِيرٗا مِّنۡهُمۡ يَتَوَلَّوۡنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۚ لَبِئۡسَ مَا قَدَّمَتۡ لَهُمۡ أَنفُسُهُمۡ أَن سَخِطَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡ وَفِي ٱلۡعَذَابِ هُمۡ خَٰلِدُونَ ٨٠

وَلَوۡ كَانُواْ يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلنَّبِيِّ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِ مَا ٱتَّخَذُوهُمۡ أَوۡلِيَآءَ وَلَٰكِنَّ كَثِيرٗا مِّنۡهُمۡ فَٰسِقُونَ ٨١

"Wahai Rasul! Sampaikanlah segala apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu dan jika engkau tidak melakukannya, maka bermakna engkau tidak menyampaikan perutusan-Nya dan Allah sentiasa melindungi engkau dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang kafir (67). Katakanlah: "Wahai Ahlil-Kitab! Kamu tidak berpegang dengan agama sedikitpun sehingga kamu tegakkan ajaran Taurat dan Injil dan kitab suci yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu." Sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab wahyu yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang kafir (68). Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi dan orang Sabi'in dan orang-orang Nasara, iaitu mereka yang beriman kepada Allah dan hari Kiamat dan mengerjakan amalan yang soleh, maka tidak ada apa-apa ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita (69). Sesungguhnya Kami telah mengambil perjanjian dari Bani Israel dan Kami telah utuskan rasul-rasul kepada mereka, tetapi setiap kali seorang rasul datang kepada mereka membawa sesuatu yang tidak diingini oleh hawa nafsu mereka (nescaya mereka memusuhinya). Mereka dustakan sekumpulan rasul dan sekumpulan lagi mereka bunuh (70). Dan mereka menyangka bahawa mereka tidak akan ditimpa bencana (dengan sebab dosa mereka) lalu mereka menjadi buta dan pekak. Kemudian Allah menerima taubat mereka kemudian ramai dari mereka buta dan pekak kembali dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka (71). Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan: Bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam, sedangkan al-Masih berkata: "Wahai Bani Israel! Hendaklah kamu mengabdikan diri kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Sesungguhnya siapa yang mempersekutukan Allah nescaya Dia mengharamkan Syurga kepadanya dan tempat kembalinya ialah Neraka dan orang-orang yang zalim sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong (72). Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu tiga dari tiga (uqnum), dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Tuhan Yang Maha Esa dan jika mereka tidak berhenti mengeluarkan perkataan itu nescaya orang-orang yang kafir dari mereka akan disentuh 'azab yang amat pedih (73). Apakah mereka tidak bertaubat kepada Allah dan memohon keampunan dari-Nya sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (74). Al-Masih putera Maryam itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang telah didahului sebelumnya oleh rasul-rasul yang lain dan ibunya adalah seorang wanita yang amat benar. Mereka berdua makan makanan. Perhatikanlah bagaimana Kami memberi keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka (Ahlil-Kitab) kemudian perhatikan pula bagaimana mereka diselewengkan.(75) Katakanlah (Muhammad): Apakah kamu menyembah sesuatu yang lain dari Allah yang tidak berkuasa memberi mudharat dan manfa'at kepada kamu, sedangkan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (76). Katakanlah (Muhammad): Wahai Ahlil-Kitab! Janganlah kamu melampau-lampau dalam agama kamu secara yang tidak benar dan janganlah kamu mengikut kehendak nafsu orang-orang yang telah sesat sebelum ini dan menyesatkan pula ramai manusia dan mereka telah tersesat dari jalan yang lurus (77). Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknat Allah di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam. Laknat yang sedemikian disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka menceroboh (78). Dan kerana mereka tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang telah dilakukan mereka. Sungguh amat buruk segala perbuatan yang dilakukan mereka (79). Engkau dapat melihat kebanyakan mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir (kaum Musyrikin Arab). Sesungguhnya amatlah buruk akibat yang mereka sediakan untuk diri mereka, iaitu mereka dimurkai Allah dan mereka akan kekal di dalam 'azab (80). Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq."(81)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini menghuraikan keadaan kaum Ahlil-Kitab dari orang-orang Yahudi dan Nasara serta mendedahkan penyelewengan i'tiqad mereka dan kejahatan yang telah dilakukan mereka di sepanjang sejarah mereka terutama kaum Yahudi. Pelajaran ini juga menghuraikan bentuk hubungan di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslimin di samping menjelaskan kewajipan Rasulullah s.a.w. di dalam layanan beliau terhadap mereka, juga kewajipan orang-orang Islam. Dan pada akhirnya menjelaskan hakikat-hakikat agung yang asasi mengenai dasar-dasar kefahaman i'tiqad, dasar-dasar pergerakan kelompok Muslimin terhadap kepercayaan-kepercayaan yang menyeleweng dan orang-orang yang menyeleweng.

Allah S.W.T. telah menyeru Rasul-Nya s.a.w. dan memerintah beliau supaya menyampaikan segala apa yang diturunkan Allah kepada beliau tanpa menyimpankannya sedikitpun dan tanpa menangguhkan sesuatu darinya kerana tujuan untuk melayani suasana dan keadaan-keadaan semasa atau kerana tujuan untuk menghindarkan diri dari bertembung dengan kehendak-kehendak nafsu manusia atau dengan realiti masyarakat dan andainya beliau tidak berbuat begitu, maka bermakna beliau tidak menyampaikan perutusan Allah.

Di antara perkara yang diperintah Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya menyampaikannya ialah beliau dipinta supaya bersemuka dengan kaum Ahlil-Kitab dan mengatakan kepada mereka (dengan terus-terang) bahawa mereka tidak berpegang dengan agama sedikitpun sehingga mereka menegakkan Taurat dan Injil dan kitab suci yang diturunkan Allah kepada mereka. Demikianlah beliau diperintah menyampaikannya dengan tegas dan terus-terang. Begitu juga beliau diperintah mengumumkan kekafiran orang-orang Yahudi dengan sebab mereka merombakkan perjanjian Allah dan membunuh nabi-nabi, juga mengumumkan kekafiran orang-orang Nasara yang mengatakan Allah ialah al-Masih 'Isa putera Maryam dan mengatakan bahawa Allah ialah ketiga dari tiga uqnum di samping mengisytiharkan bahawa al-Masih a.s. telah mengancamkan Bani Israel dengan akibat perbuatan syirik juga mengisytiharkan bahawa Allah mengharamkan Syurga kepada orang-orang Musyrikin dan bahawa Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam dengan sebab penderhakaan dan pencerobohan mereka.

Pelajaran ini diakhiri dengan mendedahkan pendirian kaum Ahlil-Kitab yang membantu kaum Musyrikin menentang orang-orang Islam dan

mengumumkan bahawa perbuatan mereka ini adalah terbit kerana mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada Nabi s.a.w. dan seterusnya mengumumkan bahawa mereka adalah diseru supaya beriman kepada segala pengajaran yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Jika tidak, maka mereka bukanlah dari orang-orang yang beriman.

Selepas huraian ringkas ini marilah pula kita ikuti nas-nas ini dengan huraian yang terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 67 - 69)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغْ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۖ وَإِن لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُۥ ۚ وَٱللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٦٧﴾ قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَسْتُمْ عَلَىٰ شَىْءٍ حَتَّىٰ تُقِيمُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ ۗ وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ۖ فَلَا تَأْسَ عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٦٨﴾ إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلصَّٰبِـُٔونَ وَٱلنَّصَٰرَىٰ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٩﴾

"Wahai Rasul! Sampaikanlah segala apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu dan jika engkau tidak melakukannya, maka bermakna engkau tidak menyampaikan perutusan-Nya dan Allah sentiasa melindungi engkau dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang kafir (67). Katakanlah: "Wahai Ahlil-Kitab! Kamu tidak berpegang dengan agama sedikitpun sehingga kamu tegakkan ajaran Taurat dan Injil dan kitab suci yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu.' Sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab wahyu yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang kafir (68). Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi dan orang Sabi'in dan orang-orang Nasara, iaitu mereka yang beriman kepada Allah dan hari Kiamat dan mengerjakan amalan yang soleh, maka tidak ada apa-apa ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita."(69)

Cara Menyampaikan Perutusan Allah

Itulah perintah Allah yang tegas kepada Rasulullah s.a.w. agar beliau menyampaikan segala pengajaran dan penjelasan yang diturunkan Allah kepadanya dengan sempurna dan agar beliau mengabaikan segala pertimbangan dan perhitungan yang lain ketika menyampaikan kalam Allah yang benar. Jika tidak, maka bermakna beliau tidak menyampaikan perutusan-Nya dan tidak menunaikan kewajipan risalah, sedangkan Allah sentiasa melindungi dan memelihara beliau dari kejahatan manusia dan barang siapa yang dilindungi Allah, maka manusia-manusia yang kerdil tidak mampu berbuat apa-apa lagi kepadanya.

Kata-kata yang benar di bidang 'aqidah tidak seharusnya disampaikan dengan tergagap-gagap atau teragak-agak, malah pastilah disampaikan dengan jelas dan sempurna. Dan biarkanlah orang-orang yang menyangkalnya berkata apa sahaja yang disukai mereka dan biarkanlah musuh-musuhnya berbuat apa sahaja yang dikehendaki mereka, kerana kata-kata yang benar itu tidak seharusnya berpura-pura mengambil hati hawa nafsu manusia dan memelihara kehendak-kehendak keinginan dan kegemaran mereka, malah yang pasti dijaga ialah kata-kata yang benar itu pasti disampai dan diumumkan dengan terus-terang sehingga sampai dan menembusi hati manusia dengan kuat.

Kata-kata yang benar apabila disampai dan diumumkan dengan terus-terang akan sampai ke lubuk hati manusia, di mana tersembunyinya kesediaan untuk menerima hidayah, tetapi andainya ia disampaikan dengan tergagap-gagap dan teragak-agak, maka ia tidak dapat melembutkan hati yang tidak mempunyai kesediaan untuk beriman, iaitu hati orang-orang yang mungkin diharap-harapkan oleh penda'wah dapat menyambut da'wahnya jika ia dapat bermuka-muka dengan berlembut dan bertolak-ansur dengannya mengenai setengah-setengah hakikat ('aqidah)!

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang kafir."(67)

Kini jelaslah bahawa kata-kata yang benar itu hendaklah disampaikan dengan tegas, jelas, sempurna dan syamil dan bahawa hidayat dan kesesatan adalah bergantung kepada kesediaan dan keterbukaan hati bukannya kepada taktik bermuka-muka mengambil hati dan berlembut-lembut yang merugikan kata-kata yang benar.

Kekuatan dan ketegasan dalam menyampaikan kata-kata yang benar di bidang 'aqidah itu tidaklah mengertikan kekasaran dan kekerasan, kerana Allah S.W.T. telah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menyeru manusia ke jalan Allah dengan menggunakan cara hikmat dan pengajaran yang baik. Di sana tidak ada sebarang percanggahan dan pertentangan di antara arahan-arahan dan perintah-perintah Al-Qur'an yang banyak itu. Cara hikmat dan pengajaran yang baik itu tidak bercanggah dengan cara yang tegas dalam menyatakan kata-kata yang

benar. Sarana dan cara penyampaian da'wah adalah suatu perkara yang berlainan dari bahan dan maudhu' da'wah yang hendak disampaikan itu, sedangkan yang dituntut di sini ialah jangan menggunakan taktik berpura-pura mengambil hati dan berlembut-lembut dalam menyatakan kata-kata yang benar di bidang 'aqidah itu dengan sempurna, juga jangan menggunakan taktik mencari titik pertemuan di separuh jalan sahaja mengenai hakikat 'aqidah itu sendiri, kerana hakikat-hakikat yang berhubung dengan 'aqidah tidak mempunyai penyelesaian separuh-separuhnya. Sejak hari-hari pertama da'wah lagi Rasulullah s.a.w. berda'wah dengan cara hikmat dan pengajaran yang baik. Beliau membuat pemisahan dan pengasingan yang sempurna di bidang 'aqidah dan beliau diperintah mengumumkan:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ١

لَآ أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ٢

"Katakanlah (Wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir! Aku tidak sembah apa yang kamu sembah."'

(Surah al-Kafirun: 1&2)

(Dalam ayat ini) beliau sifatkan orang-orang kafir dengan sifat mereka yang sebenar dan mengumumkan pemisahan yang total dari mereka dalam perkara 'aqidah. Beliau tidak pernah menerima tawaran penyelesaian separuh-separuhan yang ditawarkan oleh orang-orang kafir kepada beliau. Dan beliau tidak bermuka-muka bertolak-ansur dan berlembut-lembut dengan mereka seperti yang dikehendaki oleh mereka. Beliau tidak pernah mengatakan kepada mereka bahawa beliau tidak meminta dari mereka kecuali beberapa pindaan dan ubah suai yang kecil sahaja dalam 'aqidah yang dipegang oleh mereka, malah beliau berkata dengan tegas kepada mereka bahawa mereka berada di atas kebatilan yang tulen dan bahawa beliau berada di atas kebenaran yang sempurna. Beliau mengumumkan kata-kata yang benar dengan suara yang lantang, dengan pernyataan yang sempurna dan tegas dan dengan cara yang tidak mengandungi kekasaran dan kekerasan.

Inilah seruan dan perintah Allah (yang tegas kepada Rasulullah s.a.w.) di dalam surah ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغْ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۖ وَإِن لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُۥ ۚ وَٱللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْكَٰفِرِينَ ٦٧

"Wahai Rasul! Sampaikanlah segala apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu dan jika engkau tidak melakukannya, maka bermakna engkau tidak menyampaikan perutusan-Nya dan Allah sentiasa melindungi engkau dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang kafir."(67)

Dari konteks ayat-ayat sebelum seruan ini dan selepasnya ternyatalah bahawa tujuan secara langsungnya ialah bersemuka dengan kaum Ahlil-Kitab dan menerangkan kepada mereka hakikat kedudukan mereka yang sebenar dan hakikat sifat mereka yang sebenar yang wajar dengan kedudukan mereka yang sebenar, iaitu bersemuka dengan mereka dengan menyatakan (secara terus-terang) bahawa mereka tidak berpegang dengan agama, dengan 'aqidah dan dengan iman sedikit pun kerana mereka tidak menegakkan syari'at Taurat dan Injil dan peraturan yang diturunkan Allah kepada mereka. Oleh sebab itu mereka tidak sedikitpun berhak menyandang gelaran-gelaran yang didakwa oleh mereka bahawa mereka adalah kaum Ahlil-Kitab, pendokong-pendokong 'aqidah dan pengikut-pengikut agama Allah:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَسْتُمْ عَلَىٰ شَىْءٍ حَتَّىٰ تُقِيمُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ ۗ

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Kamu tidak berpegang dengan agama sedikitpun sehingga kamu tegakkan ajaran Taurat dan Injil dan kitab suci yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu."(68)

Apabila Rasulullah s.a.w. diperintah bersemuka dengan mereka dan menyatakan kepada mereka bahawa mereka tidak berpegang dengan agama, dengan 'aqidah dan dengan iman sedikit pun, malah mereka tidak berpegang dengan suatu apa pun.... Apabila Rasulullah s.a.w. diperintah bersemuka dengan mereka dengan persemukaan yang setegas ini, mereka di waktu itu masih membaca kitab-kitab suci mereka, masih memakai gelaran penganut agama Yahudi dan penganut agama Kristian dan masih mengaku bahawa mereka adalah orang-orang yang beriman, tetapi tabligh yang diperintahkan Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya dihadap dan disampaikan kepada mereka tidak mengakui sama sekali dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh mereka terhadap diri mereka sendiri, kerana agama bukannya susunan kata-kata yang diucapkan dengan lidah dan bukannya kitab-kitab suci yang dibaca dengan tartil dan bukannya pula sifat dan gelaran yang diwarisi dan dipanggili, malah agama adalah satu sistem hidup, iaitu satu sistem yang merangkumi 'aqidah yang terpendam di dalam hati dan pengabdian yang dapat dilihat dalam aktiviti-aktiviti syi'ar ibadat dan pengabdian yang dapat dilihat dalam usaha menegakkan seluruh peraturan hidup di atas sistem ini. Dan oleh sebab kaum Ahlil-Kitab tidak menegakkan agama di atas dasar-dasar ini, maka Allah S.W.T. telah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya bersemuka dan menjelaskan kepada mereka bahawa mereka tidak berpegang dengan agama sedikitpun, malah tidak berpegang dengan suatu apa pun yang ada sangkut-paut dengan agama.

Kehendak yang pertama dari usaha menegakkan Taurat dan Injil dan kitab suci yang diturunkan Allah kepada mereka ialah masuk ke dalam agama Allah

yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. sama ada yang dimaksudkan dari firman Allah:

وَمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِم مِّن رَّبِّهِمۡ

"Dan kitab suci yang diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka"(66)

ialah "Al-Qur'an' sebagaimana yang diutarakan oleh setengah-setengah ahli tafsir atau yang dimaksudkan ialah kitab-kitab suci yang lain yang telah diturunkan kepada mereka seperti kitab Zabur yang telah diturunkan kepada Nabi Daud a.s. Tetapi kita dapat mengatakan bahawa mereka dianggap tidak menegakkan Taurat dan Injil dan kitab suci yang lain yang diturunkan Allah kepada mereka sehingga mereka masuk ke dalam agama yang baru yang membenar dan mengawasi kitab-kitab suci yang ada pada mereka. Oleh itu mereka tidak berpegang dengan agama sedikitpun -mengikut keterangan Allah S.W.T. sendiri - sehingga mereka masuk ke dalam agama yang baru itu. Dan Rasulullah s.a.w. telah diperintah bersemuka dan menyampaikan keputusan Ilahi ini kepada mereka di samping menerangkan hakikat sifat dan keadaan mereka yang sebenar, jika tidak, maka bermakna beliau tidak menyampaikan perutusan dari Allah. Alangkah beratnya amaran ini!

Allah S.W.T. mengetahui bahawa persemukaan dengan mendedahkan hakikat yang tegas ini kepada mereka akan menyebabkan kebanyakan mereka bertambah menceroboh dan kafir, bertambah degil dan keras kepala, tetapi ini tidak menghalangkan Allah dari memerintah Rasulullah s.a.w. supaya bersemuka dan mendedahkan hakikat ini kepada mereka dan supaya beliau jangan merasa sedih terhadap kekafiran, pencerobohan, kesesatan dan penyelewengan yang menimpa mereka dengan sebab persemukaan ini, kerana hikmat kebijaksanaan Allah S.W.T. menghendaki agar kata-kata yang benar itu disampai dan diumumkan kepada mereka dengan terus-terang dan agar kesan-kesan kata-kata yang benar tersemat di dalam hati manusia seluruhnya, di mana orang yang mencari hidayat dapat menemui hidayat dengan penjelasan yang terang dan orang yang sesat mendapat kesesatan dengan penjelasan yang terang, orang yang binasa menemui kebinasaannya dengan penjelasan yang terang dan orang yang hidup dapat hidup dengan penjelasan yang terang:

وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرٗا مِّنۡهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَ طُغۡيَٰنٗا وَكُفۡرٗاۖ فَلَا تَأۡسَ عَلَى ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٦٨

"Sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab wahyu yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang kafir."(68)

Dengan bimbingan-bimbingan dan arahan-arahan ini Allah S.W.T. menggariskan peraturan da'wah kepada penda'wah dan memperlihatkan hikmat kebijaksanaan Allah kepadanya di dalam peraturan ini di samping menghiburkan hatinya terhadap akibat-akibat buruk yang menimpa orang-orang yang tidak menerima hidayat apabila kata-kata yang benar itu mencetuskan kemarahan mereka dan menyebabkan mereka bertambah menceroboh dan kafir, kerana mereka memang wajar menerima nasib kesudahan yang malang ini dengan sebab hati mereka tidak sanggup menerima kata-kata yang benar. Dan sebenarnya di dalam lubuk hati mereka tidak terdapat sebarang kebaikan dan kebenaran. Oleh itu memanglah dari hikmat Allah agar hati-hati itu dihadapkan dengan kata-kata yang benar supaya ketara rahsia-rahsianya yang tersembunyi dan supaya ia bertindak memperlihatkan pencerobohan dan kekafiran mereka dengan lebih terang dan supaya ia berhak menerima balasan orang-orang yang menceroboh dan balasan orang-orang yang kafir.

* * * * * *

Marilah kita kembali semula kepada persoalan hubungan setiakawan dan hubungan saling membantu di antara orang-orang Islam dan kaum Ahlil-Kitab berdasarkan perintah tabligh yang ditugaskan Allah kepada Rasulullah s.a.w. itu dan berdasarkan natijah-natijah tabligh yang telah ditetapkan Allah, iaitu tabligh itu telah menyebabkan kebanyakan Ahlil-Kitab itu bertambah menceroboh dan kafir. Apakah yang kita dapati?

Di sini kita dapati Allah S.W.T. telah memutus dan menjelaskan bahawa kaum Ahlil-Kitab dikira tidak berpegang sedikitpun dengan agama sehingga mereka sanggup menegakkan pengajaran Taurat, Injil dan kitab-kitab suci yang lain yang telah diturunkan kepada mereka dan sehingga mereka sanggup masuk ke dalam agama Islam yang terakhir sebagai ekoran setelah mereka menegakkan pengajaran kitab-kitab suci itu. Sebagaimana yang dapat difaham dengan jelas dari seruan-seruan yang ditujukan kepada mereka supaya beriman kepada Allah dan kepada Nabi Muhammad s.a.w. di berbagai-bagai tempat yang lain. Di sini jelaslah bahawa kaum Ahlil-Kitab dikira tidak lagi berpegang dengan "agama Allah" dan tidak pula menjadi penganut "Agama" yang diterimai Allah.

Di sini kita dapati lagi bahawa Allah S.W.T. mengetahui bahawa hasil dari persemukaan yang mendedahkan hakikat ini kepada kaum Ahlil-Kitab akan menyebabkan kebanyakan mereka bertambah menceroboh dan kafir, namun demikian Allah memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya bersemuka dan mendedahkan hakikat ini kepada mereka dengan tegas tanpa berbelit-belit dan tanpa merasa sedih terhadap akibat-akibat buruk yang akan menimpa kebanyakan mereka.

Mengapa Kaum Ahlil-Kitab Tidak Boleh Dijadikan Rakan Seperjuangan Di Dalam Agama

Apabila kita anggapkan keputusan atau penjelasan Allah dalam persoalan ini sebagai "kata-kata pemutus" - inilah anggapan yang sebenar - maka di sana tidak ada ruang lagi untuk mengira kaum Ahlil-Kitab sebagai penganut agama Allah yang membolehkan orang-orang Islam bekerjasama dan saling membantu dengan mereka dalam rangka usaha menentang arus kepercayaan tidak bertuhan dan para pendokongnya sebagaimana yang disarankan oleh setengah-setengah orang yang tertipu dan setengah-setengah penipu, kerana kaum Ahlil-Kitab tidak pernah menegakkan pengajaran Taurat, Injil dan kitab-kitab suci yang lain yang diturunkan Allah kepada mereka sehingga dapat dianggap oleh kaum Muslimin bahawa mereka berpegang dengan sesuatu ajaran agama Allah. Sedangkan seseorang Muslim tidak boleh membuat keputusan yang berlainan dari keputusan yang telah ditetapkan Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara - membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka."

(Surah al-Ahzab: 36)

Dan keputusan Allah itu tetap dan kekal tidak dapat diubah oleh keadaan-keadaan semasa dan suasana-suasana.

Apabila kita anggapkan keputusan atau penjelasan Allah sebagai kata pemutus inilah anggapan yang sebenar - maka kita tidak berhak membuat sesuatu perhitungan terhadap kesan persemukaan yang mendedahkan hakikat ini yang mencetuskan kemarahan mereka dan menyebabkan mereka bertambah sengit memerangi kita. Begitu juga kita tidak berhak berusaha untuk mendapat kemesraan mereka dengan cara memberi pengiktirafan bahawa mereka menganut agama Allah yang direstui dan diakui oleh kita hingga kita boleh mengadakan hubungan saling membantu dengan mereka untuk tujuan menolak kepercayaan tidak bertuhan dari agama mereka sebagaimana kita berusaha menolak kepercayaan tidak bertuhan itu dari agama kita selaku satu-satunya agama yang diterima oleh Allah dari manusia.

Allah S.W.T. tidak memberi bimbingan dan arahan yang seperti ini kepada kita dan tidak menerima pengakuan ini dari kita, malah Allah tidak memaafkan perbuatan kita mengadakan usaha saling membantu dengan mereka dan tidak pula memaafkan kefahaman kita yang mendorong ke arah konsep saling membantu itu, kerana perbuatan ini mengertikan bahawa kita telah membuat keputusan sendiri yang berlainan dari keputusan Allah dan telah membuat pilihan sendiri yang berlainan dari pilihan Allah dan seterusnya mengertikan bahawa kita telah mengiktirafkan 'aqidah-'aqidah yang sesat sebagai agama Allah yang sejajar dengan agama kita dalam pertalian agama Ilahi, sedangkan Allah telah menjelaskan bahawa mereka dikira tidak berpegang dengan agama Allah sedikitpun sehingga mereka sanggup menegakkan pengajaran injil, Taurat dan kitab-kitab suci yang diturunkan Allah kepada mereka, tetapi mereka tidak buat!

Orang-orang yang mengaku sebagai orang-orang Is-lam, tetapi tidak menegakkan pengajaran Al-Qur'an yang diturunkan Allah kepada mereka, maka mereka adalah sama dengan kaum Ahlil-Kitab, iaitu mereka dikira tidak berpegang dengan agama Allah sedikitpun. Inilah keputusan dan penjelasan Allah terhadap mana-mana golongan penganut kitab suci yang tidak menegakkan kitab suci itu di dalam hati dan kehidupan mereka. Sesiapa yang ingin menjadi seorang Muslim yang sebenar wajiblah di atasnya - setelah ia menegakkan kitab Allah (Al-Qur'an) di dalam hati dan kehidupannya - bersemuka dengan orang-orang yang belum menegakkan kitab Allah dan menyatakan kepada mereka dengan terus-terang bahawa mereka adalah dikira tidak berpegang dengan agama Allah sehingga mereka sanggup menegakkan kitab Allah dan dakwaan mereka bahawa mereka berpegang dengan agama Allah itu adalah telah ditolak oleh Allah sendiri selaku tuan agama. Pemisahan yang tegas di dalam persoalan ini adalah satu perkara yang wajib dan usaha menyeru mereka semula kepada agama Islam merupakan kewajipan setiap Muslim yang telah menegakkan kitab Allah di dalam hati dan kehidupannya. Oleh itu pengakuan Islam dengan lidah dan warisan sahaja tidak menghasilkan keislaman dan tidak mewujudkan keimanan dan seterusnya tidak memberi kepada penyandangnya sifat beragama dengan agama Allah dalam mana-mana agama samawi dan dalam mana-mana zaman.

Apabila kaum Ahlil-Kitab telah menyambut seruan Islam dan menegakkan kitab Allah di dalam kehidupan mereka, maka orang-orang Islam bolehlah melakukan usaha saling bantu membantu dengan mereka untuk menolak malapetaka fahaman tidak bertuhan dan para pendokongnya dari agama Allah dan para penganutnya, tetapi sebelum mereka menyambut seruan Islam, maka usaha saling bantu membantu itu akan menjadi satu usaha yang kosong dan sia-sia dan satu usaha menggoyahkan (hakikat agama) yang dirancangkan oleh penipu-penipu atau orang-orang (Islam) yang tertipu.

Agama Allah bukannya suatu panji-panji, bukannya suatu lambang dan bukannya suatu warisan, malah agama Allah adalah suatu hakikat yang ditegakkan di dalam hati dan kehidupan manusia. Ia ditegakkan dalam satu 'aqidah yang berkembang subur di dalam hati. Ia ditegakkan dalam syi'ar-syi'ar ibadat yang dilakukan untuk mengabdikan diri kepada Allah dan ia ditegakkan dalam satu sistem yang mengendalikan

kehidupan manusia. Agama Allah tidak wujud dan tegak melainkan dalam kesemestaan yang sepadu ini dan manusia tidak dikira berpegang dengan agama melainkan kesemestaan yang sepadu ini ditegakkan di dalam hati dan kehidupan mereka. Segala pendekatan dan pandangan yang lain dari pandangan ini adalah suatu pandangan yang menggoyahkan 'aqidah dan menipu hati nurani yang tidak dilakukan oleh seorang Muslim yang berhati bersih.

Oleh itu seseorang Muslim adalah berkewajipan menjelaskan hakikat ini dengan terus-terang dan memisahkan dirinya dari seluruh manusia dengan berlandaskan hakikat ini. Dan di sini ia tidak perlu memikirkan tentang akibat-akibat yang mungkin timbul dari pemisahan itu, kerana Allah Tuhan Yang Maha Memelihara dan Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang kafir.

Seorang penda'wah tidak dikira telah menyampaikan perutusan Allah dan menegakkan hujjah Allah di atas manusia melainkan apabila ia menyampaikan kepada mereka hakikat da'wah dengan sempurna dan menjelaskan kedudukan pegangan keagamaan mereka yang sebenar tanpa bermuka-muka kerana mengambil hati. Ia mungkin membahayakan mereka andainya ia tidak menjelaskan dengan terus-terang bahawa mereka sebenarnya tidak berpegang dengan agama Allah sedikitpun dan bahawa pegangan-pegangan keagamaan mereka adalah karut belaka dari akar umbinya lagi dan bahawa dia kini mahu menyeru mereka kepada satu pegangan keagamaan yang berlainan sama sekali dari pegangan keagamaan mereka. Ia mahu menyeru mereka kepada satu perpindahan yang amat jauh, satu jarak perjalanan yang amat panjang dan kepada satu perubahan yang asasi di dalam pemikiran-pemikiran dan kefahaman-kefahaman mereka, di dalam undang-undang dan peraturan mereka dan di dalam akhlak dan budi pekerti mereka agar "Yang binasa menemui kebinasaannya dengan penjelasan yang terang dan yang hidup dapat hidup dengan penjelasan yang terang".

Tetapi apabila penda'wah itu teragak-agak dan tergagap-gagap dan tidak menyatakan dengan jelas titik-titik perbezaan yang asasi di antara kebatilan ('aqidah) yang wujud dalam realiti hidup orang ramai dengan kebenaran ('aqidah) yang ia da'wahkan mereka kepadanya atau menjelaskan garis pemisah yang tegas di antara kebenaran da'wahnya dengan kebatilan yang dipegang oleh mereka... Apabila penda'wah itu bersikap sedemikian kerana menimbangkira suasana dan keadaan-keadaan semasa atau kerana takut menghadapi kenyataan hidup orang ramai, takut menghadapi aliran pemikiran dan kefahaman mereka, maka akibatnya ia mungkin menipu mereka dan membahayakan mereka kerana ia tidak benar-benar menjelaskan kepada mereka hakikat da'wah dan tuntutannya kepada mereka dan di samping itu ia dianggap tidak menyampaikan perutusan Allah yang wajib disampaikan olehnya.

Taktik berlembut-lembut dalam usaha menyeru manusia kepada Allah itu hendaklah dilakukan dalam bidang cara-cara penyampaian da'wah, tetapi tidak boleh dilakukan dalam bidang menjelaskan hakikat 'aqidah yang hendak disampaikan kepada mereka, kerana hakikat 'aqidah wajib disampaikan kepada mereka dengan sempurna, tetapi cara dan uslub penyampaian da'wah itu bolehlah dilakukan mengikut kehendak-kehendak situasi yang wujud dengan berlandaskan dasar hikmat dan pengajaran yang baik.

Kedudukan Masyarakat Ahlil-Kitab Dan Masyarakat Paganisme Dan Atiesme Yang Dominan Pada Hari Ini Tidak Seharusnya Menakutkan Penda'wah Islam

Pada hari ini setengah-setengah dari kita berpendapat, iaitu oleh kerana mereka melihat - misalnya - kedudukan kaum Ahlil-Kitab (pada masa ini) merupakan kaum majoriti yang mempunyai kekuatan kebendaan yang gagah dan melihat pula kedudukan kaum-kaum yang menganut berbagai-bagai kepercayaan wathaniyah atau paganisme berjumlah ratusan juta ramainya, yang mana pandangan mereka dalam urusan-urusan antarabangsa sentiasa didengar dan dihormati. Kemudian mereka melihat pendokong-pendokong aliran-aliran faham kebendaan mempunyai bilangan yang amat besar dan memiliki kekuatan-kekuatan senjata yang mampu menghancur dan membinasa, sedangkan mereka melihat orang-orang yang mengaku beragama Islam tidak berpegang dengan agama mereka, kerana mereka tidak menegakkan pengajaran kitab Allah (Al-Qur'an) yang diturunkan kepada mereka. Di sinilah mereka merasa sedang berhadapan dengan masalah yang amat besar dan merasa terlalu berat untuk menghadapi seluruh manusia yang sesat ini dengan da'wah menyampaikan kepada mereka kata-kata yang benar dengan tegas dan seterusnya berpendapat tidak ada gunanya untuk menyampaikan kepada mereka bahawa mereka sebenarnya tidak berpegang dengan agama Allah sedikitpun atau tidak ada gunanya menjelaskan agama yang benar kepada mereka.

Ini bukannya jalan yang betul, kerana jahiliyah tetap jahiliyah, walaupun ia merangkumi seluruh penduduk bumi. Kenyataan hidup manusia tidak mempunyai apa-apa selama ia tidak ditegakkan di atas agama yang benar. Kewajipan penda'wah tetap menjadi kewajipannya dan ia tidak boleh diubah dengan sebab ramainya bilangan manusia yang sesat dan besarnya kekuatan kebatilan, kerana kebatilan itu hanya timbunan sampah sarap sahaja. Andainya da'wah Islam yang pertama dapat dimulakan dengan menyampaikan pernyataan kepada seluruh umat manusia bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa pegangan agama yang benar, maka beginilah juga seharusnya da'wah itu dimulakan semula. Kini zaman beredar sama dengan peredarannya ketika Allah

mengutuskan Rasulullah s.a.w. dan berseru kepadanya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغۡ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَۖ وَإِن لَّمۡ تَفۡعَلۡ فَمَا بَلَّغۡتَ رِسَالَتَهُۥۚ وَٱللَّهُ يَعۡصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٦٧﴾

"Wahai Rasul! Sampaikanlah segala apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu dan jika engkau tidak melakukannya, maka bermakna engkau tidak menyampaikan perutusan-Nya dan Allah sentiasa melindungi engkau dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang kafir."(67)

قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَسۡتُمۡ عَلَىٰ شَيۡءٍ حَتَّىٰ تُقِيمُواْ ٱلتَّوۡرَىٰةَ وَٱلۡإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُمۡۗ

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Kamu tidak berpegang dengan agama sedikitpun sehingga kamu tegakkan ajaran Taurat dan Injil dan kitab suci yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu."(68)

* * * * * *

Bahagian ini ditamatkan dengan satu kenyataan yang terakhir mengenai bentuk agama yang diterima oleh Allah dari manusia tanpa mengira gelaran dan nama mereka dan nama agama samawi yang dipegang oleh mereka sebelum kebangkitan Nabi terakhir (Muhammad s.a.w.), iaitu agama yang menjadi titik pertemuan berbagai-bagai puak dan golongan agama di dalam sejarah masa silam.

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَٱلَّذِينَ هَادُواْ وَٱلصَّٰبِـُٔونَ وَٱلنَّصَٰرَىٰ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ﴿٦٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi dan orang Sabi'in dan orang-orang Nasara, iaitu mereka yang beriman kepada Allah dan hari Kiamat dan mengerjakan amalan yang soleh, maka tidak ada apa-apa ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita."(69)

Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang beriman (di dalam ayat ini) ialah orang-orang Islam dan dengan orang-orang Yahudi ialah kaum Yahudi, sementara yang dimaksudkan dengan orang-orang Sabi'in biasanya ialah satu golongan ahli agama yang telah meninggalkan agama menyembah berhala sebelum kebangkitan Rasulullah s.a.w. lalu mereka menyembah Allah Yang Maha Esa tanpa mengikut satu agama yang tertentu, di antara pengikut golongan ini ialah sebilangan kecil orang-orang Arab. Dan yang dimaksudkan dengan orang-orang Nasara ialah para pengikut al-Masih a.s.

Ayat ini menjelaskan iaitu mana-mana golongan agama yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat serta mengelakan amalan yang soleh - dan yang difahamkan secara tidak langsung di tempat ini dan secara langsung di tempat-tempat yang lain ialah mereka melakukan amalan-amalan itu mengikut peraturan yang dibawa oleh Rasul yang terakhir, maka mereka akan terselamat (dan termasuk dalam kehendak-kehendak firman Allah yang berikut):

فَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ﴿٦٩﴾

"Maka tidak ada apa-apa ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita"(69)

dan mereka selanjutnya tidak menanggung apa-apa dosa dan kesalahan dari amalan-amalan agama yang diikuti mereka sebelum ini, juga tidak menanggung apa-apa dosa dan kesalahan dari nama dan gelaran yang telah disandang oleh mereka (sebelum ini), kerana yang penting di sini ialah nama agama yang terakhir.

Apa yang kami jelaskan di sini sebagai hasil pengertian yang difaham secara tidak langsung dari ayat ini yang dikira dari hakikat-hakikat agama yang diketahui umum dengan jelas, kerana di antara hakikat-hakikat agama yang diketahui umum dengan jelas ialah Nabi Muhammad s.a.w. adalah Rasul yang terakhir atau Khatamun-Nabiyin dan beliau adalah Rasul yang diutuskan kepada seluruh umat manusia dan seluruh umat manusia yang terdiri dari berbagai-bagai golongan agama dan kepercayaan, dari berbagai-bagai bangsa dan negara adalah diseru supaya beriman kepada pengajaran yang dibawa oleh beliau dengan segala huraiannya yang umum dan huraiannya yang terperinci, tetapi sebaliknya sesiapa yang tidak beriman kepada kerasulan beliau dan kepada ajaran yang telah dibawa oleh beliau baik secara umum mahupun secara terperinci, maka dia adalah seorang yang sesat yang tidak akan diterima agamanya yang dipegang sebelum agama Islam dan dia tidak akan termasuk dalam kehendak firman Allah yang berikut:

فَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ﴿٦٩﴾

"Maka tidak ada apa-apa ketakutan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita."(69)

Inilah hakikat asasi agama yang diketahui umum dengan jelas, iaitu satu hakikat yang tidak seharusnya bagi seseorang Muslim yang sebenar bersikap teragak-agak dan tergagap-gagap di hadapan realiti jahiliyah yang besar yang dihayati umat manusia pada hari ini, satu hakikat yang tidak seharusnya dilupakan oleh seseorang Muslim dalam perhubungan-perhubungannya dengan penduduk dunia seluruhnya yang terdiri dari berbagai-bagai golongan agama dan kepercayaan. Oleh itu ia tidak seharusnya terdorong dengan sebab ditekan oleh realiti jahiliyah ke arah memandang seseorang dari pengikut golongan-

golongan agama dan kepercayaan-kepercayaan itu sebagai orang yang berpegang dengan agama yang diredhai Allah dan layak untuk dijadikan rakan setiakawan untuk saling bantu membantu satu sama lain!

Hanya Allah sahaja pelindung dan penolong yang sebenar;

وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فَإِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ٥٦

"Dan barang siapa yang menjadikan Allah, rasul-Nya dan orang-orang yang beriman sebagai penolong setianya, maka sesungguhnya Hizbullah itulah yang pasti mendapat kemenangan."(56)

biar bagaimanapun gejala-gejala yang kelihatan pada lahirnya. Sesiapa yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat serta mengerjakan amalan yang soleh dengan berlandaskan Islam sebagai satu-satunya agama (yang diredhai Allah), maka mereka tidak akan menghadapi apa-apa ketakutan dan kebimbangan dan tidak pula akan berdukacita, iaitu mereka tidak akan menghadapi ketakutan dan kebimbangan di dunia dan Akhirat, tidak akan menghadapi ketakutan dan kebimbangan terhadap kekuatan-kekuatan kebatilan dan jahiliyah yang berlapis-lapis dan mereka tidak akan menghadapi ketakutan dan kebimbangan terhadap diri mereka yang beriman dan beramal soleh dan tidak pula akan berdukacita.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 70 - 71)
Kaum Ahlil-Kitab Diseru Kembali Kepangkuan Agama Islam

Selepas itu rangkaian ayat (yang berikut) mula membentangkan sebahagian dari sejarah Bani Israel - kaum Yahudi - yang memperlihatkan bagaimana mereka tidak berpegang sedikitpun dengan agama Allah dan membuktikan betapa perlunya da'wah Islamiyah disampai dan ditujukan kepada mereka supaya mereka kembali kepada agama Allah, kemudian supaya hakikat mereka yang tidak pernah berubah itu dapat dilihat dengan jelas agar hakikat ini terdedah kepada orang-orang Islam dan dengan keterdedahan ini gugurlah nilai kaum Yahudi di mata mereka dan timbullah di dalam hati mereka rasa kebencian untuk bersetiakawan dan saling bantu membantu dengan mereka yang bersikap begitu (negatif) terhadap kebenaran dan agama.

وَحَسِبُوٓاْ أَلَّا تَكُونَ فِتْنَةٌ فَعَمُواْ وَصَمُّواْ ثُمَّ تَابَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ ثُمَّ عَمُواْ وَصَمُّواْ كَثِيرٌ مِّنْهُمْ ۚ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا يَعْمَلُونَ ٧١

لَقَدْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَرْسَلْنَآ إِلَيْهِمْ رُسُلًا ۖ كُلَّمَا جَآءَهُمْ رَسُولٌۢ بِمَا لَا تَهْوَىٰٓ أَنفُسُهُمْ فَرِيقًا كَذَّبُواْ وَفَرِيقًا يَقْتُلُونَ ٧٠

"Sesungguhnya Kami telah mengambil perjanjian dari Bani Israel dan Kami telah utuskan rasul-rasul kepada mereka, tetapi setiap kali seseorang rasul datang kepada mereka membawa sesuatu yang tidak diingini oleh hawa nafsu mereka (nescaya mereka memusuhinya). Mereka dustakan sekumpulan rasul dan sekumpulan lagi mereka bunuh (70). Dan mereka menyangka bahawa mereka tidak akan ditimpa bencana (dengan sebab dosa mereka) lalu mereka menjadi buta dan pekak. Kemudian Allah menerima taubat mereka kemudian ramai dari mereka buta dan pekak kembali dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka."(71)

Ini adalah sejarah lama Bani Israel. Oleh itu sikap mereka terhadap Rasulullah s.a.w. (selaku Rasul Islam) bukanlah satu sikap yang awal dan akhir, kerana mereka telah biasa dengan sikap menentang dan menolak (da'wah), biasa dengan tindak-tanduk memungkiri perjanjian Allah, biasa bertuhankan hawa nafsu dan tidak mengikut agama Allah dan hidayat para rasul dan biasa mengerjakan dosa-dosa dan melakukan pencerobohan ke atas para penda'wah kebenaran dan para pejuang da'wah Allah:

لَقَدْ أَخَذْنَا مِيثَٰقَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَرْسَلْنَآ إِلَيْهِمْ رُسُلًا ۖ كُلَّمَا جَآءَهُمْ رَسُولٌۢ بِمَا لَا تَهْوَىٰٓ أَنفُسُهُمْ فَرِيقًا كَذَّبُواْ وَفَرِيقًا يَقْتُلُونَ ٧٠

"Sesungguhnya Kami telah mengambil perjanjian dari Bani Israel dan Kami telah utuskan rasul-rasul kepada mereka, tetapi setiap kali seseorang rasul datang kepada mereka membawa sesuatu yang tidak diingini oleh hawa nafsu mereka (nescaya mereka memusuhinya). Mereka dustakan sekumpulan rasul dan sekumpulan lagi mereka bunuh."(70)

Catatan sejarah Bani Israel dengan para nabi mereka penuh dengan pendustaan dan penolakan, penuh dengan pembunuhan dan pencerobohan dan penuh dengan tindak-tanduk berhakimkan kepada kehendak-kehendak hawa nafsu.

Mungkin kerana inilah Allah menceritakan kisah Bani Israel kepada umat Muslimin dengan panjang lebar dan terperinci supaya mereka menghindarkan diri mereka dari berkelakuan seperti Bani Israel dan supaya mereka berhati-hati (dan menjauhkan diri) dari tempat-tempat gelincir (yang telah menggelincirkan Bani Israel) atau supaya orang-orang Islam yang sedar dan berhubung rapat dengan Allah dapat memahami tempat-tempat gelincir itu atau supaya mereka mengambil contoh teladan dari nabi-nabi Bani Israel dalam menghadapi kesulitan-kesulitan yang telah dihadapi mereka, kerana generasi-generasi dari

keturunan umat Muslimin mungkin sampai kepada tahap Bani Israel itu apabila mereka dilalui zaman yang lama, di mana hati mereka menjadi keras dan menyebabkan mereka berhakim kepada kehendak-kehendak hawa nafsu, menolak hidayat Allah, mendustakan sekumpulan penda'wah kebenaran dan membunuh sekumpulan penda'wah yang lain sama seperti yang telah dilakukan oleh pelampau-pelampau Bani Israel di dalam sejarah mereka yang panjang itu.

Kaum Bani Israel telah melakukan semua dosa-dosa itu dengan sangkaan bahawa Allah tidak akan menyeksakan mereka dengan bala dan musibah dan tidak akan mengenakan balasan terhadap mereka. Mereka menyangka begitu kerana mereka terlupa kepada Sunnatullah dan kerana mereka tertipu dan terpesona dengan panggilan jolokan bahawa mereka adalah "umat pilihan Allah."

وَحَسِبُوٓاْ أَلَّا تَكُونَ فِتۡنَةٞ فَعَمُواْ وَصَمُّواْ

"Dan mereka menyangka bahawa mereka tidak akan ditimpa bencana (dengan sebab dosa mereka) lalu mereka menjadi buta dan pekak."(71)

Allah telah memadamkan cahaya penglihatan mereka dan menghapuskan pendengaran mereka menyebabkan mereka tidak dapat memahami sesuatu yang dilihat mereka dan tidak dapat mengambil manfa'at dari sesuatu yang didengari mereka:

ثُمَّ تَابَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡ

"Kemudian Allah menerima taubat mereka."(71)

dan menyelamatkan mereka dengan rahmat-Nya, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran dan tidak pula memanfa'atkan (pengalaman yang silam):

ثُمَّ عَمُواْ وَصَمُّواْ كَثِيرٞ مِّنۡهُمۡۚ وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ بِمَا
يَعۡمَلُونَ ٧١

"Kemudian ramai dari mereka buta dan pekak kembali dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan mereka."(71)

Allah akan membalas segala kejahatan mereka yang dilihat Allah dan mereka tidak akan terlepas dari balasan itu.

Cukuplah bagi orang-orang yang beriman mengetahui sejarah lama kaum Yahudi dan realiti mereka yang baru untuk menimbulkan di dalam hati mereka yang beriman perasaan benci untuk mengadakan hubungan setiakawan dengan mereka sebagaimana bencinya hati 'Ubadah ibn as-Samit dan tidak ada orang yang sanggup bersetiakawan dengan mereka melainkan hanya orang-orang Munafiqin seperti Abdullah ibn Ubay ibn Salul sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 72 - 77)

Itulah keadaan kaum Yahudi dari golongan Ahlil-Kitab. Adapun keadaan orang-orang Nasara pula, maka rangkaian ayat (yang berikut) akan menerangkan dengan jelas dan tegas sesuai dengan tabi'at surah ini dan dengan situasi yang sedang dibicarakan olehnya.

Sebelum ini, ayat-ayat dari surah ini juga telah menyifatkan orang-orang (Nasara) yang mengatakan bahawa Allah ialah al-Masih putera Maryam sebagai orang kafir dan kini (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an sekali lagi mengulangkan sifat kafir itu terhadap orang-orang Nasara yang mengatakan Allah itu tiga dari tiga (uqnum) dan mereka yang mengatakan Allah itu ialah al-Masih putera Maryam di samping menyebutkan keterangan 'Isa al-Masih a.s. sendiri bahawa mereka (yang beranggapan begitu) adalah kafir, juga menyebut amaran beliau kepada mereka supaya jangan memberi sifat Uluhiyah kepada yang lain dari Allah S.W.T. serta mengemukakan pengiktirafan beliau bahawa Allah ialah Tuhannya dan Tuhan mereka. Dan pada akhirnya Allah memberi amaran kepada mereka dari terus berpegang dengan anggapan-anggapan yang kafir yang telah dipercayakan oleh mereka, kerana anggapan-anggapan itu tidak akan dikatakan oleh orang-orang yang beriman kepada Allah dan berpegang dengan agama-Nya yang betul:

Kaum Ahlil-Kitab Diberi Amaran Supaya Meninggalkan Kepercayaan Mereka Yang Karut Mengenai Triniti

لَقَدۡ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡمَسِيحُ ٱبۡنُ مَرۡيَمَۖ وَقَالَ
ٱلۡمَسِيحُ يَٰبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمۡۖ
إِنَّهُۥ مَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِ ٱلۡجَنَّةَ
وَمَأۡوَىٰهُ ٱلنَّارُۖ وَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ أَنصَارٖ ٧٢
لَّقَدۡ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٖۘ وَمَا
مِنۡ إِلَٰهٍ إِلَّآ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۚ وَإِن لَّمۡ يَنتَهُواْ عَمَّا يَقُولُونَ
لَيَمَسَّنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۡهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٧٣
أَفَلَا يَتُوبُونَ إِلَى ٱللَّهِ وَيَسۡتَغۡفِرُونَهُۥۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ
رَّحِيمٞ ٧٤
مَّا ٱلۡمَسِيحُ ٱبۡنُ مَرۡيَمَ إِلَّا رَسُولٞ قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلِهِ ٱلرُّسُلُ
وَأُمُّهُۥ صِدِّيقَةٞۖ كَانَا يَأۡكُلَانِ ٱلطَّعَامَۗ ٱنظُرۡ كَيۡفَ
نُبَيِّنُ لَهُمُ ٱلۡأٓيَٰتِ ثُمَّ ٱنظُرۡ أَنَّىٰ يُؤۡفَكُونَ ٧٥
قُلۡ أَتَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَمۡلِكُ لَكُمۡ ضَرّٗا

وَلَا نَفْعًا وَٱللَّهُ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٧٦﴾
قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَا تَغْلُوا۟ فِى دِينِكُمْ غَيْرَ ٱلْحَقِّ وَلَا
تَتَّبِعُوٓا۟ أَهْوَآءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا۟ مِن قَبْلُ وَأَضَلُّوا۟ كَثِيرًا وَضَلُّوا۟
عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ﴿٧٧﴾

"Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan: Bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam, sedangkan al-Masih berkata: Wahai Bani Is-rael! Hendaklah kamu mengabdikan diri kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Sesungguhnya siapa yang mempersekutu Allah nescaya Dia mengharamkan Syurga kepadanya dan tempat kembalinya ialah Neraka dan orang-orang yang zalim sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong (72). Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu tiga dari tiga (uqnum), dan tiada tuhan yang lain melainkan hanya Tuhan Yang Maha Esa dan jika mereka tidak berhenti mengeluarkan perkataan itu nescaya orang-orang yang kafir dari mereka akan disentuh 'azab yang amat pedih (73). Apakah mereka tidak bertaubat kepada Allah dan memohon keampunan dari-Nya sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (74). Al-Masih putera Maryam itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang telah didahului sebelumnya oleh rasul-rasul yang lain dan ibunya adalah seorang wanita yang amat benar. Mereka berdua makan makanan. Perhatikanlah bagaimana Kami memberi keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka (Ahlil-Kitab) kemudian perhatikan pula bagaimana mereka diselewengkan (75). Katakanlah (Muhammad): Apakah kamu menyembah sesuatu yang lain dari Allah yang tidak berkuasa memberi mudharat dan manfa'at kepada kamu, sedangkan Allah Maha mendengar dan Maha Mengetahui (76). Katakanlah (Muhammad): Wahai Ahlil-Kitab! Janganlah kamu melampau-lampau dalam agama kamu secara yang tidak benar dan janganlah kamu mengikut kehendak nafsu orang-orang yang telah sesat sebelum ini dan menyesatkan pula ramai manusia dan mereka telah tersesat dari jalan yang lurus."(77)

Sebelum ini telah kami nyatakan secara ringkas bagaimana dan bilakah pendapat-pendapat yang sesat yang diputuskan oleh majlis-majlis perhimpunan para paderi itu meresap ke dalam 'aqidah Kristian yang dibawa oleh 'Isa a.s. selaku utusan dari Allah seperti saudara-saudaranya para rasul yang lain yang membawa ajaran tauhid yang bersih dari segala bayang syirik, kerana seluruh risalah Ilahi adalah datang untuk menegakkan ajaran tauhid di bumi dan menghapuskan kepercayaan syirik.

Sekarang kami ingin sebut secara ringkas persetujuan yang telah diputuskan oleh majlis-majlis perhimpunan para padri mengenai kepercayaan triniti dan ketuhanan al-Masih, juga perselisihan pendapat di antara majlis-majlis itu yang berlaku selepas itu sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

"Tersebut dalam kitab 'Susanah Sulaymam' karangan Naufal ibn Ni'matullah ibn Jirjis an-Nasrani: Aqidah kaum Nasara yang telah dipersetujui dengan kata sepakat oleh gereja-gereja dan menjadi dasar perlembagaan yang diterangkan oleh Council of Nicaea ialah beriman kepada satu tuhan, satu bapa pengawal segala sesuatu, pencipta langit dan bumi, baik yang boleh dilihat mahupun yang tidak boleh dilihat. Dan beriman kepada satu tuhan, satu Yasu' iaitu anak tunggal yang dilahirkan dari sang bapa sebelum zaman berzaman dari nur Allah. Dia Tuhan yang benar dari Tuhan yang benar. Dia dilahirkan bukan diciptakan. Dia sama dengan sang bapa dari segi jauhar yang dengannya wujudnya segala sesuatu. Kerana kita manusia dan kerana dosa kita dia turun dari langit. Dia menjelma dalam bentuk jasad dari Rohul-Quds dan dari Maryam at-'Azra' (dara sunti) dia menjelma menjadi manusia. Dia disalib kerana kita (manusia) di zaman Bilatis (Pilate)? Dia menderita kesakitan dan dikebumikan. Kemudian dia bangkit dari kalangan orang-orang yang mati itu pada hari yang ketiga mengikut keterangan kitab-kitab kemudian dia naik ke langit dan duduk di sebelah kanan Tuhan. Dan dia akan datang membawa kemuliaan untuk menghukum orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati. Dan kerajaannya kekal tidak musnah, juga berfirman kepada Rohul-Quds, Tuhan yang menghidup yang lahir dari sang bapa, yang mana dia bersama sang anak yang sujud kepadanya dan memuliakannya, juga Tuhan yang bercakap dengan para anbiya'."

"Ujar Dr. Post di dalam sejarah kitab suci: Tabi'at Allah adalah terdiri dari tiga uqnum yang sama, iaitu Allah sang bapa, Allah sang anak dan Allah Rohul-Quds. Kepada sang bapa dihubungkan para makhluk menerusi sang anak dan kepada sang anak dihubungkan penebus dosa dan kepada Rohul-Quds dihubungkan pembersihan diri."[29]

Memandang kepada kesukaran memahami uqnum-uqnum yang tiga dalam satu dan kesukaran mengumpulkan di antara tauhid dan triniti "Tiga Tuhan", maka penulis-penulis Kristian yang membicara masalah ketuhanan berusaha menangguhkan penelitian secara 'aqliyah dalam masalah ini, iaitu masalah yang ditolak oleh akal dari awal-awal lagi. Di antaranya ialah penulisan paderi Potter dalam laporan "Dasar-dasar Dan Cabang-cabang" di mana ia berkata: "Kita telah berusaha memahaminya sekadar kemampuan akal kita dan kita berharap dapat memahaminya lebih jelas lagi pada masa akan datang, di mana terbukanya hijab dari segala isi langit dan segala isi bumi. Adapun buat masa ini maka cukuplah dengan kadar yang telah kita memahaminya."[30]

---

[29] *Dipetik oleh al-Ustaz as-Syeikh Muhammad Ahmad Mustafa Abu Zuhrah dalam bukunya " محاضرات في النصرانية "*

[30] *Lihat buku "محاضرات في النصرانية".*

Tetapi Allah (dalam ayat yang berikut) menjelaskan bahawa semua, kepercayaan itu adalah kufur belaka, iaitu kepercayaan - sebagaimana telah kami bincangkan -ketuhanan al-Masih a.s. dan kepercayaan bahawa Allah itu adalah satu dalam tiga. Dan tidak ada lagi penjelasan yang lebih benar dari penjelasan Allah, kerana Allah berkata benar dan menunjukkan jalan yang betul:

لَقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ ۖ وَقَالَ ٱلْمَسِيحُ يَـٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبَّكُمْ ۖ إِنَّهُۥ مَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ ٱلْجَنَّةَ وَمَأْوَىٰهُ ٱلنَّارُ ۖ وَمَا لِلظَّـٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿٧٢﴾

"Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan: Bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam, sedangkan al-Masih berkata:" Wahai Bani Israel! Hendaklah kamu mengabdikan diri kepada Allah Tuhanku dan Tuhan kamu. Sesungguhnya siapa yang mempersekutukan Allah nescaya Dia mengharamkan Syurga kepadanya dan tempat kembalinya ialah Neraka dan orang-orang yang zalim sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong."(72)

Demikianlah al-Masih a.s. telah memberi amaran dan peringatan kepada mereka, tetapi mereka tidak mengambil peringatan dan akhirnya selepas beliau wafat meninggalkan mereka, segala apa yang diperingatkan kepada mereka telah berlaku kepada mereka dan akibatnya mereka akan diharamkan dari Syurga dan akan dimasukkan ke dalam Neraka. Mereka telah lupa kepada seruan al-Masih:

يَـٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبَّكُمْ ۖ

"Wahai Bani Israel! Hendaklah kamu mengabdikan diri kepada Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu."(72)

(Dalam ayat ini) beliau mengumumkan bahawa diri beliau dan diri mereka adalah sama-sama berada dalam martabat 'Ubudiyah kepada Rububiyah Allah Yang Maha Esa yang tidak mempunyai sekutu-sekutu.

Kemudian (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an mengumumkan keputusannya yang mencakup segala kepercayaan mereka yang kafir:

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَـٰثَةٍ

"Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu tiga dari tiga (uqnum)."(73)

Kemudian (dalam ayat yang berikut) ia menjelaskan hakikat yang menjadi tapak asas bagi semua 'aqidah yang dibawa oleh mana-mana rasul atau utusan dari Allah:

وَمَا مِنْ إِلَـٰهٍ إِلَّآ إِلَـٰهٌ وَٰحِدٌ

"Dan tiada tuhan yang lain melainkan hanya Tuhan Yang Maha Esa."(73)

Kemudian ia mengancam mereka dengan akibat buruk terhadap kekufuran yang dikata dan dipercayai oleh mereka:

وَإِن لَّمْ يَنتَهُوا۟ عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمَسَّنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

"Dan jika mereka tidak berhenti mengeluarkan perkataan-perkataan itu nescaya orang-orang yang kafir dari mereka akan disentuh 'azab yang amat pedih."(73)

Orang-orang yang kafir (yang disebut dalam ayat ini) ialah orang-orang yang tidak berhenti dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang dihukum oleh Allah sebagai perkataan-perkataan kafir yang terus-terang.

Kemudian (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an iringkan ancaman itu dengan galakan dan pemberangsangan:

أَفَلَا يَتُوبُونَ إِلَى ٱللَّهِ وَيَسْتَغْفِرُونَهُۥ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧٤﴾

"Apakah mereka tidak bertaubat kepada Allah dan memohon keampunan dari-Nya sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih"(74)

dengan tujuan untuk mengekalkan pintu taubat itu terbuka kepada mereka dan untuk menggalakkan mereka memohon keampunan dan rahmat dari Allah sebelum terluput waktunya. Kemudian (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an hadapi mereka dengan logik realiti yang betul semoga ia dapat mengembalikan mereka kepada kefahaman yang betul serta menyatakan kehairanan terhadap sikap mereka yang menolak logik ini setelah diterangkan dengan jelas:

مَّا ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ وَأُمُّهُۥ صِدِّيقَةٌ ۖ كَانَا يَأْكُلَانِ ٱلطَّعَامَ ۗ ٱنظُرْ كَيْفَ نُبَيِّنُ لَهُمُ ٱلْـَٔايَـٰتِ ثُمَّ ٱنظُرْ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٧٥﴾

"Al-Masih putera Maryam itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang telah didahului sebelumnya oleh rasul-rasul yang lain dan ibunya adalah seorang wanita yang amat benar. Mereka berdua makan makanan. Perhatikanlah bagaimana Kami memberi keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka (Ahlil-Kitab) kemudian perhatikan pula bagaimana mereka diselewengkan."(75)

Makan makanan adalah satu realiti di dalam hidup al-Masih a.s. dan bondanya Maryam as-Siddiqah. Ia adalah salah satu ciri dari ciri-ciri makhluk yang hidup yang bersifat baru. Ia adalah satu dalil yang membuktikan bahawa al-Masih dan bondanya adalah manusia atau ia adalah satu dalil yang membuktikan

sifat Nasut al-Masih mengikut istilah ilmu ketuhanan mereka. Tidak syak lagi bahawa tujuan makan makanan itu ialah untuk memenuhi keperluan jasmani dan tentulah orang yang memerlukan kepada makanan untuk hidup itu bukannya tuhan, kerana Allah hidup dengan zat-Nya, berdiri sendiri dengan zat-Nya dan kekal dengan zat-Nya dan tidak berkehendak kepada sesuatu yang lain. Dan tidak ada sesuatu yang baru yang masuk ke dalam zat-Nya atau keluar dari-Nya seperti makanan atau sebagainya.

Memandang kepada terang dan jelasnya logik realiti ini, iaitu satu logik yang tidak akan dipertikaikan oleh mana-mana manusia yang berakal, maka (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an membuat ulasan mengecam sikap mereka dan menyatakan kehairanannya terhadap perbuatan mereka yang menolak logik yang jelas ini.

انظُرْ كَيْفَ نُبَيِّنُ لَهُمُ الْآيَاتِ ثُمَّ انظُرْ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٧٥﴾

"Perhatikanlah bagaimana Kami memberi keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka (Ahlil-Kitab) kemudian perhatikan pula bagaimana mereka diselewengkan."(75)

Kebiasaan hidup secara manusia yang berlaku kepada al-Masih a.s. itu adalah menjadi punca kepenatan kepada orang-orang yang mahu menjadikan beliau selaku tuhan,di samping bertentangan dengan ajarannya, oleh kerana itu mereka memerlukan kepada adanya berbagai perdebatan dan perselisihan pendapat di sekitar masalah ketuhanan atau Uluhiyah al-Masih a.s. dan sifat Nasutnya (keinsanannya) itu sebagaimana kami telah terangkan sebelum ini dengan ringkas.

Sebagai mengikuti logik Al-Qur'an yang jelas ini dari sudut yang lain, maka Al-Qur'an mengemukakan kecaman ini:

قُلْ أَتَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا ۚ وَاللَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٧٦﴾

"Katakanlah (Muhammad): Apakah kamu menyembah sesuatu yang lain dari Allah yang tidak berkuasa memberi mudharat dan manfa'at kepada kamu, sedangkan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(76)

(Di dalam ayat ini) Allah dengan sengaja menggunakan kata "Maa" (sesuatu) sebagai ganti kata-kata "Man" (mereka) dengan tujuan untuk memasukkan semua jenis makhluk yang disembah manusia termasuk makhluk-makhluk yang berakal dalam satu barisan kerana Allah mahu menunjukkan hakikat sembahan-sembahan itu sebagai makhluk-makhluk ciptaan Allah yang baru yang amat jauh dari hakikat ketuhanan. Oleh itu 'Isa, Rohul-Quds dan Maryam semuanya termasuk di dalam kata-kata "Maa" (sesuatu) kerana mereka dan hakikat mereka adalah dari ciptaan Allah. Demikianlah pengungkapan ini memberi bayangan pengertiannya di tempat ini. Oleh itu amatlah jauh dan tidak wajar dijadikan makhluk-makhluk itu sebagai sembahan-sembahan, sedangkan mereka tidak berkuasa memberi kemudaratan dan kemanfa'atan kepada mereka.

"Sedangkan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(76)

Oleh kerana Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui, maka Dialah Yang berkuasa memberi kemudaratan dan kemanfa'atan di samping Dialah juga yang berkuasa memperkenankan do'a para hamba-Nya dan menerima ibadat atau pengabdian diri mereka kepadanya. Dialah yang mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam dada mereka dan segala niat yang wujud di sebalik do'a dan ibadat mereka. Adapun segala sesuatu yang lain (yang disembah manusia) maka mereka tidak berkuasa mendengar dan mengetahui dan tidak pula berdaya memperkenankan do'a.

Kemudian Al-Qur'an akhiri semuanya ini dengan satu seruan yang padat dan lengkap dan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya beliau menyampaikan seruan ini kepada kaum Ahlil-Kitab:

Kaum Ahlil-Kitab Diseru Meninggalkan Sikap Mereka Yang Pelampau Dalam Kepercayaan Agama

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِن قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَن سَوَاءِ السَّبِيلِ ﴿٧٧﴾

"Katakanlah (Muhammad): Wahai Ahlil-Kitab! Janganlah kamu melampau-lampau dalam agama kamu secara yang tidak benar dan janganlah kamu mengikut kehendak nafsu orang-orang yang telah sesat sebelum ini dan menyesatkan pula ramai manusia dan mereka telah tersesat dari jalan yang lurus."(77)

Sebenarnya dari sikap keterlaluan mengagung-agungkan 'Isa a.s. inilah yang menjadi punca munculnya segala macam 'aqidah yang menyeleweng, dan dari dorongan kehendak-kehendak nafsu pemerintah-pemerintah Roman yang menganut agama Kristian dan membawa masuk bersama mereka kepercayaan-kepercayaan paganisme dan dari dorongan kehendak-kehendak nafsu majlis-majlis perhimpunan para paderi Kristian yang bertelagah satu sama lain inilah juga yang menjadi punca masuknya segala kepercayaan-kepercayaan yang karut itu ke dalam agama Allah yang dibawa oleh al-Masih a.s. dan disampaikannya dengan kejujuran seorang rasul apabila beliau mengumumkan kepada mereka:

يَٰبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمۡۖ إِنَّهُۥ مَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدۡ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِ ٱلۡجَنَّةَ وَمَأۡوَىٰهُ ٱلنَّارُۖ وَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنۡ أَنصَارٖ ﴿٧٢﴾

"Wahai Bani Israel! Hendaklah kamu mengabdikan diri kepada Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu. Sesungguhnya sesiapa yang mempersekutukan Allah nescaya Dia mengharamkan Syurga kepadanya dan tempat kembalinya ialah Neraka dan orang-orang yang zalim sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong."(72)

Seruan yang baru ini merupakan seruan penyelamat yang terakhir bagi kaum Ahlil-Kitab untuk mengeluarkan mereka dari arus penyelewengan-penyelewengan, pertelingkahan-pertelingkahan dan dorongan-dorongan hawa nafsu yang diharungi oleh mereka yang sesat dan menyesatkan orang ramai sebelum ini. Mereka telah sesat dari jalan yang lurus.

* * * * * *

Pada bahagian ayat-ayat yang diakhiri dengan seruan ini kita berdepan dengan tiga hakikat yang besar yang elok diketahui oleh kita secara ringkas.

Hakikat yang pertama ialah hakikat usaha yang sangat besar yang dicurahkan oleh sistem hidup Islam untuk membetulkan kefahaman iktiqad dan menegakkannya di atas dasar tauhid yang mutlaq, iaitu membersihkan kefahaman itu dari segala kekarutan kepercayaan paganisme dan kepercayaan syirik yang telah merosakkan 'aqidah kaum Ahlil-Kitab, juga memperkenalkan hakikat Uluhiyah kepada manusia dan menentukan ciri-ciri Uluhiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan sekaligus membersihkan manusia dan seluruh makhluk yang lain dari segala ciri Uluhiyah.

Perhatian yang sedemikian berat dan serius untuk membetulkan kefahaman i'tiqad dan membangunkannya di atas dasar tauhid yang kamil dan tegas itu membuktikan betapa pentingnya pembetulan ini dan betapa pentingnya kefahaman i'tiqad dalam pembinaan kehidupan insaniyah dan kebaikannya di samping menunjukkan betapa besarnya pandangan Islam terhadap 'aqidah selaku tapak asas dan paksi bagi segala aktiviti dan perhubungan manusia.

Hakikat yang kedua ialah pengumuman Al-Qur'anul-Karim bahawa orang yang mengatakan Allah ialah al-Masih putera Maryam atau mengatakan Allah ialah ketiga dari tiga (uqnum) sebagai orang-orang kafir. Oleh itu seorang Mus-lim tidak seharusnya membuat keputusan yang lain selepas keputusan Allah dan ia tidak berhak lagi menganggapkan orang-orang yang mengeluarkan perkataan-perkataan itu sebagai orang-orang yang berpegang dengan agama Allah, sedangkan Allah telahpun menjelaskan bahawa mereka telah menjadi kafir dengan sebab perkataan-perkataan itu.

Apabila Islam - sebagaimana telah kami katakan -tidak memaksa sesiapa pun meninggalkan agamanya supaya memeluk agama Islam, maka dalam waktu yang sama juga Islam tidak menamakan agama yang dipegang oleh orang-orang yang bukan Muslim itu sebagai agama yang diredhai Allah, malah di sini Allah mengumumkan dengan terus-terang bahawa kepercayaan-kepercayaan yang dipegang mereka itu adalah kepercayaan-kepercayaan yang kafir dan kepercayaan-kepercayaan yang kafir itu sudah tentu tidak akan menjadi agama yang diredhai Allah.

Hakikat yang ketiga yang dilandaskan di atas dua hakikat yang lepas ialah hubungan setiakawan dan hubungan saling bantu membantu tidak boleh diadakan di antara seseorang Ahlil-Kitab dengan seseorang Muslim yang beriman kepada wahdaniyah Allah sebagaimana yang dibawa oleh Islam dan percaya pula bahawa agama Islam dalam bentuknya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. merupakan satu-satunya agama yang diredhai di sisi Allah.

Oleh sebab itu omongan-omongan mengenai gagasan kerjasama dan saling bantu membantu di antara penganut-penganut agama-agama samawi untuk menentang arus kepercayaan tidak bertuhan itu sebagai omongan yang tidak mempunyai apa-apa erti mengikut kacamata Islam, kerana apabila kepercayaan-kepercayaan itu telah berbeza sedemikian jelas, maka sudah tentu tidak ada ruang lagi untuk mencari titik-titik pertemuan dalam bidang-bidang yang lain dari bidang kepercayaan kerana segala sesuatu dalam hidup ini menurut pandangan Islam adalah pertama-tamanya ditegakkan di atas asas kepercayaan atau 'aqidah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 81)

Pendirian Para Nabi Terhadap Bani Israel

Pada akhirnya ayat yang berikut mengemukakan satu laporan lengkap mengenai pendirian para anbiya' Bani Israel terhadap orang kafir dari Bani Israel di sepanjang sejarah yang digambarkan dalam pendirian Nabi Daud dan Nabi 'Isa a.s., yang mana kedua-duanya telah mengutuk orang-orang kafir dari Bani Israel dan kutukan itu telah diperkenankan Allah dengan sebab penderhakaan dan pencerobohan mereka, juga dengan sebab keruntuhan sosial mereka dan sikap mereka yang berdiam diri dan menutup mulut terhadap kemungkaran-kemungkaran yang berkembang di kalangan mereka tanpa bertindak melarang dan mencegahkannya, juga dengan sebab mereka mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang yang kafir. Oleh sebab inilah mereka menerima kemurkaan dan kutukan Allah dan ditulis kekal di dalam 'azab Neraka.

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۢ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبۡنِ مَرۡيَمَۚ ذَٰلِكَ بِمَا

عَصَوا وَّكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾

كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

تَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَّوْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَبِئْسَ مَا قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنفُسُهُمْ أَن سَخِطَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَفِي الْعَذَابِ هُمْ خَالِدُونَ ﴿٨٠﴾

وَلَوْ كَانُوا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالنَّبِيِّ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مَا اتَّخَذُوهُمْ أَوْلِيَاءَ وَلَٰكِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ فَاسِقُونَ ﴿٨١﴾

"Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam. Laknat yang sedemikian disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka menceroboh (78). Dan kerana mereka tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya amat buruk segala perbuatan yang dilakukan mereka (79). Engkau dapat melihat kebanyakan mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir (kaum Musyrikin Arab). Sesungguhnya amatlah buruk akibat yang mereka sediakan untuk diri mereka, iaitu mereka dimurkai Allah dan mereka akan kekal di dalam 'azab (80). Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq."(81)

Demikianlah ternyata bahawa Bani Israel mempunyai sejarah yang amat tua dalam bidang kekafiran, penderhakaan dan kutukan dan bahawa para nabi yang diutuskan untuk memberi hidayat dan menyelamatkan mereka (dari kesesatan) pada akhirnya mereka sendiri yang mengutuk dan melaknatkan Bani Israel agar terusir dari hidayat Allah dan Allah telah mengabulkan do'a mereka dan mengenakan kemurkaan dan laknat ke atas Bani Israel.

Orang-orang yang kafir dari Bani Israel itu ialah orang-orang yang mengubah pindakan kitab-kitab yang diturunkan Allah kepada mereka dan tidak berhakimkan kepada syari'at Allah - sebagaimana telah disentuh di tempat-tempat yang lain di dalam surah ini dan surah-surah yang lain - dan membatalkan perjanjian mereka dengan Allah bahawa mereka akan menolong, menyokong dan mengikut setiap rasul:

ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا وَّكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾

"Laknat yang sedemikian disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka menceroboh."(78)

Itulah penderhakaan dan pencerobohan mereka yang tergambar di dalam 'aqidah dan perilaku mereka. Dan sejarah Bani Israel adalah penuh dengan tindak-tanduk menderhaka dan menceroboh sebagaimana telah dihuraikan Allah dalam kitab suci-Nya yang mulia.

Tindak-tanduk menderhaka dan menceroboh itu bukan hanya sekadar menjadi amalan individu-individu sahaja, tetapi akhirnya telah melangkau menjadi ciri kelompok Bani Israel seluruhnya, yang mana masyarakat mereka mengambil sikap membungkam seribu bahasa terhadap perbuatan-perbuatan yang mungkar itu dan tidak bertindak melarang dan membantahkannya:

كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

"Dan kerana mereka tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya amat buruk segala perbuatan yang dilakukan mereka."(79)

Penderhakaan dan pencerobohan mungkin berlaku dalam setiap masyarakat dari golongan penjahat-penjahat, perosak-perosak dan penyeleweng-penyeleweng, kerana bumi ini tidak suci dari kejahatan dan masyarakat juga tidak suci dari keganjilan-keganjilan tetapi tabi'at masyarakat yang baik tidak membenarkan kejahatan dan kemungkaran menjadi tradisi yang dipersetujui umum, iaitu menjadi jalan yang mudah dan berani dilakukan oleh siapa sahaja yang ingin melakukannya. Apabila perlakuan kejahatan lebih sukar dari perlakuan kebaikan di dalam mana-mana masyarakat dan apabila hukuman terhadap kejahatan menjadi hukuman yang benar-benar menjerakan dan bersifat kolektif, di mana seluruh anggota masyarakat bangkit menentang kejahatan dan mengenakan balasan yang memeritkan, maka di waktu itu kejahatan dengan sendirinya akan tersisih dan dorongan-dorongan ke arahnya menjadi lemah. Di waktu itu masyarakat akan menjadi kukuh dan padu, kerosakan dan kebejatan akan terkurung dalam kalangan individu-individu atau dalam kumpulan-kumpulan kecil yang diburu oleh masyarakat dan mereka tidak dapat lagi menguasai masyarakat dan di waktu itu kejahatan tidak dapat berkembang dan menjadi ciri umum.

Sistem Islam yang membentangkan sejala-gejala kejahatan yang berlaku di dalam masyarakat Israel dalam bentuk cemuhan dan ancaman ini adalah bertujuan supaya kelompok Muslimin mempunyai entiti yang dinamik, padu, kukuh dan dapat membasmikan gejala-gejala awal pencerobohan dan penderhakaan sebelum berkembang menjadi gejala umum. Ia bertujuan supaya masyarakat Islam menjadi

kuat dalam mempertahankan kebenaran dan sensitif terhadap pencerobohan yang dilakukan ke atasnya, juga bertujuan supaya pihak berkuasa yang menjaga dan mengawal agama menunaikan segala amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan jujur, iaitu mereka harus berdiri menentang kejahatan, kerosakan, kezaliman dan pencabulan tanpa takut dan gentar kepada sebarang kecaman dan cemuhan sama ada kejahatan itu dilakukan oleh pemerintah-pemerintah yang memerintah dengan sewenang-wenang atau dilakukan oleh hartawan-hartawan yang bermaharajalela dengan kekayaan mereka atau dilakukan oleh golongan-golongan penjahat atau dilakukan oleh orang ramai yang terkongkong kepada hawa nafsu, kerana peraturan Allah tetap peraturan Allah dan semua pihak yang melanggar peraturan ini, sama ada dari golongan atasan atau dari golongan bawahan adalah sama sahaja.

Islam menekan kuat terhadap kewajipan menunaikan amanah dan mengenakan hukuman ke atas seluruh anggota kelompok apabila mereka mengambil sikap berdiam diri dan menutup mulut terhadap kemungkaran. Islam meletakkan tanggungjawab ini di atas leher setiap individu setelah meletakkannya di atas leher kelompok umumnya.

Mengikut riwayat al-Imam Ahmad dengan isnadnya daripada Abdullah ibn Mas'ud katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لما وقعت بنو إسرائيل في المعاصي نهتهم علماؤهم فلم ينتهوا فجالسوهم في مجالسهم وواكلوهم وشاربوهم فضرب الله بعضهم ببعض ولعنهم على لسان داود وعيسى ابن مريم (ذلك بما عصوا وكانوا يعتدون)

"Apabila Bani Israel terjerumus ke dalam maksiat, maka mereka telah dilarang oleh ulama'-ulama' mereka, tetapi mereka tidak juga berhenti (melakukan maksiat-maksiat) kemudian ulama'-ulama' itu duduk bersama-sama mereka di dalam majlis-majlis mereka dan makan minum bersama mereka, lalu Allah cantumkan mereka satu sama lain dan laknatkan mereka di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam. (Laknat yang sedemikian disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka menceroboh)."

Rasulullah (ketika itu) sedang bersandar lalu beliau duduk sambil bersabda:

ولا والذي نفسي بيده حتى تأطروهم على الحق أطرا

"Tidak boleh begitu, demi Allah yang nyawaku berada di tangan-Nya (kamu tidak boleh membiarkan orang-orang yang melakukan maksiat) sehingga kamu bertindak bersungguh-sungguh melontarkan mereka agar tunduk kepada ajaran yang benar."

Mengikut riwayat Abu Daud pula dengan isnadnya dari Abdullah ibn Mas'ud katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن أول ما دخل النقص على بني إسرائيل أنه كان الرجل يلقى الرجل ، فيقول: يا هذا اتق اللهّ ودع ما تصنع فإنه لا يحل لك، ثم يلقاه من الغد فلا يمنعه ذلك أن يكون اكيله وشريبه وقعيده. فلما فعلوا ذلك ضرب الله قلوب بعضهم ببعض ،

"Awal-awal kelemahan (atau kegagalan) yang menimpa Bani Israel ialah mula-mula seorang dari mereka datang menemui seorang yang lain (yang melakukan maksiat) dan terus menegur: 'Hai awak! Bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkan maksiat ini kerana ia tidak dihalalkan kepada awak. 'Kemudian apabila ia datang pula menemuinya pada keesokan hari, maka ia merasa tidak ada apa-apa halangan untuk makan minum dan duduk bersama orang itu. Apabila mereka berbuat begitu maka Allah cantumkan hati mereka satu sama lain."

Kemudian beliau membaca:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۚ

"Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam.(78) – sehingga akhir ayat (81) -

وَلَوْ كَانُوا۟ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلنَّبِىِّ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مَا ٱتَّخَذُوهُمْ أَوْلِيَآءَ وَلَٰكِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٨١﴾

"Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq(81).

Kemudian beliau bersabda:

كلا و الله لتأمرن بالمعروف، ولتنهون عن المنكر، ولتأخذن على يد الظالم ولتأطرنه على الحق أطراً ، أولتقصرنه على الحق قصراً

"Tidak boleh dibiarkan begitu! Demi Allah, hendaklah kamu menyuruh orang melakukan perkara yang ma'ruf dan hendaklah kamu melarang mereka melakukan perkara yang mungkar, hendaklah kamu menahan tangan orang yang zalim dan hendaklah kamu berusaha melontarkannya dengan sungguh-sungguh agar tunduk kepada ajaran yang benar atau memaksakannya dengan sungguh-sungguh mengikut ajaran yang benar."

Dasar Al-Amru Bil-Ma'ruf Dan Nahyu Anil-Munkar

Ini bukannya semata-mata menyuruh dan melarang kemudian selesai segala masalah, malah kejahatan, kerosakan, maksiat dan pencabulan itu pastilah ditentang dengan gigih dan berterusan, ditentang dengan pemulauan dan pencegahan dengan menggunakan kekuatan.

Menurut riwayat Muslim dengan isnadnya daripada Abi Sa'id al-Khudri katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

من رأى منكم منكرًا فليغيره بيده، فإن لم يستطع فبلسانه، فإن لم يستطع فبقلبه.. وذلك أضعف الإيمان

"Barang siapa yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia ubahkannya dengan tangannya, jika ia tidak berdaya, maka hendaklah ia ubahkannya dengan lidahnya dan jika ia tidak berdaya juga, maka hendaklah ia ubahkannya dengan hatinya maka itulah iman yang paling lemah."

Menurut riwayat al-Imam Ahmad dengan isnadnya daripada 'Adi ibn 'Umayrah katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

إن الله لا يعذب العامة بعمل الخاصة، حتى يروا المنكر بين ظهرانيهم، وهم قادرون على أن ينكروه، فلا ينكرون. فإذا فعلوا عذب الله العامّة والخاصّة

"Sesungguhnya Allah tidak mengazabkan orang ramai dengan sebab perbuatan (kemungkaran) orang-orang yang tertentu sehingga mereka melihat kemungkaran itu berleluasa di kalangan mereka, sedangkan mereka berkuasa bertindak mengingkar-kannya, tetapi mereka tidak mengingkar-kannya. Apabila mereka berbuat begitu nescaya Allah 'azabkan orang ramai bersama-sama orang-orang yang tertentu (yang melakukan kemungkaran itu)."

Mengikut riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi dengan isnadnya daripada Abu Sa'id katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.

أفضل الجهاد كلمة حق عند إمام جا ئر

"Jihad yang paling utama ialah (kesanggupan) mengeluarkan perkataan yang benar di hadapan pemerintah yang zalim."

Banyak lagi terdapat ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith-hadith Nabawi yang memperkatakan perkara ini, kerana perpaduan kelompok (dalam menghadapi pertumbuhan kemungkaran di dalam masyarakat), di mana tiada seorang pun boleh berdalih apabila melihat sesuatu kemungkaran yang dilakukan oleh orang lain: Apa ada kena mengena dengan saya? Semangat keghairahan menentang kerosakan akhlak di dalam masyarakat, di mana tiada seorang pun boleh berdalih apabila melihat kerosakan itu berkembang dalam masyarakat: "Saya nak buat apa. Ia akan menyusahkan saya sahaja jika saya tentang kerosakan ini," dan perasaan cemburu terhadap perkara-perkara yang suci di sisi Allah dan perasaan bertanggungjawab secara langsung untuk memelihara dan mempertahankannya supaya terselamat dari kemurkaan Allah adalah merupakan tapak asas tegaknya kelompok Muslimin.

Semuanya ini memerlukan kepada wujudnya keimanan yang tulen terhadap Allah, kepada wujudnya pengetahuan yang mengenal tugas-tugas keimanan, kepada wujudnya kefahaman yang betul terhadap sistem Ilahi, kepada wujudnya pengetahuan yang menyedari bahawa sistem Ilahi itu adalah merangkumi segala aspek kehidupan, kepada adanya kesungguhan berpegang teguh dengan 'aqidah dan kepada adanya kesungguhan perjuangan untuk menegakkan sistem hidup yang terpancar dari 'aqidah ini dalam kehidupan masyarakat seluruhnya, kerana masyarakat Islam yang mengambil undang-undang dan peraturannya dari syari'at Allah dan menegakkan kehidupannya di atas sistem Allah itulah satu-satunya masyarakat yang meluangkan kepada seseorang Muslim mengamalkan hakikat al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar dengan cara yang tidak lagi menjadikan amalan ini sebagai amalan individu yang hilang di dalam arus dan gelombang atau sebagai amalan yang tidak mungkin dilaksanakan di dalam kebanyakan waktu sebagaimana yang berlaku di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah yang wujud pada hari ini di merata penjuru bumi, iaitu masyarakat yang menegakkan kehidupannya di atas tradisi-tradisi dan istilah-istilah sosial yang memandang hina kepada perbuatan campurtangan dalam urusan orang lain dan memandang perbuatan-perbuatan fasiq, kelakuan-kelakuan yang menyeleweng dan amalan-amalan maksiat sebagai. "persoalan-persoalan peribadi yang tidak wajar dicampurtangan oleh orang lain, di samping ia menggunakan kezaliman, keganasan, pencabulan dan pencerobohan sebagai pedang ancaman untuk menutup mulut, mengikat lidah dan menindas orang-orang yang berani berkata benar dan berani menyuruh kuasa yang zalim melakukan amalan yang ma'ruf.

Usaha-usaha yang gigih dan pengorbanan-pengorbanan yang luhur pertama-tama harus ditujukan lebih dahulu untuk menegakkan masyarakat yang baik, iaitu masyarakat yang ditegakkan di atas sistem Allah sebelum usaha-usaha dan pengorbanan itu di-salurkan kepada tujuan-tujuan mengadakan reformasi-reformasi yang bersifat juzukan, keperibadian dan keindividuan dengan perantaraan al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar.

Usaha-usaha yang bersifat juzukan tidak memberi apa-apa faedah andainya seluruh masyarakat telah rosak dan jahiliyah telah berleluasa dan andainya masyarakat itu ditegakkan di atas satu sistem yang bukan dari sistem Allah dan menggunakan undang-undang dan peraturan yang lain dari syari'at Allah. Di waktu ini usaha dan perjuangan pastilah dimulakan dari tapak asas dan digerakkan pertumbuhannya dari akar umbinya lagi. Seluruh usaha dan perjuangan pastilah ditumpukan untuk menegakkan kuasa Allah di bumi apabila kuasa ini telah mencapai kemantapannya, maka perjuangan al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar akan menjadi satu perjuangan yang mempunyai sesuatu asas yang kukuh.

Gerakan ini memerlukan kepada keimanan. Ia memerlukan kepada kefahaman yang betul terhadap keimanan dan bidang fungsinya di dalam sistem hidup. Oleh itu keimanan yang mencapai tahap inilah yang membuat seseorang itu meletak seluruh pergantungannya kepada Allah dan menaruh seluruh kepercayaan bahawa Allah tetap akan menolong orang yang baik - walau sejauh mana sekalipun jalan perjuangan itu. Keimanan yang mencapai tahap ini membuat seseorang itu hanya mengharapkan pahala dari Allah sahaja. Oleh kerana itu orang yang memikul

tugas perjuangan ini tidak mengharapkan ganjaran di bumi, tidak mengharapkan penghargaan dari masyarakat yang sesat dan seterusnya tidak mengharapkan pertolongan dari pendokong-pendokong jahiliyah dari mana-mana tempat sekalipun.

Segala nas Al-Qur'an dan hadith Nabawi yang menyebut al-Amru bil-ma'ruf dan anNahyu 'anil-munkar adalah memperkatakan tentang kewajipan seseorang Mus-lim di dalam masyarakat Islam, iaitu masyarakat yang dari awal-awal lagi mengiktirafkan kuasa Allah dan berhakim kepada syari'at Allah walaupun di dalam masyarakat ini kadang-kadang berlaku kezaliman pemerintah dan kadang-kadang perlakuan dosa berkembang luas. Demikianlah gambaran yang kita dapati dalam hadith Rasulullah s.a.w. (yang berikut):

أفضل الجهاد كلمة حق عند إمام جائر

"Jihad yang paling utama ialah (kesanggupan) mengeluarkan perkataan yang benar di hadapan pemerintah yang zalim."

Orang yang disebut di dalam hadith ini ialah seorang "Imam" (pemerintah) dan dia tentu tidak boleh menjadi pemerintah Islam melainkan dari awal-awal lagi dia mengiktirafkan kuasa Allah dan berhakimkan syari'at Allah, kerana pemerintah yang tidak berhakimkan syari'at Allah tidak dipanggil imam, malah ia dipanggil oleh Allah S.W.T. dengan panggilan:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

"Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir."(44)

Adapun masyarakat-masyarakat jahiliyah yang tidak berhakimkan syari'at Allah, maka kemungkaran yang paling besar dan paling penting di dalam masyarakat ini ialah kemungkaran yang mencetuskan segala kemungkaran yang lain. Kemungkaran itu ialah kemungkaran sikap masyarakat ini yang menolak Uluhiyah Allah dengan menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia itu. Inilah kemungkaran besar, asasi dan pokok yang wajib disangkal dan ditolak sebelum bertindak menolak kemungkaran-kemungkaran kecil yang lain, iaitu kemungkaran-kemungkaran yang mengikut kemungkaran yang paling besar itu atau menjadi cawangannya dan gejalanya.

Tidak ada gunanya membuang tenaga orang ramai yang baik dan soleh dalam usaha menentang kemungkaran-kemungkaran kecil yang lahir dari kemungkaran yang pertama, iaitu kemungkaran menunjukkan keangkuhan dan kebiadaban terhadap Allah dan penolakan terhadap Uluhiyah Allah dengan menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia itu. Ya, memang tidak dapat dipertikaikan lagi tidak ada gunanya membuang tenaga dalam usaha menentang kemungkaran-kemungkaran kecil yang merupakan kehendak-kehendak yang lazim atau merupakan hasil-hasil tabi'i yang buruk dari kemungkaran yang pertama itu.

Tetapi kepada siapa kita harus berhakim dan menghukumkan kemungkaran-kemungkaran yang dilakukan oleh manusia itu? Dan apakah neraca yang harus digunakan untuk menimbang perbuatan-perbuatan mereka dan memutuskan bahawa ini perbuatan mungkar dan hendaklah kamu jauhinya? Kini andainya anda berkata: ini perbuatan mungkar, maka berpuluh-puluh orang di sana sini akan datang kepada anda dan menyangkal pendapat anda: Tidak, ini bukannya perbuatan mungkar. Memang benar di zaman silam ia dianggap mungkar, tetapi kini dunia telah berubah, masyarakat telah maju, pandangan-pandangan dan pendekatan-pendekatan manusia telah berbeza.

Kini jelaslah bahawa kita memerlukan satu neraca yang tetap untuk dijadikan rujukan apabila hendak mempertimbangkan perbuatan-perbuatan manusia dan kita memerlukan nilai-nilai yang teraku untuk dijadikan kayu ukur ketika menilaikan perbuatan-perbuatan ma'ruf dan perbuatan-perbuatan mungkar. Tetapi dari mana kita hendak mengambil nilai-nilai ini? Dari mana kita hendak membawa neraca ini?

Apakah kita harus mengambilnya dari penilaian-penilaian orang ramai, dari tradisi-tradisi dan kehendak-kehendak hawa nafsu mereka yang berubah-ubah dan tidak pernah tetap di atas satu keadaan? Andainya kita mengambil nilai-nilai itu dari sini kita akan berakhir dengan mengharungi padang belantara dan tersesat di sana tanpa pemandu dan kita akan hanyut di dalam arus dan gelombang tanpa berpedoman.

Oleh sebab itu dari awal-awal lagi kita pasti tegakkan satu neraca tetap yang tidak terumbang-ambing mengikut kehendak-kehendak hawa nafsu.

Neraca yang tetap teguh itu ialah neraca Allah.

Apakah yang akan terjadi andainya masyarakat dari awal-awal lagi tidak mengiktirafkan kuasa Allah? Apakah yang akan berlaku andainya masyarakat tidak berhakimkan syari'at Allah? Malah apakah yang akan berlaku andainya masyarakat mengejek, mempermain-main, menolak dan menyangkal seruan penda'wah-penda'wah yang mengajaknya kepada sistem Allah?

Bukankah membuang tenaga percuma dan bukankah perbuatan sia-sia andainya anda bangkit dalam masyarakat yang seperti ini untuk mengajak orang ramai melakukan perbuatan ma'ruf dan melarang mereka dari perbuatan mungkar dalam urusan-urusan kehidupan yang kecil dan sampingan sahaja, di mana neraca-neraca, nilai-nilai, fikiran dan kehendak-kehendak hawa nafsu mempunyai pandangan yang berlain-lainan?

Secara dasar satu persetujuan pastilah diwujudkan untuk memperakui sesuatu peraturan, neraca pertimbangan, kuasa dan pihak yang menjadi rujukan apabila berlaku perbezaan fikiran, pendapat dan kehendak-kehendak hawa nafsu.

Tindakan menyuruh melakukan perbuatan ma'ruf yang paling besar pasti dilancarkan, iaitu perbuatan ma'ruf yang mengiktirafkan kuasa Allah dan sistem hidup Allah dan tindakan melarang perbuatan mungkar yang paling besar juga pastilah dilancarkan, iaitu perbuatan mungkar yang menolak Uluhiyah Allah dengan menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia. Apabila tapak asas selesai dibina, barulah bangunan boleh ditegakkan. Kini selamatkan tenaga-tenaga dan usaha-usaha yang berselerak itu dari terbuang sia-sia, malah seluruh tenaga harus digemblengkan di satu front sahaja untuk menyediakan tapak asas untuk ditegakkan bangunan.

Kadang-kadang seseorang merasa kasihan dan takjub terhadap golongan orang-orang yang baik yang mengorbankan tenaga mereka dalam melancarkan gerakan al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar dalam persoalan-persoalan kehidupan yang juz'i atau cabangan sahaja (furu'), sedangkan persoalan akar umbi yang menjadi asas kehidupan masyarakat Islam dan asas al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar itu sendiri adalah terputus!

Oleh itu apakah cukup anda melarang orang ramai dari memakan harta haram dalam sebuah masyarakat yang seluruh sistem ekonominya ditegakkan di atas sistem riba dan menyebabkan seluruh hartanya menjadi haram di samping menyebabkan seseorang tidak dapat makan dari harta yang halal kerana seluruh sistem sosial dan ekonominya tidak ditegakkan di atas syari'at Allah, kerana masyarakat ini dari awal-awal lagi menolak Uluhiyah Allah dengan menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia itu?

Apakah cukup anda melarang orang ramai dari melakukan perbuatan yang fasiq - misalnya - dalam sebuah masyarakat, di mana undang-undangnya tidak menganggap zina sebagai perbuatan jenayah kecuali dalam kes paksaan dan sehingga dalam kes paksaan ini juga ia tidak menghukumkannya dengan syari'at Allah, kerana masyarakat ini dari awal-awal lagi menolak Uluhiyah Allah apabila ia menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia ini?

Apakah cukup anda melarang orang ramai dari mabuk dalam sebuah masyarakat yang undang-undangnya menghalalkan minum arak dan ia tidak mengenakan hukuman kecuali dalam kes mabuk yang terang di tengah jalan raya dan dalam kes ini juga ia tidak menghukumkan dengan hukum hudud Allah, kerana dari awal lagi ia tidak mengiktirafkan kuasa Hakimiyah Allah.

Apakah cukup anda melarang orang ramai dari memaki agama dalam sebuah masyarakat yang tidak mengiktirafkan kuasa Allah dan tidak menyembah Allah, malah menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah, iaitu tuhan-tuhan yang memberi dan menetapkan undang-undang, peraturan-peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan kepadanya, sedangkan orang yang memaki dan orang yang dimaki kedua-duanya tidak mengikut agama Allah belaka, malah kedua-duanya dan seluruh anggota masyarakat kedua-duanya adalah mengikut agama tuhan-tuhan (palsu) yang lain yang memberi dan menetapkan undang-undang, peraturan-peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan kepada mereka?

Apakah cukup (dilancar gerakan) al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar dalam keadaan-keadaan yang seperti ini? Apakah cukup melarang orang ramai dari melakukan dosa-dosa yang besar apatah lagi dosa-dosa yang kecil, sedangkan dosa yang paling besar tidak dilarang, iaitu dosa kekafiran terhadap Allah dengan sebab menolak sistem hidup Ilahi?

Persoalan ini adalah lebih besar, lebih luas dan lebih mendalam dari usaha-usaha, tenaga-tenaga dan perhatian yang dicurahkan oleh golongan (pengislah-pengislah) yang baik, kerana yang menjadi persoalan di peringkat ini bukannya mengesan dan mengambil berat tentang persoalan-persoalan cabangan, biarpun bagaimana besarnya sekalipun persoalan yang bersangkut dengan usaha menegakkan hukum-hukum hudud Allah, kerana hukum-hukum hudud Allah ini dari segi dasarnya adalah ditegakkan di atas pengiktirafan terhadap kuasa hakimiyah (kehakiman) Allah sahaja dan andainya pengiktirafan itu belum menjadi kenyataan dalam bentuk menganggapkan syari'at Allah sebagai satu-satunya sumber perundangan dan menganggapkan Rububiyah Allah, pengurusan dan pentadbiran-Nya sebagai satu-satunya sumber kuasa, maka segala usaha dalam persoalan-persoalan cabangan itu adalah sia-sia dan percuma sahaja, sedangkan kemungkaran yang paling besar itulah kemungkaran yang lebih wajar diutamakan dari kemungkaran-kemungkaran yang lain dan lebih wajar dicurahkan segala daya dan usaha.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

من رأى منكم منكرًا فليغيره بيده، فإن لم يستطع فبلسانه،
فإن لم يستطع فبقلبه وذلك أضعف الإيمان

"Barang siapa yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia ubahkannya dengan tangannya, jika ia tidak berdaya, maka hendaklah ia ubahkannya dengan lidahnya dan jika ia tidak berdaya juga, maka hendaklah ia ubahkannya dengan hatinya dan itulah iman yang paling lemah."

Mungkin orang-orang Islam akan dilalui satu zaman, di mana mereka bukan sahaja tidak berdaya mengubahkan kemungkaran dengan tangan mereka, tetapi juga tidak berdaya mengubahkannya dengan lidah mereka, dan yang tinggal pada mereka hanya iman yang paling lemah sahaja, iaitu kesanggupan mengubahkan kemungkaran dengan hati mereka sahaja dan di tahap ini tiada siapa yang boleh menghalangi hati mereka jika mereka benar-benar beriman kepada Islam.

Ini bukannya satu sikap negatif dalam menentang kemungkaran sebagaimana yang mungkin dilihat pada seimbas pandang, kerana pengungkapan Rasulullah s.a.w. yang menggunakan kata-kata "pengubahan" itu menunjukkan bahawa ianya adalah satu tindakan yang bersifat positif. Sebenarnya tindakan menentang dan membantah dengan hati itu adalah bererti bahawa hati itu tetap memelihara sifat tentangannya yang positif terhadap kemungkaran, iaitu ia tetap membantah dan membencikan kemungkaran, ia tidak akan menyerah kalah kepada kemungkaran dan ia tidak akan memandang kemungkaran itu mempunyai sebarang kedudukan yang legal yang dihormati dan diakui. Oleh itu tentangan hati terhadap sesuatu kedudukan yang mungkar adalah satu kekuatan positif untuk meruntuhkan kedudukan itu dan untuk menegakkan kedudukan yang ma'ruf sebaik sahaja mendapat peluang atau untuk menunggu kesempatan menghancurkan kemungkaran itu. Semuanya ini merupakan satu tindakan positif untuk mewujudkan perubahan walaupun ia merupakan satu tahap iman yang paling lemah dan tidak ada lagi tahap yang lebih rendah dari kesanggupan seseorang Muslim memelihara tahap iman yang paling lemah! Tetapi sikap menyerah kalah kepada kemungkaran dengan alasan kerana ia telah menjadi realiti atau kerana ia mempunyai daya tekanan yang boleh membawa kepada kebinasaan, maka ia mengertikan seseorang itu keluar dari mata rantai iman yang terakhir dan seterusnya meninggalkan kedudukan iaitu iman yang paling lemah.

Inilah (tahap tentangan terakhir) dan jika tidak dipertahankannya nescaya masyarakat wajar menerima laknat Allah yang telah menimpa Bani Israel:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

"Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam. Laknat yang sedemikian disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka menceroboh (78). Dan kerana mereka tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya amat buruk segala perbuatan yang dilakukan mereka."(79)

* * * * * *

Kaum Ahlil-Kitab Sentiasa Bekerjasama Dengan Semua Pihak Yang Menentang Islam Dan Kaum Muslimin

Kemudian rangkaian ayat yang berikut terus memperkatakan tentang Bani Israel hingga akhir bahagian ini dan inilah penghabisan juzu' ini. Di sini Al-Qur'an menceritakan keadaan mereka di zaman Rasulullah s.a.w., iaitu keadaan yang sama dengan keadaan mereka di setiap zaman dan tempat, di mana mereka mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang kafir dan saling bantu membantu dengan mereka untuk menentang kelompok Muslimin. Sebab mereka bertindak begitu - walaupun mereka kaum Ahlil-Kitab - ialah kerana mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada Nabi dan tidak masuk ke dalam agama yang terakhir. Mereka sebenarnya tidak beriman. Andainya mereka beriman tentulah mereka tidak mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang kafir:

تَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَّوْنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ لَبِئْسَ مَا قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنفُسُهُمْ أَن سَخِطَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ وَفِى ٱلْعَذَابِ هُمْ خَٰلِدُونَ ﴿٨٠﴾ وَلَوْ كَانُوا۟ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلنَّبِىِّ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مَا ٱتَّخَذُوهُمْ أَوْلِيَآءَ وَلَٰكِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٨١﴾

"Engkau dapat melihat kebanyakan mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir (kaum Musyrikin Arab). Sesungguhnya amatlah buruk akibat yang mereka sediakan untuk diri mereka, iaitu mereka dimurkai Allah dan mereka akan kekal di dalam 'azab.(80) Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada Nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq."(81)

Di samping laporan ini merupakan satu laporan yang tepat dengan keadaan kaum Yahudi di zaman Rasulullah s.a.w., maka ia juga tepat dengan keadaan mereka pada hari ini, pada hari esok dan seterusnya pada setiap zaman. Begitu juga laporan ini tepat dengan keadaan segolongan kaum Ahlil-Kitab yang satu lagi (iaitu kaum Nasara) di kebanyakan negeri pada hari ini. Inilah di antara perkara-perkara yang mengajak kita supaya berfikir dengan mendalam untuk memahami rahsia-rahsia Al-Qur'an dan hakikat-

hakikatnya yang menakjubkan yang disimpankan untuk kelompok Muslimin di setiap zaman.

Kaum Yahudilah yang mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Musyirikin. Merekalah yang menghasut kaum Musyrikin menentang kaum Muslimin:

وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا هَٰٓؤُلَآءِ أَهْدَىٰ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا سَبِيلًا ﴿٥١﴾

"Dan mereka berkata kepada orang-orang kafir (Musyrikin Makkah) bahawa mereka (Musyrikin) adalah lebih betul jalannya dari orang-orang yang beriman"

(Surah an-Nisa': 51)

sebagaimana telah diceritakan oleh Al-Qur'anul-Karim. Semuanya ini dapat dilihat dengan jelas dalam masa Peperangan al-Ahzab, juga sebelum dan selepas peperangan ini dan seterusnya hingga sampai kepada sa'at ini, di mana negeri Israel tidak akan tegak di bumi Palestin di masa kebelakangan ini melainkan dengan hubungan setiakawan dan saling membantu di antara mereka dengan orang-orang kafir yang terdiri dari kaum materialis yang tidak percaya kepada Tuhan.

Adapun golongan Ahlil-Kitab yang satu lagi (kaum Nasara) mereka pula sentiasa bekerjasama dengan kaum-kaum yang berpegang dengan aliran materialisme yang menolak Tuhan dalam mana-mana perkara yang melibatkan kaum Muslimin. Begitu juga mereka selalu bekerjasama dengan kaum-kaum yang berpegang dengan kepercayaan paganisme yang mempersekutukan Allah dalam mana-mana pertarungan yang menentang kaum Muslimin walaupun kaum Muslimin ini tidak melambangkan Islam dalam suatu apa pun kecuali kerana mereka dari keturunan kaum yang dahulunya dikenali sebagai orang-orang Islam! Tetapi itulah dendam kesumat (kaum Nasara) yang tidak pernah reda terhadap agama Islam dan pemeluk-pemeluknya walaupun pemeluk-pemeluk ini hanya mengaku sahaja beragama Islam.

Amatlah benar dan tepat apa yang telah dijelaskan oleh Allah Yang Maha Besar:

تَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَّوْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَبِئْسَ مَا قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنفُسُهُمْ أَن سَخِطَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَفِي الْعَذَابِ هُمْ خَٰلِدُونَ ﴿٨٠﴾

"Engkau dapat melihat kebanyakan mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir (kaum Musyirikin Arab). Sesungguhnya amatlah buruk akibat yang mereka sediakan untuk diri mereka, iaitu mereka dimurkai Allah dan mereka akan kekal di dalam 'azab."(80)

Itulah hasil yang mereka telah sediakan untuk diri mereka, iaitu kemurkaan Allah dan keseksaan yang kekal abadi di dalam Neraka. Oleh itu alangkah malangnya hasil persediaan yang mereka siapkan untuk diri mereka. Alangkah pahitnya hasil yang diperolehi mereka dari perbuatan bersetiakawan dengan orang-orang kafir.

Siapakah dari kalangan kita (kaum Muslimin) yang mendengar penjelasan Allah S.W.T. mengenai kaum Ahlil-Kitab ini? Maka tentulah tidak wajar ia membuat keputusan-keputusan sendiri yang tidak diizinkan Allah dalam persoalan mengadakan hubungan setiakawan dan saling membantu di antara penganut-penganut Islam dengan musuh-musuh mereka (Ahlil-Kitab) yang bersetiakawan dengan orang-orang kafir.

Apakah sebenarnya motif yang mendorong kaum Ahlil-Kitab bersetiakawan dengan orang-orang kafir? Motifnya ialah kerana mereka tidak beriman kepada Allah dan Nabi:

وَلَوْ كَانُوا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالنَّبِيِّ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مَا اتَّخَذُوهُمْ أَوْلِيَآءَ وَلَٰكِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٨١﴾

"Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada Nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq."(81)

Inilah sebabnya yang sebenar, iaitu kerana mereka tidak percaya kepada Allah dan Nabi, kerana kebanyakan mereka fasiq dan menyeleweng dan kerana mereka sama sebulu dengan orang-orang kafir dari segi perasaan dan haluan. Oleh sebab itu sudah tentu mereka akan memilih bersetiakawan dengan orang-orang kafir dari bersetiakawan dengan orang-orang yang beriman.

Ulasan Al-Qur'an ini melahirkan dari ulasan tiga hakikat yang terang:

Hakikat yang pertama: Seluruh kaum Ahlil-Kitab - kecuali sebilangan kecil yang beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w.- adalah tidak beriman kepada Allah belaka kerana mereka tidak beriman kepada Rasul-Nya yang terakhir. Al-Qur'an tidak menafikan keimanan mereka kepada nabi sahaja, malah menafikan juga keimanan mereka kepada Allah.

وَلَوْ كَانُوا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالنَّبِيِّ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مَا اتَّخَذُوهُمْ أَوْلِيَآءَ

"Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia."(81)

Inilah keterangan yang jelas dari Allah yang tidak boleh dita'wilkan lagi biar bagaimanapun mereka mendakwa beriman kepada Allah apatah lagi apabila kita mengambil kira pegangan dan kefahaman mereka yang sesat dan menyeleweng tentang hakikat Uluhiyah sebagaimana telah dibicarakan oleh ayat-ayat pelajaran ini, dan ayat-ayat lainnya di dalam Al-Qur'anul-Karim.

Hakikat yang kedua: Seluruh kaum Ahlil-Kitab adalah diseru di atas lidah Nabi Muhammad s.a.w. supaya masuk ke dalam agama Allah. Dan andainya mereka menyambut seruan ini, maka bererti mereka telah beriman dan memeluk agama Allah dan andainya mereka menolak maka bererti mereka tidak beriman sebagaimana yang telah disifatkan Allah.

Hakikat yang ketiga: Tiada hubungan setiakawan dan saling membantu di antara kaum Ahlil-Kitab dengan kaum Muslimin dalam apa-apa urusan sekalipun kerana setiap urusan kehidupan mengikut pandangan Islam adalah tunduk kepada pengawasan agama.

Cuma Islam tetap menyuruh para pemeluknya supaya menunjukkan hubungan dan perilaku yang baik kepada kaum Ahlil-Kitab dan supaya melindungi jiwa, harta benda dan maruah mereka dalam negara Islam, juga supaya membiarkan mereka mengamalkan dengan bebas apa sahaja kepercayaan yang dipegang oleh mereka dan supaya berda'wah kepada mereka dengan baik agar mereka memeluk agama Islam dan seterusnya melakukan perdebatan yang baik dengan mereka. Di samping itu Islam menyuruh kaum Muslimin supaya menghormati perjanjian dengan mereka selama mereka menghormatinya dan menghormati sikap damai mereka terhadap kaum Muslimin. Dan di dalam keadaan apa sekalipun mereka tidak boleh dipaksa mengenai sesuatu yang ada hubungan dengan agama.

Inilah agama Islam dengan sikapnya yang terang dan jelas dan dengan pendiriannya yang baik dan toleran.

Allah berfirman benar dan menunjuk ke jalan yang lurus.

(Tamat Juzu' Yang Keenam)

JUZU' KE-7

SURAH AL-MA'IDAH

JUZU' YANG KETUJUH

بِسْــــــــــمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata Pengantar)

Juzu' ini terdiri dari bahagian akhir Surah al-Ma'idah setelah dibicarakan bahagian awalnya di dalam juzu' yang keenam - dan dari bahagian awal Surah al-An'am hingga kepada firman Allah Taala: " ولو اننا نزّلنا اليهم الملأكة". Pembicaraan mengenai bahagian yang kedua ini akan kami tundakan sehingga tiba pada tempatnya di dalam juzu' ini, di mana kami akan huraikan tentang Surah al-An'am dan di sini kami akan terus membicarakan bahagian yang pertama yang tersusun dari ayat-ayat baki Surah al-Ma'idah.

Ketika memperkenalkan Surah al-Ma'idah di dalam juzu' yang keenam telah dikemukakan kata-kata huraian yang berikut:

"Al-Qur'anul-Karim ini diturunkan ke dalam hati Rasulullah s.a.w. untuk melahirkan satu umat, membangunkan sebuah negara, menyusun sebuah masyarakat, mengasuh dan mendidik hati nurani, budi pekerti dan akal fikiran, seterusnya untuk mengaturkan hubungan-hubungan dalaman masyarakat itu, mengatur hubungan negara itu dengan negara-negara yang lain seluruhnya, mengatur hubungan umat itu dengan berbagai-bagai umat yang lain dan mengikatkan semua hubungan-hubungan itu dengan satu ikatan yang kuat, di mana semua bahagiannya yang berselerak dikumpul dan dipadu, disusun dan diaturkan dengan rapi, dan semuanya diikat pada satu sumber, satu kuasa dan satu arah, itulah 'agama' mengikut hakikatnya di sisi Allah dan mengikut sebagaimana ia dikenali oleh kaum Muslimin semasa mereka muncul sebagai 'kaum Muslimin'.

"Oleh sebab itulah kita dapati dalam surah ini - sebagaimana kita dapati dalam tiga surah yang panjang sebelumnya - berbagai-bagai maudhu' pembicaraan dan yang menjadi tali pengikatnya ialah matlamat asasi yang seluruh Al-Qur'an digemblengkan untuk merealisasikannya, iaitu matlamat melahirkan satu umat, membangunkan satu negara, menyusun sebuah masyarakat di atas landasan 'aqidah yang khusus, kefahaman dan pandangan yang tertentu dan di atas satu struktur yang baru. Dan yang menjadi pokok dalam struktur ini ialah 'aqidah tauhid yang mengkhususkan Allah S.W.T. Yang Maha Esa dengan ciri-ciri Uluhiyah, Rububiyah, pengurusan, pentadbiran dan kekuasaan dan di samping menerima sistem hidup, undang-undang dan peraturan, neraca-neraca ukuran dan nilai-nilainya dari Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu.

"Begitu juga kita dapati di dalam surah ini pembicaraan-pembicaraan untuk menegakkan kefahaman iktiqad yang dijelas dan dibersihkan dari dongeng-dongeng wathaniyah/paganisme dan penyelewengan-penyelewengan kaum Ahlil-Kitab dan ubah pinda mereka di samping membuka mata dan menyedarkan kelompok Muslimin terhadap hakikat diri mereka, hakikat peranan mereka dan tabi'at jalan perjuangan mereka yang penuh dengan lubang-lubang gelincir, duri-duri dan jerat-jerat yang dipasangkan oleh musuh-musuh mereka dan musuh-musuh agama Islam ini... di samping mengemukakan hukum-hukum syi'ar-syi'ar ibadat yang membersihkan jiwa individu Muslim dan jiwa kelompok Muslimin dan mengikatkan mereka dengan Allah... di samping menghuraikan peraturan-peraturan kemasyarakatan yang mengatur perhubungan-perhubungan masyarakat mereka dan undang-undang antarabangsa yang menyusun hubungan negara mereka dengan lain-lain negara dan di samping mengemukakan undang-undang yang menghalalkan dan mengharamkan beberapa jenis makanan, minuman dan pernikahan atau beberapa ragam perbuatan dan kelakuan. Semuanya ini merupakan seberkas persoalan yang dimuat di dalam satu surah yang menggambarkan konsep "agama" sebagaimana yang dikehendaki Allah dan sebagaimana yang difahamkan oleh kaum Muslimin semasa mereka muncul sebagai kaum Muslimin.

* * * * * *

Berdasarkan gambaran umum ini yang telah menjelaskan tabi'at Surah al-Ma'idah dan isi kandungannya dapatlah kita teruskan pembicaraan kita mengenai ayat-ayat bakinya dalam juzu' ini. Di sini kita dapati ia memperkatakan maudhu'-maudhu' baki surah ini yang telah kami singgungkan sebelum ini, iaitu maudhu'-maudhu' yang sebahagiannya telah dibicarakan di dalam juzu' yang keenam.

Kita dapati baki pembicaraan tentang beberapa khemah yang menentang umat Muslimin di Madinah. Yang anehnya khemah-khemah ini sentiasa menentang gerakan-gerakan kebangkitan Islam dan menaruh dendam kesumat di dalam hati mereka. Tetapi setengah-setengah khemah ini memperlihatkan pendirian yang berbeza-beza, yang mana setengah-setengah puak dari mereka menunjukkan kecenderungan ke arah hidayat seperti beberapa puak dari kaum Nasara yang telah menyahut da'wah Rasulullah s.a.w. dan melunakkan hati mereka apabila mendengar hidayat. Inilah puak-puak yang telah berjaya mendapat ganjaran dari Allah dan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai.

Kita juga dapati baki pembicaraan tentang hak dan kuasa mengadakan undang-undang haram dan halal,

iaitu pembicaraan yang melarang pencabulan membuat undang-undang haram dan halal tanpa mendapat kuasa dari Allah di samping mengingatkan orang-orang yang beriman supaya bertaqwa kepada Allah dalam persoalan ini, di mana tergantungnya keimanan dan kekafiran mereka setelah mereka mengumumkan keimanan mereka.

Selepas itu diiringi pula dengan saki-baki pembicaraan tentang hukum-hukum syara' mengenai sumpah, minum arak, bermain judi, menyembah berhala, meramal nasib dengan azlam, berburu dalam masa ihram, menghormati Ka'bah, bulan-bulan haram, binatang-binatang korban dan binatang-binatang yang dikalungkan untuk dikorbankan di samping memberi peringatan yang berulang-ulang kali agar mereka sentiasa patuh dan ta'at kepada peraturan-peraturan yang telah disyari'atkan Allah dan disuruhkan oleh Nabi-Nya s.a.w., juga melarang dan memberi amaran dari bertindak melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan Allah dan seterusnya mengingatkan mereka supaya sentiasa mengingati Allah, yang mana kelak seluruh mereka akan dikumpulkan di hadapan-Nya.

Kemudian terdapat saki-baki pembicaraan mengenai cara mendidik kelompok Muslimin dengan menjelaskan nilai-nilai dalam bermu'amalah dengan orang lain, di mana mereka tidak seharusnya terpesona kepada jumlah yang banyak tetapi tidak baik, malah yang seharusnya menarik mereka ialah sesuatu yang baik dan bersih, di samping mengemukakan adab-adab sopan yang wajib terhadap Allah dan Rasul-Nya, iaitu mereka jangan mengajukan pertanyaan mengenai sesuatu yang belum lagi dijelaskan oleh Allah dan jangan menuntut penjelasan yang terperinci mengenai sesuatu yang telah diterangkan Allah secara umum.

Kemudian pengumuman menghapuskan saki-baki tradisi-tradisi jahiliyah dan peraturan-peraturannya yang ditinggalkan oleh 'aqidah syirik dan paganismenya mengenai setengah-setengah binatang ternakan dan sembelihan seperti Bahirah, Sa'ibah, Wasilah dan Hami[1] di samping menjelaskan satu-satunya sumber perundangan yang betul yang berfungsi mengaturkan undang-undang dan peraturan bagi semua urusan kehidupan dan memulangkan urusan perundangan ini kepada Allah sahaja bukannya kepada adat-adat, tradisi-tradisi dan istilah-istilah mereka sendiri.

Di samping itu ia mengingatkan umat Muslimin bahawa mereka mempunyai keperibadian yang tersendiri yang membezakan mereka dari umat-umat yang lain dan mempunyai kewajipan bersatupadu di antara sesama mereka, dan mereka adalah terpisah dari umat-umat yang lain, juga mengingatkan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang khusus di samping terlepas dari tanggungjawab-tanggungjawab terhadap golongan-golongan manusia yang sesat. Kemudian ia memulangkan urusan balasan terhadap mereka dan orang lain kepada pengadilan Allah sahaja di negeri Akhirat kelak selaku negeri balasan.

Kemudian pembicaraan mengenai persoalan perundangan itu diakhiri dengan penjelasan mengenai hukum mengadakan saksi wasiat dalam kes persafiran dan berada jauh dari kawasan bandar. Islam mengatur undang-undang bagi kes-kes yang seperti ini dalam masyarakat Islam yang sentiasa keluar berjihad kerana Sabilullah dan keluar berdagang di merata pelosok bumi untuk mencari limpah kurnia Allah, dan pada akhirnya ia mengikatkan perundangan itu dengan perasaan takut kepada Allah di dunia dan di Akhirat.

Adapun baki ayat-ayat Surah al-Ma'idah ini, maka ia memuat lanjutan pembicaraan mengenai pembetulan atau pentashihan 'aqidah kaum Nāsara dari golongan Ahlil-Kitab. Oleh sebab itu di sini diulangkan pula pembentangan sebahagian dari kisah Maryam dan 'Isa, dan kisah mu'jizat-mu'jizat yang telah diperlakukan Allah di atas tangan beliau, juga masalah hidangan makanan yang dipinta oleh para Hawari (sahabat-sahabat 'Isa), kemudian dibentangkan pula persoalan Uluhiyah 'Isa a.s. dan bondanya, juga dakwaan-dakwaan kaum Nasara dalam persoalan ini, sedangkan Nabi 'Isa a.s. sendiri telah mendustakan anggapan yang mengatakan bahawa beliau mendakwa sebagai Tuhan dan membersihkan dirinya dari pembohongan itu di hadapan Allah dalam satu pemandangan Qiamat yang ngeri, kemudian beliau menyerahkan perkara kaumnya kepada Allah selaku Tuhannya dan Tuhan mereka yang disaksikan oleh seluruh umat manusia dan sekalian para anbiya' Salawatullahi wa salamuhu alayhim.

Kemudian surah ini diakhiri dengan menjelaskan hakikat pemilikan Allah yang memiliki langit dan bumi dan sekalian penghuni-penghuninya, juga hakikat qudratnya yang tidak mengenal batas dan ikatan:

"Allah memiliki langit dan bumi dan sekalian penghuninya dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(120)

* * * * * *

Dari tinjauan sepintas lalu terhadap baki kandungan Surah al-Ma'idah ini dapatlah kita melihat panduan

---

[1] *Bahirah ialah unta yang dilepas bebas tanpa ditunggangi dan dimuatkan barang setelah melahirkan anak sepuluh kali. Sa'ibah ialah unta yang dibebaskan meragut rumput dan meminum air di mana sahaja setelah beranak lima kali. Wasilah ialah kambing yang melahirkan anak jantan dan anak betina, kemudian anak jantan itu tidak boleh disembelih kerana menghormati anak betina. Hami ialah unta yang telah membuntingkan sepuluh kali unta betina.*

susunannya mengikut methodologinya yang kami telah singgungkan di bahagian awal surah ini dan kami nukilkan beberapa ceraian darinya di awal tinjauan yang ringkas ini.

Sekarang marilah kita bersama surah ini dengan huraiannya yang terperinci mengikut susunan ayat-ayatnya:

(Kumpulan ayat-ayat 82 - 86)

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
ٱلْيَهُودَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ ۖ وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم
مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰ ۚ
ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِّيسِينَ وَرُهْبَانًا
وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٨٢﴾
وَإِذَا سَمِعُوا۟ مَآ أُنزِلَ إِلَى ٱلرَّسُولِ تَرَىٰٓ أَعْيُنَهُمْ
تَفِيضُ مِنَ ٱلدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُوا۟ مِنَ ٱلْحَقِّ ۖ يَقُولُونَ
رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَٱكْتُبْنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨٣﴾
وَمَا لَنَا لَا نُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَمَا جَآءَنَا مِنَ ٱلْحَقِّ وَنَطْمَعُ أَن
يُدْخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٤﴾
فَأَثَٰبَهُمُ ٱللَّهُ بِمَا قَالُوا۟ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ
خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٨٥﴾
وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ
ٱلْجَحِيمِ ﴿٨٦﴾

"Demi sesungguhnya engkau (Muhammad) akan dapati bahawa manusia yang paling ketat permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Musyrikin dan demi sesungguhnya engkau akan dapati bahawa manusia yang paling dekat kemesraannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: "Sesungguhnya kami adalah orang-orang Nasara" hal yang sedemikian kerana adanya di kalangan mereka paderi-paderi, dan rahib-rahib dan kerana mereka tidak berlagak angkuh (82). Dan apabila mereka mendengar wahyu yang telah diturunkan kepada Rasul engkau dapat melihat mata mereka mencucurkan airmata kerana mereka telah mengetahui kebenarannya (dari kitab suci mereka) seraya berkata: Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman oleh itu catatkan kami bersama-sama para saksi (yang menyaksikan kebenaran Al-Qur'an) (83). Dan tidak ada sebab bagi kami tidak beriman kepada Allah dan kepada kebenaran (Al-Qur'an) yang datang kepada kami, sedangkan kami sangat ingin agar Tuhan kami memasukkan kami (ke dalam Syurga) bersama-sama dengan orang-orang yang soleh (84). Lalu Allah memberi mereka pahala terhadap perkataan yang telah diucapkan mereka, iaitu (balasan) Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka (hidup) di dalamnya kekal abadi. Itulah balasan para Muhsinin (85). Adapun orang-orang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, maka mereka adalah penghuni-penghuni Neraka."(86)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Baki pembicaraan mengenai kaum Yahudi, kaum Nasara dan kaum Musyrikin serta sikap mereka terhadap Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin ini adalah sebahagian dari pembicaraan yang panjang lebar yang telah dihuraikan oleh surah ini sebelum ini dan mengambil ruangan lebih dari dua perempat. Ia telah memperkatakan tentang kerosakan 'aqidah kaum Yahudi dan kaum Nasara kedua-dua sekali, juga tentang kebusukan hati kaum Yahudi dan tindak-tanduk mereka yang jahat sama ada terhadap para anbiya' mereka sendiri atau terhadap Rasulullah s.a.w. dengan dibantu oleh kaum Musyrikin, di samping memutuskan bahawa 'aqidah yang dipegang oleh kaum Yahudi dan kaum Nasara itu adalah 'aqidah "yang kafir" kerana mereka telah meninggalkan ajaran kitab-kitab suci mereka dan kerana mereka mendustakan ajaran yang telah dibawa oleh Rasulullah s.a.w., dan seterusnya menegaskan bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa pegangan agama yang betul sehingga mereka tegakkan ajaran Taurat dan Injil serta ajaran kitab suci yang diturunkan Allah kepada mereka. Kemudian Allah hadapkan firmannya kepada Rasulullah s.a.w. agar beliau menyampaikan ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah kepadanya kepada sekalian kaum Musyrikin, kaum Yahudi dan kaum Nasara kerana seluruh mereka tidak berpegang dengan ajaran agama Allah sedikit pun dan kerana seluruh mereka adalah diseru supaya menganut agama Islam. Di samping itu Allah hadapkan pula firman-Nya kepada umat Muslimin supaya mereka berikat setia dengan Allah, dengan Rasul-Nya dan dengan orang-orang yang beriman dan supaya mereka tidak mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Yahudi dan kaum Nasara kerana kedua-dua golongan ini berikat setia satu sama lain. Sementara kaum Yahudi pula suka berikat setia dengan orang-orang kafir dan kerana itu mereka telah dilaknatkan di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam....

Kini dikemukakan pula baki pembicaran ini untuk menjelaskan sikap semua golongan ini terhadap Nabi s.a.w. dan umat Muslimin, juga untuk menjelaskan balasan yang menunggu mereka di negeri Akhirat.

Dahulu umat Muslimin menerima Al-Qur'an ini dengan tujuan untuk menetapkan garisan-garisan panduan dan mengaturkan gerak langkah mereka berlandaskan arahan-arahan dan bimbingan-

bimbingannya, juga untuk menetapkan sikap mereka terhadap seluruh golongan manusia yang lain dengan berpandukan bimbingan-bimbingan dan keterangan-keterangan. Dahulu kitab suci Al-Qur'an inilah yang menjadi daya penggerak, pemandu dan pemimpin mereka. Oleh sebab itulah mereka sentiasa mendapat kemenangan dan tidak dapat dikalahkan kerana mereka berjuang menentang musuh-musuh mereka di bawah arahan dan pimpinan Rabbani secara langsung, iaitu sejak nabi mereka memimpin mereka dengan bimbingan dan arahan Rabbani Yang Maha Tinggi.

Bimbingan-bimbingan dan penjelasan-penjelasan Rabbani ini yang terkandung di dalam Al-Qur'an masih tetap wujud, justeru itu para penda'wah pada hari ini dan esok sewajarnya menerima penjelasan dan bimbingan-bimbingan ini seolah-olah ianya baru sahaja disampaikan kepada mereka di sa'at ini untuk memandu mereka menetapkan sikap mereka terhadap berbagai-bagai golongan manusia, berbagai-bagai aliran pemikiran dan kepercayaan yang lain, berbagai-bagai undang-undang dan peraturan dan berbagai-bagai nilai dan neraca pertimbangan sama ada pada hari ini atau pada hari esok sehingga akhir zaman.

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ
ٱلْيَهُودَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُواْ

"Demi sesungguhnya engkau (Muhammad) akan dapati bahawa manusia yang pating ketat permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Musyirikin."(82)

Bentuk ungkapan ayat ini memberi kemungkinan sama ada ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. atau ditujukan kepada umum, kerana ia memperkatakan sesuatu perkara yang zahir dan terbuka yang boleh difaham oleh semua orang. Bentuk ungkapan yang seumpama ini adalah lumrah dalam uslub pengungkapan bahasa Arab yang menjadi uslub pengungkapan Al-Qur'anul-Karim, dan di dalam dua kemungkinan ini ayat ini membawa maknanya yang zahir yang diungkapkannya.

Apabila ini diterima, maka perkara yang menarik di dalam pengungkapan ini ialah kaum Yahudi didahulukan sebutannya di atas kaum Musyrikin selaku golongan manusia yang paling ketat berseteru dengan orang-orang Islam dan perseteruan mereka yang sengit itu merupakan satu gejala yang terbuka dan satu perkara yang diakui umum dan dapat difahami oleh setiap pemerhati.

Memang benar bahawa sambungan kata dengan menggunakan sendikata "dan" itu mengertikan bahawa ia menggabung atau mencantumkan di antara dua perkara (yang disambungkan itu) dan bukannya mengertikan iringan dan tertib susunan, tetapi sebutan kaum Yahudi yang didahulukan di sini - sedangkan umum menyangka bahawa permusuhan mereka terhadap orang-orang yang beriman adalah lebih lembut dari permusuhan kaum Musyrikin, ini berdasarkan pertamanya kerana mereka kaum Ahlil-Kitab - menjadikan sebutan itu memberi makna yang khusus di luar kebiasaan kaedah menyambung dengan sendikata "dan" di dalam pengungkapan bahasa Arab, iaitu sebutannya yang didahulukan itu sekurang-kurangnya menarik perhatian bahawa walaupun mereka kaum Ahlil-Kitab, namun ia tidak mengubahkan realiti yang berlaku, iaitu mereka adalah sama seperti kaum Musyrikin menaruh perseteruan yang sengit terhadap orang-orang yang beriman. Kami katakan "sekurang-kurangnya", dan ini tidaklah menafikan kemungkinan ayat ini bermaksud mendahulukan orang-orang yahudi ke atas kaum Musyrikin dalam perseteruan mereka yang sengit terhadap orang-orang yang beriman.

Apabila seseorang ini membuat pertimbangan ketika mentafsirkan penjelasan Rabbani ini dengan berdasarkan realiti sejarah yang dapat dilihat sejak lahirnya Islam sehingga ke sa'at ini, maka ia tidak akan teragak-agak menegaskan bahawa perseteruan kaum Yahudi terhadap orang-orang yang beriman adalah selama-selamanya lebih keras, lebih kejam, lebih gigih dan lebih lama masanya dari perseteruan kaum Musyrikin.

Sebenarnya kaum Yahudi telah memusuhi Islam sejak detik pertama tertubuhnya kerajaan Islam di Madinah. Mereka telah merancangkan tipudaya-tipudaya yang jahat terhadap umat Muslimin sejak hari pertama kaum Muslimin berubah menjadi satu umat (yang berdaulat). Al-Qur'anul-Karim membuat berbagai-bagai penjelasan dan singgungan tentang perseteruan dan tipudaya-tipudaya jahat kaum Yahudi yang cukup untuk menggambarkan betapa pahitnya tentangan dan permusuhan yang dilancarkan mereka ke atas Islam, ke atas Rasul Islam s.a.w. dan ke atas umat Muslimin di sepanjang sejarah mereka yang panjang, iaitu permusuhan yang tidak pernah padam walau sesa'at pun selama hampir (kini lebih) empat belas abad dan hingga ke sa'at ini permusuhan itu terus bernyala dengan maraknya di merata negeri di dunia.

Rasulullah s.a.w. telah mengadakan satu perjanjian hidup bersama dengan kaum Yahudi pada masa awal kedatangan beliau ke Madinah dan telah menyeru mereka kepada agama Islam yang membenarkan kitab suci Taurat yang ada di tangan mereka, tetapi mereka tidak memenuhi perjanjian ini. Sikap mereka terhadap perjanjian ini sama dengan sikap mereka terhadap semua perjanjian yang mereka ikatkan dengan Allah atau dengan para anbiya' mereka sebelum ini. Sehingga Allah menjelaskan keadaan mereka dalam firman-Nya:

وَلَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ ۖ وَمَا يَكْفُرُ بِهَآ
إِلَّا ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٩٩﴾
أَوَكُلَّمَا عَٰهَدُواْ عَهْدًا نَّبَذَهُۥ فَرِيقٌ مِّنْهُم ۚ بَلْ

أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠٠﴾ وَلَمَّا جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِندِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ كِتَابَ اللَّهِ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu ayat-ayat yang jelas dan hanya orang-orang yang fasiq sahaja yang mengingkarnya (99). Atau apakah setiap kali mereka mengikat perjanjian, maka ada sahaja segolongan dari mereka yang mencampakkannya, malah kebanyakan mereka tidak beriman (100). Dan setelah datang kepada mereka seorang rasul dari sisi Allah yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka, maka segolongan dari orang-orang yang dikurniakan kitab itu mencampakkan kitab Allah di belakang mereka seolah-olah mereka tidak mengetahui."(101)

(Surah al-Baqarah)

Kaum Yahudi telah memeram dendam kesumat terhadap Islam dan kaum Muslimin sejak hari pertama Allah menyatukan suku kaum Khazraj dan suku kaum Aus dalam agama Islam. Ini menyebabkan mereka tidak dapat lagi keluar masuk di dalam barisan-barisan kaum Muslimin, juga sejak hari munculnya kepimpinan umat Muslimin yang diterajui oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang menyebabkan kaum Yahudi tidak berpeluang lagi untuk menunjukkan kuasa dan pengaruh mereka.

Mereka telah menggunakan segala senjata dan sarana yang dapat dikeluarkan oleh kebijaksanaan tipudaya mereka, iaitu kebijaksanaan yang diperolehi mereka dari pengalaman menjadi tawanan berabad-abad lamanya di negeri Babylon (Babil) dan hidup dalam perhambaan di negeri Mesir dan dalam penindasan yang hina di dalam kerajaan Roman. Walaupun Islam telah memberi keluasan dan keselesaan yang cukup kepada mereka setelah mereka dihimpit dan ditindas oleh berbagai-bagai agama di sepanjang sejarah, tetapi mereka telah membalas budi baik Islam itu dengan tipudaya dan putar belit yang paling keji dan jahat sejak hari pertama lagi.

Mereka telah mengemblengkan segala kekuatan kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab untuk menentang Islam dan kaum Muslimin. Mereka telah berusaha mengumpul suku-suku kaum Arab yang berselerak di sana sini untuk memerangi kelompok Muslimin dan:

وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا هَٰؤُلَاءِ أَهْدَىٰ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا سَبِيلًا ﴿٥١﴾

"Dan mereka (kaum Yahudi) berkata kepada orang-orang (Musyrikin Makkah) bahawa mereka (kaum Musyrikin) lebih betul jalannya dari orang-orang yang beriman."

(Surah an-Nisa':51)

Apabila kaum Yahudi telah dikalahkan oleh Islam dengan kekuatan kebenarannya ketika orang ramai menjadi Muslimin yang tulen - mereka kembali bergerak merancangkan tipudaya yang jahat terhadap Islam dengan memasukkan pembohongan-pembohongan ke dalam kitab-kitab Islam hingga tiada kitab yang terselamat dari pembohongan-pembohongan mereka melainkan kitab Allah (Al-Qur'an) yang tetap terpelihara dan selamat dengan jaminan Allah S.W.T. sendiri. Mereka juga merancangkan tipudaya yang jahat dengan menyusup ke dalam barisan-barisan kaum Muslimin dan menimbulkan rusuhan dan huru-hara dengan menggunakan orang-orang yang baru menganut Islam dan orang-orang Islam yang tidak mempunyai kefahaman Islam yang betul di negeri-negeri itu. Mereka seterusnya mengatur tipudaya yang jahat dengan bertindak menghasut musuh-musuh Islam di segenap tempat di dunia supaya bangkit menentangnya sehingga akhirnya di zaman kebelakangan ini merekalah yang menjadi dalang-dalang yang memimpin gerakan perjuangan menentang Islam di segenap ceruk di dunia ini. Mereka menggunakan aliran gerakan salib dan aliran paganisme di dalam perjuangan yang total ini. Merekalah yang mengadakan keadaan-keadaan dan menciptakan wira-wira yang memakai nama-nama orang-orang Islam dan melancarkan Perang Salib dan Zionisme ke atas setiap dasar agama ini.

Amatlah benar firman Allah Yang Maha Besar:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِّلَّذِينَ آمَنُوا الْيَهُودَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا

"Demi sesungguhnya engkau (Muhammad) akan dapati bahawa manusia yang paling ketat permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Musyrikin."(82)

Dalang yang mengemblengkan puak dan suku-suku kaum (di dalam Peperangan Ahzab) untuk menumbangkan negara Islam yang masih muda itu di Madinah, di mana mereka menyatukan kaum Yahudi Bani Qurayzah dan lainnya dengan kaum Quraisy di Makkah dan suku-suku kaum Arab yang lain di Semenanjung Tanah Arab ialah kaum Yahudi.

Dalang yang mengemblengkan orang ramai dan mengumpulkan gerombolan-gerombolan, geng-geng dan menyebarkan khabar-khabar angin yang jahat dalam peristiwa rusuhan pembunuhan 'Uthman r.a. dan segala malapetaka yang menjadi ekorannya ialah kaum Yahudi.

Dalang yang memimpin gerakan membuat hadith-hadith palsu dan dusta dalam hadith-hadith Rasulullah s.a.w., riwayat-riwayat dan sejarah ialah kaum Yahudi.

Dalang yang mengapi-ngapikan semangat nasionalisme di dalam kerajaan khilafah 'Uthmaniyah yang terakhir dan dalang di sebalik pemberontakan-pemberontakan yang bermula dengan menyingkirkan syari'at Islam dari pemerintahan dan menukarkan "perlembagaan" (dari ciptaan manusia) dengan syari'at Allah di zaman baginda Sultan Abdul Hamid kemudian berakhir dengan penghapusan seluruh sistem khilafah di tangan "pahlawan" Turki Ataturk ialah kaum Yahudi.

Selepas itu dalang di sebalik segala penentangan yang dilancarkan ke atas angkatan-angkatan pelopor kebangkitan Islam di setiap tempat di dunia ini ialah kaum Yahudi.

Kemudian dalang di sebalik aliran pemikiran materialisme yang tidak percayakan Tuhan ialah kaum Yahudi dan dalang di sebalik aliran pemikiran seksual ala kebinatangan ialah kaum Yahudi dan dalang di sebalik kebanyakan teori-teori yang meruntuhkan segala perkara yang suci dan segala pagar kawalan akhlak ialah kaum Yahudi.[2]

Peperangan dan penentangan yang telah dilancarkan oleh kaum Yahudi terhadap Islam adalah lebih lama masanya dan lebih luas bidangnya dari peperangan dan penentangan sengit yang telah dilancarkan oleh kaum Musyrikin dan penganut-penganut paganisme baik dahulu mahupun sekarang, peperangan dengan kaum Musyrikin Arab pada keseluruhannya tidak berlanjutan dari dua puluh tahun. Begitu juga peperangan dengan kerajaan Parsi di zaman pertama. Adapun di zaman moden walaupun kesengitan peperangan di antara paganisme India dengan Islam itu begitu ketara sekali, namun kesengitannya tidak sampai ke tahap kesengitan peperangan yang dilancarkan oleh Zionisme antarabangsa, di mana Marxisme dikira sebagai cabang-cabang dari Zionisme. Di sana tidak ada peperangan yang dapat menandingi peperangan kaum Yahudi terhadap Islam dari segi kelamaan masa dan keluasan bidang melainkan Peperangan Salib yang kita akan bicarakan dalam bahagian ayat-ayat selepas ini.

Apabila mendengar Allah S.W.T. berfirman:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱلْيَهُودَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُواْ

"Demi sesungguhnya (Muhammad) akan dapati bahawa manusia yang ketat permusuhannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Musyrikin."(82)

Kaum Yahudi adalah lambang tabi'at yang jahat ini. Mereka menaruh dendam kesumat yang jahat di dalam hati mereka terhadap Islam dan Nabi Islam (Muhammad s.a.w.) justeru itu Allah mengingatkan nabi-Nya dan para penganut agama-Nya dari tabi'at mereka yang jahat itu. Dan tabi'at yang jahat itu hanya boleh dikalahkan oleh Islam dan penganut-penganutnya sahaja pada masa mereka menjadi penganut-penganutnya yang tulen dan tidak ada penyelamat yang dapat melepaskan dunia dari tabi'at Yahudi yang jahat ini melainkan Islam apabila penganut-penganutnya kembali berpegang teguh dengannya.

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱلْيَهُودَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُواْ ۖ وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّا نَصَٰرَىٰ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِّيسِينَ وَرُهْبَانًا وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٨٢﴾ وَإِذَا سَمِعُواْ مَآ أُنزِلَ إِلَى ٱلرَّسُولِ تَرَىٰٓ أَعْيُنَهُمْ تَفِيضُ مِنَ ٱلدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُواْ مِنَ ٱلْحَقِّ ۖ يَقُولُونَ رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَٱكْتُبْنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨٣﴾ وَمَا لَنَا لَا نُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَمَا جَآءَنَا مِنَ ٱلْحَقِّ وَنَطْمَعُ أَن يُدْخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٤﴾ فَأَثَٰبَهُمُ ٱللَّهُ بِمَا قَالُواْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٨٥﴾ وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَكَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَآ أُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَحِيمِ ﴿٨٦﴾

"Sesungguhnya engkau akan dapati bahawa manusia yang paling dekat kemesraannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: "Sesungguhnya kami adalah orang-orang Nasara" hal yang sedemikian kerana adanya di kalangan mereka paderi-paderi, dan rahib-rahib dan kerana mereka tidak berlagak angkuh (82). Dan apabila mereka mendengar wahyu yang telah diturunkan

[2] *Lihat bab:* "اليهود الثلاثة ماركس وفرويد ودركايم" *dan buku* "التطور والثبات" *Tiga Yahudi Marx, Freud Dan Durkheim oleh Muhammad Qutb.*

kepada Rasul engkau dapat melihat mata mereka mencucurkan airmata kerana mereka telah mengetahui kebenarannya (dari kitab suci mereka) seraya berkata: Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman oleh itu catatkan kami bersama-sama para saksi (yang menyaksikan kebenaran Al-Qur'an) (83). Dan tidak ada sebab bagi kami tidak beriman kepada Allah dan kepada kebenaran (Al-Qur'an) yang datang kepada kami, sedangkan kami sangat ingin agar Tuhan kami memasukkan kami (ke dalam Syurga) bersama-sama dengan orang-orang yang soleh (84). Lalu Allah memberi mereka pahala terhadap perkataan yang telah diucapkan mereka, iaitu (balasan) Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka (hidup) di dalamnya kekal abadi. Itulah balasan para Muhsinin (85). Adapun orang-orang kafir dan mendustakan ayat-ayat kami, maka mereka adalah penghuni-penghuni Neraka."(86)

Ayat-ayat ini menggambarkan satu keadaan dan memberi satu penjelasan tentang keadaan ini, iaitu ia menggambarkan keadaan segolongan pengikut-pengikut 'Isa a.s. yang:

ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّا نَصَٰرَىٰٓ

"Yang berkata: Sesungguhnya kami adalah orang-orang Nasara"(82)

dan menjelaskan bahawa mereka mempunyai sikap yang paling dekat dan mesra kepada orang-orang yang beriman.

Walaupun hasil dari mengikuti kumpulan-kumpulan ayat-ayat tidak memberi ruang kepada sebarang keraguan bahawa ayat-ayat ini adalah bertujuan menggambarkan satu keadaan yang tertentu yang sesuai dengan penjelasan yang diberi olehnya, namun ramai orang-orang yang tersalah memahami maksud ayat-ayat ini hingga mereka jadikannya sebagai bahan untuk mengambil sikap lembut dan lembik yang merosakkan penilaian kaum Muslimin dalam menentukan pendirian mereka terhadap bermacam-macam khemah manusia yang lain dan pendirian khemah-khemah ini terhadap mereka. Oleh sebab itu kami rasa perlu - di dalam tafsir Fi Zilal ini - mengikuti dengan halus dan teliti bagaimana ayat-ayat ini menggambarkan keadaan yang khusus yang sesuai dengan penjelasannya yang khusus ini.

Keadaan yang digambarkan oleh ayat-ayat ini ialah keadaan segolongan manusia yang mengaku sebagai orang-orang Nasara yang menunjukkan sikap yang paling dekat dan mesra kepada orang-orang yang beriman kerana:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِّيسِينَ وَرُهْبَانًا وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٨٢﴾

"Hal yang sedemikian kerana adanya di kalangan mereka paderi-paderi dan rahib-rahib dan kerana mereka tidak berlagak angkuh".(82)

dan di antara mereka ada orang-orang yang benar-benar mengetahui hakikat agama Kristian dan kerana itu mereka tidak menunjukkan sikap yang angkuh terhadap kebenaran apabila kebenaran itu terserlah kepada mereka.

Tetapi penerangan Al-Qur'an tidak hanya berhenti setakat ini sahaja dan ia tidak meninggalkan perkara ini dalam keadaan kabur dan umum yang mencakup setiap orang yang mengaku dirinya sebagai orang-orang Nasara, malah Al-Qur'an terus menggambarkan keadaan (atau sifat) golongan Nasara yang dikehendakinya itu:

وَإِذَا سَمِعُواْ مَآ أُنزِلَ إِلَى ٱلرَّسُولِ تَرَىٰٓ أَعْيُنَهُمْ تَفِيضُ مِنَ ٱلدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُواْ مِنَ ٱلْحَقِّ يَقُولُونَ رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَٱكْتُبْنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨٣﴾ وَمَا لَنَا لَا نُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَمَا جَآءَنَا مِنَ ٱلْحَقِّ وَنَطْمَعُ أَن يُدْخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٤﴾

"Dan apabila mereka mendengar wahyu yang telah diturunkan kepada Rasul engkau dapat melihat mata mereka mencucurkan airmata kerana mereka telah mengetahui kebenarannya (dari kitab suci mereka) seraya berkata: Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman oleh itu catatkan kami bersama-sama para saksi (yang menyaksikan kebenaran Al-Qur'an) (83). Dan tidak ada sebab bagi kami tidak beriman kepada Allah dan kepada kebenaran (Al-Qur'an) yang datang kepada kami, sedangkan kami sangat ingin agar Tuhan kami memasukkan kami (ke dalam Syurga) bersama-sama dengan orang-orang yang soleh".(84)

Inilah satu pemandangan yang hidup yang terlukis dari gambaran Al-Qur'an yang menjelaskan sifat golongan Nasara yang tertentu, yang amat dekat dan mesra dengan orang-orang yang beriman itu, iaitu apabila mereka mendengar ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya, maka seluruh perasaan mereka menjadi terharu dan gementar, hati mereka terus lembut dan mata mereka mencucuri airmata sebagai pernyataan dari perasaan terharu mereka yang amat mendalam dan kencang terhadap kebenaran yang didengar oleh mereka, iaitu kebenaran yang pada mulanya mereka tidak memperolehi daya pengucapan yang cukup untuk mengungkapkannya kecuali dengan bahasa airmata. Keadaan yang seperti ini adalah lumrah berlaku kepada jiwa manusia apabila rasa keterharuan melonjak ke tahap yang lebih tinggi dari tahap kemampuannya untuk mengungkapkan perasaan itu dengan perantaraan kalimat dan kata-kata dan di waktu inilah airmatanya mengalir untuk mengungkapkan perasaan yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata itu di samping untuk melepaskan arus perasaan yang terpendam kerana keterharuan yang kencang dan mendalam itu.

Kemudian mereka tidak berpada sekadar menitiskan airmata sahaja, tetapi mengambil sikap yang negatif terhadap kebenaran yang telah menimbulkan rasa

keterharuan itu ketika mendengar ayat-ayat Al-Qur'an dan rasa kesedaran terhadap kebenaran yang telah di bawa oleh ayat-ayat itu, juga terhadap pengaruh dan kekuatan kebenaran itu. Pendirian mereka bukannya pendirian seseorang yang hanya merasa terharu sahaja lalu mencucurkan airmatanya kemudian berakhirlah urusannya dengan kebenaran itu, malah mereka tampil ke muka dan mengambil sikap yang positif dan tegas terhadap kebenaran itu, iaitu mereka mengambil sikap menjunjung, beriman dan mengaku tunduk kepada kebenaran itu serta mengumumkan keimanan dan pengakuan itu dengan pernyataan yang lantang, mendalam dan terus terang:

يَقُولُونَ رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَٱكۡتُبۡنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨٣﴾

"Seraya berkata: Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman oleh itu catatkan kami bersama-sama para saksi (yang menyaksikan kebenaran Al-Qur'an)."(83)

وَمَا لَنَا لَا نُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَمَا جَآءَنَا مِنَ ٱلۡحَقِّ وَنَطۡمَعُ أَن يُدۡخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٤﴾

"Dan tidak ada sebab bagi kami tidak beriman kepada Allah dan kepada kebenaran (Al-Qur'an) yang datang kepada kami, sedangkan kami sangat ingin agar Tuhan kami memasukkan kami (ke dalam Syurga) bersama-sama dengan orang-orang yang soleh."(84)

Mula-mula mereka menyatakan kepada Allah keimanan mereka kepada kebenaran yang telah diketahui mereka, kemudian mereka berdo'a kepada Allah agar memasukkan mereka di dalam senarai saksi-saksi kebenaran itu, juga memasukkan mereka ke dalam barisan umat yang berdiri tegak di atas kebenaran itu di muka bumi ini, iaitu umat Islam yang mengakui agama ini sebagai agama yang benar dan mengungkapkan pengakuan itu dengan lidah, dengan perbuatan dan dengan pergerakan mereka untuk menegakkan agama yang benar ini di dalam kehidupan manusia.

Mereka adalah para saksi baru yang bergabung dengan umat Muslimin. Mereka mengaku di hadapan Allah bahawa mereka telah beriman kepada agama yang benar yang diikuti oleh umat ini dan berdo'a kepada Allah S.W.T. supaya mencatatkan nama-nama mereka dalam daftar umat Muslimin.

Kemudian mereka menyangkal diri sendiri, iaitu tidak sepatut adanya sesuatu penghalang yang menghalangkan mereka dari beriman kepada Allah atau membuat mereka mendengar agama yang benar ini tetapi tidak beriman kepadanya atau membuat mereka tidak mengharapkan dengan keimanan ini agar mereka di terima Allah dan agar Allah mengangkatkan darjat mereka di sisi-Nya dan meletakkan mereka di dalam golongan para salihin:

وَمَا لَنَا لَا نُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَمَا جَآءَنَا مِنَ ٱلۡحَقِّ وَنَطۡمَعُ أَن يُدۡخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٤﴾

"Dan tidak ada sebab bagi kami tidak beriman kepada Allah dan kepada kebenaran (Al-Qur'an) yang datang kepada kami, sedangkan kami sangat ingin agar Tuhan kami memasukkan kami (ke dalam Syurga) bersama-sama dengan orang-orang yang soleh."(84)

Itulah pendirian tegas terhadap kebenaran yang telah diturunkan Allah kepada Rasul-Nya. Itulah pendirian orang yang mendengar dan mengenal kemudian disusuli rasa terharu dan pengumuman beriman dengan terus terang, kemudian menganut Islam dan menggabungkan diri di dalam barisan umat Muslimin serta berdo'a kepada Allah S.W.T. agar mereka dimasukkan ke dalam golongan para saksi agama yang benar ini dan membuktikan penyaksian dan pengakuan mereka dengan perilaku, dengan perbuatan dan amalan dan dengan perjuangan menegakkan agama ini di bumi dan meneguhkan kedudukannya di dalam kehidupan manusia, kemudian diikuti oleh kejelasan jalan (agama yang benar) dan ketunggalannya dalam pandangan mereka, yang mana mereka tidak lagi terfikir untuk mengikuti jalan-jalan yang lain kecuali jalan yang tunggal ini sahaja, iaitu jalan beriman kepada Allah dan kepada kebenaran yang telah diturunkan Allah kepada Rasul-Nya kemudian meletakkan harapan semoga mereka diterima di sisi Allah dan mendapat keredhaan-Nya.

Di sini penerangan Al-Qur'an tidak terhenti setakat menerangkan siapakah golongan Nasara yang dikehendaki olehnya sebagai golongan yang paling dekat dan mesra dengan orang-orang yang beriman dan setakat menjelaskan tindak-tanduk mereka dalam menghadapi kebenaran yang telah diturunkan Allah kepada Rasul-Nya, yang mana mereka telah mengambil sikap yang positif dan tegas dengan mengumumkan keimanan mereka dan menggabungkan diri di dalam barisan Muslimin serta bersedia membuktikan pengakuan mereka dengan jiwa, tenaga dan harta di samping berdo'a ke hadhrat Allah agar mereka diterima dalam barisan umat yang mengakui kebenaran agama ini dalam bentuk yang seperti ini dengan harapan agar mereka pada akhirnya akan dimasukkan ke dalam angkatan para salihin.

Ya, pandangan Al-Qur'an tidak terhenti setakat ini ketika menjelaskan sifat golongan Nasara yang ditegaskannya sebagai golongan yang mempunyai hubungan yang paling dekat dan mesra dengan orang-orang yang beriman, malah Al-Qur'an terus menghayunkan langkah-langkahnya untuk menyempurnakan gambaran mereka dan melukiskan nasib kesudahan mereka pada akhirnya:

فَأَثَٰبَهُمُ ٱللَّهُ بِمَا قَالُواْ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿٨٥﴾

"Lalu Allah memberi mereka pahala terhadap perkataan yang telah diucapkan mereka, iaitu (balasan) Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka (hidup) di dalamnya kekal abadi. Itulah balasan para Muhsinin."(85)

Allah telah mengetahui kebenaran hati dan lisan mereka, iaitu kebenaran tekad mereka untuk terus berjalan di atas jalan yang benar dan kebenaran azam mereka untuk membuktikan pengakuan mereka terhadap agama yang dianuti mereka dan terhadap barisan Muslimin yang dipilih mereka dan menganggapkan pembuktian pengakuan dengan jiwa raga dan harta benda itu sebagai limpah kurnia Allah kepada hamba-hamba yang dikehendaki olehnya, juga menganggapkan bahawa di sana tidak ada sesuatu jalan yang lain yang wajar di tempuhinya kecuali jalan ini sahaja, iaitu jalan yang telah pun diumumkan mereka bahawa mereka akan terus menyusurinya dengan harapan semoga Allah masukkan mereka dalam golongan para salihin.

Allah telah mengetahui semuanya ini dari mereka dan Allah telah menerima perkataan mereka dan menetapkan Syurga sebagai balasan untuk mereka dan mengi'tirafkan mereka sebagai para Muhsinin yang akan dibalaskan dengan ganjaran para Muhsinin.

فَأَثَٰبَهُمُ ٱللَّهُ بِمَا قَالُوا۟ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٨٥﴾

"Lalu Allah memberi mereka pahala terhadap perkataan yang telah diucapkan mereka, iaitu (balasan) Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka (hidup) di dalamnya kekal abadi. Itulah balasan para Muhsinin."(85)

Darjah ihsan' merupakan setinggi-setinggi darjah keimanan dan keislaman dan Allah S.W.T. telah mengi'tirafkan golongan manusia yang seperti ini sebagai golongan para Muhsinin.

Golongan ini adalah satu golongan manusia istimewa yang mempunyai sifat-sifat yang jelas yang diterangkan oleh Al-Qur'anul-Karim:

وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰ ۚ

"Sesungguhnya engkau akan dapati bahawa manusia yang paling dekat kemesraannya terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: Sesungguhnya kami adalah orang-orang Nasara."(82)

Mereka adalah segolongan manusia yang tidak angkuh terhadap kebenaran apabila mereka mendengarnya, malah mereka menyambut kebenaran itu dengan keimanan yang mendalam dan terus terang. Mereka adalah segolongan manusia yang tidak teragak-teragak mengumumkan sambutan mereka terhadap agama Islam dan kemasukan mereka di dalam barisan kaum Muslimin, iaitu mereka masuk dengan kesanggupan khusus untuk menjunjung tugas-tugas 'aqidah ini, iaitu kesanggupan membuktikan pengakuan mereka dengan berpegang teguh dan jujur kepadanya dan berjuang untuk menegak dan mengukuhkan kedudukannya. Mereka adalah segolongan manusia yang diketahui Allah bercakap benar lalu Allah menerima mereka di dalam barisan Para Muhsinin.

Tetapi penerangan Al-Qur'an tidak terhenti setakat menjelaskan sifat-sifat golongan Nasara yang dimaksudkan Allah sebagai golongan manusia yang paling dekat kemesraan mereka kepada orang-orang yang beriman, malah Al-Qur'an menjelaskan lebih lanjut lagi, iaitu ia membezakan mereka dari golongan yang satu lagi yang mengaku dirinya sebagai orang-orang Nasara, tetapi apabila mereka mendengar kebenaran, mereka ingkar dan dustakannya, mereka tidak menyambutnya dan tidak menggabungkan diri mereka dalam barisan Para saksi (yang mengakui kebenaran):

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَحِيمِ ﴿٨٦﴾

"Adapun orang-orang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, maka mereka adalah penghuni-penghuni Neraka."(86)

Yang dimaksudkan dengan,orang-orang kafir yang mendustakan itu di sini secara pasti ialah golongan Nasara yang mendengar tetapi mereka tidak memberi sambutan yang baik. Al-Qur'an menamakan orang-orang ini sebagai orang-orang kafir apabila mereka menunjukan sikap yang seperti ini sama ada mereka dari golongan kaum Yahudi atau dari golongan kaum Nasara, dan Al-Qur'an menggabungkan mereka dengan angkatan orang-orang kafir dan kaum Musyrikin selama mereka bersikap mendustakan kebenaran yang telah diturunkan Allah kepada Rasul-Nya dan enggan masuk ke dalam agama Islam yang menjadi satu-satunya agama yang diterima Allah dari manusia. Kita boleh dapati hakikat ini dijelaskan dalam firman Allah yang berikut:

لَمْ يَكُنِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ مُنفَكِّينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ﴿١﴾

"Orang-orang yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan terlepas (dari kepercayaan-kepercayaan agama mereka yang menyeleweng itu) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas."

(Surah al-Bayyinah: 1)

"Sesungguhnya orang yang kafir (terhadap Allah dan Rasul) dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin akan ditempatkan di dalam Neraka Jahanam. Mereka akan

tinggal kekal di dalamnya. Merekalah sejahat-jahat makhluk."

(Surah Al-Bayyinah: 6)

لَقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٍ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu tiga dari tiga."(73)

لَقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam."(72)

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ
لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ

"Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam."(78)

Ungkapan yang seperti ini adalah suatu ungkapan dan suatu hukum yang lumrah di dalam Al-Qur'an. Ia dikemukakan di sini untuk membezakan di antara dua golongan orang-orang Nasara, iaitu membezakan di antara sikap yang diambil oleh kedua-dua golongan itu terhadap orang-orang yang beriman, juga untuk membezakan di antara nasib kesudahan kedua-dua golongan itu di sisi Allah, di mana satu golongan mendapat ganjaran Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan hidup kekal abadi di sana. Itulah ganjaran yang diterima oleh para Muhsinin dan satu golongan lagi menjadi penghuni Neraka.

Bukan semua mereka yang mengaku diri mereka sebagai orang-orang Nasara ini termasuk dalam hukum yang dinyatakan oleh Al-Qur'an sebagai "golongan yang paling dekat kemesraan mereka kepada orang-orang yang beriman" sebagaimana pernah dikemukakan oleh mereka yang mencaing-caingkan ayat-ayat Al-Qur'an atau menjadikannya putus-putus dan tidak lengkap. Sebenarnya hukum yang dinyatakan oleh Al-Qur'an itu adalah dikhususkan kepada golongan Nasara yang mempunyai sifat yang tertentu sahaja dan golongan ini tentulah tidak ditinggalkan oleh Al-Qur'an dalam keadaan yang kabur dan tidak diketahui sifatnya, begitu juga pendirian mereka tidak ditinggalkan bercampuraduk sedikit sebanyak dengan pendirian golongan Nasara yang lain.

Di sana terdapat riwayat-riwayat yang penting untuk menentukan golongan Nasara yang dimaksudkan oleh ayat ini.

Al-Qurtubi telah menyebut dalam tafsirnya: "Ayat ini diturunkan mengenai (Maharaja Habsyah) an-Najjasyi dan sahabat-sahabatnya ketika orang-orang Islam datang menemui mereka dalam hijrah yang pertama - sebagaimana yang masyhur dalam sejarah (yang ditulis) oleh ibn Ishaq dan lainnya - kerana takut kepada kaum Musyrikin dan penindasan mereka kerana mereka mempunyai bilangan yang ramai. Kemudian selepas itu Rasulullah s.a.w. telah berhijrah ke Madinah menyebabkan mereka tidak dapat sampai kepada beliau kerana peperangan telah menghalang di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. Apabila Peperangan Badar tercetus dan ramai pemuka-pemuka kafir telah terbunuh, maka orang-orang kafir Quraisy pun berkata sesama mereka: "Kamu boleh menuntut bela di negeri Habsyah. Oleh itu hantarlah hadiah-hadiah kepada an-Najjasyi dan kirimkan dua orang tokoh yang bijak dari kamu nescaya baginda akan menyerahkan mereka (orang-orang Islam) yang ada dalam jagaan baginda kepada kamu dan dengan ini dapatlah kamu membunuh mereka sebagai balasan kepada orang-orang kamu yang terbunuh di dalam Peperangan Badar". Lalu orang-orang kafir Quraisy menghantar 'Amru ibn al-'As dan Abdullah bin Abi Rabi'ah membawa bermacam-macam hadiah. Kemudian apabila berita ini didengar oleh Rasulullah s.a.w., maka Rasulullah s.a.w. pun terus mengutus 'Amru ibn Umayah 'Adhamri membawa sepucuk surat dari beliau kepada an-Najjasyi kemudian 'Amru mengadap an-Najjasyi dan baginda membaca surat Rasulullah s.a.w., kemudian baginda memanggil Ja'afar ibn Abi Talib dan para Muhajirin yang lain. Di samping itu baginda juga menjemput dan mengumpulkan para rahib dan para paderi kemudian baginda meminta Ja'afar membaca kepada mereka Al-Qur'an, lalu ia membaca Surah Maryam dan para rahib dan paderi itu pun lantas berdiri dengan menitiskan airmata mereka. Merekalah golongan Nasara yang diturunkan Allah ayat (82):

وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ
قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰ

beliau telah membacanya hingga:

"(Diriwayatkan oleh Abu Daud katanya: "Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Maslamah al-Muradi katanya: Kami telah diceritakan oleh Ibn Wahb katanya: Saya telah dikhabarkan oleh Yunus dari Ibn Syihab dari Abu Bakar ibn Abdul Rahman ibn al-Harith ibn Hasyim dan dari Sa'id ibn al-Musayib dan dari 'Urwah ibn az-Zubayr: Hijrah yang pertama ialah hijrah kaum Muslimin ke negeri Habsyah. Kemudian ia menyebut hadith itu dengan ceritanya yang panjang).

"Al-Bayhaqi menyebut dari Ibn Ishaq katanya: Ada dua puluh orang lelaki dari orang-orang Nasara Habsyah telah datang untuk menemui Nabi s.a.w. ketika beliau berada di Makkah atau berhampiran dengannya setelah berita beliau sampai ke negeri Habsyah, lalu mereka dapati beliau berada di Masjid. Mereka bercakap-cakap dengan beliau dan bertanya kepadanya, sedangkan ketua-ketua Quraisy di waktu itu berada di tempat-tempat perhimpunan mereka di sekitar Ka'bah. Setelah selesai mereka bertanya

Rasulullah s.a.w. mengenai perkara-perkara yang hendak diketahui mereka, Rasulullah s.a.w. menyeru mereka kepada Allah 'Azzawajalla dan membaca Al-Qur'an kepada mereka dan sebaik sahaja mereka mendengar ayat-ayat Al-Qur'an, mereka pun menitiskan airmata dan terus menyambutnya, beriman kepadanya dan membenarkannya, dan darinya mereka mengetahui sifat-sifat Rasulullah s.a.w. yang diterangkan kepada mereka di dalam kitab suci mereka.

"Apabila mereka bersurai dari majlis beliau mereka ditahan oleh Abu Jahl bersama beberapa orang-orang Quraisy yang lain lalu berkata: 'Allah kecewakan rombongan kamu! Orang-orang yang seagama dengan kamu yang ada di negeri kamu telah menghantar kamu sebagai wakil mereka supaya kamu dapat membawa balik berita orang ini (Muhammad) kepada mereka, tetapi baru sebentar kamu berada di majlisnya kamu terus meninggal agama kamu dan mempercayai segala apa yang dikatakan olehnya. Setahu kami tidak ada rombongan yang lebih tolol dari kamu.' Lalu dijawab oleh mereka: 'Selamat tinggal! Kami tidak mahu bertengkar dengan kamu. Kami bebas dengan urusan-urusan kami dan kamu bebas dengan urusan-urusan kamu. Kami hanya mencari kebaikan untuk diri kami!' Ada cerita mengatakan bahawa rombongan orang-orang Nasara itu adalah dari penduduk Najran dan dikatakan juga bahawa kerana peristiwa merekalah diturunkan ayat:

ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾ وَإِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِهِۦٓ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّنَآ إِنَّا كُنَّا مِن قَبْلِهِۦ مُسْلِمِينَ ﴿٥٣﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْتَوْنَ أَجْرَهُم مَّرَّتَيْنِ بِمَا صَبَرُوا۟ وَيَدْرَءُونَ بِٱلْحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٥٤﴾ وَإِذَا سَمِعُوا۟ ٱللَّغْوَ أَعْرَضُوا۟ عَنْهُ وَقَالُوا۟ لَنَآ أَعْمَٰلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ لَا نَبْتَغِى ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٥٥﴾

"Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab sebelum Al-Qur'an mereka juga telah beriman dengannya (52). Dan apabila dibacakan Al-Qur'an kepada mereka, mereka terus berkata: Kami beriman dengannya. Sesungguhnya Al-Qur'an itu kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguhnya kami adalah golongan yang menyerah diri kepada Allah sebelumnya (53). Mereka dikurniakan pahala dua kali ganda kerana kesabaran mereka dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan dan mereka membelanjakan (untuk kebajikan) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka (54). Dan apabila mereka mendengar perkataan yang sia-sia (dan keji) mereka terus berpaling darinya dan mereka berkata: "Untuk kami amalan-amalan kami dan untuk kamu amalan-amalan kamu. Selamat tinggal. Kami tidak mahu berdamping dengan orang-orang yang jahil."(55)

(Surah al-Qasas)

Ada riwayat mengatakan bahawa Ja'afar dan sahabat-sahabatnya telah datang menemui Rasulullah s.a.w. Mereka terdiri dari tujuh puluh orang lelaki dan mereka memakai baju bulu. Di antara mereka terdapat enam puluh dua orang dari negeri Habsyah dan lapan orang dari penduduk negeri Syam. Mereka ialah paderi Bahira', Idris, Asyraf, Abrahah, Thumamah, Qutham, Durayd dan Aiman. Rasulullah s.a.w. telah membaca kepada mereka Surah Yasin hingga akhirnya. Mereka terus menangis sebaik sahaja mereka mendengar ayat-ayat Al-Qur'an dan terus beriman dengannya sambil berkata: "Ayat-ayat ini sangat serupa dengan ayat-ayat yang diturunkan kepada 'Isa a.s." Lalu turun ayat:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ ۖ وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِّيسِينَ وَرُهْبَانًا وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٨٢﴾

Mereka ialah rombongan an-Najjasyi dan mereka adalah terdiri dari paderi-paderi yang menjadi penghuni pondok-pondok paderi atau biara-biara.

Ujar Said ibn Jubayr: Allah juga telah menurunkan kerana peristiwa mereka ayat-ayat: " الذين آتيناهم الكتاب من قبله هم به يؤمنون" hingga kepada firman-Nya " أولئك يؤتون أجرهم مرتين" sampai akhir ayat. Ujar Muqatil dan al-Kalbi, rombongan ini terdiri dari empat puluh orang penduduk Najran dari suku al-Harith ibn Ka'ab, tiga puluh dua orang dari Habsyah dan enam puluh lapan orang dari Syam. Ujar Qatadah pula ayat ini turun kerana sekumpulan Ahlil-Kitab yang menjunjung syari'at Allah yang benar yang dibawa oleh 'Isa a.s. dan sebaik sahaja Muhammad s.a.w. diangkat menjadi Rasul, mereka terus beriman dengannya dan kerana ini mereka disanjung tinggi oleh Allah".

Apa yang kami tegaskan tentang makna yang dikehendaki oleh ayat ini, iaitu makna yang ditunjukkan oleh penerangan ayat itu sendiri dan disokong pula oleh riwayat-riwayat yang telah kami bentangkan tadi adalah makna yang sesuai dengan penjelasan-penjelasan Al-Qur'an yang lain yang dimuat di dalam surah ini atau surah-surah yang lain mengenai sikap kaum Ahlil-Kitab umumnya sama ada kaum Yahudi atau kaum Nasara terhadap agama Islam dan para penganutnya di samping sesuai pula

dengan realiti sejarah yang berlaku yang telah diketahui umat Muslimin dalam masa empat belas abad lamanya.

Surah ini merupakan satu unit yang padu dari segi arah tujuannya, bayangan-bayangannya, suasana-suasananya dan matlamat-matlamatnya. Dan memanglah menjadi ciri qalam Allah bahawa ia tidak pernah bercanggah satu sama lainnya.

وَلَوْ كَانَ مِنْ عِندِ غَيْرِ ٱللَّهِ لَوَجَدُوا۟ فِيهِ ٱخْتِلَـٰفًا
كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

"Dan andainya Al-Qur'an itu bukan dari sisi Allah nescaya mereka akan dapati di dalamnya percanggahan-percanggahan yang banyak."

(Surah an-Nisa': 82)

Di dalam surah ini sendiri terdapat nas-nas dan penjelasan-penjelasan yang membataskan makna ayat yang kita sedang bicara dan olahkannya di sini. Di antaranya:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَـٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ
بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ
ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain. Dan sesiapa dari kalangan kamu yang bersahabat setia dengan mereka, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(51)

قُلْ يَـٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَـٰبِ لَسْتُمْ عَلَىٰ شَىْءٍ حَتَّىٰ تُقِيمُوا۟
ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ ۗ
وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَـٰنًا
وَكُفْرًا ۖ فَلَا تَأْسَ عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٦٨﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Kamu tidak berpegang dengan agama sedikit pun sehingga kamu tegakkan ajaran Taurat dan Injil dan segala peraturan yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu. Sesungguhnya kebanyakan dari mereka bertambah menceroboh dan kafir dengan sebab wahyu yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah engkau bersedih hati terhadap kaum yang kafir."(68)

Begitu juga dijelaskan di dalam Surah al-Baqarah:

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَـٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ
مِلَّتَهُمْ ۗ قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ ۗ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ
أَهْوَآءَهُم بَعْدَ ٱلَّذِى جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ ۙ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ
مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

"Dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara tidak akan berpuas hati sehingga engkau mengikut agama mereka. Katakanlah: Sesungguhnya hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar. Dan jika engkau mengikut kehendak nafsu mereka setelah datang kepadamu ilmu yang sebenar, maka tiada lagi pelindung dan penolong yang dapat menyelamatkan engkau dari 'azab Allah."(120)

Begitu juga realiti sejarah telah membenarkan amaran Allah yang telah disampaikan kepada umat Muslimin supaya sentiasa berwaspada terhadap kaum Yahudi dan kaum Nasara. Dan apabila realiti sejarah telah mencatatkan pendirian kaum Yahudi yang jahat terhadap Islam sejak hari pertama Islam masuk ke Madinah, iaitu dalam bentuk mengaturkan tipudaya dan komplot-komplot jahat yang tidak pernah berhenti hingga ke sa'at ini, dan apabila kaum Yahudi masih terus memimpin kempen-kempen anti Islam di segenap pelosok di dunia dan menaruh hasad dengki dan dendam kesumat yang jahat, maka realiti sejarah ini juga telah mencatatkan sikap perseteruan yang sama kaum Nasara yang memperjuangkan Salib. Mereka berseteru terhadap Islam sejak Peperangan al-Yarmuk yang telah tercetus di antara tentera kaum Muslimin dengan tentera-tentera Rom kecuali di dalam beberapa peristiwa yang diterangkan oleh ayat-ayat yang sedang kita ulaskan di sini, di mana hati segolongan kaum Nasara telah menerima da'wah Islam dan terus menganutinya. Dan kecuali di dalam beberapa peristiwa yang lain, di mana setengah-setengah puak Nasara telah memilih untuk bernaung di bawah keadilan pemerintahan Islam dari kezaliman puak-puak Nasara yang lain yang bertindak ganas terhadap mereka. Adapun arus perseteruan umum yang melambangkan pendirian kaum Nasara seluruhnya ialah peperangan-peperangan Salib yang tidak pernah padam apinya kecuali pada lahirnya sahaja sejak Islam dan Roman bertembung di tebing sungai Yarmuk!

Dendam kesumat pergerakan Salib terhadap Islam dan para pengikutnya dapat dilihat begitu jelas di dalam peperangan-peperangan Salib yang masyhur selama dua abad, juga dapat di lihat begitu jelas di dalam peperangan-peperangan bumi hangus yang telah dilancarkan oleh pergerakan Salib ke atas Islam dan kaum Muslimin di Andalus, kemudian di dalam serangan-serangan penjajahan Barat dan penyebaran agama Kristian ke atas kerajaan-kerajaan Islam terutamanya di Afrika kemudian di seluruh negeri Islam di dunia.

Gerakan Zionis antarabangsa dan gerakan Salib antarabangsa merupakan dua sekutu yang setia dalam memerangi Islam walaupun di antara keduanya terdapat dendam-dendam perseteruan, tetapi kedua-keduanya tetap bersatu di dalam memerangi Islam sebagaimana diterangkan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya:

بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٍۚ

"Mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain",(51)

sehingga mereka berjaya mencaingkan kerajaan khalifah (Uthmaniyah) yang akhir. Kemudian mereka terus bertindak merombakkan tali perpaduan Islam satu demi satu. Dan setelah mereka berjaya memusnahkan tali perpaduan pemerintahan Islam, maka kini mereka sedang berusaha untuk memusnahkan tali ikatan "solat" pula.

Kemudian kini mereka mengulangi pendirian Yahudi yang lama terhadap kaum Muslimin dan kaum paganisme. Mereka menyokong paganisme menentang Islam di mana-mana sahaja, kadang-kadang melalui bantuan-bantuan secara langsung dan kadang-kadang melalui perbadanan-perbadanan antarabangsa yang dikendalikan mereka. Perbalahan di antara India dan Pakistan mengenai negeri Kashmir dan sikap negara-negara Salib dalam perbalahan ini bukanlah sesuatu perkara yang ganjil.

Selain dari itu mereka mewujud, mendokong dan memelihara organisasi-organisasi yang berusaha menghancurkan gerakan-gerakan pemulihan dan kebangkitan Islam di setiap tempat di dunia ini. Dan mereka memakaikan tokoh-tokoh yang mengendalikan organisasi-organisasi ini dengan pakaian-pakaian wira-wira yang palsu dan memalu gendang-gendang di sekeliling mereka agar mereka dapat memusnahkan Islam di tengah-tengah kegemparan dunia yang melihat, tokoh-tokoh kerdil yang memakai pakaian-pakaian wira-wira itu.

Inilah catatan ringkas dan sepintas lalu yang telah dicatatkan oleh realiti sejarah di sepanjang empat belas abad mengenai pendirian-pendirian kaum Yahudi dan kaum Salib terhadap Islam. Kedua-dua kaum dan khemah ini tidak mempunyai apa-apa perbezaan dalam rangka usaha mereka mengaturkan langkah-langkah tipu daya terhadap Islam, meluahkan dendam kesumat mereka kepadanya dan melancarkan perang berterusan yang tidak pernah reda di sepanjang zaman.

Inilah yang harus disedari oleh kaum Muslimin pada masa ini dan masa akan datang. Mereka tidak seharusnya hanyut di belakang gerakan-gerakan bersikap lembut yang menipu dan tertipu, iaitu gerakan yang hanya melihat keterangan-keterangan awal dari sesuatu ayat Al-Qur'an seperti ayat yang kita bicarakan ini tanpa mengikuti keterangan-keterangan ayat selanjutnya dan tanpa mengikuti konteks surah seluruhnya dan seterusnya tanpa mengikuti penjelasan-penjelasan Al-Qur'an yang lain umumnya dan tanpa mengikuti realiti sejarah yang membenarkan semuanya ini, kemudian (keterangan awal yang dangkal itu) digunakan untuk melalaikan perasaan kaum Muslimin terhadap khemah-khemah (musuh) yang menaruh dendam kesumat dan merancangkan tipudaya terhadap mereka. Inilah perkara yang diusahakan oleh khemah-khemah musuh dengan sepenuh tenaga mereka dalam rangka usaha mereka untuk mengenakan pukulan maut yang ditujukan kepada asas-asas 'aqidah.

Khemah-khemah musuh ini tidak takut sesuatu apa kecuali yang paling ditakuti mereka ialah kesedaran kelompok Muslimin walaupun bagaimana kecil bilangan mereka dan sedikit peralatan mereka. Oleh itu orang-orang yang berusaha mematikan kesedaran ini merupakan sebesar-besar musuh Islam. Sebahagian dari orang-orang ini merupakan korban-korban yang tertipu tetapi bahaya mereka di waktu itu lebih besar dari bahaya musuh Islam yang paling besar, malah bahaya mereka merupakan sebesar-besar bahaya dan kemudharatan.

Sesungguhnya Al-Qur'an ini menunjukkan ke jalan yang amat lurus dan ayat-ayatnya sama sekali tidak bercanggah satu sama lain. Oleh itu marilah kita membacanya dengan penuh hemat.

(Kumpulan ayat-ayat 87 - 108)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحَرِّمُوا۟ طَيِّبَـٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٨٧﴾

وَكُلُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَـٰلًا طَيِّبًا ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِىٓ أَنتُم بِهِۦ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

لَا يُؤَاخِذُكُمُ ٱللَّهُ بِٱللَّغْوِ فِىٓ أَيْمَـٰنِكُمْ وَلَـٰكِن يُؤَاخِذُكُم بِمَا عَقَّدتُّمُ ٱلْأَيْمَـٰنَ ۖ فَكَفَّـٰرَتُهُۥٓ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَـٰكِينَ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعِمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ ۖ فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَـٰثَةِ أَيَّامٍ ۚ ذَٰلِكَ كَفَّـٰرَةُ أَيْمَـٰنِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ ۚ وَٱحْفَظُوٓا۟ أَيْمَـٰنَكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَـٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٨٩﴾

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَـٰمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ ٱلشَّيْطَـٰنِ فَٱجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾
إِنَّمَا يُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُوقِعَ بَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةَ
وَٱلْبَغْضَآءَ فِى ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن
ذِكْرِ ٱللَّهِ وَعَنِ ٱلصَّلَوٰةِ ۖ فَهَلْ أَنتُم مُّنتَهُونَ ﴿٩١﴾
وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَٱحْذَرُوا۟ ۚ فَإِن
تَوَلَّيْتُمْ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٩٢﴾
لَيْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ جُنَاحٌ
فِيمَا طَعِمُوٓا۟ إِذَا مَا ٱتَّقَوا۟ وَّءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ
ثُمَّ ٱتَّقَوا۟ وَّءَامَنُوا۟ ثُمَّ ٱتَّقَوا۟ وَّأَحْسَنُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ
يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٩٣﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَيَبْلُوَنَّكُمُ ٱللَّهُ بِشَىْءٍ مِّنَ
ٱلصَّيْدِ تَنَالُهُۥٓ أَيْدِيكُمْ وَرِمَاحُكُمْ لِيَعْلَمَ ٱللَّهُ مَن
يَخَافُهُۥ بِٱلْغَيْبِ ۚ فَمَنِ ٱعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُۥ عَذَابٌ
أَلِيمٌ ﴿٩٤﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْتُلُوا۟ ٱلصَّيْدَ وَأَنتُمْ
حُرُمٌ ۚ وَمَن قَتَلَهُۥ مِنكُم مُّتَعَمِّدًا فَجَزَآءٌ مِّثْلُ مَا
قَتَلَ مِنَ ٱلنَّعَمِ يَحْكُمُ بِهِۦ ذَوَا عَدْلٍ مِّنكُمْ هَدْيًۢا بَٰلِغَ
ٱلْكَعْبَةِ أَوْ كَفَّٰرَةٌ طَعَامُ مَسَٰكِينَ أَوْ عَدْلُ ذَٰلِكَ
صِيَامًا لِّيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهِۦ ۗ عَفَا ٱللَّهُ عَمَّا سَلَفَ ۚ
وَمَنْ عَادَ فَيَنتَقِمُ ٱللَّهُ مِنْهُ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴿٩٥﴾
أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ ٱلْبَحْرِ وَطَعَامُهُۥ مَتَٰعًا لَّكُمْ
وَلِلسَّيَّارَةِ ۖ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ ٱلْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا ۗ
وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِىٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٩٦﴾
جَعَلَ ٱللَّهُ ٱلْكَعْبَةَ ٱلْبَيْتَ ٱلْحَرَامَ قِيَٰمًا لِّلنَّاسِ
وَٱلشَّهْرَ ٱلْحَرَامَ وَٱلْهَدْىَ وَٱلْقَلَٰٓئِدَ ۚ ذَٰلِكَ لِتَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ
ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَأَنَّ ٱللَّهَ
بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٩٧﴾
ٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ وَأَنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ
رَّحِيمٌ ﴿٩٨﴾
مَّا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ
وَمَا تَكْتُمُونَ ﴿٩٩﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَسْـَٔلُوا۟ عَنْ أَشْيَآءَ إِن تُبْدَ
لَكُمْ تَسُؤْكُمْ وَإِن تَسْـَٔلُوا۟ عَنْهَا حِينَ يُنَزَّلُ ٱلْقُرْءَانُ
تُبْدَ لَكُمْ عَفَا ٱللَّهُ عَنْهَا ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٠١﴾
قَدْ سَأَلَهَا قَوْمٌ مِّن قَبْلِكُمْ ثُمَّ أَصْبَحُوا۟ بِهَا كَٰفِرِينَ ﴿١٠٢﴾
مَا جَعَلَ ٱللَّهُ مِنۢ بَحِيرَةٍ وَلَا سَآئِبَةٍ وَلَا وَصِيلَةٍ وَلَا
حَامٍ ۙ وَلَٰكِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ ۖ
وَأَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٠٣﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ قَالُوا۟
حَسْبُنَا مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآ ۚ أَوَلَوْ كَانَ
ءَابَآؤُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٠٤﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ ۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن
ضَلَّ إِذَا ٱهْتَدَيْتُمْ ۚ إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا
فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ شَهَٰدَةُ بَيْنِكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ
ٱلْمَوْتُ حِينَ ٱلْوَصِيَّةِ ٱثْنَانِ ذَوَا عَدْلٍ مِّنكُمْ
أَوْ ءَاخَرَانِ مِنْ غَيْرِكُمْ إِنْ أَنتُمْ ضَرَبْتُمْ فِى ٱلْأَرْضِ
فَأَصَٰبَتْكُم مُّصِيبَةُ ٱلْمَوْتِ ۚ تَحْبِسُونَهُمَا مِنۢ بَعْدِ

ٱلصَّلَوٰةِ فَيُقْسِمَانِ بِٱللَّهِ إِنِ ٱرْتَبْتُمْ لَا نَشْتَرِى بِهِۦ ثَمَنًا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَلَا نَكْتُمُ شَهَٰدَةَ ٱللَّهِ إِنَّآ إِذًا لَّمِنَ ٱلْءَاثِمِينَ ﴿١٠٦﴾

فَإِنْ عُثِرَ عَلَىٰٓ أَنَّهُمَا ٱسْتَحَقَّآ إِثْمًا فَـَٔاخَرَانِ يَقُومَانِ مَقَامَهُمَا مِنَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَحَقَّ عَلَيْهِمُ ٱلْأَوْلَيَٰنِ فَيُقْسِمَانِ بِٱللَّهِ لَشَهَٰدَتُنَآ أَحَقُّ مِن شَهَٰدَتِهِمَا وَمَا ٱعْتَدَيْنَآ إِنَّآ إِذًا لَّمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠٧﴾

ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِٱلشَّهَٰدَةِ عَلَىٰ وَجْهِهَآ أَوْ يَخَافُوٓا۟ أَن تُرَدَّ أَيْمَٰنٌۢ بَعْدَ أَيْمَٰنِهِمْ ۗ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْمَعُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿١٠٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang dihalalkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas (87). Dan makanlah makanan yang halal dan baik dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya (88). Allah tidak mengira kamu bersalah dengan sebab sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan, tetapi Allah mengira kamu bersalah dengan sumpah-sumpah yang disengajakan kamu; maka bayaran dendanya ialah memberi makan kepada sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang biasa kamu berikan kepada keluarga kamu atau memberi pakaian kepada mereka atau memerdekakan seseorang hamba. Dan sesiapa yang tidak dapat (membayar denda-denda itu), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Itulah denda sumpah-sumpah kamu jika kamu bersumpah (dan melanggarnya) dan jagalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur (89). Wahai orang-orang yang beriman! (Ketahuilah) bahawa minum arak, judi, memuja berhala-berhala dan meramal nasib dengan azlam adalah (amalan-amalan) kotor dari perbuatan syaitan. Kerana itu hendaklah kamu jauhinya supaya kamu mendapat keberuntungan (90). Sesungguhnya syaitan itu bertujuan untuk mencetuskan permusuhan dan perasaan benci membenci di antara kamu dalam (minuman) arak dan (permainan) judi dan menghalangkan kamu dari mengingati Allah dan mengerjakan solat. Oleh kerana itu apakah kamu tidak ingin berhenti? (91) Dan ta'atlah kamu kepada Allah serta ta'atlah kepada Rasul dan hendaklah kamu berwaspada. Justeru itu jika kamu berpaling maka ketahuilah bahawa kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas sahaja (92). Tidak ada apa-apa dosa di atas orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, disebabkan arak yang telah diminumkan mereka (sebelum diturunkan hukum haram) apabila mereka bertaqwa, beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh kemudian mereka terus bertaqwa dan beriman kemudian terus bertaqwa dan membuat amalan yang baik dan sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin (93). Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebahagian dari binatang buruan yang mudah ditangkap oleh tangan dan lembing kamu supaya Allah mengetahui orang yang takut kepada-Nya dengan keadaan ghaib (tanpa melihat-Nya) dan sesiapa yang menceroboh selepas itu maka ia akan memperolehi 'azab yang amat pedih (94). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang buruan semasa kamu berihram. Barang siapa di antara kamu yang membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya ialah menggantikannya dengan binatang ternakan seimbang dengan buruan yang telah dibunuhnya, yang akan ditetapkannya oleh dua orang yang adil di antara kamu sebagai hadiah yang disampaikan ke Ka'bah (untuk disembelih dan dibahagikan dagingnya kepada fakir miskin di tanah suci). Atau membayar kifarat, iaitu memberi makan kepada orang-orang miskin atau berpuasa sebanyak bilangan cupak yang diberikan kepada orang-orang miskin supaya dia merasakan akibat buruk dari perbuatannya. Allah telah memaafkan perbuatan (membunuh buruan) yang telah lalu dan barang siapa yang kembali melakukannya nescaya Allah akan membalasnya dan Allah itu Maha Perkasa dan berkuasa mengenakan hukuman balasan (95). Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan dari laut sebagai ni'mat yang lazat bagi kamu dan bagi orang-orang yang belayar, dan diharamkan ke atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu dalam ihram. Bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu kelak akan dikumpulkan mengadap-Nya (96). Allah telah menjadikan Ka'bah rumah yang suci itu sebagai pusat perhimpunan manusia, juga menjadikan bulan haram, binatang-binatang hadiah, binatang-binatang kalungan, yang demikian supaya kamu mengetahui bahawa Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi dan bahawa Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (97). Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah itu amat berat hukuman-Nya dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih (98). Tiada kewajipan yang ditugaskan kepada Rasul melainkan hanya menyampaikan (perintah-perintah Allah) dan Allah mengetahui segala apa yang kamu lahirkan dan segala apa yang kamu sembunyikan (99). Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak sama yang buruk dengan yang baik walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hati engkau. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal supaya kamu mendapat keberuntungan (100). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanya (kepada nabi) mengenai perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan Al-Qur'an tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah telah memaafkan perkara-perkara itu dan Allah Maha Pengampun dan Maha Sabar (101). Sesungguhnya perkara-perkara seperti itu pernah ditanyakan oleh suatu kaum sebelum kamu (kepada nabi mereka) kemudian mereka menjadi kafir dengan sebabnya (102). Allah tidak pernah mensyari'atkan Bahirah, tidak pula Sa'ibah, tidak pula Wasilah dan tidak juga Hami, tetapi orang-orang kafirlah yang mengadakan pembohongan itu terhadap Allah dan kebanyakan mereka tidak berfikir (103). Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah ikut apa yang telah diturunkan Allah dan (marilah) ikut Rasul-Nya," nescaya mereka menjawab: "Kami sudah cukup dengan apa yang kami dapati diikuti oleh datuk nenek kami." Apakah mereka akan terus mengikut sekalipun datuk nenek mereka tidak mengetahui sesuatu apa dan tidak pula menerima hidayat? (104) Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah diri kamu masing-masing. (Ingatlah)

mereka yang telah sesat itu tidak akan dapat memudharatkan kamu jika kamu telah mendapat hidayat. Kepada Allah kamu sekalian akan kembali dan (ketika itu) Dia akan menerangkan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu (105). Wahai orang-orang yang beriman! Adakan saksi-saksi di antara kamu ketika seseorang dari kamu menghadapi kematian apabila ia hendak berwasiat, iaitu dua orang saksi yang adil dari kalangan kamu atau dua orang yang berlainan agama dengan kamu jika kamu bermusafir di muka bumi ini lalu kamu di timpa bahaya kematian dan (hendaklah) kamu tahan kedua-dua saksi itu selepas solat dan hendaklah kedua-duanya bersumpah dengan nama Allah - jika kamu ragu-ragu - (demi Allah) kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapatkan sesuatu harta benda (bagi kepentingan seseorang) walaupun ia dari kaum kerabat dan kami tidak akan menyembunyi keterangan Allah. Sesungguhnya (jika kami menyembunyikannya) nescaya kami termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa (106). Kemudian jika di dapati kedua saksi itu telah melakukan dosa (mengkhianati keterangan Allah) maka hendaklah dua orang yang lain menggantikan tempat keduanya dari waris-waris si mati yang berhak dan yang lebih dekat dan (hendaklah) keduanya bersumpah dengan nama Allah: "Sesungguhnya keterangan kami lebih berhak diterima dari keterangan dua orang saksi itu dan kami tidak melampaui batas. Sesungguhnya (Jika kami berbuat demikian) nescaya kami termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim (107). Itulah jalan yang lebih dekat untuk mereka memberi keterangan dengan cara yang benar atau untuk mereka merasa takut akan ditolak sumpah mereka (oleh waris si mati) sesudah mereka bersumpah. Bertaqwalah kepada Allah dan dengarlah (perintah-Nya) dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."(108)

Walaupun banyak maudhu'-maudhu' yang disentuh oleh bahagian ayat-ayat ini, namun pada keseluruhannya ia hanya membicarakan satu persoalan dan berlegar di sekitar satu paksi sahaja, iaitu ia membicarakan persoalan tasyri' atau perundangan dan menjadikannya sebagai persoalan Uluhiyah, iaitu hanya Allah sahaja yang berkuasa mengharamkan dan menghalalkan sesuatu, Allah sahaja yang berhak menyekat dan mengharus dan Allah sahaja yang berhak dan berkuasa melarang dan menyuruh. Kemudian berlandaskan dasar inilah seluruh masalah menjadi sama belaka sama ada besar atau kecil, oleh sebab itu seluruh urusan kehidupan manusia wajiblah di kembali dan dirujukkan kepada dasar ini sahaja.

Orang yang mendakwa mempunyai kuasa atau hak membuat undang-undang atau mengendalikannya bererti ia mendakwa mempunyai kuasa atau hak Uluhiyah atau mengendalikan hak Uluhiyah, sedangkan kuasa dan hak ini hanya dimiliki Allah sahaja dan jika tidak maka itulah satu pencabulan terhadap hak Allah, terhadap kuasa-Nya dan Uluhiyah-Nya dan Allah tidak menyukai pencabul-pencabul. Dan orang yang mengambil sesuatu dari undang-undang ini dari adat tradisi manusia, dari pendapat-pendapat dan istilah-istilah mereka bererti ia telah menyimpang dari undang-undang dan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya dan dengan penyimpangan ini ia terkeluar dari keimanan, kepada Allah dan dari agama ini.

Setiap ceraian dari ceraian-ceraian ayat bahagian ini dimulakan dengan satu seruan yang berulang-ulang "Wahai orang-orang yang beriman!":

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُحَرِّمُواْ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓاْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang dihalalkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu melampaui batas."(87)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَٰمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَٱجْتَنِبُوهُ

"Wahai orang-orang yang beriman! "(Ketahuilah) bahawa minum arak, berjudi, memuja berhala-berhala dan meramal nasib dengan azlam adalah (amalan-amalan) kotor dari perbuatan syaitan, kerana itu hendaklah kamu menjauhinya."(90)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَيَبْلُوَنَّكُمُ ٱللَّهُ بِشَيْءٍ مِّنَ ٱلصَّيْدِ تَنَالُهُۥٓ أَيْدِيكُمْ وَرِمَاحُكُمْ لِيَعْلَمَ ٱللَّهُ مَن يَخَافُهُۥ بِٱلْغَيْبِ

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebahagian dari binatang buruan yang mudah ditangkap oleh tangan dan lembing kamu supaya Allah mengetahui orang yang takut kepada-Nya dengan keadaan ghaib (tanpa melihat-Nya)."(94)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَسْـَٔلُواْ عَنْ أَشْيَآءَ إِن تُبْدَ لَكُمْ تَسُؤْكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanya (kepada nabi) mengenai perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu."(101)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهْتَدَيْتُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah diri kamu masing-masing (ingatlah) mereka yang telah sesat itu tidak akan dapat memudharatkan kamu jika kamu telah mendapat hidayat."(105)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ شَهَٰدَةُ بَيْنِكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ حِينَ ٱلْوَصِيَّةِ ٱثْنَانِ ذَوَا عَدْلٍ مِّنكُمْ أَوْ ءَاخَرَانِ مِنْ غَيْرِكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Adakan saksi-saksi di antara kamu ketika seseorang dari kamu menghadapi

kematian apabila ia hendak berwasiat, iaitu dua orang saksi yang adil dari kalangan kamu atau dua orang yang berlainan agama dengan kamu."(106)

Seruan ini yang dibuat dengan bentuk ini mempunyai kedudukan dan membawa makna istimewa dalam konteks bahagian ayat-ayat ini yang memperkatakan persoalan tasyri' dan menjadikannya sebagai persoalan Uluhiyah, persoalan keimanan dan persoalan agama. Seruan ini dibuat dengan sifat keimanan yang membawa erti dan maksud mengi'tirafkan Uluhiyah Allah semata-mata dan mengi'tirafkan kuasa Hakimiyah Allah S.W.T. Ia adalah seruan yang bertujuan memberi peringatan dan penjelasan mengenai dasar dan asas keimanan dengan latar belakang yang wujud dalam rangkaian ayat-ayat itu di samping menyuruh supaya mematuhi perintah Allah dan Rasul-Nya, memberi amaran agar jangan bertindak berpaling dan mengundurkan diri, mengancam dengan 'azab keseksaan Allah yang amat berat dan seterusnya memberangsangkan mereka supaya berusaha mendapatkan keampunan Allah dan rahmat-Nya yang disediakan kepada mereka yang bertaubat.

Kemudian selepas itu ialah mewujudkan pemisahan diri di antara orang-orang yang beriman dan orang-orang yang sesat dan tidak mengikut sistem hidup para Mu'minin yang menyerahkan teraju urusan tasyri' kepada Allah sahaja sama ada dalam perkara yang besar atau perkara yang kecil dan menjauhkan diri dari perbuatan mencabul hak, kuasa dan Uluhiyah Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَيۡكُمۡ أَنفُسَكُمۡۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهۡتَدَيۡتُمۡۚ إِلَى ٱللَّهِ مَرۡجِعُكُمۡ جَمِيعٗا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ١٠٥

"Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah diri kamu masing-masing. (Ingatlah) mereka yang telah sesat itu tidak akan dapat memudharatkan kamu jika kamu telah mendapat hidayat. Kepada Allah kamu sekalian akan kembali dan (ketika itu) Dia akan menerangkan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu."(105)

Persoalan Haram Dan Halal Tidak Boleh Ditentukan Oleh Pendapat Sendiri

Oleh itu umat Muslimin adalah satu umat yang padu, yang mempunyai agama dan cara hidup yang tersendiri, mempunyai undang-undang dan sumber perundangan yang tersendiri yang tidak mengambil dari sumber-sumber yang lain dan tiada apa-apa kesalahan dan dosa di atas umat Muslimin kerana kesesatan manusia yang lain yang terus hidup dalam jahiliyah mereka apabila sistem hidup mereka terang jelas kepada semua orang dan cara hidup mereka terpisah dari orang lain kemudian seluruh mereka akan dikembalikan kepada Allah belaka.

Inilah paksi umum, di mana seluruh pembicaraan bahagian ini berlegar di sekitarnya. Adapun maudhu'-maudhu' yang termasuk dalam lingkungan skop pembicaraannya, maka kami telah menyentuhnya secara ringkas dalam kata-kata pendahuluan juzu' ini. Sekarang marilah kita hadapi maudhu'-maudhu' ini dengan terperinci dalam lingkungan skop umumnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 87 - 89)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُحَرِّمُواْ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَعۡتَدُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُعۡتَدِينَ ٨٧

وَكُلُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلٗا طَيِّبٗاۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِيٓ أَنتُم بِهِۦ مُؤۡمِنُونَ ٨٨

لَا يُؤَاخِذُكُمُ ٱللَّهُ بِٱللَّغۡوِ فِيٓ أَيۡمَٰنِكُمۡ وَلَٰكِن يُؤَاخِذُكُم بِمَا عَقَّدتُّمُ ٱلۡأَيۡمَٰنَۖ فَكَفَّٰرَتُهُۥٓ إِطۡعَامُ عَشَرَةِ مَسَٰكِينَ مِنۡ أَوۡسَطِ مَا تُطۡعِمُونَ أَهۡلِيكُمۡ أَوۡ كِسۡوَتُهُمۡ أَوۡ تَحۡرِيرُ رَقَبَةٖۖ فَمَن لَّمۡ يَجِدۡ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ أَيَّامٖۚ ذَٰلِكَ كَفَّٰرَةُ أَيۡمَٰنِكُمۡ إِذَا حَلَفۡتُمۡۚ وَٱحۡفَظُوٓاْ أَيۡمَٰنَكُمۡۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ٨٩

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang dihalalkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas (87). Dan makanlah makanan yang halal dan baik dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya (88). Allah tidak mengira kamu bersalah dengan sebab sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan, tetapi Allah mengira kamu bersalah dengan sumpah-sumpah yang disengajakan kamu, maka bayaran dendanya ialah memberi makan kepada sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang biasa kamu berikan kepada keluarga kamu atau memberi pakaian kepada mereka atau memerdekakan seorang hamba. Dan sesiapa yang tidak dapat (membayar denda-denda itu), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Itulah denda sumpah-sumpah kamu jika kamu bersumpah (dan melanggarnya) dan jagalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur."(89)

Maksudnya wahai orang-orang yang beriman sesungguhnya kehendak dan kewajipan dari keimanan kamu ialah kamu - selaku manusia yang menjadi hamba-hamba Allah - tidak seharusnya mengendalikan ciri-ciri Uluhiyah yang hanya dimiliki oleh Allah Yang Maha Esa sahaja. Oleh itu kamu tidak berhak mengharamkan sesuatu dari benda-benda yang baik yang telah dihalalkan Allah. Begitu juga kamu tidak berhak menahankan diri - seolah-olah mengharamkan - dari memakan benda yang baik dari rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu. Allahlah yang telah memberi rezeki yang halal dan baik ini dan Dialah sahaja yang berkuasa memutuskan bahawa ini haram dan ini halal:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُحَرِّمُواْ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَعۡتَدُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُعۡتَدِينَ ٨٧
وَكُلُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلٗا طَيِّبٗاۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِيٓ أَنتُم بِهِۦ مُؤۡمِنُونَ ٨٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang dihalalkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas (87). Dan makanlah makanan yang halal dan baik dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya."(88)

Persoalan tasyri' pada keseluruhannya adalah mempunyai pertalian dengan persoalan Uluhiyah. Dan yang menjadi alasan yang sebenar yang dipegang oleh Uluhiyah dalam mengendalikan tanggungjawab mengaturkan kehidupan manusia ialah: Oleh sebab Allah Tuhan yang menciptakan manusia dan memberi rezeki kepada mereka, maka Dialah sahaja yang berhak menghalalkan dan mengharamkan kepada mereka mana-mana rezeki yang dikehendaki olehnya. Ini adalah suatu logik yang dii'tirafkan oleh manusia sendiri, kerana tuanpunya sesuatu itulah yang berhak mengurus dan mengendalikannya. Dan sesiapa yang melanggar dasar ini, maka tidak syak lagi ia boleh dianggap sebagai pencabul yang melampaui batas! Dan orang-orang yang beriman tentulah tidak sanggup melakukan pencabulan terhadap Allah yang diimani mereka, kerana perbuatan mencabul terhadap hak Allah dan sekaligus beriman kepada-Nya adalah tidak mungkin berkumpul sama sekali di dalam satu hati.

Inilah persoalan yang dibentangkan oleh kedua-dua ayat ini dengan alasan yang logik dan terang dan tiada siapa yang sanggup mempertikaikannya kecuali pencabul dan pelampau dan Allah tidak menyukai para pencabul dan pelampau. Ia adalah satu persoalan umum yang menetapkan satu dasar umum yang berhubung dengan hak Uluhiyah terhadap para hamba-Nya, juga berhubung dengan kehendak dan kewajipan dari keimanan kepada Allah dalam perilaku para Mu'minin di dalam persoalan ini. Setengah-setengah riwayat menyebut bahawa kedua-dua ayat ini dan ayat selepasnya - yang berhubung dengan hukum bersumpah - telah diturunkan dalam satu peristiwa yang tertentu yang berlaku di dalam kehidupan orang-orang Islam di zaman Rasulullah s.a.w., tetapi yang menjadi pokok pertimbangan ialah keumuman nas bukannya pengkhususan sebab[3] walaupun sebab itu dapat menjelaskan maknanya menjadi lebih terang dan lebih halus.

Ibn Jarir telah meriwayatkan bahawa pada suatu hari Rasulullah s.a.w. duduk dan memberi ceramah mengingatkan orang ramai, kemudian beliau bangun tanpa menambahkan apa-apa selain dari memberi amaran yang menakutkan. Kemudian beberapa orang dari para sahabatnya berbincang sesama mereka; Apakah hak kita jika kita tidak melakukan sesuatu amalan, (Lihatlah) orang-orang Nasara telah mengharamkan sesuatu ke atas diri mereka dan patutlah kita juga mengharamkan sesuatu ke atas diri kita! Kemudian setengah sahabat-sahabat itu mengharamkan ke atas diri mereka makan daging dan lemak dan makan siang hari. Setengahnya pula mengharamkan perempuan ke atas diri mereka. Kemudian perkara ini sampai kepada pengetahuan Rasulullah s.a.w. lalu beliau pun bersabda:

ما بال أقوام حرموا النساء والطعام والنوم؟ ألا إني أنام وأقوم، وأفطر وأصوم، وأنكح النساء؛ فمن رغب عني؛ فليس مني

"Mengapa ada orang-orang yang mengharamkan perempuan, makanan dan tidur? (Ingatlah) sesungguhnya aku sendiri tidur dan bangun, berbuka dan berpuasa, juga bernikah dengan perempuan. Oleh kerana itu sesiapa yang tidak suka kepada sunnahku, maka dia bukan dari golonganku."

Kemudian turun ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُحَرِّمُواْ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَعۡتَدُوٓاْۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang dihalalkan Allah untuk kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas."(87)

Di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dari riwayat Anas r.a. terdapat hadith yang menguatkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Jarir ini, katanya: "Ada tiga kumpulan (sahabat) berkunjung ke rumah-rumah isteri-isteri Rasulullah s.a.w. untuk bertanya tentang amal ibadat beliau dan apabila mereka

---

[3] العبرة بعموم النصّ لا بخصوص السّبب

diberitahu tentang amal ibadat beliau, mereka seolah-olah memandang ibadat beliau itu sedikit. Mereka berkata: Bagaimana kita mahu bandingkan diri kita dengan Rasulullah s.a.w. kerana Allah telah ampunkan segala dosanya yang lepas dan yang kemudian? Salah seorang dari mereka berkata: "Saya mengerjakan sembahyang malam setiap malam". Seorang lagi berkata: "Saya berpuasa setiap hari dan tidak pernah berbuka". Kemudian seorang yang lain berkata pula: "Saya mengasingkan diri dari perempuan dan tak pernah berkahwin". Lalu Rasulullah s.a.w. datang menemui mereka dan bersabda:

أنتم الذين قلتم كذا وكذا. أما والله إني لأخشاكم لله وأتقاكم له. ولكني أصوم وأفطر، وأصلي وأرقد، وأتزوج النساء، فمن رغب عن سنتي فليس مني

"Kamu telah berkata begini dan begini, tetapi demi Allah, akulah yang paling takut dan paling bertaqwa kepada Allah dari kalangan kamu,namun begitu aku berpuasa dan berbuka, aku sembahyang aku tidur dan aku bernikah dengan perempuan oleh kerana itu sesiapa yang tidak suka kepada sunnahku, maka ia bukan dari golonganku."

At-Tirmizi telah mengeluarkan satu riwayat dengan isnadnya dari ibn Abbas r.a., ada seorang lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata kepada beliau: "Biasanya apabila saya makan daging maka nafsu syahwat saya terus terbungkas terhadap perempuan dan saya terus dikongkong oleh keinginan seks. Oleh sebab itu saya haramkan daging ke atas diri saya." Lalu Allah turunkan ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُحَرِّمُواْ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang dihalalkan Allah untuk kamu."(87)

Adapun ayat khusus yang datang selepasnya yang membicarakan, tentang masalah sumpah iaitu:

Hukum Bersumpah Mengharamkan Diri Dari Sesuatu Yang Baik

لَا يُؤَاخِذُكُمُ ٱللَّهُ بِٱللَّغْوِ فِيٓ أَيْمَٰنِكُمْ وَلَٰكِن يُؤَاخِذُكُم بِمَا عَقَّدتُّمُ ٱلْأَيْمَٰنَ ۖ فَكَفَّٰرَتُهُۥٓ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَٰكِينَ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعِمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ ۖ فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ أَيَّامٍ ۚ ذَٰلِكَ كَفَّٰرَةُ أَيْمَٰنِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ ۚ وَٱحْفَظُوٓاْ أَيْمَٰنَكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٨٩﴾

"Allah tidak mengira kamu bersalah dengan sebab sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan, tetapi Allah mengira kamu bersalah dengan sumpah-sumpah yang disengajakan kamu. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan kepada sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang biasa kamu berikan kepada keluarga kamu atau memberi pakaian kepada mereka atau memerdekakan seseorang hamba. Dan sesiapa yang tidak dapat (membayar denda-denda itu), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Itulah denda sumpah-sumpah kamu jika kamu bersumpah (dan melanggarnya) dan jagalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur,"(89)

maka yang ketara ialah ayat ini diturunkan untuk menghadapi kes ini atau kes yang serupa dengannya, iaitu kes bersumpah mengharamkan diri dari perkara-perkara yang diharuskan syara' (Mubah) seperti yang telah dilakukan oleh beberapa orang sahabat yang telah bersumpah mengharamkan diri mereka dari perkara yang mubah itu. Oleh sebab itu Rasulullah s.a.w. melarang mereka dari perbuatan itu dan Al-Qur'anul-Karim melarang mereka dari perbuatan mengharamkan dan menghalalkan sesuatu dengan menggunakan pertimbangan diri sendiri, kerana mereka tidak mempunyai hak dan kuasa dalam urusan ini, malah hak dan kuasa ini hanya dimiliki oleh Allah sahaja Tuhan yang diimani mereka. Begitu juga ayat ini diturun untuk menghadapi setiap sumpah yang bermaksud menahan diri dari sesuatu yang baik atau sumpah untuk melakukan sesuatu yang tidak baik. Oleh sebab itu setiap sumpah yang dilihat oleh pesumpahnya bahawa di sana ada sesuatu yang lebih baik dari sumpah itu, maka wajiblah ia melakukan sesuatu yang lebih baik itu dan membayar denda sumpahnya dengan kifarat-kifarat yang telah diterangkan di dalam ayat ini.

Ujar Ibn Abbas sebab nuzul ayat ini ialah adanya kumpulan orang-orang yang mengharamkan makanan-makanan, pakaian-pakaian yang baik dan perkahwinan ke atas diri mereka dengan bersumpah dan apabila turun ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُحَرِّمُواْ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang dihalalkan Allah untuk kamu"(87)

mereka pula bertanya: "Bagaimana kita hendak buat dengan sumpah-sumpah kita?" Lalu turunlah ayat ini.

Ayat ini mengandungi hukum bahawa Allah s.a.w. tidak mengambil salah terhadap orang-orang Islam yang melafazkan sumpah yang tidak disengajakan, iaitu sumpah yang diucapkan oleh lisan tetapi tidak disimpul oleh hati dengan niat dan kehendak yang sungguh di samping menggalakkan mereka supaya jangan memandang ringan atau menjatuhkan

martabat sumpah dengan membanyakkan perbuatan bersumpah kosong, kerana sumpah dengan nama Allah seharusnya mempunyai kehormatan dan kehebatannya oleh itu ia tidak sewajarnya diucapkan dengan kosong begini sahaja.

Adapun sumpah yang disengajakan, iaitu sumpah yang disimpulkan dengan niat dan kehendak yang sungguh, maka perbuatan membatalkannya mewajibkan pembayaran denda yang diterangkan oleh ayat ini:

Denda Kerana Bersumpah

فَكَفَّٰرَتُهُۥٓ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَٰكِينَ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعِمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ ۖ فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ أَيَّامٍ ۚ ذَٰلِكَ كَفَّٰرَةُ أَيْمَٰنِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ ۚ

"Maka bayaran dendanya ialah memberi makan kepada sepuluh orang miskin dari jenis makanan sederhana yang biasa kamu berikan kepada keluarga kamu atau memberi pakaian kepada mereka atau memerdekakan seorang hamba. Dan sesiapa yang tidak dapat (membayar denda-denda itu), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Itulah denda sumpah-sumpah kamu jika kamu bersumpah."(89)

Maksudnya makanan sepuluh orang miskin itu hendaklah dari jenis makanan sederhana yang biasa diberikan oleh pesumpah kepada keluarganya. Kata-kata "ausat" boleh diertikan dengan "terbaik" atau dengan "sederhana" kedua-duanya termasuk di dalam ertikata-ertikata itu sekali pun jika kedua-dua erti ini di kumpul dan diselaraskan, maka ia tidak juga terkeluar dari tujuan kerana yang sederhana itulah yang terbaik dalam neraca pandangan Islam.

أَوْ كِسْوَتُهُمْ

"Atau memberi pakaian kepada mereka."(89)

Maksud yang lebih hampir pakaian itu hendaklah juga dari jenis pakaian yang sederhana/terbaik.

أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ ۖ

"Atau memerdekakan seorang hamba."(89)

Di sini tidak dinaskan bahawa hamba yang dimaksudkan itu ialah hamba yang Mu'min.Oleh sebab itu dalam persoalan ini berlaku khilaf Fiqhiyah yang tidak dapat dihuraikan di tempat ini.

فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ أَيَّامٍ ۚ

"Dan sesiapa yang tidak dapat (membayar denda-denda itu), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari."(89)

Puasa tiga hari ini merupakan kifarat atau denda yang dikembalikan kepadanya dalam kes sumpah sengaja apabila tidak mampu membayar denda-denda yang lain. Apakah yang dimaksudkan dengan tiga hari itu ialah selama tiga hari berturut-turut atau sebanyak tiga hari tanpa berturut-turut? Di sini juga terdapat khilaf Fiqhiyah kerana di dalam ayat ini tidak dinaskan berturut-turut. Perbincangan mengenai khilaf Fiqhiyah dalam masalah-masalah cabangan atau kecil ini tidaklah termasuk dalam methodologi pengajian kami dalam tafsir Fi Zilal ini. Oleh kerana itu sesiapa yang ingin mengetahuinya silalah rujuk kepada kitab-kitab fiqah dalam bab ini, kerana semua khilafiyah itu adalah sesuai dengan dasar yang kita sedang bicarakan, iaitu bayaran denda atau kifarat itu adalah bertujuan untuk mengembalikan kehormatan sumpah yang dibatalkan itu dan untuk menjaga dan mengawal sumpah itu dari dipermain-main dan dipermudah-mudahkan, kerana sumpah-sumpah itu merupakan 'aqad-'aqad atau perjanjian-perjanjian yang diperintah oleh Allah S.W.T. supaya dikota dan ditunaikannya. Oleh sebab itu apabila seseorang itu bersumpah (untuk melakukan sesuatu) dan di sana terdapat sesuatu yang lebih baik dan lebih memberi kebaktian dari apa yang disumpahkannya, maka hendaklah ia laksanakan sesuatu yang lebih baik dan lebih memberi kebaktian itu dan hendaklah ia membayar kifarat sumpah itu. Dan apabila ia bersumpah untuk melakukan sesuatu yang bukan dalam bidang hak dan kuasanya seperti mengharamkan dan menghalalkan sesuatu, maka hendaklah ia batalkan sumpah itu dan wajiblah ia membayar kifaratnya.

Selepas itu marilah kita kembali semula kepada maudhu' pokok (iaitu maudhu' hak menghalal dan mengharam) yang menjadi sebab turunnya ayat-ayat ini. Adapun dari segi "kekhususan sebab", maka Allah S.W.T. menyatakan bahawa segala apa yang dihalalkan Allah itulah "sesuatu yang baik" dan segala sesuatu yang diharamkannya itulah "sesuatu yang tidak baik atau keji" dan seseorang itu tidak berhak memilih untuk dirinya sesuatu hukum yang lain dari apa yang telah dipilih oleh Allah untuknya kerana dua sebab: Pertama, hak mengharamkan dan menghalalkan sesuatu itu adalah dari hak ciri-ciri Allah yang mengurniakan rezeki-rezeki yang di halal dan yang diharamkan. Jika hak ini dicabuli, maka itulah pencabulan yang tidak disukai Allah dan mengakibatkan keimanan seseorang itu tidak betul. Yang kedua, Allah telah menghalalkan benda-benda dan perkara-perkara yang baik, oleh itu tidaklah wajar bagi seseorang mengharamkan ke atas dirinya benda-benda dan perkara-perkara yang baik yang mendatangkan kebaikan kepada dirinya dan kepada kehidupannya itu, kerana skop penglihatannya terhadap dirinya sendiri dan terhadap kehidupannya tidak seluas skop penglihatan Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui yang telah menghalalkan benda-benda dan perkara-perkara yang baik ini. Andainya Allah mengetahui benda-benda dan perkara-perkara yang baik itu mengandungi bencana dan bahaya tentulah ia memelihara para hamba-Nya dari bencana dan bahaya itu. Dan andainya Allah mengetahui pengharaman diri dari benda-benda yang baik itu mendatangkan kebaikan

tentulah Allah tidak akan menghalalkan benda-benda yang baik itu, kerana tujuan kedatangan agama Islam ialah untuk mewujudkan kebajikan, kebaikan, keseimbangan yang mutlak dan keselarasan yang sempurna di antara tenaga-tenaga hidup manusia seluruhnya. Islam tidak mengabaikan sesuatu apa pun dari kehendak-kehendak keperluan fitrah manusia dan Islam juga tidak menindas sesuatu apa pun dari tenaga-tenaga manusia yang membina yang bekerja secara normal dan tidak menyimpang dari jalan yang lurus. Oleh sebab itulah Islam memerangi konsep hidup kerahiban (yang menolak perkahwinan), kerana ia menindaskan keinginan fitrah manusia, melumpuhkan tenaga dan menghalangkan kesuburan hayat yang hendak disuburkan Allah. Begitu juga Allah melarang manusia dari mengharamkan benda-benda dan perkara-perkara yang baik seluruhnya kerana benda-benda dan perkara-perkara yang baik merupakan faktor-faktor pembinaan hayat, kesuburan dan pembaharuannya. Tujuan Allah menjadikan hayat ini supaya ia terus berkembang subur dan membaharu dan supaya meningkat tinggi dengan perantaraan kesuburan dan pembaharuan yang dikendalikan dengan sistem hidup Ilahi. Konsep hidup kerahiban dan perbuatan mengharamkan benda-benda dan perkara-perkara yang baik yang lain adalah bercanggah dengan sistem hidup Ilahi, kerana ia memberhentikan roda kehidupan pada titik yang tertentu dengan alasan meluhurkan dan meningkatkan diri, sedangkan peluhuran dan peningkatan diri itu termasuk di dalam pro-gram sistem hidup Ilâhi mengikut susun cara yang mudah yang sesuai dengan fitrah manusia sebagaimana yang diketahui Allah.

Selain dari kekhususan sebab tidak membataskan keumuman nas[4], kerana keumuman ini berhubung kait dengan persoalan Uluhiyah dan tasyri' - sebagaimana telah diterangkan sebelum ini - iaitu satu persoalan yang tidak terbatas pada masalah halal dan haram di bidang makanan, minuman dan perkahwinan sahaja, malah ia merangkumi segala urusan kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan di dalam mana-mana bidang kehidupan:

Kami ulangi dan menekankan pengertian ini kerana ketersisihan Islam yang sebegitu lama dari bidang mengendalikan kehidupan manusia - yang menjadi bidang dan hakikat Islam - telah mengakibatkan bayangan pengertian-pengertian ungkapan ayat ini terkuncup atau terundur dari garisan hakikat yang dikehendaki di dalam Al-Qur'anul-Karim dan di dalam agama ini. Ia mengakibatkan bayangan pengertian istilah "halal" dan "haram" terkuncup di dalam tanggapan manusia hingga tanggapan itu tidak melangkaui lebih dari masalah-masalah binatang sembelihan yang disembelih atau makanan yang dimakan atau minuman yang diminum atau pakaian yang dipakai atau perkahwinan yang di 'aqadkan. Inilah sahaja bidang-bidang masalah yang ditanya oleh manusia kepada Islam untuk mendapat fatwa sama ada ia halal atau haram, sedangkan di dalam urusan-urusan umum dan bidang-bidang kegiatan hidup yang besar mereka bertanya dan mencari fatwa dari teori-teori, perlembagaan-perlembagaan dan undang-undang (ciptaan manusia) yang telah mengganti syari'at Allah. Kini keseluruhan peraturan kemasyarakatan, keseluruhan peraturan politik, keseluruhan peraturan dan undang-undang antarabangsa, keseluruhan ikhtisas Allah di bumi dan di dalam kehidupan manusia tidak lagi merupakan masalah-masalah yang dicari fatwa dan ditanya kepada Islam.

Sedangkan Islam adalah satu sistem yang merangkumi seluruh bidang hidup. Sesiapa yang mengikut seluruh sistem hidup Islam, maka Dialah orang yang sebenar Mu'min dan berpegang dengan agama Allah dan sesiapa yang mengikut sistem hidup yang lain walaupun dalam satu bidang hukum bererti ia telah menolak keimanan dan mencabul Uluhiyah Allah dan keluar dari agama Allah walau bagaimanapun ia mengisytiharkan dirinya sebagai seorang Muslim yang menghormati 'aqidah Islam, kerana perbuatannya yang mengikut syari'at yang lain dari syari'at Allah itu sendiri mendustakan dakwaannya dan mengecapkannya sebagai seorang yang keluar dari agama Allah.

Inilah persoalan semesta yang dikehendaki oleh nas-nas Al-Qur'an dan dijadikannya sebagai persoalan keimanan kepada Allah atau pencabulan terhadap Allah. Inilah skop nas-nas Al-Qur'an yang sebenar, iaitu satu skop yang sesuai dengan keseriusan agama Islam, keseriusan Al-Qur'an dan keseriusan konsep Uluhiyah dan konsep keimanan.

* * * * * *

Selaras dengan persoalan tasyri' yang berfungsi mengharam dan menghalal dan selaras dengan usaha mengaturkan garisan tarbiyah bagi umat Muslimin di Madinah dan usaha membersihkan mereka dari suasana-suasana jahiliyah, dari keladak-keladaknya dan dari tradisi-tradisinya sama ada tradisi-tradisi keperibadian atau tradisi-tradisi kemasyarakatan, maka ayat yang berikut mengemukakan keputusan yang tegas dan terakhir mengharamkan arak dan judi di samping mengharamkan berhala-berhala dan azlam iaitu mengharamkan perbuatan-perbuatan syirik:

(Pentafsiran ayat-ayat 90 - 93)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠

---

4 خصوص السبب لا يقيد عموم النص

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَن يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ
وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن
ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ ۖ فَهَلْ أَنتُم مُّنتَهُونَ ﴿٩١﴾
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَاحْذَرُوا ۚ فَإِن
تَوَلَّيْتُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ ﴿٩٢﴾
لَيْسَ عَلَى الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جُنَاحٌ
فِيمَا طَعِمُوا إِذَا مَا اتَّقَوا وَّآمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
ثُمَّ اتَّقَوا وَّآمَنُوا ثُمَّ اتَّقَوا وَّأَحْسَنُوا ۗ وَاللَّهُ
يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٩٣﴾
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَيَبْلُوَنَّكُمُ اللَّهُ بِشَيْءٍ مِّنَ
الصَّيْدِ تَنَالُهُ أَيْدِيكُمْ وَرِمَاحُكُمْ لِيَعْلَمَ اللَّهُ مَن
يَخَافُهُ بِالْغَيْبِ ۚ فَمَنِ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ
أَلِيمٌ ﴿٩٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! "(Ketahuilah) bahawa sesungguhnya arak, judi, memuja berhala-berhala dan meramal nasib dengan azlam itu adalah (amalan-amalan) kotor dari perbuatan syaitan. Kerana itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu mendapat keberuntungan (90). Sesungguhnya syaitan itu bertujuan untuk mencetuskan permusuhan dan perasaan benci membenci di antara kamu dalam (minuman) arak dan (permainan) judi dan menghalangkan kamu dari mengingati Allah dan mengerjakan solat. Oleh kerana itu apakah kamu tidak ingin berhenti? (91) Dan ta'atlah kamu kepada Allah serta ta'atlah kepada rasul dan hendaklah kamu berwaspada. Justeru itu jika kamu berpaling maka ketahuilah bahawa kewajipan rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas sahaja (92). Tidak ada apa-apa dosa di atas orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, disebabkan arak yang telah diminum mereka (sebelum diturunkan hukum haram) apabila mereka bertaqwa, beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh kemudian mereka terus bertaqwa dan beriman kemudian terus bertaqwa dan membuat amalan yang baik dan sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin."(93)

Arak, judi, berhala dan azlam merupakan ciri-ciri dari kehidupan jahiliyah dan merupakan tradisi-tradisi yang bertunjang begitu mendalam di dalam masyarakat jahiliyah. Semuanya merupakan seberkas (kejahatan) yang mempunyai pertalian yang mendalam dari segi amalannya dan dari segi kedudukannya sebagai ciri-ciri dan tradisi-tradisi masyarakat itu. Mereka minum arak secara keterlaluan dan mereka jadikannya dari aktiviti-aktiviti yang dimegah-megahkan mereka di dalam majlis-majlis minuman, di mana mereka bertanding dan berlumba-berlumba minum banyak. Mereka jadikan minum arak itu sebagai bahan kebanggaan dan sanjungan di dalam sajak-sajak mereka. Dan biasanya majlis-majlis minuman itu disertakan dengan pengorbanan binatang-binatang sembelihan dan memanggang daging untuk menjamu para peminum, para pelayan dan para peminat majlis-majlis itu yang datang berkumpul di sekelilingnya. Binatang-binatang itu disembelih di atas batu-batu berhala, iaitu berhala yang mereka sembelih binatang-binatang korban untuknya dan melumurkannya dengan darah-darah korban itu (sebagaimana mereka sembelih binatang-binatang korban untuk tuhan-tuhan, iaitu untuk sami-sami berhala-berhala itu). Bagi korban-korban yang disembelih di majlis-majlis minuman arak dan sebagainya dari majlis-majlis sosial yang serupa dengannya diadakan permainan judi dengan menggunakan azlam, iaitu anak-anak panah yang digunakan untuk menentukan habuan pembahagian daging-daging korban itu dan setiap orang akan memperolehi habuannya mengikut kadar yang ditentukan oleh anak panahnya. Orang yang mendapat anak panah al-Ma'alla umpamanya akan memperolehi habuan yang terbanyak sekali demikianlah sehingga sampai kepada orang yang memegang anak panah yang tidak mendapat apa-apa habuan walaupun orang ini tuan korban itu sendiri dan ini bererti ia kerugian segala-galanya. Demikianlah dapat di lihat dengan jelas pertalian yang wujud di antara adat-adat dan tradisi-tradisi sosial itu, juga dapat di lihat dengan jelas bagaimana tradisi-tradisi itu berlangsung mengikut situasi jahiliyah, dan kefahaman-kefahaman kepercayaannya.

Titik Gerakan Islam Dimula Pada 'aqidah

Sistem Islam tidak memulakan langkahnya dengan lebih dahulu berusaha mengubati tradisi-tradisi (yang buruk) ini kerana tradisi-tradisi ini ditegakkan di atas asas-asas i'tiqad yang rosak. Berdasarkan hakikat ini sebarang usaha untuk mengubati tradisi-tradisi ini dari atas permukaannya sahaja sebelum diubati asas-asas atau akar umbinya yang mendalam adalah sesuatu usaha yang sia-sia. Ini adalah satu usaha yang tidak akan dibuat oleh sistem Rabbani! Malah Islam memulakan langkah dari simpulan jiwa manusia yang pertama, iaitu dari simpulan 'aqidah. Islam memulakan langkahnya dengan mencabut segala kefahaman dan kepercayaan jahiliyah dari-akar umbinya dan menanam di tempatnya kefahaman dan kepercayaan Islam yang betul. Ia tegakkan kefahaman dan kepercayaan yang betul ini di tapak asas yang bertunjang pada fitrah manusia. Ia menjelaskan kepada manusia kerosakan kefahaman dan kepercayaan mereka terhadap Uluhiyah dan memimpin mereka kepada Tuhan yang sebenar. Dan apabila mereka telah mengenali Tuhan yang sebenar, maka barulah hati mereka mulai mendengar segala apa yang disukai dan tidak disukai oleh Tuhan Yang

Maha Hidup ini dari mereka. Sebelum sampai ke tahap (pengenalan atau ma'rifat) ini mereka belum bersedia untuk mendengar atau mematuhi sebarang suruhan atau larangan dan mereka tidak akan berhenti dari tradisi-tradisi jahiliyah mereka biarpun sebanyak mana diulangi larangan itu dan diberi nasihat. Tali ikatan fitrah manusia ialah tali ikatan 'aqidah. Selama tali ikatan ini tidak tersimpul kukuh dari awal-awal lagi, maka selama itulah program akhlak, tarbiyah dan reformasi tidak dapat ditegakkan di dalam fitrah manusia. Di sinilah terletaknya anak kunci fitrah manusia dan selama fitrah ini tidak dibuka dengan anak kuncinya, maka selama itulah jalan-jalan dan lorong-lorongnya tertutup rapat dan liku-likunya menjadi tersimpang-siur, di mana terbuka satu jalan tertutup pula jalan-jalan yang lain, cerah satu sudut, menggelap pula sudut-sudut yang lain, terhurai satu ikatan terkusut pula ikatan-ikatan yang lain, terserlah satu lorong terkatup pula lorong-lorong yang lain. Begitulah seterusnya tanpa sut.

Oleh sebab itulah sistem Islam tidak memulakan langkah untuk mengubati kejahatan-kejahatan dan penyelewengan-penyelewengan jahiliyah dari kejahatan-kejahatan dan penyelewengan-penyelewengan itu sendiri, malah ia memulakan langkah pengubatan itu dari 'aqidah, iaitu ia membuka langkah dengan syahadat La Ilaha Ilallah dan untuk membina konsep La Ilaha Ilallah ia mengambil satu jangka waktu yang panjang hingga sampai kira-kira tiga belas tahun lamanya dan tiada matlamat lain di sepanjang masa itu kecuali matlamat ini sahaja, iaitu memperkenalkan Tuhan yang sebenar kepada manusia dan mengajak mereka mengabdikan diri kepada Allah dan ta'at kepada kuasa-Nya. Sehingga apabila mereka membulatkan hati kepada Allah dan merasa bahawa mereka tidak lagi mempunyai pilihan yang lain dari apa yang telah di pilihkan Allah untuk mereka, di waktu ini barulah dimulakan dengan taklif-taklif termasuk syi'ar-syi'ar ibadat, di waktu ini barulah dimulakan proses membersihkan keladak-keladak jahiliyah, iaitu keladak-keladak sosial, ekonomi, psikologi, budi pekerti dan perilaku. Ia dimulakan sewaktu manusia telah bersedia untuk menta'ati perintah Allah tanpa sebarang bantahan, kerana mereka mengetahui bahawa mereka tidak mempunyai pilihan yang lain dari menta'ati dan mematuhi segala apa sahaja suruhan dan larangan Allah.

Atau dengan ungkapan yang lain: Perintah-perintah dan larangan-larangan adalah dimulakan selepas Islam, iaitu selepas menyerah diri kepada Allah dan selepas seseorang Muslim itu merasa tidak mempunyai suatu apa pun di dalam hatinya dan selepas ia tidak lagi memikirkan bahawa ia mempunyai pendapat dan pilihan yang lain dari perintah Allah atau seperti kata Al-Ustaz Abul Hasan an-Nadawi dalam bukunya: " ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين"di bawah judul "Terhurainya Kompleks Agung":

"Kompleks agung telah terhurai, iaitu kompleks syirik dan kufur dan dengan terhurainya kompleks agung ini terhurailah segala kompleks yang lain. Rasulullah s.a.w. telah melancarkan perjuangannya yang pertama terhadap mereka dan oleh kerana itu beliau tidak perlu lagi melancarkan perjuangan yang baru bagi setiap perintah dan larangan. Islam telah berjaya mengalahkan jahiliyah di dalam perjuangan yang pertama dan sejak itu Islam terus mendapat kemenangan dalam setiap perjuangannya. Mereka telah masuk ke dalam kedamaian (Islam) dengan seluruh jiwa raga mereka. Mereka tidak lagi menentang Rasulullah s.a.w. setelah mereka memahami hidayat dengan jelas. Mereka tidak merasa sesuatu perasaan terkilan di dalam hati mereka terhadap apa sahaja keputusan yang dibuat oleh beliau dan mereka tidak memikirkan sesuatu pilihan yang lain selepas menerima perintah atau larangan dari beliau. Mereka terus menceritakan kepada Rasulullah s.a.w. jika mereka melakukan kesalahan atau mengkhianati diri sendiri dan mereka mendedahkan jasad mereka untuk dihukum dengan hukuman yang berat jika mereka melakukan kesalahan yang mewajarkan hukum hudud. Semasa diturunkan ayat yang mengharamkan arak, gelas-gelas yang penuh dengan arak sedang berada di tangan mereka, tetapi perintah Allah itu telah menghalangkan bibir yang rakus dan perut yang lapar itu dari meneguk arak yang berada di tangan mereka. Mereka telah bertindak memecahkan tempayan-tempayan arak hingga mengalir di lorong-lorong Madinah"[5]

Dan walaupun begitu, namun pengharaman arak dan judi yang mempunyai hubungan yang rapat dengannya itu bukanlah sesuatu perintah yang mendadak, malah pengharaman itu telah didahului oleh peringkat-peringkat dan langkah-langkah awal untuk mengubati tradisi-tradisi sosial yang mempunyai akar umbi yang mendalam itu, iaitu tradisi-tradisi yang berhubung rapat dengan kebiasaan-kebiasaan manusia, juga berhubung rapat dengan setengah-setengah aspek ekonomi dan latar belakangnya.

Pengharaman ini merupakan peringkat yang ke tiga atau yang ke empat dari usaha-usaha untuk menangani masalah arak di dalam sistem Islam.

Peringkat pertama ialah peringkat melepaskan panah ke hala sasaran apabila Allah S.W.T. berfirman di dalam Surah an-Nahl:

وَمِن ثَمَرَٰتِ ٱلنَّخِيلِ وَٱلۡأَعۡنَٰبِ تَتَّخِذُونَ مِنۡهُ سَكَرٗا وَرِزۡقًا حَسَنًاۚ

"Dan dari buah kurma dan anggur kamu jadikan minuman arak dan rezeki yang baik."(67)

---

[5] *Muka surat 87-88 cetakan keempat.*

Peringkat-peringkat Pengharaman Arak

Perkara pertama yang mengetuk hati seseorang Mus-lim ialah mengapa Allah jadikan minuman arak (di dalam ayat ini) sebagai tandingan kepada rezeki yang baik seolah-olah minuman arak satu perkara dan rezeki yang baik satu perkara yang lain pula.

Kemudian peringkat yang kedua, iaitu peringkat merangsangkan di dalam hati kaum Muslimin kesedaran keagamaan melalui logik perundangan apabila turun ayat yang berikut di dalam Surah Al-Baqarah:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ۗ

"Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi katakanlah! Kedua-duanya mengandungi dosa yang besar dan manfa'at-manfa'at kepada manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfa'at kedua-duanya."(219)

Pernyataan ini menyarankan bahawa meninggalkan arak dan judi itu adalah lebih utama kerana dosanya lebih besar dari manfa'atnya. Memanglah jarang terdapat sesuatu yang tidak memberi apa-apa manfa'at, tetapi halal atau haramnya sesuatu itu adalah bergantung kepada kelebihan kemudaratan atau manfa'atnya.

Kemudian disusuli dengan langkah yang ketiga, iaitu langkah memecahkan adat kebiasaan minum arak dan mewujudkan percanggahan di antara adat kebiasaan minum arak dengan fardhu-fardhu solat apabila turun ayat di dalam Surah an-Nisa' yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu hampiri solat sedangkan kamu mabuk sehingga kamu mengetahui apa yang diucapkan oleh kamu."(43)

Masa solat lima waktu itu adalah berdekatan, dan masa lapang di antara waktu-waktu solat itu tidak cukup untuk mabuk dan pulih siuman. Perintah ini menyempitkan peluang untuk melakukan amalan adat kebiasaan minum arak terutama adat minum pagi dan minum petang selepas Asar atau Maghrib yang menjadi adat jahiliyah. Perintah ini juga membawa akibat memecahkan adat penagihan arak yang berkaitan dengan waktu-waktu minumnya. Dan seterusnya perintah ini - suatu perintah yang dipandang berat di dalam hati seseorang Muslim - mewujudkan percangahan di antara kesetiaan menunaikan fardhu-fardhu solat pada waktu-waktunya yang biasa dengan kesetiaan mengamalkan adat minum arak pada waktu-waktunya yang biasa.

Kemudian disusuli pula dengan langkah yang empat ini, iaitu satu langkah tegas dan terakhir setelah hati kaum Muslimin mempunyai kesediaan yang sempurna untuk mematuhi perintah, iaitu sebaik sahaja diberi perintah mereka akan terus menta'atinya dengan penuh kepatuhan.

Dari Umar ibn al-Khattab r.a. katanya: Dia telah berdo'a kepada Allah:

اللهم بين لنا فى الخمر بيانا شفاء

"Ya Allah ya Tuhanku! Terangkanlah kepada kami tentang hukum arak ini dengan penerangan yang jelas dan memuaskan." [6]

Lalu turunlah ayat yang berikut di dalam Surah Al-Baqarah:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ۗ

"Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi katakanlah: Kedua-duanya mengandungi dosa dan manfa'at-manfa'at kepada manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfa'at kedua-duanya."(219)

Kemudian dipanggil Umar r.a. dan dibacakan ayat ini kepadanya lalu dia berdo'a lagi "Ya Allah ya Tuhanku! Terangkanlah kepada kami tentang hukum arak ini dengan penerangan yang jelas dan memuaskan hati!" lalu turunlah ayat yang berikut di dalam Surah an-Nisa':

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu hampiri solat sedangkan kamu mabuk sehingga kamu mengetahui apa yang diucapkan oleh kamu."(43)

Kemudian dipanggil Umar r.a. dan dibacakan ayat ini kepadanya, lalu dia berdo'a lagi: 'Ya Allah ya Tuhanku! Terangkanlah kepada kami tentang hukum arak ini dengan penerangan yang jelas dan memuaskan hati!" Lalu turunlah ayat yang berikut di dalam Surah al-Ma'idah:

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَن يُوقِعَ بَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةَ وَٱلْبَغْضَآءَ فِى ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَعَنِ ٱلصَّلَوٰةِ ۖ فَهَلْ أَنتُم مُّنتَهُونَ ﴿٩١﴾

---

[6] *Mungkin penjelasan ayat di dalam surah an-Nahl itu menimbul rasa gelisah di dalam hati 'Umar r.a. dan merangsangkan keinginannya untuk mendapatkan satu penjelasan yang memuaskan hati. 'Umar - sebagaimana yang diceritakannya sendiri - adalah seorang lelaki minum di zaman jahiliyah dan ini membuktikan bagaimana adat minum arak itu untuk bertunjang kuat di dalam masyarakat jahiliyah.*

"Sesungguhnya syaitan itu bertujuan untuk mencetuskan permusuhan dan perasaan benci membenci di antara kamu dalam (minuman) arak dan (permainan) judi dan menghalangkan kamu dari mengingati Allah dan mengerjakan solat. Oleh kerana itu apakah kamu tidak ingin berhenti?"(91)

Kemudian dipanggil Umar r.a. dan dibacakan ayat ini kepadanya lalu dia berkata: "Kami telah berhenti! Kami telah berhenti!" (dikeluarkan oleh Ashabus-Sunan)

Apabila turun ayat-ayat yang mengharamkan arak di dalam tahun yang ketiga hijrah selepas Peperangan Uhud, maka perkara ini tidak memerlukan lebih dari seorang pengisytihar sahaja keluar mengumumkan di tempat-tempat perhimpunan ramai di Madinah: "Wahai kaum Muslimin! Arak telah diharamkan!" Maka lantas yang sedang memegang gelas arak di tangannya memecahkan gelas dan lantas yang sedang mengulum seteguk arak di dalam mulutnya meluahkannya keluar. Kemudian gariba-gariba (bekas-bekas dari kulit) yang berisi arak dibelahkan dan balang-balang arak dipecahkan dan segala-galanya berakhir seolah-olah mabuk dan minuman arak tidak pernah wujud.

Sekarang marilah kita mempelajari susunan kata ayat ini dan cara penjelasannya yang memperlihatkan satu methodologi tarbiyah dan bimbingan.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱلشَّيۡطَٰنُ أَن يُوقِعَ بَيۡنَكُمُ ٱلۡعَدَٰوَةَ وَٱلۡبَغۡضَآءَ فِي ٱلۡخَمۡرِ وَٱلۡمَيۡسِرِ وَيَصُدَّكُمۡ عَن ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَعَنِ ٱلصَّلَوٰةِۖ فَهَلۡ أَنتُم مُّنتَهُونَ ٩١ وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَٱحۡذَرُواْۚ فَإِن تَوَلَّيۡتُمۡ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ٩٢

"Wahai orang-orang yang beriman! (Ketahuilah) bahawa sesungguhnya arak, judi, (memuja) berhala-berhala dan meramal nasib dengan azlam itu adalah (amalan-amalan) kotor dari perbuatan syaitan. Kerana itu hendaklah kamu jauhinya supaya kamu mendapat keberuntungan (90). Sesungguhnya syaitan itu bertujuan untuk mencetuskan permusuhan dan perasaan benci membenci di antara kamu dalam (minuman) arak dan (permainan) judi dan menghalangkan kamu dari mengingati Allah dan mengerjakan solat. Oleh kerana itu apakah kamu tidak ingin berhenti?(91). Dan ta'atlah kamu kepada Allah serta ta'atlah kepada rasul dan hendaklah kamu berwaspada. Justeru itu jika kamu berpaling maka ketahuilah bahawa kewajipan rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas sahaja."(92)

Ia mulakan dengan bentuk seruan biasa di dalam bahagian ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ

"Wahai orang-orang yang beriman!"(90)

untuk merangsangkan hati para Mu'minin dari satu segi dan dari satu segi yang lain untuk mengingatkan mereka terhadap kehendak-kehendak keimanan, iaitu menunjukkan kepatuhan dan keta'atan.

Kemudian seruan itu disusuli dengan penjelasan yang tegas dalam bentuk ungkapan penguat kata yang memberi penekanan yang sempurna iaitu "Hanyasanya":

إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ

"(Ketahuilah) bahawa sesungguhnya arak, judi, (memuja) berhala-berhala dan meramal nasib dengan azlam itu adalah amalan-amalan kotor dari perbuatan syaitan."(90)

Yakni semuanya adalah kotor tidak tercakup di dalam istilah "benda-benda yang baik" yang telah dihalalkan Allah. Semuanya itu adalah dari perbuatan syaitan dan syaitan adalah musuh lama manusia. Dengan semata-mata mengetahui bahawa sesuatu itu adalah dari perbuatan syaitan cukuplah kepada hati seseorang Mu'min untuk merasa jijik dan benci terhadapnya dan untuk menjadikannya takut dan menjauhkan diri darinya.

Dalam detik yang sama juga ayat yang berikut mengeluarkan perintah yang disertakan dengan galakan supaya mencapai keberuntungan. Ini merupakan satu lagi sentuhan dari sentuhan-sentuhan saranan kejiwaan yang amat mendalam:

فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠

"Kerana itu hendaklah kamu jauhinya supaya kamu mendapat keberuntungan."(90)

Kemudian ayat yang berikut mendedahkan perencanaan syaitan di sebalik perbuatan-perbuatan yang kotor itu.

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱلشَّيۡطَٰنُ أَن يُوقِعَ بَيۡنَكُمُ ٱلۡعَدَٰوَةَ وَٱلۡبَغۡضَآءَ فِي ٱلۡخَمۡرِ وَٱلۡمَيۡسِرِ وَيَصُدَّكُمۡ عَن ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَعَنِ ٱلصَّلَوٰةِۖ

"Sesungguhnya syaitan itu bertujuan untuk mencetuskan permusuhan dan perasaan benci membenci di antara kamu dalam (minuman) arak dan (permainan) judi dan

menghalangkan kamu dari mengingati Allah dan mengerjakan solat."(91)

Dengan penjelasan ini terdedahlah matlamat syaitan kepada hati seseorang Muslim dan terbukalah tujuan tipudayanya dan akibat kekotorannya, iaitu matlamat menimbulkan perseteruan dan perasaan benci membenci di dalam barisan Muslimin melalui penagihan arak dan permainan judi, juga menghalangkan "orang-orang yang beriman" dari mengingati Allah dan mengerjakan solat. Alangkah licinnya tipudaya syaitan!

Perancangan Dan Matlamat Syaitan Dalam Arak Dan Judi Sangat Mudah Dikesan

Matlamat-matlamat yang dirancangkan oleh syaitan itu merupakan perkara-perkara yang benar-benar berlaku dan dapat di lihat oleh kaum Muslimin di alam kenyataan setelah disahkannya dari penjelasan Ilahi yang benar itu sendiri. Oleh itu tidaklah perlu bagi seseorang membuat kajian yang lama untuk mengetahui bahawa syaitan menimbulkan perseteruan dan perasaan benci membenci di antara orang ramai melalui arak dan judi. Arak dengan akibat-akibatnya yang menghilangkan siuman-siuman, merangsangkan kegalakan daging dan darah dan membangkitkan keinginan-keinginan nafsu dan dorongan-dorongan yang mendadak, begitu juga judi yang menjadi teman setia arak dengan akibat-akibatnya yang menimbulkan perasaan-perasaan kecewa dan dendam kesumat terhadap yang menang yang telah mengaut hartanya di hadapan matanya dan melesapkannya sebagai pemenang, sedangkan dia kalah dan tidak dapat berbuat apa-apa, tentulah akibat-akibat yang seperti ini menimbulkan perseteruan dan perasaan benci membenci walaupun arak dan judi itu dapat mengumpulkan teman-teman dalam majlis-majlis yang riang, gembira, riuh, becok dan bebas lepas yang membuat pandangan yang dangkal terperasan bahawa arak dan judi itu mendatangkan kemesraan dan kebahagiaan.

Adapun akibat yang menghalangkan seseorang dari mengingati Allah dan mengerjakan solat, maka ia tidak memerlukan kepada kajian, kerana arak menjadikan seseorang itu lupa dan judi menjadikannya lalai dan keadaan ketidaksedaran di dalam permainan judi tidak kurang dari keadaan ketidaksedaran dalam penagihan arak di sisi para penjudi. Dan dunia penjudi sama dengan dunia pemabuk iaitu tidak melewati meja-meja, gelas-gelas dan alat-alat judi.

Demikianlah apabila maksud dari isyarat ayat ini yang menudingkan kepada matlamat syaitan di dalam perbuatan-perbuatan yang kotor itu sampai kepada tujuannya, iaitu dapat menyedarkan hati para Mu'min dan mempertajamkan kewaspadaan mereka, maka ayat yang berikut mengemukakan pertanyaan yang tidak ada jawapannya di waktu itu melainkan jawapan Umar r.a. ketika ia mendengar pertanyaan ini:

"Oleh kerana itu apakah kamu tidak ingin berhenti?"(91)

di mana ia terus menjawab: "Kami telah berhenti, kami telah berhenti".

Tetapi selepas itu ayat yang berikut memetikkan nada pertanyaannya yang agung:

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَٱحْذَرُوا۟ ۚ فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٩٢﴾

"Dan ta'atlah kamu kepada Allah serta ta'atlah kepada rasul dan hendaklah kamu berwaspada. Justeru itu jika kamu berpaling maka ketahuilah bahawa kewajipan rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas sahaja."(92)

Itulah dasar yang dirujukkan kepadanya segala urusan, iaitu dasar ta'at kepada Allah dan ta'at kepada rasul. Itulah (gambaran) Islam yang tiada lagi intisarinya melainkan keta'atan yang mutlak kepada Allah dan rasul, di samping memberi amaran dari perbuatan melanggar perintah dan menyampaikan ancaman secara halus:

فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٩٢﴾

"Justeru itu jika kamu berpaling maka ketahuilah bahawa kewajipan rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas sahaja."(92)

Rasulullah s.a.w. telah menyampai dan menjelas dan dengan penyampaian itu, maka tanggungjawab adalah terletak di atas mereka yang melanggar perintah sesudah mendapat penjelasan.

Itulah satu ancaman yang tegas dalam gaya cara pengungkapan yang halus yang membuat bulu roma para Mu'minin meremang tegak. Perbuatan mereka yang menderhaka dan tidak ta'at itu tidak memudharatkan sesiapa pun kecuali diri mereka sendiri. Rasulullah s.a.w. telah menyampai dan menunaikan kewajipannya dan beliau telah terlepas tangan dari mereka. Oleh itu jelaslah bahawa beliau tidak bertanggungjawab terhadap mereka dan tidak dapat menolak mana-mana 'azab keseksaan dari mereka, kerana mereka menderhaka dan tidak menta'atinya dan seluruh nasib mereka terserah kepada Allah S.W.T. yang berkuasa menghukum para penderhaka yang berpaling dari ajaran-Nya.

Itulah methodologi Rabbani mengetuk pintu hati manusia dan menyebabkan segala pintu, jalan dan liku-liku hati mereka yang tertutup itu terbuka kepadanya.

Barang kali di sini eloklah kami terangkan apakah yang dimaksudkan dengan istilah - arak yang kerananya diturunkan larangan ini:

Definisi Arak

Abu Daud telah mengeluarkan (sebuah hadith) dengan sanadnya dari Ibn Abbas r.a.:

كل مخمر خمر. وكل مسكر حرام

"*Setiap yang memabuk itu arak dan setiap yang memabuk itu haram.*"

'Umar r.a. telah berucap di atas mimbar Nabi s.a.w. di hadapan sekumpulan sahabat katanya: "Wahai manusia! Pengharaman arak telah diturunkan pada harinya yang tepat dan arak itu adalah diperbuat dari lima bahan, iaitu buah anggur, buah tamar, madu, gandum dan beras belanda. Dan arak itu ialah setiap yang mengacaukan akal" (disebut oleh al-Qurtubi di dalam tafsirnya).

Keterangan-keterangan ini menunjukkan bahawa arak itu merangkumi setiap yang mengacaukan akal dan menyebabkan seseorang itu mabuk dan ia tidak terhenti di atas sejenis arak yang tertentu sahaja dan setiap yang memabuk itu haram.

Setiap Muslim Disaran Hidup Dengan Positif Dan Berani Menghadapi Realiti

Keadaan ketidaksedaran kerana mabuk - yang disebabkan oleh apa sahaja yang memabukkan - itu adalah bertentangan dengan keadaan sedar yang diwajibkan oleh Islam ke atas hati seseorang Muslim supaya berhubung dengan Allah pada setiap masa dan bermuraqabah dengan Allah pada setiap langkah dan seterusnya supaya dengan kesedaran ini ia dapat menjadi seorang yang positif di dalam mengendalikan perkembangan dan pembaharuan kehidupan, juga dalam rangka usaha memelihara kehidupan dari kelemahan dan kerosakan, memelihara diri sendiri, harta dan maruah dan memelihara keamanan kelompok Muslimin, undang-undang dan peraturannya dari segala pencerobohan. Seseorang Muslim tidaklah sekali-kali ditinggalkan bebas kepada dirinya dan kepada keni'matan-keni'matannya, kerana pada setiap waktu ia harus memikul tugas-tugas yang memerlukan kesedaran yang berterusan, iaitu tugas-tugas terhadap Allah, tugas-tugas terhadap dirinya, tugas-tugas terhadap keluarganya, tugas-tugas terhadap kelompok manusia, di mana ia hidup bersama mereka dan tugas-tugas terhadap manusia seluruhnya, yang mana ia harus berda'wah kepada mereka dan membimbing mereka ke arah hidayat. Pendeknya ia dikehendaki berada di dalam kesedaran yang berterusan untuk melaksanakan tugas-tugas ini dan hingga sekalipun di sa'at-sa'at ia sedang meni'mati ni'mat-ni'mat yang baik. Islam mewajibkan ke atasnya supaya berwaspada terhadap keni'matan-keni'matan itu agar ia tidak menjadi hamba nafsu syahwat dan hamba kelazatan dan keni'matan. Ia harus sentiasa mengawal keinginan-keinginan dan kehendak-kehendak nafsunya. Dan apabila ia hendak melayani kehendak-kehendak keinginannya, maka ia harus melayaninya selaku seorang yang tahu mengawal dirinya. Keadaan ketidaksedaran kerana mabuk itu sama sekali tidak sesuai dengan arah tujuan ini.

Kemudian keadaan ketidaksedaran itu sendiri pada hakikatnya merupakan satu bentuk pelarian dari realiti hidup di dalam mana-mana masa yang tertentu, juga merupakan suatu kecenderungan ke arah pemikiran khayal yang dirangsangkan oleh kemabukan, sedangkan Islam melarang manusia menggunakan cara pelarian ini, malah Islam mahu manusia berani melihat dan berdepan dengan realiti, juga supaya hidup dalam realiti dan mengendalikan kehidupan mereka mengikut realiti. Islam tidak mahu manusia membangunkan kehidupan ini di atas pemikiran khayal dan waham-waham yang karut kerana kesanggupan menghadapi realiti-realiti itu merupakan batu ujian keazaman dan kemahuan yang kukuh. Tindakkan melarikan diri dari realiti-realiti kepada pemikiran-pemikiran khayal dari waham-waham yang karut adalah jalan menuju kepada kehancuran, kelemahan azam dan kelarutan kemahuan, sedangkan Is-lam selama-lamanya memberi perhatian yang berat terhadap tarbiyah kemahuan dan terhadap usaha membebaskannya dari belenggu adat kebiasaan penagihan arak yang kuat itu. Pertimbangan ini sahaja sudah cukup dari sudut pandangan Islam untuk mengharamkan arak dan segala jenis dadah, kerana arak itu adalah suatu kekotoran dari perbuatan syaitan yang merosakkan kehidupan manusia.

Apakah Yang Najis, Zat Arak Atau Minumnya?

Para fuqaha' telah berselisih pendapat dalam menentukan hukum sama ada arak itu sendiri najis seperti najis-najis fizikal yang lain atau minum arak itu sahaja yang dihukumkan haram. Pendapat yang pertama ialah pendapat Jumhur ulama' dan pendapat yang kedua ialah pendapat Rabi'ah, Al-Layth bin Sa'd dan Al-Muzani sahabat As-Syafi'i dan setengah-setengah ulama' mutaakhirin dari ulama' Baghdad. Cukuplah sekadar ini (huraian khilaf fuqaha') untuk tafsir Fi Zilalil-Qur'an.

Satu perkara telah berlaku iaitu apabila turunnya ayat-ayat ini yang telah menyebut pengharaman arak dan menyifatkan arak sebagai suatu kekotoran dari perbuatan syaitan, maka tercetuslah dua suara kemusykilan yang lantang dan mencabar - dari segi bentuk ungkapan - tetapi kedua-duanya masing-masing mempunyai motif dan matlamat yang berlainan.

Amalan Minum Arak Sebelum Diturunkan Nas

Setengah-setengah sahabat yang terkilan dan menyegani dosa telah merungut: Bagaimana dengan sahabat-sahabat kita yang telah meninggal dunia, sedangkan mereka telah minum arak? Atau berkata: Bagaimana pula dengan orang-orang yang telah gugur di dalam Peperangan Uhud dan mengisi arak di dalam perut mereka (sebelum pengharaman arak)?

Sementara setengah-setengah (Munafiqin) yang ingin menabur keraguan dan bertujuan menimbulkan keadaan gelisah dan serba salah telah mengeluarkan kata-kata atau rungutan yang sama, tetapi mempunyai matlamat untuk menimbulkan di dalam hati orang ramai perasaan betapa sia-sianya keimanan orang-orang yang telah mati sebelum pengharaman arak itu. Kerana arak adalah suatu kekotoran dari perbuatan syaitan sedangkan mereka mati membawa arak di dalam perut mereka!

Di waktu inilah turunnya ayat yang berikut:

لَيْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ جُنَاحٌ فِيمَا طَعِمُوٓا۟ إِذَا مَا ٱتَّقَوا۟ وَّءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ ثُمَّ ٱتَّقَوا۟ وَّءَامَنُوا۟ ثُمَّ ٱتَّقَوا۟ وَّأَحْسَنُوا۟ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٩٣﴾

"Tidak ada apa-apa dosa di atas orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, disebabkan arak yang telah diminum mereka (sebelum diturunkan hukum haram) apabila mereka bertaqwa, beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh kemudian mereka terus bertaqwa dan beriman kemudian terus bertaqwa dan membuat amalan yang baik dan sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin."(93)

Ayat ini diturunkan untuk menjelaskan pertama, bahawa sesuatu yang belum diharamkan itu adalah tidak haram dan bahawa pengharaman itu adalah bermula dari turunnya nas (pengharaman) bukan sebelumnya dan sesuatu yang diharamkan itu tidak diharamkan dengan kesan kuatkuasa kebelakangan. Oleh sebab itu tidak ada hukuman melainkan dengan nas sama ada di dunia atau di Akhirat, kerana nas sahaja yang berkuat kuasa mewujudkan hukuman dan orang-orang yang mati yang membawa arak di dalam perut mereka - sebelum ia diharamkan - tidaklah menanggung apa-apa dosa kerana mereka tidak meminum sesuatu yang telah diharamkan dan tidak melakukan apa-apa maksiat. Mereka takut kepada Allah dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, mereka bermuraqabah dengan Allah dan mereka yakin bahawa Allah melihat segala niat dan perbuatan mereka. Dan sesiapa yang berada di dalam keadaan ini maka bererti ia tidak meminum sesuatu yang haram dan melakukan sesuatu maksiat.

Dalam konteks ini, kami tidak mahu masuk ke dalam perdebatan yang ditimbulkan oleh kumpulan Mu'tazilah di sekitar hukum bahawa arak itu kotor, iaitu adakah hukum haram ini terbit dari perintah Allah S.W.T. yang mengharamkannya atau terbit dari sifat kotor yang melazimi arak itu sendiri. Dan adakah benda-benda yang diharamkan itu adalah diharamkan kerana sifat-sifat yang melaziminya atau apakah sifat ini melazimi benda-benda yang diharamkan itu dengan sebab nas yang mengharamkannya, kerana perdebatan ini menurut pandangan kami adalah satu perdebatan yang tidak berfaedah dan asing dari tanggapan Islam! Apabila Allah S.W.T. mengharamkan sesuatu, maka sudah tentu Dia mengetahui sebabnya mengapa Dia mengharamkannya sama ada Dia menyebut sebab pengharaman itu atau tidak dan sama ada pengharaman itu kerana sifat (keji) yang melazimi sesuatu yang diharamkan itu atau kerana sesuatu sebab yang berhubung kait dengan orang yang meminumnya dari segi tubuhnya atau dari segi maslahat dan kebaikan kelompok Muslimin. Tegas kata, Allah S.W.T. mengetahui segala urusan ini. Oleh sebab itu segala perintah-Nya wajib dita'ati dan sebarang perdebatan selepas itu bukanlah merupakan satu keperluan yang bersifat realistik, sedangkan sifat realistik itu adalah menjadi ciri sistem Rabbani. Janganlah sekali-kali ada orang yang sanggup mendebati begini: Jika pengharaman itu kerana sifat (keji) yang melazimi sesuatu yang diharamkan itu, maka mengapa pula ia diharuskan/dimubahkan sebelum ia diharamkan? Kerana Allah S.W.T. tentulah mempunyai sesuatu hikmat apabila dia meninggalkan perkara itu seketika tanpa diharamkan. Sebenarnya teraju perkara ini adalah terpulang kepada Allah belaka dan inilah kehendak dari Uluhiyah Allah S.W.T. Pandangan elok atau pandangan buruk manusia bukanlah menjadi asas hukum dalam perkara ini kerana apa yang dilihat oleh manusia sebagai illat hukum boleh jadi bukan 'illat hukum yang sebenar, sedangkan adab sopan terhadap Allah mewajibkan manusia menerima hukum-hukum Allah dan melaksanakannya sama ada hikmat atau illat hukum-hukum itu diketahui olehnya atau masih belum diketahui olehnya.

"Dan Allahlah yang amat mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."

(Surah an-Nur: 19)

Langkah mengamalkan syari'at Allah pastilah dari awal-awal lagi ditegakkan di atas 'Ubudiyah atau ditegakkan di atas keta'atan untuk menzahirkan 'Ubudiyah kepada Allah S.W.T. Inilah Islam dengan ertikata penyerahan diri yang bulat kepada Allah. Dan selepas keta'atan itu diharuskan kepada akal manusia mencari hikmat Allah - sekadar yang terdaya olehnya - di sebalik suruhan-suruhan dan larangan-larangan-Nya sama ada Allah telah menerangkan hikmatnya atau tidak dan sama ada hikmat itu dapat difaham oleh akal manusia atau tidak. Oleh sebab itu pengadil yang dapat memutuskan pandangan baik syari'at Allah terhadap sesuatu perkara itu bukanlah manusia, tetapi ialah Allah S.W.T. sendiri. Oleh kerana itu apabila Allah telah mengeluarkan sesuatu perintah atau larangan-Nya, maka tamatlah segala perdebatan dan berkuatkuasalah perintah dan larangan itu, tetapi jika kuasa pengadilan itu ditinggalkan kepada pertimbangan akal manusia, maka ini bererti bahawa manusia itulah yang menjadi rujukan yang terakhir tentang undang-undang dan peraturan Allah. Jika

demikian di manakah maqam Uluhiyah dan di manakah maqam 'Ubudiyah?

Setakat ini kami tamatkan pembicaraan ini untuk beralih kepada pembicaraan mengenai susunan ungkapan ayat ini dan maksud dari susunan itu:

لَيْسَ عَلَى الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جُنَاحٌ فِيمَا طَعِمُوا إِذَا مَا اتَّقَوْا وَآمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ثُمَّ اتَّقَوْا وَآمَنُوا ثُمَّ اتَّقَوْا وَأَحْسَنُوا ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٩٣﴾

"Tidak ada apa-apa dosa di atas orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, disebabkan arak yang telah diminum mereka (sebelum diturunkan hukum haram) apabila mereka bertaqwa, beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh kemudian mereka terus bertaqwa dan beriman kemudian terus bertaqwa dan membuat amalan ihsan dan sesungguhnya Allah kasihkan para Muhsinin."(93)

Saya belum menemui pentafsiran-pentafsiran para mufassirin yang memuaskan hati saya tentang susunan ungkapan yang disusun sedemikian rupa, di mana diulang-ulangkan kata-kata taqwa, iaitu sekali disebut bersama iman dan amal soleh, sekali pula disebut bersama iman sahaja dan sekali lagi disebut bersama ihsan, begitu juga saya belum menemui pentafsiran yang memuaskan hati sehingga sekarang dalam tafsir saya sendiri (Fi Zilalil-Qur'an) cetakan pertama tentang maksud ungkapan taqwa yang berulang-ulang itu. Penjelasan yang paling elok yang saya pernah baca - walaupun tidak sampai ke tahap yang memuaskan hati saya - ialah penjelasan yang diberikan oleh Ibn Jarir at-Ṭabari katanya: "Maksud kata-kata taqwa yang pertama ialah bertaqwa menerima perintah Allah dengan menjunjung, mempercayai, menta'ati dan mengamalkannya, dan maksud dari kata-kata taqwa yang kedua ialah bertaqwa dengan mempercayai perintah Allah dengan penuh keteguhan hati, dan yang ketiga ialah bertaqwa dengan mengelakkan amalan dan mendampingkan diri kepada Allah melalui ibadat-ibadat sunat.

Penjelasan yang saya sebutkan di dalam cetakan yang pertama di tempat ini ialah ulangan ini adalah bertujuan memberi. penekanan melalui perincian selepas disebutkannya secara umum, kerana di dalam keterangan yang pertama Allah telah menyebut taqwa, iman dan amal soleh secara umum kemudian ia menyebut taqwa bersama iman dalam keterangan yang kedua dan menyebut taqwa sekali lagi bersama ihsan - iaitu amalan yang soleh - dalam keterangan yang ketiga. Penekanan ini memang dimaksudkan di sini untuk menguatkan pengertian ini dan untuk menonjolkan satu peraturan yang tetap dalam menilaikan amalan-amalan dengan kriteria perasaan batin yang menemani amalan itu. Oleh itu perasaan taqwa iaitu perasaan yang peka terhadap riqabah/pengawasan Allah, hubungan yang kukuh dengan Allah pada setiap waktu, keimanan (yang teguh) kepada Allah, kepercayaan terhadap perintah dan larangan-Nya, amalan soleh yang merupakan terjemahan dari 'aqidah batin dan hubungan yang bertimbal balik di antara 'aqidah batin dengan amalan zahir yang mengungkapkannya itulah yang menjadi asas penilaian bukannya gejala-gejala dan rupa bentuk yang lahir. Peraturan penilaian ini perlu ditekan, diulang dan diterangkan dengan jelas.

Dan sehingga masa kini saya merasa penjelasan ini belum lagi memuaskan hati saya, tetapi penjelasan yang lain belum lagi dibukakan Allah kepada saya. Kepada Allah dipohonkan pertolongan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 94 - 100)

Kemudian rangkaian ayat-ayat yang berikut terus memasuki bidang pengharaman dan penghalalan, di mana ia membicarakan hukum binatang buruan dalam masa ihram dan denda kerana kesalahan membunuh buruan itu, juga menerangkan tentang hikmat Allah yang mengharamkan Baitul-Haram, bulan-bulan haram, binatang-binatang korban dan binatang-binatang kalungan yang dilarang mengganggunya di bahagian awal surah ini, kemudian rangkaian ini ditamatkan dengan meletakkan neraca nilai, untuk digunakan oleh seseorang Muslim dan kelompok Muslimin, iaitu neraca yang memberi timbangan yang berat kepada amalan yang baik - walaupun sedikit -yang mengatasi amalan yang buruk:

لَيْسَ عَلَى الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جُنَاحٌ فِيمَا طَعِمُوا إِذَا مَا اتَّقَوْا وَآمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ثُمَّ اتَّقَوْا وَآمَنُوا ثُمَّ اتَّقَوْا وَأَحْسَنُوا ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٩٣﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرُمٌ ۚ وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمِّدًا فَجَزَاءٌ مِثْلُ مَا قَتَلَ مِنَ النَّعَمِ يَحْكُمُ بِهِ ذَوَا عَدْلٍ مِنْكُمْ هَدْيًا بَالِغَ الْكَعْبَةِ أَوْ كَفَّارَةٌ طَعَامُ مَسَاكِينَ أَوْ عَدْلُ ذَٰلِكَ صِيَامًا لِيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهِ ۗ عَفَا اللَّهُ عَمَّا سَلَفَ ۚ وَمَنْ عَادَ فَيَنْتَقِمُ اللَّهُ مِنْهُ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو انْتِقَامٍ ﴿٩٥﴾

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ ٱلْبَحْرِ وَطَعَامُهُۥ مَتَٰعًا لَّكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ ۖ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ ٱلْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا ۗ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِىٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٩٦﴾

جَعَلَ ٱللَّهُ ٱلْكَعْبَةَ ٱلْبَيْتَ ٱلْحَرَامَ قِيَٰمًا لِّلنَّاسِ وَٱلشَّهْرَ ٱلْحَرَامَ وَٱلْهَدْىَ وَٱلْقَلَٰٓئِدَ ۚ ذَٰلِكَ لِتَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَأَنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٩٧﴾

ٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ وَأَنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٨﴾

مَّا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ ﴿٩٩﴾

قُل لَّا يَسْتَوِى ٱلْخَبِيثُ وَٱلطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ ٱلْخَبِيثِ ۚ فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ يَٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠٠﴾

"Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebahagian dari binatang buruan yang mudah ditangkap oleh tangan dan lembing kamu supaya Allah mengetahui orang yang takut kepada-Nya dengan keadaan ghaib (tanpa melihat-Nya) dan sesiapa yang menceroboh selepas itu, maka ia akan memperolehi 'azab yang amat pedih (94). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang buruan semasa kamu berihram. Barang siapa di antara kamu yang membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya ialah menggantikannya dengan binatang ternakan seimbang dengan buruan yang telah dibunuhnya, yang akan ditetapkannya oleh dua orang yang adil di antara kamu sebagai hadiah yang disampaikan ke Ka'bah (untuk disembelih dan dibahagikan dagingnya kepada fakir miskin di tanah suci). Atau membayar kifarat, iaitu memberi makan kepada orang-orang miskin atau berpuasa sebanyak bilangan cupak yang diberikan kepada orang-orang miskin supaya dia merasakan akibat buruk dari perbuatannya. Allah telah memaafkan perbuatan (membunuh buruan) yang telah lalu dan barang siapa yang kembali melakukannya nescaya Allah akan membalasnya dan Allah Maha Perkasa dan Berkuasa mengenakan hukuman balasan (95). Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan dari laut sebagai ni'mat yang lazat bagi kamu dan bagi orang-orang yang belayar, dan diharamkan ke atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu dalam ihram. Bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu kelak akan dikumpulkan mengadap-Nya (96). Allah telah menjadikan Ka'bah rumah yang suci itu sebagai pusat perhimpunan manusia, juga menjadikan bulan haram, binatang-binatang hadiah, binatang-binatang kalungan supaya kamu mengetahui bahawa Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi dan bahawa Allah Maha Mengetahui terhadap segala sesuatu (97). Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah itu amat berat hukuman-Nya dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih (98). Tiada kewajipan yang ditugaskan kepada rasul melainkan hanya menyampaikan (perintah-perintah Allah) dan Allah mengetahui segala apa yang kamu lahirkan dan segala apa yang kamu sembunyikan (99). Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sama yang buruk dengan yang baik walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hati engkau. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal supaya kamu mendapat keberuntungan."(100)

Di awal surah ini Allah S.W.T. telah berfirman kepada orang-orang yang beriman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَوْفُوا۟ بِٱلْعُقُودِ ۚ أُحِلَّتْ لَكُم بَهِيمَةُ ٱلْأَنْعَٰمِ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّى ٱلصَّيْدِ وَأَنتُمْ حُرُمٌ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ ﴿١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Tunaikanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan kepada kamu binatang-binatang ternakan kecuali binatang yang akan dibacakan (hukum haramnya selepas ini) kepada kamu dan (kecuali) kamu tidak boleh menghalalkan perburuan ketika kamu sedang berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya."(1)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحِلُّوا۟ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ وَلَا ٱلشَّهْرَ ٱلْحَرَامَ وَلَا ٱلْهَدْىَ وَلَا ٱلْقَلَٰٓئِدَ وَلَآ ءَآمِّينَ ٱلْبَيْتَ ٱلْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَٰنًا ۚ وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَٱصْطَادُوا۟ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghalalkan syi'ar-syi'ar Allah, juga jangan kamu menghalalkan bulan haram, jangan kamu (mengganggu) binatang-binatang hadiah dan binatang-binatang yang dikalong dan janganlah kamu mengganggu para pengunjung Baitullah dan mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka dan apabila kamu berada dalam ihlal, maka bolehlah kamu berburu."(2)

Hukum Berburu Dalam Masa Ihram

Ayat ini melarang menghalalkan buruan semasa mereka di dalam ihram, menghalalkan syi'ar-syi'ar Allah, menghalalkan bulan-bulan haram atau binatang-binatang korban dan binatang kalungan (untuk dikorbankan) atau mengganggu pengunjung-pengunjung Baitullah tanpa mengenakan apa hukuman di dunia ke atas orang yang melanggar larangan itu, malah hanya menanggung dosa sahaja, tetapi sekarang Allah menerangkan hukuman denda atau kifarat dengan tujuan supaya:

لِّيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهِۦ

"Supaya ia merasakan akibat buruk dari perbuatannya"(95)

dan mengumumkan kemaafan terhadap kesalahan-kesalahan yang telah lepas, iaitu kesalahan menghalalkan perkara-perkara yang haram itu dan mengacam dengan kemurkaan Allah terhadap mereka yang mengulangi kesalahan itu setelah diberi penjelasan yang terang.

Seperti perenggan-perenggan yang lain dari surah ini, perenggan ini juga memulakan dengan seruan biasa "Wahai orang-orang yang beriman!" kemudian memberitahu mereka bahawa mereka sekarang sedang menghadapi ujian dan dugaan dari Allah, iaitu ujian dengan buruan semasa mereka berada di dalam keadaan ihram.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَيَبْلُوَنَّكُمُ ٱللَّهُ بِشَىْءٍ مِّنَ ٱلصَّيْدِ تَنَالُهُۥٓ أَيْدِيكُمْ وَرِمَاحُكُمْ لِيَعْلَمَ ٱللَّهُ مَن يَخَافُهُۥ بِٱلْغَيْبِ ۚ فَمَنِ ٱعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُۥ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٩٤﴾

"Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebahagian dari binatang buruan yang mudah ditangkap oleh tangan dan lembing kamu supaya Allah mengetahui orang yang takut kepada-Nya dengan keadaan ghaib (tanpa melihat-Nya) dan sesiapa yang menceroboh selepas itu maka ia akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(94)

Ia merupakan suatu buruan yang mudah yang dibawa Allah kepada mereka, buruan yang mudah ditangkap dengan tangan mereka dari dekat dan dapat ditikam dengan mudah dengan lembing-lembing mereka. Ada cerita yang mengisahkan bahawa buruan ini dibawa Allah kepada mereka hingga ia datang merayau-rayau berhampiran dengan khemah-khemah dan rumah-rumah mereka. Itulah godaan yang mengandungi ujian. Itulah godaan yang tidak dapat ditahan oleh Bani Israel di zaman dahulu, iaitu semasa mereka mendesak nabi mereka Musa a.s. supaya Allah memperuntukkan kepada mereka satu hari cuti untuk mereka beristirehat, mengerjakan solat tanpa melakukan sebarang kerja lain yang berkaitan dengan urusan kehidupan. Lalu Allah jadikan hari "Sabtu" sebagai hari cuti mereka. Kemudian Allah membawa buruan laut (ikan) berhampiran dengan pantai mereka. Dan ikan-ikan itu kelihatan menimbul di hadapan mata mereka pada setiap hari Sabtu, dan pada hari bukan Sabtu ikan-ikan itu menghilangkan diri sebagaimana pergerakan ikan di dalam air. (Godaan ini) membuat mereka tidak lagi sanggup untuk terus mematuhi janji mereka dengan Allah lalu mereka - mengikut tabi'at pengilat kaum Yahudi yang diketahui umum - membuat helah menipu Allah, iaitu mereka berusaha mengepung ikan-ikan yang menimbul pada hari Sabtu itu tanpa menangkapnya dan apabila tiba pagi (Ahad) keesokan hari barulah mereka datang menangkapnya di tempat kepungan itu. Penipuan inilah yang diperintah Allah S.W.T. kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau hadapkannya kepada kaum Yahudi dan malukan mereka dengan tembelang ini yang diterangkan, di dalam firman-Nya yang berikut:

وَسْـَٔلْهُمْ عَنِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَتْ حَاضِرَةَ ٱلْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِى ٱلسَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ ۙ لَا تَأْتِيهِمْ ۚ كَذَٰلِكَ نَبْلُوهُم بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

"Dan tanyakanlah kepada mereka (Bani Israel) tentang sebuah negeri yang terletak di tepi laut ketika mereka melanggar peraturan pada hari Sabtu, iaitu ketika datang ikan-ikan tangkapan mereka pada hari Sabtu (hari cuti mereka) dan kelihatan jelas menimbul, (di permukaan air), sedangkan pada hari yang bukan Sabtu ikan-ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah Kami menguji mereka dengan sebab kefasiqan yang dilakukan mereka."

(Surah al-A'raf: 163)

Dengan ujian yang seperti ini juga Allah menguji umat muslimin, tetapi mereka telah berjaya menghadapi ujian yang gagal dihadapi kaum Yahudi itu. Hal ini amat tepat dengan sanjungan Allah terhadap umat ini di dalam firman-Nya:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ ۗ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم ۚ مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿١١٠﴾

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang telah dilahirkan untuk (memimpin) umat manusia. Kamu menyuruh melakukan segala yang baik dan melarang melakukan segala yang mungkar dan kamu beriman kepada Allah. Dan jika kaum Ahlil-Kitab turut beriman tentulah lebih baik kepada mereka. Di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah fasiq."

(Surah Aali 'Imran: 110)

Umat Muslimin telah berjaya menghadapi berbagai-bagai ujian yang gagal dihadapi Bani Israel. Oleh kerana itu Allah telah mencabut kuasa khilafah dari Bani Israel dan mengamanahkan pula kuasa itu

kepada umat Muslimin serta memberi kedudukan yang kuat dan kukuh kepada mereka di bumi, iaitu kedudukan yang tidak pernah diberikan kepada mana-mana umat sebelum mereka, kerana sistem Allah tidak pernah dijelmakan dengan sempurna dalam satu sistem hidup yang realistik yang mengendalikan seluruh bidang kehidupan manusia sebagaimana yang telah dijelmakan Allah di dalam sistem khilafah umat Muslimin, iaitu pada masa mereka benar-benar melambangkan sebagai orang-orang Islam yang sebenar, yang mengetahui bahawa keislaman itu ialah menjelmakan agama Allah dan syari'at-Nya di dalam kehidupan manusia di samping menyedari bahawa merekalah umat yang memikul amanat Allah yang amat besar ini dan merekalah pengawas umat manusia yang berkewajipan menegakkan sistem hidup Ilahi dalam masyarakat-masyarakat mereka dan berdiri teguh mengawal sistem ini dengan amanat dari Allah.

Ujian dengan buruan yang mudah ditangkap dalam masa ihram itu merupakan salah satu dari ujian-ujian yang telah dilalui umat Muslimin dengan jayanya. Dan perhatian Allah S.W.T. yang berat mendidik umat Muslimin dengan ujian-ujian yang seperti ini merupakan bukti-bukti pengamatan dan pilihan Allah terhadap mereka.

Allah telah mendedahkan (dalam ayat yang berikut) hikmat ujian itu kepada orang-orang yang beriman:

لِيَعْلَمَ ٱللَّهُ مَن يَخَافُهُۥ بِٱلْغَيْبِ ۚ

"Supaya Allah mengetahui orang yang takut kepada-Nya dengan keadaan ghaib (tanpa melihat-Nya)."(94)

Takut Kepada Allah Tanpa Melihat-Nya

Takut kepada Allah tanpa melihat-Nya merupakan satu dasar 'aqidah ini di dalam hati nurani seseorang Muslim. Itulah satu dasar yang kukuh yang menjadi tapak binaan 'aqidah dan binaan perilaku Muslimin dan dengan dasar inilah dihubungkan amanat khalifah di bumi ini dengan sistem hidup Ilahi yang lurus.

Manusia tidak dapat melihat Allah, tetapi mereka boleh menemui Allah di dalam hati mereka apabila mereka beriman. Allah S.W.T. dalam hubungan-Nya dengan manusia adalah tidak dapat di lihat, tetapi hati mereka dapat mengenali Allah dan merasa takut kepada-Nya walaupun tanpa dilihatnya. Kemantapan hakikat keimanan dan ketakutan kepada Allah dalam keadaan ghaib tanpa melihat-Nya atau dalam keadaan yang tidak memerlukan kepada penglihatan mata kasar atau dalam keadaan yang sedar terhadap kewujudan Allah tanpa dilihatnya, iaitu kesedaran yang sama - malah lebih kuat lagi dengan penglihatan mata kasar sehingga seseorang Mu'min sanggup membuat pengakuan La ilaha Illallah tanpa melihat-Nya adalah menggambarkan satu langkah kemajuan manusia yang amat besar, satu letusan kekuatan tenaga-tenaga fitrahnya, satu penggunaan yang sebaik-baiknya terhadap alat-alat yang wujud dalam struktur fitrahnya di samping menggambarkan jarak kejauhan manusia mengikut kadar kemajuannya dari dunia haiwan yang tidak mengenal sesuatu yang tidak dilihat setahap dengan kebolehan manusia, sementara ketertutupan jiwanya dari melihat sesuatu yang berada di luar alam pancarinderanya dan keter-kongkongannya dalam daerah alam kebendaan menggambarkan kelumpuhan alat-alat penerima dan penghubung yang tinggi di dalam jiwanya di samping menggambarkan kejatuhan jiwanya ke tahap haiwaniyah di alam kebendaan.

Oleh sebab itu Allah jadikan takut kepada Allah dalam keadaan ghaib tanpa melihat-Nya sebagai hikmat dari ujian ini dan Allah dedahkan hikmat ini kepada orang-orang yang beriman supaya mereka mengemblengkan tenaga jiwa mereka untuk merealisasikan hikmat itu.

Allah S.W.T. mengetahui dengan ilmu laduni mereka yang takut kepada-Nya dalam keadaan ghaib tanpa melihat-Nya, tetapi Allah S.W.T. tidak mengambil salah terhadap manusia mengikut apa yang diketahui-Nya tentang mereka dengan ilmu laduni, malah Dia mengambil salah terhadap sesuatu yang telah berlaku dari mereka dan Dia mengetahuinya dengan ilmu wuqu' iaitu setelah sesuatu itu berlaku di alam realiti.

فَمَنِ ٱعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُۥ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٩٤﴾

"Dan sesiapa yang menceroboh selepas itu, maka ia akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(94)

Allah telah menceritakan tentang ujian itu dan mendedahkan hikmatnya dan di samping itu Allah mengingatkan mereka dari terperangkap dalam ujian itu dan menyediakan untuk mereka segala faktor kejayaan. Oleh sebab itu apabila mereka menceroboh selepas itu, maka 'azab yang amat pedih yang dikenakan ke atas mereka nanti merupakan satu balasan yang tepat dan adil kerana mereka sendiri yang telah, memilih balasan itu dan mereka adalah benar-benar wajar menerimanya.

Selepas ini ayat yang berikut mengemukakan huraian tentang bayaran kifarat kerana melanggar perintah (membunuh buruan). Ia dimulakan dengan larangan dan diakhiri sekali lagi dengan ancaman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْتُلُوا۟ ٱلصَّيْدَ وَأَنتُمْ حُرُمٌ ۚ وَمَن قَتَلَهُۥ مِنكُم مُّتَعَمِّدًا فَجَزَآءٌ مِّثْلُ مَا قَتَلَ مِنَ ٱلنَّعَمِ يَحْكُمُ بِهِۦ ذَوَا عَدْلٍ مِّنكُمْ هَدْيًۢا بَٰلِغَ ٱلْكَعْبَةِ أَوْ كَفَّٰرَةٌ طَعَامُ مَسَٰكِينَ أَوْ عَدْلُ ذَٰلِكَ صِيَامًا لِّيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهِۦ ۗ عَفَا ٱللَّهُ عَمَّا سَلَفَ ۚ وَمَنْ عَادَ فَيَنتَقِمُ ٱللَّهُ مِنْهُ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴿٩٥﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang buruan semasa kamu berihram. Barang siapa di antara kamu yang membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya ialah menggantikannya dengan binatang ternakan seimbang dengan buruan yang telah dibunuhnya, yang akan ditetapkannya oleh dua orang yang adil di antara kamu sebagai hadiah yang disampaikan ke Ka'bah (untuk disembelih dan dibahagikan dagingnya kepada fakir miskin di tanah suci). Atau membayar kifarat, iaitu memberi makan kepada orang-orang miskin atau berpuasa sebanyak bilangan cupak yang diberikan kepada orang-orang miskin supaya dia merasakan akibat buruk dari perbuatannya. Allah telah memaafkan perbuatan (membunuh buruan) yang telah lalu dan barang siapa yang kembali melakukannya nescaya Allah akan membalasnya dan Allah itu Maha Perkasa dan berkuasa mengenakan hukuman balasan."(95)

Larangan ini dituju kepada orang yang berihram yang membunuh buruan dengan sengaja. Adapun jika ia tersalah membunuh buruan itu maka hukumnya tidak ada apa-apa dosa dan denda ke atasnya. Oleh itu apabila ia membunuh dengan sengaja maka dendanya ia wajib menyembelih seekor binatang ternakan yang sama dengan buruan yang telah dibunuhnya. Misalnya kijang, maka dendanya memadai dengan menyembelih anak lembu atau kambing. Unta memadai dengan menyembelih lembu. Burung kaswari, zirafah dan sebagainya memadai dengan menyembelih unta. Arnab, kucing dan sebagainya memadai dengan menyembelih arnab, dan binatang-binatang yang tidak ada tandingannya memadai dengan bayaran yang senilai dengan harganya.

Penilaian kifarat atau denda-denda ini hendaklah dikendalikan oleh dua orang penilai yang adil dari orang-orang Islam. Oleh itu apabila kedua-duanya memutuskan supaya disembelihkan seekor ternakan, maka hendaklah ternakan ini dijadikan hadiah sehingga sampai ke Ka'bah dan di sanalah ia disembelih dan diberi makan kepada orang-orang miskin, tetapi jika ternakan tidak boleh didapati, maka kedua penilai itu boleh memutuskan denda dalam bentuk memberi makan kepada orang-orang miskin dengan nilai belanja yang sama dengan harga ternakan itu atau dengan harga buruan itu (dalam masalah ini berlaku khilaf fiqhi). Apabila orang yang didenda itu tidak dapat memberi makanan, maka hendaklah ia berpuasa sebanyak hari yang seimbang dengan denda ini setelah dinilai harga buruan atau harga ternakan itu dan dibahagikan kepada bilangan orang-orang miskin yang hendak diberi makan dengan harga itu, iaitu sehari berpuasa sama dengan nilai harga memberi makan kepada setiap orang miskin. Adapun tentang berapakah nilai belanja memberi makan kepada setiap orang miskin itu, maka di sini telah berlaku khilaf ulama', tetapi walau bagaimanapun persoalan ini adalah berbeza mengikut perbezaan tempat, masa dan keadaan.

Ayat yang berikut menentukan hikmat denda ini:

لِّيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهِۦ ۗ

"Supaya ia merasakan akibat buruk dari perbuatannya."(95)

Di dalam kifarat atau denda itu terkandung erti hukuman atau balasan, kerana dosa yang dilakukan di sini menjejaskan kehormatan yang amat ditekan berat oleh Is-lam. Oleh sebab itu ayat ini iringkan dengan kenyataan yang berikut yang memberi kemaafan terhadap kesalahan yang telah lalu dan mengancam dengan kemurkaan Allah terhadap mereka yang tidak berhenti melakukannya:

عَفَا ٱللَّهُ عَمَّا سَلَفَ ۚ وَمَنْ عَادَ فَيَنتَقِمُ ٱللَّهُ مِنْهُ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴿٩٥﴾

"Allah telah memaafkan perbuatan (membunuh buruan) yang telah lalu dan barang siapa yang kembali melakukannya nescaya Allah akan membalasnya dan Allah itu Maha Perkasa dan Berkuasa mengenakan hukuman balasan."(95)

Oleh itu apabila pembunuh buruan itu masih terus berbangga dengan kekuatan dan kepandaiannya menangkap buruan-buruan sedangkan Allah mahu memberi keamanan kepada binatang-binatang di tempat perhimpunan manusia yang aman damai itu, maka (ketahuilah) bahawa Allah Maha Perkasa, Maha Gagah dan Maha Berkuasa mengenakan hukuman balas.

Itulah hukum binatang buruan darat. Adapun binatang buruan laut, maka hukumnya adalah halal sama ada dalam masa ihlal atau masa ihram:

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ ٱلْبَحْرِ وَطَعَامُهُۥ مَتَٰعًا لَّكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ ۖ

"Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan dari laut sebagai ni'mat yang lazat bagi kamu dan bagi orang-orang yang belayar."(96)

Hukum Menangkap Binatang-binatang Laut

Oleh itu binatang-binatang laut halal ditangkap dan dimakan sama ada bagi orang yang berihram atau orang yang tidak berihram. Apabila dalam ayat ini ia menyebut tentang kehalalan binatang buruan laut dan makanan dari laut, maka dalam ayat yang berikut ia kembali pula menyebut keharaman binatang buruan darat bagi orang yang berihram:

وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ ٱلْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا ۗ

"Dan diharamkan ke atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu dalam ihram."(96)

Menurut ijma' ulama' binatang buruan darat itu adalah diharamkan kepada orang yang berihram, tetapi di sana terdapat khilaf ulama' tentang apakah khilaf buruan darat itu haram dimakan oleh orang yang berihram apabila ia diburu oleh orang yang tidak berihram? Begitu juga di sana berlaku khilaf ulama

tentang makna binatang buruan (di dalam ayat ini) apakah ia dikhususkan kepada binatang-binatang, yang biasa diburu atau tegahan ini meliputi semua jenis binatang walaupun binatang-binatang yang tidak diburu dan tidak termasuk dalam istilah binatang buruan.

Penghalalan dan pengharaman ini diakhiri dengan perintah yang merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati nurani dan mengingatkan hari Mahsyar, di mana manusia akan dikumpul dan dihisab di hadapan Allah:

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٩٦﴾

"Bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu kelak akan dikumpul mengadap-Nya."(96)

Kemudian, mengapa semua dijadikan perkara-perkara suci yang diharamkan?

Kerana ia merupakan kawasan aman yang diadakan Allah untuk manusia di tengah-tengah kancah pertarungan. Itulah Kaabatul-Haram dan Bulan-bulan Haram di tengah-tengah medan pertarungan yang bersemarak di antara mereka yang bergaduh, berperang, berlawan dan berjuang untuk mempertahankan nyawa yang berlaku di antara semua jenis makhluk-makhluk yang bernyawa dan pertarungan yang berlangsung di antara berbagai-bagai kegemaran, berbagai-bagai ketamakan, berbagai-bagai nafsu keinginan dan berbagai-bagai keperluan, di mana keamanan mengambil tempat ketakutan dan kedamaian mengambil tempat perseteruan dan permusuhan. Ia membuat sayap-sayap kasih mesra, persaudaraan, keamanan dan kedamaian dapat berkembang dan berkepak. Ia mendidik jiwa manusia dalam realiti amali - bukan di alam impian dan teori-teori - supaya ia menghayati perasaan-perasaan dan konsep-konsep ini agar perasaan-perasaan dan konsep-konsep ini tidak hanya tinggal menjadi kata-kata yang melayang-layang tinggi dan menjadi impian yang sukar direalisasikan di dalam realiti kehidupan:

جَعَلَ اللَّهُ الْكَعْبَةَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ قِيَامًا لِلنَّاسِ وَالشَّهْرَ الْحَرَامَ وَالْهَدْيَ وَالْقَلَائِدَ ۚ ذَٰلِكَ لِتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٩٧﴾

اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ وَأَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٩٨﴾

مَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلَاغُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ ﴿٩٩﴾

"Allah telah menjadikan Ka'bah rumah yang suci itu sebagai pusat perhimpunan manusia, juga menjadikan Bulan Haram, binatang-binatang hadiah, binatang-binatang kalungan supaya kamu mengetahui bahawa Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi dan bahawa Allah Maha Mengetahui terhadap segala sesuatu (97). Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah itu amat berat hukuman-Nya dan sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih (98). Tiada kewajipan yang ditugaskan kepada rasul melainkan hanya menyampaikan (perintah-perintah Allah) dan Allah mengetahui segala apa yang kamu lahirkan dan segala apa yang kamu sembunyikan."(99)

Kawasan Dan Bulan-bulan Amal

Allah S.W.T. telah menjadikan kesucian-kesucian ini merangkumi manusia, burung, haiwan dan serangga dengan suasana aman damai di kawasan rumah suci Ka'bah dan dalam masa berihram bagi orang yang berihram walaupun ia belum lagi sampai di tanah haram. Begitu juga Allah telah menjadikan Bulan-Bulan Suci yang empat, di mana tidak dibenarkan seseorang melakukan pembunuhan dan mencetuskan peperangan, iaitu bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab. Allah S.W.T. telah mencampakkan ke dalam hati orang-orang Arab - walaupun dalam masa jahiliyah mereka kesedaran menghormati kesucian bulan-bulan ini, di mana mereka berpantang dari melakukan tindakan menakut dan menggerunkan seseorang yang lain dan berpantang dari menuntut bela terhadap sesiapa dan di dalam bulan ini juga mereka tidak menduga akan dituntut bela oleh sesiapa hingga ada orang yang bertemu di dalam bulan-bulan ini dengan pembunuh bapanya, anaknya dan saudaranya, tetapi ia tidak mengganggunya. Bulan-bulan yang suci ini merupakan masa-masa lapang yang aman untuk melancung, bermusafir dan mencari rezeki. Allah jadikannya sedemikian kerana Allah mahu jadikan Ka'bah Rumah Allah yang suci itu sebagai pusat perhimpunan manusia yang aman damai, yang memberi kemudahan bermukim kepada mereka serta menyelamatkan mereka dari ketakutan dan kebimbangan. Kemudian Allah luaskan serambi keamanan itu keluar kawasan zaman dan tempat, iaitu Allah jadikan keamanan itu juga terhak dini'mati oleh binatang-binatang hadiah, iaitu unta-unta yang dilepas supaya sampai ke Ka'bah di dalam ibadat haji dan umrah. Dan di dalam perjalanannya ke sana tiada siapa yang boleh mengganggunya. Begitu juga Allah jadikan keamanan itu juga terhak kepada mereka yang memakai kalung yang diperbuat dari pokok-pokok tanah haram sebagai tanda perisytiharan bahawa dia berlindung pada rumah Ka'bah.

Allah telah jadikan kesucian-kesucian ini sejak rumah Ka'bah itu dibina oleh Ibrahim dan Ismail dan Allah jadikannya sebagai pusat perhimpunan manusia yang aman damai sehingga Allah telah membangkitkan ni'mat Baitullah itu kepada kaum Musyrikin itu sendirian kerana ia telah berfungsi sebagai pusat perhimpunan mereka yang aman damai, sedangkan kelompok yang lain yang berada di sekeliling kawasan mereka dirompak dan dibunuh,

tetapi mereka hidup aman damai di kawasan Baitullah, namun demikian mereka tidak juga bersyukur kepada Allah, malah mereka sanggup berkata kepada Rasulullah s.a.w. apabila beliau menyeru mereka kepada agama tauhid: "Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami." Oleh itu Allah telah menceritakan perkataan mereka ini dan mengemukakan hakikat keamanan dan ketakutan yang sebenar kepada mereka (di dalam ayat yang berikut):

وَقَالُوٓاْ إِن نَّتَّبِعِ ٱلۡهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفۡ مِنۡ أَرۡضِنَآۚ أَوَلَمۡ نُمَكِّن لَّهُمۡ حَرَمًا ءَامِنًا يُجۡبَىٰٓ إِلَيۡهِ ثَمَرَٰتُ كُلِّ شَيۡءٖ رِّزۡقًا مِّن لَّدُنَّا وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٥٧﴾

"Dan mereka berkata: 'Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami bukankah Kami memberikan mereka kedudukan yang teguh di tanah suci yang aman, di mana segala macam buah-buahan dibawa kepadanya sebagai rezeki dari kurniaan kami."

(Surah al-Qassas: 57)

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim sebuah hadith dari Ibn Abbas r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w. pada hari penaklukkan Makkah:

إن هذا البلد حرام لا يعضد شجرة ولا يختلى خلاه ولا ينفر صيده ولا تلتقط لقطتة إلا لمعرف

"Negeri ini adalah negeri suci, tidak boleh ditebang pokok-pokoknya dan tidak boleh dipotong tumbuh-tumbuhannya yang basah, tidak boleh diburu buruanya dan tidak boleh dipungut barang-barang hilangnya melainkan bagi orang yang hendak mengisytiharkannya."

Tidak ada yang dikecualikan dari makhluk-makhluk hidup yang boleh dibunuh di tanah haram dan boleh dibunuh oleh orang yang berihram melainkan burung gagak, helang, jengking, kala, tikus dan anjing gila. Ini berdasarkan hadith Aisyah r.a. di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim yang berbunyi: "Rasulullah s.a.w. telah memerintah supaya membunuh lima jenis binatang yang jahat sama ada di tanah halal atau di tanah haram, iaitu burung gagak, helang, jengking, kala, tikus dan anjing gila."

Di dalam Sahih Muslim terdapat sebuah hadith dari ibn Umar r.a. menambahkan kata-kata "ular."

Begitu juga Madinah telah dijadikan tanah suci berdasarkan hadith Ali r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

المدينة حرم ما بين عير إلى ثور

"Madinah itu tanah suci iaitu di antara Bukit 'Ayr hingga Thur."

Dan tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dari hadith 'Ubad ibn Tamim bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إن ابرهيم حرم مكة ودعالها وإني حرمت المدينة كما حرم ابرهيم مكة

"Sesungguhnya Ibrahim telah menjadikan Makkah sebagai tanah suci dan dia berdo'a untuknya dan aku juga menjadikan Madinah sebagai tanah suci sebagaimana Ibrahim menjadikan Makkah tanah suci."

Selain dari itu, tempat dan masa suci itu bukan sahaja merupakan kawasan keamanan dari segi ruang dan zaman dan bukan sahaja merupakan serambi keamanan yang hanya melindungi haiwan dan insan sahaja, malah ia juga merupakan kawasan aman di dalam hati nurani manusia yang menjadi medan pertarungan yang amat luas di dalam lubuk jiwa mereka. Inilah medan pertarungan yang bernyala begitu dahsyat melontarkan bunga-bunga api dan asapnya menyelubungi ruang dan zaman, menyelubungi insan dan haiwan. Ia merupakan kawasan kedamaian dan toleransi di dalam medan pertarungan itu sehingga orang yang berihram merasa segan dan berdosa untuk menangkap burung dan binatang, sedangkan kedua-duanya halal ditangkap manusia di kawasan yang lain dari kawasan ini, kerana kedua-duanya di sini berada di pusat perhimpunan manusia yang aman damai, berada dalam masa yang aman dan berada di dalam hati yang aman. Ia merupakan kawasan latihan bagi jiwa manusia supaya menjadi jernih, bersih, meningkat maju dan terbang meninggi berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la dan mempunyai kesediaan untuk berinteraksi dengannya.

Alangkah perlunya umat manusia yang sedang cemas, takut dan bimbang, yang sedang berperang dan bertarung itu kepada kawasan aman yang telah dijadikan Allah untuk mereka di dalam agama Islam dan diterangkan kepada mereka di dalam Al-Qur'an:

ذَٰلِكَ لِتَعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَعۡلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَأَنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٌ ﴿٩٧﴾

"Yang demikian itu supaya kamu mengetahui bahawa Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi dan bahawa Allah mengetahui terhadap segala sesuatu."(97)

Ini adalah satu ulasan yang menakjubkan di tempat ini tetapi dapat dimengerti, iaitu tujuan Allah S.W.T. mensyari'atkah peraturan ini dan mengadakan pusat perhimpunan manusia ini ialah supaya manusia tahu bahawa Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi dan mengetahui segala sesuatu, juga supaya mereka tahu bahawa Allah mengetahui tabi'at manusia dan keperluan-keperluan mereka, mengetahui isi hati mereka dan kehendak-kehendak

jiwa mereka dan seterusnya mengetahui bahawa tujuan Allah menetapkan undang-undang dan peraturannya ialah untuk memenuhi kehendak-kehendak tabi'at dan keperluan mereka dan melayani hasrat dan idaman yang terpendam di dalam hati mereka. Oleh kerana itu apabila hati manusia dapat mencapai rahmat Allah di dalam undang-undang dan peraturan-Nya dan dapat mencapai keindahan keselarasan yang wujud di antara syari'at Allah dan fitrah manusia, maka tahulah mereka bahawa Allah mengetahui segala isi langit dan bumi dan mengetahui segala sesuatu.

Agama ini amat mengkagumkan dari segi kesanggupannya yang sempurna untuk memenuhi keperluan-keperluan fitrah manusia dan hasrat hati mereka seluruhnya, juga untuk memenuhi kehendak-kehendak kehidupan mereka seluruhnya. Oleh itu apabila hati seseorang terbuka kepada agama ini, maka ia akan menemui di dalamnya ciri-ciri keindahan, keserasian, kemesraan dan kerehatan yang tidak dapat dirasa melainkan oleh orang yang telah mencapainya sendiri.

Pembicaraan mengenai halal dan haram dalam masa ihlal dan ihram itu berakhir dengan satu amaran yang terus terang terhadap hukuman Allah dan satu galakan supaya mencari keampunan Allah dan rahmat-Nya:

اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ وَأَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٨﴾

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah itu amat benar hukuman-Nya dan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(98)

Di samping amaran, maka ayat yang berikut memberi saranan dan meletakkan tanggungjawab di atas bahu orang yang melanggar perintah Allah yang tidak mahu sedar:

مَّا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلَاغُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ ﴿٩٩﴾

"Tiada kewajipan yang ditugaskan kepada rasul melainkan hanya menyampaikan (perintah-perintah Allah) dan Allah mengetahui segala apa yang kamu lahirkan dan segala apa yang kamu sembunyikan."(99)

Kemudian perenggan ini ditamatkan dengan menjelaskan neraca pertimbangan yang diwujudkan Allah untuk mempertimbangkan nilai-nilai agar seseorang Muslim dapat menimbang dan menilai dengannya, iaitu neraca pertimbangan yang membuat yang baik tetap berat dan yang buruk tetap ringan supaya seseorang Muslim tidak tertipu dengan yang buruk dengan sebab jumlahnya yang banyak pada bila-bila masa dan dalam apa keadaan sekalipun.

قُل لَّا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَبِيثِ ۚ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠٠﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sama yang buruk dengan yang baik walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hati engkau. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal supaya kamu mendapat keberuntungan."(100)

Neraca Pertimbangan Di Antara Yang Baik Dan Yang Buruk

Yang menjadi titik kesesuaian menyebut yang buruk dan yang baik di dalam ayat ini ialah wujudnya penjelasan tentang yang haram dan yang halal mengenai binatang buruan dan makanan-makanan kerana yang haram merupakan sesuatu yang buruk dan yang halal merupakan sesuatu yang baik dan kedua-duanya tidak sama walaupun banyaknya jumlah yang buruk itu dapat mempesona dan mengkagumkan manusia. Yang baik merupakan sesuatu keni'matan tanpa ekoran menyesal atau rosak dan tanpa ditimpa akibat mendapat kesakitan atau penyakit. Kelazatan yang terdapat di dalam sesuatu yang buruk sama dengan kelazatan yang terdapat di dalam sesuatu yang baik secara sederhana dan terselamat dari akibat-akibat yang malang di dunia dan Akhirat. Apabila akal manusia terlepas dari kongkongan hawa nafsu kerana campur tangan taqwa dan pengawasan hati nurani, maka ia akan memilih yang baik dari yang buruk dan akan berakhir dengan kejayaan mendapat keberuntungan di dunia dan di Akhirat:

فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠٠﴾

"Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal supaya kamu mendapat keberuntungan."(100)

Inilah kesesuaian yang wujud di sini, tetapi skop nas ini lebih luas dan lebih jauh lagi. Ia meliputi kehidupan seluruhnya dan sesuai dengan berbagai-bagai tempat yang lain.

Allah S.W.T. yang telah melahirkan umat Muslimin dan menjadikan mereka sebagai sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin umat manusia adalah menyediakan mereka untuk sesuatu tugas yang amat besar, iaitu Allah menyediakan mereka untuk memikul amanat sistem Allah supaya mereka berdiri teguh dan jujur di atas sistem ini di mana tiada satu umat pun yang pernah berdiri seteguh itu dan supaya mereka tegakkan sistem itu di dalam kehidupan manusia, di mana tiada satu umat pun yang pernah menegakkannya seteguh itu. Oleh sebab itu umat Muslimin terpaksa menjalani latihan yang panjang, iaitu latihan yang bertujuan pertama-tamanya untuk mencabut mereka dari jahiliyah dan mengangkatkan mereka dari kaki bukit jahiliyah yang rendah dan memimpin mereka mendaki anak-anak tangga menuju ke puncak Islam yang tinggi kemudian latihan diteruskan lagi selepas itu dengan tujuan

untuk membersihkan kefahaman-kefahaman, pandangan-pandangan, adat-adat kebiasaan, tradisi-tradisi dan perasaan-perasaan mereka dari sisa-sisa keladak jahiliyah dan seterusnya mentarbiyahkan iradat atau kemahuan mereka untuk memikul kebenaran dan tanggungjawab-tanggungjawab, kemudian siri tarbiyah itu diakhiri dengan tatacara menilai kehidupan secara umum dan secara terperinci mengikut nilai-nilai Islam di dalam neraca Allah supaya mereka benar-benar menjadi umat Rabbani dan supaya kemanusiaan mereka meningkat ke tahap makhluk yang paling elok dan di waktu inilah sahaja yang buruk dan yang baik tidak sama dalam neraca pertimbangan mereka walaupun banyaknya jumlah yang buruk itu menarik pandangan mereka. Memanglah sesuatu yang banyak itu menarik pandangan dan mengkagumkan hati, tetapi sifat keji yang membezakan yang buruk dari yang baik dan ketinggian jiwa yang mendorong seseorang menimbangkannya dengan neraca Allah telah membuat daun neraca yang buruk menjadi ringan walaupun kandungannya banyak dan daun neraca yang baik menjadi berat walaupun kandungannya sedikit. Dan di waktu inilah sahaja umat Muslimin menjadi satu umat yang amanah dan boleh diamanahkan teraju kepimpinan umat manusia; satu umat yang mengukur dengan neraca Allah, menilai dengan ketetapan-ketetapan Allah dan sentiasa memilih yang baik. Mata dan hati mereka tidak terpesona kepada yang buruk walaupun banyak.

Ada lagi satu situasi yang lain, di mana neraca itu membawa faedah, iaitu situasi ketika kebatilan berkembang subur hingga kelihatan begitu besar pada pandangan orang ramai, yang mana rupa bentuknya yang lahir, jumlah yang banyaknya dan keadaannya yang kuat telah mempersona dan memikat mata mereka, tetapi apabila orang yang beriman yang mengukur dengan neraca Allah melihat kepada kebatilan yang berkembang subur itu, maka tangannya tidak terketar-ketar, matanya tidak membelalak kaget, pertimbangan dan penilaiannya tidak meleset dan ia tetap memilih kebenaran yang bersih tidak berbuih, yang tidak dikawal dengan alat-alat senjata dan tidak dijaga oleh tentera-tentera yang ramai di sekelilingnya. Itulah kebenaran yang bersih dari segala-galanya kecuali dari sifatnya dan dirinya, kecuali dari timbangan beratnya di dalam neraca Allah dan keteguhannya dan kecuali dari keindahan zat dan kekuasaan-Nya.

Allah S.W.T. telah mentarbiyahkan umat Muslimin dengan peraturan Al-Qur'an dan kepimpinan Rasulullah s.a.w. hingga Allah mengetahui dalam realiti bahawa mereka telah sampai ke tahap yang boleh diamanahkan agama Allah kepada mereka bukan sahaja di dalam jiwa dan hati nurani mereka, tetapi juga di dalam hidup dan kehidupan mereka di muka bumi ini yang penuh dengan pergolakan di antara berbagai-bagai kegemaran dan ketamakan, berbagai-bagai keinginan dan kecenderungan dan penuh dengan pertarungan di antara berbagai-bagai kepentingan dan pertarungan di antara individu-individu dan kelompok-kelompok. Kemudian selepas itu diserahkan pula amanat kepimpinan umat manusia yang mengandungi segala tanggungjawab yang besar di dalam lautan hidup yang umum.

Allah S.W.T. mentarbiyahkan umat Muslimin dengan berbagai-bagai bimbingan, berbagai-bagai pengajaran yang berkesan, berbagai-bagai ujian dan dugaan, berbagai-bagai undang-undang dan peraturan-peraturan dan seluruhnya telah dijadikannya satu gabungan. Program tarbiyah yang akhirnya memainkan satu peranan sahaja, iaitu peranan memperlengkap dan menyediakan umat Muslimin yang merangkumi 'aqidah kefahaman-kefahaman, perasaan-perasaan, reaksi-reaksi, perilaku, akhlak, dengan undang-undang dan peraturan-peraturan hidup mereka supaya berdiri teguh dan jujur di atas agama Allah di muka bumi ini dan memegang teraju kepimpinan umat manusia. Dan Allah telah merealisasikan segala apa yang kehendaki-Nya terhadap umat Muslimin dan Allah menguasai segala urusan-Nya dan akhirnya muncullah di dalam realiti hidup di muka bumi ini satu gambaran agama Allah yang cemerlang sebagai sebuah impian yang menjelma di alam kenyataan di mana umat manusia mampu menegakkan impian ini pada bila-bila masa sahaja apabila mereka berjuang dengan sungguh-sungguh untuk mencampaikannya dan mereka akan mendapat pertolongan dari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 101 - 102)

Kemudian ayat yang berikut menjurus ke arah memberi suatu tarbiyah kepada kelompok Muslimin dan suatu pimpinan ke arah peradaban yang wajib dilaksanakan terhadap Rasulullah s.a.w., iaitu peradaban jangan menyoal beliau mengenai perkara-perkara yang tidak diterangkan, iaitu perkara-perkara yang boleh membawa keburukan dan kesusahan kepada penyoalnya jika perkara itu diterangkan beliau atau mengakibatkan dikenakan taklif-taklif yang berat yang tidak mampu dikerjakannya atau disempitkan kepadanya perkara-perkara yang selama ini ditinggalkan Allah tanpa memberi apa-apa penentuan supaya menjadi rahmat (kemudahan) kepada para hamba-Nya:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَسْـَٔلُوا۟ عَنْ أَشْيَآءَ إِن تُبْدَ
لَكُمْ تَسُؤْكُمْ وَإِن تَسْـَٔلُوا۟ عَنْهَا حِينَ يُنَزَّلُ ٱلْقُرْءَانُ
تُبْدَ لَكُمْ عَفَا ٱللَّهُ عَنْهَا ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٠١﴾
قَدْ سَأَلَهَا قَوْمٌ مِّن قَبْلِكُمْ ثُمَّ أَصْبَحُوا۟ بِهَا كَـٰفِرِينَ ﴿١٠٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanya (kepada nabi) mengenai perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan Al-Qur'an tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah telah memaafkan perkara-perkara itu dan Allah Maha Pengampun dan Maha Sabar (101). Sesungguhnya perkara-perkara seperti itu pernah ditanyakan oleh suatu kaum sebelum kamu (kepada nabi mereka) kemudian mereka menjadi kafir dengan sebabnya."(102)

Dahulu ada setengah-setengah sahabat banyak mengemukakan penyataan kepada Rasulullah s.a.w. tentang perkara-perkara yang belum lagi diturunkan sebarang perintah atau larangan mengenainya atau mereka mendesak beliau menghuraikan perkara-perkara yang telah diterangkan oleh Al-Qur'an secara umum, sedangkan dengan penerangan secara umum itu mengertikan Allah memberi keluasan dan kemudahan kepada manusia atau mereka mengajukan pertanyaan mengenai perkara-perkara yang tidak perlu dedahkan, kerana pendedahannya mungkin membawa keburukan kepada yang bertanya atau kepada orang lain dari kaum Muslimin.

Menurut satu riwayat apabila turun ayat yang memfardhukan ibadat haji seorang sahabat bertanya: Apakah ia difardhukan setiap tahun? Rasulullah s.a.w. tidak senang dengan pernyataan ini, kerana nas fardhu itu diturunkan dalam bentuk umum:

وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

"Dan berkunjung ke Baitullah itu merupakan kewajipan manusia kepada Allah, iaitu bagi orang yang berkuasa melakukan perjalanan kepadanya."

(Surh Aali 'Imran: 97)

Dan ibadat haji hanya memadai dengan sekali sahaja, tetapi pernyataan mengenai ibadat ini dalam bentuk: Apakah ia difardhukan setiap tahun? Maka ia merupakan satu pentafsiran yang menggambarkan kepayahan dan kesukaran yang tidak difardhukan Allah.

Mengikut pernyataan sebuah hadith mursal yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi dan ad-Darqutni daripada Ali r.a. katanya: Apabila turun ayat:

وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Sahabat-sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah apakah ia difardhukan setiap tahun?" Beliau tidak menjawab. Kemudian mereka bertanya lagi, "Adakah ia difardhukan pada setiap tahun?" Jawab beliau: Tidak. Jika aku jawab 'ya' tentulah ia menjadi wajib (setiap tahun). Lalu Allah menurunkan ayat yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَسْـَٔلُوا۟ عَنْ أَشْيَآءَ إِن تُبْدَ لَكُمْ تَسُؤْكُمْ وَإِن تَسْـَٔلُوا۟ عَنْهَا حِينَ يُنَزَّلُ ٱلْقُرْءَانُ تُبْدَ لَكُمْ عَفَا ٱللَّهُ عَنْهَا ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٠١﴾

Hadith ini telah dikeluarkan oleh ad-Darqutni juga daripada Abu 'Iyadh daripada Abu Hurayrah katanya: Sabda. Rasulullah s.a.w.:

يا ايها الناس كتب عليكم الحج

"Wahai sekalian manusia! Ibadat haji telah difardhukan ke atas kamu."

Lalu bangun seorang lelaki bertanya: "Apakah ia diwajibkan setiap tahun, wahai Rasulullah?" Beliau tidak menghiraukan pertanyaan orang itu, lalu dia ulangi bertanya: "Apakah ia diwajibkan setiap tahun, wahai Rasulullah?" Lalu beliau berkata: "Siapakah yang bertanya." Jawab sahabat-sahabat: Si polan. Beliau pun bersabda:

والذي نفسي بيده لو قلت نعم لو جبت ولو وجبت ما اطقتموها ولو لم تطيقوها لكفرتم

"Demi Allah yang nyawaku berada dalam gengaman-Nya, jika aku jawab: Ya, tentulah ia menjadi wajib dan jika ia menjadi wajib tentulah kamu tidak mampu melaksanakan-nya dan jika kamu tidak mampu melaksanakan nescaya kamu menjadi kafir."

Lalu Allah S.W.T. menurunkan ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَسْـَٔلُوا۟ عَنْ أَشْيَآءَ إِن تُبْدَ لَكُمْ تَسُؤْكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanya (kepada nabi) mengenai perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu."(101)

Dalam sebuah hadith yang lain yang dikeluarkan oleh Muslim di dalam Sahihnya daripada Anas r.a. daripada Nabi s.a.w. sabdanya:

فوالله لا تسألوني عن شيء الا اخبرتكمبه ما دمت فى مقامي هذا

"Demi Allah, tiada pertanyaan yang kamu kemukakan kepadaku mengenai sesuatu melainkan aku telah terangkannya kepada kamu selama aku berada di tempat ini." [7]

Lalu bangun seorang lelaki menuju kepada beliau dan bertanya: "Di manakah tempat yang aku akan masuk kelak?" Jawab beliau "Neraka". Kemudian Abdullah ibn Huzafah bangun dan bertanya: "Siapakah bapa saya, wahai Rasulullah?" Jawab beliau, "Bapa engkau ialah Huzafah." Ujar Ibn Abdul-Birri: Ibn Huzafah ini adalah seorang yang telah lama memeluk Islam. Dia turut berhijrah ke negeri Habsyah di dalam hijrah yang kedua dan turut serta di dalam Peperangan Badar. Dia seorang yang suka berjenaka.

---

[7] *Dalam satu riwayat yang lain bagi Ibn Jarir daripada Anas bahawa mereka telah bertanya Rasulullah s.a.w. hingga mereka mengulang-ngulangkan pertanyaan itu lalu beliau bersabda seperti apa yang telah disabdanya itu. Di sana terdapat satu riwayat yang lain lagi bagi Ibn Jarir daripada Abu Hurayrah yang kami akan sebutkannya di tengah pembicaraan ini.*

Rasulullah s.a.w. pernah menghantarkannya sebagai utusan untuk membawa surat Rasulullah s.a.w. kepada Seri Maha-raja Kisra. Sewaktu ia bertanya, "Siapakah bapa saya, wahai Rasulullah?" Dan jawab beliau: "Bapa engkau ialah Huzafah," maka ibunya lantas berkata: "Aku tidak pernah dengar seorang anak yang lebih derhaka (kepada orang tuanya) dari engkau. Apakah engkau tergamak berfikir bahawa ibumu telah melakukan perbuatan jahat yang telah dilakukan oleh perempuan-perempuan jahiliyah dan engkau dedahkannya kepada mata orang ramai?" Jawab Abdullah: "Demi Allah jika beliau binkan aku kepada seorang hamba hitam sekalipun nescaya aku binkan diriku kepadanya."

Dalam satu riwayat bagi Ibn Jarir dengan sanadnya daripada Abu Hurayrah katanya: Rasulullah s.a.w. telah keluar dengan keadaan marah dan merah wajahnya hingga beliau duduk di atas mimbar. Lalu seorang lelaki bangkit menuju kepadanya seraya berkata: "Di manakah saya kelak?"Jawab beliau: "Dalam Neraka." Kemudian bangkit pula seorang yang lain lalu bertanya: "Siapakah bapa saya?" Jawab beliau: "Bapamu ialah Huzafah." Lalu 'Umar ibn al-Khattab pun berdiri kemudian berkata: "Kami telah redha dengan Allah sebagai Tuhan, dengan Islam sebagai agama, dengan Muhammad s.a.w. sebagai Nabi dan dengan Al-Qur'an sebagai pemimpin. Kami sekalian, wahai Rasulullah, masih baru sahaja meninggalkan jahiliyah dan kepercayaan syirik dan Allahlah yang lebih mengetahui siapakah bapa-bapa kami yang sebenar". Ujar Abu Hurayrah: Lalu kemurkaan beliau pun hilang dan kembali tenang dan kemudian turun ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَسۡـَٔلُواْ عَنۡ أَشۡيَآءَ إِن تُبۡدَ لَكُمۡ تَسُؤۡكُمۡ

Mujahid telah meriwayatkan daripada Ibn Abbas bahawa ayat ini telah diturunkan dengan sebab sekumpulan orang telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai binatang Bahirah, Sa'ibah, Wasilah dan Hami. Ini ialah pendapat Sa'id ibn Jubayr dan ia berkata: Tidakkah engkau lihat bahawa selepas ayat ini disebut ayat:

مَا جَعَلَ ٱللَّهُ مِنۢ بَحِيرَةٖ وَلَا سَآئِبَةٖ وَلَا وَصِيلَةٖ وَلَا حَامٖ

Kumpulan riwayat-riwayat ini dan lain-lainnya memberi gambaran tentang jenis pertanyaan yang dilarangkan Allah kepada orang-orang Mu'min menyoalnya.

Kedatangan Al-Qur'an bukan sahaja untuk menjelaskan 'aqidah dan menggariskan undang-undang dan peraturan, tetapi juga untuk mentarbiyahkan satu umat dan mewujudkan satu masyarakat dan seterusnya untuk membentuk individu-individu Muslim dan mendidik mereka di atas sistem pemikiran dan akhlak yang diciptakannya. Di sini Al-Qur'an mengajar mereka adabicara bertanya, batas-batas kajian dan sistem ilmu pengetahuan.Dan selama Allah S.W.T. sahaja yang menurunkan syari'at ini dan memberitakan perkara-perkara yang ghaib, maka amatlah sesuai dari segi adab sopan apabila para hamba menyerahkan sahaja kepada hikmat kebijaksanaan Allah urusan untuk menghuraikan syari'at itu atau untuk menerangkannya secara umum sahaja, juga menyerahkan kepada kebijaksanaan-Nya urusan untuk mendedahkan perkara-perkara yang ghaib atau untuk menyembunyikannya. Di dalam urusan-urusan yang seperti ini mereka harus berhenti di perbatasan-perbatasan yang dikehendaki oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya. Mereka tidak seharusnya memberat-beratkan diri mereka dengan kerja mengulaskan nas-nas dengan panjang lebar dan berkejar di belakang kemungkinan-kemungkinan dan andaian-andaian. Begitu juga mereka tidak seharusnya berkejar di belakang perkara-perkara ghaib dengan tujuan mendedahkan perkara-perkara yang tidak didedahkan Allah kerana mereka tidak mampu sampai kepadanya. Allah lebih mengetahui tentang daya kemampuan dan daya ketahanan manusia. Oleh kerana itu Allah mengaturkan undang-undang dan peraturan dalam batas daya kemampuan mereka dan mendedahkan kepada mereka perkara-perkara ghaib yang dapat difahami oleh tabi'at mereka. Dan di sana terdapat perkara-perkara yang ditinggalkan Allah dalam keadaan umum dan majhul dan tidak ada apa-apa kemudaratan kepada mereka andainya mereka tinggalkan sahaja perkara-perkara itu dalam keadaan yang umum dan majhul seperti ini sebagaimana yang dikehendaki Allah. Akan tetapi perbuatan mengungkit-ngungkit dengan pertanyaan di zaman nubuwwah dan masa diturunkan Al-Qur'an kadang-kadang menerima jawapan yang tertentu yang menyusahkan setengah-tengah mereka dan ini mengakibatkan kesulitan kepada seluruh mereka dan kepada orang-orang Islam yang datang selepas mereka.

Oleh sebab itu Allah S.W.T. melarang orang-orang yang beriman dari mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mengenai perkara-perkara yang akan menyulitkan diri mereka sendiri apabila diberi jawapan dan Allah telah memberi amaran kepada mereka bahawa pertanyaan-pertanyaan mereka akan dijawab jika pernyataan itu dikemukakan di zaman turunnya wahyu semasa hidup Rasulullah S.W.T. dan akan mengakibatkan mereka dibebankan dengan taklif-taklif yang telah dimaafkan oleh Allah, iaitu taklif-taklif yang telah ditinggal dan tidak difardhukannya oleh Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَسۡـَٔلُواْ عَنۡ أَشۡيَآءَ إِن تُبۡدَ لَكُمۡ تَسُؤۡكُمۡ وَإِن تَسۡـَٔلُواْ عَنۡهَا حِينَ يُنَزَّلُ ٱلۡقُرۡءَانُ

تُبْدَ لَكُمْ عَفَا ٱللَّهُ عَنْهَا

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu bertanya (kepada nabi) mengenai perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan Al-Qur'an tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah telah memaafkan perkara-perkara itu."(101)

Maksudnya janganlah kamu bertanya mengenai perkara-perkara yang telah dimaaf dan tidak difardhukannya oleh Allah atau tidak dihurai dan diperincikannya agar dengan keterangan secara umum itu dapat memberi keluasan dan kemudahan seperti cara ia menyebut fardhu haji atau sesuatu yang tidak disebutkannya sama sekali.

Kemudian Allah memberi contoh perbandingan kepada mereka dengan kaum Ahlil-Kitab di zaman sebelum mereka, iaitu kaum Ahlil-Kitab yang memberat-beratkan diri mereka dengan menyoal berbagai-bagai perintah dan hukum-hukum dan apabila perintah-perintah dan hukum-hukum itu diwajibkan ke atas mereka, mereka terus ingkarkannya dan tidak melaksanakannya. Dan andainya mereka diam dan menerima perkara-perkara itu secara mudah sebagaimana yang dikehendaki Allah terhadap para hamba-hamba tentulah Allah tidak mengenakan taklif-taklif yang berat ke atas mereka dan tentulah mereka tidak akan memikul tanggungjawab kecuaian dan keingkaran.

Kita telah melihat di dalam Surah al-Baqarah bagaimana Bani Israel sewaktu diperintah Allah supaya menyembelih seekor lembu tanpa syarat dan ikatan, dan memadai bagi mereka menyembelih mana-mana lembu sahaja telah berlarut-larut bertanya tentang sifat-sifat lembu itu. Mereka begitu halus memperincikan sifat-sifat itu dan setiap kali mereka bertanya setiap kali pula mereka menerima perintah yang memberatkan diri mereka. Andainya mereka tidak mengemukakan pertanyaan-pertanyaan itu tentulah mereka dapat menyenangkan diri mereka.

Begitulah juga keadaan Bani Israel dalam perkara hari Sabtu yang telah dipinta oleh mereka kemudian mereka tidak mampu menghormatinya.

Demikianlah keadaan mereka selama-lamanya sehingga Allah telah mengharamkan berbagai bagai perkara kepada mereka sebagai didikan dan hukuman terhadap mereka.

Tersebut dalam Sahih daripada Rasulullah s.a.w. sabdanya:

ذروني ماتركتكم. فإنما أهلك من كان قبلكم بكثرة سؤالهم واختلافهم على أنبيائهم

"Tinggalkan aku (jangan gangguku dengan pertanyaan-pertanyaan) sesungguhnya orang-orang yang terdahulu dari kamu telah binasa kerana mereka banyak bertanya dan kerana pertikaian mereka dengan nabi-nabi mereka."

Tersebut di dalam as-Sahih juga:

إن الله تعالى فرض فرائض فلاتضيعوها، وحد حدوداً فلا تعتدوها، وحرّم أشياء فلا تنتهكوها، وسكت عن أشياء رحمةً بكم غير نسيان فلا تسألوا عنها

"Sesungguhnya Allah Taala telah memfardhukan berbagai-bagai fardhu maka janganlah kamu sia-siakannya dan menetapkan berbagai-bagai batasan, maka janganlah kamu langkauinya dan mengharamkan berbagai-bagai perkara, maka janganlah kamu cabulinya dan diam terhadap berbagai-bagai perkara demi rahmat (kemudahan) kepada kamu - bukannya kerana lupa - oleh itu janganlah kamu bertanya mengenainya."

Tersebut di dalam Sahih Muslim daripada Amir ibn Sa'd daripada bapanya katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

ان اعظم المسلمين فى المسلمين جرما، من سأل عن شىء لم يحرم على المسلمين فحرم عليهم من اجل مسألته

"Sesungguhnya orang Islam yang paling besar dosanya terhadap orang-orang Islam yang lain ialah orang yang bertanya mengenai sesuatu perkara yang tidak diharamkan kepada orang-orang Islam kemudian ia diharamkan kepada mereka dengan sebab pertanyaannya."

Kumpulan hadith-hadith ini di samping nas-nas Al-Qur'an mungkin dapat menggariskan cara sistem Islam mengenai ilmu pengetahuan.

Di dalam Islam ilmu pengetahuan itu hanya dituntut untuk menghadapi sesuatu keperluan yang wujud di dalam realiti dan sekadar batas-batas keperluan itu sahaja. Oleh itu perkara-perkara yang ghaib dan rahsia-rahsia di sebaliknya (tidak perlu dituntut), malah daya tenaga manusia seharusnya dipelihara dari dicurahkan untuk maksud mengetahui rahsia dan hakikatnya, bahkan cukuplah hati manusia dengan beriman kepada perkara yang ghaib itu sekadar seperti yang disifatkan oleh Allah Yang Maha Besar sahaja. Adapun keimanan yang menjangkau kepada usaha mengkaji untuk mengetahui hakikatnya, maka ia tidak akan sampai kepada sesuatu hasil buat selama-lamanya kerana manusia memang tidak dilengkap dan dibekalkan dengan daya qudrat yang membolehkannya mengetahui rahsianya kecuali sekadar batas-batas maklumat yang telah didedahkan Allah. Usaha itu adalah suatu usaha yang sia-sia di samping merupakan satu usaha merantau di padang gurun tanpa pemandu yang akan membawa kepada kesesatan yang amat jauh.

Adapun hukum-hukum syara' , maka ia hendaklah dituntut dan ditanya mengenainya ketika berlaku kes-kes yang memerlukan hukum-hukum itu. Inilah cara sistem Islam.

Di sepanjang zaman Makkiyah tidak ada hukum syara' yang dikuatkuasa telah diturunkan (di zaman itu) walaupun berbagai perintah dan larangan telah diturunkan (di zaman itu) mengenai berbagai-bagai perkara dan amalan, tetapi hukum-hukum yang

dikuatkuasa seperti hukum hudud, ta'zir dan denda-denda atau kifarat-kifarat tidak diturunkan melainkan setelah tegaknya kerajaan Islam yang dapat mengendalikan pelaksanaan hukum-hukum ini.

Angkatan kaum Muslimin yang pertama telah mengingati dan mematuhi sistem ini dan arah tujuannya. Oleh itu mereka tidak pernah memfatwakan di dalam mana-mana masalah melainkan apabila masalah-masalah itu benar-benar telah berlaku di dalam alam kenyataan dan fatwa itu pula hanya sekadar batas-batas masalah yang dikemukakan itu sahaja tanpa mengulaskan nas-nas itu dengan panjang lebar agar pertanyaan dan fatwa itu mempunyai ciri kebaharuannya dan agar ia sejajar dengan sistem tarbiyah Rabbani itu.

'Umar ibn al-Khattab pernah mengutuk orang yang bertanya mengenai sesuatu masalah yang belum pernah berlaku. Hal ini telah disebut oleh ad-Darimi di dalam musnadnya. Dan dia menyebut dari az-Zuhri katanya: Telah sampai kepada kami bahawa Zaid ibn Thabit al-Ansari berkata apabila ditanya mengenai sesuatu perkara: Apakah perkara ini telah berlaku? Jika mereka menjawab "Ya", maka ia akan menerangkan perkara itu mengikut ilmu yang telah diketahuinya. Sebaliknya jika mereka menjawab: Tidak pernah berlaku, maka ia akan berkata: "Tinggalkan perkara ini sehingga ia berlaku." Dan telah disanadkan dari 'Ammar ibn Yasir ketika ia ditanya mengenai sesuatu masalah ia berkata: Apakah perkara ini telah berlaku? Jawab mereka: Tidak. Lalu ia pun berkata: 'Tinggalkan kami jangan ganggu kami dengan pertanyaan ini) sehingga ia benar-benar telah berlaku dan apabila ia benar-benar berlaku, maka kami akan berusaha menjawab masalah itu untuk kamu."

Ujar ad-Darimi: Kami telah diceritakan oleh Abdullah ibn Muhammad ibn Abi Syaybah katanya: Kami telah disampaikan oleh Ibn Fudhayl daripada 'Ata' daripada Ibn Abbas katanya: "Aku tidak pernah melihat sekumpulan manusia yang lebih baik dari para sahabat Rasulullah s.a.w. Mereka tidak bertanya kepada beliau kecuali tiga belas masalah sahaja sehingga beliau wafat, semua pertanyaan ini disebut di dalam Al-Qur'an di antaranya:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلشَّهْرِ ٱلْحَرَامِ

"Mereka bertanya kepadamu tentang bulan haram"

(Surah al-Baqarah: 217)

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْمَحِيضِ

"Mereka bertanya kepadamu tentang haid"

(Surah al-Baqarah: 222)

dan sebagainya. Mereka tidak bertanya melainkan mengenai perkara-perkara yang berguna kepada mereka."

Ujar Malik: Aku dapati negeri ini (Madinah), di mana para penduduknya tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang lain dari kitab Allah dan Sunnah Rasul. Apabila berlaku sesuatu peristiwa, maka pemerintahnya akan menghimpunkan para ulama' yang ada dan mana-mana keputusan yang telah dipersetujui mereka akan terus dilaksanakannya tetapi kamu banyak mengemukakan pertanyaan-pertanyaan, sedangkan perbuatan ini tidak disukai Rasulullah s.a.w.

Ujar al-Qurtubi sehubungan dengan pentafsiran ayat ini: Muslim telah meriwayatkan daripada al-Mughirah ibn Syu'bah daripada Rasulullah s.a.w. sabdanya:

إن الله حرم عليكم عقوق الأمهات، ووأد البنات ، ومنعا وهات ، وكره لكم ثلاثا : قيل وقال ، وكثرة السؤال وإضاعة المال

"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan ke atas kamu perbuatan menderhaka kepada para ibu, menanam anak-anak perempuan dan menahan sesuatu yang wajib diberikan oleh seseorang dan mengambil sesuatu yang tidak wajar diambil olehnya dan Allah melarang kamu dari tiga perkara: omong kosong, banyak bertanya dan membazirkan harta."

Ujar segolongan ulama': Yang dimaksudkan dengan "banyak bertanya" itu ialah banyak bertanya tentang masalah-masalah fiqah kerana degil dan keras kepala dan memberat-beratkan diri dengan masalah-masalah yang tidak diturunkan nas mengenainya, dan masalah-masalah sulit yang mengelirukan dan mengeluarkan hujah-hujah yang dibuat-buat. Angkatan salaf tidak menyukai perbuatan-perbuatan ini dan memandangnya sebagai perbuatan-perbuatan yang tidak tabii. Mereka berkata: jika berlaku sesuatu peristiwa maka hendaklah diberi jawapan yang sesuai dengan masalah yang ditanyakan itu.

Itulah satu sistem realitsik yang serius. Ia menghadapi realiti-realiti hidup dengan hukum-hukum yang diambil dari dasar-dasar atau usul-usul syari'at Allah, iaitu ia menghadapinya dalam bentuk yang amali dan realistik, di mana sesuatu masalah itu dinilai mengikut saiznya dan rupa bentuknya di samping dinilaikan suasana-suasananya dengan lengkap bersama-sama dengan latar belakangnya kemudian barulah dibuat keputusan hukum yang benar-benar tepat, merangkumi dan mencakupi masalah itu dengan sempurna dan halus.

Adapun perbuatan meminta fatwa mengenai masalah yang belum pernah berlaku, maka ia merupakan satu permintaan fatwa mengenai satu andaian yang tidak terbatas dan di waktu itu segala soal jawab mengenainya membawa erti mempermain-mainkan keseriusan syari'at Allah, di samping membawa erti menyalahi sistem Islam yang lurus.

Ia serupa dengan perbuatan meminta fatwa mengenai hukum-hukum syari'at Allah, di negeri yang tidak ditegakkan syari'at Allah, di mana di atas asas

inilah dikeluarkan fatwa. Sebenarnya syari'at Allah tidak seharusnya diminta fatwa mengenainya melainkan dengan tujuan untuk ditatbiq dan dilaksanakan hukum-hukumnya. Dan andainya si peminta fatwa dan mufti yang memberi fatwa itu mengetahui bahawa mereka hidup di sebuah negeri yang tidak menegakkan syari'at Allah dan tidak mengiktirafkan kekuasaan Allah di bumi dan di dalam peraturan masyarakat dan kehidupan manusia, iaitu tidak mengiktirafkan Uluhiyah Allah di bumi ini dan tidak tunduk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan-Nya, juga tidak tunduk kepada kekuasaan-Nya, maka apakah ertinya meminta fatwa? Dan apakah erti fatwa itu? Kedua-duanya hanya bererti meringan-ringan dan mempermain-mainkan syari'at Allah sama ada kedua-duanya sedar atau tidak sedar.

Ia juga serupa dengan kajian-kajian dalam bentuk teori yang tulen tentang cabang-cabang atau furu' fiqah dan hukum-hukumnya di dalam aspek-aspek yang tidak dipraktikkan. Ia merupakan kajian untuk melalaikan, iaitu bertujuan untuk mengelirukan bahawa fiqah ini mempunyai tempatnya yang wajar di negeri ini, kerana ia diajar di sekolah-sekolah, tetapi tidak dipraktikkan di dalam mahkamah-mahkamahnya. Ini adalah satu pengeliruan yang membawa dosa kepada mereka yang terlibat di dalamnya dan bertujuan melalaikan perasaan orang ramai dengan pengeliruan itu.

Sesungguhnya agama Islam ini adalah agama yang serius. Ia datang untuk memerintah dan mengendalikan kehidupan manusia. Ia datang untuk menjadikan seluruh manusia mengabdikan diri mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan mencabut kuasa memerintah ini dari manusia yang telah merampas kuasa Allah itu dan mengembalikan seluruh urusan kepada syari'at Allah bukannya kepada undang-undang dan peraturan seseorang yang lain dari-Nya. Kedatangan syari'at Islam ialah untuk memerintah dan mengendalikan seluruh kehidupan, iaitu ia datang membawa hukum-hukum Allah untuk menghadapi keperluan-keperluan hidup manusia dengan segala permasalahannya yang wujud di dalam realiti. Ia datang untuk menghulurkan hukum-hukum Allah dalam sesuatu kejadian yang telah berlaku mengikut saiz, rupa bentuk dan latar belakang kejadian itu.

Agama ini bukannya datang untuk tujuan dijadikan semata-mata lambang dan bukan bertujuan supaya syari'atnya dijadikan maudhu' kajian secara teori yang tidak ada hubungan dengan realiti kehidupan manusia dan bukan bertujuan supaya syari'atnya hidup dengan andaian yang tidak pernah berlaku kemudian meletakkan bagi andaian-andaian yang terbang melayang-layang ini hukum-hukum fekah yang tergantung-gantung di udara.

Inilah keseriusan Islam dan inilah sistem Islam. Oleh itu mana-mana ulama agama ini yang ingin mengikut sistem Islam, maka hendaklah ia menuntut agar syari'at Allah itu dijadikan hakim di dalam realiti kehidupan atau sekurang-kurangnya hendaklah dia diam dari mengeluarkan fatwa dan dari melontarkan hukum-hukum fekah ke udara.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 103 - 104)

Punca Perkembangan Upacara-upacara Adat Jahiliyah

Nampaknya - berlandaskan kepada riwayat Mujahid daripada Ibn Abbas r.a. juga berlandaskan kepada pendapat Sa'id ibn Jubayr tentang sebab-sebab nuzul ayat ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَسۡـَٔلُواْ عَنۡ أَشۡيَآءَ إِن تُبۡدَ لَكُمۡ تَسُؤۡكُمۡ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanya (kepada nabi) mengenai perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu."(101)

- bahawa di antara perkara-perkara yang ditanyakan mereka ialah perkara-perkara yang berlaku di zaman jahiliyah, tetapi kami tidak menemui sesuatu pertanyaan yang tertentu apakah dia?, Tetapi datangnya di dalam rangkaian ayat-ayat ini pembicaraan mengenai Bahirah, Sai'bah, Wasilah dan Hami selepas ayat yang melarang orang-orang Mu'min dari bertanya menyarankan bahawa di sana ada sesuatu pertalian. Kami berpada setakat ini sahaja untuk mentafsirkan nas Al-Qur'an mengenai adat-adat jahiliyah ini:

مَا جَعَلَ ٱللَّهُ مِنۢ بَحِيرَةٖ وَلَا سَآئِبَةٖ وَلَا وَصِيلَةٖ وَلَا حَامٖ وَلَٰكِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يَفۡتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلۡكَذِبَۖ وَأَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡقِلُونَ ١٠٣

وَإِذَا قِيلَ لَهُمۡ تَعَالَوۡاْ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ قَالُواْ حَسۡبُنَا مَا وَجَدۡنَا عَلَيۡهِ ءَابَآءَنَآۚ أَوَلَوۡ كَانَ ءَابَآؤُهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ شَيۡـٔٗا وَلَا يَهۡتَدُونَ ١٠٤

"Allah tidak pernah mensyari'atkan Bahira, tidak pula Sa'ibah, tidak pula Wasilah dan tidak juga Hami, tetapi orang-orang kafirlah yang mengadakan pembohongan itu terhadap Allah dan kebanyakan mereka tidak berfikir (103). Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Marilah ikut apa yang telah diturunkan Allah dan (marilah) ikut Rasul-Nya, nescaya mereka menjawab: 'Kami sudah cukup dengan apa yang kami dapati diikuti oleh datuk nenek kami. 'Apakah mereka akan terus mengikut sekalipun datuk nenek mereka tidak mengetahui sesuatu apa dan tidak pula menerima hidayat?"(104)

Hati manusia itu sama ada ia tetap teguh mengikut fitrahnya yang telah diciptakan! Allah di atasnya lalu ia dapat mengenal Allah Yang Maha Esa, bertuhan

kepada-Nya, mengi'tirafkan 'Ubudiyahnya kepada Allah sahaja, menyerah dirinya kepada undang-undang dan peraturan Allah sahaja dan menolak Rububiyah yang lain dari Rububiyah Allah dan ini bermakna bahawa dia menolak untuk menerima sebarang undang-undang dan peraturan dari yang lain dari Allah..... sama ada ia tetap teguh mengikut fitrahnya, di mana ia mendapat kemudahan untuk berhubung dengan Allah dan beribadat kepada-Nya, juga mendapat kejelasan di dalam hubungan-hubunganya dengan Allah atau sama ada ia meraba-meraba sesat di liku-liku jalan jahiliyah dan paganisme, di mana ia disambut oleh kegelapan di setiap lorong dan ditemui kekarutan di setiap selekoh, di mana Taghut-taghut jahiliyah dan paganisme menuntut kepadanya mengadakan berbagai-bagai upacara untuk menyembahkannya dan berbagai-bagai pergorbanan untuk mendapat keredhaannya. Kemudian muncullah berbagai-bagai upacara ibadat dan pengorbanan sehingga penganut paganisme itu lupakan asal-usulnya dan melaksanakan upacara-upacara dan pengorbanan-pengorbanan itu tanpa mengetahui hikmatnya dan melakukan 'Ubudiyahnya kepada berbagai-bagai tuhan hingga ke tahap yang menghapuskan kehormatan dan kemuliaan insan yang dikurniakan Allah kepada manusia.

Islam datang membawa konsep tauhid untuk mentauhid kuasa yang dita'ati manusia agar dengan konsep ini ia dapat membebaskan manusia dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia dan dari 'Ubudiyah kepada berbagai-bagai tuhan. Islam datang untuk membebaskan hati nurani manusia dari kepercayaan paganisme yang karut-marut dengan segala belenggu-belenggunya dan memulangkan semula kepada akal manusia kehormatan dan kemuliaannya serta membebaskannya dari belenggu tuhan-tuhan dan upacara-upacaranya. Oleh sebab itulah Islam memerangi paganisme dalam segala rupa bentuknya dan memburunya di segala jalan dan liku-likunya sama ada di pendalaman hati nurani atau di dalam syi'ar-syi'ar ibadat atau di dalam peraturan-peraturan hidup atau di dalam undang-undang pemerintahan dan sistem kehidupan.

Ini satu lagi amalan yang menyeleweng dan sesat dan amalan-amalan paganisme di dalam jahiliyah Arab yang hendak dibetulkan oleh Islam dan disorotkan nur hidayat kepadanya untuk menghapuskan dongeng-dongeng yang karut di sekitarnya serta menjelaskan dasar-dasar pemikiran dan penelitian dan dalam waktu yang sama menjelaskan dasar-dasar syari'at dan peraturan Allah:

مَا جَعَلَ ٱللَّهُ مِنۢ بَحِيرَةٖ وَلَا سَآئِبَةٖ وَلَا وَصِيلَةٖ وَلَا حَامٖ وَلَٰكِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يَفۡتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلۡكَذِبَۖ وَأَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡقِلُونَ ١٠٣

"Allah tidak pernah mensyari'atkan Bahira, tidak pula Saibah, tidak pula Wasilah dan tidak juga Hami, tetapi orang-orang kafirlah yang mengadakan pembohongan itu terhadap Allah dan kebanyakan mereka tidak berfikir."(103)

Inilah jenis-jenis binatang ternakan yang dilepaskan mereka untuk tuhan-tuhan mereka dengan syarat-syarat yang tertentu yang diambil dari kepercayaan yang karut yang bertimbun-timbun di dalam akal dan hati manusia yang gelap gelita, iaitu binatang-binatang Bahirah, Sa'ibah, Wasilah dan Hami.

Apakah hakikat jenis-jenis binatang ini? Dan siapakah yang memperkanunkan peraturan-peraturan ini?

Berbagai-bagai riwayat telah memberi definisi kepada binatang-binatang ini. Oleh itu kami bentangkan sebahagian dari definisi-definisi itu:

Mengikut riwayat az-Zuhri dari Sa'id ibn al-Musayab katanya: Bahirah itu ialah unta yang diwaqafkan susunya kepada Taghut-taghut (yakni susunya diwaqaf dan diperuntukkan kepada tuhan-tuhan sahaja tidak boleh diminum oleh manusia dan yang berhak mengambil susunya tentulah sami-sami tuhan-tuhan itu sahaja) Sa'ibah ialah unta yang dilepaskan untuk Taghut-taghut mereka. Wasilah ialah unta yang bagi kali yang pertama melahirkan unta betina dan pada kali yang kedua juga melahirkan anak betina. Mereka namakan anak yang kedua ini sebagai Wasilah dari perkataan mereka "Wasiltu Unthayaini" (ia berturut-turut melahirkan anak betina tanpa diselingi anak jantan) dan mereka sembelihkan Wasilah ini untuk Taghut-taghut mereka. Hami ialah unta jantan yang telah membuntingkan unta-unta betina sekian ekor yang tertentu dan apabila pembuntingan itu sampai kepada bilangan itu, maka ia diumumkan bahawa belakangnya diberi perlindungan (tidak boleh ditunggang) lalu ia dilepas dan dinamakan mereka sebagai Hami.

"Berkata ahli-ahli bahasa pula: Bahirah itu ialah unta yang dibelahkan telinganya, dari kata-kata "بحرت أذن الناقة أبحرها بحرا" (aku belah telinga unta) dan unta yang telah dibelahkan telinganya itu diberi nama Bahirah dan Mabhurah (unta yang telah dibelahkan telinga) apabila telinganya dibelah luas. Dan dari akar kata ini juga lahirnya kata-kata "Bahr" (laut) kerana laut itu luas. Orang-orang di zaman jahiliyah mengharamkan unta Bahirah iaitu unta yang telah melahirkan anak sebanyak lima ekor dan anak yang akhir ialah anak jantan lalu mereka membelah telinganya dan mengharamkannya, iaitu mereka tidak menunggang dan menyembelihkannya. Ia tidak boleh diusir dari mana-mana air dan tidak boleh dihalang dari mana-mana padang ragut dan apabila ia ditemui seseorang ia tidak boleh ditunggang. Mereka berkata lagi Sa'ibah ialah unta yang dilepas. Di zaman jahiliyah apabila seseorang dari mereka bernazar kerana selamat balik dari persafiran atau sembuh dari penyakit atau sebagainya dia akan berkata: Unta ini aku lepaskan!. Ia sama dengan unta Bahirah dari segi

pantang larang dan kebebasan. Adapun Wasilah, maka mengikut setengah-tengah ahli bahasa ialah kambing betina yang dilahirkan kembar dengan anak jantan lalu mereka berkata: "Anak betina telah berkembar dengan saudaranya anak jantan." Kerana itu mereka tidak menyembelihkannya. Kata setengah pula: Apabila kambing itu melahirkan anak betina, maka anak itu untuk mereka dan sebaliknya jika ia melahirkan anak jantan, mereka akan sembelihkannya untuk tuhan-tuhan mereka mengikut kepercayaan mereka. Dan apabila ia melahirkan anak kembar jantan dan betina, mereka berkata: "Anak betina ini telah berkembar dengan saudaranya anak jantan" kerana itu mereka tidak menyembelihkannya untuk tuhan-tuhan mereka. Ahli-ahli bahasa itu berkata lagi: Hami ialah unta yang telah melahirkan sepuluh ekor anak dan ketika itu mereka berkata: "Belakangnya telah diberi perlindungan," oleh itu unta ini tidak boleh ditunggang dan tidak boleh dihalang dari mana-mana air dan padang ragut." [8]

Di sana terdapat riwayat-riwayat yang lain tentang definisi jenis-jenis adat dan upacara keagamaan ini, tetapi riwayat-riwayat itu tidak melebihi dari tahap kefahaman ini dan pengertian sebab-sebabnya juga tidak melebihi pengertian sebab-sebab ini, iaitu semua sebab-sebab itu - sebagaimana yang dapat dilihat oleh anda - adalah kepercayaan-kepercayaan yang karut yang lahir dari kefahaman dan pemikiran paganisme yang gelap gelita. Dan apabila kepercayaan-kepercayaan yang karut dan hawa nafsu manusia menjadi hakim, maka di sana tidak ada lagi batas dan garis pemisah, tidak ada lagi neraca dan logik. Oleh kerana itu adat dan upacara keagamaan itu telah berkembang kepada anekaragam adat dan terus ditokok-tambah dan dikurangkan dengan bebas tanpa kawalan. Inilah yang telah berlaku di dalam jahiliyah Arab dan ia boleh berlaku di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa sahaja, apabila hati nurani manusia telah menyeleweng dari konsep tauhid yang mutlak, tidak mempunyai liku-liku yang berbelit-belit dan tidak ada kegelapan. Rupa bentuk luarannya mungkin berubah dan berlain-lainan, tetapi inti jahiliyah tetap wujud, iaitu ia mengambil undang-undang dan peraturan dari yang lain dari Allah di dalam mana-mana urusan kehidupan.

Jahiliyah bukannya suatu tempoh waktu tertentu di dalam sesuatu zaman, tetapi ia adalah suatu keadaan dan kedudukan yang berulang-ulang di dalam berbagai-bagai bentuk di sepanjang zaman, iaitu sama ada Uluhiyah yang tunggal atau 'Ubudiyah yang syumul, di mana berpusatnya segala jenis kuasa dan kepadanya menjurus segala perasaan dan fikiran, segala niat dan amalan, segala penyusunan dan kedudukannya dan darinya juga diambil segala nilai dan neraca pertimbangan, segala undang-undang dan peraturan, segala kefahaman dan bimbingan, atau sama ada jahiliyah - dalam mana-mana bentuk - yang menggambarkan 'Ubudiyah manusia kepada manusia atau kepada makhluk-makhluk Allah yang lain. Itulah jahiliyah yang tidak mempunyai kawalan dan batasan, kerana akal manusia sahaja tidak layak untuk menjadi pengawal yang imbang dan adil selama ia tidak didisiplinkan dengan neraca 'aqidah yang betul. Akal itu memang terpengaruh kepada hawa nafsu sebagaimana yang kita dapat lihat setiap masa dan daya qudratnya untuk menentang dan melawan akan hilang apabila ia menghadapi berbagai-bagai tekanan dan desakan jika tidak ada di sampingnya pengawal yang imbang dan adil.

Pada hari ini - iaitu selepas empat belas abad turunnya Al-Qur'an membawa penjelasan ini - kita dapat menyaksi bahawa apabila putusnya pertalian hati manusia dengan Allah Yang Maha Esa, maka ia akan tersesat di liku-liku jalan dan lorong-lorong yang tidak terhitung banyaknya, ia akan tunduk kepada berbagai-bagai ketuhanan dan dia akan kehilangan kemerdekaan, kehormatan dan daya pertahanannya. Dan saya telah melihat - dalam aspek kepercayaan khurafat ini sahaja - di bahagian ulu negeri Mesir dan kampung-kampungnya puluhan kepercayaan yang karut, di mana binatang-binatang ternakan dilepaskan untuk wali-wali dan tokoh-tokoh suci persisnya seperti binatang-binatang itu dilepaskan untuk tuhan-tuhan di zaman purbakala.

Tetapi pokok pangkal masalah dalam adat-adat upacara jahiliyah - dan di dalam setiap jahiliyah - adalah ditentukan oleh dasar semesta (kulli), sebagai titik tolak sama ada ia menuju ke jalan Islam atau menuju ke jalan jahiliyah. Dan siapakah yang memegang kuasa yang mengendalikan kehidupan manusia? Apakah ia hanya dipegang oleh Allah Yang Maha Esa sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam syari'at-Nya? Atau apakah ia dipegang oleh kuasa yang lain dari Allah yang menentukan kepada manusia hukum-hukum, peraturan-peraturan, undang-undang, adat-adat upacara keagamaan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan? Atau dengan ungkapan yang lain: Siapakah yang berhak menyandang sifat Uluhiyah ke atas manusia? Apakah sifat Uluhiyah itu hanya untuk Allah sahaja? Atau untuk mana-mana makhluk-makhluk-Nya? Biar pun makhluk yang bagaimana yang memegang kuasa-kuasa Uluhiyah ke atas manusia itu!

Oleh sebab itu nas Al-Qur'an yang berikut dimulakan dengan menjelaskan bahawa Allah tidak mensyari'atkan adat-adat itu. Dia tidak mensyari'atkan Bahirah dan Saibah dan tidak pula mensyari'atkan Wasilah dan Hami. Jadi siapakah yang mensyari'atkan adat-adat ini kepada orang-orang kafir itu?:

مَا جَعَلَ ٱللَّهُ مِنۢ بَحِيرَةٍ وَلَا سَآئِبَةٍ وَلَا وَصِيلَةٍ وَلَا حَامٍ

"Allah tidak pernah mensyari'atkan Bahirah, tidak pula Saibah, tidak pula Wasilah dan tidak juga Hami."(103)

---

[8] *Dari kitab "أحكام القرآن" oleh al-Jasas juzu' 2 muka surat 591 cetakan "البهية المصرية"*

Orang-orang yang mengikut peraturan-peraturan yang digariskan oleh yang lain dari Allah adalah orang-orang yang kafir. Mereka telah membuat kedustaan terhadap Allah. Mereka kadang-kadang merekakan peraturan dari diri mereka sendiri kemudian mereka mendakwa inilah undang-undang dan peraturan Allah dan kadang-kadang mereka mendakwa: Kami mengadakan undang-undang dan peraturan untuk diri kami dan kami tidak masukkan syari'at Allah di dalam undang-undang dan peraturan kami dan walaupun begitu kami tidak menderhaka kepada Allah. Semuanya itu adalah pembohongan terhadap Allah:

وَلَٰكِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ ۖ وَأَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٠٣﴾

"Tetapi orang-orang kafirlah yang mengadakan pembohongan itu terhadap Allah dan kebanyakan mereka tidak berfikir."(103)

Kaum Musyrikin Arab telah beranggapan bahawa mereka berpegang dengan agama Ibrahim yang datang dari Allah. Mereka sebenarnya tidak mengingkarkan Allah, malah mereka mengi'tirafkan kewujudan Allah, qudrat kuasa-Nya, juga mengi'tirafkan pengendalian Allah terhadap alam buana seluruhnya. Namun demikian mereka membuat undang-undang dan peraturan sendiri kemudian mereka dakwakannya sebagai undang-undang dan peraturan Allah. Dan dengan sebab perbuatan inilah mereka menjadi kafir. Pendirian yang serupa dengan mereka ialah pendirian setiap kaum jahiliyah yang wujud di mana-mana zaman dan tempat yang mengadakan undang-undang dan peraturan sendiri kemudian mendakwakannya - atau tanpa mendakwakannya - sebagai undang-undang dan peraturan Allah.

Undang-undang dan peraturan Allah ialah undang-undang dan peraturan yang dijelaskan di dalam kitab-Nya Al-Qur'an dan diterangkan oleh Rasul-Nya s.a.w. Ia bukanlah undang-undang dan peraturan yang sukar dimengertikan dan bukan pula suatu undang-undang dan peraturan yang boleh menerima pembohongan dari seseorang yang lain yang mendakwakan pembohongan itu sebagai sebahagian dari undang-undang dan peraturan Allah sebagaimana yang difahamkan oleh kaum jahiliyah di mana-mana zaman dan tempat.

Oleh sebab itu Allah mengecapkan orang-orang yang membuat dakwaan yang seperti ini sebagai orang-orang kafir dan kemudian mengecapkan mereka pula sebagai orang yang tidak berfikir. Andainya mereka berfikir tentulah mereka tidak tergamak membuat pembohongan terhadap Allah dan andainya mereka berfikir tentulah mereka tidak sanggup memberi laluan kepada pembohongan itu.

Kemudian ayat yang berikut menambahkan lagi penjelasan tentang perbezaan ini di dalam percakapan dan perbuatan mereka:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ وَإِلَى ٱلرَّسُولِ قَالُوا۟ حَسْبُنَا مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآ ۚ أَوَلَوْ كَانَ ءَابَآؤُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٠٤﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: 'Marilah ikut apa yang telah diturunkan Allah dan (marilah) ikut Rasul-Nya', nescaya mereka menjawab: 'Kami sudah cukup dengan apa yang kami dapati diikuti oleh datuk nenek kami' apakah mereka akan terus mengikut sekalipun datuk nenek mereka tidak mengetahui sesuatu apa dan tidak pula menerima hidayat?"(104)

Segala peraturan dan undang-undang yang disyari'atkan Allah itu adalah jelas dan nyata. Ia diterangkan dengan tepat di dalam wahyu yang diturunkan dan dijelaskan dengan Sunnah Rasul-Nya. Inilah batu uji. Inilah titik persimpangan yang membezakan di antara jalan jahiliyah dan jalan Islam, di antara jalan kekufuran dan jalan keimanan. Oleh itu manusia sama ada mereka diserukan kepada undang-undang dan peraturan yang diturunkan Allah dengan nas-nasnya (yang tepat) dan kepada Sunnah Rasul-Nya yang mentafsirkan nas-nas itu lalu mereka menyambut seruan itu, maka ini membuktikan bahawa mereka adalah orang-orang Muslimin, atau mereka diserukan kepada Allah dan Rasul-Nya lalu mereka enggan menyambutnya, maka ini membuktikan bahawa mereka adalah orang-orang kafir. Tidak ada pilihan yang lain.

Sikap mereka ialah apabila diseru: Marilah kamu sekalian kepada undang-undang dan peraturan yang telah diturunkan Allah dan kepada Sunnah Rasul-Nya nescaya mereka menjawab: "Cukuplah kami dengan undang-undang dan peraturan yang kami dapati telah diamalkan oleh datuk nenek kami." Oleh itu mereka mengikut undang-undang dan peraturan ciptaan manusia dan meninggal undang-undang dan peraturan yang disyari'atkan oleh Tuhan manusia alam. Mereka menolak seruan membebaskan diri dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia dan memilih 'Ubudiyah akal dan hati nurani kepada datuk nenek.

Kemudian ayat yang berikut mengulaskan pendirian mereka dengan ulasan yang menyatakan kehairanan dan kecaman:

أَوَلَوْ كَانَ ءَابَآؤُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٠٤﴾

"Apakah (mereka akan terus mengikut) sekalipun datuk nenek mereka tidak mengetahui sesuatu apa dan tidak pula menerima hidayat?"(104)

Kecaman ayat ini bukanlah kerana mereka mengikut datuk nenek mereka walaupun datuk nenek mereka tidak mengetahui sesuatu apa dan tidak pula menerima hidayat. Sebaliknya jika datuk nenek mereka mengetahui sesuatu, maka bolehlah mereka mengikut datuk nenek mereka dan meninggalkan undang-undang dan peraturan yang telah diturunkan Allah dan diterangkan oleh Rasulullah, malah kecaman ini bertujuan menjelaskan keadaan realiti mereka dan keadaan realiti datuk nenek mereka sebelum mereka, iaitu datuk nenek mereka juga mengikut undang-undang dan peraturan yang dibuat oleh datuk nenek mereka yang lalu atau mengikut undang-undang dan peraturan yang diadakan oleh mereka untuk mereka sendiri. Tiada siapa yang memilih undang-undang dan peraturan yang diciptakannya sendiri atau diciptakan oleh datuk neneknya, sedangkan ada di hadapannya undang-undang dan peraturan Allah dan Sunnah Rasul-Nya melainkan seorang yang tidak mengetahui sesuatu apa dan tidak menerima hidayat. Biarlah dia atau orang lain berkata apa sahaja yang dia suka tentang dirinya bahawa dia adalah seorang yang mengetahui dan menerima hidayat kerana keterangan Allah lebih benar dan kebenarannya disaksikan oleh kenyataan. Tiada sesiapa yang berpaling dari undang-undang dan peraturan Allah kepada undang-undang dan peraturan manusia kecuali orang yang sesat, jahil, pendusta dan kafir!

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 105)

Menjaga Kedudukan Umat Dan Perpaduannya

Setelah selesai menerangkan keadaan dan perkataan orang-orang kafir, maka ayat yang berikut berpaling pula kepada orang-orang yang beriman untuk menjelaskan kepada mereka tentang kedudukan mereka yang terpisah dan berbeza dari orang-orang yang lain, juga tentang tugas-tugas dan kewajipan mereka di samping menggariskan pendirian mereka terhadap orang-orang lain dari mereka dan menyerahkan mereka kepada hisab Allah dan balasannya bukannya kepada keuntungan dan keperluan mereka di bumi ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ ۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهْتَدَيْتُمْ ۚ إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah diri kamu masing-masing. (Ingatlah) mereka yang telah sesat itu tidak akan dapat memudharatkan kamu jika kamu telah mendapat hidayat. Kepada Allah kamu sekalian akan kembali dan (ketika itu) Dia akan menerangkan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu."(105)

Itulah kedudukan istimewa yang memisahkan mereka dari orang-orang yang lain dan itulah kedudukan perpaduan dan sikap saling berpesan di antara sesama mereka sebagai satu umat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ ۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهْتَدَيْتُمْ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah diri kamu masing-masing. (Ingatlah) mereka yang telah sesat itu tidak akan dapat memudharatkan kamu jika kamu telah mendapat hidayat."(105)

Maksudnya kamu adalah satu kesatuan umat yang terpisah dari umat-umat yang lain. Kamu harus hidup bersatu padu dan bertakaful di antara sesama kamu. Oleh itu hendaklah kamu jaga diri kamu dan membersihkannya. Hendaklah kamu menjaga kelompok kamu, iaitu bersikap setia kepadanya dan menjaga keselamatannya. Kamu tidak menanggung apa-apa kemudharatan kerana kesesatan orang lain jika kamu mendapat hidayat, kerana kamu adalah satu kesatuan umat yang terpisah dari umat-umat yang lain. Kamu adalah satu umat yang wajib bersatupadu dan bertakaful di antara sesama sendiri dan bersetiakawan di antara satu sama lain. Kamu tidak harus mengadakan sebarang hubungan setiakawan dan perhubungan yang erat dengan orang-orang yang lain dari kamu.

Inilah sepotong ayat yang menjelaskan dasar-dasar asasi kedudukan umat Muslimin dan kedudukan hubungan mereka dengan umat-umat yang lain.

Umat Muslimin adalah umat Hizbullah, sedangkan umat-umat yang lain adalah umat hizbusy-syaitan. Oleh sebab itu pakatan setiakawan dan pakatan takaful tidak dapat diwujudkan di antara umat Muslimin dengan umat-umat yang lain kerana di antara keduanya tidak terdapat persamaan 'aqidah dan kerana itu tidak mungkin wujud persamaan matlamat dan sarana, persamaan tanggungjawab dan balasan.

Umat Muslimin wajib bekerjasama dan bertakaful di antara sesama sendiri, wajib mengamalkan dasar saling berpesan dan bernasihat di antara satu sama lain dan wajib berpandu dengan hidayat Allah yang telah menjadikan mereka satu umat yang berdiri sendiri dan terpisah dari umat-umat yang lain. Dan andainya selepas itu manusia yang lain di sekeliling mereka terus sesat, maka itu tidaklah mendatangkan apa-apa kemudharatan kepada mereka selama mereka berdiri teguh di atas hidayat Allah.

Kewajipan Penda'wah Kepada Umat Manusia

Tetapi ini tidaklah bererti bahawa umat Muslimin boleh melepaskan diri mereka dari tugas mengajak seluruh manusia kepada hidayat Allah, kerana hidayat Allah ialah agama, undang-undang dan sistem hidup mereka. Oleh itu apabila mereka telah menegakkan sistem hidup mereka di bumi ini, maka kewajipan mereka yang masih tinggal ialah berda'wah kepada seluruh manusia, berusaha menyampaikan hidayat

Allah kepada mereka dan melaksanakan tugas kepimpinan ke atas seluruh mereka untuk menegakkan keadilan di antara mereka dan untuk menghalangkan mereka dari kesesatan dan jahiliyah yang mereka telah selamatkan mereka darinya.

Kedudukan umat Muslimin yang bertanggungjawab terhadap diri mereka di hadapan Allah dan tidak mendapat apa-apa kemudharatan kerana kesesatan orang lain selama mereka berpegang dengan hidayat Allah. Ini tidaklah bererti bahawa mereka tidak bertanggungjawab di atas kecuaian mereka dalam tugas al-'Amru bil-Ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-Munkar pertama-tama di kalangan sesama mereka sendiri kemudian di kalangan umat manusia di seluruh dunia. Perbuatan ma'ruf yang pertama ialah penyerahan diri yang menyeluruh kepada Allah, dan perbuatan mungkar yang pertama ialah mengikut jahiliyah dan mencabul kuasa Allah dan syari'at-Nya. Undang-undang dan peraturan jahiliyah ialah undang-undang dan peraturan Taghut. Dan yang dimaksudkan dengan Taghut ialah setiap kuasa yang lain dari kuasa Allah, undang-undang dan peraturan-Nya. Umat Muslimin berkewajipan menjaga dan mengendalikan diri mereka sendiri pada permulaannya, kemudian pada akhirnya mereka berkewajipan pula menjaga dan mengendalikan seluruh umat manusia.

Kewajipan Meneruskan Dasar Al-Amru Bil-Ma'ruf Dan An-Nahyu 'Anil-Munkar

Bukanlah tujuan dari menjelaskan batas-batas tangungjawab di dalam ayat ini seperti yang telah difahamkan oleh setengah-tengah orang di zaman dahulu dan mungkin pula difahamkan oleh setengah-tengah orang di zaman moden ialah untuk menyarankan bahawa seseorang Mu'min itu tidak lagi ditaklifkan dengan al-'Amru bil-Ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-Munkar apabila dia sendiri telah berpegang dengan hidayat Allah dan tidak pula menyarankan bahawa umat Muslimin tidak lagi ditaklifkan dengan tugas menegakkan syari'at Allah di muka bumi ini apabila mereka telah berpegang dengan hidayat Allah walaupun manusia di sekeliling mereka berada di dalam kesesatan.

Sebenarnya ayat ini tidak bermaksud menggugurkan dari seseorang Islam dan dari umat Muslimin tanggungjawab menentang kejahatan, melawan kesesatan dan memerangi kezaliman. Dan kezaliman yang paling mencabul ialah perbuatan zalim yang mencabul Uluhiyah Allah, merampas kuasa-Nya dan menundukkan manusia kepada undang-undang dan peraturan yang bukan dari undang-undang dan peraturan Allah. Itulah perbuatan mungkar yang tidak memberi manfa'at kepada seseorang Muslim, juga tidak memberi manfa'at kepada umat Muslimin untuk mendapat hidayat Allah jika perbuatan yang mungkar ini masih dilakukan.

Mengikut riwayat Ashabus-Sunan bahawa Abu Bakr r.a. telah bangun berucap lalu ia memuji dan menyanjungi Allah kemudian berkata: Wahai sekalian orang ramai! Kamu telah membaca ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَيۡكُمۡ أَنفُسَكُمۡۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهۡتَدَيۡتُمۡۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah diri kamu masing-masing. (ingatlah) mereka yang telah sesat itu tidak akan dapat memudharatkan kamu jika kamu telah mendapat hidayat"(105)

tetapi kamu telah meletakkan ayat ini bukan pada tempatnya, sedangkan aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

ان الناس اذا رأوا المنكر ولا يغيرونه ، يوشك الله عزوجل ان يعمهم بعقابه

"Sesungguhnya jika manusia melihat kemungkaran, tetapi mereka tidak bertindak mengubahkannya, maka lambat laun Allah 'Azzawajalla akan menimpakan 'azab keseksaannya ke atas seluruh mereka."

Demikianlah Khalifah yang pertama Ridhwanullahi 'alayhi telah membetulkan kefahaman setengah-setengah orang yang sampai kepadanya di zamannya tentang maksud ayat yang mulia ini. Dan kita umat Islam pada hari ini lebih memerlukan kepada pembetulan ini kerana pelaksanaan tugas-tugas mengubahkan kemungkaran itu telah menjadi lebih sulit dan sukar oleh kerana itu orang-orang Islam yang lemah begitu mudah terdorong kepada menta'wilkan ayat ini dengan pentafsiran yang membebas dan merehatkan mereka dari kepenatan, kesulitan dan ujian jihad.

Tidak sekali-kali begitu demi Allah, sesungguhnya agama ini tidak mungkin berdiri tegak melainkan dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan dengan perjuangan jihad. Ia tidak boleh menjadi betul melainkan dengan amalan dan perjuangan. Oleh sebab itu agama ini memerlukan para pejuang yang sanggup mencurahkan usaha mereka untuk mengembalikan manusia kepadanya dan untuk mengeluarkan mereka dari perhambaan kepada sesama manusia kepada perhambaan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, juga untuk menegakkan Uluhiyah Allah di bumi ini, mengembalikan orang-orang yang merampas kuasa Allah supaya menyerah semula kuasa yang telah dirampaskan mereka itu,menegakkan syari'at Allah dalam kehidupan manusia dan menegakkan manusia di atas syari'at Allah. Ia memerlukan usaha perjuangan dengan menggunakan cara yang baik jika orang-orang yang sesat itu terdiri dari orang-orang yang berkehendak kepada pimpinan dan penerangan dan menggunakan cara kekerasan dan kekuatan jika kekuatan yang zalim itu menjadi batu penghalang yang menyekat orang ramai dari hidayat Allah dan melumpuhkan agama Allah dari menonjolkan kewujudannya dan menghalangkan syari'at Allah dari ditegakkan.

Selepas itu - bukan sebelumnya - barulah gugur tanggungjawab dari orang-orang yang beriman dan orang-orang yang sesat akan menerima balasan mereka dari Allah apabila mereka kelak kembali kepada Allah.

إِلَى ٱللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

"Kepada Allah kamu sekalian-akan kembali dan (ketika itu) Dia akan menerangkan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu."(105)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 106 - 108)
Kewajipan Mengadakan Saksi-saksi Wasiat

Kini tiba pula hukum yang akhir dari hukum-hukum syara' yang dibicarakan oleh surah ini, iaitu beberapa hukum mu'amalah di dalam masyarakat Islam yang berkaitan dengan peraturan mengadakan saksi wasiat dalam masa bermusafir atau merantau di negeri lain, iaitu kes berada di tempat yang jauh dari masyarakat, juga berkaitan dengan jaminan-jaminan yang diwujudkan oleh syari'at supaya hak itu benar-benar sampai kepada tuannya.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ شَهَٰدَةُ بَيْنِكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ حِينَ ٱلْوَصِيَّةِ ٱثْنَانِ ذَوَا عَدْلٍ مِّنكُمْ أَوْ ءَاخَرَانِ مِنْ غَيْرِكُمْ إِنْ أَنتُمْ ضَرَبْتُمْ فِى ٱلْأَرْضِ فَأَصَٰبَتْكُم مُّصِيبَةُ ٱلْمَوْتِ ۚ تَحْبِسُونَهُمَا مِنۢ بَعْدِ ٱلصَّلَوٰةِ فَيُقْسِمَانِ بِٱللَّهِ إِنِ ٱرْتَبْتُمْ لَا نَشْتَرِى بِهِۦ ثَمَنًا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۙ وَلَا نَكْتُمُ شَهَٰدَةَ ٱللَّهِ إِنَّآ إِذًا لَّمِنَ ٱلْءَاثِمِينَ ﴿١٠٦﴾

فَإِنْ عُثِرَ عَلَىٰٓ أَنَّهُمَا ٱسْتَحَقَّآ إِثْمًا فَـَٔاخَرَانِ يَقُومَانِ مَقَامَهُمَا مِنَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَحَقَّ عَلَيْهِمُ ٱلْأَوْلَيَٰنِ فَيُقْسِمَانِ بِٱللَّهِ لَشَهَٰدَتُنَآ أَحَقُّ مِن شَهَٰدَتِهِمَا وَمَا ٱعْتَدَيْنَآ إِنَّآ إِذًا لَّمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠٧﴾

ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِٱلشَّهَٰدَةِ عَلَىٰ وَجْهِهَآ أَوْ يَخَافُوٓا۟ أَن تُرَدَّ أَيْمَٰنٌۢ بَعْدَ أَيْمَٰنِهِمْ ۗ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْمَعُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿١٠٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Adakan saksi-saksi di antara kamu ketika seseorang dari kamu menghadapi kematian apabila ia hendak berwasiat, iaitu dua orang saksi yang adil dari kalangan kamu atau dua orang yang berlainan agama dengan kamu jika kamu bermusafir di muka bumi ini lalu kamu ditimpa bahaya kematian dan (hendaklah) kamu tahan kedua-dua saksi itu selepas solat dan hendaklah kedua-duanya bersumpah dengan nama Allah - jika kamu ragu-ragu - (demi Allah) kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapatkan sesuatu harta benda (bagi kepentingan seseorang) walaupun ia dari kaum kerabat dan kami tidak akan meyembunyi keterangan Allah. Sesungguhnya (jika kami menyembunyikannya) nescaya kami termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa (106). Kemudian jika didapati kedua saksi itu telah melakukan dosa (mengkhianati keterangan Allah) maka hendaklah dua orang yang lain menggantikan tempat keduanya dari waris-waris si mati yang berhak dan yang lebih dekat dan (hendaklah) keduanya bersumpah dengan nama Allah: Sesungguhnya keterangan kami lebih berhak diterima dari keterangan dua orang saksi itu dan kami tidak melampaui batas. Sesungguhnya (jika kami berbuat demikian) nescaya kami termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim (107). Itulah jalan yang lebih dekat untuk mereka memberi keterangan dengan cara yang benar atau untuk mereka merasa takut akan ditolak sumpah mereka (oleh waris si mati) sesudah mereka bersumpah. Bertaqwalah kepada Allah dan dengarlah (perintah-Nya) dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."(108)

Penjelasan hukum ini yang terkandung di dalam tiga ayat ini ialah: Hendaklah orang yang merasa dirinya telah dihampiri ajalnya dan dia ingin mewasiatkan harta yang ada padanya kepada keluarganya itu mengadakan dua orang saksi yang adil dari kaum Muslimin jika ia berada di dalam negeri dan menyerahkan kepada keduanya harta yang hendak diberikan kepada keluarganya yang tidak ada di situ. Tetapi jika ia bermusafir di negeri yang lain di bumi ini dan di sana dia tidak boleh mendapat dua orang Islam untuk menjadi saksi dan untuk diserahkan kepada keduanya harta wasiat yang ada padanya, maka bolehlah dua orang saksi itu diambil dari orang bukan Islam.

Tetapi jika orang-orang Islam atau keluarga si mati itu ragu-ragu terhadap wasiat yang telah disampaikan oleh kedua orang saksi (bukan Islam) itu atau ragu-ragu terhadap kejujuran keduanya menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkannya kepada keduanya, maka hendaklah mereka menyuruh kedua orang saksi itu selepas kedua-duanya menunaikan solat - mengikut agama keduanya - supaya mengangkat sumpah bahawa kedua-duanya tidak bermaksud dengan sumpah ini untuk kepentingan kedua-duanya dan tidak pula untuk kepentingan seseorang yang lain walaupun kerabatnya sendiri dan bahawa kedua-duanya tidak menyembunyikan sesuatu apa pun dari amanah yang dipertanggungjawabkan kepada keduanya dan jika tidak berdosalah kedua-duanya. Dengan demikian, kesaksian atau keterangan kedua orang saksi itu diluluskan.

Dan andainya selepas itu terbongkar bahawa kedua-dua orang saksi itu telah melakukan kesalahan memberi keterangan yang dusta, mengangkat sumpah yang bohong dan mengkhianati amanah, maka hendaklah dua orang dari keluarga si mati yang paling dekat mewarisinya tampil menentang orang-orang yang melakukan kesalahan ini dengan bersumpah di atas nama Allah bahawa keterangan keduanya adalah lebih benar. Dari keterangan dua orang saksi yang pertama tadi dan bahawa mereka berdua tidak menceroboh dengan tindakan menjelaskan hakikat ini. Dengan demikian terbatallah keterangan dua orang saksi yang pertama dan diluluskan keterangan dua orang saksi yang kedua.

Kemudian ayat yang berikut menerangkan pula bahawa prosedur-prosedur ini lebih menjaminkan kebenaran saksi dan menimbulkan rasa takut ditolak sumpah dua orang saksi yang pertama yang boleh mendorong kedua-duanya mempertahankan kebenaran.

ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِٱلشَّهَـٰدَةِ عَلَىٰ وَجْهِهَآ أَوْ يَخَافُوٓا۟ أَن تُرَدَّ أَيْمَـٰنٌۢ بَعْدَ أَيْمَـٰنِهِمْ ۗ

"Itulah jalan yang lebih dekat untuk mereka memberi keterangan dengan cara yang benar atau untuk mereka merasa takut akan ditolak sumpah mereka (oleh waris si mati) sesudah mereka bersumpah."(108)

Kemudian ayat yang berikut mengakhiri dengan seruan mengajak mereka sekalian supaya bertaqwa kepada Allah, bermuraqabah dengan Allah, takut kepada Allah dan tà'at kepada segala perintah Allah kerana Allah tidak memberi pertunjuk kepada mereka yang menyeleweng dari jalan-Nya ke arah kebaikan dan hidayat:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْمَعُوا۟ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَـٰسِقِينَ ﴿١٠٨﴾

"Bertaqwalah kepada Allah dan dengarlah (perintah-Nya) dan Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang fasiq."(108)

Ujar Al-Qurtubi di dalam tafsirnya mengenai sebab turunnya tiga ayat-ayat ini:

"Setahu saya tidak ada khilaf bahawa ayat ini turun dengan sebab Tamim ad-Dari dan 'Adi ibn Badda'. Mengikut riwayat al-Bukhari, ad-Darqutni dan lainnya dari Ibn Abbas katanya: Tamim ad-Dari dan 'Adi ibn Badda' selalu berulang alik ke Makkah (pada suatu hari) seorang pemuda dari Bani Sahm keluar bersama keduanya, tiba-tiba ia meninggal dunia di suatu tempat yang tidak ada seorang Islam pun. Dia telah mewasiatkan hartanya kepada keduanya lalu keduanya menyerahkan harta peninggalan itu kepada keluarganya kecuali sebuah piala perak yang disalut dengan emas yang dipegang oleh keduanya. Kemudian Rasulullah s.a.w. meminta kedua-duanya bersumpah bahawa kedua-duanya tidak menyembunyi dan mengetahui sesuatu apa pun (dari peninggalan si mati). Kemudian piala itu ditemui di Makkah dan kata orang yang memilikinya: Kami telah membelinya dari 'Adi dan Tamim. Lalu datang dua orang lelaki dari waris-waris pemuda Bani Sahm dan bersumpah mengaku bahawa piala ini milik pemuda Bani Sahm dan katanya: Keterangan kami adalah lebih benar dari keterangan mereka berdua (Adi dan Tamim) dan kami tidak sekali bermaksud menceroboh. Kata Ibn Abbas: Lalu - kedua-duanya mengambil balik piala itu dan dengan sebab merekalah turun ayat ini (Versi ad-Darqutni)."

Jelaslah bahawa keadaan atau tabi'at masyarakat, di mana diturunkan hukum-hukum ini yang bertujuan untuk menyusunkan masyarakat itu mempunyai pengaruh dalam menentukan bentuk tatacara ini dan mungkin menentukan tabi'at tatacara itu sendiri. Peraturan mengadakan saksi dan menyerahkan amanat dalam bentuk yang seperti ini kemudian bersumpah dengan nama Allah di sebuah masyarakat selepas menunaikan solat yang bertujuan merangsangkan kesedaran keagamaan dan menimbulkan kebimbangan tercetusnya skandal di dalam masyarakat apabila terbongkarnya pendustaan dan pengkhianatan. Semuanya itu membayangkan bahawa ciri-ciri itu adalah ciri-ciri satu masyarakat yang tertentu, di mana tatacara itu cukup untuk melayani keperluan-keperluan dan keadaan-keadaannya.

Masyarakat-masyarakat manusia pada hari ini telah memiliki berbagai-bagai alat dan sarana untuk merekodkan bukti-bukti dan berbagai-bagai bentuk tata cara seperti tulisan, rakaman, simpanan di dalam bank dan sebagainya.

Tetapi apakah ayat ini telah kehilangan daya kemampuannya untuk berfungsi di dalam masyarakat-masyarakat manusia?

Kita sering kali tertipu dengan sesuatu masyarakat yang tertentu, yang mana kita menyangka bahawa setengah-setengah peraturan dan tata caranya telah kehilangan pengaruhnya dan tidak lagi perlu atau menyangka bahawa peraturan-peraturan dan tatacara-tatacara itu sebagai peninggalan masyarakat purba kerana umat manusia pada hari ini telah mengadakan alat-alat dan sarana-sarana yang baru.

Ya, kita sering kali tertipu lalu kita lupa bahawa agama Islam ini adalah diturunkan untuk seluruh manusia yang berada di seluruh negeri mereka dan seluruh zaman mereka. Sebenarnya sebahagian besar dari umat manusia pada hari ini masih berada dalam keadaan primitif atau masih merangkak-rangkak dari kejakunan. Mereka memulaukan peraturan-peraturan dan tatacara yang sesuai dengan keperluan-keperluan mereka dalam segala bentuk dan tahap-tahap perkembangannya. Mereka boleh mendapat di dalam agama ini peraturan-peraturan yang boleh memenuhi keperluan-keperluan itu dalam segala keadaannya. Dan apabila mereka meningkat dari satu tahap

perkembangan kepada satu tahap yang lain, mereka boleh mendapatkan peraturan-peraturan yang sama yang boleh memenuhkan keperluan-keperluan itu dan undang-undang yang boleh melayani kehendak-kehendak yang wujud ketika itu. Kemudian agama ini akan membawa mereka meningkat ke tahap yang lebih tinggi untuk memenuhi keperluan-keperluan mereka yang terus berkembang itu. Inilah mu'jizat agama itu dan inilah mu'jizat syari'atnya dan inilah pertanda bahawa agama ini adalah dari Allah dan dari pilihan Allah.

Kita juga tertipu sekali lagi apabila kita melupakan keadaan-keadaan dharurat yang dihadapi oleh individu-individu dari masyarakat-masyarakat yang telah melewati tahap-tahap perkembangan ini, iaitu keadaan-keadaan dharurat yang hanya dapat ditolong dan diatasikan oleh kemudahan dan kesyumulan peraturan-peraturan agama ini dan oleh sarana-sarana agama ini yang memang disediakan untuk beroperasi di dalam setiap masyarakat dan dalam setiap keadaan sama ada di luar bandar atau di dalam bandar, di padang Sahara atau di hutan rimba, kerana ia adalah agama untuk seluruh manusia yang berada di seluruh zaman dan seluruh negeri dan ini juga salah satu dari mu'jizat-mu'jizat yang besar.

Kita tertipu apabila kita berfikir bahawa kita manusia lebih jauh pandangannya terhadap makhluk dari pandangan Tuhan makhluk sendiri, kerana peristiwa-peristiwa yang telah berlaku telah mengembalikan kita kepada sikap rendah diri! Alangkah baiknya kepada kita mengambil pengajaran sebelum kita dilandakan oleh peristiwa-peristiwa! Alangkah baiknya kepada kita mengenal adab sopan manusia terhadap Allah Pencipta manusia, iaitu adab sopan hamba sahaya terhadap Allah Tuhan hamba sahaya! Alangkah baiknya jika kita mengambil pengajaran, mengenal dan kembali ke pangkal jalan!

(Kumpulan ayat-ayat 109 - 120)

يَوْمَ يَجْمَعُ ٱللَّهُ ٱلرُّسُلَ فَيَقُولُ مَاذَآ أُجِبْتُمْ ۖ قَالُوا۟
لَا عِلْمَ لَنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ عَلَّٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿١٠٩﴾

إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ٱذْكُرْ نِعْمَتِى
عَلَيْكَ وَعَلَىٰ وَٰلِدَتِكَ إِذْ أَيَّدتُّكَ بِرُوحِ ٱلْقُدُسِ
تُكَلِّمُ ٱلنَّاسَ فِى ٱلْمَهْدِ وَكَهْلًا ۖ وَإِذْ عَلَّمْتُكَ
ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ ۖ
وَإِذْ تَخْلُقُ مِنَ ٱلطِّينِ كَهَيْـَٔةِ ٱلطَّيْرِ بِإِذْنِى
فَتَنفُخُ فِيهَا فَتَكُونُ طَيْرًۢا بِإِذْنِى ۖ وَتُبْرِئُ
ٱلْأَكْمَهَ وَٱلْأَبْرَصَ بِإِذْنِى ۖ وَإِذْ تُخْرِجُ ٱلْمَوْتَىٰ
بِإِذْنِى ۖ وَإِذْ كَفَفْتُ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَنكَ إِذْ
جِئْتَهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْهُمْ
إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١١٠﴾

وَإِذْ أَوْحَيْتُ إِلَى ٱلْحَوَارِيِّۦنَ أَنْ ءَامِنُوا۟ بِى وَبِرَسُولِى
قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَٱشْهَدْ بِأَنَّنَا مُسْلِمُونَ ﴿١١١﴾

إِذْ قَالَ ٱلْحَوَارِيُّونَ يَٰعِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ هَلْ يَسْتَطِيعُ
رَبُّكَ أَن يُنَزِّلَ عَلَيْنَا مَآئِدَةً مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ۖ قَالَ ٱتَّقُوا۟
ٱللَّهَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١١٢﴾

قَالُوا۟ نُرِيدُ أَن نَّأْكُلَ مِنْهَا وَتَطْمَئِنَّ قُلُوبُنَا وَنَعْلَمَ
أَن قَدْ صَدَقْتَنَا وَنَكُونَ عَلَيْهَا مِنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿١١٣﴾

قَالَ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ ٱللَّهُمَّ رَبَّنَآ أَنزِلْ عَلَيْنَا مَآئِدَةً
مِّنَ ٱلسَّمَآءِ تَكُونُ لَنَا عِيدًا لِّأَوَّلِنَا وَءَاخِرِنَا وَءَايَةً
مِّنكَ ۖ وَٱرْزُقْنَا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿١١٤﴾

قَالَ ٱللَّهُ إِنِّى مُنَزِّلُهَا عَلَيْكُمْ ۖ فَمَن يَكْفُرْ بَعْدُ مِنكُمْ فَإِنِّىٓ
أُعَذِّبُهُۥ عَذَابًا لَّآ أُعَذِّبُهُۥٓ أَحَدًا مِّنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١١٥﴾

وَإِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ءَأَنتَ قُلْتَ لِلنَّاسِ
ٱتَّخِذُونِى وَأُمِّىَ إِلَٰهَيْنِ مِن دُونِ ٱللَّهِ ۖ قَالَ سُبْحَٰنَكَ
مَا يَكُونُ لِىٓ أَنْ أَقُولَ مَا لَيْسَ لِى بِحَقٍّ ۚ إِن كُنتُ قُلْتُهُۥ
فَقَدْ عَلِمْتَهُۥ ۚ تَعْلَمُ مَا فِى نَفْسِى وَلَآ أَعْلَمُ مَا فِى نَفْسِكَ ۚ
إِنَّكَ أَنتَ عَلَّٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿١١٦﴾

مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَآ أَمَرْتَنِى بِهِۦٓ أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ رَبِّى
وَرَبَّكُمْ ۚ وَكُنتُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا مَّا دُمْتُ فِيهِمْ ۖ فَلَمَّا
تَوَفَّيْتَنِى كُنتَ أَنتَ ٱلرَّقِيبَ عَلَيْهِمْ ۚ وَأَنتَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ

شَهِيدٌ ﴿١١٧﴾

إِن تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ ۖ وَإِن تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١١٨﴾

قَالَ اللَّهُ هَٰذَا يَوْمُ يَنفَعُ الصَّادِقِينَ صِدْقُهُمْ ۚ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۚ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ۚ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١١٩﴾

لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا فِيهِنَّ ۚ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٢٠﴾

"(Ingatlah) hari Allah mengumpulkan para rasul lalu Dia berfirman kepada mereka: Apakah jawapan yang telah diberikan kepada kamu? Para rasul menjawab: Kami tidak mempunyai ilmu pengetahuan (yang meliputi). Sesungguhnya Engkau sahajalah Yang Maha mengetahui perkara-perkara yang ghaib (109). (Kenangilah) ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa a.s. putera Maryam, ingatlah ni'mat-Ku kepadamu dan kepada ibumu sewaktu Aku menguatkanmu dengan roh Al-Qudus (Jibril), yang mana kamu dapat bercakap dengan manusia semasa masih dalam buaian dan semasa dewasa. Dan (ingatlah) ketika Aku mengajarmu kepandaian menulis, pengetahuan hikmat Taurat dan Injil dan (ingatlah) ketika Engkau membentuk dari tanah liat rupa seekor burung dengan keizinan-Ku kemudian engkau hembuskan padanya lantas ia menjadi seekor burung dengan keizinan-Ku. Dan (ingatlah) ketika engkau menyembuhkan orang buta dan orang yang berpenyakit sopak dengan keizinan-Ku dan (ingatlah) ketika engkau mengeluarkan orang mati (dari kubur dan kembali hidup) dengan keizinan-Ku dan (ingatlah) ketika Aku menghalangkan Bani Israel dari membunuhmu sewaktu engkau membawa kepada mereka bukti yang jelas. Lalu orang-orang yang kafir dari golongan mereka berkata: Sesungguhnya ini tiada lain melainkan satu sihir yang nyata (110). Dan (kenangilah) ketika Aku ilhamkan kepada para Hawari (sahabat-sahabat besar 'Isa): Berimanlah kepada-Ku dan kepada Rasul-Ku. Jawab mereka: "Kami telah beriman dan saksikanlah bahawa kami adalah orang-orang Muslimin (111). (Kenangilah) ketika para Hawari berkata: Wahai 'Isa putera Maryam Apakah Tuhanmu berkuasa menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit? Jawab 'Isa: Bertaqwalah kepada Allah jika kamu benar-benar beriman (112). Ujar mereka: Kami hendak makan dari hidangan itu dan supaya hati kami tenteram dan supaya kami yakin bahawa engkau telah bercakap benar kepada kami dan supaya kami menjadi orang-orang yang menyaksikan hidangan itu (113). 'Isa putera Maryam pun berdo'a: Wahai Tuhan kami! Turunkanlah ke atas kami satu hidangan dari langit supaya menjadi hari raya bagi angkatan kami yang pertama dan bagi angkatan kami yang akhir dan menjadi suatu bukti dari Engkau dan kurniakanlah rezeki kepada kami kerana Engkaulah sebaik-baik pemberi rezeki (114). Allah berfirman: Sesungguhnya Aku akan menurunkan hidangan itu kepada kamu. Oleh itu sesiapa yang kafir dari kamu selepas itu, maka sesungguhnya Aku akan 'azabkannya dengan 'azab yang tidak pernah Aku 'azabkan seseorang yang lain dari umat manusia (115). Dan kenangilah ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa putera Maryam! Apakah benar engkau telah berkata kepada orang ramai: Jadikanlah aku dan ibuku dua Tuhan selain dari Allah? Jawab 'Isa: Maha Sucilah Engkau, tidaklah patut bagiku mengatakan sesuatu yang tidak ada hak bagiku. Andainya aku telah berkata begitu tentulah Engkau mengetahuinya kerana Engkau mengetahui segala apa yang ada pada diriku sedangkan aku tidak mengetahui apa yang ada pada diri-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib (116). Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa yang Engkau perintahkan kepadaku supaya mengatakannya iaitu hendaklah kamu sembah Allah Tuhanku dan Tuhan kamu dan Engkaulah yang telah menjadi saksi terhadap mereka selama aku berada di kalangan mereka. Kemudian setelah Engkau mewafatkan daku, maka Engkaulah yang menjadi pengawas mereka dan Engkaulah yang menyaksi segala sesuatu (117). Jika Engkau meng'azabkan mereka, maka sesungguhnya mereka adalah para hamba-Mu belaka dan jika Engkau mengampuni mereka sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (118). Allah berfirman: Inilah hari orang-orang yang benar mendapat manfa'at dari kebenaran mereka. Mereka memperolehi Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka hidup kekal abadi di dalamnya. Allah redha terhadap mereka dan mereka redha terhadap Allah. Itulah kekayaan yang amat besar (119). Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan segala isi kandungannya dan Dia berkuasa di atas segala sesuatu".(120)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini dengan penjelasannya yang panjang merupakan baki huraian untuk mentashihkan 'aqidah dan membetulkan penyelewengan-penyelewengan yang menodainya pada orang-orang Nasara, iaitu penyelewengan-penyelewengan yang telah mengeluarkan 'aqidah dari bentuk keasliannya yang samawi pada dasarnya yang asasi, kerana penyelewengan-penyelewengan itu telah mengeluarkannya dari konsep tauhid yang mutlak seperti yang dibawa oleh 'Isa a.s. dan sekalian rasul sebelumnya kepada berbagai-bagai bentuk kepercayaan syirik yang tidak ada hubungan sama sekali dengan agama Allah.

Oleh sebab itu pelajaran ini juga bertujuan menjelaskan hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah yang difahamkan mengikut kefahaman Islam. Hakikat ini dijelaskan melalui satu pemandangan yang hebat yang ditayangkan oleh Al-Qur'an, di mana 'Isa a.s. mengumumkan di hadapan para rasul di khalayak manusia seluruhnya bahawa beliau tidak pernah mengatakan kepada kaumnya apa-apa kenyataan mengenai ketuhanan dirinya dan kenyataan mempertuhankan ibunya seperti yang didakwa mereka, malah beliau tidak sepatutnya memperkatakan sesuatu dari kenyataan syirik itu semuanya.

Al-Qur'an membentangkan hakikat ini dalam satu pemandangan taswiri/ ilustrasi dari "pemandangan-pemandangan Qiamat" dengan gaya yang benar-

benar hidup, bertutur dan memberi saranan-saranan yang amat mendalam kesannya dan membuat, manusia yang menerimanya merasa gementar. Dia seolah-olah melihat pemandangan itu berada di alam realiti yang dapat dilihat oleh matanya dan didengar oleh telinganya dan di dalam pemandangan itu kelihatan jelas tanda perasaan-perasaan yang terharu dan ciri-ciri yang berdenyut hidup.[9]

Sekarang kita sedang berada di hadapan pemandangan yang hebat itu.

Para rasul Dikumpul Dan Disoal Pada Hari Qiamat

يَوْمَ يَجْمَعُ ٱللَّهُ ٱلرُّسُلَ فَيَقُولُ مَاذَآ أُجِبْتُمْ قَالُوا۟ لَا عِلْمَ لَنَآ إِنَّكَ أَنتَ عَلَّٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿١٠٩﴾

"(Ingatlah) hari Allah mengumpulkan para rasul lalu Dia berfirman kepada mereka: Apakah jawapan yang telah diberikan kepada kamu? Para rasul menjawab: Kami tidak mempunyai ilmu pengetahuan (yang meliputi). Sesungguhnya Engkau sahajalah Yang Maha mengetahui perkara-perkara yang ghaib."(109)

Maksudnya pada hari Allah mengumpul para rasul lalu Allah bertanya: "Apakah jawapan yang telah diberi kepada kamu?" Jawab mereka: "Kami tidak mengetahui. Sesungguhnya Engkau sahaja Yang Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib." Pada hari itu Allah kumpulkan para rasul yang diutus kepada berbagai-bagai zaman dan tempat, di mana setiap rasul datang bersilih ganti mengikut masanya masing-masing. Mereka diutus ke berbagai tempat, di mana setiap rasul pergi ke setiap negerinya masing-masing. Mereka telah diutus kepada berbagai-bagai bangsa lalu masing-masing menuju kepada bangsanya. Seluruh mereka berda'wah dengan da'wah yang sama walaupun berlainan zaman, tempat dan bangsa sehingga datang Rasul penamat Muhammad s.a.w. membawa da'wah yang sama untuk seluruh zaman dan tempat dan untuk seluruh umat manusia dari berbagai-bagai bangsa dan warna kulit.

Para rasul itu diutuskan kepada berbagai-bagai kaum di berbagai-bagai tempat dan zaman. Kini Allah yang telah mengutuskan mereka seorang demi seorang itu telah mengumpulkan seluruh mereka bersama-sama dengan berbagai-bagai reaksi dan kecenderungan manusia yang diterima mereka. Mereka adalah pemimpin-pemimpin manusia semasa hidup di dunia. Mereka membawa risalah-risalah Allah kepada umat manusia di merata pelosok dunia dan meninggal di belakang mereka berbagai-bagai corak reaksi dan sambutan manusia dari berbagai-bagai zaman. Mereka kini berada di hadapan Allah S.W.T. Tuhan manusia dalam satu pemandangan pada hati yang agung.

Inilah pemandangan yang hidup berdenyut itu:

يَوْمَ يَجْمَعُ ٱللَّهُ ٱلرُّسُلَ فَيَقُولُ مَاذَآ أُجِبْتُمْ

"(Ingatlah) hari Allah mengumpulkan para rasul lalu Dia berfirman: Apakah jawapan yang telah diberikan kepada kamu?."(109)

مَاذَآ أُجِبْتُمْ

"Apakah jawapan yang telah diberikan kepada kamu?"(109)

Pada hari inilah dikumpulkan segala hasil usaha da'wah dan dihimpunkan segala yang berselerak. Pada hari ini para rasul membentangkan kira-kira risalah (yang dibawa mereka) dan mengumumkan hasil perjuangan mereka di hadapan khalayak yang ramai.

مَاذَآ أُجِبْتُمْ

"Apakah jawapan yang telah diberikan kepada kamu?"(109)

Para rasul adalah manusia-manusia dari manusia biasa. Mereka hanya mengetahui apa yang wujud di hadapan mereka dan tidak mengetahui apa yang terlindung dari mereka. Mereka telah menyeru kaum mereka kepada hidayat, ada yang menyambut seruan mereka dan ada pula yang menolak. Seorang rasul itu tidak mengetahui hakikat orang yang menyambut da'wahnya walaupun ia mengetahui hakikat orang yang menolak da'wahnya, kerana dia hanya mengetahui yang zahir dan tidak mengetahui yang batin. Kini mereka berada di hadapan Allah yang mengenal mereka dengan sebaik-baiknya, dan ditakuti mereka setakut-takutnya dan seterusnya, merasa begitu malu untuk melaporkan kepada-Nya sesuatu dari ilmu mereka, kerana mereka sedar bahawa Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya.

Itulah pertanyaan yang amat ditakuti pada hari perhimpunan yang amat besar itu. Ia dikemukakan di hadapan pandangan al-Mala'ul-A'la dan di hadapan khalayak seluruh manusia. Itulah pertanyaan yang bertujuan mempersemukakan umat-umat manusia dengan para rasul mereka masing-masing terutama mempersemukakan kumpulan-kumpulan pendusta dari umat manusia dengan para rasul yang telah didustakan oleh mereka, kerana Allah mahu mengisytiharkan di tempat itu bahawa para rasul yang mulia itu adalah sebenarnya datang dari Allah dan membawa agama Allah dan kini lihatlah mereka sekalian sedang disoal di hadapan Allah S.W.T. tentang risalah-risalah yang telah dibawa oleh mereka dan tentang kaum-kaum mereka yang telah mendustakan mereka sebelum ini.

(Di sini) para rasul itu membuat pengumuman bahawa ilmu yang sebenar hanya dimiliki oleh Allah sahaja dan segala apa yang diketahui mereka tidak sepatutnya dikemukakan di hadapan Allah Yang Maha Mengetahui kerana mereka menghormati adab sopan dan malu kepada Allah dan kerana mereka mengetahui taraf dan kedudukan mereka di hadapan Allah:

---

[9] *Lihat buku* " مشاهد القيامة فى القرآن ".

قَالُوا۟ لَا عِلْمَ لَنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ عَلَّـٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿١٠٩﴾

"Para rasul menjawab: Kami tidak mempunyai ilmu pengetahuan (yang meliputi). Sesungguhnya Engkau sahajalah Yang Maha Megetahui perkara-perkara yang ghaib."(109)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 110 - 111)

Adapun para rasul yang lain dari 'Isa a.s. (maka mereka seperti biasa) iaitu ada golongan manusia yang mempercayai da'wah mereka dan ada pula yang menolaknya. Urusan mereka selesai dengan satu jawapan yang lengkap dan syumul, iaitu jawapan yang menyerahkan seluruh ilmu pengetahuan itu kepada Allah dan meletakkan urusan itu di hadapan Allah S.W.T. Oleh itu ayat yang berikut tidak menambah apa-apa keterangan mengenai mereka, malah terus berpaling menghalakan percakapan kepada 'Isa putera Maryam sahaja, kerana beliau satu-satunya Rasul yang menyebabkan kaumnya terpesona kepadanya dan menyebabkan suasana di sekelilingnya diselubungi kekeliruan-kekeliruan dan seterusnya menyebabkan ramai manusia tercebur di dalam kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut dan dongeng-dongeng di sekitar dirinya, di sekitar sifat-sifatnya dan di sekitar kelahiran dan kesudahannya.

Ayat yang berikut berpaling kepada 'Isa putera Maryam di hadapan khalayak manusia yang telah mempertuhan dan menyembah beliau serta menggubah di sekitar beliau dan ibunya Maryam berbagai-bagai gambaran yang indah. Ia berpaling mengingatkan beliau terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepadanya dan kepada ibunya dan membentangkan mu'jizat-mu'jizat yang telah dianugerahi kepada beliau supaya orang ramai percaya kepada kerasulannya dan di antara mereka terdapat golongan yang telah mendustakan kerasulan beliau dengan cara yang sekeras-keras dan seburuk-buruknya dan ada pula golongan yang kaget dan terpesona dengan mu'jizat-mu'jizat yang telah dibawa oleh beliau lalu mereka mempertuhankan beliau bersama Allah kerana mu'jizat-mu'jizat itu, sedangkan semua mu'jizat itu adalah dari ciptaan Allah yang telah menjadikan beliau dan mengutuskannya sebagai Rasul serta menguatkannya dengan mu'jizat-mu'jizat:

Nabi 'Isa a.s. Dan Mu'jizat-mu'jizatnya

إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَـٰعِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ٱذْكُرْ نِعْمَتِى عَلَيْكَ وَعَلَىٰ وَٰلِدَتِكَ إِذْ أَيَّدتُّكَ بِرُوحِ ٱلْقُدُسِ تُكَلِّمُ ٱلنَّاسَ فِى ٱلْمَهْدِ وَكَهْلًا ۖ وَإِذْ عَلَّمْتُكَ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ ۖ وَإِذْ تَخْلُقُ مِنَ ٱلطِّينِ كَهَيْـَٔةِ ٱلطَّيْرِ بِإِذْنِى فَتَنفُخُ فِيهَا فَتَكُونُ طَيْرًۢا بِإِذْنِى ۖ وَتُبْرِئُ ٱلْأَكْمَهَ وَٱلْأَبْرَصَ بِإِذْنِى ۖ وَإِذْ تُخْرِجُ ٱلْمَوْتَىٰ بِإِذْنِى ۖ وَإِذْ كَفَفْتُ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَنكَ إِذْ جِئْتَهُم بِٱلْبَيِّنَـٰتِ فَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْهُمْ إِنْ هَـٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١١٠﴾

وَإِذْ أَوْحَيْتُ إِلَى ٱلْحَوَارِيِّـۧنَ أَنْ ءَامِنُوا۟ بِى وَبِرَسُولِى قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَٱشْهَدْ بِأَنَّنَا مُسْلِمُونَ ﴿١١١﴾

"(Kenangilah) ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa a.s. putera Maryam, ingatlah ni'mat-Ku kepadamu dan kepada ibumu sewaktu Aku menguatkanmu dengan roh Al-Qudus (Jibril), yang mana kamu dapat bercakap dengan manusia semasa masih dalam buaian dan semasa dewasa. Dan(ingatlah)ketika Aku mengajarmu kepandaian menulis, pengetahuan hikmat Taurat dan Injil dan (ingatlah) ketika Engkau membentuk dari tanah liat rupa seekor burung dengan keizinan-Ku kemudian engkau hembuskan padanya lantas ia menjadi seekor burung dengan keizinan-Ku. Dan(ingatlah) ketika engkau menyembuhkan orang buta dan orang yang berpenyakit sopak dengan keizinan-Ku dan (ingatlah) ketika engkau mengeluarkan orang mati (dari kubur dan kembali hidup) dengan keizinan-Ku dan (ingatlah) ketika Aku menghalangkan Bani Israel dari membunuhmu sewaktu engkau membawa kepada mereka bukti yang jelas. Lalu orang-orang yang kafir dari golongan mereka berkata: Sesungguhnya ini tiada lain melainkan satu sihir yang nyata (110). Dan (kenangilah) ketika Aku ilhamkan kepada para Hawari (sahabat-sahabat besar 'Isa): Berimanlah kepada-Ku dan kepada Rasul-Ku. Jawab mereka: "Kami telah beriman dan saksikanlah bahawa kami adalah orang-orang Muslimin."(111)

Inilah persemukaan untuk mengingatkan ni'mat-ni'mat Allah kepada 'Isa dan ibunya, iaitu ni'mat beliau dikuat dan dibantukan dengan roh al-Qudus semasa beliau masih dalam buaiannya, di mana beliau dapat bercakap kepada orang ramai dalam usia bayi yang belum boleh bercakap. Beliau bercakap membersihkan ibunya dari tohmahan kerana beliau dilahirkan secara luar biasa, kemudian beliau bercakap kepada mereka semasa ia dewasa pula untuk menyeru mereka kepada Allah dan seterusnya roh al-Qudus (Jibril a.s.) menguat dan membantu beliau di sana sini, juga ni'mat beliau diajar kepandaian menulis dan pengetahuan hikmat. Beliau datang ke dunia ini tanpa mengetahui sesuatu lalu Allah mengajar beliau pengetahuan menulis dan pengetahuan mengendalikan segala urusannya dengan baik dan bijak, di samping mengajarkan kepadanya kitab Taurat yang telah sedia ada di kalangan Bani Israel semasa kedatangannya. Kemudian mengajar kitab,

Injil yang dikurniakan kepada beliau untuk mengesahkan kitab Taurat yang diturun sebelumnya. Kemudian ni'mat beliau dikurniakan mu'jizat-mu'jizat yang tidak dapat dilakukan, oleh manusia melainkan dengan izin Allah, iaitu beliau membentuk dari tanah liat rupa seekor burung dengan izin Allah lalu beliau hembuskan padanya lantas ia " berubah menjadi burung yang hidup dengan izin Allah. Kita tidak mengetahui bagaimana? Kerana sehingga hari ini kita tidak mengetahui bagaimana Allah menciptakan hayat? Dan bagaimana Dia tiupkan hayat pada makhluk-makhluk yang hidup? Dan beliau dapat menyembuhkan orang yang dilahirkan buta dengan izin Allah, sedangkan ilmu perubatan belum mengetahui bagaimana hendak mengembalikan daya penglihatan kepada orang yang dilahirkan buta itu, tetapi Allah yang berkuasa dari mulanya mengurniakan daya penglihatan adalah berkuasa pula membuka matanya kepada cahaya. Beliau juga dapat menyembuh orang yang berpenyakit sopak dengan izin Allah bukannya dengan ubat kerana ubat hanya merupakan wasilah atau sarana untuk merealisasikan izin Allah yang memberi kesembuhan dan Allah yang memiliki izin ini berkuasa pula mengubahkan wasilah itu dan merealisasikan matlamat kesembuhan itu tanpa wasilah. Kemudian beliau dapat menghidupkan orang yang mati dengan izin Allah. Tuhan yang berkuasa dari mulanya mengurniakan hayat adalah berkuasa pula mengembalikannya jika Dia kehendaki. Setelah itu Al-Qur'an mengingatkan beliau tentang ni'mat Allah yang telah melindunginya dari angkara mungkar Bani Israel yang telah mendustakan semua mu'jizat yang telah dibawa oleh beliau kepada mereka dan menganggapkan mu'jizat-mu'jizat yang luar biasa itu sebagai perbuatan sihir yang terang. Ini disebabkan kerana mereka tidak dapat mengingkarkan kejadian mu'jizat-mu'jizat itu, kerana ia disaksikan oleh ribuan manusia. Mereka tidak mahu menerima mu'jizat-mu'jizat itu semata-mata kerana degil dan angkuh, juga ni'mat Allah yang telah melindungi beliau dari rancangan mereka yang hendak membunuhnya. Mereka tidak dapat membunuh beliau seperti yang dirancangkan, dan tidak pula dapat mensalibkannya, malah Allah mewafatkan beliau dan mengangkatkan beliau kepadanya, juga ni'mat Allah yang telah mengilhamkan para Hawari supaya beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan mereka telah menyambut seruan itu dan menjadi orang-orang Muslimin serta mengangkatkan Allah sebagai saksi di atas keimanan dan keislaman mereka yang sempurna kerana Allah:

وَإِذۡ أَوۡحَيۡتُ إِلَى ٱلۡحَوَارِيِّـۧنَ أَنۡ ءَامِنُواْ بِي وَبِرَسُولِي قَالُوٓاْ ءَامَنَّا وَٱشۡهَدۡ بِأَنَّنَا مُسۡلِمُونَ ١١١

"Dan (kenangilah) ketika Aku ilhamkan kepada para Hawari (sahabat-sahabat besar 'Isa): Berimanlah kepada-Ku dan kepada Rasul-Ku. Jawab mereka:"Kami telah beriman dan saksikanlah bahawa kami adalah orang-orang Muslimin."(111)

Itulah ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada 'Isa putera Maryam untuk menjadi saksi dan bukti baginya, tetapi malangnya ramai dari pengikut-pengikutnya telah menggunakan bukti-bukti ini sebagai bahan kesesatan, iaitu mereka gubahkan darinya dan di sekitarnya berbagai-bagai kepercayaan yang sesat. Oleh itu kini 'Isa sedang disemukakan Allah dengan ni'mat-ni'mat itu di hadapan al-Mala'-ul-'Ala dan seluruh manusia termasuk kaum beliau yang pelampau itu. Ya, beliau sedang disemukakan dengan ni'mat-ni'mat itu agar didengar dan dilihat sendiri oleh kaumnya dan supaya kehampaan dirasa mereka lebih pedih dan lebih memalukan di hadapan sekalian manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 112 - 115)

Sehubungan dengan pembentangan ni'mat-ni'mat Allah kepada 'Isa putera Maryam dan ibunya, maka ayat yang berikut menyebut sebahagian ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada kaumnya dan sebahagian dari mu'jizat-mu'jizatnya yang Allah jadikannya bukti kebenarannya yang telah disaksikan olehnya bersama para Hawari:

إِذۡ قَالَ ٱلۡحَوَارِيُّونَ يَٰعِيسَى ٱبۡنَ مَرۡيَمَ هَلۡ يَسۡتَطِيعُ رَبُّكَ أَن يُنَزِّلَ عَلَيۡنَا مَآئِدَةٗ مِّنَ ٱلسَّمَآءِۖ قَالَ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ١١٢ قَالُواْ نُرِيدُ أَن نَّأۡكُلَ مِنۡهَا وَتَطۡمَئِنَّ قُلُوبُنَا وَنَعۡلَمَ أَن قَدۡ صَدَقۡتَنَا وَنَكُونَ عَلَيۡهَا مِنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ١١٣ قَالَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَ ٱللَّهُمَّ رَبَّنَآ أَنزِلۡ عَلَيۡنَا مَآئِدَةٗ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ تَكُونُ لَنَا عِيدٗا لِّأَوَّلِنَا وَءَاخِرِنَا وَءَايَةٗ مِّنكَۖ وَٱرۡزُقۡنَا وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ١١٤ قَالَ ٱللَّهُ إِنِّي مُنَزِّلُهَا عَلَيۡكُمۡۖ فَمَن يَكۡفُرۡ بَعۡدُ مِنكُمۡ فَإِنِّيٓ أُعَذِّبُهُۥ عَذَابٗا لَّآ أُعَذِّبُهُۥٓ أَحَدٗا مِّنَ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١١٥

"(Kenangilah) ketika para Hawari berkata: Wahai 'Isa putera Maryam! Apakah Tuhanmu berkuasa menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit? Jawab 'Isa: Bertaqwalah kepada Allah jika kamu benar-benar beriman (112). Ujar mereka: Kami hendak makan dari hidangan itu dan supaya hati kami tenteram dan supaya kami yakin bahawa engkau telah bercakap benar kepada kami dan supaya kami menjadi orang-orang yang menyaksikan hidangan itu (113). 'Isa putera Maryam pun berdo'a: Wahai Tuhan kami! Turunkanlah ke atas kami satu hidangan dari langit supaya menjadi hari raya bagi angkatan kami yang pertama dan bagi angkatan kami yang akhir dan menjadi suatu bukti dari

Engkau dan kurniakanlah rezeki kepada kami kerana Engkaulah sebaik-baik pemberi rezeki (114). Allah berfirman: Sesungguhnya Aku akan menurunkan hidangan itu kepada kamu. Oleh itu sesiapa yang kafir dari kamu selepas itu, maka sesungguhnya Aku akan 'azabkannya dengan 'azab yang tidak pernah Aku 'azabkan seseorang yang lain dari umat manusia."(115)

Mu'jizat Hidangan Dari Langit

Dialog ini mendedahkan kepada kita tabi'at segolongan orang-orang yang jujur dan ikhlas dari kaum 'Isa, iaitu para Hawari dan (di sini) nampaknya terdapat perbezaan yang jauh di antara mereka dan para sahabat Rasul kita Muhammad s.a.w.

Mereka ialah para Hawari yang telah diilhamkan Allah supaya beriman kepada-Nya dan Rasul-Nya lalu mereka beriman dan mengangkat 'Isa a.s.- sebagai saksi di atas keislaman mereka, tetapi walaupun demikian, namun selepas mereka melihat mu'jizat-mu'jizat 'Isa dengan sepenuh mata, mereka masih menuntut satu mu'jizat yang baru untuk meyakinkan hati mereka dan supaya mereka dapat mengetahui dari mu'jizat itu bahawa beliau telah berkata benar kepada mereka dan supaya mereka dapat jadikan mu'jizat itu sebagai bukti kepada orang-orang yang kemudian dari mereka.

Adapun sahabat-sahabat Muhammad s.a.w. mereka tidak pernah menuntut satu mu'jizat pun selepas keislaman mereka. Hati mereka telah beriman dan benar-benar yakin sejak kemanisan iman itu menyerap ke dalam hati mereka. Mereka telah mempunyai Rasul mereka. Oleh itu mereka tidak lagi kembali menuntut bukti kebenarannya selepas itu. Mereka telah menyaksi kebenaran Rasul mereka tanpa mu'jizat-mu'jizat yang lain kecuali Al-Qur'an ini sahaja.

Inilah perbezaan yang besar di antara para Hawari 'Isa a.s. dan para Hawari Muhammad s.a.w. Yang pertama berada di satu taraf dan yang kedua berada di satu taraf yang lain. Mereka yang pertama adalah orang-orang Muslim dan mereka yang kedua adalah orang-orang Muslim juga. Mereka yang pertama diterima di sisi Allah dan mereka yang kedua ini pula diterima di sisi Allah juga, tetapi taraf kedua-dua Hawari itu adalah jauh berbeza seperti yang dikehendaki Allah.

Kisah maidah atau hidangan seperti yang diceritakan oleh Al-Qur'anul-Karim ini tidak diceritakan di dalam kitab-kitab suci Nasara. Ia tidak disebut di dalam kitab-kitab Injil yang ditulis selepas 'Isa a.s., iaitu setelah dilalui satu masa yang amat lama. Oleh kerana itu kitab-kitab itu tidak dapat dipercayai sepenuhnya terhadap hakikat yang diturunkannya dari Allah. Kitab-kitab Injil itu tidak lain melainkan hanya merupakan catatan-catatan setengah-tengah (tokoh yang dipanggil) qiddis atau saints mengenai kisah 'Isa a.s. dan catatan-catatan itu bukannya serupa dengan apa yang telah diturunkan Allah yang dinamakannya sebagai Injil yang dikurniakan kepada 'Isa a.s. itu.

Tetapi di dalam Injil ini terdapat cerita hidangan dalam satu bentuk yang lain. Ia disebut di dalam Injil Matti di penghabisan bab - yang kelima belas:

"Yaso' ('Isa) memanggil murid-muridnya dan bersabda: 'Aku kasihan dan bimbang terhadap mereka sekalian, kerana mereka sekarang telah berjalan bersamaku selama tiga hari, sedangkan mereka tidak mempunyai apa-apa makanan untuk dimakan dan aku tidak suka menyuruh mereka berpuasa supaya mereka tidak lemah di dalam perjalanan mereka. Lalu murid-muridnya bertanya: 'Dari mana kita hendak mendapat rezeki sebanyak ini di padang Sahara sehingga kumpulan yang seramai ini kenyang semuanya?' Yaso' bertanya mereka: 'Berapa banyak rezeki yang ada pada kamu? 'Jawab mereka: 'Ada tujuh biji roti dan beberapa ekor ikan yang kecil.' Lalu Yaso' menyuruh mereka sekalian duduk di atas tanah, kemudian beliau mengambil tujuh biji roti dan ikan lalu beliau mengucap kesyukuran kepada Allah dan mencubit-cubit roti itu dan memberikannya kepada murid-muridnya, kemudian murid-muridnya memberikan cubitan-cubitan roti itu kepada sekalian yang hadir lalu mereka makan hingga kenyang semuanya. Kemudian mereka mengangkat sisa-sisa cubitan itu sebanyak tujuh raga penuh, sedangkan orang-orang yang memakannya ialah sebanyak empat ribu orang tidak termasuk kaum wanita dan kanak-kanak". Riwayat yang seperti ini disebut dalam semua kitab Injil.

Sesetengah at-Tabi'in Ridhwanullahi 'alayhim seperti Mujahid dan al-Hasan berpendapat bahawa hidangan itu tidak diturunkan, kerana apabila para Hawari mendengar firman Allah S.W.T.:

"Sesungguhnya Aku akan menurunkan hidangan itu kepada kamu. Oleh itu sesiapa yang kafir dari kamu selepas itu, maka sesungguhnya Aku akan 'azabkannya dengan 'azab yang tidak pernah Aku 'azabkan seseorang yang lain dari umat manusia"(115)

maka mereka pun merasa takut dan terus berhenti dari memohon hidangan itu.

Ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Al-Layth ibn Abi Sulaym dari Mujahid katanya: Itu hanya suatu perbandingan yang dikemukakan Allah tetapi Dia tidak menurunkan sesuatu apa" (Diriwayatkan oleh ibn Abi Hatim dan Ibn Jarir). Kemudian ujar Ibn Jarir: Kami telah diceritakan oleh al-Harith, kami telah diceritakan oleh al-Qasim iaitu Ibn Salam, kami telah diceritakan oleh Hujjaj daripada Ibn Jurayj dari Mujahid katanya: Itulah talam (hidangan),yang berisi makanan yang ditolak kembali oleh mereka apabila Allah mengancam mereka dengan 'azab seksa jika mereka tidak beriman. Oleh itu mereka tidak mahu lagi talam (hidangan) itu diturunkan kepada mereka.

Mujahid berkata lagi: Kami telah diceritakan oleh Abul-Muthana, kami telah diceritakan oleh Muhammad bin Ja'afar, kami telah diceritakan oleh Syu'bah dari Mansur ibn Zazan daripada al-Hasan bahawa mengikut pendapatnya hidangan itu tidak diturunkan. Dan kami telah diceritakan pula oleh Bisyr, kami telah diceritakan oleh Sa'id daripada Qatadah katanya: Al-Hasan berkata: Apabila Allah berfirman kepada mereka:

فَمَن يَكۡفُرۡ بَعۡدُ مِنكُمۡ فَإِنِّيٓ أُعَذِّبُهُۥ عَذَابٗا لَّآ أُعَذِّبُهُۥٓ أَحَدٗا مِّنَ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١١٥

"Oleh itu sesiapa yang kafir dari kamu selepas itu, maka sesungguhnya Aku akan meng'azabkannya dengan 'azab yang tidak pernah Aku 'azabkan seseorang yang lain dari umat manusia"(115)

maka mereka pun berkata: (Jika begitu) kami tidak berkehendak lagi kepada hidangan itu. Oleh sebab inilah hidangan itu tidak diturunkan.

Tetapi kebanyakan pendapat ulama' hidangan itu telah diturunkan Allah kerana Allah telah berfirman:

إِنِّي مُنَزِّلُهَا عَلَيۡكُمۡۖ

"Sesungguhnya Aku akan menurunkan hidangan itu."(115)

Dan janji Allah tetap benar ditepati. Apa yang diceritakan oleh Al-Qur'an mengenai hidangan ini, maka itulah satu-satunya pegangan kami dan kami tidak berpegang dengan pendapat yang lain dari-Nya.

Allah S.W.T. mengingatkan ni'mat-ni'mat pengurniaannya kepada 'Isa putera Maryam dalam persemukaan beliau dengan kaumnya pada hari Qiamat di hadapan sekalian umat manusia.

إِذۡ قَالَ ٱلۡحَوَارِيُّونَ يَٰعِيسَى ٱبۡنَ مَرۡيَمَ هَلۡ يَسۡتَطِيعُ رَبُّكَ أَن يُنَزِّلَ عَلَيۡنَا مَآئِدَةٗ مِّنَ ٱلسَّمَآءِۖ

"(Kenangilah) ketika para Hawari berkata: Wahai 'Isa putera Maryam Apakah Tuhanmu berkuasa menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit?"(112)

Kumpulan para Hawari ialah kumpulan murid-murid 'Isa al-Masih dan sahabat-sahabat beliau yang paling rapat dan paling mengenali beliau. Mereka memang tahu beliau hanya seorang manusia biasa anak kepada Maryam dan mereka berbicara dengan beliau berdasarkan apa yang mereka betul-betul mengetahui tentang beliau. Mereka tahu bahawa beliau bukannya Tuhan, malah beliau tidak lebih dari anak Maryam dan hamba Allah yang kerdil. Mereka juga mengetahui bahawa Tuhan beliaulah yang menciptakan mu'jizat-mu'jizat yang telah ditunjukkan oleh beliau dan bukannya beliau sendiri yang menciptakan mu'jizat-mu'jizat itu dengan daya qudratnya yang istimewa. Oleh sebab itulah apabila mereka meminta kepada beliau supaya diturunkan kepada mereka satu hidangan dari langit, mereka tidak memintanya secara langsung kepada beliau, kerana mereka memang sedar bahawa beliau tidak berkuasa menciptakan mu'jizat-mu'jizat yang seperti ini, malah mereka memohon kepada beliau dengan kata mereka:

يَٰعِيسَى ٱبۡنَ مَرۡيَمَ هَلۡ يَسۡتَطِيعُ رَبُّكَ أَن يُنَزِّلَ عَلَيۡنَا مَآئِدَةٗ مِّنَ ٱلسَّمَآءِۖ

"Wahai 'Isa putera Maryam! Apakah Tuhanmu berkuasa menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit?"(112)

Ulama'-ulama' telah memberi ta'wilan-ta'wilan yang berbeza mengenai maksud perkataan mereka:

هَلۡ يَسۡتَطِيعُ رَبُّكَ

"Apakah Tuhanmu berkuasa."(112)

Bagaimana mereka tergamak bertanya dengan ungkapan yang seperti ini, sedangkan mereka telah beriman kepada Allah dan mengangkat 'Isa a.s. sendiri sebagai saksi di atas keislaman mereka? Mengikut satu pendapat erti kata-kata "يستطيع" disini bukannya "berkuasa" malah yang dimaksudkan dengannya ialah bolehkah atau dapatkah Tuhanmu menurunkan hidangan itu kepada mereka? Satu pendapat lagi mengatakan bahawa maksud dari ungkapan ini ialah: Apakah Tuhanmu dapat memperkenankan permintaanmu jika engkau meminta (supaya dia turunkan hidangan dari langit). Mengikut satu qira'ah ayat ini dibaca " هل تستطيع ربك" (dengan تاللمخاطب) dengan erti "Apakah engkau boleh berdo'a kepada Tuhamnu agar Dia menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit?"

Walau bagaimana pun 'Isa a.s. telah memberi amaran kepada mereka supaya jangan meminta mu'jizat itu, kerana sifat Mu'minin tidak menuntut mu'jizat dan tidak pula membuat cadangan kepada Allah.

قَالَ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ١١٢

"Jawab 'Isa: Bertaqwalah kepada Allah jika kamu benar-benar beriman."(112)

Tetapi para Hawari terus mengulangkan permintaan mereka dengan menjelaskan sebab dan harapan mereka di sebalik permintaan itu:

قَالُواْ نُرِيدُ أَن نَّأۡكُلَ مِنۡهَا وَتَطۡمَئِنَّ قُلُوبُنَا وَنَعۡلَمَ أَن قَدۡ صَدَقۡتَنَا وَنَكُونَ عَلَيۡهَا مِنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ١١٣

"Ujar mereka: "Kami hendak makan dari hidangan itu dan supaya hati kami tenteram dan supaya kami yakin bahawa engkau telah bercakap benar kepada kami dan supaya kami menjadi orang-orang yang menyaksikan hidangan itu".(113)

Maksudnya mereka ingin mengecapi satu makanan unik yang tiada tolok bandingnya di sisi penduduk dunia ini dan (berharap) hati mereka akan bertambah

yakin apabila dapat melihat mu'jizat itu terjelma di hadapan mata mereka, juga yakin bahawa 'Isa a.s. telah berkata benar kepada mereka. Kemudian mereka akan menjadi saksi atas kebenaran berlakunya mu'jizat ini kepada kaum mereka yang lain (yang tidak ada bersama mereka).

Semua sebab-sebab itu - sebagaimana telah kami tegaskan - menggambarkan satu taraf keperibadian yang tertentu (yang berlainan) dari taraf keperibadian para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. Mereka adalah satu kelas manusia yang berlainan apabila dibandingkan dengan kelas para Hawari ini.

Di waktu inilah 'Isa a.s. bertawajjuh kepada Allah dan berdo'a kepadanya:

قَالَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَ ٱللَّهُمَّ رَبَّنَآ أَنزِلۡ عَلَيۡنَا مَآئِدَةٗ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ تَكُونُ لَنَا عِيدٗا لِّأَوَّلِنَا وَءَاخِرِنَا وَءَايَةٗ مِّنكَۖ وَٱرۡزُقۡنَا وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ١١٤

"'Isa putera Maryam pun berdo'a: Wahai Tuhan kami: Turunkanlah ke atas kami satu hidangan dari langit supaya menjadi hari raya bagi angkatan kami yang pertama dan bagi angkatan kami yang akhir dan menjadi suatu bukti dari Engkau dan kurniakanlah rezeki kepada kami kerana Engkaulah sebaik-baik pemberi rezeki."(114)

Di dalam do'a 'Isa putera Maryam - sebagaimana disebut berulang-ulang kali oleh Al-Qur'an sehubungan dengan ini - terdapat tatasusila seorang rasul yang terpilih terhadap Tuhannya dan betapa arifnya dia mengenali Tuhannya apabila ia berdo'a kepadanya: Ya Allah, ya Tuhan kami! Sesungguhnya hamba berdo'a kepada-Mu agar kiranya Engkau turunkan kepada kami satu hidangan dari langit yang dapat menyebarkan kebaikan dan kegembiraan kepada seluruh kami seperti di hari raya dan agar hidangan itu menjadi hari raya kepada angkatan kami sekarang dan hari raya kepada angkatan kami yang kemudian. Dan semuanya ini adalah dari rezeki pengurniaan-Mu. Oleh itu kurniakanlah rezeki kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik pemberi rezeki. Di sini jelaslah bahawa beliau kenal dirinya sebagai seorang hamba Allah dan Allah adalah Tuhannya. Pengakuan ini dibentangkan di hadapan pandangan seluruh manusia ketika beliau disemukakan Allah dengan kaumnya pada hari yang amat besar itu.

Lalu Allah memperkenankan permohonan hambanya yang soleh 'Isa putera Maryam itu tetapi dalam bentuk yang serius dan tegas yang layak dengan kebesaran Allah. Mereka telah menuntut mu'jizat lalu Allah sanggup menciptakannya tetapi dengan syarat bahawa Dia akan meng'azabkan mana-mana orang yang engkar selepas itu dengan 'azab seksa yang amat keras dan dahsyat, iaitu 'azab seksa yang tidak pernah ditimpakan ke atas seorang yang lain dari umat manusia:

قَالَ ٱللَّهُ إِنِّي مُنَزِّلُهَا عَلَيۡكُمۡۖ فَمَن يَكۡفُرۡ بَعۡدُ مِنكُمۡ فَإِنِّيٓ أُعَذِّبُهُۥ عَذَابٗا لَّآ أُعَذِّبُهُۥٓ أَحَدٗا مِّنَ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١١٥

"Allah berfirman:Sesungguhnya aku akan menurunkan hidangan itu kepada kamu. Oleh itu sesiapa yang kafir dari kamu selepas itu, maka sesungguhnya Aku akan meng'azabkannya dengan 'azab yang tidak pernah Aku 'azabkan seorang yang lain dari umat manusia."(115)

Inilah ketegasan dan keseriusan yang layak dengan kebesaran Allah supaya permintaan menunjukkan mu'jizat itu tidak dijadikan suatu hiburan dan permainan dan supaya orang-orang yang kafir selepas melihat bukti yang meyakinkan itu tidak dapat berlalu begitu sahaja tanpa menerima sesuatu balasan yang memeritkan.

Sebelum ini Sunnatullah telah bertindak membinasakan kaum yang mendustakan rasul-rasul mereka setelah dibuktikan dengan mu'jizat-mu'jizat, tetapi di sini 'azab yang dimaksudkan oleh ayat ini mungkin 'azab di dunia dan mungkin pula 'azab di Akhirat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 116 - 119)

Kemudian penerangan ayat diam (setakat ini) selepas meyampaikan janji Allah dan amarannya untuk terus membicarakan persoalan yang asasi, iaitu persoalan Uluhiyah dan Rububiyah yang merupakan satu persoalan yang terang di dalam seluruh pelajaran ini. Oleh itu marilah kita kembali kepada pemandangan yang amat besar itu yang masih dibentangkan di hadapan seluruh manusia. Marilah kita kembali kepadanya untuk mendengar pada kali ini soal jawab secara langsung mengenai masalah Uluhiyah yang didakwakan kepada 'Isa putera Maryam dan ibunya, iaitu soal jawab yang ditujukan kepada 'Isa a.s. dalam persemukaan beliau dengan orang-orang yang menyembah beliau supaya mereka dapat mendengar sendiri bagaimana beliau dengan penuh hairan dan terperanjat membersihkan dirinya kepada Allah dari dakwaan dusta besar yang telah diada-adakan mereka ke atas diri beliau, sedangkan beliau tidak tahu menahu dengan dakwaan yang amat dusta itu:

وَإِذۡ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَى ٱبۡنَ مَرۡيَمَ ءَأَنتَ قُلۡتَ لِلنَّاسِ ٱتَّخِذُونِي وَأُمِّيَ إِلَٰهَيۡنِ مِن دُونِ ٱللَّهِۖ قَالَ سُبۡحَٰنَكَ مَا يَكُونُ لِيٓ أَنۡ أَقُولَ مَا لَيۡسَ لِي بِحَقٍّۚ إِن كُنتُ قُلۡتُهُۥ فَقَدۡ عَلِمۡتَهُۥۚ تَعۡلَمُ مَا فِي نَفۡسِي وَلَآ أَعۡلَمُ مَا فِي نَفۡسِكَۚ إِنَّكَ أَنتَ عَلَّٰمُ ٱلۡغُيُوبِ ١١٦

مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَآ أَمَرْتَنِى بِهِۦٓ أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبَّكُمْ ۚ وَكُنتُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا مَّا دُمْتُ فِيهِمْ ۖ فَلَمَّا تَوَفَّيْتَنِى كُنتَ أَنتَ ٱلرَّقِيبَ عَلَيْهِمْ ۚ وَأَنتَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿١١٧﴾

إِن تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ ۖ وَإِن تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١١٨﴾

"Dan kenangilah ketika Allah berfirman: Wahai 'Isa putera Maryam! Apakah benar engkau telah berkata kepada orang ramai: Jadikanlah aku dan ibuku dua Tuhan selain dari Allah? Jawab 'Isa: Maha Sucilah Engkau, tidaklah patut bagiku mengatakan sesuatu yang tidak ada hak bagiku. Andainya aku telah berkata begitu tentulah Engkau mengetahuinya kerana Engkau mengetahui segala apa yang ada pada diriku sedangkan aku tidak mengetahui apa yang ada pada diri-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib (116). Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa yang Engkau perintahkan kepadaku supaya mengatakannya iaitu hendaklah kamu sembah Allah Tuhanku dan Tuhan kamu dan Engkaulah yang telah menjadi saksi terhadap mereka selama aku berada di kalangan mereka. Kemudian setelah Engkau mewafatkan daku, maka Engkaulah yang menjadi pengawas mereka dan Engkaulah yang menyaksi segala sesuatu (117). Jika Engkau meng'azabkan mereka, maka sesungguhnya mereka adalah para hamba-Mu belaka dan jika Engkau mengampuni mereka sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(118)

Pada Hari Qiamat 'Isa a.s. Membersihkan Diri Di Hadapan Allah Dari Kepercayaan Pengikut-pengikutnya Yang Sesat

Allah S.W.T. memang mengetahui apa yang telah dikatakan Musa kepada khalayak ramai itu, tetapi pertanyaan yang amat besar dan menggerunkan ini yang dikemukakan pada hari yang amat besar dan menggerunkan ini adalah sebenarnya ditujukan kepada orang ramai yang tidak ditanya, tetapi bentuk pertanyaan yang seperti ini dan jawapannya menambahkan keburukkan pendirian orang-orang yang mempertuhankan 'Isa seorang hamba Allah yang soleh dan mulia itu.

Adalah satu dakwaan yang amat besar yang tidak mampu dilemparkan kepada seorang manusia biasa bahawa ia mendakwa Uluhiyah, sedangkan ia sedar bahawa dirinya hanya seorang hamba. Bagaimana pula hendak dilemparkan kepada seorang rasul yang tergolong di dalam para rasul 'Ulul-'Azmi? Dan bagaimana pula hendak dilemparkan kepada 'Isa putera Maryam yang dikurniakan semua ni'mat ini setelah beliau dipilih menjadi Rasul dan sebelumnya? Bagaimana beliau hendak menjawab pertanyaan dakwaan menjadi Tuhan, sedangkan beliau seorang yang soleh dan jujur?

Oleh sebab itulah beliau menjawab dengan jawapan seorang yang penuh takut, gementar, khusyu', rendah diri dan patuh kepada Allah. Beliau mulakan jawapannya dengan tasbih dan tanzih:

قَالَ سُبْحَٰنَكَ

Jawab 'Isa: "Maha Sucilah Engkau."(116)

Kemudian dengan segera membuat pengumuman membersihkan dirinya secara mutlak bahawa beliau tidak akan tergamak sama sekali mengucapkan kata-kata seperti ini:

مَا يَكُونُ لِىٓ أَنْ أَقُولَ مَا لَيْسَ لِى بِحَقٍّ ۚ

"Tidaklah patut bagiku mengatakan sesuatu yang tidak ada hak bagiku."(116)

Kemudian beliau mempersaksikan zat Allah S.W.T. di atas kebersihan dirinya dari dakwaan itu dan menyatakan rasa kekerdilan dirinya di hadapan Allah, juga menyatakan ciri 'Ubudiyahnya dan ciri Uluhiyah Allah Tuhannya:

إِن كُنتُ قُلْتُهُۥ فَقَدْ عَلِمْتَهُۥ ۚ تَعْلَمُ مَا فِى نَفْسِى وَلَآ أَعْلَمُ مَا فِى نَفْسِكَ ۚ إِنَّكَ أَنتَ عَلَّٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿١١٦﴾

"Andainya aku telah berkata begitu tentulah Engkau mengetahuinya, kerana Engkau mengetahui segala apa yang ada pada diriku, sedangkan aku tidak mengetahui apa yang ada pada diri-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib."(116)

Di waktu ini sahaja dan selepas mengucap tasbih yang panjang barulah beliau berani mengemukakan apa yang telah dikatakan olehnya dan apa yang tidak dikatakannya. Beliau menegaskan bahawa beliau tidak pernah berkata apa-apa kepada mereka selain dari mengisytiharkan sifat 'Ubudiyahnya dan sifat 'Ubudiyah mereka kepada Allah serta menyeru mereka supaya mengabdikan diri mereka kepada Allah:

مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَآ أَمَرْتَنِى بِهِۦٓ أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبَّكُمْ ۚ

"Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa yang Engkau perintahkan kepadaku supaya mengatakannya, iaitu hendaklah kamu sembah Allah Tuhanku dan Tuhan kamu."(117)

Adakah 'Isa a.s. Telah Diwafatkan Allah?

Kemudian beliau berlepas tangan dari mereka selepas kewafatannya. Pengertian yang zahir dari nas-nas Al-Qur'an menyarankan bahawa Allah S.W.T. telah mewafatkan 'Isa putera Maryam kemudian mengangkatnya kepadanya, sementara setengah-setengah athar pula menyarankan bahawa beliau masih hidup di sisi Allah. Oleh itu menurut hemat saya di sana tidak ada sesuatu pertentangan yang boleh menimbulkan apa-apa kemusykilan di antara hakikat

bahawa beliau telah diwafatkan Allah dari hidup di bumi dengan hakikat bahawa beliau yang masih hidup di sisi Allah, kerana para Syuhada' juga mati di bumi, tetapi mereka masih hidup di sisi Allah, tetapi bagaimana gambaran hidup mereka di sisi Allah? Kita tentulah tidak mengetahui kaifiat atau cara hidup di sana. Begitu juga gambaran hidup 'Isa a.s. di sana. Kemudian di sini beliau menyatakan kepada Allah: Sesungguhnya aku tidak mengetahui apakah yang telah belaku kepada mereka sesudah kewafatanku:

وَكُنتُ عَلَيۡهِمۡ شَهِيدٗا مَّا دُمۡتُ فِيهِمۡۖ فَلَمَّا تَوَفَّيۡتَنِي كُنتَ أَنتَ ٱلرَّقِيبَ عَلَيۡهِمۡۚ وَأَنتَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ شَهِيدٌ ﴿١١٧﴾

"Dan Engkaulah yang telah menjadi saksi terhadap mereka selama aku berada di kalangan mereka, kemudian setelah Engkau mewafatkan daku, maka Engkaulah yang menjadi pengawas mereka dan Engkaulah yang menyaksi segala sesuatu."(117)

Kemudian beliau akhiri dengan menyerah bulat urusan mereka kepada Allah di samping menjelaskan sifat 'Ubudiyah mereka kepada Allah Yang Maha Esa, juga menjelaskan kuasa Allah yang dapat memberi keampunan atau mengenakan keseksaan terhadap mereka dan seterusnya menjelaskan hikmat kebijaksanaan Allah dalam menentukan balasan kepada mereka sama ada mengurniakan keampunan atau mengenakan 'azab seksa.

إِن تُعَذِّبۡهُمۡ فَإِنَّهُمۡ عِبَادُكَۖ وَإِن تَغۡفِرۡ لَهُمۡ فَإِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿١١٨﴾

"Jika Engkau meng'azabkan mereka, maka sesungguhnya mereka adalah para hamba-Mu belaka dan jika Engkau mengampuni mereka sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(118)

Alangkah gemilangnya pernyataan seorang hamba yang soleh dalam menghadapi situasi yang amat digeruni ini!

Di manakah orang-orang yang telah menggembar-gemburkan pembohongan yang besar ini, iaitu satu pembohongan yang telah menyebabkan seorang hamba Allah yang suci tampil membersihkan diri darinya dengan penuh ketakutan dan kegementaran dan mengemukakan pemohonan yang patuh dan insaf ini kepada Allah?

Di manakah mereka di dalam situasi dan perhimpunan Qiamat ini? Al-Qur'an tidak menoleh sedikitpun kepada mereka. Mungkin mereka sedang hancur luluh kerana kecewa dan menyesal. Marilah kita tinggalkan sahaja mereka di tempat Al-Qur'an meninggalkan mereka untuk menyaksi babak akhir dari pemandangan Qiamat yang amat menarik ini:

قَالَ ٱللَّهُ هَٰذَا يَوۡمُ يَنفَعُ ٱلصَّٰدِقِينَ صِدۡقُهُمۡۚ لَهُمۡ جَنَّٰتٞ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدٗاۖ رَّضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴿١١٩﴾

"Allah berfirman: Inilah hari orang-orang yang benar mendapat manfa'at dari kebenaran mereka. Mereka memperolehi Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka hidup kekal abadi di dalamnya. Allah redha terhadap mereka dan mereka redha terhadap Allah. Itulah kejayaan yang amat besar."(119)

Maksudnya hari ini adalah hari orang-orang yang benar mendapat manfa'at dari kebenaran mereka. Itulah satu ulasan yang sesuai dengan pembohongan. Para pembohong yang telah menggembar-gemburkan satu pembohongan yang amat besar terhadap seorang-nabi yang mulia dalam persoalan yang paling penting, iaitu persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah, yang mana di atas asas kebenarannya ditegakkan alam buana ini dengan segala isi dan penghuninya.

هَٰذَا يَوۡمُ يَنفَعُ ٱلصَّٰدِقِينَ صِدۡقُهُمۡۚ

"Inilah hari orang-orang yang benar mendapat manfa'at dari kebenaran mereka."(119)

Inilah sepatah kata Tuhan semesta alam pada penghabisan soal jawab yang amat besar di hadapan khalayak manusia seluruhnya. Itulah sepatah kata terakhir di dalam perhimpunan ini, sepatah kata yang tegas dalam persoalan ini bersama-sama dengan balasan yang sesuai dengan percakapan yang benar dan orang-orang yang bercakap benar.

"Mereka memperolehi Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai."(119)

خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدٗاۖ

"Mereka hidup kekal abadi di dalamnya."(119)

"Allah redha terhadap mereka."(119)

وَرَضُواْ عَنۡهُۚ

"Dan mereka redha terhadap Allah."(119)

(Mereka dikurniakan balasan-balasan) darjat demi darjat, Syurga, hidup kekal abadi di dalam Syurga, keredhaan Allah dan keredhaan mereka terhadap balasan dan penghormatan-penghormatan yang diterima mereka dari Allah:

ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴿١١٩﴾

"Itulah kejayaan yang amat besar."(119)

Kita telah menyaksi pemandangan perhimpunan dihari Qiamat itu melalui tayangan Al-Qur'an mengikut cara Al-Qur'an yang unik dan kita telah mendengar sepatah kata Allah yang terakhir. Kita telah menyaksi dan mendengar kerana cara penggambaran Al-Qur'an tidak hanya meninggalkan pemandangan Qiamat itu sebagai sebuah janji yang dijanji dan tidak pula sebagai masa depan yang dinanti-nanti dan tidak hanya sebagaimana kata-kata yang didengari telinga atau dilihat mata sahaja, malah ia merangsangkan perasaan-perasaan manusia dengan pemandangan Qiamat itu dan menjelmakannya dalam bentuk pemandangan fizikal di alam realiti ketika didengari telinga dan dilihat mata.

Tetapi bagi kita selaku manusia yang terhijab kita melihat pemandangan Qiamat itu sebagai satu masa depan yang kita tungguinya pada hari Qiamat nanti, namun bagi ilmu Allah yang mutlak, pemandangan itu telah wujud di dalam realiti, kerana zaman dan hijabnya hanya merupakan tanggapan-tanggapan kita sahaja selaku manusia yang fana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 120)

Di akhir pelajaran ini, iaitu ketika menghadapi pembohongan amat besar yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pengikut seorang rasul yang lain, pembohongan amat besar yang digembar-gemburkan oleh pengikut-pengikut al-Masih 'Isa putera Maryam a.s., iaitu pembohongan yang mengatakan beliau itu Tuhan. Pembohongan itulah yang menyebabkan beliau membersihkan diri darinya dengan pembersihan-yang sesuci ini dan menyerahkan kepada Allah urusan pembohongan kaumnya itu dengan penyerahan yang bulat.

Ketika menghadapi pembohongan ini di akhir pelajaran yang membentangkan soal jawab mengenainya yang begitu menakutkan di dalam pemandangan Qiamat yang amat besar inilah datangnya nada ayat yang terakhir surah ini, di mana diisytiharkan bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang memiliki dan menguasai langit bumi, segala isi dan penghuninya dan hanya Allah sahaja yang berkuasa mutlak tanpa batas di atas segala sesuatu.

"Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan segala isi kandungannya dan Dia berkuasa di atas segala sesuatu."(120)

Inilah pengakhiran kata yang sesuai dengan persoalan Uluhiyah yang agung yang telah digembar-gemburkan di sekitarnya dengan pembohongan yang amat besar. Ia juga sesuai dengan pemandangan Qiamat besar yang mana di sana hanya ilmu Allah sahaja yang mengetahui, di sana hanya Uluhiyah dan qudrat Allah sahaja yang wujud, di sana para rasul kembali kepada Allah dan menyerahkan seluruh urusan mereka kepada-Nya dan di sanalah 'Isa putera Maryam menyerahkan urusannya dan urusan kaumnya kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana yang memiliki dan menguasai kerajaan langit dan bumi, segala isi dan penghuninya lagi Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.

Inilah pengakhiran kata yang selaras dengan surah ini yang telah memperkatakan tentang agama (Ad-din) dan membentangkannya dalam bentuk mematuhi syari'at Allah sahaja, mengadili dan menghukum dengan undang-undang yang diturunkan Allah sahaja kerana Allah adalah pemilik dan penguasa langit bumi dan segala isi dan penghuninya dan oleh itu Dialah sahaja yang berhak mengadili dan menghukum (mengikut syari'at-Nya):

وَمَن لَّمۡ يَحۡكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

"Dan barang siapa yang tidak menjalankan pengadilan dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir."(44)

Semuanya ini merupakan satu persoalan yang sama, iaitu persoalan Uluhiyah, persoalan tauhid, persoalan mengadili dan menghukum dengan undang-undang yang diturunkan Allah. Semuanya bertujuan mentauhidkan Uluhiyah dan merealisasikan konsep tauhid.

* * * * * *